



DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH (HANSARD)

**MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
1444 / 2023**

(JILID II)

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH (HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PADA
HARI KHAMIS, SABTU, ISNIN, SELASA, RABU DAN KHAMIS, SABTU, ISNIN,
SELASA, RABU DAN KHAMIS, SABTU, ISNIN, SELASA, RABU DAN SABTU,
ISNIN DAN SELASA 9, 11, 13, 14, 15, 16, 18, 20, 21, 22, 23, 25, 27, 28 DAN
29 SYAABAN 1444H, 3, 5, DAN 6 RAMADHAN 1444H BERSAMAAN 2, 4, 6, 7, 8,
9, 11, 13, 14, 15, 16, 18, 20, 21, 22, 25, 27 DAN 28 MAC 2023**

**BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dewan Majlis BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama 2023

**2. LAPORAN PENUH (HANSARD) MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA 1444 / 2023
JILID II**

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

BRUNEI Darussalam. Majlis Mesyuarat Negara.

Dewan Majlis : laporan penuh (Hansard) : mesyuarat pertama dari
musim permesyuaratan kesembilan belas Majlis Mesyuarat Negara
1444/2023. (Jilid II). -- Bandar Seri Begawan : Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat, 2023.

602 pages ; 25 cm

ISBN 978-99917-987-8-3 (Paperback)

1. Majlis Mesyuarat Negara -- 2023 2. Legislative councils
3. Legislative bodies -- Brunei Darussalam -- Congresses 4. Brunei
Darussalam -- Politics and government -- Congresses I. Title

328.595504 BRU (DDC 23)

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis

Dayang Siti Ajeerah binti Najib
Pegawai Perhubungan Awam

Yang Mulia Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd. Yassin
Pegawai Tugas-Tugas Khas

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)

Penyusun

Awang Norhakimin bin Nordin
Dayang Susilawati binti Saie
Dayang Zulia'ah binti Haji M0ohd. Zanai
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah

Penyemak

Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail
Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup
Dayangku Aqilah Nursyahidah binti Pengiran Roslan
Awang Haji Omar bin Tunjang
Awwang Haji Moksini bin Haji Durahim

Pemberita Sambilan

Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin
Dayang Fatimah binti Bungsu
Awang Azmy bin Untong
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan
Dayang Rafiqah binti Haji Awang Hamzah
Dayang Norehan binti Haji Nani
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail
Dayang Nuraliza binti Haji Jamaluddin
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit
Pengiran Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Dayang Malini binti Jamali
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim
Awang Mohamad Syahafindey bin Husin
Dayang Salamah binti Haji Saidil
Dayang Siti Nurulidayah binti Haji Jafri
Dayang Nor Hafizah binti Rahim
Dayang Muhidyatunnajihah binti Othman

Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail,
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman
Dayang Sarinah binti Haji Ali
Dayang Hajah Jaranah binti Haji Kula
Dayang Norledyana binti Haji Badar

Catatan harian (Logbook)

Awang Judin bin Haji Mohiddin
Awang Ismail bin Bahrin

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 23 Syaaban 1444 / 16 Mac 2023	
37.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	588
38.	Doa Selamat	591
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Tajuk SJ01A	
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	592
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	594
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	596
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	597
	Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong	599
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	600
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	601
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	602
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	604
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	606
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	608
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	609
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	613
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	618
	Hari Sabtu, 25 Syaaban 1444 / 18 Mac 2023	
39.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	624
40.	Doa Selamat	627
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Tajuk SJ01A	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	628
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	634
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	635
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	635
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	636
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	637
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	638
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	640
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	643
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	644
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	644
41.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
	Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	646
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	665
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	667
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	669
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	680
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	681
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	682
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	684
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	687

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	692
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	694
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	695
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	697
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	701
	Hari Isnin, 27 Syaaban 1444 / 20 Mac 2023	
42.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	703
43.	Doa Selamat	706
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
	Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	707
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	713
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	716
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	723
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	724
	Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat	725
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	726
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	727
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	729
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	731
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	731

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	734
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	735
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	740
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	749
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	751
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	761
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	763
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	763
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	764
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	765
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	767
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	768
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	770
44.	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga SL06A	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	771
	Hari Selasa, 28 Syaaban 1444 / 21 Mac 2023	
45.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	781
46.	Doa Selamat	784
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga SL06A	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	785

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
47.	KEMENTERIAN KESIHATAN Tajuk SM01A	
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	791
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	805
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	807
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	807
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	808
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	810
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	813
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	814
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	816
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	821
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	821
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga SL06A	
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	824
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	827
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	834
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	834
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	835
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	838
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	844
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	847
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	849
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	851

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	852
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	857
	Hari Rabu, 29 Syaaban 1444 / 22 Mac 2023	
48.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	861
49.	Doa Selamat	864
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga SL06A	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	866
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	876
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	878
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	879
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	879
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	880
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	881
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	885
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	886
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	887
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	888
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	891
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	893
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	896
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	902

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	903
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	906
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KESIHATAN	
	Tajuk SM01A	
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	909
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	912
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	916
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	917
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	919
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	921
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	923
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	930
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	933
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	933
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	934
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	934
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	935
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	935
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	936
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	937
	Hari Sabtu, 3 Ramadhan 1444 / 25 Mac 2023	
50.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	941
51.	Doa Selamat	944

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
52.	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI SN01A hingga Tajuk SN09A	
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	945
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	958
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	959
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	960
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	967
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	970
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	971
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	973
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	976
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	978
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	979
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	983
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	983
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	985
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	986
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	987
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	988
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	989
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	990

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	991
	Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat	992
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	993
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	993
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	997
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	998
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	999
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	1000
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	1001
	Hari Isnin, 5 Ramadhan 1444 / 27 Mac 2023	
53.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1004
54.	Doa Selamat	1007
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024	
55.	Tajuk SA01A – KEMAJUAN	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1008
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	1012
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1013
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	1014
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	1014
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1015
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	1015

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1017
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	1018
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	1019
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1019
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	1020
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1021
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	1021
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	1022
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	1023
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1024
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	1025
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	1026
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	1026
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1027
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	1027
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1028

56. PERKARA VII– KETETAPAN

SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2023/2024 DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU
(Bacaan Kali Ketiga)

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1029
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	1030
57.	KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	1031
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	1032
58.	KETETAPAN DI BAWAH BAB 4 CERAIAN 2 DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136)	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1032
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	1033
59.	PERKARA VIII – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	1034
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	1039
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	1043
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	1049
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	1051
	Hari Isnin, 6 Ramadhan 1444 / 28 Mac 2023	
60.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1055
61.	Doa Selamat	1058
	SAMBUNGAN PERKARA VIII – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf	1059
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	1063

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	1069
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	1073
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	1076
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	1078
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	1081
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	1085
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	1087
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	1089
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	1092
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	1095
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	1095
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	1097
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	1099
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	1104
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	1106
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	1108
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	1110
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	1114
62.	JAWAPAN BERTULIS KEMENTERIAN PENDIDIKAN	1119

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 23hb. Syaaban 1444H/16hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang)

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kesebelas, Isnin, 23hb. Syaaban 1444 bersamaan 16hb. Mac 2023, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ أَكْفَدُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat lagi sama-sama hadir pada petang ini bersidang bagi hari yang kesebelas dalam Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang Rang Undang-Undang ini telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun bermesyuarat selama 11 hari manakala masih banyak lagi tajuk kementerian-kementerian yang perlu diteliti dan dibahaskan untuk diluluskan kerana tidak lama lagi kita akan menyambut ketibaan bulan Ramadan yang maha suci itu.

Maka saya berharap supaya Mesyuarat Jawatankuasa dapat disegerakan sebelum waktu yang dimaksudkan dan biarlah kenyataan iaitu soalan-soalan yang akan diajukan tepat dan bertumpu kepada isu yang kita maksudkan.

Pada petang semalam, Mesyuarat Jawatankuasa sudah mula meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bersama saya masih ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa tahun kewangan kita akan menjelang tidak lama lagi. Ertinya, 1hb. April 2023 kita akan memasuki tahun kewangan yang baharu. Sebelum tahun kewangan yang baharu, kita perlu menyelesaikan masalah yang kita hadapi ini supaya perjalanan kerajaan akan dapat berjalan dengan lancar.

Untuk itu saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola ada 3 soalan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai di bawah Kod 001/002 - Pengurusan Haji. Menurut senarai terkini syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej Haji dan Umrah yang telah dikemaskinikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 4hb. Mac 2023 yang pihak kementerian telah memberikan kebenaran kepada 8 buah syarikat pelancongan di negara ini untuk mengendalikan pakej-pakej Haji dan Umrah dengan menggunakan Visa Umrah dan Visa Pelancong bagi tempoh 3 tahun dari 2022 hingga 2024. Manakala 7 buah syarikat lagi telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan pakej Umrah menggunakan visa pelancong sahaja.

لِلَّهِ الْكَرَّمُ perkembangan ini menunjukkan adanya peningkatan kesedaran umat Islam di negara ini terhadap penghayatan ajaran-ajaran Islam sebagai cara hidup menerusi pelaksanaan amalan-amalan sunat seperti ibadah umrah ini. Soalan kaola:

- i. Apakah kriteria-kriteria yang membolehkan 8 buah syarikat berkenaan diberikan kebenaran untuk mengendalikan ketiga-tiga kategori, iaitu pakej Umrah, Pakej Haji Pakej Umrah menggunakan Visa Umrah dan Pakej Umrah

menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi?;

- ii. Bagaimanakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama membantu syarikat-syarikat lain untuk mencapai tahap yang sama? Kaola berpandangan jika lebih syarikat yang diberikan kebenaran mengendalikan pakej-pakej Haji dan Umrah ini akan meningkatkan daya saing antara syarikat-syarikat berkenaan untuk terus komited menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dengan kos-kos yang berpatutan, membukakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Kaola juga sukacita mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji mengeluarkan *standard minimum* pengurusan perkhidmatan Haji dan Umrah untuk panduan para pengurus syarikat dan memastikan pematuhan *standard minimum* tersebut demi kesejahteraan jemaah agar dapat melaksanakan ibadah-ibadah tersebut dengan sempurna.

Ini sesuai dengan peranan Jabatan Urusan Haji sebagai pemudah cara dalam pengendalian urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah Haji dan Umrah di negara ini dan juga

bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai status perkembangan pengurusan Haji dan Umrah kepada pihak pengurus syarikat dan masyarakat awam untuk mengelak dari sebarang kekeliruan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Seterusnya, kaola mengambil kesempatan untuk mengungkapkan sokongan kaola mengenai cadangan untuk mengembangkan pelaburan hartanah negara di Makkah dan Madinah bagi meningkatkan ekonomi negara dan memastikan kesejahteraan rakyat yang mengerjakan ibadah Haji dan Umrah sebagaimana yang telah diusulkan oleh Yang Berhormat untuk difikirkan oleh pihak berkepentingan.

2. Merujuk *KPI* berkaitan jumlah kes baharu jenayah syariah direkodkan setiap tahun iaitu sasarannya penurunan sebanyak 3% setiap tahun. Persoalan kaola, apakah inisiatif pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan sasaran penurunan sebanyak 3% ini dapat dicapai? Bolehkah dikongsikan kategori kes-kes jenayah yang telah disabitkan mengikut Hukuman Kanun Jenayah Syarii?;
3. Kemusykilan yang dibangkitkan oleh orang ramai:

- i. Kaola memohon pencerahan mengenai garis panduan berkaitan pakaian sopan khusus bagi kaum hawa kerana melihat kepada *trend* pakaian masa kini, ada segelintir kaum hawa yang sengaja berpakaian kurang sopan di khalayak ramai.;
- ii. Masih ada penggunaan gimnasium bercampur antara lelaki dan perempuan dalam masa yang sama. Justeru, kaola mencadangkan agar dikuatkuasakan untuk diasingkan masa penggunaan bagi kaum lelaki dan perempuan sesuai dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang diamalkan.; dan
- iii. Mengenai cukai. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menggunakan cukai import dengan mengenakan jumlah bayaran cukai yang dikenakan. Contoh cukai yang ditetapkan sebanyak \$1.10 akan dibayar genap \$2.00. Bermakna pembayar cukai dikehendaki membayar tambahan \$0.90 daripada jumlah cukai yang sepatutnya dibayar. Peraturan ini terkandung dalam *Customs Import Duties Order 2007* yang menyatakan, *exceeds one dollar and includes a fraction of a dollar, the fraction shall be treated as a complete dollar.*

Kaola memohon pencerahan apakah pandangan Islam mengenai bayaran tambahan yang dikenakan itu? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Yang Berhormat membilang / menghitung soalan-soalannya begini 1,2,3 tetapi kalau 'diurut-urut' lebih dari 1,2,3 yang dihitung kerana soalan itu berantai istilah kaola.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mana yang kaola dapat menjelaskan kerana perkara-perkara ini sebahagiannya ada yang berhubung dengan pihak-pihak berkuasa yang lain di luar daripada bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Berhubung Haji, secara ringkas kaola dapat menyatakan, kebenaran memang sedia diberikan kepada *operator* yang kementerian menyebutnya *operator* Haji dan Umrah dalam tempoh-tempoh tertentu. Tetapi bagi mereka meng*execute* atau melaksanakan kebenaran yang mereka perolehi ini, mereka lebih dahulu meminta kebenaran membawa pada musim itu untuk melakukan Umrah. Haji memang diketahui.

Ini bertujuan untuk kawalan, ertinya tidak terjadi apa-apa yang tidak diingini berlaku ke atas jemaah atau atas pakej-pakej yang berkenaan yang tidak lebih

dahulu diketahui oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Jabatan Urusan Haji.

Syarat utamanya mereka itu mestilah pemegang Lesen Mengendalikan Urusan Pakej Haji dan Umrah, pemegang lesen itu hendaklah mempunyai kebenaran yang sah dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Itu adalah syarat yang pertamanya, Yang Berhormat Pengerusi.

Untuk itu, Jabatan Urusan Haji berperanan mengeluarkan kebenaran kepada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen ejen pelancongan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Mereka berhasrat untuk mengadakan pelancongan biasa lesennya tetapi untuk Umrah mesti ada *detailnya* kepada Jabatan Urusan Haji. Setelah kebenaran tersebut ada, akan dilakukanlah sebagaimana ditawarkan kepada jemaah-jemaahnya. Kawalan terhadap syarikat-syarikat pengendali sedemikian ini adalah semata-mata untuk masalah syarikat itu sendiri. Terutama sekali masalah jemaahnya.

Jabatan Urusan Haji dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sentiasa membantu syarikat-syarikat pengendali, ini adalah usaha niaga yang baik dan ada kaitan dengan ibadat. Maka Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Urusan Haji akan sentiasa melakukannya. Jadi perkara-

perkara sedemikian itu, sama-samalah kita memahami. Kalau peraturan-peraturan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat sudah berlesen, peraturan-peraturan itu adalah peraturan dari segi pelaksanaan lesen untuk membolehkan mereka mengumpulkan jemaah-jemaahnya. Tapi pelaksanaannya, bagaimana, hendaklah lebih dahulu diketahui oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Secara ringkas, kaola dapat sebutkan sedemikian dahulu Yang Berhormat Pengerusi. Berhubung dengan bagaimana membantu syarikat-syarikat lain untuk meningkatkan daya saing. Ini satu perkara kalau kita mengetahui ada syarikat lebih banyak teorinya sedemikian, banyak saingan akan banyak peluang kepada pengguna-pengguna tapi ini terpulang kerana Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak menghadkan bilangannya untuk tempoh sekian-sekian.

Ertinya, terpulang kepada mana-mana syarikat pelancongan yang merasakan mereka boleh melaksanakan operasi untuk membawa jemaah-jemaah, jika sedemikian, ada kebenaran tiada halangan daripada kerajaan ataupun kepada pihak kementerian.

Pengurusan mengerjakan Haji ini, Yang Berhormat menyokong saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam supaya kerajaan kita menimbangkan untuk menjamin adanya pelaburan hartanah, rumah-rumah

ataupun hotel-hotel yang dipunyai oleh kerajaan dan ia berupa sebagai suatu pelaburan yang dikira menguntungkan dan kita juga sudah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bahawa kita ada hotel, ada pelaburan di sana. Mungkin perkembangannya akan kita lihat seterusnya.

Yang penting, kerajaan memberi perhatian perkara ini. Jenayah syariah menurun, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** tetapi kaola meminta maaf Yang Berhormat Pengerusi, tidak dapat memberikan *detail*nya. Kaola minta tangguhlah perkara ini. Penurunannya bagaimana, apa *trend*nya, apakah penurunan angka-angka sama ada angka yang dilaporkan dan diselesaikan di mahkamah atau *NFA*. diketahui tiada rekodnya dan sebagainya, maknanya kaola terpaksa merujuk data-data yang berkenaan.

Pakaian sopan bagi kaum hawa, apa sukat-sukatnya 'ani yang payah ni'. Bagi sukat-sukat orang Islam, pakaian sopan bagi kaum hawa ialah menutup aurat. Menutup aurat itu ada sukat-sukatnya. Adakah kita menyatakan mengenai sejauh mana kesopanan itu kalau dari segi hukum syaraknya ialah memenuhi ketetapan menutup aurat.

Berhubung dengan apa yang kita nampak terjadi sekarang ini, apakah sopan atau tidak sopan 'payah jua' Yang Berhormat Pengerusi, *very relative*. 'Ada yang mengatakan salah sudah ni' dari segi syaraknya salah. Dari segi undang-

undangnya macam mana, itu mesti kita lihat. 'Janganlah barangkali orang kuai-kuai, inda senonoh'.

Dalam hal ini, ada kaitan dengan gimnasium, dengan ini mungkin juga merujuk pihak yang berkenaan. Apakah lesen di tempat-tempat yang sedemikian itu mensyaratkan waktu yang terpisah bagi penggunaan antara lelaki dan perempuan, dapat kaola minta 'limut' Yang Berhormat Pengerusi.

Pembayaran cukai itu pun kalau ditanyakan kaola perkara yang berhubung dengan hukum dari segi fatwa ataupun irsyad. Kementerian Hal Ehwal Ugama bukanlah berautoriti dalam perkara itu, Yang Berhormat Pengerusi. Perkara itu sama ada pihak kementerian boleh merujuk atau Yang Berhormat merujuk kepada yang berkenaan. Sekian, terima kasih. **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memberikan mukadimah semalam yang begitu jelas dan terang.

Kaola ingin menyentuh di bawah Akaun 002/000 – Pemeliharaan (Promosi) Ugama – 002/002- Pentakmiran Masjid.

Ada dinyatakan dalam pemeliharaan mempromosi agama pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama menetapkan objektif untuk memastikan penyebaran dakwah syiar Islam yang berkesan dengan memperkasakan budaya dan amalan penghayatan beragama sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi selaras dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Berkaitan Program Pentakmiran Masjid, kaola menyarankan:

1. Peranan masjid diperkasa sebagai pusat penyebaran ilmu dan dibekalkan dengan rujukan ilmiah dan capaian *Internet* bagi menarik golongan belia dan remaja hadir ke masjid untuk mengikuti program-program yang dianjurkan seperti Malam Munajat Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh negara, tahniah kaola ucapkan.;
2. Memperkasa peranan Imam dalam menyampaikan dan menegakkan syiar Islam terutama semasa solat Jumaat. Imam-Imam diberikan pendedahan untuk membaca khutbah dan mengimam solat Jumaat di masjid-masjid yang berlainan dalam satu mukim tertentu. Ini akan memberikan pengalaman yang lebih meluas kepada para Imam dan jemaah.;
3. Penghargaan khas kepada golongan yang sama-sama berperanan mentakmirkan masjid yang terdiri daripada para Imam dan jemaah dengan pelbagai kategori seperti warga emas, belia dan remaja.;
4. Pelapis-pelapis Imam. Kaola mengambil maklum ada masjid yang melantik pelapis Imam dari kalangan orang-orang awam. Dalam hal ini, kaola mencadangkan agar pelapis-pelapis ini diberikan kursus yang bersesuaian dengan bidang tugas serta tanggungjawab seorang Imam untuk memastikan tugas mereka dapat dilaksanakan dengan sempurna.;
5. Dalam pentakmiran masjid. Kaola mencadangkan supaya guru-guru agama terlibat secara aktif dalam apa-apa juga kegiatan yang diadakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid, kalau boleh, mereka menjadi contoh kepada belia dan pelajar mereka. Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan di masjid diambil kira dalam penilaian mereka sebagai insentif kepada guru-guru agama ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada lebih baik kaola jawab soalan penghabisan dulu kerana senang kaola ingat iaitu supaya guru-guru agama terlibat dalam kegiatan-kegiatan

masjid dan penglibatan mereka itu dikira dalam *performance appraisal* mereka sebagai guru.

Ini adalah suatu saranan yang mungkin berupa terbuka kepada awam untuk menilainya dan kaola rasa penilaiannya kalau dikira banyak yang *pros* tentu ada yang mengharapkan sedemikian itu Yang Berhormat Pengerusi.

Harapan sedemikian itulah harapan dari kementerian sendiri juga kerana setiap anggota daripada warga kementerian terutama sekali yang mempunyai kelayakan-kelayakan mengajar dan sebagainya. Ertinya mendapat tempat dihati masyarakat sebagai orang yang dipercayai dalam perkara agama kerana mereka itu guru untuk terlibat dalam hal-hal kemasyarakatan kampung dan sekitar tadahan sekolah.

Dalam tadahan sekolah itu ialah masjid. Masjid itu ada tadahannya namanya kariahnya termasuk sekolah. Jadi ada baiknya yang 'kitani' harapkan terutama sekali mereka akan aktif dalam Jawatankuasa Takmir Masjid, itu yang 'kitani' harapkan. Dengan sedemikian akan lebih banyak lagi idea yang dapat dikumpulkan oleh jawatankuasa untuk mentakmirkan masjid.

Jadi pentakmiran masjid ini ada kaitan dengan beberapa program yang antaranya didengar daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebelum ini, mendetaikan atau mencadangkan beberapa program yang disarankan dan kaola semalam menyambut baik. Tinggal

saja lagi sekarang ini kita dalam permesyuaratan, ada baiknya idea sedemikian nanti Yang Berhormat sudah tentu ada *basenya* kampung Yang Berhormat. Dalam erti kata kalau orang menyebut 'akar umbi', tidak 'kitani' menyebut sebagai penyokong-penyokong kerana 'galak' bunyinya.

Sebagai akar umbi untuk bersama-sama memikirkan, yang 'kitani' ketahui kegiatan yang sudah teratur pada masa ini, belia dan muslimahnya dan beberapa program yang diatur oleh pegawai-pegawai masjid itu sendiri. Untuk memperbanyakkan dan lebih menyusun baik, mungkin idea baru dalam kalangan yang baharu terlibat adalah sangat dialu-alukan Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Imam-Imam ini patut diperkasakan, ia dari semasa ke semasa Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya Yang Berhormat tidak menafikan perkara itu dalam kenyataannya tadi, memang ada tetapi memperkasakannya itu sampai mesti dinilai sejauh mana keberkesanannya.

Keberkesanannya itu sebagaimana yang 'kitani' fahamkan, ia akan dapat dilihat pertama dalam tugas-tugasnya sebagai Imam dan memimpin jemaah, bukan memimpin dalam sembahyang fardu sahaja. Memimpin jemaah kerana tugas-tugas Imam itu ditentukan oleh aturan kerja mereka yang diatitkan antaranya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid.

Itu merupakan suatu kegiatan dan cara kepimpinan. Itulah antara yang dikursuskan dan difahamkan kepada mereka dari semasa ke semasa, dari segi bacaan biasa, الْقَائِمَة dan ayat-ayatnya dan dari segi bacaan khutbah, semua itu adalah diteruskan. Itulah sahaja kitani akan melihat sejauh mana rancangan-rancangan ini untuk selalu dinilai keberkesannya Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Imam-Imam pelapis. Kalau bagi kementerian adalah bagi memberi peluang semasa cuti universiti ataupun cuti sekolah kepada penuntut-penuntut daripada pengajian tinggi ataupun bekas graduan-graduan yang belum mempunyai pekerjaan tetap untuk diambil sebagai pelapis mengikut keperluannya. Kalau kaola dapat mengatakan skim elaananya ditentukan Yang Berhormat Pengerusi, kalau Imam \$20 sehari, Bilal \$10 sehari, ada aturannya.

Ini boleh dilaksanakan oleh masjid-masjid itu sendiri mengikut keperluan mereka. Tambahan pula jika mereka itu mempunyai rezeki yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan ini, mereka adalah digalakkan untuk berusaha sedemikian itu.

Pengisian jawatan-jawatan Imam terus menerus dilakukan tapi pengisian-pengisian itu, pegawai-pegawai masjid, Imam berbagai tingkat, Bilal dan juga sampai kejawatan bawah pun berterusan Yang Berhormat Pengerusi. Keperluan itu ada dan cara kita mengisikan adalah

diteruskan walaupun prosesnya itu tidaklah dalam tempoh yang sangat kita harapkan dalam setahun, 3-4 tahun misalannya.

Penghargaan ini barangkali Yang Berhormat teringat akan adanya anugerah bermacam-macam dahulu, seperti Anugerah Masjid Cemerlang yang dikira atau diukur daripada kegiatan-kegiatan mereka, Anugerah Imam Cemerlang dan Bilal Cemerlang.

Anugerah ini akan diberikan juga kepada Jawatankuasa Takmir Masjid tetapi perkara ini sudah lama 'inda kedangaran' lagi. Ada baiknya didengar sekarang dalam majlis ini dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, supaya Jabatan Hal-Ehwal Masjid khasnya akan menilai keperluannya.

Pada masa lalu sangat *grand* majlis penyampaianya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam acara Sambutan Israk dan Mikraj.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, setakat ini sahaja yang dapat kaola jawab. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ
 رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ
 لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
 sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi.
 اللَّهُ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Negara Brunei Darussalam
 melalui Majlis Ugama Islam Brunei,
 Kementerian Hal Ehwal Ugama telah
 banyak memberikan tauliah kepada para
 dai (داعي).

Kaola ingin bertanya:

1. Apakah para dai (داعي) diberikan juga tauliah kepada warga asing yang berada di negara ini?; dan
2. Apakah pihak Majlis Ugama Islam Brunei sentiasa memantau ahli-ahli dai (داعي) ini termasuk pensyarah-pensyarah yang didatangkan dari luar negeri?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhomat.

Ini salah satu daripada cara kita menggiatkan dakwah, tidak semata-mata dilakukan oleh orang berjawatan dalam bidang-bidang tertentu terutama sekali di Pusat Dakwah Islamiah. Orang ramai memerlukan pendakwah-

pendakwah atau yang disebut dai (داعي) dari orang luar daripada negara kita.

Bahkan di luar daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, ada yang sudah kita sebut sebagai dai (داعي) dari kalangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, bahkan dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Islam dan juga orang-orang yang sudah berkelulusan sedemikian. Maka untuk menampung keperluan-keperluan ini, kebenaran diberikan untuk orang ramai meminta untuk dirinya atau meminta bagi suatu musim tertentu bagi seseorang itu menyampaikan tazkirah, ceramah atau mauizah dan sebagainya.

Untuk itu, bagi kawalannya, tauliah itu ialah untuk memastikan orang yang akan melaksanakan tugas-tugas sebagai dai (داعي) itu, sama ada dai (داعي) untuk menyampaikan ajaran-ajaran agama atau dai'e yang menyampaikan motivasi-motivasi sahaja. Ada dai (داعي) yang disebut secara luas, merangkumi tauliah sama ada terus menyampaikan ajaran agama ataupun menjadi guru seperti guru Al-Quran, dari semasa ke semasa dai (داعي) yang datang ke negara ini semuanya dikehendaki untuk bertauliah.

Jika dai (داعي) dari dalam negeri, tauliahnya dinilai dari setahun ke setahun untuk disambung atau sebaliknya. Dalam hal ini, keperluan masyarakat dapat tertampung dan sejauh ini tidak ada masalah berat yang dihadapi oleh jawatankuasa sebagai penasihat untuk tauliah itu diberikan kerana pemohon-pemohon pada hakikatnya adalah orang

yang berkelayakan, cuma untuk dipastikan dan diperingatkan had-had mana yang mereka sedia mengetahui, bukan sahaja mengenai hukum-hakam, amalan-amalan dan kefahaman Islam kita di Negara Brunei Darussalam supaya tidak terkeluar daripada agama.

Jika ada dai (داعي) yang dijemput hadir dari luar negeri juga dikenakan syarat sedemikian dan diberikan garis panduan sama ada lebih awal atau semasa mereka berada di sini ataupun jika mereka itu sudah berkali-kali datang ke Negara Brunei Darussalam, itu lebih mudah. Iaitu dilihat sahaja daripada rekod laporan mereka, sama ada mereka mempunyai masalah berbangkit ataupun tidak, jika tidak ada, maka lebih mudah lagi urusannya. Jadi yang dikhuatirkan ini adalah ada dai (داعي) dari luar dan ada orang kita yang berkecenderungan untuk mendapatkannya bagi sesuatu perhimpunan atau perkumpulan. Maka inilah yang menjadi perhatian Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Jika mereka sudah ada rekod baik dalam pendakwahannya, sangat menarik, itu adalah satu kelebihan tetapi kita juga melihat rekod-rekod yang ada di luar negeri, mengenal pasti mereka itu, apa kecenderungannya dan bagaimana. Kadang-kadang kita tidak tahu, hanya mengetahui dia sudah tersohor namanya dan terpakai dalam bidang-bidangnya terutama sekali dalam bidang motivasi dan sebagainya tetapi ada rekod-rekod lain yang perlu kita ketahui.

Mujurlah pada zaman ini, kita boleh melihat dari *Internet* untuk mengetahui perkara-perkara yang sedemikian itu. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan di bawah Tajuk SJ01A-Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan rancangan dan perancangan perbelanjaan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024. Kaola ada dua soalan Yang Berhormat Pengerusi iaitu:

1. Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan masjid di kawasan Pekan Belait yang ketika ini tidak mampu menampung jumlah jemaah yang semakin bertambah terutama sekali pada waktu-waktu puncak seperti Solat Jumaat dan Hari Raya. Kaola ingin tahu apakah ada perancangan untuk membina masjid-masjid baharu di kawasan berkenaan?; dan
2. Kaola menerima permintaan daripada orang ramai bagi menyuarakan berkenaan bantuan perbelanjaan

menunaikan ibadah Haji kepada saudara-saudara baharu iaitu mu'alaf.

Apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk memohon bantuan mengerjakan ibadah Haji bagi saudara-saudara baharu dan jika ada dalam kalangan saudara-saudara baharu sudah menunaikan ibadah Haji dengan menggunakan perbelanjaan sendiri, apakah boleh memohon bantuan ini?

Kaola ingin pencerahan berkenaan dengan usaha-usaha pihak kerajaan bagi membantu menstabilkan harga tambang dan pakej perbelanjaan menunaikan ibadah Haji dengan harga yang sederhana atau terjangkau sekurang-kurangnya memberi peluang kepada orang ramai memilih sebagai alternatif daripada pakej-pakej yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali mengenai Haji yang meminta kementerian untuk berusaha menjamin atau berusaha ke arah mengurangkan harga pakej Haji pada masa ini yang setahun demi setahun bertambah.

Perkara ini jadi perhatian kementerian dan usaha-usaha yang terakhir dalam perkara ini adalah kementerian sudah mencadangkan untuk ditubuhkan sebuah Jawatankuasa *Ad hoc* dengan pelbagai agensi, bukan sahaja Jemaah Penasihat Haji yang memang sedia ada tetapi

di luar daripada itu mungkin ada *idea* atau ikhtiar lain yang boleh dirumuskan oleh semua pihak yang berkenaan dalam *Ad hoc* tersebut.

Ad hoc tersebut dua peringkat iaitu peringkat operasinya iaitu bagi jawatankuasa setiausahanya dan setelah ada sokongan-sokongan akan diangkat kepada yang lebih tinggi lagi untuk sokongan-sokongan yang seterusnya. Tetapi dalam urusan Haji ini kita mesti menimbang juga apa yang akan dilakukan di tempat yang kita lakukan, kita sampai di Jeddah, di Makkah atau Madinah, tempat-tempat itu adalah hotel. Itu yang penting. Kemudian bila sampai untuk hari mengerjakan Haji sebenar-benarnya iaitu di Arafah dan Mina dan lagi satu perkara yang sangat difikirkan.

Hal-hal macam ini nampaknya *trend*. Harga ini bukan sahaja ditetapkan oleh operator-operator di luar daripada Makkah atau Madinah tapi ditetapkan mengikut keadaan di sana. Harga-harga sudah melambung tinggi.

Hal sedemikian itu, ada yang tidak dapat dikuasai dan tidak dapat dijamin. Tapi sejauh ini Tambang Haji tidak memberatkan. Tahun lepas dan tahun sebelumnya pun **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** sama dan pada tahun ini belum lagi diketahui tapi dipercayai tidak membebankan. Usaha-usaha setakat ini adalah untuk memikirkannya.

Mudah-mudahan pemikiran akan ditaufikkan oleh **وَتَعَالَى اللَّهُ** dan

sekurang-kurangnya dapat mencari beberapa cara untuk menyampaikan hajat kita. Kaola tahu ada dalam kalangan kita sudah mendengar berbagai-bagai cara disarankan di luar negara untuk Haji yang akan datang ini.

Kita perhatikan sejauh mana cara itu praktikal atau tidak, akan dilihat juga oleh Jawatankuasa *Ad hoc* tersebut. Dari segi tambang dan sebagainya. Tambang itu kaola nyatakan tidaklah sangat mengkhawatirkan kerana tambang itu kalau melihat kepada *trend* dua tahun terakhir tidak ada kenaikan. Bantuan kepada saudara-saudara baharu, ada bantuan bagi mereka.

Dalam erti kata Skim Kurnia Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi saudara-saudara baharu yang memeluk agama Islam tidak kurang 10 tahun dengan syarat-syarat yang ditentukan iaitu bagi lelaki berumur tidak kurang 40 tahun dan bagi wanita berumur tidak kurang 45 tahun.

Mereka akan ditentukan dari segi kelayakan dan kebolehan, ada jawatankuasa yang menimbang, menilai dan menentukan ketentuan-ketentuannya daripada sebegitu ramai pemohon. Mereka akan ditentukan secara adil *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Ini sesuai dengan peraturan-peraturan yang berjalan pada masa dahulu di Saudi Arabia tetapi pada masa ini dibebaskan sahaja.

Kita melihat dari segi banyak aspek kebajikan bahkan aspek syarak. Bagi kita, mereka yang belum akil baligh misalannya bukan wajib baginya menunaikan Haji. Yang pasti mereka itu belum pernah menunaikan ibadah Haji. Namanya bantuan, sudah naik Haji maka sudah selesailah rukun Islam yang kelima Kalau ada yang sedemikian berlaku ataupun layak, bolehlah mereka mengemukakan kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei.

Berkenaan dengan masjid di kawasan Daerah Belait. Kawasan Daerah Belait ini sebenarnya dalam RKN-11 termasuk ada kawasan Mumong dan Lumut, Setia. Kalau di Lumut *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* minggu depan pada 23hb. Mac 2023, kaola dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan meletakkan batu asasnya di Lumut. Di Panaga, ada rancangan-rancangan termasuk dalam cadangan senarai kementerian tetapi tidak termasuk dalam perancangan di bawah RKN.

Walau bagaimanapun, kira-kira 2 tahun yang lalu ada hamba *اللَّهُ* yang telah menghubungi Majlis Ugama Islam Brunei yang berniat dan berhajat untuk mewakafkan pembinaan sebuah masjid dan tempatnya pun dipilih di Panaga, Setia. Tetapi akhir-akhir ini, orang yang berkenaan itu setelah mendapat kebenaran daripada majlis telah minta tangguh atas sesuatu perkara tertentu. Mudah-mudahan kaola dapat merangkum jawapan-jawapan kepada soalan Yang Berhormat

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi Yang Berhormat akan sambung?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola rasa yang kaola ingat dalam catatan kaola ini, soalan Yang Berhormat setakat itu saja. Mungkin kalau ada tertinggal, akan kaola jawab kemudian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ
الْاَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ
اَجْمَعِیْنَ

Tidak dapat dinafikan Majlis Ugama Islam Brunei adalah antara institusi atau organisasi yang strategik di Negara Brunei Darussalam. Bidang tugasnya meliputi perkara-perkara yang mempunyai dan memberikan impak besar kepada sosioekonomi negara ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sebagaimana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai dengan Jabatan Zakat akan ditubuhkan tidak lama lagi, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan memfokuskan kepada pengurusan Zakat Baitulmal dan Wakaf.

Terdapat banyak kajian atau penyelidikan yang dikendalikan oleh

pakar-pakar profesional ekonomi dan kewangan Islam serantau dan antarabangsa yang ternama yang menyatakan bahawa adalah lebih efektif atau efisien dan berkesan jikalau ia ditadbir dan diurus melalui badan berkanun dengan diurus tadbir oleh pakar-pakar profesional seperti pakar pengurusan dan kewangan yang tertentu. Pendekatan ini telah diguna pakai di negara-negara jiran 'kitani' seperti di Malaysia dan Singapura yang sistem pengurusan dan pentadbiran Zakat Baitulmal dan Wakaf mereka boleh dicontohi atau diteladani sebagai *benchmark*.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sepertimana dilaporkan dalam media massa, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan lawatan ke Malaysia dan Republik Singapura pada 30hb. Januari hingga 7hb. Februari 2023 lepas dengan diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam.

Perbincangan juga telah diadakan bersama Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Ugama Islam Selangor, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Majlis Ugama Islam Johor serta anak syarikatnya dan Majlis Ugama Islam Singapura.

Dalam pada itu, sukacita kaola memohon pencerahan mengenai hasil lawatan dan perbincangan berkenaan. Adakah ia akan diguna pakai sistem tersebut dan diamalkan dengan amalan terbaik

terbukti berkesan sepertimana yang dipraktikkan di negara-negara luar termasuk negara-negara jiran 'kitani' yang telah sering dilawati oleh agensi berkenaan. Memandangkan perkara ini sangat-sangat strategik dan memberikan impak besar kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam dan juga kesejahteraan rakyat dan penduduk, mungkin juga perkara ini boleh mendapat pandangan dan ulasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ataupun mungkin juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seterusnya, kaola ingin menyentuh sedikit mengenai kelambatan pemohon menerima keputusan daripada pihak MUIB kepada permohonan-permohonan agihan Asnaf ataupun perumahan. Perkara ini sedang heboh diperkatakan dalam kalangan pemohon, tempat mengadu adalah kebanyakannya kepada ketua-ketua kampung namun apalah kuasa ketua kampung yang cuma dapat membawa perkara tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Setelah disiasat atau ditanya kepada pihak yang berwajib, salah satu sebab yang diberikan adalah kekurangan kakitangan untuk menemu duga disebabkan permohonan semakin hari semakin banyak.

Kalau Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mencadangkan untuk melibatkan belia untuk mengimarahkan masjid dan platform yang ada disediakan

untuk belia masjid adalah dikelolakan oleh masjid. Mungkin untuk solusi sebelum Jabatan Zakat ditubuhkan, kaola mencadangkan kalau masjid ada dengan belia masjidnya, kenapa tidak ditubuhkan atau diadakan belia MUIB bagi masjid-masjid di seluruh negara dan sepertimana belia masjid, belia MUIB ini dikelola oleh pihak masjid dan disokong oleh pihak MUIB khususnya Bahagian Zakat. Peserta-pesertanya boleh terdiri daripada belia masjid ataupun dikhaskan kepada belia MUIB sahaja dan umurnya dihadkan kepada peringkat umur yang difikirkan layak.

Belia MUIB itu nanti akan diberikan bimbingan. Salah satunya iaitu garis panduan bagaimana cara menemu duga pemohon-pemohon. Setelah belia MUIB ini difikirkan sudah layak untuk menemu duga, mereka inilah yang akan ditugaskan untuk menemu duga pemohon dari persekitaran mereka. Oleh sebab mereka penduduk setempat, apabila ditugaskan, mereka ini sedikit sebanyak mengenali penduduk di persekitaran mereka ini dan akan memudahkan menjalankan tugas yang diberikan.

Kita fikirkanlah untuk memberikan imbalan yang berpatutan kepada belia ini berdasarkan perolehan tugas yang diberikan. Mungkin cadangan ini akan dapat mengatasi serba sedikit isu kelambatan ini. Sekian saja, semoga cadangan ini ataupun sekiranya dimanfaatkan akan bermanfaat kepada jabatan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat ada menyebut tadi Majlis Ugama Islam Brunei dan dihubungkan dengan kedudukan yang strategik.

Memang Majlis Ugama Islam Brunei sebagai satu lembaga yang mengikut perlembagaan sebagai badan yang tertinggi menyebarkan menasihat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam perkara agama.

Tetapi bukan yang kaola fahamkan dari pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu tadi, kalau dilaratkan kepada zakat ataupun sebagainya ia dua perkara yang berbeza.

Majlis sebagai satu lembaga, tidak pernah kita memikirkan untuk menjadikannya sebagai satu koperasi atau sebagai satu entiti swasta. Kalau di Semenanjung Malaysia yang sedemikian masih dalam pegangan kerajaan ataupun hal-ehwal Islam iaitu JAKIM dan di negeri-negeri dengan Majlis Agama Islamnya yang di bawah sultan atau rajanya.

Yang kita fikirkan untuk penswastan sistem Zakat dan Wakaf itu ialah demi efisiensi dan demi mendapatkan hasil yang sebaiknya.

Inilah sudah berlegar dalam beberapa tahun terakhir ini sebagaimana dalam pembentangan kaola dan disebutkan tadi lawatan-lawatan telah dibuat. Memang sebenarnya hajat ke arah idea pelaksanaan untuk kemungkinan menswastakan Wakaf dan Zakat ini.

Kalau seimbaskan lalu yang dapat kaola baca laporannya sangat positif untuk memilih beberapa *model* yang boleh difikirkan untuk dilakukan, dengan peringatan bahawa ia tetap mengikut peraturan-peraturan, hukum-hukum syarak dan undang-undang yang berjalan di negeri ini.

Yang mempergunakan sistem Zakat dan Wakaf adalah masih diperakukan dan dibuktikan di negara-negara yang dilawati bahawa ia sangat menyumbang kepada sosioekonomi negara.

Walaupun hasilnya tidak langsung kepada fiskal kerajaan dan tidak langsung kepada *treasury* tetapi ia merupakan satu *entity social* yang dapat menampung keperluan-keperluan negara seperti sekolah, masjid dan bahkan dalam jangka panjang banyak perkara yang dilakukan dari hasil wakaf yang terurus secara *professional*.

Itulah yang kita hajatkan bahawa ia terurus oleh pihak-pihak yang berkenaan yang mahir dalam bidang-bidang pelaburan, urus niaga dan sebagainya.

Itulah perlu dilihat dan mudah-mudahan perkara itu ditaufikkan oleh الله ke arah

pelaksanaannya seperti yang kita hajatkan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Perlu diingat bahawa yang akan diswastakan itu bukan MUIB tetapi bagaimana pengurusan Zakat dan Wakaf supaya ia mendatangkan impak yang lebih besar.

Zakat pada masa ini dengan pendapatan \$17 juta ke \$18 juta sudah menampung jumlah orang miskin yang hampir 17 ke 18 ribu atau dalam 3 ribu atau 4 ribu keluarga. Ini sudah menampung dari segi agihan kepada Asnaf dan ia juga meringankan peruntukan yang diberikan kepada JAPEM, KKBS. Kalau bertumpu ke JAPEM semuanya, tinggi peruntukan JAPEM.

Isu yang ketiga yang disebutkan ialah kelambatan. Kelambatan ini kaola angkat tanganlah walaupun dalam TPOR ditetapkan sekian-sekian harinya. Alasan pertama kekurangan itu biasalah.

Kekurangan itu sudah pun diusahakan untuk diisi bukan dengan isi jawatan-jawatan yang *established* tetapi ada diperuntukkan orang yang berdaftar dan ditempatkan di jabatan-jabatan atau pihak-pihak tertentu. Ini orang-orang yang belum bekerja yang berkecukupan untuk membantu kerja-kerja Majlis Ugama Islam Brunei.

Dalam agihan zakat ini memerlukan jua kepantasan pengurusan yang berbentuk kepada tenaga iaitu orang-orang yang tidak didapatkan dari segi *established post* tetapi didapatkan dengan cara melantik mereka.

Lantikan mereka ini didasarkan kepada sukatan-sukatan kepada kelayakkannya *qualification* pengajiannya. Ada yang di Bahagian Zakat, Bahagian Penyiasatan, dan Bahagian Kewangan selain diperbantukan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi seorang pegawai kanan untuk membantu dalam perkara *auditing* dan sebagainya.

Kaola sangat simpati dengan tanggungjawab berat Ketua Kampung atau Penghulu termasuk Imam yang didatangi oleh orang-orang yang menunggu keputusan dalam perkara ini. Abiskaola berusaha mana yang mungkin untuk mempercepatkannya dan yang penting ada juga perkara-perkara yang ketua-ketua kampung atau penghulu-penghulu dan imam-imam yang menerima aduan-aduan itu untuk menyiasat seteliti-telitinya. Seperti satu aduan yang baru-baru ini didengar mengenai permohonan untuk membina rumah yang sudah lima tahun ada suratnya disokong.

Jadi pembinaan rumah di bawah Majlis Ugama Islam Brunei cuma menyediakan peruntukannya untuk membina rumah tetapi pengurusannya adalah di bawah satu jawatankuasa yang khas yang meliputi pegawai-pegawai daerah dan diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu projek *QuickWin*. Namun tidak juga dapat disalahkan mereka.

Misalannya disiasat bahawa tanahnya itu baik dan sesuai tetapi sudah disiasat lagi didapati bahawa tanah tersebut

overlapping, dan apabila untuk menyediakan pelan, didapati tanah itu bukit dan hal-hal yang seperti ini yang melambatkannya.

Mudah-mudahan hal-hal sedemikian itu selesai dan sama-samalah kita termasuk penghulu, ketua kampung dan imam atau siapa yang mendapat laporan kelambatan ini untuk menyiasat. Penyiasatan itu mungkin ada kelambatan segi birokrasi yang dapat kita ubah caranya tapi kalau kelambatan itu mengenai asasnya maka sulitlah sedikit sehingga ada penyelesaiannya yang dipersetujui dan diputuskan oleh Jawatankuasa *QuickWin*.

Mengenai cadangan supaya ada belia MUIB. Kalau orang belia MUIB ini apabila sudah dilantik di MUIB sebagai pekerja tambahan di MUIB, maka akan ditempatkan mereka di MUIB tetapi kalau disebutkan untuk ia dihubungkan dengan masjid.

Perkara ini pernah sudah kaola bentangkan bahawa bukan sahaja belia, malahan Jawatankuasa Takmir Masjid sendiri akan 'mengelinga' masyarakat dalam tadahan masjid. Itulah khidmat takmir selain melihat kerosakan masjid, mengadakan acara-acara dan sambutan-sambutan dan mengadakan acara-acara program agama dan ibadat.

Tetapi juga program-program sosial ini yang nampaknya tidak diperhatikan. Jadi, tidaklah perlu untuk dinamakan belia MUIB, cukuplah belia masjid itu sendiri bersama Jawatankuasa Takmir

Masjid untuk 'mengelinga' hal-ehwal masyarakat setempat ini. Misalannya permohonan lambat turun, biarlah selain ketua kampung untuk mereka mencari penyelesaian-penyelesaian.

Kaola mengalu-alukan usaha-usaha dalam kalangan belia seperti ini yang tidak khusus kepada satu-satu kampung sahaja bahkan secara umum seluruh negeri mereka melakukan projek-projek amal. Sangat baik tetapi bermusim. Ini hampir musim puasa dan raya dan akan banyak projek itu.

Seolah-olah ada dalam sosial media kaola suatu masa mendengar inilah musimnya memperagakan ataupun menunjukkan, bukan tentang rasa kebajikan pemedulian masyarakat, namun memprojekkan betapa masyarakat Brunei ini masih lagi ada yang miskin itu.

Jadi hal-hal ini hendaklah kita fikirkan dalam kalangan ketua masyarakat bersama akar umbi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. اللَّهُ أَكْبَرُ lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih

kepada Yang Berhormat atas mukadimah berkenaan dengan Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin mengemukakan soalan dan cadangan untuk beberapa perkara:

1. Mengenai tangga gaji pemangku-pemangku Imam yang telah ditetapkan jawatan. Bagi jawatan Imam Tingkat III, tangga gaji adalah bermula \$1,280.00 hingga \$2,270.00 dan tangga gaji jawatan Imam Tingkat IV bermula \$1,225.00 sehingga \$1,785.00. Imam Tingkat III yang berkelulusan *HND*, gaji permulaan adalah sebanyak \$1,990.00. Sehubungan itu, kaola memohon agar pemangku-pemangku Imam Tingkat IV yang telah ditetapkan jawatan dan berkelulusan *HND* untuk dipertimbangkan bermula dengan gaji *maximum* sebanyak \$1,785.00.;
2. Berkenaan dengan kes-kes pencerahan rumah tangga di Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin tahu apakah kes-kes pencerahan ini semakin meningkat atau sebaliknya pada setiap tahun, dan mengikut statistik berapakah jumlah kes-kes pencerahan yang disebabkan isteri dan suami orang? Mohon pencerahan apakah proses-proses kaunseling bagi suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga.;
3. Kaola ingin tahu berkenaan dengan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama

Islam Brunei. Selain berfungsi untuk mengembangkan serta memajukan hartanah Majlis Ugama Islam Brunei, apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan bagi membantu masyarakat terutama golongan yang memerlukan seperti keluarga daif, ibu tunggal dan seumpamanya? Setakat ini, berapakah aset-aset harta tanah yang diurus tadbir oleh Badan Tanmiah Harta MUIB?; dan

4. Kaola ingin pencerahan berkenaan isu-isu murtad yang melibatkan masyarakat kita. Setakat ini, berapakah kes murtad ini direkodkan dan apakah punca-punca utama yang menyebabkan mereka terkeluar dari agama Islam?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai yang pertama itu, sepertimana yang kaola mendengar di luar persidangan ini dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Yang Berhormat mengulangi, maka kaola sarankan untuk menga/ert bahagian yang berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk melihat kes ini.

Yang perlu dijelaskan di sini ialah mengenai kedudukan perbezaan gaji dalam kemasukan dalam jawatan-jawatan. Imam Tingkat IV itu sememangnya Imam-Imam yang dilantik tertakluk kepada apa *division* ia dilantik berdasarkan kelayakan-kelayakan yang ia dilantik.

Melalui Skim Perkhidmatan yang baharu yang diluluskan, syarat kelayakan jawatan bagi Imam Tingkat III dan Imam Tingkat IV ialah Diploma dalam Bidang Pengajian Islam atau sebanding dan hendaklah lulus Sijil Sekolah Rendah Ugama (SSRU).

Manakala tanggagaji bagi Imam Tingkat III ialah C1-2 *EB.3* dalam *Division* III dengan gaji permulaan sebanyak \$1,280.00 hingga \$2,270.00 dan tangga gaji bagi jawatan Imam Tingkat IV pula ialah dalam *Division* IV dengan sukatan D.4 - 5 *EB.6* ialah gajinya \$1,225.00 bezanya berapa \$25.00 dengan \$80.00?

Jadi hingga kepada \$1,785.00 itu berbeza walaupun namanya Imam, Tingkat 3, Tingkat 4. Skimnya sama, kelayakan yang dikehendaki ialah kelayakan yang telah disebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, jawatan-jawatan Bilal dan Imam ini walaupun di luar bidang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ialah antara Kementerian Hal Ehwal Ugama, Majlis Ugama Islam Brunei dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tapi dari segi pelaksanaannya, dicerapkan skim-skimnya mengikut skim yang ditetapkan oleh SPA. Kementerian ini juga bercadang dan cadangan itu mestilah mengikut aturan-aturannya yang dinyatakan seperti tadi. Keputusan berkenaan dengan yang sedemikian itu, Yang Berhormat memohon supaya dipertimbangkan semula.

Kalau setakat Kementerian Hal Ehwal Ugama, cuma dapat melihat kes ini tapi untuk menjamin yang dikehendaki tertaklukkan kepada skim-skim yang ada dalam perkhidmatan kerana skim perkhidmatan itu, tidak mudah dan tidak sekejap diputuskan. Ia melibatkan dasar-dasar dalam menjamin 'kelicinan' pentadbiran am dan pentadbiran awam.

Kebenaran penyelarasan yang diperolehi dari SPA pada masa ini bagi pemohon jawatan Imam Tingkat 3 dalam Divisyen 3 mempunyai kelulusan *HND* akan diberikan gaji \$1,990.00 sebulan.

Kalau *apprentice* ini berlainan dari keputusan ini, 'bisailah' perkara ini diberikan butir-butirnya yang lanjut untuk sama-sama disiasat oleh bahagian Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama sejauh mana ia terlaksana atau tidak.

Manakala bagi pemohon jawatan Imam Tingkat IV dalam Divisyen 4 yang mempunyai kelulusan *HND* akan diberikan gaji permulaan sebanyak \$1,225.00.

Apakah ini wajar atau tidak wajar dari segi pelaksanaannya di Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah dilaksanakan menurut aturan-aturan dan sukatan tangga gaji dan tingkat perkhidmatan.

Berhubung dengan kes perceraian. Adakah semakin meningkat atau menurun? Kalau dilihat kepada statistik yang diberikan kepada kaola pada tahun 2019 kes perceraian adalah sebanyak

624 kes, yang paling tertinggi dan kemudian ia menurun dalam tempoh 5 tahun kebelakangan. Manakala terdapat penurunan 2 tahun selepas itu daripada 64 kepada 583.

Sepertimana yang kita maklum, akibat semasa wabak memang pergerakan kita terbatas, jadi kerja-kerja pun terbatas, jadi kes-kes seperti ini banyak tergantung, ada orang 'beliur' untuk bercerai tetapi dalam keadaan 'macam itu' tidak jadi bercerai.

Tetapi mudah-mudahanlah nampak *trend* semasa *COVID-19* itu banyak orang berfikiran singkat tetapi oleh kerana itu **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** itu menurunkannya tidak boleh bergerak ke mana-mana untuk mengadu ke mahkamah jadi tertangguh-tangguh mungkin baik jua.

Itulah kedudukannya dari segi statistik, cuma kalau ditetapkan jenis-jenis apa sebabnya 'payah' untuk disebut. Adakah sebab isteri orang dengan suami orang? Secara imaginasi membayangkan seperti itu. Itu boleh menjadi salah satu sebab tapi berapa banyak?

Usaha yang dilakukan 'dibanar-banari' oleh Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga di Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu di bawah Jabatan Syariah ialah mengadakan kursus-kursus, kesedaran, ada kursus pranikah, pada masa dahulu cuma mengenai hukum-hukum rumah tangga dan sebagainya tetapi tidak meliputi 2 hal yang penting.

Dalam beberapa tahun terakhir ini, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ia meliputi 2 hal yang penting, iaitu kesedaran kewangan dan kesihatan. Kemudian ada kursus selepas perkahwinan, iaitu pascapernikahan. Inilah perisiannya, nasihat bagaimana untuk menimbulkan kesedaran untuk menjamin keutuhan rumah tangga, keamanan supaya jangan terjadi misalannya antaranya ialah suami orang melibatkan isteri orang dan sebagainya, iaitu elakkanlah perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah.

Mungkin juga yang suami mendengar risikan orang, yang isterinya seperti ini. Yang isteri mendengar risikan orang, suaminya seperti ini. Ini satu fitnah dari orang tetapi fitnah dari suami atau isteri itu sendiri, termasuk dalam kursus pascaperkahwinan.

Termasuk dalam kursus pascaperkahwinan ini melibatkan jua bagaimana nanti apabila lahir cahaya mata dan sebagainya. Di situlah kesedaran kewangan dan kesihatan. Ada juga taklimat tertentu yang bermotifkan "Keluargaku, Harapanku" supaya kesedaran berkeluarga itu untuk harapan masa hadapan.

Yang terakhir, ada satu bentuk program yang akan diperkenalkan tadi sudah dicuba di peringkat jabatan sahaja. 'Bisaitah' menggalakkan cara untuk mensakinahkan, mewardahkan keluarga antara suami isteri ialah amalan bersembahyang berjemaah.

Kaola tidak berdasarkan kepada laporan ini Yang Berhormat Pengerusi berdasarkan semasa *COVID-19*. Pada masa itu, suami yang bekerja di pejabat ataupun tidak bekerja ditetapkan selepas itu tidak bergerak ke mana-mana kalaukan sembahyang semasa sebelum musim *COVID-19*, boleh menunaikan sembahyang di mana-mana masjid, tetapi semasa musim *COVID-19* semua masjid ditutup.

Semasa 'perintah berkurung' dengan sendirinya ada timbul keinginan untuk sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga. Itu adalah satu hikmah yang 'kitani' dapat daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berikutan semasa wabak *COVID-19* dan 'bisaitah' dilaratkan untuk sembahyang berjemaah bersama keluarga dan mempertingkatkan lagi mutunya.

Jika ibadah seseorang itu sudah meningkat dan bacaannya baik, semakin kita berumur, kaola rasa semakin banyak pendengaran, bacaan dan ingatan kita dalam ilmu mestilah ditambah.

اللَّهُمَّ perkara seperti ini dapat ditampung oleh perkhidmatan agama, Sama ada melalui dari dakwah, masjid dan dari sekolah. Syukur **اللَّهُمَّ**

Yang ketiga, Badan Tanmiah Harta MUIB ini ialah badan yang mengembangkan harta Majlis Ugama Islam Brunei. Modal yang digunakan oleh mereka ialah daripada tanah-tanah wakaf atau tanah-tanah yang lain dimiliki oleh Majlis Ugama Islam Brunei.

Memang kumpulan kewangannya dan untuk dikembangkan. Bukan tujuannya mengenai hal-hal kebajikan. Hal kebajikan itu diuruskan oleh Bahagian Zakat.

Hal-hal untuk membantu rumah bukanlah diharapkan dari Badan Tanmiah Harta MUIB. Perkembangan harta Majlis Ugama Islam Brunei dalam bentuk pada masa ini lazimnya dari 20 tahun dahulu atau lebih bidang hartanah, berupa rumah sewa dan sebagainya.

Berapakah aset hartanah yang ditadbirkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Kalau tidak salah ada sebanyak 163 unit di 19 lokasi yang mengandungi bangunan perumahan dan perniagaan di seluruh negara yang 141 unit terletak di Daerah Brunei dan Muara dan 30 unit di Daerah Tutong dan 2 unit di Daerah Belait. Tiada di Daerah Temburong. Perkembangan dikehendaki untuk mengembangkan Majlis Ugama Islam Brunei bagi kegunaan pengumpulan dana dan akaun pentadbiran am.

Lebih dana yang dimasukkan akan digunakan secara tidak langsung kepada hal-hal kebajikan, seperti semasa musim *COVID-19*, peruntukan yang hampir beberapa juta untuk membantu peniaga-peniaga kecil, pekerja-pekerja dan penambang-penambang yang terjejas.

Yang diputuskan oleh majlis, diambil daripada wang akaun pentadbiran am Majlis Ugama Islam Brunei. Semasa musim *COVID-19* itu juga, beberapa

keperluan untuk kanak-kanak dalam keluarga Asnaf yang memerlukan peranti dan peralatan-peralatan juga digunakan daripada dana dan akaun tersebut.

Daripada akaun tersebut secara tidak langsung pendapatan itu akan bertambah. Dalam dua tahun terakhir ini Badan Tanmiah Harta MUIB sudah diputuskan oleh majlis untuk meluaskan lagi operasi pelaburannya. Lazimnya, dari segi tanah yang melibatkan perniagaan. Mudah-mudahan akan dapat dilaksanakan.

Apakah perancangan pada masa hadapan untuk aset. Pada masa ini, Badan Tanmiah Harta MUIB telah menentukan jenis-jenis tanah yang akan dikembangkan itu. Ada tanah Wakaf dan bukan tanah Wakaf yang dari hasil lebihan pembahagian faraid, bagi orang yang meninggal dunia.

Apabila tertubuhnya Wakaf sebagai satu perbadanan, maka pendapatan sedemikian ini akan dimasukkan ke dalam akaun perbadanan tersebut. yang akan bertanggungjawab untuk mengembangkan harta Wakaf.

Mudah-mudahan umur panjang untuk menyambut tahun Wawasan Brunei 2035. Umur kaola pada masa itu dalam 90-an. 'Kitani' ada diajar doa-doa untuk dipanjangkan umur yang tidak berpenyakit dan tidak menyusahkan orang untuk beribadat. 'Kitani' meminta kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** supaya dihindarkan daripada umur lanjut yang berpenyakit dan menyusahkan orang.

Sekian sahaja, yang dapat kaola sampaikan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Salam selawat ke atas Junjungan **نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** dan sahabat yang jujur lagi setia sepanjang zaman. **اللَّهُ** diberi kesempatan untuk memberi sumbangan dalam perbicaraan ini.

Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan berkaitan perkembangan tentang pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai bajet sebanyak \$230 juta.

Kaola ada beberapa isu mohon pencerahan dan beberapa cadangan untuk menilai kesesuaiannya:

1. Isu mengenai fardu Haji dari segi yang lain.;

Bagaimana untuk memudahkan orang ramai yang tidak berkemampuan untuk mengerjakan fardu Haji yang wajib yang pertama. Kita faham menunaikan fardu Haji itu wajib bagi yang mampu. Kaola

terkilan apabila didatangi oleh beberapa warga emas yang belum pernah Umrah atau naik Haji agak kurang berkemampuan dan kesuntukan rezeki.

Mereka tidak ada pendapatan selain elaun pencen tua dan golongan ini ingin kaola menyampaikan kemusykilan untuk mengerjakan Haji wajib mereka kerana kos untuk mengerjakan Haji sudah melambung tinggi. Semenjak mereka tamat perkhidmatan dan dengan simpanan dalam Tabung Haji tidak lagi mencukupi untuk mereka suami isteri untuk menunaikan fardu Haji. Mereka tidak ada pakej bantuan Haji seperti pesara kerajaan, umur semakin meningkat, tenaga pun kurang dan kos semakin melambung.

Mereka akur kesempitan rezeki dan tahu salah satu hukum wajib Haji ialah mesti berkemampuan. Mereka tidak meminta ihsan atau bantuan tapi memohon kalau ada jalan alternatif untuk membolehkan mereka mampu dengan wang sendiri menunaikan Haji wajib mereka dengan tabung yang mereka ada.

Kaola difahamkan kos Haji di Negara Brunei Darussalam bergantung pada beberapa faktor yang di luar kawalan *travel agent* seperti kos hotel penginapan pada musim haji, makan siang, kos tambang, kos yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, sama ada berada di Arafah atau Mina dan kos pengangkutan darat.

Kaola teruja mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam bahawa Kerajaan Negara Brunei Darussalam memang mempunyai tempat penginapan hotel di Kota Makkah dan Madinah. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

Cadangan kaola:

- i. Menyedari kos utama pakej-pakej Haji ialah sebab kos tempat tinggal dan kos penerbangan dan kedua-dua *service* ini diungkayahkan oleh *GLC* kerajaan, iaitu *Darusalam Holdings Sdn. Bhd.* dan RB. Apa kiranya kos ini dapat diturunkan? Misalannya dari jadual 28 hari di musim Haji, *direview* turun kepada 15 hari. Jika perlu, penginapan walaupun dalam hotel 4-5 *star* tetapi bilik dan *servicenya* ditukar kepada *basic hostel*, katil bertingkat, tinggal beramai, tidak termasuk makan dan minum dan harga penerbangan, harga pokok, harga *charter* dan bukan harga beruntung. Mungkin dengan cara di atas, harga *basic* khas akan dapat ditawarkan dan dicapai oleh warga emas untuk mereka mengerjakan Haji wajib mereka dengan rezeki sendiri *إِنْ شَاءَ اللّٰهُ* ; dan

- ii. Melibatkan *travel agency* tempatan dalam permuzakarahannya untuk mencari *solution* cara untuk menurunkan harga pakej Haji dan Umrah dengan yang harga *basic* ini. Boleh kiranya Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi-agensi kerajaan yang lain menilai usul dan membuat pertimbangan sewajarnya?

Moga-moga dengan usaha kita meringankan dan memudahkan warga emas atau mana-mana rakyat yang kurang berkemampuan untuk menunaikan fardu haji wajib mereka. Bukan berulang-ulang, tetapi yang pertama kali menunaikan fardu Haji wajib. Moga dengan rezeki mereka memudahkan orang ini menunaikan fardu Haji wajib mereka, rezeki agensi *GLC* dan rezeki negara akan bertambah berkah. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

2. Memperbanyakkan masjid di dalam kawasan perumahan dan memeriahkan masjid dalam bulan Ramadan. Apakah strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan ada masjid dalam setiap kawasan perumahan negara dan dibina menjadi satu *priority* dalam pembangunan perumahan negara? Prasarana dan lokasi masjid diambilkira untuk senang, selesa dan selamat dikunjungi oleh penduduk-penduduk yang bernasib baik dapat berjiran dengan masjid. Lebih-lebih lagi bagi warga emas dan kanak-

kanak dalam perkampungan tersebut. Konsep masjid dalam peranan sebagai tempat beribadah juga sebagai institusi menimba ilmu dan tempat berkumpul orang kampung dalam suka duka, boleh memperkasakan sifat kejiranan dan tulus mengembangkan syiar Islam إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Cadangan:

- i. Utamakan mendirikan masjid-masjid dalam kawasan perumahan yang mungkin terlepas pandang tidak dibuat masjid di dalamnya. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola gembira mendengar bahawa kawasan Perumahan Mumong, Daerah Belait akan diproses sebagai sebuah tempat bagi mendirikan masjid. Maka pertimbangkan untuk membuat masjid di kawasan Perumahan Penaga, Seria dan di mana-mana kawasan perumahan negara yang lainnya. Masjid itu tidaklah perlu sebesar masjid-masjid utama, cukup untuk menampung 100 hingga 150 jemaah sahaja.

Untuk masjid - masjid sembahyang berjemaah besar seperti Jumaat, Aidilfitri, Aidiladha, bolehlah diadakan di masjid-masjid utama yang sedia ada. Inisiatif ini juga akan meningkatkan peluang pekerjaan bagi graduan-graduan lepasan agama dari Universiti Al-Azhar, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan

Haji Hassanali Bolkiah dan UNISSA untuk menjawat jawatan sebagai pegawai-pegawai masjid.

Moga hajat kita untuk merencanakan Rumah الله dalam kampung perumahan kita dipermudahkan dan mendapat keredaan الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Bercakap tentang memeriahkan masjid lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang akan datang ini, kaola mohon budi bicara Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membenarkan masjid-masjid untuk memakai kutipan dari tabung awam, kegunaan untuk masjid atau diberi peruntukan khas untuk mengadakan majlis-majlis berbuka puasa sepanjang Ramadan di masjid-masjid.

Lebih-lebih lagi masjid-masjid yang dikenali pasti didatangi oleh pekerja-pekerja asing atau warga yang kurang berkemampuan untuk berbuka Puasa di masjid bersama. الله إِنْ شَاءَ dengan usaha ini kita dapat memeriahkan masjid sepanjang Ramadan pada waktu berbuka, sambil berkesempatan untuk menjamu pekerja asing dan warga awam yang tidak berkemampuan. Untuk pengetahuan tidak semua masjid mempunyai jiran-jiran yang mampu menderma setiap hari

berbuka Puasa di perkarangan masjid sepanjang Ramadan.

Yang pasti kalau ada pekerja asing di persekitaran masjid pengalaman kaola, mereka akan datang ke masjid untuk berbuka, sembahyang Maghrib, sembahyang Tarawih dan seterusnya bertadarus.

3. Zakat harta 'berigakan' untuk meningkatkan kutipan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sudah banyak membincangkannya tetapi kaola ingin menyampuk sedikit.

Kita punya peluang terbaik membuat *survey* yang cepat pada bulan Ramadan ini, untuk bertanya kepada pembayar-pembayar Zakat Fitrah untuk menjawab *survey* tentang ilmu Zakat Harta.

Sementara menunggu giliran untuk membayar Zakat Fitrah, dibagikan *survey* untuk dijawab dengan cepat untuk tahu apa musababnya Zakat Fitrah, Zakat Harta tidak dibayar melalui Baitulmal atau tidak dibayar oleh orang-orang yang mengeluarkan Zakat Fitrah.;

4. *Brunei Halal Brand*, peluang untuk memperkasakannya. Usaha dan proses untuk mendapatkan Sijil Halal Brunei untuk memastikan makanan dan daging yang diimport itu halal dari hukum syariah halalan toyiban dan selamat dimakan untuk penduduk Negara Brunei Darussalam

dan tidak perlu dipertikaikan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ atas inisiatif kementerian-kementerian yang 'menanai' dan mempertahankan proses ini dan *Brunei Halal Brand* telah pun menjadi *Premier Brand* kita memerlukan untuk menembusi pasaran dengan *Made in Brunei Products*.

Agensi yang mengeluarkan Sijil Halal Brunei juga memeriksa dan mensohihkan kehalalan mana-mana produk yang diragui kehalalannya kadangkala penilaian dari agensi kita berbeza dengan hasil penilaian agensi luar negara.

Terima kasih atas pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kaola teruja mendengar bahawa mesin yang kita ada lebih sensitif dan dapat mengesan bahan yang diragui. Inilah keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas memastikan dan melabur mesin yang begitu canggih untuk mensahihkan kehalalan makanan di Negara Brunei Darussalam. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

Untuk membantu menaikkan *confidence* awam dan pengguna tentang *integrity process certification* atau pensijilan ini dan seterusnya memperkasa *brand premier* ini kaola cadangkan 'berigakan' supaya orang awam lebih faham dan akur proses ini yang memantau 100% dari awal hingga akhir oleh wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (*MOHA*),

kalau boleh siarkan dokumentari awam supaya orang awam tahu dan memahami termasuk cabaran-cabaran yang dihadapi untuk memastikan kesahihan 100% daging yang diimport dari luar negara.

Juga adakah niat untuk melantik agensi ketiga yang boleh melakukan *independent ad-hoc verification* dan *quality control* serupa dengan konsep dalam *industry other party* bebas yang mengakses *competency the accessor* dan *complianceny*a seperti *who verified the verifier*.

Kaola cadangkan latihan-latihan dan kompetensi-kompetensi yang perlu ada pada pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (*MOHA*) sebelum diberi tugas sebagai *Halal Certifier* hendaklah di *formalize*.

Proses untuk membuat *lab testing* makanan hendaklah jelas dan sentiasa tidak boleh diragui. Kaola berpendapat kalau proses di atas ini di *formalize* tidak mustahil proses kehalalan Brunei akan boleh mencapai tahap *ISO quality certification* untuk Sijil Halal Brunei dan ini akan memberi nilai tambah *premier brand* yang akan 'digoalati' dan mendapat kepercayaan awam pada proses yang sensitif ini.

Itu sahaja, yang dapat kaola pohon pencerahan dan cadangan, terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan seterusnya bagi kaola dan kali ini merespon Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengira cuma empat, tetapi isu-isu yang dibangkitnya sangat menarik hingga melarat dan kaola mengira sampai enam, tetapi yang kaola ringkaskan saja sampai ke hujungnya.

Mengenai Haji ini, sebagaimana sudah kaola telah terangkan tadi, percubaan sudah ada usaha untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa *Ad-Hoc* dioperasi, peringkat Setiausaha Tetap untuk mencari agensi yang berkenaan solusi mengurangkan kadar harga atau kadar belanja menunaikan Haji ini.

Kita tungguh ataupun misalannya kalau ada juga idea daripada Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dalam perkara ini sangat dialu-alukan *whole of nation approach* bukan *whole of nation kepada government* sahaja tetapi melibatkan orang-orang di luar kerajaan. Kaola gembira mendapat *input* daripada Yang Berhormat yang menyatakan Yang Berhormat menerima pengakuan daripada orang-orang yang merasakan tidak lagi mampu untuk menunaikan Haji dalam kadar sekarang ini, kerana kalau pun mereka menyimpan di Tabung Simpanan Haji TAIB misalannya tidak mencukupi apa lagi kalau tidak ada langsung.

Mereka itu bukan memohon ihsan tetapi mereka ingin memohon apa cara yang boleh difikirkan. Antaranya Yang Berhormat menyebut kita mempunyai hotel di Makkah dan Madinah dan sebagainya dengan cara penurunannya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat itu sendiri apakah cara-cara itu praktikal dari segi bisnes dan sebagainya. Itu terserahlah nanti pertimbangan orang, tetapi apa yang penting ada cara kita ikhtiarkan.

Jadi mengembirakan kaola lagi kerana yang mengadu ini akur bahawa hukum wajib menunaikan fardu Haji ini ialah kemampuan dan mereka tidak mampu. Bila mereka tidak mampu tidak wajib tetapi ingin juga memampukan apa caranya, tetapi dari segi kewangan tidak mampu itu maknanya kalau ada halangan lain dan sebagainya. Itu menjadikan hukum pada masa tidak mampu bagi seseorang maknanya tidak apa-apa kepada mereka kerana dia tidak mampu. Itulah antara *input* Yang Berhormat terima bahawa mereka memohon ihsan.

Mengenai aspek ini sudah kaola terangkan juga tadi, hotelnya, perbelanjaan *transport*, terutama sekali semasa 3 hari terakhir di Mina, sehari di Arafah boleh dikatakan 5 hari.

Semua sekali itu perbelanjaan sudah semakin tinggi, kita lihat biarlah jawatankuasa bekerja dan menguruskan cadangan-cadangan. Mudah-mudahan kita sampai kepada yang yang dihajati.

Kaola hargai juga Yang Berhormat sendiri menyarankan misalan kerajaan dengan GLCnya untuk berusaha ke arah dari segi hotel dan sebagainya.

Mengenai menurunkan harga dengan kaedah supaya disingkatkan Haji itu dari 28 hari ke 15 hari, 12 hari. Sebenarnya itu pun jua saranan yang 'kitani' dengar di luar negeri untuk mencuba sedemikian tapi belumlah untuk dilaksanakan pada tahun ini dan negeri mana yang dapat melakukannya dan bagaimana caranya, 'kitani' akan pelajari.

Satu perkara yang boleh menurunkan harga Haji ini kalau urusan-urusan di tanah suci ialah 'kitani' 'inda' memakai pakej yang 'kitani' lakukan. Pakej pada masa ini namanya pakej "Nikfimi" bukan lagi pakej pada masa dahulu yang dinamakan Muasasah. Muasasah mengenai tempat tinggalnya, makannya macam mana dan sebagainya. Tapi kes 'kitani' sekarang ini pakai agensi. Jadi hal ini mestilah 'kitani' timbangkan jua. Kalau biasa 'kitani' 28 hari penumpuan 'kitani', 10 hari di Madinah, berapa hari 'kitani' di Jeddah berapa hari 'kitani' di Makkah. Jadi tenaga-tenaga yang akan berkhidmat mengurus perkara ini pun tertumpu sedemikian itu.

Kalaulah ada pakej 15 hari lagi, ada pakej yang berapa hari, 'kitani' lihat lagi macam mana pengurusannya. Pengurusan itu pun akan tergantung juga pada bagaimana harga mengurus yang sedemikian itu. Tambahan lagi mesti diingat hotel semasa musim Haji mengikut musim.

Sewa semalam sama dengan satu musim. Kalau operasi Haji membawa jemaah Haji dapat berunding cara macam mana untuk mendapatkan yang murah harga semusim yang biasa dicaj oleh hotel-hotel. Perkara mengenai urusan Haji ini 'tani' serahkanlah mudahan-mudahan selain daripada usaha 'kitani' اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mentaufikkan kita juga kerana ia sebahagian daripada ibadat.

Strategi kementerian dalam membina masjid di perumahan hendaklah distrategikan sedemikian. Strategi kementerian dalam pembinaan masjid-masjid di mana ada penduduk-penduduk yang ramai. Jadi Perancangan Perumahan Negara sendiri sudah menyediakan setiap rancangan perumahan disediakan plot tanah untuk masjid sama juga sepertimana kerajaan menyediakan plot untuk sekolah. Tinggal lagi melaksanakannya. Itulah soalnya kalau dari segi perancangan kementerian merancang ke dalam RKN-11. RKN-11 akan berakhir beranjak setahun lagi kemudian dimasukkan dalam RKN-12. Sejauh mana, perancangan itu akan dikaji lagi di peringkat Jawatankuasa RKN untuk menimbangkan *priority*nya.

Tapi yang penting kalau dilihat kepada perancangan banyak sudah masjid baharu.

Jadi bukanlah besar kecilnya masjid menjadi strategi. Tapi yang menjadi strategi mesti mengadakan masjid di kawasan-kawasan tersebut. Kaola sudah tadi menyebutkan di Daerah

Belait, Masjid Perumahan Negara Kampung Lumut akan dimulakan. Sudah ada penyerahan tapak kepada kontraktor dan minggu depan dalam 23hb. atau 22hb. kaola dengan rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan meletakkan batu asasnya.

Di Kampung Lumut '1', Seria ada tabung dana. Di Daerah Belait sendiri di bawah RKN. Tabung dana ini kaola ingin menyebut Yang Berhormat Pengerusi setakat ia dilancarkan pada tahun 2015 sampai sekarang ini ia sudah mengutip \$28 juta hampir \$29 juta. Setakat dibelanjakan pada masa ini sekitar \$7 juta lebih atau \$8 juta berbaki ini \$21 juta lagi.

اَللّٰهُمَّ sampai hajat 'kitani' setakat ini masjid dibina dengan tabung ini adalah 2 buah. Dalam perancangan sebenarnya tahun 2015 atau tahun 2016 menyebutkan perancangan 5 tahun untuk membangun 4 buah masjid. Dengan perkiraan pada masa itu sebuah masjid berharga \$3.5 juta ke \$4 juta. Jadi kalau 4 buah pendapatan selama 5 tahun boleh menampung. Rancangan yang sedang berjalan ialah sebuah masjid di Kampung Junjungan, Daerah Brunei dan Muara. Ini masuk tahun 2023, mudah-mudahan 'inda' sampai tahun 2024 masjid itu siap dalam perancangan dapat melaksanakan 3 buah sahaja. 'inda' sampai 5 buah.

Jadi ini ada faktor disebut lagi faktor *COVID-19* jadi sebab dan sebagainya, itulah kenyataanya. Jadi hal-hal sedemikian itulah 'kitani' mesti

bertimbang rasa. Tapi strategi yang jelas Kementerian Hal Ehwal Ugama membangun masjid di mana penduduk-penduduknya yang ramai.

Berhubung dengan isu Zakat bolehlah 'disimbat' sudah banyak kaola sempat merespons mana-mana yang kaola dapat. Untuk melebarkan lagi penyebaran maklumat berhubung dengan Zakat Harta. Kalau disebutkan mengapa orang 'kitani' senang membayar Zakat Fitrah tapi dalam masa yang sama ia 'inda' ia mengunjuk Zakat Hartanya.

Tapi membangkitkan kesedaran berhubung dengan Zakat Harta ini bukan sahaja dengan ceramah atau promosi اَللّٰهُمَّ apabila pihak media kerajaan 'kitani' dan media cetak yang bukan kerajaan selain "Pelita Brunei" membuat *coverage* yang baik apabila terdapat acara penyerahan Zakat Harta daripada orang-orang yang membayarnya. Secara *coverage* semakin ramai kesedaran itu.

Pada masa dulu 'inda' pernah kedengaran stesen-stesen minyak, syarikat-syarikat membayar Zakat. Tapi sudah akhir-akhir ini, 3 tahun sekurang-kurangnya ada yang berbuat sedemikian. Tapi dalam banyak stesen itu cuma sebuah, dua baru. اَللّٰهُمَّ, itu caranya kesedaran. Mungkin juga patut disedarkan terutama sekali dari segi akaun sahaja, simpanan diserahkan kepada institusi kewangan yang menyimpan wang 'kitani'.

Adakah perkiraan itu mesti dihadapkan kepada wakil-wakil Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ataupun Pejabat Amil di Majlis Ugama Islam Brunei mengira. Mestilah kesedaran perkiraan itu diluaskan bukan setakat nisabnya sahaja tetapi diluaskan juga. Jikalau emas yang akan diserahkan mestilah dibawa ke Majlis Ugama Islam Brunei untuk ditimbang dan sebagainya.

Tetapi boleh dicari kaedah-kaedah lain. Kalau tidak salah ada kaedah-kaedah yang kaola sebutkan kelmarin. Biarlah sukatan dan timbangannya itu sudah diketahui lebih awal sebelum pergi ke kaunter untuk membayar Zakat dan ditimbang di kedai emas walaupun kedai emas tersebut bukan kepunyaan orang Islam.

Kaola pun semasa pembentangan mengalu-alukan saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagaimana kaedah lain untuk meningkatkan kutipan Zakat dengan sendirinya 'kitani' merasa selesa terutama sekali abiskaola yang mengendalikan pengagihannya apabila menimbangkan permohonan-permohonan baharu tidak khuatir permohonan tersebut *valid* sehingga 2 tahun. Tidak diketahui nanti pada tahun yang berikutnya tidak lagi mencukupi peruntukan. Maknanya tidak lagi terpeduli ataupun mana-mana permohonan yang baharu tidak lagi akan terlayani. Mudah-mudahan perkara yang sedemikian itu tidak akan terjadi dengan peningkatan hasil kutipan Zakat.

Berbalik kepada isu pemakanan Halal. Kaola rasakan *research* yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi malah membuat saranan-saranan tertentu, tetapi dalam masa yang sama kaola juga ingin menjelaskan *SOP* untuk memastikan proses dipantau 100% dari awal hingga akhir.

Hendaklah diformalitikan ada *whole point* dari wakil *agency* penyembelihan yang sudah 'kitani' laksanakan pada masa ini. Tetapi Yang Berhormat mahukan ada lagi cara-cara untuk meyakinkan 'kitani' untuk mengangkat taraf Sijil Halal 'kitani' dalam taraf *premium*.

Sijil undang-undang memanglah sedemikian, bahawa semua itu akan dipeduli bahawa pusat penyembelihan dipastikan daripada audit di meja, tetapi di lapangan juga dilakukan. Diperiksa juga sejauh mana mutu pusat penyembelihan tersebut. Kaola sempat mendengar pemeriksa-pemeriksa yang ditugaskan memberi *verified* apa lagi yang dikehendaki dan apa yang diadakan oleh pusat penyembelihan. Selain *standard* yang 'kitani' tetapkan di Negara Brunei Darussalam dari segi toyibannya, keselamatannya boleh *consume* dari segi kehalalannya ini *SOP* nya.

Seperti di Australia dan New Zealand terdapat pelbagai pihak sebelum lesen diberikan kepada pusat-pusat penyembelihan ada kehendak yang diperlukannya. Walaupun kehendak itu tidak terang-terang ada kaitannya dengan agama tetapi apabila sudah menepati kebersihan ia ada kaitan.

Janganlah 'kitani' berfikir bahawa 'kitani' ke sana untuk melihat sahaja. Memang cukup teliti. 'Kitani' ada tanggungjawab kepada orang ramai dan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** bahawa mereka itu bertugas sebagai pemeriksa. Kemudian setelah ditetapkan pusat tersebut diiktiraf, akan didatangi lagi sebelum dilakukan pengeksporan. Ada lagi penyelia, pemerhati dan pemeriksa.

Kaola minta maaf Yang Berhormat Pengerusi apabila mendengar pembentangan Yang Berhormat itu tadi seolah-olah apa yang 'kitani' lakukan ini di bawah standard. Seperti tidak ada sukatan-sukatan dan *SOP*. Tetapi kalau lagi *detail* bolehlah didapatkan daripada Bahagian Makanan Halal kalau kan disebut. Kalau diberikan kepada kaola disini kaola pun tidak tersebut. Ada bermacam-macam sijil seperti Sijil *HACCP*, *WHM*, *GMP*, *ISO* selain *appointed quality control* dan sebagainya.

'Kitani' yang memberi *verified* orang yang 'kitani' diperiksa ini. *SOP* kitani tidaklah *sub-standard* **اللَّهُ**. Dari segi pelaksanaannya kitani akan melihat. Yang penting kelayakan untuk mereka itu selain *formal* kursus yang ada di pengajian tinggi di UNISSA ada halalan toyiban mereka antara orang-orang yang bertugas dalam bidang tersebut dan selain berbagai-bagai kursus diberikan bagi memahami tugas dan undang-undangnya.

Misalannya yang bertugas esok kawasan sempadan apa *SOP*nya. Ia melibatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. 'Kitani'

memastikan ia terlaksana dengan baik dan kitani memerlukan kerjasama yang erat dari mata masyarakat umum. Itulah yang menjamin kehalalannya dan 'kitani' tidak lagi syak wasangka.

Undang-undang mengenai Sijil Halal dan *label* Halal Akta Daging Halal adalah usaha mengelakkan dan menghilangkan syak wasangka. Apabila ini terlaksana maka apa yang dikategorikan halal, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** halal.

Selain itu, mengenai soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin berhubung dengan pemakanan daging yang siap dimakan dalam tin. 'Kitani' lebih kepada label Halal dari negeri yang 'kitani' yakini.

Kalau kalangan negeri MABIMS, 'kitani' rasa ringan sedikit dan itu diiktiraf pada masa ini walaupun belum di*formalise* persepakatan antara negara-negara MABIMS, tetapi secara *ad-hoc* 'kitani' lihat dan secara kes *to* kes dan dalam pada masa yang sama juga peranan 'kitani' untuk memeriksa sebagaimana diterangkan dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, makmal 'kitani', Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin meng*credit* kepada kerajaan dengan semakan tersebut maka itulah antara usaha 'kitani' mengapa hal-hal sedemikian itu boleh dimakan.

Kemudian apabila terjadi sebaliknya maka 'kitani' *verified* lagi melalui makmal 'kitani'. Tidaklah terbiar macam itu. Ia di dalam tin saja tetapi bahan makanan

yang terdiri daripada daging ayam dan sebagainya terpaksa dihantar sebagaimana juga 'kitani' memeriksa pusat penyembelihan untuk pengimportan daging yang disembelih di luar negeri. Diserukan oleh pihak abiskoala ialah supaya pemohon-pemohon Sijil Halal dan sebagainya itu bekerjasamalah.

Ada idea sesetengah orang tidak payah diperiksa ialah bukan pembeli pemeriksanya yang dikenakan syarat-syarat halal itu pengimportnya. Pengeluar dan pengimport orang yang bertanggungjawab untuk meminta apa yang diimportnya itu adalah Halal maka juga barang-barangnya yang lain, mereka harus mendapatkan menjamin kehalalannya.

Ada cadangan sendirinya apa yang 'kitani' gunakan di Negara Brunei Darussalam ini semuanya Halal kerana diimport sudah *diverified* melalui sekatan ke atas pengimport bukan ke atas pengguna. Antara idea orang dulu, Yang Berhormat Pengerusi.

Undang-Undang semua perkara ini berlegar dalam pemikiran 'kitani' dan 'kitani' akan menemukan masa yang dapat dipraktikkan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ada negara yang berbuat demikian Yang Berhormat Pengerusi tidak perlu dihantar apa-apa. Tetapi sejauh mana ia menjamin dan sebagainya masih lagi isu pemakanan bukan saja nyamannya tetapi kitani melihat kepada keselamatannya, toyibannya. Kaola rasa, kaola

merangkum soalan dan saranan yang diajukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, saya rasa cukuplah sudah kita berunding mengenai tajuk ini setakat ini.

Saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sedang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini kita tangguhkan dulu. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 18hb. Mac 2023 seperti biasa mulai pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 25hb. Syaaban 1444H/18hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kedua belas, hari Sabtu, 25hb. Syaaban 1444H bersamaan 18hb. Mac 2023 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari kedua belas Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis

Mesyuarat Negara. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan dan membincangkan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan lagi dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ sehingga hari ini iaitu hari kedua belas kita bermesyuarat. Mesyuarat Jawatankuasa telah meneliti dan

meluluskan beberapa buah kementerian bagi Rang Undang-Undang ini iaitu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatannya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya penuh berharap pada hari-hari yang berikutnya kita akan dapat meneliti dan seterusnya meluluskan dengan lebih rancak lagi dan lebih banyak lagi tajuk-tajuk kementerian selanjutnya bagi kita meluluskan Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum saya membuka kembali tajuk ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin mengemukakan kenyataan-kenyataan lebih dahulu terhadap beberapa buah soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat yang dijawab mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama pada mesyuarat yang lalu.

Oleh yang demikian, saya ingin memberikan laluan dan mempersilakan Yang Berhormat membuat kenyataannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sebahagian daripada

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat kaola respons seluruhnya atau setakat kaola meresponsnya secara umum kurang *detail* atau maklumat yang diperlukan jadi kaola sukacita untuk menambah kenyataan kaola sebelum ini dengan kenyataan seperti ini:

1. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin menimbulkan dari segi rancangan strategik kementerian, iaitu penurunan kes jenayah syariah setiap tahun 3%. Jadi apa cara kementerian memastikan pencapaian penurunan ini?; dan
2. Apa kategori kesalahan yang telah disabitkan?
 - i. Kaola ingin menyatakan Yang Berhormat Pengerusi inisiatif-inisiatif ada dua peringkat iaitu selepas *mid-term review* iaitu dengan mengadakan Program Pendidikan Jenayah Syariah dari perspektif hukum syarak.;
 - ii. Mengadakan Program Kesedaran Awam secara berkolaborasi antara agensi-agensi peneraju dan berakuntabiliti mengenai Undang-Undang Syariah iaitu kolaborasi dengan Unit Perundangan Islam, Bahagian Penguat kuasa Syariah dan Bahagian Penguat kuasa Undang-Undang.;
 - iii. Meningkatkan pengetahuan rondaan *inforcement* yang

diketuai oleh Bahagian Penguat kuasa Agama.; dan

- iv. Mengadakan Program Kaunseling keagamaan yang di *lead by* Pusat Da'wah Islamiah dan unit di bawah kementerian yang dinamakan KAFA, unit pemulihan kaunseling dari segi fahaman agama termasuk juga amalan yang difikirkan mengelirukan, sesat dan sebagainya serta cenderung ke *extremism*.

Menyediakan draf bagi pindaan undang-undang yang dicadangkan. Kalau misalannya terdapat ada *loop-hole* dan sebagainya dari segi undang-undang itulah yang diangkat ke Majlis Ugama Islam Brunei untuk difikirkan. Perkara ini dilaksanakan oleh Unit Perundangan Islam. Unit Perundangan Islam walaupun di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama tapi dalam pelaksanaannya pegawai-pegawai ini berkolaborasi dengan pegawai-pegawai di Pejabat Peguam Negara.

Inisiatif-inisiatif sebelum *mid-term review* selepas *mid-term review*:

- i. Sebelumnya mengadakan Program Pendidikan dan Kesedaran lapisan.;
- ii. Mempertingkatkan usaha-usaha kolaborasi dan pengajaran antara agensi-agensi kerajaan berkenaan.;
- iii. Mempertingkatkan pemantauan rondaan *enforcement*.; dan

- iv. Mengadakan Program Kaunseling Keagamaan.

Mengenai perkara yang kedua iaitu kategori kesalahan yang disabitkan. Kesalahan yang disabitkan termasuklah kesalahan khalwat, persetubuhan luar nikah, hamil luar nikah, percubaan melakukan zina, minum arak dan memiliki arak, menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina, kesalahan-kesalahan undang-undang keluarga seperti cerai di luar mahkamah tanpa kebenaran mahkamah, tidak membuat laporan penceraian di luar mahkamah kepada mahkamah dalam masa tujuh hari selepas penceraian, berkahwin di luar negara tanpa kebenaran Pendaftar Perkahwinan Mahkamah Syariah.

Walaupun kelihatannya ketiga-tiga perkara ini Yang Berhormat Pengerusi ialah perkara hukum sejauh mana antara suami isteri suami sudah mentalak isterinya sah atau tidak. Hukum boleh merujuk kepada yang mengetahui tetapi dari segi undang-undang perkara ini mesti dilihat. Ia ada implikasi kekeluargaan mengenai pembahagian harta dan sebagainya. Banyak implikasinya, undang-undang *covering* hal-hal macam mana menjadi kesalahan di sisi undang-undang tidak dilaporkan. Hukuman-hukuman yang diperuntukan yang dijatuhkan adalah penjara, denda dan ada hukuman sebat.

Sukacita kaola menyatakan angka kes-kes yang telah selesai dibicarakan pada tahun 2022 sebanyak 326 kes dan tahun sebelumnya 168 kes. Ini bukan penyata

kenaikkan secara *realnya*. Pada tahun 2021 mahkamah dalam beberapa bulan tidak dapat bersidang kerana keadaan 'kitani' *COVID-19*.

Jadi bersidangnya pada tahun 2021 mahkamah tidak ada perbicaraan selama 4 bulan. Tidak ada perbicaraan seolah-olah tidak ada kes yang disebutkan. Itu respons kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin merespons kerana tidak adil kalau tidak dijawab dengan jelas. Yang Berhormat mempersoalkan pelanggaran permohonan Sijil Halal label yang telah mansuh, adakah boleh dihidangkan?

1. Cadangan bertindak secara proaktif mengingatkan untuk memperbaharui Sijil Halal. Penjelasan atau pencerahan seterusnya ialah beberapa inisiatif telah dijalankan bagi menangani isu pelanggaran mempamerkan Sijil Halal yang mansuh termasuk pesanan *SMS* dan juga surat yang dikeluarkan Majlis Ugama Islam Brunei apabila mereka menerima Sijil Halal untuk memperbaharui Sijil Halal dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh mansuh di samping itu pemantauan secara konsisten juga dilaksanakan melalui rondaan, aduan bersepadu bagi memastikan syarikat-syarikat mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan pensijilan.

Itu yang kaola sebut beberapa hari yang lalu kaola menyatakan 'timbang

rasa sedikit kerana bilangan yang hendak dipantau ini', lebih Yang Berhormat Pengerusi 'tekabirka bisdia ani' atau tidak. Orang awam, sangat dihargai Yang Berhormat Pengerusi memberikan maklumat pihak yang berkenaan bertindak dengan segeranya.

2. Bahagian yang berkenaan dalam proses Pensijilan Halal kawalan makanan ini pada masa ini sudah mesra *IT* tetapi untuk peningkatannya sudah ada peruntukan yang akan dilaksanakan kalau tidak silap sebanyak \$1 juta kan dengan diselaraskan pihak yang berkuasa *IT* sahaja. Jadi *إن شاء الله* kalau ada sistem sudah terbina seperti sistem pada masa ini seperti *BruHealth*, dan sebagainya mengenai kehadiran sistem itu *إن شاء الله* mudah-mudahan akan lebih terlaksana lebih mesra digital itu.

Dari Yang Berhormat juga adalah proses mendapatkan Sijil Halal memerlukan *checklist* panjang yang menyebabkan memakan masa yang panjang.

Cadangan untuk dikaji dan dimudahkan. Jawapan TPOR permohonan adalah selama 45 hari iaitu bagi permohonan yang lancar, cukup lengkap borang-borangnya dengan keterangan-keterangannya yang ada tiada masalah jadi setelah diterima maka proses-prosesnya itu dalam masa 45 hari boleh jadi kurang dalam 45 hari tetapi kalau

permohonan itu daripada pemohon tidak lengkap menyebabkan lebih daripada 45 hari kerana peringkat-peringkat untuk pensijilan itu berperingkat-peringkat.

Bagi permohonan yang tidak lancar dimestikan syarikat mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan ada kaola sebut sebelum ini supaya dipermudahkan 'bisdia' menggunakan kalau untuk makanan seperti restoran ada produk-produk yang diiktiraf Halal di luar negeri kalau Malaysia MABIMS 'kitani' sudah mengiktiraf itu dari seginya yang itu sudah diiktiraf 'kitani' lebih mudah melakukannya sedemikian.

Dalam satu peringkat dahulu syarikat-syarikat ini telah meminta satu badan bebas untuk mereka dibantu mengisi borang, menguruskan permohonan dan sebagainya 'ganya' pada masa ini kurang kaola mendengar perkara itu kalau sedemikian dapat diteruskan mudah pihak-pihak yang berkenaan itu benar-benar bekerja untuk menyediakan perkara-perkara yang dikehendaki oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal.

Kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Soalnya adakah daging kari ayam dari Malaysia, *cornbeef* dari Brazil dan China memerlukan pemeriksaan halal sekiranya tidak diperlukan pemeriksaan halal, adakah cop Halal dari negara luar seperti Malaysia memadai untuk daging *import*

yang diproses. Adakah pihak kementerian meneliti dan menilai risiko daging proses dalam tin dari penyakit berjangkit?

Pencerahan yang diberikan Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian memang memainkan peranan dalam kemasukan produk makanan khususnya daging mentah walaupun peruntukan Akta Daging Halal lebih memfokuskan kepada daging mentah akan tetapi bagi permohonan-permohonan kemasukan produk-produk daging khasnya produk daging sejuk beku seperti *sosej*, *nugget*, daging *patty* yang berproses adalah seperti proses daging mentah termasuk diadakan penghantaran pegawai pemerhati ke pusat produk yang meng*eksport*.

Di samping itu jabatan masih menjalankan pemerhatian mengenai kedudukan produk daging berproses yang ditinkan dari segi kawalan keselamatannya apakah daging yang ditinkan itu diambil kira risiko ke atas kesihatan maka perkara itu ada peraturan dan undang-undangnya yang tertentu oleh lembaga yang tertentu sepertimana yang telah diterangkan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebelum ini.

Di samping itu, yang kaola dapat nyatakan di Dewan ini ialah mengenai kedudukan daging berproses yang ditinkan masih dikaji undang-undangnya praktikaliti dari segi *importation* peraturan yang ada dan sudah tentunya akan berkolaborasi dengan *food*

authority yang pada masa ini sudah tertubuh.

Bagi permohonan Pensijilan Halal Majlis Ugama Islam Brunei, syarikat-syarikat adalah dikehendaki seperti yang kaola nyatakan tadi bahan ramuannya dari produk-produk yang disahkan halal oleh badan-badan halal yang diiktiraf oleh MABIMS.

Kaola ingin menambah penjelasan ke atas saranan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam berhubung dengan penternakan secara kecil-kecilan iaitu yang melibatkan penyembelihan yang melibatkan penyembelihan kecil-kecilan.

Yang Berhormat mencadangkan pengeluaran Sijil Penyembelihan kepada pengusahan-pengusaha kecil. Kaola sudah menyatakan perkara ini boleh 'dilihati' sejauhnyanya tetapi secara lebih jelas dan meyakinkan ialah berdasarkan Akta Daging Halal Bab 5 (2) sebagaimana juga yang telah disebut dalam mesyuarat-mesyuarat yang lalu ialah penyembelihan binatang bagi kegunaan orang ramai hendaklah mempunyai Sijil Penyembelihan dan pelaksanaannya yang berjalan pada masa ini Sijil Penyembelihan hanya diberikan kepada penyembelih di pusat-pusat penyembelihan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Hal Ehwal Syariah yang menerajui bahagian urusan pemakanan Halal ini, sedang giat membuat penelitian mengenai pemberian Sijil Penyembelihan dilartkan

kepada orang ramai dengan mengambil kira peraturan agensi berkaitan, termasuklah kesejahteraan, peraturan dari segi pusat tersebut diiktiraf, bukan saja halalnya diiktiraf dari segi kesesuaiannya, kesihatannya dan sebagainya.

Kaola ingin menyatakan lagi supaya perkara ini diambil serius bukan untuk menghalang, menuju cara yang bukan menyalahi peraturan yang ada, jadi eloklah perkara ini diambil tindakan lanjut bersama pengusaha-pengusaha kecil yang berniat untuk diiktiraf sebagai penyembelih persendirian berunding dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadi, akan diketahui berapa jumlah mereka yang terlibat dan beberapa alternatif yang boleh dilakukan. Kaola rasa untuk praktikalnya, langkah ke hadapan segera boleh dilakukan.

Seterusnya mengenai penggunaan tabung masjid untuk menampung perbelanjaan 'bersungkaik' di masjid. Kaola menyatakan dibenarkan terserah kepada budi bicara Imam dan Jawatankuasa Takmir Masjid bagaimana mereka mempergunakannya dengan sebaik-baiknya untuk mengadakan acara 'persungkaian', di masjid masing-masing. Tidak payah peruntukan kerana perkara ini lebih banyak bersifat sedekah. Biarlah kita mengembangkan semangat bersedekah itu terutama pada musim Ramadan. Kebijaksanaan Jawatankuasa Takmir Masjid dan juga Imam untuk mem*promote* usaha bersedekah dalam kalangan jemaahnya dan untuk

menampung keperluan jamuan berbuka puasa.

Manakala soalan yang kedua menimbulkan berhubung dengan proses mendapatkan Sijil Halal Brunei sangat mahal, Kalau untuk mengimport dari pusat penyembelihan yang diiktiraf Halal dari Australia misalannya, New Zealand atau Malaysia.

Undang-undang dan peraturan menghendaki dihantar pemerhati untuk mengesahkan pusat tersebut diberi pengiktirafan Halal. Setelah itu apabila syarikat yang berkenaan yang dicadangkannya itu sudah mendapat pengiktirafan, maka semasa proses akan mengeksport daging yang disembelih di pusat tersebut, dihantar lagi pemerhati. Pemerhati ini ialah memerhati proses.

Apa yang telah ditetapkan dalam Sijil Halal, adakah dipatuhi dan bagaimana proses penyembelihan pengasingannya, pembungkusannya, memasukannya ke dalam kontena dan setelah itu kontena tersebut *diseal* dan ada tanda bahawa ia sudah ada pengesahan daripada pihak pemerhati.

Apabila sampai ke pelabuhan, kontena diperiksa *seahya*. *Seal* tersebut yang diperiksa di tempat penyembelihan. Dengan yang sedemikian, tentulah memerlukan perbelanjaan. Pada masa ini kaola sukacita menyatakan usaha sedang berjalan untuk memikirkan bagaimana meringankan perbelanjaan ini.

Di samping usaha-usaha pihak Kementerian berkolaborasi dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahkan jua Kementerian Kewangan dan Ekonomi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau ada huraianya dapatlah difikirkan lagi. Satu perkara pengalaman kaola mengurus perkara ini, ialah syarikat-syarikat itu sendiri, *individually* mereka mahu hanya pusat penyembelihan yang mereka mahu saja. Mereka tidak mahu syarikat lain, padahal syarikat tersebut diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Ia diiktiraf dengan perbelanjaan sebuah syarikat 'A'.

Kaola nasihatkan kalaulah sebuah syarikat sudah diiktiraf dengan perbelanjaan syarikat 'A', berundinglah secara bisnes macam mana mereka boleh menggunakan pengiktirafan Majlis Ugama Islam Brunei itu yang dibiayai oleh mereka, sama-sama kerana bisnes. Sejauh ini, masing-masing berusaha mencari pusat-pusat penyembelihan dan masing-masing akan dilayani untuk memenuhi keperluan mengimport daging ke negara kita.

Kaola rasa itu yang dapat kaola tambah dari kenyataan kaola sebelum ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sajahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih atas peluang yang diberikan bagi kaola untuk mengongsikan mengenai cadangan serta saranan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, pada petang Rabu 22hb. Syaaban 1444 bersamaan 15hb. Mac 2023, iaitu berhubung dengan sukan memanah yang saranan tersebut telah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pihak Kementerian Pendidikan sentiasa mengalu-alukan pihak sekolah dalam mempelbagaikan aktiviti kokurikulum yang ditawarkan untuk mendukung pelaksanaan program sahsiah pelajar yang kaola nyatakan dalam mukadimah pembentangan Belanjawan Kementerian Pendidikan pada hari Sabtu lepas.

Mengenai aktiviti memanah, mengikut data yang ada di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, setakat ini terdapat 5 buah sekolah yang telah menjalankan aktiviti ini dengan kerjasama Pusat Akademi Sukan Memanah *Ar-Rafi Archery* (PASMA). Manakala 2 buah sekolah baru-baru ini juga telah menyatakan hasrat untuk menubuhkan Kelab Memanah Sekolah dengan kerjasama PASMA.

Sebagai tambahan, pihak PASMA baru-baru ini telah membukakan peluang khas kepada para pelajar tahun 4, 5 dan 6 di sekolah-sekolah rendah yang tawaran pusat akedemi sukan tersebut telah pihak Jabatan Pendidikan Kokurikulum kongsikan bersama sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta seluruh negara.

Di Institusi Pengajian Tinggi pula, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa telah mengadakan bengkel sukan memanah sebagai salah satu pilihan modul kokurikulum dan menjadikannya ia sebagai salah satu acara sukan tahunan UNISSA yang dipertandingkan bagi tenaga akademik dan sokongan serta mahasiswa dan mahasiswi.

Bengkel Seni Sukan Memanah ini ditawarkan bagi menghidupkan sunah رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ selain bertujuan menggilap potensi dan bakat pelajar dalam bidang sukan seterusnya diharap menjadi wakil UNISSA dan negara dalam pertandingan sukan dalam dan luar negara. Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga ada kelab memanah sebagai salah satu pilihan aktiviti kokurikulum di universiti tersebut.

Selain itu, *Chancellor Trophy* yang menawarkan pelbagai acara sukan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta juga telah mengetengahkan sukan memanah sebagai salah satu acara sukan yang dipertandingkan.

Sekianlah, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya bukakan semula tajuk ini untuk dibahaskan dan nampaknya ada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengajukan soalan-soalan dan saya persilakan untuk memulakannya Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola sukacita merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan dengan usaha-usaha ke arah meningkatkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Kaola tidak akan bercakap panjang kerana keperluan pencerahan itu sudah pun dibuat mengenai perkara yang dibawa oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Seperti isu tambang Haji, pengurusan Haji dan masjid yang penuh pada waktu-waktu yang tertentu. Kaola *straight to the point* dan spesifik saja.

Mohon 'pemberigaan' diberikan kepada penduduk sekitar sekiranya ada perancangan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuat masjid

baharu bagi menampung keperluan jemaah di dalam lingkungan kawasan Kampung Katimahar, Lugu dan Rancangan Perumahan Negara Lugu.

Untuk makluman kaola ada merujuk kepada buku Anggaran Hasil dan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2023/2024 di bawah Kod Akaun 1116/003. Ada sejumlah peruntukan Kemajuan diberikan untuk membina masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Lugu, cuma tidak tahu apa perkembangannya, adakah ia masih mengikut garis masa rancangan asal? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Rancangan masjid baharu di sekitar tadahan Rancangan Perumahan Negara Lugu, Kampung Katimahar. Kalau Kampung Katimahar sudah ada masjidnya. Rancangan Perumahan Negara Lugu belum ada tetapi dalam rancangan adalah betul sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Ada rancangannya dibuat, di peringkat kerja-kerja, lukisan, bentuk dan sebagainya. Anggaran Belanjawannya sudah ada tapi apabila didapati harga yang dikehendaki untuk membina masjid di Rancangan Perumahan Negara Lugu itu meningkat kerana itulah ia tertangguh untuk dinilai semula.

Yang Berhormat Pengerusi ada lagi rancangan di tadahan Kampung

Katimahar ini termasuk Kampung Tanjong Nangka. Kampung Tanjong Nangka juga ada perancangan menggunakan peruntukan dana tabung masjid untuk membina sebuah masjid di kampung berkenaan. Itu saja yang dapat kaola nyatakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi اللَّهُ أَكْبَرُ kaola memanjat syukur ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kerana menyampaikan mukadimah berkenaan dengan rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan tenang, jelas dan berinformasi.

اللَّهُ أَكْبَرُ kaola suka menyentuh berkenaan dengan hal-ehwal kebajikan saudara-saudara baharu terutama sekali dalam memelihara akidah mereka dengan ilmu-ilmu agama agar menjadi seorang muslim yang sejati اللَّهُ شَاءَ . Sehubungan itu, mustahak bagi pihak-pihak berkenaan melalui pendekatan *whole of nation* menyediakan kelas-kelas bimbingan agama yang mudah dihadiri oleh saudara-saudara baharu di mana saja mereka berada.

Kelas bimbingan muallaf berperanan untuk membimbing saudara-saudara baharu dalam memahami, mempelajari, menghayati dan seterusnya mengamalkan agama Islam dengan sebaiknya. Kelas bimbingan ini hendaklah merangkumi fardu ain, Muqadam, Al-Quran yang diajarkan oleh pengajar-pengajar yang telah dilantik dan diiktiraf oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sehubungan itu, kaola ingin tahu selain kelas-kelas bimbingan yang disediakan oleh pihak kerajaan bolehkah pihak kementerian menyenaraikan kelas-kelas bimbingan yang disediakan oleh pihak *NGO's* iaitu badan-badan keagamaan, persatuan-persatuan yang dibenarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama di semua daerah sebagai panduan kepada saudara-saudara baharu yang ingin tahu mengenai badan-badan keagamaan dan persatuan yang dibenarkan, dan apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan kelas-kelas bimbingan ini terus beroperasi dan berfungsi dengan sempurna?

Soalan kaola seterusnya ialah apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak kementerian kepada golongan warga emas khususnya saudara-saudara baru yakni muallaf yang tinggal di kawasan pedalaman yang masih belum pandai membaca Al-Quran yang mana kaola lebih tertarik dengan konsep turun padang secara bersemuka dapat digunakan tanpa perlu mereka ini hadir ke kelas-kelas bimbingan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Memanglah usaha-usaha dakwah terutama sekali melibatkan kepada saudara-saudara baharu memerlukan sokongan daripada *NGO's* ini. *NGO's* sangat berperanan seperti halnya bank Islam melalui satu projek khas bank Islam dengan berkolaborasi dengan Pusat Da'wah Islamiah mengadakan yang pernah kaola sebut Mualaf *Entrepreneurs* dari segi meningkatkan kedayaupayaan mualaf untuk berbisnes secara kecil-kecilan dan mudah-mudahan akan ditingkatkan.

Dalam masa yang sama juga kementerian mengetahui adanya usaha misalannya Program Tahmid Al-Quran yang dijalankan oleh Nadi *Quranic* adalah satu badan persendirian yang telah mengadakan projek ini untuk 50 orang belia mualaf di seluruh negara. Bagi mengikuti program kaedah yang diperkenalkan oleh Nadi *Quranic* iaitu 'ketuk-ketuk'. Kaedah ini pun merupakan teknik Tahmid yakni 'ketukan kayu' bagi memudahkan para mualaf lebih mudah membaca Al-Quran. Dengan menggunakan 'ketukan kayu' irama tertentu, orang-orang yang lambat mengenal huruf pun akan dapat membaca Al-Quran.

Ada lagi Program *Hidayah Class* anjuran Belia Mualaf As-Syhadah dengan

pesertanya lebih 30 orang belia mualaf. Program ini memberikan kefahaman kepada orang mualaf dalam kalangan belia mengenai ilmu fardu ain dan pengenalan tentang Al-Quran.

Bantuan kepada badan-badan ini, Pusat Da'wah Islamiah menyediakan prasarananya, logistik tempat untuk mengadakan kursus tersebut dan mengadakan perbelanjaan makan minumnya dan sebagainya. Setakat ini, belum ada berupa bantuan secara peruntukan tertentu, tetapi setentunya mengenai urusan mualaf ini, peruntukan yang digunakan ialah peruntukan dari Zakat Asnaf Mualaf. Jadi, peruntukan boleh difikirkan untuk masa hadapan bagi mengembangkan usaha di luar daripada Pusat Da'wah Islamiah.

Bagi Pusat Da'wah Islamiah untuk pedalaman ada rekod. Ziarah bersemuka dengan saudara-saudara baharu di pedalaman dan bandar. Kalau dikira hitungannya bagi keempat-empat daerah lebih 500 kali ziarah dilakukan. Kunjungan itu termasuk juga untuk yang mengajar, melatih dan sebagainya.

Dalam rangka seterusnya latihan-latihan saudara-saudara baharu, di peringkat awal sehingga ke peringkat lanjutan dalam tempoh tertentu di Pusat Da'wah Islamiah dan di tempat mereka sendiri. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** semangat untuk meningkatkan mutu keislaman dalam kalangan saudara baharu, lebih ketara pada masa ini apabila belia mereka sendiri muncul sebagai tenaga bersama-sama dengan Pusat Da'wah Islamiah kerana mereka

Belia As-Syahadah yang dinaungi oleh Pusat Da'wah Islamiah. Apabila kegiatannya memerlukan peruntukan, maka peruntukannya didapatkan dari Pusat Da'wah Islamiah.

Kaola ucapkan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ
الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ
اَجْمَعِيْنَ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas perbentangan Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pencerahan atas isu-isu yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Kaola tidak akan membuat intervensi yang panjang, cuma dua hingga tiga perkara yang kaola akan timbulkan:

1. Di bawah Akaun 002/002 – Pentakmiran Masjid yang peruntukan disediakan sebanyak \$3,690,362.00. Kaola ingin bertanya adakah peruntukan ini boleh digunakan bagi menyokong aktiviti dalam takmir masjid. Ini berkaitan juga dengan

soalan kaola seterusnya mengenai penggunaan Tabung Masjid yang baharu sahaja dijelaskan oleh Yang Berhormat dibenarkan untuk digunakan untuk majlis-majlis dalaman seperti majlis keagamaan. Adalah diharapkan juga kewangan daripada tabung tersebut dapat digunakan bagi kerja-kerja kecil seperti pembersihan kawasan masjid, menaik taraf bilik air, membaiki kerosakan kecil masjid, membeli peralatan masjid, menambah ruang bagi penyimpanan barang ataupun stor.

Ada beberapa kejadian harta benda masjid dipinjam keluar dari masjid tanpa kebenaran dan juga lupa dikembalikan. Jadi diharap perkara ini dapat dielakkan pada masa-masa akan datang. Walau bagaimanapun, kebenaran penggunaan wang tabung ini dapat dimaklumkan kepada Imam kerana ada sebilangan Imam enggan menggunakan kewangan dari tabung ini.;

2. Kaola ingin menimbulkan sekali lagi Isu Halal Haram. Yang kaola ingin sentuh ialah mengenai *response time* kepada isu-isu kehalalan seperti produk makanan yang di *virakan* sebagai tidak Halal. Kadang-kadang di *viralkan ini*, bukan di Negara Brunei Darussalam tetapi di Malaysia. Misalannya di *viralkan* barang-barang itu tidak Halal namun di Negara Brunei Darussalam pun ada dijual barang-barang tersebut. Terdapat keraguan sama ada barang-barang

di*virakan* di Malaysia sebagai tidak halal, adakah ia halal di sini ataupun juga tidak halal.

Bolehkah pihak yang berkenaan mengeluarkan kenyataan segera agar keraguan ini tidak berpanjangan. Kaola mengambil maklum penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa proses mengesan apa yang terkandung dalam sesuatu makanan menggunakan mesin yang *sophisticated* dan *sensitive* yang akan memakan masa. Tetapi kaola ingin bertanya adakah kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, pada misalannya untuk kita saling mengiktiraf Sijil Halal atau ketentuan Haram antara kedua-dua negara iaitu kalau Malaysia mengesahkan suatu produk itu Haram, maka kita akan mengiktirafnya Haram dan sebaliknya. Dengan itu, kita tidak perlu menunggu keterangan dari negara ini.;

3. Isu seterusnya kaola akan sentuh ialah mengenai Zakat. Kaola tidak akan menambah pada yang sudah dibincangkan secara terperinci dengan *detail* pencerahan yang dibuat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, tapi kaola rumuskan sahaja isu Zakat ini dalam 4P.:

i. Pemahaman dan 'pemberigaan' tentang kewajiban mengeluarkan Zakat (bila dan jenis-jenis Zakat).;

ii. Permudahkan bagi orang yang akan Zakat (kaedah pembayaran yang mesra pembayar).;

iii. Perbanyakkan kutipan Zakat melalui pelbagai cara dan kaedah.; dan

iv. Pelaksanaan pemberian Zakat kepada Asnaf Fakir dan Miskin yang lebih efisien dan memastikan ia layak menerima dan diberikan dengan segera.

Diharap Kementerian Hal Ehwal Ugama akan meneliti jika ada tatacara yang boleh digunakan untuk memberi fahaman yang meluas tentang Zakat dan memantapkan lagi pengutipan dan pemberian Zakat di negara ini. Mungkin tajuk ini dan lain-lain tajuk keagamaan boleh ditazkirahkan secara terancang di masjid-masjid atau surau-sarau dan dimaklumkan kepada jemaah pada hari Jumaat supaya banyak yang mengetahui bila ia diadakan.;

4. Akhir sekali, kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan atas pencapaian pelajar-pelajar dalam pelajaran agama mereka. Kelulusan dalam pelajaran agama apa lagi bila mencapai Mumtaz bukan sahaja membanggakan ibu bapa pelajar termasuk juga nenek-nenek seperti kaola. Jadi dalam perkara ini, kaola berharap agar pendidikan agama dapat dipertingkatkan dan diperkasakan lagi untuk melahirkan

masyarakat yang bukan sahaja berilmu pengetahuan agama semata-mata tetapi yang juga beramal dengan ajaran-ajaran agama Islam dalam semua urusan dan pekerjaan harian mereka sepanjang hayat.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola menjawab secara ringkas kepada soalan Yang Berhormat yang mengemukakan mengenai peruntukan yang diberikan sebanyak \$3 juta bagi pentakmiran masjid dalam tajuk yang disebutkan itu, bukan \$3 juta itu untuk program-program takmir. Takmir itu untuk semua perbelanjaan seperti membayar Imam Pelapis dengan ditetapkan bayarannya \$20 sehari dan \$10 bagi Bilal.

Hal ini kegunaannya pada umumnya sebagai pentakmiran masjid dan dari semasa ke semasa ada keperluan masjid-masjid memohonkan perbelanjaan yang akan digunakannya bagi melaksanakan program-program tertentu, pada masa itulah peruntukan ini digunakan. Itu yang diperuntukkan dalam Belanjawan.

Dalam masa yang sama, semangat untuk bersedekah, khairat, hendaklah 'kitani' kembangkan juga dalam masjid ini kerana Tabung Masjid dalam apa juga hal mestilah digunakan lebih dahulu bagi

faedah masjid termasuk kegiatan dalam masjid.

Kaola mendengar juga, ada sebahagian Imam enggan menggunakannya kerana takut tidak dibenarkan tapi sudah jelas bahawa dipohonkan keperluannya itu kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk melihatnya. Seperti yang sudah dinyatakan untuk belanja 'bersungkal' dalam masjid sewaktu Ramadan adalah dibenarkan dari Tabung Masjid bukan dari peruntukan yang disediakan oleh kerajaan setiap tahun. Itulah Yang Berhormat Pengerusi mengenai perkara itu.

Pentakmiran menurut yang kaola faham setakat ini, tidaklah termasuk membaiki kerosakan atau pemeliharaan masjid. Pada masa ini ia dilakukan secara berperingkat-peringkat, kalau kerosakan besar melibatkan peruntukan yang besar, kepakaran seperti atap dan sebagainya, peruntukan disediakan oleh kerajaan dan dilaksanakan secara *term contract*.

Term contract ini pada pelaksanaannya pada masa ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid membahagikan masjid-masjid dalam 10 zon di seluruh negara. Setiap 10 zon diperuntukkan sebanyak \$50 ribu. Kalau masjid memerlukan lebih besar ditanggung perbelanjaannya adalah perbelanjaan kerajaan dan kalau difikirkan sesuai diambil dari Tabung Dana Pembinaan Masjid kerana ia termasuk untuk perbelanjaan bagi pemeliharaan, pembinaan masjid.

Peruntukan yang ditetapkan untuk kerja pemuliharaan, kerosakan masjid dari Tabung Masjid, ditetapkan peratusnya Yang Berhormat Pengerusi, iaitu 10% daripada pendapatan hendaklah disimpan untuk tujuan ini. Peruntukan diasingkan atau disediakan kerana wang itu banyak, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* boleh mengurangkan fiskal kerajaan.

Sejak tahun 2015 sehingga sekarang, kutipan Tabung Dana adalah mencapai jumlah \$28.5 juta dan perbelanjaan setakat ini cuma berjumlah \$7 juta lebih dan pada masa ini ialah \$21 juta bagi pembinaan masjid yang akan datang.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ semua ini akan terurus dan penghargaan yang tinggi kepada penjawat-penjawat awam termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kerana sumbangan daripada penjawat awam setiap bulan antara \$150 ke \$200 ribu dalam sebulan. Sangat signifikan dalam kutipan selain kutipan dari masjid-masjid dan sebagainya.

Isu Halal Haram mengenai *respond time* dengan segera mengenai isu yang di *virakan*. *Respond time* itu:

- i. Bahagian Kawalan Makanan Halal apabila mendapati hal sedemikian Yang Berhormat Pengerusi, dalam *viral* kalau berhubung dengan luar negeri terutama sekali Malaysia, terus dicek kepada pihak yang berkenaan mengenai adakah *viral* itu sah atau tidak. Keterangan yang diperolehi antaranya sudah 3 tahun dahulu, kena *reproduce* semula,

menggemparkan bunyinya. Kalau sedemikian itu barulah dikeluarkan kenyataan.;

- ii. Kalau kenyataannya benar 'kitani' dengan segera mengasingkan barang yang berkenaan itu dari tempat yang Halal. Apabila sudah dipindah ke tempat lain, diumumkan kepada orang ramai supaya beringat-ingat mengenainya.

Time framenya Yang Berhormat Pengerusi, susah hendak dinyatakan berapa lama tetapi ada benarnya orang ramai lambat tahu dan mereka terus menimbulkan spekulasi berdasarkan *viral* yang yang dikutip itu.

Adakah kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar seperti Malaysia dalam pengiktirafan Halal ini. Dalam kalangan negara MABIMS Yang Berhormat Pengerusi, sudah ada ketetapan untuk saling mengiktiraf tetapi keputusan itu belum di *formularised* di peringkat tertinggi.

Berkali-kali sudah ada percubaan, tetapi buat sementara itu 'kitani' tidaklah membuang masa tanpa melakukan sesuatu, 'kitani' secara *informal* mengadakan persetujuan untuk pengiktirafan secara *case by case*. Ini sangat menolong, bahawa untuk memudahkan pemohon-pemohon Sijil Halal, mereka hendaklah menggunakan bahan-bahan yang diiktiraf Halal termasuk dari Malaysia oleh JAKIM. Dengan demikian *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan mudah.

Kita akan mengiktiraf, walaupun belum ada secara formal antara negara MABIM. Mengenai Zakat, inilah *input* yang sangat dialu-alukan iaitu *input* daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Zakat Fitrah untuk semua orang tua, Zakat Harta diketahui jenisnya, nisabnya, berapa yang patut dizakatkan dan sebagainya dan yang penting mengetahui *procedure*nya.

Inilah kesedaran hukum berzakat tapi kefahaman tentang perkara ini boleh dilaksanakan, diakui bahawa kementerian sedang dalam mencari kaedah-kaedah untuk muzaki atau orang yang wajib membayar zakat, melaksanakan kewajibannya mengikut aturan yang diiktiraf selamat dan syarii.

Aturan-aturan inilah sedang dirumuskan dan dicari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan *input* yang diperolehi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat menjadi bahan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Seperti juga dalam pembentangan kaola, Pendidikan Islam ini sebenarnya adalah hasrat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada tahun 1966 yang pada masa itu, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bertitah sebagai raja yang memerintah untuk menubuhkan Sekolah Ugama Arab dan Sekolah-Sekolah Ugama.

Ia bukan sahaja untuk melahirkan orang yang akan bertugas dalam bidang agama

tetapi juga melahirkan satu generasi yang berilmu agama.

Kaola menyedari bahawa Pendidikan Agama bukan sahaja perlu dari segi peningkatan guru, keupayaan murid-murid dan sekolah perlu dilihat semula untuk menuju ke arah masa depan pendidikan iaitu perubahan yang dijangkakan sangat dinamik dan progresif.

Maka sesuai dengan hasrat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien supaya sekolah-sekolah yang diwujudkan seperti sekolah agama menengah dan sekolah Arab Menengah tercapai. Pada masa ini tercapai juga kerana lepasan daripada aliran Arab tidaklah banyak akan hitung tetapi mereka sampai ke menengah dan aliran umum.

Apabila mereka sudah mempunyai potensi, ada yang menjadi Doktor Gigi, berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, di pendidikan dalam bidang lain. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, generasi bependidikan agama sudah wujud dalam 2 generasi, hasil daripada wujudnya Pendidikan Agama.

Usaha untuk meningkatkannya, terima kasih jika ada sebarang *input* yang tertentu dalam kalangan yang mengetahui ilmu pendidikan lebih praktikal supaya abiskaola di Kementerian Hal Ugama dapat menguasainya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat yang bijaksana.

Kaola ingin membuat usulan yang kaola fikir ia sangat bermanfaat dari segi kebajikan dan kesejahteraan kepada orang ramai amnya dan khususnya bagi bakal-bakal Haji atau Umrah.

Terdapat keluhan daripada orang ramai mengenai harga pakej Haji atau Umrah yang setiap tahun meningkat, kita sedia maklum kos Haji ataupun Umrah dan juga barang-barang lain seperti barang makan semakin mahal kerana inflasi.

Kajian telah dibuat seperti berikut:

Pada tahun 1999 harga pakej Umrah adalah \$1,700.00 ia bersamaan dengan berat emas sebanyak 137.32 gram iaitu \$1,700.00 dibahagi dengan \$12.38 segram.

Pada tahun 1999, harga emas dunia ialah USD279.00 *seounce*, jika ditukar kepada ringgit Brunei harga emas adalah \$12.38 per gram iaitu USD279.00 dibahagikan 31.1gram x 1.38 *exchange rate USD - Brunei Dollar*.

Ada 2 situasi, sama ada kita menyimpan wang sebanyak \$1,700.00 atau 137.32 gram emas untuk mengerjakan Umrah tahun 2023 iaitu dengan situasi:

1. Iaitu menyimpan wang sebanyak \$1,700.00 selama 24 tahun iaitu tahun ini. Walau ditambah dividen sebanyak dengan maksimum 1% jumlah simpanan ialah \$2,158.00 manakala kos pakej Umrah pada tahun 2023, puratanya ialah \$4,900.00. Ini belum lagi ditolak Zakat yang cukup haul dan nisabnya.; dan
2. Sekarang kita fokus kepada situasi menyimpan emas. Harga emas sedunia kelmarin 17hb. Mac 2023 ialah \$85.00 segram. Simpanan emas sebanyak 137.32 gram yang disimpan pada tahun 1999 dikali dengan harga emas pada \$85.00 segram jumlah *value* emas ialah \$11,672.00 iaitu 137.32 x \$85.00.

Ia membuktikan 2 perkara iaitu simpanan emas tersebut adalah cukup untuk membiayai kos Umrah pada tahun 2023 sebanyak \$4,900.00.

Malah, ia lebih daripada mencukupi dan boleh menampung 2 orang untuk mengerjakan Umrah iaitu \$9,800.00. Ada lagi duit lebih untuk berbelanja daripada sebanyak \$9,800.00 itu yang dapat membeli jenama 'sharqia'. Yang Berhormat Pengerusi. Saranan kaola adalah seperti berikut:

Kementerian Hal Ehwal Ugama menggalakkan penyimpanan emas kepada orang ramai amnya dan khususnya bagi bakal-bakal Haji atau Umrah bagi menangani masalah kenaikan kos pakej Haji atau Umrah.

Emas adalah *Anti-Inflation*, atau antiinflasi. Jika tidak menjadi kesalahan kerana ia di bawah kuasa Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang juga berkaitan dengan kebajikan rakyat untuk meniadakan cukai terhadap emas iaitu *excise duty* sebanyak 15%.

Ini ialah bagi emas yang bertaraf pelaburan *precious metal investment grade* iaitu emas bertaraf 999 dan emas bertaraf 916. Ini selaras dengan negara Malaysia dan Singapura.

Kita sedia mengetahui bahawa emas adalah mata wang Islam. Duit emas tidak sepatutnya dikenakan cukai iaitu selaras dengan mana-mana mata wang dunia dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam, tidak dikenakan *excise duty*.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Secara ringkas sahaja kaola nyatakan jelas dari perkara yang berbangkit dan saranannya telah pun dibutirkan oleh Yang Berhormat.

Saranannya untuk menggalakkan penyimpanan emas yang ditujukan

kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kementerian tidak ada halangan mengenai saranan berkenaan untuk didakwahkan ataupun disosialisasikan kalau ia ternyata mendatangkan keuntungan yang berlebihan terutama sekali dalam hubungan menyimpan untuk naik Haji atau Umrah. Ada skim simpanan Haji yang dibuat oleh Perbadanan TAIB.

Jika sekiranya wang ditukar kepada emas hasilnya dikira baik. Kementerian Hal Ehwal Ugama akan merujuk kepada pihak-pihak yang pakar dalam bidang pelaburan.

Walau bagaimanapun, kaola akan mengambil inisiatif untuk menjadikan satu perkara yang baik dan yang ditinjau dari segi agama, tidak saja dapat dilaksanakan dari segi ekonomi dan pelaburan.

Mengenai saranan kedua, cukai emas 15% iaitu emas yang bertaraf pelaburan. Kaola memohon rakan sejawatan kaola dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk memberikan penjelasan mengenai perkara ini, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Satu cadangan untuk ditiadakan cukai ke atas pelaburan emas. Perkara ini perlulah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi teliti lebih dahulu.

Benar apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat yang emas ini kira *Anti-Inflation* tetapi perlu difahami ada beberapa faktor akan menjejaskan harga emas di pasaran.

Kalau kita lihat dari segi sejarahnya, sebelum pada awal tahun 2000 atau pada tahun 2002, 2003 harga emas hanya USD200 lebih 1 *ounce*. Walaupun selepas *global financial crisis* pada tahun 2008 dengan kadar *interest rate* rendah harga emas makin meningkat juga. Itu adalah sebab *demand and supply*.

Baru-baru ini kita lihat juga harga emas dalam beberapa bulan ini meningkat hingga \$200.00 1 *ounce*. Pada masa ini sebanyak \$1,900.00 1 *ounce*. hingga hampir \$2,000.00 1 *onz*.

Ada faktor-faktornya disebabkan oleh *inflation*. Memang *over long period of time*. Itu satu aset untuk *Anti-Inflation* tetapi kalau kita lihat pada tahun 2013 hingga tahun 2019 harganya tidak juga naik apa yang kita lihat dalam beberapa bulan ini.

Kalau mereka menyimpan emas dari tahun 2013 hingga 2019 harga tidak juga terlalu jauh meningkat. Jika itu digunakan untuk mengatasi isu mengenai kenaikan harga pakej Haji, mungkin tidak akan tercapai objektif itu. Kita melihat emas itu mungkin lebih panjang lagi *horizon*.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang telah dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan cukup teliti dan terang.

Maka, saya kira cukuplah kita membahaskan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini dan tibalah masanya tajuk ini kita undi. Yang bersetuju bagi tajuk yang berkenaan iaitu Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju. Maka, Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya.

Seperti lazimnya, saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk

menyampaikan mukadimahnya berkenaan hala tuju dalam penjagaan Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya Tahun Kewangan 2023/2024.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pertama, kaola ingin menyertai rakan-rakan dalam Dewan ini, mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas pelantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola seterusnya ingin merafakkan rasa syukur ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى dan menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam memperuntukkan Anggaran Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 berjumlah \$334,918,862.00 juta yang pecahannya seperti berikut:

1. \$115,181,970.00 juta untuk Gaji Kakitangan;
2. \$109,937,590.00 juta untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan
3. \$119,799,302.00 juta bagi projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang sedang dan akan dilaksanakan dengan harga rancangan \$1,492,174,136.00 bilion.

Fokus Kementerian Pembangunan 2023/2024. Dalam usaha untuk mencapai matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan tinggi bagi rakyat dan penduduk negara ini, Kementerian Pembangunan terus komited dalam penyediaan infrastruktur kemudahan awam dalam mendukung keperluan sosio dan ekonomi negara. Ke arah ini, perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 akan memfokuskan:

1. Untuk mempertingkatkan pemeliharaan aset bagi peralatan dan kelengkapan di bawah kawalan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.;

2. Untuk melaksanakan pembinaan rumah selaras dengan perancangan dan meningkatkan pemuliharaan perumahan yang memerlukan pembaikan antaranya rumah-rumah *transit terrace* di bawah Rancangan Perumahan Negara dan Penambahbaikan Apartmen di Skim Perumahan Negara Lambak Kanan.;
3. Meningkatkan pemeliharaan aset-aset perkhidmatan air bagi menjamin bekalan air yang bersih dan berterusan.;
4. Kesediaan infrastruktur dalam menangani impak perubahan iklim dan kenaikan paras laut (*sea level rise*) terutama sekali dalam mitigasi bencana banjir dan perlindungan persisiran pantai.;
5. Menyediakan dan membukakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dimajukan bagi kemajuan bercampur (*mixed development*).; dan
6. Pengurusan alam sekitar yang bersih dan berdaya tahan bagi perairan dan darat termasuk pembersihan Sungai Brunei dan pengurusan taman dan landskap.

Ke arah usaha meningkatkan kesejahteraan awam dengan penyediaan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu untuk dimiliki, kementerian ini menitikberatkan pengurusan dan pelaksanaan projek bagi pembangunan perumahan dan prasarana kemudahan

asas yang terancang mengikut *standard* piawaian yang sedia ada.

Bagi tujuan ini, Pengurusan Pemeliharaan Estet dan Aset, yang berjumlah \$3,066,320.00 juta telah diperuntukkan pada tahun ini. Sejak ia diperkenalkan pada tahun 1984, sebanyak 30,296 buah rumah dan lot tanah telah dikurniakan di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dengan keluasan keseluruhan 5,525 hektar di keempat-empat daerah.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN-11) ini, dua projek perumahan adalah dalam peringkat pelaksanaan:

1. Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2, iaitu 1,000 buah rumah teres yang sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap sebelum penghujung tahun 2023 ini. Projek ini telah dimulakan pada bulan Januari 2021 dan telah mengalami kelambatan selama 7 bulan yang sepatutnya telah siap pada bulan Januari 2023.;
2. Antara faktor penyebabnya adalah tempoh waktu bekerja yang terjejas, sekatan perjalanan yang menyebabkan kekurangan pekerja semasa pengasingan diri dan *lockdown* dalam gelombang pertama dan kedua pandemik *COVID-19* bagi membendung penularan wabak ini. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kini progres projek adalah

on track dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dijangka siap sebelum penghujung tahun ini.;

3. Perumahan Negara Tanah Jambu Fasa 7, iaitu sebanyak 950 buah rumah teres yang dijangka akan siap pada bulan Januari 2025.;
4. Melalui peruntukan Rampaian, sebanyak 140 unit rumah teres di Perumahan Negara Kampung Rimba telah siap dibina pada bulan September 2022. Rumah-rumah ini akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan pada tahun ini.;
5. Bagi Perumahan Negara Lambak Kanan iaitu Apartmen Kontrak H40, setakat ini sebanyak 270 unit dari 300 unit rumah telah pun diperuntukkan dan baki 30 unit lagi akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan pada tahun ini.; dan
6. Sementara itu, menyentuh mengenai isu rumah-rumah rosak yang terdapat di Perumahan Negara Kg. Panchor Mengkubau, dari jumlah keseluruhan 4,000 unit rumah di kawasan tersebut, sebanyak 3,409 unit rumah telah diperuntukkan kepada pemohon. Sebanyak 591 unit rumah masih kosong dan belum diperuntukkan kerana rumah-rumah tersebut mengalami kerosakan.

Sehingga kini, dari 3,409 unit rumah yang telah diperuntukkan, Jabatan Kemajuan Perumahan telah

menerima sebanyak 291 aduan daripada pemilik-pemilik rumah yang mengalami kerosakan dan bilangan aduan dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa.

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengusahakan beberapa perkara seperti berikut:

1. Membaik pulih 39 unit rumah rosak yang berada di luar kawasan yang terjejas.;
2. Menawarkan kepada 41 pemilik rumah-rumah yang telah didapati mengalami kerosakan untuk berpindah ke rumah yang berkeadaan lebih baik iaitu 24 pemilik rumah rosak berpindah ke rumah gantian di Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau; 4 pemilik rumah rosak dipindahkan secara sementara ke rumah *transit* di Perumahan Negara Lambak Kanan, manakala 13 pemilik rumah belum lagi berpindah atas sebab-sebab yang tertentu.;
3. Jabatan Kemajuan Perumahan telah membaik pulih beberapa kerosakan infrastruktur seperti longkang roboh dan pecah di enam lokasi; manakala jalan raya rosak seperti kejadian *sink hole* telah dibaik pulih melalui bantuan Jabatan Kerja Raya.; dan
4. Membuat perancangan bagi membaik pulih 60 unit lagi rumah-rumah yang mengalami kerosakan,

menaik taraf sistem saliran bagi mengelakkan kejadian banjir, membaik pulih jalan raya rosak dan juga masalah tanah susur.

Mengenai kawasan Perumahan Negara Kampung Panaga, Daerah Belait, isu yang dihadapi ialah isu sistem pembetungan yang sering kali dibuat aduan oleh penduduk setempat kerana tersumbat dan air kumbahan melimpah keluar dari *main hole* yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat dari semasa ke semasa.

Sejak perumahan berkenaan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*) belum dapat menyerahkan sistem pembetungan yang sedia ada kerana ia tidak dapat berfungsi sebagai sistem vakum secara keseluruhan sepertimana yang dihasratkan.

Pihak *BEDB* masih mengihtiarkan untuk mengubah dari sistem vakum kepada sistem *gravity* bagi *Precinct 5* dan *Precinct 6* sementara mengekalkan sistem vakum ini di *Precinct 1*, *Precinct 2*, *Precinct 3* dan *Precinct 4*.

Dalam hal ini pada sebahagian kawasan berkenaan, kerja-kerja pembaikan adalah sukar untuk dilaksanakan disebabkan oleh *main hole* dan *vacuum chambers* adalah dalam keadaan *enclosed* dan tertutup di dalam kawasan rumah yang sudah ditambah dan diubah suai yang boleh menghalang

kawasan akses bagi kerja-kerja membaik pulih.

Oleh itu, pihak *BEDB* sedang mendapatkan penyelesaian bagi meneruskan kerja-kerja pembaikan sebelum sistem pembetungan berkenaan dapat diserahkan kepada Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya untuk tujuan penyelenggaraan bagi kerja-kerja pemeliharaan yang seterusnya.

Manakala bagi kawasan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong isu yang dihadapi ialah isu banjir di Jalan Bukit Bilid dan Jalan Paya Namurai yang melibatkan sebilangan rumah di Zon '3' iaitu melibatkan sebanyak 56 unit rumah dan Zon '5' melibatkan 6 unit rumah, terutamanya semasa waktu hujan lebat.

Kejadian banjir masih lagi berlaku di kawasan berkenaan dan Jabatan Kemajuan Perumahan masih membuat pemantauan perkara ini.

Hasil penelitian oleh Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya mendapati sistem perparitan di dalaman atau *internal drainage* di kawasan tersebut tidak dapat menampung air turunan hujan berintensiti tinggi yang menyebabkan kejadian banjir di kawasan tersebut.

Oleh itu, penelitian semula reka bentuk dan rangkaian sistem saliran yang bersesuaian adalah diperlukan bagi menaik taraf sistem saliran di kawasan

tersebut. Perkara ini memerlukan pembaikan lanjut dan peruntukan akan dipohonkan kemudian.

Dalam masa yang sama, Jabatan Kemajuan Perumahan akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan longkang, secara rutin dan berkala melalui kontrak berpenggal (*term contract*) terutamanya semasa musim hujan.

Dalam usaha pembekalan air bersih secara berterusan dan mencukupi, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air, akan memfokuskan inisiatif bagi meningkatkan efisiensi, keberkesanan, kebolehtahanan loji-loji rawatan air seperti penggantian peralatan-peralatan di Loji Rawatan Air Bukit Barun, Daerah Tutong yang telah siap dilaksanakan pada tahun lepas. Antara usaha-usaha yang akan diteruskan adalah:

1. Meningkatkan kerja-kerja pemeliharaan secara berancang di loji-loji rawatan untuk mengelakkan atau mengurangkan kerosakan di luar jangkaan.;
2. Membersihkan tangki-tangki air mengikut jadual dipergiatkan dalam usaha untuk mengurangkan kejadian air berlumpur dan air kekuningan.;
3. Mempertingkatkan lagi keberkesanan *Standard Operating Procedures (SOP)* dalam bertindak terhadap aduan-aduan yang diterima

daripada orang ramai mengenai gangguan bekalan air, kejadian paip pecah atau kerosakan aset untuk memastikan '*quick response*' supaya dapat mengurangkan gangguan kepada bekalan air bersih pada tahap yang minimum.; dan

4. Menyebarluaskan lagi maklumat mengenai kerja-kerja pembaikan yang mengakibatkan gangguan-gangguan bekalan air melalui media sosial supaya pihak yang terjejas dapat membuat persediaan yang diperlukan. Di samping itu jua, beberapa kawasan yang sering saja mengalami masalah gangguan bekalan air atau tekanan rendah telah dapat ditangani antaranya:
 - i. Kawasan RPN Lambak Kanan seperti Jalan 77 dan Jalan 49, dengan beberapa usaha melaksanakan penggantian paip air, pencucian tangki-tangki air dan penyambungan paip *alternative* dari sistem *coastal* ke RPN Lambak Kanan yang telah dapat meningkatkan tekanan dan kualiti air.;
 - ii. Kawasan Kampung Lumapas dengan beberapa pembaikan seperti pemasangan pam *booster* air dan mengoperasikan semula tangki Sungai Kebun yang telah dapat meningkatkan tekanan dan kualiti air yang telah disahkan oleh penduduk kawasan tersebut.; dan

- iii. Sebahagian kawasan di Kampung Limau Manis (Spg. 96), Kampung Sungai Akar (Spg. 40-57), Kampung Madang (Spg. 84), Kampung Bunut (Spg. 11-55 dan Spg. 698), Kampung Jerudong (Spg. 396-54) dan Kampung Tungku (Spg. 367) bahawa langkah-langkah penambahbaikan dan penggantian paip air Baharu di beberapa kawasan-kawasan yang mengalami masalah air telah dapat ditangani.

Maka, melalui peruntukan yang dikhaskan pada tahun ini, usaha berterusan di kawasan-kawasan lain akan dilaksanakan mengikut keutamaan.

Dari segi perancangan jangka panjang pula, projek pembinaan bagi pembesaran loji rawatan air di Bukit Barun iaitu Bukit Barun, Daerah Tutong Stage 8 sedang berjalan pada masa ini.

Projek ini bertujuan untuk menambah kapasiti pengeluaran air bersih ke Daerah Brunei dan Muara sebanyak 120 juta liter air sehari, dijangka akan siap **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada tahun 2025, pembesaran loji ini membolehkan proses rawatan air keruh akibat bahan organik yang tinggi dari Sungai Tutong dengan lebih berkesan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan siapnya projek ini nanti, akan meningkatkan lagi sistem bekalan air yang lebih efektif dan *reliable*.

Dalam menjalankan pemantauan pembaziran air yang berpunca dari kebocoran paip, kementerian ini

berterima kasih kepada orang ramai yang memberikan kerjasama menyalurkan maklumat kes-kes kebocoran paip melalui media sosial dan melalui Talian Darussalam '123'. Kementerian menghargai kesabaran orang ramai dalam menghadapi kesulitan gangguan bekalan air dalam masa kerja-kerja pemulihan bekalan air dilakukan.

Salah satu usaha yang masih diteruskan dijalankan secara berperingkat adalah pemasangan *USMS smart meter* iaitu satu projek bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *DST Networks Sdn. Bhd.*

Sejak Oktober 2022 hingga kini, sebanyak 2,659 dari 125,000 *smart water meter* yang disasarkan telah dipasang. Perancangan usaha ini ialah bagi mengganti meter-meter yang lama ke *smart meter* sepenuhnya.

Dengan adanya sistem ini nanti, setiap pelanggan akan dapat memantau penggunaan air mereka secara *online*. Orang ramai dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan pihak yang berkaitan untuk membolehkan pemasangan *smart meter* tersebut di premis-premis dan rumah-rumah seperti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menangani banjir. Kesan dari aktiviti pembangunan yang semakin pesat dan impak perubahan iklim, isu banjir ditangani

melalui perancangan projek-projek saliran.

Setakat tahun 2022, sebanyak 145 *hotspot* kawasan mudah banjir di seluruh negara telah dikenal pasti iaitu sebanyak 65 *hotspot* di Daerah Brunei dan Muara, 35 *hotspot* di Daerah Tutong, 25 *hotspot* di Daerah Belait dan 20 *hotspot* di Daerah Temburong.

Dalam menangani perkara ini, dengan pelaksanaan strategi pengawalan impak banjir, pengurangan kawasan mudah banjir telah dapat dicapai daripada 465 kilometer persegi kepada 289 kilometer persegi melalui penyiapan beberapa projek pencegahan banjir di beberapa Daerah seperti berikut:

1. Di Daerah Brunei dan Muara bagi kawasan Kampung Jerudong (Simpang 316 sehingga Simpang 396-54-12 Jalan Jerudong) dan Kampung Tanjong Bunut Kanan (Simpang 20 Jalan Tanjong Bunut Kanan) melalui kerja-kerja menaik taraf saliran di kawasan tersebut.;
2. Manakala di Daerah Tutong melalui projek Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 yang telah siap pada 7hb. Disember 2022 yang dijangkakan akan dapat memberi manfaat kepada 13 buah kampung di kawasan hilir kolam iaitu: Kampung Bukit Nibong, Kampung Penulud, Kampung Tanjong Maya, Kampung Sibakit, Kampung Bukit Udal, Kampung Liulon, Kampung Lubuk Pulau, Kampung Bangunggos,

Kampung Pemadang, Kampung Sungai Damit Pemadang, Kampung Penapar dan Kampung Bukit melalui penurunan paras banjir di kawasan-kawasan tersebut.; dan

3. Di Daerah Belait kerja-kerja menaik taraf saliran di Spg. 71 hingga Spg. 455 Kampung Sg. Bakong telah siap melalui projek Menaik taraf Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai - Lumut *Catchment Area*.

Di samping itu, terdapat beberapa projek sedang dilaksanakan seperti kerja mengorek dan melebarkan Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Damuan, pembinaan kolam takungan dalam tadahan Sungai Tutong, menaik taraf longkang di kawasan Sungai Akar dan Sungai Hanching, kontrak penggal bagi kerja-kerja pemeliharaan saliran dan kolam bagi keempat-empat daerah yang diharapkan akan mengurangkan risiko banjir dan kawasan-kawasan mudah banjir.

Dengan tambahan 3 buah kolam takungan di Daerah Tutong, terdapat sejumlah 19 buah takungan yang sedia ada dengan 9 buah kolam di Daerah Brunei dan Muara, 5 buah di Daerah Tutong, 4 buah di Daerah Belait dan sebuah di Daerah Temburong.

اَللّٰهُمَّ, impak positif dari perkembangan-perkembangan ini telah dapat dilihat dengan pengurangan banjir. Walau bagaimanapun impak perubahan iklim kita menjangkakan cabaran ketidaktentuan hujan boleh

mengakibatkan banjir kilat di kawasan-kawasan rendah.

Setakat ini, sebanyak 44% daripada kawasan persisiran pantai di negara ini telah disiapkan dengan benteng hakisan pantai. Usaha-usaha pemeliharaan persisiran pantai diteruskan dengan pelaksanaan projek kawalan pesisir iaitu di sepanjang Pantai Kampung Danau dan projek mitigasi banjir dengan kaedah pembinaan dinding penahan serta menaik taraf sistem saliran bagi perlindungan hakisan sungai dan persisiran pantai.

Dengan peruntukan Tahun Kewangan 2023/2024, kementerian ini akan meneruskan bagi penyiapan projek-projek mitigasi banjir. Ini termasuk memastikan pam-pam air di kawasan-kawasan yang strategik beroperasi secara optimum.

Kerja-kerja mengorek dan melebarkan Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Damuan serta pembinaan kolam takungan dalam tadahan Sungai Tutong, menaik taraf longkang di kawasan Sungai Akar dan Sungai Hanching akan diteruskan di samping kerja-kerja pemeliharaan melalui kontrak-kontrak penggal bagi keempat-empat daerah bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan yang mudah banjir.

Mengenai sanitasi, dalam Peruntukan Tahun 2023/2024, usaha akan diteruskan dalam meningkatkan kadar sanitasi kepada 94% penduduk rakyat dengan penambahbaikan sistem

pembetulan melalui projek menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Gadong (Fasa II), Pintu Malim, Stesen-Stesen Pengepam Pembetulan di samping meningkatkan penyambungan sistem pembetulan secara berpusat di Kampung Menglait, Kampung Batu Bersurat dan Pangkalan Gadong.

Penyambungan sistem pembetulan secara berpusat dari rumah-rumah ke loji rawatan kumbahan diperluaskan lagi bagi mengelak air kumbahan dari rumah menyalur ke sistem longkang dan ke aliran sungai, bagi mengawal dan menjamin kebersihan kualiti air sungai.

Manakala, projek penaiktarafan saluran paip pembetulan di kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria adalah untuk menggantikan paip lama dan meningkatkan ketahanan dan kapasiti sistem pembetulan yang sedia ada bagi menampung kemajuan pesat di kawasan tersebut.

Mengenai prasarana jalan raya. Dalam usaha meningkatkan pengurusan infrastruktur jalan raya, cabaran pemeliharaan jalan raya dengan mengambil kira penggunaan jalan raya yang meningkat, jentera-jentera berat dan kesesakan lalu lintas, usaha berterusan adalah bagi memastikan prasarana jalan raya yang selesa, selamat dan *reliable*.

Antara projek yang telah dapat disiapkan sepanjang Tahun Kewangan 2022/2023 termasuk:

1. 55.6 km jalan lebuhraya telah dilapis semula atau *diresurfaced*.;
2. 34 km jalan-jalan utama telah dibaiki dan dilapis semula.;
3. 6.3 km Jalan Tutong (jalan lama) telah diperbaiki.;
4. Sejumlah 27 buah simpang (10.18km) dinaik taraf dari batu ke asphalt.;
5. 5.5 km jalan-jalan daerah telah diperbaiki.;
6. Jejambat di Lebuhraya Muara-Tutong dan Lugu telah mula digunakan bermula pada 20hb. Februari 2022.

Kerja-kerja pembaikan (*sectional repair*) sedang dalam pelaksanaan di Jalan Tanjong Maya-Penapar sejak September 2022. Manakala pembaikan Jalan Rasau yang berlubang telah dibuat pada bulan Januari 2023.

Perancangan kerja-kerja pembaikan akan diteruskan pelaksanaannya dalam projek-projek Rancangan Kemajuan Negara termasuk program membaiki dan menurap semula jalan-jalan utama.

Pembinaan Jejambat Jalan Penghubung Tanah Jambu hingga Jalan Utama Mentiri yang terhenti sejak tahun 2021 akan dimulakan semula dan dirancang untuk disiapkan sepenuhnya pada awal tahun 2024.

Projek tersebut dihasratkan untuk menyediakan jalan pintas bagi pengguna jalan raya menuju ke Daerah Temburong dari Lebuhraya Muara-Tutong melalui Jalan Utama Tanah Jambu, Jalan Utama Mentiri, Jalan Kota Batu dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin nanti. Ini adalah antara usaha pelaksanaan bagi meningkatkan lagi *connectivity* menghubungkan jalan-jalan di negara ini dengan selamat.

Mengenai bangunan-bangunan kosong. Dalam menangani isu berkaitan bangunan-bangunan kerajaan yang kosong, satu Jawatankuasa Teknikal Menangani Bangunan-Bangunan Kerajaan telah diamanahkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Menteri Pembangunan.

Objektif jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berkesan dalam menangani isu bangunan-bangunan kosong untuk dimanfaatkan sebaik-baiknya. Jabatan Kerja Raya selaku Sekretariat Jawatankuasa ini telah mengemaskinikan inventori bangunan-bangunan kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Kerja Raya.

Sejauh ini, sebanyak 5,638 buah bangunan kerajaan yang telah didaftar. Dari jumlah ini, 594 bangunan telah diroboh dan sebanyak 271 lagi sedang diperiksa dan dalam penelitian sama ada

masih utuh untuk dibaik pulih atau diroboh.

Dari jumlah tersebut, 39% daripada bangunan-bangunan kosong adalah di Daerah Belait, 30% di Daerah Tutong, 28% di Daerah Brunei dan Muara dan 3% di Daerah Temburong. Bagi bangunan yang masih dalam keadaan baik, ia akan ditawarkan kepada agensi-agensi yang berminat dan yang berkeperluan.

Antara bangunan kerajaan yang kosong yang telah diguna pakai semula ialah sebuah Banglo Kerajaan di Jalan Berakas yang telah digunakan sebagai Bangunan Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS sejak bulan April 2022.

Manakala, beberapa bangunan lama telah dirancang untuk diubah suai seperti bekas bangunan *Telbru* di Lapangan Terbang Lama Berakas untuk diguna semula oleh jabatan kerajaan dan terdapat 10 unit berek di Jalan Paduka Tuan dan Jalan Bolkih di Daerah Belait di bawah kawalan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur dan Jabatan Daerah telah diubah suai dan diserahkan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai tempat tinggal bagi orang-orang yang memerlukan.

Sementara itu, Jawatankuasa Teknikal Menangani Bangunan-Bangunan Kerajaan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Menteri Pembangunan akan terus berusaha

dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berkesan dalam menangani isu bangunan-bangunan kosong untuk dimanfaatkan sepenuhnya dan mengelakkan pembaziran.

Mengenai sektor guna tanah dan perancangan. Dasar-dasar mengenai tanah dan perancangan bandar dan desa, yang telah dikemaskinikan disampaikan seperti berikut:

1. Permohonan Ambil Alih Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bertujuan untuk membolehkan tanah-tanah LTS yang bersyarat rumah kediaman yang masih terdapat rumah di atasnya dan masih didiami supaya boleh diambil alih oleh pemohon yang terdiri daripada ahli keluarga pemegang LTS yang mendiami rumah berkenaan dengan syarat pemohon tidak memiliki tanah lain yang bergeran dan tidak mengikuti Skim Rancangan Perumahan Negara atau Rancangan Tanah Kurnia Rakyat Jati.;
2. Sejumlah 125 lot LTS bagi Daerah Tutong dan 84 lot LTS bagi Daerah Belait telah dianugerahkan Geran Tanah-Tanah Lesen Tumpang Sementara kepada pemilik-pemilik tanah pada tahun 2022 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Tanah-Tanah Lesen Tumpang Sementara di bawah Skim

Penganugerahan Tanah-Tanah Lesen Tumpang Sementara pada 7hb. Julai 2022M.

Sejumlah 183 lot Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara dan 35 lot Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Temburong telah diluluskan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dianugerahkan kepada pemohon-pemohon yang layak yang menduduki tanah-tanah berkenaan.;

3. Mempercepatkan proses permohonan tukar syarat khas tanah kepada Perumahan Am kurang dari 1 bulan.; dan
4. Pada tahun 2022, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah menerima sebanyak 473 permohonan bagi menggadai tanah dengan pihak bank.

Untuk ini syarat-syarat dibenarkan untuk menggadai tanah ialah permohonan yang dihadapkan oleh tuan punya tanah kepada Jabatan Tanah untuk mencagarkan tanahnya kepada bank atau institusi kewangan. Permohonan menggadai tanah ini dikawal oleh Bab 23 Kanun Tanah (Penggai 40) yang akan dihadapkan untuk kebenaran Majlis Mesyuarat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lebih dahulu.

Undang-undang ini antaranya ialah untuk mengawal supaya tuan-tuan punya tanah tidak sewenang-wenangnya

menggadai tanah-tanah mereka. Dasar yang disyaratkan untuk membenarkan permohonan menggadai tanah mereka dikehendaki atas sebab dan tujuan yang terhad sahaja.

Antaranya ialah mendapatkan pinjaman bank untuk:

1. Membeli rumah dan tanah yang untuk digadaikan.;
2. Membeli rumah dan tanah yang lain di dalam negara atau luar negara.;
3. Membesarkan perniagaan, membina rumah atau membesarkan rumah.;
4. Menjelaskan hutang terdahulu dengan pihak bank;
5. Membiayai kos pelajaran anak ke luar negara.;
6. Pelaburan perniagaan.; dan
7. Tujuan-tujuan munasabah yang dapat diberi pertimbangan.

Pejabat Tanah juga pada tahun 2022 telah menerima sebanyak 479 permohonan penukaran syarat tanah dan 99 permohonan memperbaharui tempoh pajakan tanah. Antara usaha Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang sedang dalam penelitian adalah mengkaji semula garis panduan kemajuan berkenaan seperti garis panduan perniagaan, penyediaan garis panduan baharu seperti bagi kemajuan hotel dan pertanian.

Melalui Majlis Perancang Guna Tanah satu penelitian sedang dibuat dan masih lagi berjalan dalam meneliti tanah-tanah perusahaan untuk tujuan pelaburan yang dapat mendukung meningkatkan aktiviti perekonomian yang masih lagi dalam penilaian. Sebanyak 26 tapak tanah kerajaan telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Kemajuan bercampur (*mixed development*) di bawah program *Government Land Lease. Finalization* bagi penelitian-penelitian ini diharapkan akan dapat diselesaikan dalam tahun ini.

Mengenai alam sekitar yang mampan bagi memastikan kebersihan sungai terutama sekali Sungai Brunei, melalui kelulusan peruntukan pada Tahun Kewangan 2023/2024 Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan melaksanakan usaha pembersihan Sungai Brunei yang lebih efisien dan efektif dengan menggunakan kaedah dan teknologi yang terkini seperti *boat skimmer*, *barge* dan penghadang sampah atau '*booms*'.

Ini termasuk kerja-kerja infra seperti memasang perangkap sampah pada *outlet* saluran bagi mengelakkan sampah-sampah dari darat masuk ke sungai.

Bagi menjamin kebersihan di darat pula, pengurusan operasi dan pemeliharaan tempat-tempat pembuangan sampah juga diberi perhatian utama khususnya pengurusan stesen pindah sampah dari

Sungai Akar, Daerah Brunei dan Muara dan Tapak Pelupusan Sungai Paku, Daerah Belait.

Tapak Pelupusan Sungai Paku, Daerah Belait yang berkeluasan 104 hektar pada masa ini dan menerima 90% daripada keseluruhan sampah yang dihasilkan di negara ini, dijangka akan mencapai had kapasitinya pada tahun 2030.

Oleh itu, ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih berdaya tahan dan lebih efektif serta memerlukan pembukaan kawasan tanah yang jauh lebih kecil, perancangan kementerian ini ialah untuk melaksanakan fasa awal bagi penyediaan dokumentasi *Request for bag Proposal* pembinaan sebuah Loji *Incinerator Waste - to - Energy* yang berupaya untuk memproses 800 hingga 1,000 tan metrik sampah sehari dan pada masa yang sama boleh menjana tenaga elektrik.

Isu seperti masalah bau dan *leachate* (air larut resap) yang biasanya dikaitkan dengan kaedah *landfilling* boleh dielakkan. Dengan adanya pelaksanaan teknologi terkini pengurusan *solid waste* ini, isu pencemaran seperti pelepasan gas daripada loji *incinerator* boleh ditangani dengan sebaik-baiknya. Kaedah ini juga dinilai menjamin pengurusan sampah yang lebih efisien dalam jangka masa 20 tahun ke depan.

Pengurusan dan pemeliharaan taman-taman di bawah jagaan pihak JASTRe juga diberi perhatian dalam peruntukan

tahun ini termasuklah Taman Mahkota Jubli Emas yang telah diserahkan pengurusan pemeliharaan landskap kepada JASTRe bermula pada bulan November tahun lepas 2022.

Peranan JASTRe ialah mengambil alih pemeliharaan Taman Mahkota Jubli Emas ini mengenai penjagaan landskap sahaja. Taman Mahkota Jubli Emas kekal di bawah bidang kuasa *ownership* Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengikut kuasa Undang-Undang yang sedia ada.

اللَّهُمَّ keberkesanan usaha dalam mempromosikan kesedaran awam terhadap pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar, peningkatan dalam penglibatan orang ramai, agensi kerajaan dan sektor swasta secara sukarela kian meningkat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita mengharapkan usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran kebersihan akan diteruskan lagi.

Dalam industri pembinaan, dalam melaksanakan peranan Kementerian Pembangunan selaku peneraju bagi *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* bagi sektor pembinaan. Sejak penubuhan jawatankuasanya pada tahun 2020, beberapa program dengan sokongan padu dari institusi-institusi pengajian, agensi-agensi dan autoriti berkaitan telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan kecakapan pencari pekerjaan dan graduan tempatan dengan lulusan

disiplin yang relevan dalam industri pembinaan.

Program-program ini bagi meningkatkan peluang pekerjaan tenaga kerja tempatan.

Committee ini telah mengenal pasti 11 *Critical Occupations* yang boleh diambil alih oleh anak-anak tempatan, iaitu jawatan:

1. *Resident Technical Officer.*;
2. *Clerks of Works.*;
3. *Construction Site Representative.*;
4. *Draught's person* atau Tukang Lukis.;
5. Penyelaras *HSE (Health, Safety and Environment).*;
6. Pemandu *Heavy Goods Vehicle* Kelas 2 dan 5.;
7. Tukang Kayu.;
8. *Scaffolder* bagi pembinaan.;
9. Juruelektrik Bangunan.;
10. Juruteknik Penghawa Dingin.;
- dan
11. Tukang Paip.

Dalam pada itu, keperluan jawatan seperti Juruukur Bahan, Juruteknik dalam jurusan Juruukur Bahan, ejen dan penilai hartanah, Juruukur Tanah dan Operator Mesin juga dilihat dapat dibuat

oleh graduan tempatan memandangkan masih terdapatnya kekurangan jawatan-jawatan ini yang dipegang oleh anak tempatan.

Dari penglibatan Kementerian Pembangunan, melalui *MISC* jabatan ini, beberapa program telah dilaksanakan bersama pihak berkepentingan antara lain termasuk:

1. Bersama pihak swasta dalam 'mengungkapkahkan' Program Latihan kepada dua *cohort* lepasan graduan dalam jurusan teknikal yang berdaftar dengan *i-Ready* untuk mengikuti Program *Architect - Mechanical & Electrical - Civil & Structural (ARMECS)*.

Program ini bertujuan untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang teknikal seperti *Site Supervisors* dan *Resident Technical Officers*; dan

- 2) Bersama *Institute Brunei Technical Education (IBTE)*, melalui Program *Dual Technical and Vocational Education Training, (TVET)* – bagi *Level HNTEC* dalam *Construction and Draughting*, seramai 199 pelajar dalam dua pengambilan telah mengikuti kursus tersebut bermula pada bulan Julai tahun 2021 dan bulan Ogos tahun 2022 bagi pengambilan kedua. Kursus tersebut dijalankan selama dua tahun di *IBTE* dan pelajar-pelajar dari pengambilan pertama akan menamatkan kursus

pada bulan Oktober/bulan November 2023.

Bersama pihak *IBTE* juga gabungan *Main Power Industries Steering Committee* dan *Energy* telah megemas kini *Module IBTE IGC 03, Health Safety Security and Environment* yang telah diluluskan dan diiktiraf oleh pihak *BDANC* sebanding dengan *IOSH* pada bulan September tahun 2021 ke arah pengisian sebahagian keperluan *Workforce Safety and Health Coordinator*.

HSE Competency Apprenticeship Programme juga telah dilancarkan pada 18hb. Jun 2022M. Sejak diperkenalkan, program ini telah menerima kemasukan seramai 80 orang peserta bagi 3 pengambilan sehingga Januari 2023 yang terdiri daripada syarikat-syarikat sektor tenaga dan pembinaan. Dari seramai 80 peserta ini, seramai 36 peserta mengambil kursus *IOSH* dan 44 orang peserta mengambil kursus *NEBOSH*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ daripada 3 pengambilan ini, seramai 13 orang daripada 36 orang peserta telah selesai menjalani kursus *IOSH* dan 4 daripada 44 orang peserta telah menamatkan kursus *NEBOSH* sementara selebihnya masih menjalani kursus-kursus berkenaan. Program-program ini yang telah disediakan bertujuan bagi membolehkan pelatih-pelatih untuk memenuhi syarat keperluan *Worksite Safety And Health, Work Force*

Safety, Workplace Safety And Health Officers Regulations 2014 S036 CI.3 & Second Schedule bagi Jawatan *Workplace Safety & Health (WSH) Coordinator* dan bagi memenuhi syarat keperluan *WSH (Construction) Regulations 2014* bagi jawatan *Workplace Safety & Health Officer* yang memenuhi keperluan *SHENA* bagi *Work Place Safety and Health Officer 2014*.

Inisiatif ini bagi melengkapkan para peserta dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri pembinaan serta menjadikan mereka lebih *marketable & employable* kepada pihak industri apabila peraturan dan undang-undang ini dikuatkuasakan sepenuhnya nanti.

Dalam hal pengawalan penilai dan ejen estet hartanah (*BOVEA*). Dalam hal-ehwal pengawalan penilai dan estet-estet hartanah pula, melalui Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah, seramai 19 orang *practitioners'* yang berdaftar yang 3 antaranya adalah penjalan ejen penilai (*valuers*) dan sebanyak 16 penjalan amalan Ejen Harta Tanah (*estate agent*) yang berdaftar.

Pada tahun 2019, satu Memorandum Persefahaman (*MoU*) antara Kementerian Pembangunan dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) telah dimeterai. Usaha kolaborasi ini berjaya melatih seramai 28 orang pelajar mengikuti latihan dan berkelayakan sebagai ejen hartanah. Seramai 6 orang

para graduan lepasan *IBTE* dalam kursus *HNTec Real Estate Management and Agency* dan agensi-agensi telah berjaya mendapatkan peluang-peluang pekerjaan di bawah penyeliaan *Qualified Practitioner* yang berdaftar di bawah *BOVEA*.

Pencapaian ini antara pencapaian langkah ke hadapan walaupun masih diangka yang kecil, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kejayaan yang besar perlu dimulakan dengan langkah permulaan dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah *workforce localization*.

Dalam fokus penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatannya terus melaksanakan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan selaras dengan dasar dan undang-undang, antaranya ialah:

1. Seramai 228 orang individu dan sebanyak 117 buah syarikat telah dikenakan kompaun di bawah *Miscellaneous Offences Act 2021* ke atas kesalahan pembuangan sampah di tempat awam dan ini termasuk keberhasilan penangkapan kes pembuangan sampah melalui pemantauan (*surveillance*) CCTV bagi tempat-tempat *hotspot illegal dumping*;
2. Melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (*TCP*), sebanyak 27 jumlah Waran Kompaun di bawah Akta

Perancangan Bandar dan Desa tahun 2015 di bawah Peraturan Kesalahan-Kesalahan Kecil telah dikeluarkan dengan bayaran denda kompaun bernilai \$6,750.00. kompaun tersebut bagi kesalahan kegiatan tanpa kebenaran yang menghalang laluan, *driveway*, tempat letak kereta serta yang melibatkan kawasan garis bangunan atau landskap.; dan

3. Pihak *ABCi* juga telah mengambil tindakan ke atas isu - isu pelanggaran Perintah Kawalan Bangunan 2014 dengan mengeluarkan:
 - i. Sebanyak 354 Surat Peringatan/ Amaran / Teguran telah dikeluarkan.;
 - ii. Sebanyak tujuh belas Notis Penguatkuasaan Pertama dan sebanyak sebelas
 - iii. Notis Penguatkuasaan Akhir.; dan
 - iv. Sejak bulan November tahun 2021, di bawah peruntukan *Section 57 Compounding Regulation* sebanyak 35 kompaun dalam kesalahan pemasangan iklan/papan tanda tanpa kebenaran dan 3 kompaun atas kesalahan melaksanakan kerja-kerja pembinaan tanpa pendaftaran yang sah telah dikeluarkan.

Dengan adanya usaha-usaha penguatkuasaan ini, Kementerian Pembangunan yakin ia akan dapat

meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuhan undang-undang pembinaan, perancangan, tanah mahupun kebersihan. Ia bertujuan untuk menjaga keselamatan dalam industri pembinaan, mengurangkan risiko yang menjejaskan keselamatan orang awam dan untuk menjaga kebersihan dan mencegah pencemaran alam sekitar yang boleh memudaratkan kesihatan awam.

Mengenai aduan orang ramai. Kaola ingin sekali lagi mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan kepada masyarakat dan orang ramai yang telah menyalurkan maklumat dan aduan kepada Kementerian Pembangunan yang berkaitan dengan apa jua kesulitan, kekurangan dan kelemahan yang dihadapi. Aduan dan maklumat yang disampaikan penting dan kaola sangat mengalu-alukan peranan orang ramai yang membuat aduan sama ada melalui saluran Talian Darusalam '123' dan melalui saluran perhubungan yang lain termasuk media sosial seperti *facebook*, *Instagram*, *whatsapp* dan apa jua kaedah yang lain.

Sehubungan itu, kaola ingin mengongsikan sepanjang tahun 2022, sebanyak 55,448 aduan telah diterima oleh Kementerian Pembangunan melalui Talian Darusalam '123'. Aduan tertinggi yang sering diterima mengenai gangguan bekalan air iaitu sebanyak 34,743 aduan (62%) daripada keseluruhan 55,448 aduan yang diterima.

Setakat ini sebanyak 96.99% telah diselesaikan, manakala sebanyak 698 aduan (1.95%) masih belum selesai. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah merangka beberapa inisiatif bagi mengurangkan masalah bekalan air seperti berikut:

1. Kerja-kerja penggantian paip lama melalui projek *OCAR* Rancangan Kemajuan Negara.;
2. Menambah pemantauan dengan menambah *frekuensi* pengambilan contoh-contoh air di kawasan terjejas.;
3. Setiap tangki air diurus diselenggara dan diperiksa supaya gangguan bekalan air boleh dicegah dan dikurangi.;
4. Memastikan pembersihan dibuat secara berkala dan berjadual bagi tangki di seluruh Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait bagi memastikan masalah air kekuningan atau berlumpur dapat dikawal dan dihindari.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Aduan kedua tertinggi yang diterima kementerian ini ialah mengenai Jabatan Jalan Raya. Bagi tahun 2022 sebanyak 8,693 aduan diterima dari jumlah aduan ini sebanyak 69% aduan iaitu permohonan aduan dan permohonan

yang diterima telah pun siap dibuat pembaikan oleh jabatan ini. Sementara itu sebanyak 31 aduan dan permohonan masih belum diselesaikan. Antara aduan yang diterima oleh Jabatan Jalan Raya seperti aduan mengenai jalan rosak dan berlubang, lampu isyarat yang tidak berfungsi, pokok tumbang, longkang tersumbat, rumput panjang, air bertakung, jalan banjir, papan tanda, pagar besi, *court guard rail*, *grating*, longkang, *culvert*, *main hole* rosak, garis jalan pudar serta permohonan-permohonan bagi cermin keselamatan, bandul dan *zebra crossing* untuk dipasang.

Sebagai contoh bagi aduan kerosakan jalan, sebanyak 3,828 aduan permohonan untuk membuat jalan, memperbaiki jalan, di Jabatan Jalan Raya masih menunggu untuk ditutup atau diselesaikan. Adalah diakui aduan yang diterima sebahagian besar mengenai jalan-jalan rosak dan berlubang. Permohonan bagi mengasfalt jalan-jalan, simpang dan yang berkaitan dengannya adalah antara jumlah aduan yang tertinggi. Namun, kementerian ini akan mengusahakan untuk memperbaiki rancangan-rancangan dan rangkaian jalan melalui peruntukan yang telah disediakan.

Selain itu, Jabatan Jalan Raya juga sering menerima aduan mengenai kerosakan lampu isyarat, sebanyak 18% iaitu 2,794 aduan daripada aduan yang dinyatakan tadi, terdiri daripada masalah mengenai lampu isyarat yang tidak berfungsi. Bagi mengatasi perkara ini Jabatan Jalan

Raya berusaha menangani aduan yang diterima dengan segera *or* seberapa bagi melancarkan aliran trafik terutamanya pada waktu-waktu puncak (*peak hours*).

Manakala bagi isu bekalan tenaga elektrik atas lampu isyarat, Kementerian Pembangunan akan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri bagi menangani isu ini secara bersama.

Jabatan Saliran dan Pembetulan menerima sebanyak 3,023 aduan iaitu sebanyak 5.4% aduan ketiga tertinggi diterima kementerian ini. Aduan yang sering diterima jabatan ini mengenai masalah dan saluran pembetulan yang tersumbat dan rosak. Sebanyak 92 aduan yang masih belum diselesaikan, manakala sebanyak 2,765 aduan iaitu sebanyak 91% aduan mengenai saluran dan pembetulan telah pun selesai dibuat pembaikan. Jabatan Saliran dan Pembetulan telah mengambil beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Tindakan bagi membaiki paip patah atau pecah dan membaiki, mengganti pam dan peralatan mekanikal dan *electrical*;
- ii. Tindakan memasang, mengganti pagar *anti-theft* bagi stesen-stesen pam dan loji rawatan kumbahan;
- iii. Tindakan menaik taraf paip pembetulan utama dan kapasiti serta fasiliti stesen-stesen pam dan loji-loji rawatan kumbahan.; dan

- iv. Mengemas kini keperluan dan spesifikasi reka bentuk dan pemeliharaan pembetulan mengikut *best practice* dan keperluan terkini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dari jumlah keseluruhan aduan, sebanyak 55,444 aduan tadi yang diterima oleh Kementerian Pembangunan pada tahun 2022. Setakat ini sebanyak 47,808 aduan iaitu sebanyak 86.2% telah dapat diselesaikan dan bakinya sebanyak 7,640 aduan iaitu sebanyak 13.7% masih belum dapat diselesaikan disebabkan oleh beberapa keterbatasan yang memerlukan masa untuk diselesaikan dan masih lagi ditangani, dan diberikan perhatian sehingga kini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil keutamaan akan kepentingan aduan-aduan orang ramai ini. Ia salah satu tanda aras yang relevan bagi Kementerian Pembangunan untuk menilai dan memperbaiki mutu perkhidmatan kaola dalam memastikan kemaslahatan orang ramai ditangani diberikan perhatian dan tindakan yang sebaik-baiknya.

Sekian sahaja, yang dapat kaola kongsikan di Dewan yang mulia ini. Segala inisiatif dan usaha yang dikongsikan tadi akan dipertingkatkan demi menjamin kesejahteraan dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat negara ini.

Kaola mengakhiri mukadimah ini dengan memohon doa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli kerabat diraja akan terus dikurniakan nikmat lanjut usia dan kesihatan serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah diberikan penuh terperinci dan komprehensif, menyeluruh mengenai penyediaan Belanjawan kementerian yang berkenaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024. Saya kira, saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin menangguhkan persidangan kita ini untuk membolehkan kita berehat, dan

kita akan bersidang semula tengah hari nanti mulai pukul 2.30 petang seperti biasa.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula setelah kita berhenti rehat tengah hari tadi. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 di peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk meneliti dan membahaskan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi kita telah selesai meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sekarang kita meneliti dan membahaskan pula Tajuk Kementerian Pembangunan. Sebagaimana yang dimaklumi Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah juga selesai mengemukakan mukadimahnyanya tentang hala tuju penyediaan Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya Tahun Kewangan 2023/2024.

Oleh yang demikian, kita akan menyambung semula untuk meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya. Bersama saya ada terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini. Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang jelas dan padat. Kaola mengharapkan agar apa-apa yang dirancang dapat dicapai dengan jayanya. اِنْ شَاءَ اللَّهُ

Kaola sukacita menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Merujuk kepada Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 sejumlah \$596 ribu dengan Harga

Rancangan dan \$52.8 juta di bawah RKN-11 disediakan bagi menangani risiko bencana alam.

Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan dengan isu banjir yang kerap berlaku di kawasan berisiko di Daerah Tutong, pada dasarnya keadaan banjir ini bukan isu baharu malahan sudah menjadi lumrah kepada kehidupan penduduk yang terlibat.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan banjir berlaku. Antaranya hujan lebat dan kenaikan paras air laut atau air pasang. Dengan itu kaola melihat kesan negatif jangka panjang *loss and damage* disebabkan oleh banjir jika tidak ditekani dari sekarang, maka akan timbul antara kesan-kesan akibat banjir akan berlaku seperti:

1. Nilai hartanah akan jatuh.;
2. Melambatkan semua bentuk kemajuan.;
3. Merosakkan tanaman.;
4. Menimbulkan kegelisahan dan ketakutan kepada penduduk apabila berlaku musim tengkujuh dan air pasang.;
5. Penghijrahan penduduk ke tempat lain yang lebih selamat.

Soalan kaola ialah apakah perancangan jangka sederhana dan Panjang pihak Kementerian Pembangunan bagi

mengurangkan risiko banjir di Daerah Tutong?

Seterusnya kaola juga mencadangkan pembinaan lebih banyak penahan kolam-kolam takungan banjir (*flood reservoir*) di kawasan-kawasan strategik di hulu Sungai Tutong, terutama cabang-cabang sungai di kawasan-kawasan tertentu yang menyumbang banjir besar kepada Sungai Tutong. Antara kampung yang terlibat di Daerah Tutong ialah Kampung Keriam, Pekan Tutong, Kampung Bukit, Kampung Long Mayan, Kampung Rambai, Merimbun dan Kampung Benutan. Selain itu juga di kawasan Daerah Belait yang terlibat dengan banjir ialah Kampung Dungun, Kampung Rawai, Kampung Sukang, Kampung Bukit Sawat dan Kampung Sungai Mau.

Kaola juga ingin mengemukakan berkenaan dengan tembok-tembok penghadang ombak bagi kawasan-kawasan persisiran pantai yang melibatkan penempatan penduduk kampung berkenaan, terutama sekali di kawasan Kampung Danau, Mukim Telisai dan juga Kampung Penabai, Kuala Tutong, Daerah Tutong dan di pesisiran pantai Jalan Maulana kawasan perumahan awam Daerah Belait.

Kebimbangan penduduk tentang keadaan tembok-tembok penghadang ombak yang ada sekarang tidak lagi mampu menahan kekuatan dan hakisan ombak terutama sekali pada musim tengkujuh. Ada antaranya kawasan ini mengalami keruntuhan dan kerosakan

yang memerlukan pembaikan dan perhatian segera.

Kaola ingin tahu apakah ada usaha-usaha jangka pendek, sederhana dan panjang pihak kerajaan mengambil kira bagi menaik taraf atau membina tembok-tembok penghadang ombak yang lebih kukuh dan selamat. Mohon pencerahan mengenainya. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan mengenai kesan banjir dan hakisan disebabkan oleh air sungai dan kenaikan paras air laut.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebahagian daripada perkara yang dibangkitkan ini ada kaola menghuraikan dalam mukadimah kaola tadi pagi. Jadi sebahagiannya juga, izinkan kaola untuk memberikan penjelasan lanjut berkait dengan soalan yang dibangkitkan ini terutama sekali mengenai kawasan pedalaman Daerah Tutong.

Memang kawasan ini seperti yang disebutkan tadi adalah *flood prone area*, kawasan yang mudah banjir, yang kawasan ini mempunyai topografi yang rendah dan sering terdedah dengan kenaikan paras air sungai. Kawasan tersebut juga diketahui sering dan akan masih mengalami banjir musim tengkujuh setelah menerima turunan hujan yang banyak sehingga menyebabkan air dari sungai akan

melimpah ke kawasan-kawasan yang rendah.

Seperti Yang Berhormat jelaskan dalam cadangan dan soalan tadi, keadaan banjir ini jika tidak ditangani dengan baik akan menjejaskan kemajuan kawasan-kawasan termasuk juga perkara-perkara yang dibangkitkan tadi nilai rumah dan melambatkan kemajuan dan merosakkan tanaman dan sebagainya. Kaola mengambil pandangan yang sama dengan cadangan pembinaan kolam penahanan banjir kerana ia adalah satu kaedah yang mampu mengawal risiko banjir dengan lebih berkesan.

Bagi kawasan Daerah Tutong ini, kementerian telah melaksanakan kajian di beberapa tempat untuk menangani masalah banjir di kawasan tadahan Sungai Tutong ini. Hasil daripada kajian tersebut kementerian telah melaksanakan beberapa projek mitigasi banjir dengan membina kolam penahanan banjir serta pembinaan sistem ban dan pam saluran melalui RKN-11 pada ketika ini.

Pertama ialah pencegahan banjir di sebelah hulu Sungai Tutong, pencegahan banjir di sebelah hilir Sungai Tutong dan membina kolam penahanan banjir Daerah Tutong, Fasa 1. Hasil daripada kesiapan projek-projek ini yang telah menunjukkan kesan positif kejadian banjir sejak 2019 telah melihat kekurangan sehingga kini di kawasan-kawasan berkenaan.

Manakala terdapat 2 buah kolam penahanan banjir masih lagi giat dibina di tapak berdekatan tadahan Sungai Padang dan Sungai Kiudang di bawah Tajuk Projek Pembinaan Kolam Takungan Dalam Tadahan Sungai Tutong dan ini dijadualkan siap pada tahun 2024 إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Setelah juga mendengar dari tempat-tempat yang disebutkan tadi *I think* difahami juga kawasan-kawasan mudah banjir di Daerah Tutong ini melibatkan kawasan tadahan yang sangat luas dan ia setentunya memerlukan peruntukan yang amat besar untuk dibuat pengkajian dan juga tindakan-tindakan yang akan dirancang setelah kajian dibuat nanti. Jadi *stagenya* pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya yang memikirkan perkara ini dan menduduki perkara ini sebagai melihat tindakan jangka panjang untuk menangani masalah-masalah banjir yang sering berlaku di kawasan-kawasan tersebut.

Setelah perancangan dibuat dan permohonan peruntukan dihadapkan nanti, setelah mendapat peruntukan setentunya akan diagihkan untuk melaksanakan projek mitigasi banjir kawasan-kawasan tersebut dan sama juga di kawasan-kawasan yang lain di seluruh negara, Daerah Brunei dan Muara, Daerah Temburong dan Daerah Belait. Perkara ini setentunya akan memerlukan untuk dilaksanakan secara berfasa.

Perancangan seterusnya untuk menangani masalah banjir ditadahan Sungai Tutong dan juga di Kawasan yang terdedah dengan air pasang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan juga dihadapkan dalam cadangan projek-projek ke arah menangani isu banjir ini dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 antaranya ialah:

1. Kerja-kerja mengorek sungai-sungai utama di Sungai Telamba, Sungai Pepekan, Sungai Danau, Sungai Kelakas dan mulut Sungai Tutong.;
2. Saluran keluar kedua Sungai Tutong Fasa 1.;
3. Projek melebarkan kolam tadahan Kuala Abang.;
4. Skim pencegahan banjir di Pekan Tutong, Kampung Keriam dan Kampung Bukit Bendera.; dan
5. Menaik taraf sistem saliran di kawasan Simpang 1039, Kampung Sinaut dan Kampung Batang Mitos.

Inilah antara projek yang telah diteliti dan cadangan seterusnya untuk membuat tindakan-tindakan mitigasi secara jangka panjang. Itulah yang dapat kaola sampaikan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bijaksana. Yang Berhormat yang bijaksana. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana mukadimah yang disampaikan begitu komprehensif mengenai Belanjawan Tahun 2023/2024 Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mempunyai beberapa soalan:

1. Berkenaan dengan Kementerian Pembangunan mengenai melokalisasikan (*localize*) dalam industri pembinaan melalui nisbah tempatan asing. Industri pembinaan adalah industri kedua terbesar di Negara Brunei Darussalam. Pada bulan Januari 2020 komposisi tenaga kerja tempatan dan asing di industri pembinaan dilaporkan sebanyak 83% dari jumlah ini iaitu 27,227 orang terdiri daripada tenaga kerja asing.

Manakala setakat bulan Disember 2022 jumlah mereka yang mencari pekerjaan yang mempunyai latar belakang pembinaan adalah lebih daripada 1,000 orang. Pada masa yang sama jika dilihat institusi pendidikan tempatan kita melahirkan lebih kurang dalam 500 orang pelajar setiap tahun dan jika perkara ini

berterusan ia dijangkakan jumlah mereka yang mencari pekerjaan dalam bidang ini akan meningkat dalam sekitar 1,500 pada penghujung tahun 2023. Persoalan kaola ialah apakah perancangan pihak Kementerian Pembangunan dalam usaha ke arah membumiputerakan dalam industri pembinaan ini? Menurut Surat Keliling *Local Business Development (LBD)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan pada 23hb. November 2019, nisbah tempatan asing adalah ditetapkan dan diaturkan ialah 20:80 yang nisbah ini diguna pakai dalam kesemua industri pembinaan. Cadangan kaola pula ialah untuk melihat dan menilai semula nisbah tempatan asing dengan mencadangkan satu set nisbah yang berlainan yang berdasarkan klasifikasi syarikat dan skopnya.

Ini adalah untuk membolehkan perkhidmatan dan pembekal akan mempunyai peluang pekerjaan yang dapat dikenal pasti yang boleh menarik minat tenaga kerja tempatan untuk bekerja seperti pembina iaitu kontraktor, perkhidmatan konsultan, ejen estet, makmal dan perkhidmatan juruukur dan seterusnya ialah pembekal barang-barang dan produk binaan.;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Masih lagi berkenaan dengan Kementerian Pembangunan tetapi kali ini mengenai peraturan untuk Pemaju

Perumahan (*housing developers*). Kita semua sedar dan tahu pembinaan perumahan melalui pemaju ini telah beroperasi sejak sekian lama. Di bawah *Housing Developers Control Licensing Orders 2012* iaitu Perintah Kemajuan Perumahan Pengawalan dan Pelesenan 2012 menyatakan, izinkan kaola menukil peraturan tersebut di bawah Seksyen 9 (1): "Tiada kemajuan perumahan akan dijalankan atau dibuat di Brunei Darussalam kecuali Pemaju Perumahan yang berlesen"

Manakala Seksyen 9 (2) menyatakan bahawa: "Seseorang pemaju perumahan yang hendak menjalankan atau melaksanakan kemajuan perumahan di Brunei Darussalam lebih dahulu mestilah memohon kepada Lembaga untuk pelesenan" Persoalan kaola ialah, sehingga tahun 2022 berapa banyakkah sudah *housing developers* ini yang telah berdaftar di bawah Lembaga Pemaju Perumahan (*Housing Developers Order*)?;

3. Mengenai kerosakan rumah di RPN Mengkubau di bawah kuasa Jabatan Kemajuan Perumahan. Betulkan kaola jika kaola tersilap. Sebanyak 4,000 unit rumah telah dibina di bawah Skim Perumahan Negara Kampung Pancor Mengkubau, Mentiri.

Pembinaan perumahan ini melibatkan 1,600 unit rumah *semi-detached* dan 2,400 unit rumah *terrace* yang mengambil masa 48 bulan masa pembinaan. Perumahan ini juga telah dibina di atas tapak seluas 328 hektar dan setiap unit rumah dilengkapi dengan ruang tamu, ruang makan, dapur dan 3 buah bilik tidur termasuk kawasan letak kereta.

Pada bulan Mei 2014, projek perumahan di RPN Mengkubau telah diserahkan kepada Kementerian Pembangunan selepas siap sepenuhnya pada bulan Mac tahun yang sama, dengan jumlah keseluruhan kos berjumlah \$388 juta.

Namun kaola telah dimaklumkan oleh orang-orang kampung bahawa sejumlah besar unit perumahan di RPN Mengkubau sepertimana yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan bahawa RPN Mengkubau telah dikosongkan, ditinggalkan dan tidak diduduki disebabkan keadaan rumah tersebut tidak selamat untuk didiami. Persoalan kaola, apakah punca kepada situasi yang tidak menyenangkan ini? Apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa perkara dan situasi seperti ini tidak akan berulang untuk projek perumahan yang akan datang?;

4. Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola yang seterusnya ialah

beralih kepada soalan berkenaan dengan Jabatan Tanah. Kaola difahamkan bahawa *Brunei Economic Development Board (BEDB)* adalah salah satu agensi yang bertanggungjawab dalam memperbanyakkan lagi kemasukan *Foreign Direct Investment (FDI)* ke negara ini.

Ada juga *FDI* ini terus menghubungi kementerian-kementerian berkaitan dengan kertas cadangan mereka. Kaola percaya kementerian pertama yang akan dihubungi oleh pelabur ini sama ada melalui *BEDB* atau secara terus ialah Kementerian Pembangunan.

Dari pemantauan kaola, ada terdapat pelabur-pelabur asing ini telah beralih ke negara lain untuk melabur disebabkan oleh proses-proses yang memakan masa yang terlalu lama, terutama sekali untuk mendapatkan tapak tanah kerajaan untuk dimajukan.

Bukan ini sahaja, pengusaha-pengusaha tempatan juga mengalami isu yang sama dan ada antara mereka terpaksa melupakan hasrat mereka. Ini adalah salah satu daripada sebab yang utama yang telah melambatkan pembangunan di negara ini dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Kaola percaya masih banyak lagi tanah kerajaan yang boleh dipajak atau disewa untuk maksud pembangunan komersial dan perumahan.

Soalan kaola. Apakah tindakan-tindakan Kementerian Pembangunan yang telah dan sedang dibuat serta yang akan dirancang dalam masa terdekat dalam menangani isu ini dan kerajaan akan terus mendapatkan hasil dari harga pajakan atau sewa dan memacu pertumbuhan ekonomi negara?;

5. Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola seterusnya iaitu berkenaan dengan JASTRe. Kaola tertarik dengan maklumat yang kaola perolehi iaitu peluang-peluang ekonomi putaran (*circular economy*) dari pengurusan sampah sarap negara terutama sekali sampah-sampah yang dikutip dari rumah dan premis-premis perniagaan dan bangunan lain. Seperti yang kita maklumi, majoriti sampah sarap dari rumah dan premis-premis perniagaan dibuang di tapak tanah Sungai Paku, Daerah Belait sepertimana yang telah diterangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola 'piaksai' ini termasuk sisa-sisa dari makanan dan plastik yang dalam pengamatan kaola menyumbang hampir separuh daripada keseluruhan sampah sarap domestik berkenaan yang dibuang begitu sahaja. Kaola juga faham bahawa isu pembuangan sampah di atas tapak tanah di Sungai Paku, Daerah Belait adalah salah satu isu yang berkaitan dengan strategi negara dalam

menangani isu perubahan iklim. Hasil pemantauan kaola, pada tahun lepas ada satu dokumen *Expression of Interest (EOI)* telah dikeluarkan dan mengikut rakan-rakan ia telah menarik lebih dari 20 buah syarikat tempatan dan luar negara yang menyatakan minat mereka untuk ikut serta dalam projek berkenaan. Kaola ada 2 pertanyaan dalam perkara ini:

- i. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat hasil dari *EOI* berkenaan?; dan
- ii. Adakah tapak pembuangan sampah di Sungai Paku, Daerah Belait akan terus digunakan untuk pembuangan sampah negara dengan merujuk maklumat tadi sehingga tahun 2030. Mudahan orang 'kitani' tempatan yang dapat projek ini. آمين يا رب العالمين; dan

6. Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola seterusnya ialah menyentuh mengenai pemasangan *Unified Smart Metering System* yang bertujuan untuk menggalakkan dan memacu bekalan dan penggunaan utiliti air dan tenaga elektrik yang lebih cekap dan mesra pelanggan. Kaola difahamkan jika sekiranya kredit bekalan air sudah habis, kredit dari bekalan tenaga elektrik akan dipindahkan secara automatik supaya bekalan tidak putus. Kaola ingin menyuarakan kebimbangan bagi golongan warga

yang kurang mampu yang hidup 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', dan apatah lagi bagi menghadapi kekurangan wang untuk membeli kredit jika kedua-duanya habis. Kaola berpendapat, dalam kita ghairah memacu satu sistem yang lebih cekap, janganlah kita terlepas perhatian bagi golongan yang mengalami kesusahan dan kerumitan dan aspek kewangan mereka.

Pertanyaan kaola, adakah sudah langkah-langkah difikirkan untuk membantu atau mendukung golongan ini supaya akan dapat menjalani kehidupan tanpa putus bekalan air dan tenaga elektrik?

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola memberikan 3 cadangan:

1. Berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Air. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola menyambut baik peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang kaola percaya adalah usaha-usaha pihak kerajaan menangani isu air paip di rumah-rumah yang berwarna kuning atau 'kabut'. Kaola berharap ini akan dapat menyelesaikan masalah air kekuningan yang sudah sekian lama menjejaskan kehidupan kita beberapa kali dalam setahun.

Kaola ingin mencadangkan pihak Kementerian Pembangunan akan dapat mempertimbangkan untuk meneliti kaedah *desalination* air laut iaitu satu lagi kaedah lain

untuk mendapatkan air mentah untuk diproses sebagai air bersih bersih ke rumah-rumah. Cadangan ini kaola merujuk kepada kaedah-kaedah yang telah diguna pakai di negara jiran 'kitani' di Singapura dan telah terbukti mampu membekalkan air bersih yang mencukupi dan mampan tanpa mengharapakan tekungan air mentah dari air hujan sahaja. Mengikut rujukan yang pernah kaola baca, Singapura mempunyai 4 cara untuk mendapatkan sumber air mentah iaitu:

- i. Takungan air hujan (*rain water*) untuk *local catchment area*.;
 - ii. Air mentah import dari negara jiran iaitu Johor.;
 - iii. *New water, high grade reclaim water*.; dan
 - iv. *Desalinated water* iaitu sumber dari air laut yang diproses melalui loji pemprosesan *river osmosis*.
2. Berkenaan dengan Jabatan Air dan Jabatan Saliran dan Pembetulan. Satu lagi yang ingin kaola sentuh mengenai bekalan air mentah dan air bersih. Kaola ada usulan kepada pihak Kementerian Pembangunan jika sekiranya usulan kaola ini akan dapat diteliti kebolehlaksanaanya (*Viability*).

Sering kali kita melihat dan mengalami setiap tahun atau setiap kali hujan lebat terjadinya banjir melibatkan perumahan-perumahan rakyat khusus di kawasan selalu terjejas di Daerah Belait dan Daerah Tutong. Cadangan kaola, apakah kiranya pihak Kementerian Pembangunan akan dapat meneliti fungsi atau peranan *KL Smart Tunnel* yang terdapat di negara jiran, Malaysia untuk menghasilkan satu lagi alternatif kepada sumber air mentah negara.

Untuk pemahaman bersama *KL Smart Tunnel* mempunyai 2 fungsi utama iaitu apabila banjir kilat berlaku akibat hujan di Bandar Raya Kuala Lumpur, *Smart Tunnel* akan ditutup berfungsi untuk menakung air dan mengurangkan paras banjir di Bandar Raya Kuala Lumpur dan satu fungsi lain ialah menangani isu trafik pada waktu puncak. Kaola percaya dengan kaedah *Smart Tunnel* ini diaplikasikan dan disesuaikan bagi Kawasan Daerah Tutong dan Daerah Belait ia akan bukan sahaja akan dapat menyelesaikan isu banjir berkenaan tetapi juga menjana kepada hasil air mentah bagi kegunaan negara. Air tersebut boleh disumbangkan juga untuk kegunaan penanam padi seperti di KKP Kandul. Untuk makluman *KL Smart Tunnel* itu panjangnya, 9.7 kilometer dengan memakan belanja USD510 juta yang telah dibuat pada tahun 2003-2007.; dan

3. Yang Berhormat Pengerusi. Ini adalah cadangan yang terakhir iaitu mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola sukacita ingin menyentuh mengenai pengurusan projek dan pembangunan prasarana kemudahan perumahan negara. Seperti yang 'kitani' maklum, pembinaan perumahan di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu adalah di dalam proses yang dengan hanya berjumlah lebih 2,000 buah ia akan setentunya akan menampung serba sedikit mereka yang telah lama menunggu rumah dari dulu lagi dan ada yang menunggu lebih dari 10 tahun.

Kaola percaya mereka yang menunggu ini adalah lebih ramai dari jumlah rumah yang dapat disediakan melalui peruntukkan perancangan kemajuan tahun ini. Kaola berpendapat dengan pendekatan atau modul yang diamalkan selama ini mengharapkan daripada peruntukan perancangan kemajuan dari kerajaan tidak dapat menampung permintaan dan tidak akan dapat mengejar permintaan yang meningkat dari setahun ke setahun.

Kaola tertarik dari usulan Mantan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, iaitu untuk entiti Jabatan Kemajuan Perumahan diubah kepada entiti korporat ia akan memudahkan usaha sama dengan kontraktor yang berwibawa untuk membantu, mempercepatkan

pembinaan rumah-rumah RPN dengan sebahagian besar dari kontraktor berkenaan.

Kaola percaya dengan perubahan ini ia akan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan mempercepatkan pembina rumah-rumah RPN.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola meminta maaf sekiranya soalan-soalan kaola terlalu panjang dan cadangan yang memakan masa yang banyak. Minta maaf sekali lagi. Sekian, *وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang diberikan yang cukup hebat dan canggih. Kaola akan cuba untuk menjawab soalan-soalan ini mungkin ada melihat dari *details* soalan itu. Mungkin kaola tidak dapat memperincikan setiap butiran yang dibangkitkan tetapi kaola cuba untuk melengkapkan beberapa butir perkara utama yang dibangkitkan.

1. Melibatkan dengan usaha-usaha ke arah membumiputerakan dalam Industri Pembinaan. Dalam mukadimah kaola pada pagi tadi ada juga menyebutkan perkara ini dalam peranan *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* dalam Industri Pembinaan bahawa Kementerian Pembangunan

mempunyai peranan. Antara perancangan yang telah dibuat untuk menggalakkan dan juga melibatkan bumiputera dalam Industri Pembinaan ini adalah dengan melalui *Document Framework* Tahun 2021 yang bernama *Local Business Development* dan Industri Pembinaan ada 3 inisiatif yang terdapat dalam pelan ini.

i. Melibatkan *Local Business Involvement* dalam Industri Pembinaan.;

ii. Meningkatkan penggunaan lokal produk pembinaan yang dibuat di dalam negara.;

iii. Meningkatkan *Local Employment*.; dan

2. Satu *taskforce* iaitu *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* untuk Industri Pembinaan yang telah ditubuhkan *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan secara terpakai iaitu pihak industri, *regulators* ataupun pihak kerajaan dan institusi-institusi pendidikan. *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* telah mengenal pasti beberapa *jobs* ataupun *job categories* dalam Industri Pembinaan yang boleh diisikan oleh pekerja tempatan. Kita memahami bahawa kebanyakan pekerjaan dalam Industri Pembinaan seperti buruh

tidak akan menarik minat pekerja tempatan.

Umpamanya kalau dapat diberi penghuraian antara *work requirement* seperti yang disebutkan dalam keluhan tadi melibatkan satu *worksites safety and health officers* antara persediaan yang dibuat dengan *steering committee* ini ialah membuat latihan kepada calon-calon anak tempatan yang layak untuk mengisikan jawatan sebagai *worksites health and safety officers* dengan pelaksanaannya nanti dikuatkuasakan *Building Order 2016*, setiap projek sama ada melibatkan \$10 juta ke atas atau \$10 juta ke bawah akan mewajibkan setiap projek ini mempunyai *worksites health and safety officers*.

Jadi apabila dikuatkuasakan peraturan dan dasar ini nanti, maka timbul kemestian untuk mengadakan jawatan-jawatan ini *worksites* projek-projek nanti. Dengan adanya persediaan persiapan yang dibuat oleh *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* untuk Industri Pembinaan ini maka sejauh ini telah dipersiapkan dalam 15 orang *worksites safety officers* ini yang sudah ada *qualified and certified* dari *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* melalui *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* ini.

Apabila peraturan ini dikuatkuasakan, kontraktor-kontraktor akan memohon jawatan tersebut untuk diisikan jika

permohonan dihadapkan kepada *Job Center* setelah mengetahui adanya sudah *worksite health and enviroment officers* ini *is available certified* di Negara Brunei Darussalam, maka *Job Center* akan memainkan peranan untuk memberi arahan kepada *company* untuk mengambil pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan ini untuk bekerja sebagai *worksite supervisor* dan *worksite officer*.

Jadi, inilah cara dan tindakan awal yang dibuat masa ini apabila dikuatkuasakan perkara ini nanti. Satu contoh yang diberikan di sini ialah *Work Site and Health Environment Officers* sudah dipersiapkan dengan kelayakan dan *certification* yang diiktiraf untuk mengisikan jawatan ini nanti. Inilah satu contoh usaha yang dibuat pada masa ini ke arah inisiatif untuk membumiputuskan anak-anak tempatan dalam industri pembinaan.

Mengenai soalan yang kedua ialah berapa banyakkah sudah pemaju perumahan yang telah berdaftar di bawah Lembaga Pemaju Perumahan? Dalam perkara ini, diperakui *Housing Developers Order* ini belum lagi dikuatkuasakan. Pada masa ini perbincangan masih lagi berjalan bersama dengan para *stakeholders* yang berkepentingan dalam industri ini, termasuk jua penggubalan peraturan-peraturan bersama dengan bantuan pihak Pejabat Peguam Negara yang masih lagi diteliti pada ketika ini.

Itulah tahapnya yang ada untuk disampaikan mengenai perkara ini. Jadi, belumlah dapat menjawab soalan itu berapa yang sudah didaftarkan ataupun dari kontraktor-kontraktor anak-anak tempatan dalam industri perumahan ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** bila penggubalan peraturan-peraturan ini siap nanti *Housing Developers Order* akan dikuatkuasakan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan memberi 'kitani' langkah ke hadapan untuk merealisasikan harapan seperti yang disampaikan oleh dalam persoalan Yang Berhormat tadi.

Mengenai isu masalah-masalah kerosakan di Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau. Seperti yang dibangkitkan tadi ialah masalah kerosakan pada rumah seperti keretakan di bahagian dinding, lantai, tangga, *coping* dan 'sinta', masalah *water proofing* di bilik tandas. Masalah pendawaian elektrik dan paip bocor, atap bocor, sambungan paip pembetulan yang tidak dibuat untuk *gully trap* dan *main hole*.

Satu juga masalah banjir menyebabkan air memasuki rumah semasa hujan lebat. Kerosakan-kerosakan ini adalah *latent defects* yang kerosakan telah terjadi selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan, iaitu 2 tahun selepas projek itu siap dan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan pada tahun 2016.

Antara faktor lain juga adalah proses peruntukan rumah yang lama kepada pemohon sehingga tempoh jaminan projek tempoh tanggungan telah

mansuh. Ini disebabkan oleh perkara ini terdapat kesukaran dalam membuat tuntutan kepada konsultan dan kontraktor yang terlibat dalam reka bentuk yang bermasalah ini.

Kaola difahamkan ada *arbitration* yang sedang berjalan antara *BATP* dengan kontraktor-kontraktor yang masih berjalan pada masa ini untuk dapat menangani dari segi kerugian dan tanggungan-tanggungan yang perlu dalam mengatasi dan juga membaik pulih rumah-rumah ini. Memang seperti yang disebutkan tadi terbanyak dari 4,000 buah rumah yang telah siap itu, terdapat lebih dari 500 buah rumah yang mengalami kerosakan yang serius seperti yang disebutkan tadi.

Mengenai soalan yang melibatkan tanah untuk mendukung pertumbuhan ekonomi negara melalui pembukaan tanah-tanah untuk tujuan pelaburan dan perusahaan yang dalam erti kata lain iaitu *Government Land Lease* atau sewa terutama sekali bagi tujuan kemajuan perniagaan dan perumahan.

Dalam perkara ini disampaikan jua usaha yang dibuat pada masa ini masih lagi *work in progress* mengenai tapak-tapak yang dikenal pasti dan masih lagi diteliti untuk tujuan perusahaan seperti yang dibangkitkan dalam soalan Yang Berhormat tadi. Antaranya ialah beberapa kawasan yang telah dikenal pasti sejauh ini daripada penelitian yang dibuat jawatankuasa yang ada pada masa ini, iaitu sebanyak 26 tapak-tapak tanah telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Antaranya ialah kawasan-kawasan di Daerah Brunei dan Muara terdapat sebanyak 19 tapak berkeluasan 158 hektar yang dikenal pasti dan masih dalam penelitian. Keluasan 8.6 hektar di Daerah Belait, 5 tapak yang berkeluasan 8.6 hektar, 1 tapak berkeluasan 2.58 hektar di Daerah Tutong dan satu tapak berkeluasan 0.34 hektar di Daerah Temburong yang telah dikenal pasti dan perkara ini adalah untuk penelitian lanjut dan tindakan-tindakan yang seterusnya dan apabila tanah ini mendapat kelulusan dan kebenaran untuk dilaksanakan maka semua 26 tapak ini akan dibukakan untuk *expression of interest* dan *request for proposal* untuk diiklankan secara terbuka.

Buat masa ini pihak kementerian telah menerima beberapa *proposal* dari pelabur tempatan dan sedang meneliti mekanisme yang sesuai agar prosesnya selaras dengan dasar-dasar tanah yang sedia ada. Bagi mana-mana penerimaan *proposal* yang berunsurkan industri dan pertanian atau ternakan akan disalurkan terus ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan ke pihak di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bahawa tanah-tanah kerajaan khusus bagi aktiviti industri, pertanian dan ternakan telah diwartakan di bawah kementerian-kementerian yang berkenaan.

Antara yang perlu disampaikan jua cabaran yang sering dihadapi oleh Kementerian Pembangunan apabila meneliti cadangan yang dihadapkan oleh

pemaju, memohon tanah-tanah untuk tujuan-tujuan seumpama ini adalah kekurangmampuan untuk membayar *premium* bagi memajak tanah pajakan tersebut dan juga ketiadaan *proposal paper* yang boleh menunjukkan *sustainability* cadangan-cadangan yang dikemukakan bagi meyakinkan permohonan-permohonan yang dihadapkan ini.

Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai soalan yang kelima daripada Yang Berhormat mengenai JASTRe khusus kepada *land field* di Sungai Paku.

Seperti yang disampaikan dalam mukadimah kaola jua tadi itu. *Land field* ini akan mencapai tahap sampah dan *waste* yang telah dikutip setiap hari selama ini dari tahun 2010 dan akan mencapai ke tahap maksimum pada tahun 2030. Langkah seterusnya ialah untuk menerokai satu cara yang lebih baik kalau dilihat Sungai Paku menggunakan tanah seluas 104 ekar untuk tujuan 'menghimpun' sampah ini dan jua *scientifically* kalau dilihat tanah-tanah yang setelah digunakan untuk *land field* ini tidak dapat digunakan untuk apa-apa juga pun kegunaan selepas itu disebabkan oleh *toxicities* and then juga *maintainmya* yang keluar pada permukaan tanah disebabkan oleh toksin sampah-sampah yang ditimbus di bawah tanah tersebut.

Langkah ke hadapan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan untuk menerokai kemungkinan untuk mengadakan *incinerator* berteknologi

supaya sampah-sampah ini akan dibakar melalui *incinerator* teknologi dan kemudian daripada *incinerator* ini akan dapat menghasilkan tenaga elektrik. Jadi *incinerator waste to energy plan* di Negara Brunei Darussalam ini adalah satu kemungkinan pihak Kementerian Pembangunan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal dari pegawai-pegawai Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, *Brunei Darussalam Asset* dan JASTRe bagi menilai cadangan-cadangan yang telah dihadapkan oleh syarikat-syarikat yang berminat dan seterusnya akan menghadapkan sokongan kepada pihak eksekutif Kementerian Pembangunan. Beberapa buah syarikat disenarai pendek yang akan dijemput untuk mengikuti fasa seterusnya iaitu *request for proposal*.

Dalam hubungan ini, JASTRe telah mengeluarkan *request for quotation* bagi mengeluarkan dan menyediakan dokumen tawaran *request for proposal* tersebut dan menggubal kontrak perjanjian yang berkaitan yang penilaian dan sokongan mengenainya telah dilaksanakan oleh pihak JASTRe, tertakluk kepada keputusan peruntukan yang telah dihadapkan. Penyediaan dokumen-dokumen *request for proposal* ini akan mengambil tempoh selama 6 bulan dan kemudian akan diikuti dengan pengeluaran dokumen *request for proposal* kepada syarikat-syarikat yang terpilih dan seterusnya penilaian mengenainya dijangka akan diambil masa 6 bulan seterusnya.

Kementerian Pembangunan memang mengharapkan untuk melangkah ke hadapan untuk mencapai matlamat dan tujuan *reincineration* ini supaya 'kitani' dapat beralih daripada penggunaan tanah *landfield* seperti yang dipraktikkan sebelum ini.

Selanjutnya ialah persoalan mengenai sistem *USMS* iaitu Sistem Meter Air yang baharu yang sedang dan masih dilaksanakan pemasangan pada ketika ini. Koala mengambil perhatian dari cadangan-cadangan yang diberikan atas dasar yang telah diambil dengan pelaksanaan Sistem Tarif Air yang menggunakan meter *USMS* ini bekalan air tidak akan diputuskan, jika kredit pengguna sudah habis so sistem ini cuma kalau dilihat dari sistem *USMS* cuma bekalan tenaga elektrik kalaunya sudah habis ia akan terputus bekalan elektrik seperti yang juga dengan Sistem *Prepaid Metre* yang 'kitani' yang pada masa kini, tapi dengan sistem ini juga bekalan air kalau sudah kreditnya habis air itu tidak akan putus. Ini jugalah satu ihsan prihatin juga dalam membantu yang disampaikan tadi golongan yang kurang berkemampuan memandangkan juga air satu sumber kehidupan yang penting dan diperlukan secara berterusan.

Mengenai cadangan-cadangan disampaikan tadi:

1. Mengenai cadangan kaedah *desalination* yang diuraikan dengan cukup terperinci tadi oleh Yang Berhormat. Kaedah-kaedah *desalination* ini yang 'kitani' ketahui

satu proses antara proses penapisan air yang sangat mahal dan kosnya sangat tinggi. Namun perkara ini daripada curahan idea Yang Berhormat tadi akan diambil pertimbangan untuk diduduki supaya satu cadangan dengan peringkat pegawai kanan Kementerian Pembangunan.;

2. Mengenai Saliran Pembetulan untuk membina *smart tunnel* satu alternatif kepada menangani isu-isu seperti yang disebutkan isu air dan yang melibatkan menangani masalah semasa dalam takungan air semasa hujan lebat dan sebagainya yang mengakibatkan masalah banjir.

Kaola berterima kasih juga dengan cadangan ini setentunya akan diambil perkiraan untuk diteliti dan diduduki. Juga satu saranan tadi mengenai cara menangani permintaan perumahan di bawah Skim Perumahan Negara yang semakin meningkat supaya satu langkah ke hadapan Jabatan Kemajuan Perumahan ini dibaik taraf sebagai satu entiti korporat.

Untuk dapat menangani permintaan-permintaan rumah ini dan mempercepatkan pembinaan rumah bagi satu *advantage* seperti yang disampaikan dapat menjimatkan pembelanjaan kerajaan dan dapat mempercepatkan pembinaan rumah-rumah selaras dengan permintaan-permintaan dan permohonan-permohonan yang diterima.

Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat atas saranan-saranan yang bernas dan kaola kira banyak cadangan yang baik dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ abiskaola di Kementerian Pembangunan akan mengambil perkiraan untuk dipertimbangkan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah dan penghuraian hala tuju penyediaan Belanjawan 2023/2024 Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya. Kaola menyentuh di bawah Tajuk SK07A dan tajuk-tajuk yang ada berhubung kait dengannya.

Beberapa tahun yang lalu, kefahaman orang ramai ataupun orang awam mengenai penglihatan anak bulan untuk menentukan awal bulan Ramadan dan Syawal amatlah sedikit dan apabila anak bulan tidak kelihatan banyaklah cerita yang direka-reka dan keburukannya adalah kepada Jabatan Ukur.

Dari itu, Jabatan Ukur membuat inisiatif untuk memberi kefahaman kepada orang awam dan penuntut-penuntut dengan mengadakan jerayawara, membuat cakerawala dan bermacam-macam projek lagi yang dikendalikan oleh Jabatan Ukur.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ , setelah tertubuhnya Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam iaitu (PABD) Jabatan Ukur sering kali juga membuat projek bersama dengan persatuan ini. Ahli-Ahli PABD ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur sendiri, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dan juga syarikat-syarikat swasta, penuntut-penuntut Insitituti Pengajian Tinggi, institusi menengah dan rendah dan orang awam.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ , pada masa sekarang ini kefahaman orang awam dan penuntut-penuntut semakin bertambah dan keperluan untuk membangun sebuah Balai Cerap. Amatlah mustahak setentunya sebuah negara Islam dan sebagai pusat kajian khususnya kepada penuntut-penuntut.

Sebagaimana matlamat Wawasan Brunei 2035 menumpukan kepada melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Balai Cerap ini amat berguna bagi penuntut-penuntut membuat kajian dan pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat cerapan penglihatan anak bulan seperti

yang disebutkan tadi. Seingat kaola, Jabatan Ukur telah pernah memohon peruntukan untuk membina sebuah Balai Cerap. Permohonan mengizinkan tapak telah diluluskan dan kerja-kerja tanah pun telah selesai dilaksanakan, disebabkan oleh pelaksanaan kerja-kerja tanah, peruntukan yang dipohonkan tidak mencukupi untuk membina bangunan dan peralatannya seperti itulah kaola difahamkan.

Kaola ingin pencerahan apakah perkembangan atau statusnya sekarang ini setelah kaola berpencen daripada Jabatan Ukur hampir 4 tahun lebih, belum ada juga bangunan yang diharapkan ini terbina di tapak yang tersedia.

Saranan kaola, pendekatan *whole of government* sekali lagi mengambil peranan kerana ini bukan sahaja melibatkan Kementerian Pembangunan, malah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga Kementerian Pendidikan, mungkin juga kementerian-kementerian lain harus mengambil peranan. Harapan kaola sebagai mantan pekerja Jabatan Ukur dan mewakili rakyat Negara Brunei Darussalam dan mewakili Persatuan Astronomi Brunei Darussalam, semoga perkara ini dipertimbangkan sesegera yang mungkin.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri
Pembangunan:** Terima kasih Yang
Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas

soalan yang dibangkitkan oleh Yang
Berhormat.

الْحَمْدُ لِلَّهِ , atas soalan tadi, satu jua untuk mengimbang kembali perkara ini diakui pernah dipohonkan dan jua diteliti oleh Jabatan Ukur. Disampaikan rancangan untuk membina Balai Cerap Astronomi Kebangsaan ini masih lagi diteruskan dan dibuat secara berfasa.

Kementerian Pembangunan juga mengambil perhatian akan kepentingan dan juga fungsi untuk mempunyai satu Balai Cerap Astronomi Kebangsaan agar tidak ketinggalan dari negara-negara yang lain yang kebanyakannya telah pun mempunyai Balai Cerap Astronomi sebagai satu *observatory* mereka sendiri untuk mempertingkatkan lagi ilmu dan pengetahuan mengenai perkara-perkara yang melibatkan astronomi ini, yang dilihat perkara ini minat dan respons terutama sekali belia dan penuntut ini semakin meningkat.

Pada masa ini, negara kita hanya mempunyai beberapa tempat-tempat melihat anak bulan bagi bulan-bulan Ramadan, Syawal, Zulhijah dan sebagainya. Tempat-tempat melihat anak bulan ini belum mempunyai infrastruktur dan fasiliti yang mencukupi untuk dijadikan sebagai Balai Cerap Astronomi.

Sehubungan itu, beberapa aktiviti astronomi seperti *sky watch* dibuat di beberapa tempat strategik yang bersesuaian agar dapat dihadiri dan diikuti juga oleh orang ramai termasuklah

penuntut-penuntut dari peringkat rendah untuk menyaksikan fenomena yang tertentu pada masa-masa yang tertentu seperti gerhana atau *planet-planet* yang menghampiri bumi.

Fasa awal iaitu mengenal pasti tapak telah pun dibuat dan pada masa ini kerja-kerja penyelidikan tanah (*soil investigation*) sedang dibuat bagi memastikan tempat-tempat tersebut boleh menempatkan dan menampung Balai Cerap Astronomi Kebangsaan yang dirancang. Fasa kedua pula adalah untuk membuat kerja-kerja tanah seperti menimbuk yang akan dibincangkan bersama agensi-agensi yang berkaitan.

Fasa ketiga nanti ialah untuk membuat kerja-kerja *design and build* bagi bangunan Balai Cerap yang dimaksudkan. Dengan adanya Balai Cerap ini nanti akan dapat menarik lebih banyak minat penuntut-penuntut dan individu-individu yang mempunyai kecenderungan untuk memahirkan diri dalam bidang astronomi dan Ilmu Falak satu bidang yang dikuasai oleh umat Islam sepanjang zaman dahulu kala lagi. Itulah jawapan yang kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang penuh berinformasi tentang hala tuju dan perancangan kemajuan di Negara Brunei Darussalam:

1. Kaola suka menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya berkenaan isu-isu kerosakan jalan raya yang menjadi masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya. Perkara ini bukan isu baharu malah menjadi isu besar kerana menyebabkan kerosakan harta benda dan menjejaskan keselamatan pengguna.

Sering berlaku jalan berlubang dan berlopak mengambil masa hampir 5-7 hari untuk diperbaiki. Dalam tempoh berkenaan, pengguna jalan raya dengan risiko bahaya dan kerosakan kenderaan seperti tayar pecah dan rim bengkok. Lebih buruk lagi berlaku pada musim hujan.

Apakah pihak-pihak berkenaan tidak mempunyai sistem pengurusan yang strategik bagi menangani perkara ini? Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar ditubuhkan bahagian pengurusan jalan yang bertindak sebagai *taskforce* bagi menangani isu jalan rosak seperti memberi amaran awal kepada pengguna dengan meletakkan papan tanda atau *cone*.

Memperbaiki kerosakan secara sementara agar dapat diguna sebelum

ia diperbaiki oleh syarikat pemborong. Beroperasi dan bertindak 24 jam berdasarkan aduan dan arahan pihak-pihak berkenaan dan yang terakhir, menyediakan laporan berkenaan dengan kerosakan jalan kepada pihak berkenaan.;

2. Kaola menyatakan kebimbangan orang ramai berkenaan dengan kejadian rumah roboh atau tidak selamat terutama sekali rumah-rumah keluarga daif dan di kawasan Kampung Air.

Kejadian rumah roboh berlaku pada bila-bila masa dan situasi ini perlu diambil maklum secara serius. Kaola mencadangkan satu jawatankuasa perlu ditubuhkan yang dipelopori oleh Kementerian Pembangunan bagi menangani perkara ini. Bertindak secara bebas dengan lantikan ahli terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, *NGO's* yang antara lain berfungsi dan peranannya ialah:

- i. Memberi amaran awal tentang situasi rumah selamat diduduki atau sebaliknya.;
- ii. Memberi nasihat berkaitan dengan jenis bantuan seperti kerja-kerja membaik pulih rumah mengikut kesesuaian.;
- iii. Bertindak mengikut budi bicara dengan menyetepikan soal-soal lain dan mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan.;
- dan

- iv. Bekerjasama rapat dengan kepimpinan akar umbi bagi mengenal pasti rumah-rumah yang diberi perhatian.;
- dan

3. Kaola ingin menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK04A dan SK06A - Pembinaan rumah-rumah yang sudah lama didiami tetapi tidak menepati syarat bagi mendapatkan penyambungan bekalan tenaga elektrik.

Isu ini bukanlah isu baharu malahan ia menjadi perbincangan hangat dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bersama agensi kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan penyelesaian. Namun ia menemui jalan buntu disebabkan peraturan Akta Tanah dan sebagainya.

Kaola tidaklah berhajat untuk membahaskan secara panjang lebar di Dewan yang mulia ini tentang isu-isu yang timbul mengenainya, sehingga akhirnya permohonan bagi mendapatkan bekalan tenaga elektrik tidak dapat dipertimbangkan. Hasrat untuk menikmati kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tidak tercapai.

Namun pada itu adalah menjadi tanggungjawab penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung untuk terus berusaha membantu anak-anak buah kampung yang memerlukan bantuan sewajarnya. Bak kata pepatah "Biarkan Keluarga

di depan mata kehujaan sedangkan 'kitani' mempunyai payung yang berlebihan."

Justeru, kaola mencadangkan agar pihak kementerian dapat menyediakan satu model sistem Solar rumah persendirian yang mampu menghidupkan peralatan elektrik yang *basic* sahaja seperti lampu, kipas angin, televisyen dan peti sejuk. Inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama pihak-pihak syarikat pembekal bagi mewujudkan pakej bantuan tenaga Solar dengan harga yang berpatutan bagi membantu rumah-rumah yang bermasalah seperti yang kaola nyatakan tadi sebagai pilihan terakhir untuk membantu mereka menikmati kehidupan yang lebih selesa. Dengan adanya Pakej Sistem Solar Rumah ini ia boleh diguna pakai sebagai kaedah penyelesaian dan panduan kepada pihak-pihak berkenaan yang sudi menghulurkan bantuan.

Penggunaan kaedah sistem Solar ini juga bertepatan dengan hala tuju negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara lestari menjelang tahun 2050. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat dengan soalan-soalan yang dibangkitkan tadi:

1. Mengenai kerosakan jalan raya yang menjadi masalah kepada para pengguna dan juga kerosakan harta benda yang diakibatkan dari kerosakan jalan raya ini. Kaola mengambil perhatian berat berkenaan dengan isu kerosakan permukaan jalan raya ini dan ini juga menjadi tumpuan utama Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya untuk menyelenggarakan dengan pelan tindakan dibuat secepatnya bagi mengurangkan risiko kerosakan harta benda pengguna apabila terjadinya kerosakan-kerosakan yang berlaku.

Tidak dinafikan juga perkara ini ada kelemahannya seperti yang dapat dibangkitkan seperti kandungan *intervention* daripada Yang Berhormat tadi dan juga sebelum ini banyak aduan 'kitani' terima melalui media sosial dan juga talian aduan Darussalam '123'. Ke arah itu antara lain usaha yang dibuat oleh kementerian ialah untuk mempercepatkan kerja-kerja pembaikan untuk diselaraskan mengikut kemampuan peruntukan yang ada dalam sesuatu masa yang perkara ini diberi tumpuan untuk dibuat tindakan.

Antara tindakan yang dibuat ialah menyediakan kontrak-kontrak penggal mengikut zon-zon berkenaan, menyediakan *SOP* tindakan pihak pengurusan jalan raya termasuklah juga tindakan segera

apabila didapati ada kerosakan-kerosakan berlaku dan juga menerima mana-mana aduan mengenai jalan raya melalui talian Darussalam '123', media pengawasan jalan Jabatan Kerja Raya dan sebagainya bagi mendapatkan informasi secara menyeluruh dan segera.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ abiskaola mengambil cadangan-cadangan yang disampaikan tadi itu dan juga beberapa idea yang baik yang disampaikan tadi dan abiskaola akan meneliti perkara ini bagi dapat mengurangkan bebanannya kepada orang ramai seperti yang disampaikan dalam kandungan soalan tadi.;

2. Kebimbangan orang ramai mengenai kejadian-kejadian rumah roboh, terutama sekali di kawasan Kampung Air. Disampaikan juga wujud satu jawatankuasa di peringkat kerja antara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menangani hal seumpama ini.

Sebelum ini juga sejak tahun 2020 beberapa pemeriksaan telah dibuat ke atas rumah-rumah di Kampung Air terutama sekali yang telah dibuat sebelum ini rumah-rumah di Kampung Air, di Kampung Peramu, Mukim Peramu dan Mukim Saba. Mukim ini telah terlibat dalam perancangan Projek Pembangunan Semula Kampung Air Fasa II. Hasil

laporan pemeriksaan tersebut telah dihadapkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tindakan selanjutnya.

Daripada hasil pemeriksaan yang telah dibuat sebelum ini juga kebanyakan rumah di Kampung Air pembinaannya adalah seperti dimaklumi diuruskan sendiri oleh penduduk-penduduk kampung.

Rumah-rumah ini terdedah kepada pelbagai risiko *structural* iaitu dibina tanpa penglibatan *qualified person*. Jadi perkara ini menyebabkan rumah-rumah berkenaan lebih terdedah kepada risiko kegagalan struktur dan boleh menyebabkan rumah roboh. Kini dalam usaha untuk menangani masalah ini.

Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengadakan beberapa perbincangan bagi mengatur tindakan yang selanjutnya. Sebagai langkah awal kedua-dua kementerian ini akan bekerjasama untuk menyiasat keadaan integriti struktur rumah-rumah yang ada.

Apabila pemeriksaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya mengenai keadaan *integrity* struktur-struktur kebanyakan rumah di Kampung Air ini nanti, maka laporannya akan dihadapkan kepada jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan

dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Nanti akan dirangka tindakan-tindakan yang akan dibuat untuk mengatasi masalah ini. Itulah saja yang dapat kaola sampaikan mengenai persoalan ini.;

3. Mengenai cadangan untuk satu model sistem Solar rumah persendirian yang mampu menghidupkan peralatan elektrik yang penting sahaja. Perkara ini adalah satu cadangan yang baik. Namun apa yang menjadi kepentingan dan juga kebimbangan dari pihak kementerian ialah aspek keselamatan.

Itu satu perkara yang ditekankan dalam mana-mana jua pembangunan ataupun rancangan-rancangan yang melibatkan sebarang kemajuan. Dalam perkara ini, penguatkuasaan undang-undang terutama sekali *Section 5 Building Control Order 2014*: iaitu "Semua kemajuan tanah dan bangunan baharu, pengubahsuaian, tambahan hendaklah dihadapkan melalui *qualified person* iaitu orang yang dilantik oleh pemaju ataupun pemilik yang memajukan rumahnya."

Qualified person berkenaan terdiri daripada arkitek atau jurutera profesional yang mesti berdaftar di bawah *Board of Architects Professional Engineers and Quantity Surveyors* kerana *qualified person* dengan kepakaran masing-masing akan memastikan pelan-pelan

cadangan reka bentuk adalah memenuhi piawaian dan garis panduan minimum bangunan mengikut kesesuaian tapak dan skop kemajuan yang diperlukan oleh pemaju ataupun pemilik termasuklah skop pemasangan wayar-wayar untuk tujuan bekalan tenaga elektrik, apa lagi dalam merangka satu perkara yang baharu dengan menggunakan sistem model Solar rumah persendirian ini. Untuk tujuan bagi aspek penyambungan elektrik seperti yang kita cadangkan tadi, sekiranya permohonan di atas dihadapkan dengan memenuhi syarat *Building Control Regulations, 2014* itu, maka kebenaran kesiapan kerja akan diproses dan dipertimbangkan. Jika lulus, maka pihak berkenaan bolehlah memohon untuk penyambungan elektrik ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang juga mempunyai syarat-syarat keperluan dalam mempertimbangkan penyambungan elektrik ke mana-mana bangunan.

Sehubungan dengan cadangan model sistem Solar rumah persendirian, ini adalah cadangan yang baik. Satu langkah keselamatan perlu diambil keutamaan dan diberi perhatian demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan bangunan-bangunan. Setentunya, reka bentuk pendawaian bangunan tersebut mestilah mengikuti peraturan piawaian dan garis panduan yang berjalan pada masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang ketiga yang dimaksudkan ialah rumah-rumah daif yakni orang yang susah yang mereka harus menyara hidup dalam suasana yang agak sempit dan rumah-rumahnya mungkin usang dan tidak boleh mendapat bekalan tenaga elektrik yang mencukupi bagi kehidupan mereka seharian, jadi apakah alternatif lain yang dapat diberikan. Kalau saya tidak silap, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mencadangkan adakah berkemungkinan bekalan tenaga elektrik secara Solar dapat disediakan bagi rumah-rumah yang berkenaan?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi atas pencerahan. Itulah yang sebenarnya persoalan yang dibangkit, kaola minta maaf kerana terlepas perhatian dengan soalan itu.

Ini melibatkan satu inisiatif kebajikan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan dengan sumber tenaga elektrik menggunakan Solar. Ini adalah suatu kaedah yang boleh meringankan mereka daripada bil-bil elektrik dan seumpamanya, untuk keperluan-keperluan yang *basic* seperti lampu, kipas angin, televisyen dan peti sejuk.

Kaola akui tidaklah arif dalam perkara ini, kaola memerlukan masa kalau ada kesempatan selepas ini ataupun esok untuk menghuraikan lagi perkara ini dengan lebih baik. Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan Tahun Kewangan 2023/2024.

Tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pembentangan Belanjawan Kementerian Pembangunan secara komprehensif mengenai hala tuju kementerian berkenaan. Apa yang diharapkan segala rancangan akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam:

1. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh tentang tanah pajakan iaitu dari Jabatan Tanah. Sebagaimana kita sedia maklum,

masih terdapat tanah pajakan yang lazimnya mempunyai tempoh pajakan selama 50 tahun. Pemilik tanah dikehendaki untuk bagi membaharui tempoh tanah pajakan setelah mansuh dan terpaksa menjelaskan bayaran berdasarkan kepada nilai tanah tersebut.

Pembayaran dan pembaharuan tanah pajak tersebut seperti yang kita fahami dari semasa ke semasa adalah semakin meningkat. Misalannya nilai membaharui tempoh tersebut adalah \$40,000.00 atau lebih. Ini sudah setentunya akan membebankan pemilik tanah apatah lagi dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan atau berpendapatan rendah, atau usia yang sudah lanjut 60 tahun ke atas yang hanyalah mengharapkan Elaun Pencen Tua sahaja. Bagaimana pula keadaan dengan pemilik tanah yang mempunyai tanggungjawab ramai dengan gaji kurang \$700.00 sebulan.

Pada kesimpulannya, adakah mereka ini mampu membayar sekali gus misalannya \$40,000.00 untuk membaharui tempoh pajakan sedangkan mereka ini menyara kehidupan keluarga mereka setiap bulan, dengan menerima pendapatan rendah?

Inilah salah satu daripada isu yang ingin kaola timbulkan yang sangat-sangat membebankan kepada pemilik-pemilik tanah. Kehidupan mereka juga merasakan resah

walaupun mereka tinggal atau mendirikan rumah di tapak tersebut yang kadang-kadang tanah itu yang diwarisi daripada turun-temurun. Perkara seperti ini haruslah kita ambil perhatian. Sehubungan itu, kaola mohon pencerahan apakah inisiatif-inisiatif pihak kerajaan untuk mengatasi masalah yang kaola nyatakan tadi dan memberikan peluang pada mereka untuk meneruskan kehidupan dan tinggal di rumah tapak tanah yang mereka telah diami sekian lama?

Walau bagaimanapun, kaola juga ada cadangan mungkin akan dapat dipertimbangkan atau sebaliknya. Bagi mereka yang berstatus rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mendirikan rumah kediaman dan tempat tinggal bersama keluarga di tanah pajakan tersebut, yang lebih 20 tahun ke atas, boleh dipertimbangkan dikurniakan daripada tanah pajakan kepada tanah kekal dengan syarat mereka berkenaan tidak mempunyai tanah yang lain.

Ini bermakna bukan lagi membaharui pajakan tanah dengan dikenakan bayaran tempoh sebanyak 50 tahun. Tetapi akan dikeluarkan geran kekal dan dikehendaki membayar cukai tahunan seperti dalam geran kekal yang biasa mengikut penilaian tanah ini.

Ini memandangkan kalau kita melihat ataupun dibandingkan dengan rakyat yang dikurniakan perumahan di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara atau Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, kerajaan akan menyediakan perumahan dan infrastruktur seperti bekalan tenaga elektrik, air dan seumpamanya. Akan tetapi mereka yang tinggal di tanah pajakan ini, mereka terpaksa mengeluarkan kewangan membiayai bukan sahaja rumah, *access road*, bekalan air, penyambungan bekalan tenaga elektrik malahan lagi mereka terpaksa membayar perkhidmatan-perkhidmatan seperti menyediakan pelan dari arkitek, pembayaran perkhidmatan konsultan, jurutera dan juga konsultan elektrik.

Manakala satu lagi, bagi tanah-tanah pajakan yang lain yang bukan tempat kediaman pemilik dan keluarga bagi mengurangkan beban mereka ini, boleh dipertimbangkan mereka tidak perlu menjelaskan sekali gus \$40,000.00 untuk menyambung tempoh 50 tahun itu tetapi dilonggarkan pembayaran tanah pajakan tersebut pada setiap tahun. Misalannya kalau \$40,000.00 tadi, \$800.00 setahun. Kalau tempoh 50 tahun sama nilainya \$40,000.00. Itulah cadangan saya, mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak berkenaan dalam isu ini.; dan

2. Yang kaola ingin timbulkan ialah berhubung kait dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Mengikut salah satu daripada program jabatan tersebut, memastikan pengurusan pembuangan sisa pepejal dan pelupusan sisa buangan di seluruh negara dilaksanakan dan dikawal selia dengan lebih teratur dan berkesan.

Program ini juga dihasratkan untuk membentuk, merancang dan melaksanakan dasar dan program kebersihan serta memantau kualiti udara dan air di negara ini.

'Kitani' juga mengetahui bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang mempunyai alam persekitaran yang berdaya tahan, bersih dan selamat.

Apa yang ingin kaola timbulkan berhubung dengan *Health Care Waste Management* (Sisa Pembuangan Penjagaan Kesihatan) atau *medical and clinical waste*. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*), sisa penjagaan kesihatan berbahaya, boleh dikategorikan antara lainnya seperti berikut:

- i. Sisa berjangkit (*infectious waste*);
- ii. Sisa patologi (*pathological waste*);

- iii. Sisa pembuangan tajam seperti jarum.; dan
- iv. Sisa farmaseutikal (*pharmaceutical waste*) dan lain-lain lagi.

Sisa yang dimaksudkan terutama sekali dikategorikan berbahaya dan berisiko tinggi jika kuantiti atau bentuk sisa atas beberapa sebab mengandungi bahan toksik seperti agen biologi, kimia atau *physical* yang mungkin berbahaya kepada manusia, haiwan, tanaman, makanan, sistem air, udara dan alam persekitaran dan lain-lain lagi.

Kaola ingin sama-sama berkongsi maklumat, sebelum ini kita mendapati ada 3 buah jentera *incinerator* yang berkongsi bagi pelupusan pembakaran sisa-sisa yang kaola maksudkan tadi seperti di kawasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS), Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Apa yang kaola fahami, ketiga-tiga *incinerator* ini telah ditutup disebabkan aduan orang ramai yang tinggal di kawasan persekitaran dan sisa-sisa pembuangan tersebut semakin meningkat yang memerlukan pembakaran yang berterusan.

Adalah tidak dapat dinafikan pengendalian, pengurusan, penyimpanan dan pengangkutan sisa-sisa penjagaan kesihatan ini mempunyai risiko yang sudah tentu memerlukan langkah-langkah pengawalan khas kerana bukan sahaja dalam aspek risiko kesihatan malahan juga berpotensi membahayakan alam sekitar semasa pengangkutan apatah lagi tatacara pelupusannya.

Dalam mencapai hasrat negara untuk melestarikan alam sekitar selamat dan memastikan proses pembuangan pelupusan sisa penjagaan kesihatan tidak mendatangkan sebarang risiko kesihatan atau membahayakan kesejahteraan serta keselamatan kepada rakyat dan penduduk negara ini termasuk persekitarannya yang terjamin dari pencemaran, maka kaola sukacita mendapatkan pencerahan dari aspek yang berikut:

- i. Di manakah lokasi yang sebenarnya *incinerator* yang membakar pelupusan sisa buangan penjagaan kesihatan pada masa ini? Adakah ia ditempatkan di sebuah kawasan yang dikhaskan dan dibenarkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengelakkan apa juga sebarang risiko dari aspek keselamatan dan kesihatan alam sekitar, pencemaran udara, yang

boleh membawa risiko kepada rakyat dan penduduk negara ini?;

Apa yang dapat diketahui, salah satu lokasi yang mempunyai *incinerator* ialah terletak di kawasan Kampung Selayun, Mukim Sengkurong. Kita tahu kepadatan penduduk dan adakah 'kitani' sudah pastikan ia tidak memberikan pencemaran dan risiko-risiko yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada rakyat dan penduduk negara ini terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan berkenaan.;

- ii. Di manakah lokasi pembuangan sisa penjagaan kesihatan (*clinical waste*) bagi fasiliti-fasiliti kesihatan yang lain, *private hospital* dan klinik-klinik lain? Adakah kapasiti dan suhu panas jentera *incinerator* yang beroperasi masa ini mengambil kira jumlah sisa penjagaan kesihatan yang memerlukan suhu pembakaran yang bertahap-tahap dan yang berlainan.;
- iii. Bagaimanakah asap dari pelepasan jentera *incinerator* ini? Adakah dilakukan pemeriksaan, pemantauan oleh pihak berkuasa di negara ini bagi menilai risiko pencemaran udara? Di manakah pembuangan sisa-sisa penjagaan kesihatan tersebut selepas pembakaran terbuka? Adakah diadakan pemantauan? Adakah

kontraktor yang mengendalikan pengangkutan dan pelupusan mendapat *accreditation* yang diiktiraf atau mengikut piawaian atau *best practices* yang diamalkan?;

- iv. Adakah sudah undang-undang atau peruntukan dan peraturan-peraturan bagi pengurusan dan pelupusan sisa-sisa penjagaan kesihatan? Ini adalah mustahak bagi pengawalan dan memastikan sistem pelupusan *medical* atau klinikal tersebut tidak membahayakan dan membuat risiko. Pada kesimpulannya, apakah *benchmark* atau *best practices* yang diguna pakai pada masa ini terhadap tatacara pengurusan dan pelupusan sisa buangan (*health care waste, medical and clinical waste*) yang dimaksudkan?;
- v. Adakah ia mengikut piawaian yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*), yang mempunyai garis panduan dan *Standard Operating Procedure* yang berkonsep terjamin dan menghindarkan segala risiko-risiko dan pencemaran. Bagi pendapat kaola, perkara ini sengaja kaola timbulkan adalah salah satu daripada isu yang perlu 'kitani' tangani bersama.; dan
- vi. Kaola ingin menyentuh tentang Skim Rancangan Perumahan Negara Mengkubau tetapi telah

dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dan diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.; dan

Ada satu isu yang ingin kaola timbulkan, iaitu tentang *indicator* bagi Jabatan Kemajuan Perumahan yang menyatakan dalam buku ini peratus bagi tunggakan Kutipan Hasil berjumlah kurang lebih \$65 juta, Tahun Kewangan 2020/2021.

Kaola memohon penjelasan, berapakah jumlah baki tunggakan kutipan bagi tahun seterusnya, iaitu Tahun Kewangan 2021/2022? Adakah ia semakin bertambah ataupun makin berkurang? Berapakah jumlah mereka yang masih lagi mempunyai tunggakan pembayaran bagi pembayaran perumahan?

Jika ia semakin menurun, اَلْحَمْدُ لِلّٰه tetapi jika ia semakin meningkat, apakah tatacara atau inisiatif yang berkesan untuk mengutip tunggakan-tunggakan yang sebegitu banyak hingga melebihi \$64 juta?

Apa yang kaola kkuatiri, jika tidak 'ditagih' dengan tegasnya, ia mungkin akan melarat kepada orang-orang lain dan dari itu ia akan sukar untuk 'ditagih' dan semakin meningkat hingga tidak hairan kalau ia meningkat hingga \$100 juta.

Itulah yang kaola ingin utarakan di Dewan yang mulia ini dan kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, sebelum rakan saya menjawab sebab banyak menuju ke Kementerian Kesihatan.

Mengenai *waste disposal*. Kaola ingin menerangkan serba sedikit. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat ada 3 *incinerator* kepunyaan kementerian iaitu RIPAS, Tutong dan Kuala Belait.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat nyatakan, cara pemusnahannya dengan *incinerator* yang ada, ia akan mengeluarkan asap dan asapnya itu jika berangin, kita lihat ke mana tujunya contohnya di Daerah Tutong, asap tersebut akan menuju ke flat-flat. Jadi, dulu kementerian sendiri membuat *incineration* ini, *but then outsource* untuk orang menyelenggarakan. Apa yang dilihat orang yang diamanahkan untuk membuat *outsource* ini *they are not real certified with this disposal* punya *healthcare*, sebab bila ditanya yang menunggunya apa *degree /temperature*nya. Jadi, dari itu ketiga-tiga *incinerator* tersebut telah ditutup dan diswastakan (*outsource*).

There's a few companies yang boleh membuat *waste disposal* untuk *healthcare* dan koala ingin menyentuh Yang Berhormat sebutkan tadi di Kampung Selayun, Daerah Brunei dan Muara yang mula-mulanya digunakan oleh *JPMC* untuk *private healthcare*, jadi *company* ini sebelum *JPMC* membenarkan, mereka telah menilai ke tahap *SOP* dan piawaian yang mereka ikut.

Walaupun ia berada ke dalam sedikit tetapi jika dilihat, ia tidak mengeluarkan asap *and then* pengangkutannya sebagai contoh daripada *JPMC*, pembawaan sisa-sisa ataupun *healthcare waste disposal*, dalam trak-trak yang berhawa dingin, (*its refrigerated*) dan kawasan penyimpanannya juga *refrigerated storage* yang masa sisa-sisa *healthcare* ini akan disimpan untuk menunggu pemusnahan. *Incinerator* ini adalah *control electronically (remotely)* dari Australia dan ia telah dipantau di Australia.

Dalam pemusnahan sisa-sisa ini, ia seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, ia mempunyai *temperature-temperature* tersendiri kalau *waste* biasa, *temperature*nya, kalau *clinical waste* lain *temperature*nya dan kalau *cytotoxic (cancer's waste)*, lagi tinggi *temperature*nya.

Jadi, *SOP* ini dipantau oleh pihak *JPMC* terutama sekalinya dan asap yang keluarnya itu *monitored*, ia mempunyai *monitoring system to make sure the heat* yang keluar itu sebab ia tidak ada asap

akan *dimonitor*, apa *component* yang keluar dan sisa-sisa yang tinggal lepas pemusnahan atau pembakaran itu, *they collect it and it analyse in the lab to see or to ensure*, ia tidak membahayakan alam sekitar atau kepada manusia dan sebagainya.

Sisa-sisa (*ashes*) ini akan dikumpulkan dan dibuang ke tempat pembuangan sampah di Sungai Paku, Daerah Belait yang sudah *dicertified and it's safe for the environment*. Jadi, pembuangan sisa-sisa *clinical* ini *is based on*:

1. *Waste* biasa;
2. *Clinical waste* contoh (pendarahan).; dan
3. *Cytotoxic*.

So, there's 3 main komponen dan ia dipantau. *There are few companies* di Negara Brunei Darussalam yang diiktiraf boleh membuat begini, walaupun jika kaola tidak silap undang-undang belum ada mengenainya tetapi ia dipantau oleh seperti *JPMC*, piawaiannya selalu memantau, *make sure* siapa sahaja yang membuat *waste disposal especially healthcare* mengikut piawaian antarabangsa dan ini juga diikuti oleh Kementerian Kesihatan melalui *based practice* dari, yang jika *dioutsource*, mereka juga mengikut apa jua piawaian yang telah disediakan.

Dari segi *normal waste, clinical waste and cytotoxic* dan kemudian ada lagi mengenai *radio isotope because we have*

nutrient medicine. Jadi, *radio isotope* maksudnya sesuatu *chemical* itu mengeluarkan *radioactive* walaupun sedikit, inilah untuk kegunaan *medical*, jadi pembuangannya mengikut *natural decay of the material*. Misalan *Isotope A* *half lifenya* dalam 6 jam ia tidak lagi mengeluarkan *radioactive*.

Ia disimpan dalam satu bekas khas dan ini di bawah piawaian *International Atomic Energy Agency*, mereka yang memantau dan *waste disposal* ini di *Pantai Jerudong Specialist Center IAEA* orangnya datang *few intervals because* Negara Brunei Darussalam baru membuat *course* kita ada mempunyai *power on small production for radio isotope*, so *IAEA* kerap datang ke Negara Brunei Darussalam untuk memantau. *And so far*, dalam beberapa tahun ini, *they are quite happy with us* kerana mengikut piawaian antarabangsa dan dari segi sisa-sisa *radio isotope we can be asured* dan **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** ia selamat.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang kaola sampaikan adalah *healthcare waste disposal in 4 areas* yang biasa digunakan hari-hari. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh mengenai beberapa soalan tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat:

Mengenai Tanah Pajakan yang sudah mansuh yang pemiliknya dikehendaki

membaharui setelah mansuh dan pembayarannya semakin meningkat dan memberikan bebanan kepada pemilik tanah apatah lagi pemilik yang sudah lanjut usia, yang tidak ada pendapatan dan ini ada kesan terhadap kemampuan mereka untuk membayar dan cadangan-cadangan yang dibuat tadi supaya pembayaran itu dapat dipecahkan supaya tidak perlu dibayar sekali gus.

Apa yang dapat kaola sampaikan ialah kaola mengambil baik cadangan itu daripada persoalan-persoalan yang bangkitkan dan kaola di kementerian nanti akan membangkitkan perkara ini untuk difikirkan secara dalaman dan akan dapat memikirkan apa jalan selanjutnya dalam situasi dan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai tunggakan pembayaran bagi rumah-rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan.

Salah satu usaha yang dibuat di Jabatan Kemajuan Perumahan untuk mengurangkan tunggakan hasil daripada membayar rumah-rumah yang telah diberikan kepada penerima-penerima kurnia perumahan ialah melalui satu keadah isu yang dibangkitkan sebelum ini ialah kesulitan orang ramai untuk membuat pembayaran ke Jabatan Kemajuan Perumahan secara terus.

Sebagai langkah untuk mengatasi kesulitan ini, Jabatan Kemajuan

Perumahan telah memulakan kaedah sistem pembayaran khusus untuk orang awam bagi membuat pembayaran melalui *One Common Billing System (OCBS)* yang telah dilancarkan pada bulan Februari 2020.

Sistem *One Common Billing System (OCBS)* ini diharapkan untuk mengurangkan kenaikan tunggakan dan akan membuka lebih banyak saluran untuk membuat pembayaran melalui sistem *online* dan tidak hanya tertumpu kepada pembayaran di kaunter pembayaran yang dihadkan pada waktu-waktu bekerja.

Apa kesannya sejak sistem ini diperkenalkan, kaola tidak ada *datanya* pada waktu ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

dalam kesempatan kalau ada esok kaola akan dapat menjawab perkara ini.

Sebelum itu perlu dikongsikan bahawa seperti yang disebutkan tadi jumlah tunggakan adalah \$65 juta. Antara salah satu sebab mengapa tunggakan ini terjadi adalah ketidakmampuan pemilik-pemilik rumah untuk membayar balik pinjaman perumahan.

Ini antara punca dan sebab utama kenapa tunggakan telah meningkat begitu banyak. Ke arah usaha untuk meningkatkan lagi tindakan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk mengutip hutang-hutang yang masih tertunggak, satu *data recovery unit* juga telah ditubuhkan untuk mengatur lagi langkah-

langkah seterusnya bagi menghantar peringatan kepada pemilik-pemilik rumah supaya dapat mematuhi perjanjian mereka untuk membayar hutang-hutang mereka yang tertunggak ke atas rumah-rumah yang mereka miliki dan diami.

Setakat inilah jawapan yang dapat kaola sampaikan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan ada *data-data* itu nanti, kaola akan merujuk balik untuk disampaikan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan pencerahan bagi menjawab beberapa isu daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Kaola ingin mengemukakan soalan dan cadangan untuk beberapa perkara di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dan di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah:

1. Kaola menyentuh berkenaan dengan Skim Rancangan Perumahan Negara tentang perancangan ke arah menyumbang kemajuan di peringkat

mukim dan kampung termasuklah kesan positif dan negatif penghijrahan penduduk ke kawasan perumahan untuk difikir-fikirkan bersama. Isu-isu ini bukanlah asing malah selalu ditimbulkan di sesi perjumpaan dan pernah juga dibangkitkan di Dewan ini pada Musim Permesyuaratan yang lalu:

- i. Kaola mencadangkan agar satu perancangan yang komprehensif perlu disediakan sebelum kawasan-kawasan perumahan disediakan dengan mengambil kira isu-isu kemudahan prasarana dan infrastruktur yang mencukupi bagi menampung kapasiti penduduk-penduduk baharu yang sedia ada.

Masih lagi terdapat rungutan orang ramai di sebahagian kawasan perumahan berkenaan dengan kesesakan lalu lintas yang berlaku, ketiadaan masjid dibina dan masjid yang sedia ada penuh sesak dengan kehadiran jemaah dan kemudahan kedai yang terhad dan seumpamanya.; dan

- ii. Bagi mengimbangi pencerahan penduduk di kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara yang menyumbang kepada penurunan keramaian penduduk di kampung-kampung.

Kaola mencadangkan agar pihak kerajaan dapat menyediakan tanah

sesuai di kawasan kampung dengan memberikan keutamaan kepada mana-mana warga kampung iaitu rakyat Negara Brunei Darussalam yang berkemampuan untuk membina rumah mereka sendiri termasuklah kerja 'menimbuk' dan sebagainya. Apakah tidak menjadi kesalahan mengikut Akta Tanah jika seorang itu mewakafkan tanah itu untuk dijadikan Tanah Perkuburan Islam?;

2. Berkenaan dengan sasaran Tanah Tumpang Sementara *TOL* keperluan bagi *mereview* syarat-syarat yang sedia ada adalah wajar bagi memberi pertimbangan kepada keadaan semasa.

Kaola menyentuh berkenaan syarat-syarat *TOL* pertanian. Memandangkan perkara ini kaedah penanaman sayur atau buah-buahan banyak dipenuhi oleh teknologi yang serba baharu seperti penggunaan mesin-mesin peralatan membaja dan menyembur racun perosak dan seumpamanya. Peladang dan petani berbelanja begitu banyak semata-mata mendapat hasil ladang dan pertanian yang menguntungkan.

Sehubungan itu, keperluan bagi membina stor-stor, penyimpanan yang kukuh, pondok penjaga atau pengawas yang sempurna adalah menjadi keperluan utama dengan mengambil kira keselamatan logistik dan kelengkapan pertanian sentiasa selamat dari sebarang kecurian dan bencana alam.

Kaola mencadangkan agar pihak kerajaan dapat meneliti dan memperluaskan syarat penggunaan tanah *TOL* berstatus pertanian berdasarkan kenyataan yang kaola nyatakan tadi bagi memudahkan para peladang dan petani menghadapi sebarang permohonan kepada pihak agensi kerajaan yang lain.;

3. Menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Garis panduan bagi permohonan membina rumah dan berkaitan dengannya.

Kaola menerima rungutan daripada orang ramai berkenaan permohonan membina rumah yang bermasalah dari segi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak *ABC* terutama sekali di kawasan-kawasan yang tidak menerima kemudahan prasarana dan infrastruktur yang lengkap, seperti tidak ada longkang dan aliran longkang yang tidak menentu, jalan-jalan tidak tersedia dan sebagainya. Kaola mencadangkan garis panduan kemajuan dapat diselaraskan mengikut kawasan atau meneliti garis panduan yang sedia ada.

Dengan mengambil kira kawasan-kawasan pedalaman yang tidak disediakan infrastruktur yang serba lengkap bagi mengurangkan beban orang ramai menyediakan infrastruktur yang sepatutnya disediakan oleh pihak kerajaan

semata-mata untuk mendapatkan kebenaran kesiapan (*OP*).; dan

4. Berkenaan di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Mengikut statistik sehingga penghujung tahun 2016, sebanyak 542 keping tanah masih didaftar atas nama-nama yang sudah meninggal dunia atau urusan waris yang masih belum selesai. Kaola ingin mengetahui kedudukan dan statusnya pada masa ini dari sudut bilangannya dan berapa peratuskah dari tahun 2016 ia sudah selesai?

Kaola berpendapat masalah ini perlu ditangani secara bersama antara agensi yang berkepentingan seperti JPM, Jabatan Syariah dan Jabatan Kehakiman serta Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Tanah supaya masalah segera diselesaikan dan tidak mengakibatkan bertambahnya waris berlapis yang merumitkan dalam penyelesaian ini.

Kaola mencadangkan agar kemungkinan penyelesaian melalui pihak ketiga atau agensi-agensi swasta seperti misalannya peguam syariah berkanun akan dapat menyumbang membantu dalam penyelesaian segera. Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang dibangkitkan.

Bagi menangani kesan-kesan penghijrahan penduduk kampung ke kawasan perumahan negara, antara langkah yang diambil ialah sebelum sesuatu projek tapak atau sisipan dibuat, tinjauan untuk membuat perancangan perumahan.

Salah satu perkara yang diambil kira ialah bagaimana projek ini nanti akan dapat mengekalkan penduduk-penduduk yang pada asalnya di kampung tersebut tanpa mereka perlu berpindah ke kawasan perumahan yang baharu.

Dari strategi ini juga, tapak-tapak tanah telah diperuntukkan. Bagi Rancangan Perumahan Negara ini juga, di dalam kawasan kampung-kampung yang tersebut, maka ini adalah salah satu langkah yang diambil untuk mengurangkan atau mengelakkan penghijrahan yang pernah dibuat dalam beberapa perancangan perumahan sebelum ini.

Mengenai beberapa soalan menimbulkan kapasiti penduduk-penduduk baharu dan yang sedia ada yang telah mengakibatkan infrastruktur yang kurang mencukupi bagi menampung pertambahan di sesuatu kawasan dan juga terdapat rungutan orang ramai dalam sebahagian kawasan perumahan, kesesakan lalu lintas yang berlaku dan juga masjid yang dibina telah menjadi sesak dengan kehadiran jemaah yang berhijrah. Ini adalah salah satu persoalan realiti jua beberapa kesulitan yang dihadapi untuk menangani dan

memperincikan cara yang lebih baik untuk mengatasinya.

Apa yang dibuat dalam melangkah untuk menyediakan tapak-tapak perumahan ini, satu *study* dibuat yang diberi nama *feasibility study* yang menyeluruh terhadap sesuatu tapak dibuat sebelum dicadangkan bagi kawasan perumahan.

Itulah langkah-langkah permulaan yang dibuat Jabatan Kemajuan Perumahan. Kajian ini termasuklah mengenal pasti ciri-ciri tapak dan keadaan persekitaran dari segi fizikal, teknikal, sosial dan perundangan yang mengambil kira *input* perancangan daripada pihak-pihak yang berkenaan di kawasan tersebut.

Maka Kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara adalah termasuk juga dalam penyediaan pelan induk atau *action plan* bagi perancangan seluruh kawasan perumahan termasuklah penyediaan tapak-tapak bagi kemudahan awam seperti masjid, sekolah rendah, sekolah menengah, pusat komersial dan lain-lain.

Tapak-tapak tersebut telah diserahkan kepada agensi-agensi berkenaan dan pembangunannya tertakluk kepada perancangan lanjut agensi-agensi yang berkenaan. Kaola harap dapat menjawab soalan yang pertama tadi.

Memang adalah salah satu persoalan yang rumit. Kalau dapat kaola beralih kepada persoalan yang kedua iaitu bagi mengimbangi penghijrahan penduduk ke kawasan Skim Rancangan Perumahan

Negara yang menyumbang kepada penurunan keramaian penduduk di kampung-kampung, Yang Berhormat tadi mencadangkan agar pihak kerajaan dapat menyediakan tanah sesuai di kawasan kampung dengan memberi keutamaan kepada mana-mana warga kampung itu yang berkemampuan untuk membina rumah mereka sendiri.

Dari segi perancangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa ada mengenal pasti beberapa pusat pertumbuhan termasuk bagi kawasan luar bandar dengan menyediakan kawasan-kawasan perumahan, perusahaan dan perniagaan.

Dengan mengambil kira perancangan untuk menarik penduduk ke kawasan-kawasan berkenaan serta penduduk asal tidak perlu berpindah ke tempat lain dan dengan sendirinya tidak akan menjejaskan sosioekonomi setempat.

Apa yang dapat disampaikan ialah perancangan ini pernah dibuat tetapi untuk menyampaikan *testament* tempat yang sudah mencapai ke tahap ini daripada perancangan ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan kaola sampaikan setelah mendapat maklumatnya nanti.

Daripada dasar ini, perancangan ini, pemikiran seperti yang disampaikan dalam persoalan Yang Berhormat tadi, perancangan ini wujud dalam pemikiran semasa persediaan-persediaan ini dirancang iaitu juga menggalakkan kemajuan sisipan *infill development* plot-

plot perumahan baharu di atas tanah kosong boleh diadakan antara kawasan rumah yang sedia ada.

Dengan itu, ia akan dapat memberikan keseimbangan kemajuan supaya dapat menampung keperluan-keperluan seperti yang ditimbulkan dalam persoalan tadi.

Soalan selanjutnya ialah adakah tidak menjadi kesalahan jika seseorang itu mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tanah perkuburan Islam?

Kalau berdasarkan kepada bidang kuasa Kementerian Pembangunan iaitu mengenai Undang-Undang Kanun Tanah, tidak ada peruntukan yang menghalang usaha berkenaan untuk mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tanah perkuburan Islam.

Secara dasarnya, sebarang permohonan untuk membuat perkara ini kelazimannya akan dirujuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mendapatkan nasihat dari segi penilaian dan kesesuaian dan juga dari segi hukum.

Maka pada dasarnya soalan yang ditimbulkan tadi tidak ada peraturan yang menghalangnya. Berhubung dengan persoalan selanjutnya tadi daripada Yang Berhormat, ialah mencadangkan agar pihak kerajaan dapat meneliti dan memperluaskan syarat-syarat penggunaan tanah *TOL* berstatus pertanian.

Mengenai tanah-tanah *TOL* ini seperti dimaklumi sifat tanah *TOL* ini adalah

bersifat sementara. Jadi orang-orang yang menduduki tanah *TOL* ini harus mempertimbangkan perkara ini apabila memajukan tanah tersebut agar dapat mengelakkan kerugian jika tanah ini diambil semula untuk apa jua perancangan-perancangan yang melibatkan awam dan jua kerajaan.

Peraturan tanah *TOL* ini pada masa ini sedang dikemaskinikan dengan cadangan membolehkan struktur-struktur dibangunkan dengan adanya kebenaran daripada pihak-pihak autoriti yang berkenaan seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, *ABCI* dan lain-lainnya. Peraturan tanah *TOL* yang baharu ini sedang diteliti oleh Pejabat Peguam Negara dan dijangka akan selesai dalam masa yang terdekat.

Mengenai garis panduan bagi permohonan membina rumah yang berkaitan dengannya iaitu yang melibatkan rungutan daripada orang-orang yang berkenaan dengan permohonan pembinaan rumah yang bermasalah dari segi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh *ABCI* terutama sekali di kawasan-kawasan yang tidak menerima kemudahan prasarana dan infrastruktur yang lengkap.

Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang kaola lihat jua daripada pattern soalan yang berbangkit ini, ialah ada rungutan orang ramai yang mengatakan satu dasar yang dikuatkuasakan di Kementerian Pembangunan melalui *ABCI* dan jua Jabatan Perancang Bandar

dan Desa yang mewajibkan permohonan-permohonan bagi perancangan kemajuan

Untuk memohon dan menggunakan arkitek, menggunakan *qualified person* rungutannya ialah perkara ini menjadikannya mahal. Jua satu *pattern* yang lain ialah orang yang membuat aduan bahawa prasarana yang disediakan di kawasan-kawasan tersebut terjadi perkara-perkara yang menjadi masalah seperti longkang dan aliran longkang yang tidak menentu, jalan-jalan yang tersedianya tidak menentu dan sebagainya.

Jadi, terbitnya dasar *qualified person* ini diperlukan untuk menyusun dan mengatur *design* dan jua susunan rumah dengan prasarana yang lebih baik supaya dapat mengelakkan masalah ini.

Garis panduan di peringkat kebenaran perancangan menekankan kepentingan pematuhan pemilik-pemilik tanah terhadap syarat-syarat yang ditetapkan berkaitan penyediaan, penyambungan dan kemajuan perumahan kepada prasarana dan jua untuk mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Mana-mana tanah yang dimajukan bagi pembinaan bangunan perlu dihadapi oleh pihak *qualified person* yang dilantik oleh pemaju ataupun pemilik rumah untuk memajukan rumahnya kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan jua kepada *ABCI* bagi penelitian syarat-syarat perancangan dan

seterusnya kebenaran perancang termasuk keperluan infrastruktur yang dimaksudkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan membuat penyelarasan bersama dengan jabatan-jabatan infrastruktur yang lain setelah mendapat kebenaran.

Jadi, *qualified person* yang dilantik oleh pemaju atau pemilik rumah tadi akan menghadapkan permohonan kemajuan tanah, rumah, bangunan kepada Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri bagi permohonan kemajuan.

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 5 *Building Control Order* 2014: "Semua kemajuan bangunan hendaklah dihadapkan melalui *qualified person* yang dilantik oleh pemaju, pemilik kepada *ABCI* selaku agensi yang mengawal selia peraturan dan garis panduan bangunan."

Pihak *ABCI* akan meneliti perakuan reka bentuk dari *qualified person* berkenaan yang melibatkan reka bentuk bangunan dan prasarana penyambungan dari rumah atau prasarana kerajaan bermula dari permohonan kebenaran pelan kemajuan.

Jika sekiranya terjadi perkara-perkara yang menjadi rungutan itu seperti longkangnya tidak dapat menyalurkan air seperti selayaknya dan juga menjadikan perkara itu banjir, sistem pembetungan yang mengeluarkan bau yang tidak diingini atau tidak melakukan sistem pembetungan yang selayaknya.

Maka orang yang bertanggungjawab ialah *the qualified person* yang dilantik oleh pemaju ataupun pemilik orang yang memajukan rumah tersebut. Jadi makanya penting *qualified person* ini.

Orang yang *qualified* yang mempunyai latar belakang dan jua *qualification* untuk melaksanakan tugas ini dengan pengetahuannya dan juga memahami syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak *ABCI* dan jua Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Itulah sebabnya perkara itu menjadi satu dasar yang diwajibkan bagi pemilik-pemilik rumah untuk menggunakan arkitek yang *qualified person* untuk memajukan dan sebarang kemajuan dan juga menjadi syarat untuk meluluskan sebarang permohonan kemajuan.

Itulah yang dapat kaola sampaikan untuk soalan tadi, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola cuma akan menampung sedikit mengenai hasrat seseorang untuk mewakafkan tanah perkuburan. Memang urusan tanah Kementerian Pembangunan tapi di sana *keyword*nya ialah mewakafkan.

Untuk mewakafkannya itu, yang berkenaan mestilah menghubungi Majlis Ugama Islam Brunei yang akan mengkaji kedudukan tanah bersama pihak-pihak yang berkenaan mengenai tanah itu. Kalau sudah dipersetujui wakafnya boleh didaftarkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup dulu kita berunding membahaskan mengenai Tajuk ini dalam jawatankuasa dan saya mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita balik bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin menangguhkan persidangan ini untuk kita berehat setelah sepanjang hari kita bersidang.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 20hb. Mac 2023 seperti biasa mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 27hb. Syaaban 1444H/20hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada pagi ini iaitu hari yang ketiga belas, Isnin, 27hb. Syaaban 1444H bersamaan 20hb. Mac 2023M, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَللّٰهُمَّ الْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat ALLAH kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini

bersidang bagi hari yang ketiga belas dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا مُحَمَّد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan tajuk-tajuk bagi Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Pada hari Sabtu yang lepas, Mesyuarat Jawatankuasa telah mula meneliti dan membahaskan Jadual Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya.

Sebelum kita menyambung semula meneliti dan membahaskan tajuk kementerian ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin mengemukakan kenyataan bagi soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu yang lalu.

Saya berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, salam sejahtera Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas kesempatan untuk menyusul kembali soalan-soalan yang telah dibangkitkan pada mesyuarat hari yang kedua belas.

Beberapa perkara yang ingin kaola menyampaikan lagi untuk melengkapkan jawapan-jawapan daripada soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu lepas.

Untuk permulaannya kaola menyampaikan satu jawapan daripada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai dengan perkara di bawah Tajuk SK04A dan di bawah Tajuk SK06A - Pembinaan rumah-rumah

yang sudah lama didiami tetapi tidak menepati syarat bagi mendapatkan penyambungan bekalan tenaga elektrik.

Jadi, untuk ini kaola mohon menyampaikan jawapan yang dipohonkan kepada kaola untuk menyampaikannya bagi pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II berkaitan dengan perkara ini. Kaola mohon membacakan teks jawapan berkenaan.

"Terima kasih atas cadangan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai sistem Solar persendirian bagi kediaman-kediaman yang tidak menepati syarat untuk permohonan mendapatkan bekalan tenaga elektrik. Izinkan kaola menambah pencerahan.

Menyentuh mengenai pemasangan tenaga Solar di rumah-rumah atau bangunan-bangunan, pada masa ini sudah ada lebih kurang 20 buah syarikat pembekal tenaga Solar yang boleh memberi khidmat pemasangan tenaga Solar persendirian di negara ini. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 40 buah rumah persendirian yang sudah menggunakan tenaga Solar. Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri sememangnya mengalu-alukan siapa sahaja untuk memasang tenaga Solar di rumah atau bangunan-bangunan masing-masing bagi memudahkan dan menggalakkan lagi penggunaan tenaga Solar yang lebih meluas.

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telah pun melancarkan sistem permeteran tenaga bersih *net metering* dengan tenaga elektrik yang dihasilkan oleh sistem tenaga Solar yang berlebihan dapat dieksport ke grid utama untuk dibekalkan balik semula apabila diperlukan kemudian.

Di samping itu, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri sedang giat mengadakan 'pemberigaan' dan jerayawara dari masa ke masa dan sentiasa memberikan khidmat nasihat kepada siapa sahaja yang berminat. Maklumat lanjut dapat diperolehi dengan menghubungi atau melayari laman sesawang Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi pemilik rumah-rumah daif yang tidak dapat mematuhi piawaian keselamatan bagi membolehkan bekalan tenaga elektrik, bolehlah menghadapkan bantuan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk menaik taraf perumahan mereka. Jabatan Perkhidmatan Elektrik seperti biasa boleh memberi khidmat nasihat untuk cara menaik taraf perumahan mereka sekadar cukup bagi membolehkan tenaga elektrik dapat dibekalkan untuk memenuhi keperluan asas. Perkara ini memang sudah menjadi amalan biasa dan ada juga terdapat dermawan persendirian yang tampil untuk memberi sumbangan.

Bagi bangunan-bangunan yang terletak di kawasan yang sememangnya tidak ada rangkaian bekalan tenaga elektrik seperti di kawasan pedalaman, Jabatan

Perkhidmatan Elektrik akan menyediakan bekalan sementara seperti tenaga Solar dan lebih kurang 90 buah rumah di pedalaman telah menikmati bantuan ini.

Program untuk menyediakan rangkaian bekalan tenaga elektrik terutama sekali di kawasan pedalaman akan terus dijalankan. Sebagai contoh di bawah RKN-11, Projek Penambahan Rangkaian Tenaga Elektrik di Kawasan Sukang dan Melilas, Daerah Belait dijangka akan dapat disiapkan dalam akhir tahun ini.

Mengenai rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang tidak mematuhi atau bercanggah dengan undang-undang yang sedia ada, misalannya menduduki tanah tanpa izin pemilik tanah atau tidak mematuhi *building codes*, dinasihatkan supaya pemilik akan dapat menyelesaikan isu-isu dengan teratur. Walau bagaimanapun, pada masa ini tidak ada peraturan yang melarang pemilik daripada memasang tenaga Solar secara persendirian. Pemilik bolehlah berhubung terus dengan syarikat-syarikat pembekal tenaga Solar yang sedia ada untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut".

Yang Berhormat Pengerusi. Demikianlah jawapan yang kaola diwakilkan untuk menyampaikan bagi pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Seterusnya, bagi pihak kaola sendiri kaola ingin menyampaikan keterangan lanjut mengenai beberapa soalan

yang dibangkitkan pada Mesyuarat hari kedua belas pada hari Sabtu 18hb. Mac 2023.

Pertama mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai nisbah tempatan asing 20:80 yang diguna pakai dalam semua industri pembinaan dan cadangan daripada persoalan Yang Berhormat untuk menilai semula nisbah tempatan dengan mencadangkan satu set nisbah yang berlainan berdasarkan klasifikasi syarikat dan skopnya bagi membolehkan perkhidmatan dan pembekal untuk mempunyai peluang pekerjaan dan dapat dikenal pasti yang boleh menarik minat tenaga kerja tempatan.

Untuk jawapannya, disampaikan dalam melaksanakan peranan Kementerian Pembangunan selaku peneraju bagi *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* bagi sektor pembinaan sejak penubuhan jawatankuasa ini pada tahun 2020, beberapa program dengan sokongan padu dari institusi-institusi, agensi-agensi dan autoriti berkaitan telah dilaksanakan.

Komite ini telah mengenalpasti sebelas *critical occupation* yang boleh diambil alih oleh anak-anak tempatan iaitu:

1. *Resident Technical Officer.*;
2. *Clerks of Works.*;
3. *Construction Site Representatives.*;
4. *Draughtsperson* atau Tukang Lukis.;

5. Penyelaras *HSE.*;
6. Pemandu *Heavy Goods Vehicles* Kelas II dan V.;
7. Tukang Kayu.;
8. *Scaffolders* bagi pembinaan.;
9. Juruelektrik Bangunan.;
10. Juruteknik Penghawa Dingin.;
- dan
11. Tukang Paip (*Plumbers*).

Dari penglibatan Kementerian Pembangunan melalui *MISC* ini, beberapa program telah dilaksanakan yang antara lain termasuk:

1. Bersama pihak swasta dalam 'mengungkayahkan' program latihan kepada 2 pengambilan *cohort* lepasan graduan dalam jurusan teknikal yang berdaftar dengan *i-Ready* untuk mengikuti program *Architect, Mechanical and Electrical, Civil and Structural (ARMECS).*;
2. Program ini bertujuan untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang teknikal seperti *Site Supervisors* dan *Resident Technical Officers*. Bersama *Institute Brunei Technical Education (IBTE)* di mana melalui program *dual Technical and Vocational Education Training (TVET)* bagi *Level HNTEC* dalam *Construction and Draughting* seramai 199 orang pelajar dalam dua pengambilan telah mengikuti kursus

tersebut bermula pada bulan Julai 2021 bagi pengambilan pertama dan pada bulan Ogos 2022 bagi pengambilan kedua. Kursus tersebut dijalankan selama dua tahun di *IBTE* dan pelajar-pelajar dari pengambilan pertama akan menamatkan kursus pada bulan Oktober/November pada tahun ini.;

3. Bersama pihak *IBTE* gabungan *Main Power Industry Steering Committee and Energy* telah mengemas kini *Module IBTE IGC 03, Health Safety Security and Environment* yang telah diluluskan dan diiktiraf oleh pihak *Brunei Darussalam National Accreditation Council (BDNAC)* sebanding *Institution of Occupation Safety and Health (IOSH)* pada September 2021 ke arah pengisian sebahagian keperluan *Workplace Safety Health Coordinator*.;
4. *HSE Competency Apprenticeship Programme* iaitu *Pilot Programme* juga telah dilancarkan pada 18hb. Jun 2022. Sejak diperkenalkan, program ini telah menerima kemasukan
5. 80 peserta bagi 3 pengambilan sehingga bulan Januari 2023 yang terdiri daripada syarikat-syarikat sektor tenaga dan pembinaan. Dari 80 peserta ini, 36 peserta mengambil kursus *Institution of Occupation Safety and Health (IOSH)* dan 44 peserta mengambil kursus *National Exam Board Occupational of Safety and Health (NEBOSH)*.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ daripada 3 pengambilan ini seramai 13 daripada 36 peserta telah selesai menjalani kursus *IOSH* dan 4 daripada 44 peserta telah menamatkan kursus *NEBOSH* sementara selebihnya masih menjalani kursus-kursus berkenaan.

Maka inisiatif ini juga adalah bagi melengkapkan para peserta dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri pembinaan serta menjadikan mereka *available for the employment market* dengan kemahiran-kemahiran yang diperolehi supaya lebih *marketable and employable* kepada pihak industri apabila peraturan dan undang-undang ini dikuatkuasakan sepenuhnya nanti.

Maka permintaan bagi kemahiran-kemahiran ini akan wujud nanti. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ inisiatif ini akan mendukung hasrat kerajaan dalam melaksanakan perubahan menuju ke 80% pekerja tempatan dan 20% pekerja asing bekerja di sektor pembinaan seperti yang dicadangkan dalam soalan Yang Berhormat tadi.

Mengenai perkara ini juga disampaikan pada tahun 2022 yang lepas, Kementerian Pembangunan juga telah bersetuju dengan NTA sektor pembinaan dengan nisbah 20:80 untuk *direview* semula mengikut klasifikasi yang dikenal pasti seperti jumlah pekerja, *size* syarikat dan jua mengikut jenis-jenis pekerjaan.

Maksudnya kalau *job classification* dapat menarik minat pekerja tempatan dan terdapat juga banyak pencari pekerjaan maka nisbahnya akan diusahakan untuk mengikut keperluan tersebut.

Antara perkara lanjut yang perlu diambil tindakan masih lagi dinilai dan perbincangan masih lagi dijalankan di peringkat kementerian dan juga pihak-pihak berkepentingan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan 'diberigakan' nanti apabila mendapat kesepakatan dan dimuktamadkan nanti.

Seterusnya kaola mohon juga untuk menambah pencerahan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf pada hari Sabtu. Iaitu mengenai tunggakan kutipan rancangan perumahan negara.

Juga apakah tatacara atau inisiatif yang berkesan untuk mengutip tunggakan-tunggakan yang sebegitu banyak sehingga melebihi \$64 juta.

Pada menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi, dalam usaha-usaha dan strategi Jabatan Kemajuan Perumahan untuk mengurangkan tunggakan-tunggakan hasil, Jabatan Kemajuan Perumahan melalui kaedah *whole of government* telah mengambil beberapa tindakan dan usaha terhadap isu berkenaan.

Seperti yang dibangkitkan dalam persoalan juga jumlah keseluruhan peserta RPN yang tertunggak bayarannya seramai 6,098 orang dan penghutang sewa adalah seramai 184 orang.

Satu unit khusus iaitu *Debt Recovery Unit* telah ditubuhkan di Jabatan Kemajuan Perumahan untuk meneliti setiap kes tunggakan secara *case by case*.

Selanjutnya antara kaedah yang diguna pakai adalah memberi penunggak-penunggak beberapa pilihan tempoh pembayaran bagi penyelesaian tunggakan mereka antaranya adalah:

1. Mereview kembali jumlah bayaran ansuran kepada jumlah yang lebih mampu dibayar.;
2. Mendapatkan pembayaran dari simpanan TAP setelah pencen ; dan
3. Memindahkan pemilikan rumah kepada nama ahli keluarga yang berkesanggupan dan berkemampuan untuk membayarnya.

Disampaikan juga seberapa bolehnya Jabatan Kemajuan Perumahan akan cuba mencari penyelesaian tunggakan ini secara perundingan dan budi bicara dan hanya akan mengambil tindakan undang-undang sebagai langkah terakhir

ke atas mereka yang dengan sengaja enggan untuk membuat pembayaran walaupun mampu untuk membayar.

Di samping itu, seperti yang kaola kongsi pada hari Sabtu yang lalu bagi memudahkan cara pembayaran, orang awam boleh juga membuat pembayaran secara *online* melalui *One Common Billing System (OCBS)*. Tidak hanya tertumpu kepada pembayaran di kaunter pembayaran yang dihadkan pada waktu-waktu bekerja sahaja.

Soalan selanjutnya yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf yang kaola mohon untuk menambah pagi ini ialah mengenai pembayaran dan pembaharuan tanah pajak yang sudah mansuh tempoh pajakannya.

Inisiatif-inisiatif pihak kerajaan untuk mengatasi masalah pemilik tanah pajakan yang sudah mansuh kurang berkemampuan untuk membayar yuran pajakan yang dikenakan. Untuk menjawabnya kaola menyampaikan bahawa setiap permohonan untuk memperbaharui tempoh pajakan tanah yang sudah atau akan mansuh lazimnya akan dikenakan bayaran premium.

Kiraan premium tersebut adalah berdasarkan kepada nilai pasaran semasa tanah dan jumlah premium yang dikenakan adalah mengikut syarat khas tanah. Misalannya jika tanah bersyarat pertanian am premium yang

dikenakan adalah 10% daripada nilai semasa bagi tanah bersyaratkan Perumahan Am ialah 20%.

Maka, meringankan beban pemilik tanah dari membayar *premium* tanah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Skim Pengecualian Pembayaran premium bagi pemilik tanah yang mempunyai kelayakan.

Di antara kelayakan yang dimaksudkan antaranya:

1. Telah terdapat rumah kediaman atau tempat tinggal pemohon dan keluarganya sahaja di atas tanah tersebut.;
2. Tanah mempunyai syarat khas sama ada perumahan am, pertanian atau padi.;
3. Pemilik tanah dan suami atau isteri memiliki tanah dengan jumlah keluasan tidak melebihi 2 ekar.;
4. Hanya salah seorang pemilik tanah iaitu suami atau isteri sahaja yang dipertimbangkan untuk mengikuti skim pengecualian pembayaran ini.;
5. Pemilik tanah dan suami atau isteri mempunyai jumlah pendapatan yang tidak melebihi \$3,000.00 sebulan untuk melayakkan diberi pengecualian.

Bagi pemilik tanah yang tidak berkelayakan untuk mengikuti Skim Pengecualian Premium, mereka diberikan kelonggaran untuk melunaskan bayaran premium dalam tempoh 7 tahun. Geran tanah dengan tempoh pajakan baharu akan hanya dikeluarkan setelah premium dijelaskan sepenuhnya.

Mengenai cadangan untuk memberikan geran kekal kepada pemilik tanah yang hanya memiliki satu keping tanah, dan di atas tanah tersebut terdapat rumah kediaman yang didiami oleh keluarga pemilik tanah selama lebih 20 tahun adalah satu cadangan yang memerlukan penelitian lanjut dan pihak kaola mengalu-alukan cadangan ini dan akan meneliti cadangan ini selanjutnya.

Itulah antara soalan yang berbangkit pada yang ingin kaola memberi penerangan lanjut pada pagi ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Bersama saya masih lagi ada senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang untuk kaola menyuarakan pandangan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana mengongsikan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan serta tumpuan dan hala tuju yang akan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2023/2024 yang begitu terperinci, komprehensif dan padat. Kaola mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif-inisiatif tersebut.

Sebenarnya tidak banyak yang akan kaola bangkitkan kerana cadangan-cadangan kaola telah pun disambut baik oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa Sesi Muzakarah dengan Kementerian Pembangunan pada bulan Februari lepas, dan sebahagian isu telah pun disuarakan oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cuma yang kaola ingin kemukakan hanyalah beberapa perkara sahaja:

1. Sebagai susulan dari Sesi Muzakarah tersebut, kaola berharap apa juga peraturan-peraturan yang

digubal dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan hendaklah 'diberigakan' ataupun *disocialize* secara berterusan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan orang ramai.

Ini adalah bagi mengelakkan pelanggaran terhadap peraturan-peraturan tersebut. Sebagaimana yang kita maklumi, peraturan-peraturan ini memang digubal untuk menjadikan pembangunan negara adalah lebih teratur dan terarah, di samping untuk memelihara kepentingan rakyat. Dengan adanya 'pemberigakan' yang berterusan, apa juga peraturan-peraturan yang baik bagi kerajaan akan disambut baik oleh pihak-pihak yang berkepentingan.;

2. Mengenai Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Perancang Bandar dan Desa, di bawah Tajuk SK04A - Khususnya mengenai peratus permohonan kebenaran perancangan diluluskan dalam tempoh TPOR 14 hari yang sasarannya ditetapkan adalah dalam lingkungan 85% sahaja.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ setakat ini nampaknya *PPU* ini telah pun dapat dicapai. Soalan kaola *simple* sahaja, apakah perkara-perkara yang diperlukan lagi oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk mencapai sasaran 100% supaya tidak terdapat *backlog* masa akan datang?;

3. Yang Berhormat Pengerusi. Kalau kaola tidak silap, betulkan jika kaola salah, Kementerian Pembangunan sudah pun mempunyai *Master Plan* dan Pelan Kemajuan Setempat. Dalam *Master plan* dan Pelan Kemajuan Setempat ini telah diadakan *zoning* mengenai penggunaan tanah-tanah di kawasan yang terlibat.

Ini termasuklah juga persyaratan tanah *lot ratio*, *excess road* dan lain-lain. Kaola ingin mendapatkan pencerahan jika perkara ini sudah tersedia, mengapakah permohonan-permohonan pada misalannya bagi menukar syarat tanah perlu lagi dikelilingkan kepada agensi-agensi yang sama dalam Kementerian Pembangunan?

Kaola memahami ini mungkin untuk menyesuaikan dengan keadaan kemajuan pada masa ini dalam kawasan yang dipohonkan. Namun, menurut *feedback yang* kaola dapati, pengesahan ini akan memakan masa yang panjang dan boleh menjejaskan kemajuan projek. Oleh itu, kaola ingin pencerahan bagaimanakah cara untuk mempercepatkan lagi proses ini?;

4. Dalam isu yang sama kaola rasa Kementerian Pembangunan juga perlu *mereview* kesesuaian sama ada *zoning* ini masih lagi boleh diguna pakai ataupun perlu diperbaiki di kawasan-kawasan yang tertentu memandangkan kepesatan

pembangunan dan isu-isu yang dihadapi ketika ini, misalnya kesesakan jalan raya, jalan masuk dan keluar, kekurangan letak kereta dan lain-lain.;

5. Perkara selanjutnya yang akan kaola bangkitkan ialah mengenai pembangunan *business area* atau kawasan perniagaan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ beberapa tahun ini kita telah dapat menyaksikan pembangunan yang pesat di kawasan-kawasan misalnya di Gadong, Serusop, berdekatan *Airport, Aman Hills*, Kiulap, Manggis, Salambigar, Tanjong Bunut, Jerudong, Rimba Daerah Brunei Muara dan lain-lain. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ perkara yang ketara dari pembangunan ini ialah aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan ini semakin berkembang dan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Di samping itu, dengan pembukaan beberapa kawasan perniagaan yang baharu ini, ia juga memberikan pilihan-pilihan kepada pelanggan-pelanggan untuk melakukan aktiviti-aktiviti membeli-belah mereka di kawasan yang berdekatan dengan kediaman mereka.

Dalam pada itu, kita juga menyaksikan kesesakan jalan raya, letak kereta yang tidak mencukupi, jalan masuk dan keluar yang terhad, *access road* dalam kawasan kemajuan yang tidak teratur, jalan-jalan yang tidak terpelihara dan

berlubang-lubang dalam kawasan-kawasan perniagaan ini. Ada setengah-setengah tempat ini pembangunannya terlalu padat akan tetapi jalan masuk dan keluar *service road* tidak mencukupi yang menyebabkan bertambahnya lagi kesesakan.

Sila betulkan sekiranya kaola tersilap, kaola difahamkan bahawa peraturan-peraturan yang mengawal pembangunan yang terdahulu belum lagi memasukkan peraturan-peraturan baharu untuk memelihara dan mengawal pembangunan kawasan tersebut seperti dengan menghendaki pemaju untuk menubuhkan *management cooperation* seperti yang terdapat dalam peraturan *strata title*, sebagai langkah untuk memelihara keadaan dan kebersihan kawasan-kawasan tersebut.

Soalan kaola, apakah langkah-langkah ke hadapan Kementerian Pembangunan untuk memperbaiki keadaan ini supaya pembangunan *business areas* ini akan lebih teratur, terurus dan selesa bagi pengunjung-pengunjungnyanya?; dan

6. Yang terakhir, kaola ingin menyentuh mengenai Petunjuk Prestasi Utama Kementerian Pembangunan mengenai peratus permohonan pendaftaran *contractor* dan pembekal yang diproses oleh ABCi.

Bagi perkara ini, kaola ingin mengetahui berapakah jumlah *contractor* tempatan khususnya bumiputera yang telah berdaftar ketika ini?

Kaola cadangkan supaya lebih banyak lagi kerja-kerja yang berskala kecil akan diberikan kepada *Startup* dan PMKS yang terdiri daripada anak-anak tempatan sebagai *Local Business Development Programme* untuk memberi peluang dan membiasakan mereka untuk berjinak-jinak dalam kerja-kerja dalam industri pembinaan akan tetapi peraturan yang tegas perlulah juga digubal bagi mengelakkan kerja-kerja yang diberikan kepada mereka untuk *disubkan* kepada syarikat-syarikat asing.

Sekian yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang dibangkitkan tadi yang juga mengandungi beberapa saranan yang penting seperti yang terkandung juga dalam soalan yang disampaikan tadi.

Pertama sekali mengenai beberapa peraturan yang dilaksanakan termasuklah peraturan-peraturan yang baharu. Memang diperakui peraturan ini sentiasa digubal dan juga dibuat beberapa pindaan untuk mengemaskinikan lagi tindak tanduk dan tatacara kerja di Kementerian

Pembangunan terutama sekali yang melibatkan industri pembinaan dan juga kemajuan-kemajuan di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti untuk dimajukan.

Dalam perkara ini, kaola mengambil saranan yang disampaikan tadi dari segi 'pemberigaan' yang merupakan satu perkara yang penting dan asas supaya kesedaran dan kefahaman mengenai apa juga dasar-dasar ataupun peraturan-peraturan baharu yang dilaksanakan ini sampai dan difahami oleh masyarakat terutama sekali dalam sektor perindustrian.

Juga perniagaan ini bagi membolehkan mereka untuk menepati lagi segala keperluan yang melibatkan peranan mereka dari segi pematuhan dasar dan peraturan dalam kawasan-kawasan mereka terlibat, sama ada dari segi pengusahaan dan juga perniagaan.

Kaola mengucapkan terima kasih atas saranan yang baik daripada Yang Berhormat.

Mengenai Petunjuk Prestasi Utama (*Town and Country Planning*) 85% dan juga apakah strategi lanjut untuk mencapai sasaran yang lebih baik seperti yang dicadangkan tadi untuk mencapai 100%. Untuk menjawabnya, kaola menyampaikan melalui pelan-pelan pembangunan di peringkat nasional, daerah dan setempat. *Zoning* perancangan tertentu yang sudah dikenal pasti termasuk cadangan tapak-tapak bagi kemajuan perniagaan,

industri, pertanian, kawasan tanah kerajaan untuk dibukakan bagi kemajuan bercampur dan sebagainya.

Sebahagian cadangan perancangan telah dapat dilaksanakan sementara selebihnya memerlukan penelitian semula melalui perkara-perkara yang melibatkan beberapa perancangan memerlukan untuk dibawa ke depan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 terutama sekali kajian *land availability study* yang perlu dilaksanakan bagi mengembangluaskan lagi dan mengenal pasti status keberadaan tanah-tanah bagi kemajuan masa hadapan.

Di peringkat perancangan setempat pula, beberapa skim perancangan yang disediakan khusus bagi kawasan-kawasan perniagaan termasuk penyediaan beberapa garis panduan dan piawaian perancangan bagi kemajuan tertentu sebagai contoh Skim Pengelompokan Kawasan Kiulap yang berkembang cukup pesat, yang antara lain bertujuan untuk menyelaraskan kemajuan di kawasan berkenaan.

Contohnya hasil pembinaan *loop road* fasa 1 hingga fasa 3 yang telah dilaksanakan secara *public private partnership* telah membuka kawasan berkenaan sebagai salah sebuah kawasan perniagaan yang pesat membangun pada ketika ini.

Fasa pelaksanaan seterusnya adalah fasa 4 bagi pembinaan jalan, pembesaran tebing sungai serta ubah suai beberapa lot tanah yang terlibat untuk

dilaksanakan secara *public private partnership* juga, yang akan melibatkan 21 keping lot tanah, iaitu 13 keping lot tanah bersyaratkan perniagaan, 4 keping lot tanah bersyaratkan perumahan dan perniagaan, 1 lot tanah bersyaratkan hotel dan 2 lot tanah yang masih bersyaratkan pertanian.

Jadi ini adalah secara ringkas yang dapat kaola jawab persoalan mengenai *KPI* bagi *TCP* untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan dalam perancangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Mengenai *masterplan* setempat untuk mempercepatkan *zoning* dan untuk memperbaiki kawasan *zoning* ini daripada beberapa cabaran dan risiko yang ada terutama sekali seperti yang disebutkan tadi ialah kesesakan jalan raya dan juga kekurangan letak kereta di kawasan-kawasan perniagaan.

Langkah-langkah ke hadapan yang dibuat selaras juga dengan cadangan yang disebutkan lagi dalam cadangan Yang Berhormat ialah mengenai dengan penubuhan *management corporation* di sesuatu kawasan perniagaan yang pernah dibincangkan pada masa yang lepas.

Untuk merespons kepada soalan tersebut kaola merujuk kepada Seksyen 57, Perintah Kawalan Bangunan 2014: "Pemilik atau penghuni mana-mana bangunan atau mana-mana bahagiannya termasuk jalan akses yang digunakan oleh orang awam hendaklah sentiasa

membersihkan, menjaga kebersihan dan memastikan bangunan atau mana-mana bahagiannya dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang keadaan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatan pekerjaanya, orang awam dan pengguna lain”.

Setakat ini keperluan untuk menubuhkan *management corporation* telah diambil kira sebagai salah satu keperluan dalam garis panduan dan piawaian perancangan bagi kemajuan industri sementara keperluan bagi menubuhkan *management corporation* atau lebih tepat dipanggil *strata corporation* bagi kawasan perniagaan adalah khusus bagi kemajuan strata sahaja seperti yang diperuntukan dalam Akta Strata bagi mengawal selia kerja-kerja pemeliharaan kawasan guna sama berkenaan.

Sementara bagi menyelaraskan keperluan mengawal selia khusus bagi kawasan-kawasan perniagaan yang sedia ada dan yang bukan berstatus kemajuan strata, dasar serta peraturan bagi menubuhkan *management corporation* sebagai wakil pemilik ataupun penghuni bangunan bagi mengawal selia kawasan tersebut masih dalam penelitian lanjut Kementerian Pembangunan. Ia perlu dibincangkan lagi dengan agensi-agensi yang berkaitan termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khusus bagi kawasan-kawasan perniagaan dalam kawalan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Kaola sekali lagi melihat keutamaan perkara yang dibangkitkan dalam soalan Yang Berhormat. Memandangkan juga

keadaan-keadaan banyak sudah kawasan komersial yang timbul seperti cendawan di beberapa kawasan antara yang telah disebutkan kawasan-kawasannya tadi.

Jadi penubuhan *management cooperation* atau yang seumpama denganya ini adalah penting untuk menangani sebagai langkah ke hadapan perkara-perkara dibangkitkan tadi sama ada ia melibatkan penjagaan alam sekitar, jalan raya yang banyak berlubang di banyak kawasan yang ‘kitani’ perhatikan pada masa ini.

Yang menjadi dilema bagi abiskaola di Kementerian Pembangunan siapa yang akan ‘mengusai’ jalan bangunan ini sedangkan jalan bangunan ini adalah *private commercial area* dan juga ada satu pertimbangan yang dibuat di pihak kementerian mengenai jalan umpamanya kalautah jalan berlubang ‘diusai’ oleh Kementerian Pembangunan dan kemudian kos perbelanjaan untuk mengusai jalan itu akan diminta bayaran balik daripada pemilik-pemilik kawasan komersial tersebut.

Menjadi dilemanya ialah siapatah pemilik kawasan komersial tersebut yang kebanyakannya sudah dijual secara individu mengikut *short unit* di kawasan tersebut? Barang ini menjadi delima ‘lakat’ arah abiskaola untuk menilai perkara ini dan setentunya seperti yang disebutkan itu *management corporation* ialah mungkin satu jawapan yang akan dapat menangani perkara ini sebagai langkah ke hadapan, sekali lagi

kaola berterima kasih dengan saranan ini.

Lanjutan daripada perkara ini, ialah jalan memikirkan kepentingan mengenai status strata yang kaola rasa juga lama sudah perkara ini pernah difikirkan, dinilai dan dibangkitkan jua dan perkara ini masih lagi menjadi satu perkara yang belum selesai *work in progress*.

Sejak strata ini dikuasakan pada 1 Julai 2009, sejumlah 292 geran strata telah didaftarkan atas nama pemilik tanah yang terdiri daripada 12 projek kemajuan strata, Daerah Brunei dan Muara terdapat 8 projek dan 194 geran strata dikeluarkan.

Daerah Belait terdapat 4 projek yang 68 geran strata dikeluarkan. Manakala 2 permohonan kemajuan strata masih dalam proses penelitian di Jabatan Tanah untuk disahkan hak unit strata masing-masing.

Kementerian mengambil maklum bahawa minat untuk membangunkan kemajuan strata belum banyak. Walaupun kemajuan rumah pangsa, rumah-rumah kedai dan bangunan-bangunan komersial semakin bertambah banyak.

Kemajuan strata difikirkan lebih menarik kerana membolehkan pemilik strata untuk mendapatkan tempoh pajakan maksimum sehingga 99 tahun. Dengan adanya geran tersendiri *individual strata title* yang akan mempermudah apa juga transaksi pindah milik

berkenaan dengan pemilikan strata berkenaan.

Walaupun Akta Strata juga memperuntukkan tanggungjawab badan strata iaitu *strata corporation*. Sama juga dengan *management corporation* seperti yang dicadangkan tadi dan tanggungjawab pemilik strata seperti pembayaran perkhidmatan (*services charges*) termasuk pembayaran premium insurans, pembayaran bagi penyelenggaraan bangunan, melantik ahli-ahli komite strata untuk memantau pematuhan peraturan-peraturan strata.

Mengadakan mesyuarat tahunan yang berkaitan denganya. Inilah *best practices* yang diamalkan dengan negara lain yang banyak menguruskan bangunan-bangunan strata seperti negara Singapura, Malaysia umpamanya.

Semua tanggungjawab ini adalah tanggungjawab serius yang mungkin tidak semua pemilik strata bersanggupan atau berkeupayaan untuk menjalankannya. Tanggungjawab *strata corporation* lebih diwakilkan kepada syarikat pengurusan yang berkelayakan dengan bayaran perkhidmatan tahunan yang perlu dijelaskan.

Maka kelebihan penubuhan *strata corporation* atau *management corporation* dan strata komite ini adalah untuk mengawal, mengurus, mentadbir dan memelihara semua kemudahan harta bersama *common areas* termasuklah contoh yang diberikan tadi pemeliharaan jalan, pemeliharaan alam

sekitar, pemungutan sampah dan landskap di kawasan-kawasan dan apa juga kerosakan-kerosakan bangunan secara *general*, bangunan luaran itu dapat diperbaiki. Memang 'kitani' jua melihat ada bangunan-bangunan yang perlu untuk diperbaiki dipulihkan, dicat semula untuk mencantikkan lagi kawasan-kawasan komersial ini. Maka peranan *management corporation* ataupun *strata corporation* berperanan untuk memperbaiki hubungan terus antara pihak kerajaan dan swasta dan *management corporation* dapat memperbaiki keadaan-keadaan untuk mengindahkan lagi kawasan-kawasan komersial ini.

Selanjutnya usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman mengenai kemajuan strata ini, Jabatan Tanah telah menyediakan garis panduan berhubung hak milik strata dan maklumat ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Jabatan Tanah www.land.gov.bn.

Selain itu, Jabatan Tanah juga bersedia untuk 'mengungkapkan' jerayawara kepada pihak berkepentingan dan orang awam untuk meningkatkan lagi kefahaman mengenai konsep dan peraturan strata seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Selanjutnya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga ada mengeluarkan 2 buah buku garis panduan untuk rujukan iaitu:

1. *Planning guideline for strata subdivision consolidation*, garis panduan perancangan bagi pemecahan dan penyatuan strata.; dan
2. *Supplementary planning guide line for structure development residential*, garis panduan *supplementary* perancangan bagi kemajuan *structure* perumahan.

Jabatan Ukur juga ada mengeluarkan garis panduan tatacara pengukuran strata kepada Juruukur Tanah Berlesen demi mengukuhkan lagi *standard* tatacara pengukuran seperti yang diamalkan oleh Juruukur Tanah di negara luar.

Selain usaha-usaha ini, Kementerian Pembangunan juga membuat cadangan pindaan kepada Akta Strata untuk lebih menguatkan lagi pengurusan strata yang antara lainnya memperjelaskan lagi undang-undang yang ada untuk meluaskan lagi skop pengawalseliaanya. Mengukuhkan lagi keberkesanan pelaksanaan kemajuan strata dengan pelantikan Persuruhjaya Bangunan dan Penubuhan Lembaga Hak Milik Strata.

Dengan adanya usaha-usaha ini adalah diharapkan pihak-pihak berkepentingan akan merasa lebih yakin dan cenderung untuk mengendalikan kemajuan strata di Negara Brunei Darussalam.

Tindakan selanjutnya adalah bagi Jabatan Tanah dan Kementerian

Pembangunan sendiri untuk memproses permohonan pindah milik strata kepada pembeli-pembeli yang proses tersebut masih ditunduki untuk memastikan pembeli-pembeli memenuhi syarat-syarat pemilikan strata di kawasan-kawasan dan zon-zon yang dimaksudkan tadi.

Mengenai dengan soalan yang melibatkan *ABCI* dalam proses permohonan, diakui ada beberapa kes aduan yang melibatkan TPOR yang gagal dipenuhi dari segi proses-proses permohonan kebenaran bangunan dan juga beberapa permohonan-permohonan yang melibatkan bidang kuasa *ABCI* iaitu *Authority Building Construction Industry*.

Proses permohonan kebenaran bangunan terbahagi kepada 2 peringkat yang Tekad Pemedulian Orang Ramai bagi peringkat kebenaran perancangan adalah selama 14 hari. Antara cabaran yang dihadapi adalah peningkatan peratus *application submission noncompliance* yang memerlukan tindakan penyelarasan pihak *qualified person* serta kesan penularan juga semasa *COVID-19* yang juga mengakibatkan masih lagi kesannya sampai waktu ini dari segi proses permohonan yang perhubungan dan juga tindak balas dan tindakan lanjut yang perlu diambil oleh *QP* ada yang masih lagi kelambatan sehingga kini yang bermula dari tahun 2021.

Walau bagaimanapun, sebagai menyahut juga keperluan untuk kembali

pematuhan terhadap TPOR yang disebutkan tadi dan meningkatkan peratus pencapaian TPOR berkenaan, antara usaha yang sedang dilaksanakan ialah kolaborasi antara *TCP*, *ABCI* dan agensi-agensi infrastruktur yang lain seperti berikut:

1. Untuk memperkenalkan proses permohonan *fast track* bagi kemajuan berkepentingan strategik dengan menerapkan perbincangan komite kawalan kemajuan kepada seminggu sekali antara komite termasuklah Jabatan Bomba dan Penyelamat, *TCP*, *ABCI*, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembetungan dan Jabatan Perkhidmatan Air untuk duduk sekali sebab diketahui sebelum ini perkara ini ada yang diedarkan secara bersurat dan *e-mel*, jadi langkah ke hadapan ialah supaya ada satu jawatankuasa yang akan duduk berbincang sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk meneliti permohonan-permohonan yang ada pada satu masa.;
2. Untuk menerapkan sesi dialog dua hala dengan pihak *qualified person* iaitu pemohon. Pada bulan Januari 2023, sesi 'pemberigaan' kepada pihak *qualified person (QP)* dan agensi-agensi berkepentingan telah diadakan di bawah penyelarasan pihak *ABCI*.;
3. Menambah baik proses permohonan bagi sesebuah rumah yang pihak *qualified person* boleh mendapatkan

ulasan teknikal infrastruktur lebih dahulu sebelum menghadapi permohonan kebenaran perancangan kepada pihak *TCP*;

4. Menambah baik proses permohonan ubah suai bangunan perniagaan yang tidak melibatkan *parameter* perancangan untuk terus dihadapkan kepada pihak *ABCI*;
5. Melaksanakan kajian ke atas tempoh masa proses permohonan bagi mengenal pasti punca kelambatan serta *application submission non-compliance* bagi sesi klinik bersama *qualified person* sebagai langkah untuk meningkatkan peratusan *application submission compliance*;
dan
6. Mengemaskinikan Sistem Permohonan Atas Talian (*EKP*) untuk mempercepatkan tempoh masa proses permohonan.

Untuk makluman jua, permohonan kemajuan yang dihadapkan oleh *QP* melalui sistem *OneBiz* yang ada pada masa ini dianggarkan sebanyak 600 permohonan setiap bulan.

Ia dipantau mengikut TPOR yang ada yang ditetapkan dalam *Ease of Doing Business (EODB)*. Sejauh ini, sebanyak 93% permohonan diproses selaras dengan TPOR yang ada. Jadi maksudnya belum dapat mencapai 100% seperti yang disarankan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan tindakan-tindakan yang dirancang itu akan dapat memperbaiki *performance* ini. Untuk ini juga, kaola mengambil kesempatan memberikan saranan kepada pemaju pemilik tanah yang berhubung dengan *ABCI* melalui *qualified person* ini untuk saling berhubung dengan *qualified person* mereka yang dilantik dan bertanggungjawab bagi mengetahui status permohonan mereka kerana antara sebab kelambatan yang dikenal pasti adalah berpunca daripada kurangnya perhubungan dengan *qualified person* untuk datang berjumpa dan juga menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pihak *ABCI* kepada mereka untuk melancarkan lagi permohonan dan juga proses-proses kebenaran untuk kemajuan perumahan persendirian ataupun kemajuan bangunan-bangunan komersial seperti yang dihadapkan.

Itulah serba sedikit yang dapat kaola sampaikan pada menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkenaan dengan perancangan Belanjawan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Kaola ada 4 soalan dan mohon pencerahan:

1. Kaola sukacita ingin menyuarakan isu jalan raya di kawasan pedalaman di Daerah Belait dan juga Daerah Tutong terutama sekali Jalan Bukit Puan Labi, Jalan Merangking, Jalan Sukang dan Jalan Melilas, Daerah Belait yang jalan-jalan ini mengalami kerosakan dan 'susur' dan sukar dilalui oleh kenderaan kecil....

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya kira soal jalan raya sudah kita bincangkan pada hari Sabtu yang lalu. Soalan yang kedua.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann: Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola menerima keluhan dan saranan daripada orang ramai dan para pengembara *commuter* terdiri daripada warga asing berkenaan dengan tempat-tempat rehat *pit stop* di sepanjang lebuh raya ataupun *highway* Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara.

Seperti negara-negara lain, ianya dikenali sebagai kawasan rehat dan rawat (RnR) dan hentian sebelah

merupakan kawasan yang menjadi persinggahan pengguna lebuh raya yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur masyarakat sama ada dari golongan tua, muda atau kanak-kanak untuk berehat seketika sebelum meneruskan perjalanan.

Tandas awam, tong sampah, kedai runcit dan surau adalah antara kemudahan asas yang menjadi keperluan utama. Untuk rekod, perkara ini pernah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada Musim Permesyuaratan yang lalu.

Soalannya:

1. Apakah pihak Kementerian Pembangunan mempunyai perancangan ke arah menaikkan taraf lebuh raya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang kaola nyatakan tadi?;
2. Selanjutnya kaola menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan. Apakah ada perancangan pihak kerajaan untuk menyediakan Skim Rancangan Perumahan Negara di Daerah Belait? Kaola ingin tahu apakah proses-proses bagi mempercepatkan mendapatkan hak milik geran tanah kepada penerima skim-skim perumahan dan rakyat jati yang sudah melunaskan pembayaran mereka?; dan

3. Soalan terakhir ialah kaola ingin menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SK07A - Aduan daripada orang ramai mengenai tanda-tanda jalan, nombor simpang dan nombor rumah dan *label* kampung yang sudah kabur yang tidak lagi kelihatan, menyukarkan para pengguna (orang ramai) mencari alamat dan tempat yang dilalui.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang dibangkitkan.

Pertama sekali tadi, seperti Yang Berhormat Pengerusi nyatakan, mengenai dengan jalan raya banyak sudah dibincangkan dan diberikan penjelasan sejauh ini. Tetapi satu perkara yang dibangkitkan itu ialah mengenai beberapa jalan iaitu projek membubuh batu di jalan raya yang menuju ke Rumah Panjang Bidadong, Daerah Belait yang dibuat dengan kerjasama antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatan Kerja Raya yang pada masa ini masih dalam pelaksanaan.

Ini adalah usaha untuk membantu kerajaan membekalkan batu *coal mill* atau bekas hakisan asfal terpakai manakala pengangkutan serta jentera disediakan oleh Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei (ABDB). Sehingga ke hari ini 50 *trips coal mill* telah dibekalkan, projek ini akan diteruskan apabila bekalan stok batu *coal mill* yang berkurangan pada masa ini akan dapat diadakan semula.

Mengenai soalan pengembara (*commuters*) dari warga asing berkenaan ketiadaan tempat-tempat *pitstop* di sepanjang lebuh raya. Untuk menjawab soalan ini, **اَلْحَمْدُ لِلّٰه**, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya ada membincangkan dan memikirkan perkara ini. Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur telah mengenal pasti beberapa tapak di sepanjang jalan-jalan *coastal* yang ada, tempat yang bersesuaian bagi lokasi *pitstop areas* di sepanjang Lebuh Raya Utama, Lebuh Raya Muara-Belait.

Ia melibatkan pembinaan tapak luas yang strategik dengan mengandungi perkhidmatan untuk pengguna jalan raya seperti stesen minyak, tempat berehat, gerai, restoran, surau, tandas dan sebagainya. Ia juga memerlukan peruntukan bagi menyediakan infrastruktur seperti bekalan tenaga elektrik dan air serta laluan jalan dan sebagainya.

Seperti yang disebutkan, perkara ini masih dalam peringkat perbincangan dan cetusan idea dan jangkaan perbincangan ini perlu terus dibuat dan **إِنْ شَاءَ اللّٰهُ** susulan lanjut perkara ini dengan penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi: Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga ditimbulkan setiap tahun dalam Majlis ini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin itu saja jawapan abiskaola mengenai persoalan yang dibangkitkan tadi. Mengenai dengan penomboran rumah-rumah dan jalan-jalan yang sudah kabur, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** selepas ini abiskaola akan berhubung terus dengan Yang Berhormat untuk mendapatkan kepastian tanda-tanda jalan yang sudah kabur dan sebagainya untuk diambil tindakan sebaik-baiknya oleh pihak Kementerian Pembangunan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** lebih dahulu kaola merakamkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. **وَاللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan rahmat dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita berjaya membina Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong.

Dengan adanya kemudahan perhubungan tersebut dapatlah penduduk-penduduk di kedua-dua daerah berhubung dengan mudah dan selesa. Berdasarkan kemampuan negara kita membina jambatan sepanjang 32 kilometer itu, tentulah lebih mampu membina jambatan yang lebih pendek.

Maka kaola sukacita mencadangkan supaya pihak berkenaan dapat membina jambatan ke Kampung Menunggol sebagai langkah berterusan ke arah pemedulian pihak kerajaan dalam mewujudkan kesejahteraan kehidupan rakyat di negara ini. Tentunya dengan terbinanya jambatan ke kampung tersebut akan memudahkan perhubungan penduduk-penduduk kampung tersebut ke Bandar Seri Begawan dan begitu juga sebaliknya, yang selama ini adalah sangat kurang selesa terutama ketika hujan.

Ia juga akan memudahkan agensi-agensi lain untuk datang ke sana seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat, Perkhidmatan Ambulans, Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Pengerusi. Selain pembinaan jambatan ini, sebagai kemudahan perhubungan ia juga akan menjadi nilai tambah kepada usaha mengembangkan destinasi pelancongan dan rekreasi negara kerana di Kampung Menunggol terdapat kesan sejarah

perlombongan arang batu yang terletak di Bukit Bujang Pahang. Jika kawasan ini dimajukan, ia sangat berpotensi untuk menyumbang ke arah kemajuan sektor pelancongan.

Kaola ingin mencadangkan, melalui Jabatan Kerja Raya, untuk membina jejambat di jalan pekeliling, Jalan Sungai Akar memadamkan jalan pekeliling ini adalah jalan utama dari kampung-kampung yang ramai penduduknya dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas pada waktu pagi dan petang semasa waktu bekerja;.

Kaola juga ingin mencadangkan Jabatan Kerja Raya membuat pusingan 'U' di Jalan Residency, berdekatan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei untuk memudahkan pengguna ke Jalan Subok, yang pada masa ini perlu ke Bandar Seri Begawan dan ke Jalan Kianggeh untuk ke Jalan Subok.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dibangkitkan.

1. Cadangan membuat jambatan di Kampung Menunggol. Jika dapat disampaikan cerapan idea mengenai cadangan ini telah diambil beberapa tindakan oleh Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan

Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Kerja Raya, telah membuat penilaian akan keperluan ini serta mencadangkan beberapa perancangan lain termasuk pembinaan jalan raya dan jambatan bagi menghubungkan Pusat Bandar dengan Pulau Berambang di Kampung Menunggol melalui Mukim Lumapas iaitu Kampung Kasat. Itu antara cerapan idea yang dibincangkan di Kementerian.

Di samping itu juga, ada satu idea lain iaitu persediaan untuk pembinaan jalan penghubung ke Pulau Berambang melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dengan pembinaan satu *slip road*. Ini antara cetusan-cetusan idea dalam perbincangan di peringkat kementerian mengenai perkara ini. Jadi belum ada apa-apa keputusan dimuktamad untuk dikongsikan setakat ini mengenai dengan cadangan ini.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat penelitian, melihat dari sudut-sudut teknikal dan juga alam sekitar di kawasan-kawasan tersebut. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, perkara ini akan dibuat penelitian lanjut dengan keutamaan-keutamaan perancangan yang ada. Itu jawapan kaola mengenai dengan cadangan jalan penghubung Kampung Menunggol.;

2. Mengenai cadangan untuk memina jejambat di jalan pekeliling di Jalan

Sungai Akar. Perancangan yang dibuat pada masa ini adalah untuk pemasangan *traffic light* di jalan pekeliling tersebut seperti juga ada beberapa perancangan untuk membuat *traffic light* di jalan pekeliling supaya dapat meredakan kesesakan yang lama disebabkan oleh kurang aturan pengguna-pengguna dalam menggunakan jalan pekeliling Jalan Sungai Akar tersebut. Itu beberapa perancangan yang sedang dibuat pada masa ini.; dan

3. Mengenai satu cadangan untuk membuat pusingan 'U' di Jalan Residensi dan juga Jalan Subok, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ abiskaola membuat penelitian dahulu mengenai perancangan ini.

Itu sahaja yang dapat kaola respons mengenai cadangan tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
 وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri

Pembangunan atas mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan dan juga pencerahan mengenai perancangan dan tindakan yang sudah diambil dan akan diambil oleh pihak kementerian mengatasi beberapa masalah seperti banjir di kawasan-kawasan yang rendah, jalan-jalan raya yang berlubang, longkang-longkang yang tersumbat, bekalan air yang sering terputus, bangunan-bangunan yang kosong dan rumah-rumah yang sudah rosak sejak projek itu siap.

Kaola berharap peruntukan yang diberikan akan boleh membantu Kementerian Pembangunan mengatasi masalah dan sungutan orang ramai, ada yang sudah bertahun lama dialami mereka. Isu bekalan air yang selalu terputus dan juga keadaan air yang kurang bersih sepatutnya tidak lagi timbul dengan pemasangan paip besar yang dilaksanakan beberapa tahun yang dahulu.

Begitu juga dengan isu penghapusan sisa-sisa pepejal, sisa-sisa *household* dan klinikal yang sudah diketahui akan bertambah banyak dalam perbincangan telah pun dibuat untuk mengatasinya termasuk membina *incinerator* baharu kerana kapasiti *incinerator* yang ada pada ketika itu tidak mencukupi dan selalu *breakdown*.

Begitu juga dengan usaha menggunakan kawasan-kawasan yang selalu banjir di kawasan-kawasan rendah melalui pembinaan beberapa kolam tadahan

termasuk usaha memindah penduduk-penduduk yang terjejas banjir ke kawasan lain, jika perlu. Diharap masalah-masalah ini akan terus diberi perhatian oleh kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan hingga penyelesaian kerana kalau yang kaola ingat peruntukan telah pun diluluskan dan rancangan telah pun bermula beberapa tahun yang lalu untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Beralih kepada topik lain, kaola ingin bertanya mengenai status industri pembinaan di negara ini yang sejak kebelakangan ini projek-projek kerajaan berkurangan. Ini memberi kesan kepada konsultan syarikat-syarikat dan kontraktor-kontraktor tempatan yang bergantung pada projek-projek kerajaan.

Soalan kaola, bagaimanakah industri pembinaan ini boleh *direvive* jika keadaan ini berterusan sedangkan industri pembinaan dikenal pasti bukan sahaja sebagai industri penting dalam pembangunan negara tetapi juga dalam menyediakan pekerjaan kepada anak-anak tempatan?

Pada masa ini, beberapa syarikat dan pekerja-pekerja tempatan dalam industri pembinaan mengalami cabaran untuk terus berfungsi atau supaya tidak diisytihar muflis. perolehan iaitu *procurement method* yang diguna pakai pada masa ini ialah melalui *design and build*. Bagaimanakah pihak kementerian akan memastikan bahawa syarikat-

syarikat anak tempatan tidak terpinggir disebabkan oleh kaedah ini?

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola seterusnya ingin merujuk mengenai rumah-rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara Mengkubau. Kaola rasa dukacita tidak semua rumah dapat diserahkan kerana banyak yang rosak. Kaola ingin mengetahui apa yang dapat kita pelajari dari kejadian ini agar tidak berulang diharap Kementerian Pembangunan dapat memberi pencerahan dalam perkara ini.

Kaola juga ingin memohon pencerahan mengenai hubungan *main contractor* dan *subcontractor*. Ada projek yang telah diberikan kepada kontraktor tetapi yang menjalankan projek ini ialah *subcontractor*. Apakah rasional amalan ini, tidakkah ini akan menyebabkan kos keseluruhan projek itu tinggi dan kemungkinan juga punca kualiti kerja menurun jika kurang pengawasan?

Seterusnya, kaola ingin bertanya mengenai Skim Lot Tanah Kurnia untuk perumahan. Adakah skim ini masih berjalan? Jika masih, sudahkah dikenal pasti kawasan-kawasan baharu bagi skim ini dilaksanakan? Kaola difahamkan masih banyak pemohon yang dalam senarai ini dan kaola percaya dengan adanya Skim Lot Tanah Kurnia ini akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan membangun perumahan kerana penerima akan membangun rumah sendiri seperti yang sudah-sudah dan pihak kerajaan hanya perlu menyediakan infrastruktur di kawasan tersebut. Kaola

cadangkan Skim Lot Tanah Kurnia ini diteruskan dan diberi kepada pemohon-pemohon yang telah pun dalam senarai.

Pada masa ini apa yang kaola fahami yang telah berjalan ialah pemberian tanah *TOL* iaitu Lesen Tumpang Sementara kepada pemilik-pemilik tanah *TOL* yang di atasnya ada rumah persendirian yang didiami dan tanah-tanah ini dikurniakan oleh kerajaan kepada mereka dan ditukar syaratnya daripada *TOL* kepada tanah kekal.

Ini sudah berjalan untuk pengetahuan Dewan ini. Jadi, harap kadar tanah *TOL* yang diserahkan supaya diberi sebagai tanah kekal ini agar dapat diteruskan kepada pemilik-pemilik yang memilik, mendiami rumah yang sudah lama di tanah *TOL* itu.

Soalan yang berkaitan mengenai perumahan ini, apakah *status Public Private Partnership (PPP)* yang satu masa dahulu pernah dibincangkan sebagai alternatif sumber kewangan bagi perumahan? Adakah cara *Public Private Partnership (PPP)* sudah tidak dipertimbangkan lagi sebagai alternatif? Ini pun dilihat sebagai mendatangkan kebaikan juga apabila kita merancang perumahan supaya tidak semua perumahan itu dibiayai kosnya oleh pihak kerajaan.

Seterusnya, kaola ingin beralih di bawah Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Di bawah Tajuk Pengurusan Landskap ada peruntukan sejumlah \$1.222 juta bagi pengurusan

kawasan landskap. Kaola kurang pasti sama ada ini termasuk kawasan-kawasan yang baharu tetapi dari apa yang dapat dilihat tidak ada kawasan-kawasan baharu sejak beberapa tahun ini. Sedangkan masih banyak kawasan lapang yang boleh diusahakan bagi mencantikkan bandar-bandar kita atau menaik taraf kawasan yang sudah dimajukan agar lebih menarik.

Kaola rasa tidak perlu kita berbelanja besar untuk membeli pokok bunga kerana kaola percaya kita mempunyai nurseri yang mengandungi berbagai-bagai jenis pokok dan jenis pokok bunga. Pada pandangan kaola, JASTRe sebagai sebuah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi boleh lebih *visible* yakni menonjol dengan kegiatan-kegiatan menanam pokok-pokok bunga yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah agar kesedaran menjaga kebersihan, memelihara kecantikan alam sekitar dapat dipupuk.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi persoalan daripada kaola dan kaola sudahi dengan sekali lagi mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas penjelasan yang telah pun diberikan dan diharap dapat pencerahan kepada isu-isu yang kaola timbulkan.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kaola ucapkan kepada Yang Berhormat

atas banyak soalan tadi yang padat dan juga *big issues* bagi Kementerian Pembangunan. Jadi, kalau dapat kaola *tackle the question*. Pertama mengenai *construction industry*.

Mengenai cara membantu industri pembinaan dan syarikat konsultan dan kontraktor memandangkan jumlah projek kerajaan yang berkurangan. Projek-projek pembinaan kerajaan sama ada membina bangunan ataupun prasarana adalah dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan-keperluan yang telah dirancang dan ditetapkan.

Ini difahami juga bahawa dengan tahap pembangunan negara 'kitani' masa kini yang sudah dikira mencapai beberapa *development* ataupun kemajuan sememangnya keperluan untuk membina bangunan-bangunan atau prasarana yang baharu adalah tidak sebanyak sebelumnya, iaitu berkurangan.

Seperti yang kaola maklumkan dalam mukadimah koala fokus Kementerian Pembangunan dalam masa *the next* Tahun Kewangan ini ialah bagi memastikan bangunan-bangunan yang ada, yang sudah ada, yang sedia ada dan prasarana kerajaan yang sedia ada dijaga, dinaik taraf dan dibaik pulih supaya aset-aset tersebut akan sentiasa terpelihara memenuhi keperluan masa kini.

Oleh itu, projek-projek seperti ini masih diperlukan untuk penglibatan pihak

kontraktor dan konsultan dari segi pemeliharaan dan *maintenance*. Di samping itu juga pemantauan kementerian ini melalui *ABCi* mengenai aktiviti projek pembinaan di sektor bukan kerajaan berdasarkan permohonan kemajuan menunjukkan pertumbuhan pada masa kini antara juga difikirkan projek baharu yang dijangka akan *start* aktif dari segi pembinaannya ialah tapak bangunan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang baharu dan juga beberapa projek yang lain tapi tepat juga yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi ialah tidak banyak lagi kemajuan dari segi pembinaan infrastruktur yang baharu yang dilihat pada masa kini pada Tahun Kewangan yang akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi: Tapi yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman itu tadi adalah kalau saya tidak salah pengertian bagaimanakah caranya kita menentukan bahawa industri akan dapat hidup dan tidaklah ertinya orang-orang profesional anak-anak tempatan sendiri yang telah berkecimpung dalam syarikat-syarikat seperti *consultancy*, arkitek ataupun yang lain-lain tidak akan lingkup perniagaan-perniagaan mereka.

Ini tergantung pada suasana ekonomi kita sama ada kerajaan bersedia *to farm more money* untuk bangunan-bangunan dalam negeri ataupun kita bukakan kepada *private sector* seperti negara-negara luar. Saya kira barangkali Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II pandangannya mengenai hal ini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalannya mengenai perkembangan industri *construction* dalam negeri untuk 'kitani' menyokong pekerjaan-pekerjaan konsultan tempatan dan sebagainya. Perkara ini 'kitani' fikirkan juga ada keperluan untuk kita membangun satu situasi *balancing demand* dan *supply*. Jadi untuk 'kitani' menyokong *industry construction* ini bukannya maksudnya 'kitani' bangun sahaja kalau tidak ada keperluannya.

Kaola mengharapkan kerajaan untuk terus berbelanja untuk menyokong satu industri tidak semestinya *industry construction* tapi industri-industri juga yang difikirkan juga, jadi 'kitani' mesti fikirkan keperluan, *demand*. Jadi itulah kalau 'kitani' lihat penduduk di dalam negeri ini bukan juga jauh meningkat jadi apa yang sudah 'kitani' bangun sama ada perlukah 'kitani' terus membangun jumlah rumah, bangunan dan sebagainya.

Kita melihat juga syarikat konsultan tempatan ataupun yang dari luar ataupun *construction company* makin meningkat jumlah *company* ini. Jadi *the pie is limited* jadi dikongsikan dengan syarikat yang makin meningkat memang bahagian setiap syarikat ini makin 'damit'. So ini 'kitani' fikirkan *demand*. Satu cara 'kitani' melihat kalau ada *FDI* datang dalam negeri dan sebagainya itu

create more demand dan sebagainya. Itulah satu cara 'kitani' memikirkan situasi *overall* 'kitani' meningkatkan aktiviti bukan sahaja *industry construction* tapi juga industri-industri lain, kita majukan 'kitani' punya *GDP* 'kitani' supaya apa yang dikerjakan yang *construction company* atau syarikat-syarikat yang lain dapat terus disokong dan dimajukan lagi.

Itu sahaja, yang koala dapat jawab soalan ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga dengan pencerahan Yang Berhormat Pengerusi dan juga *intervention* daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai perkara ini.

Satu juga perkara yang berkenaan dengan persoalan ini ialah daripada pemantau *ABCi* jumlah permohonan yang diterima dari tahun 2016 hingga 2022 menunjukkan jumlah kemajuan yang diterima mempunyai peningkatan sebanyak 1.2% setahun. Pada tahun 2022, purata jumlah permit memulakan kerja di tapak binaan yang diberi kebenaran adalah 116 permohonan setiap bulan.

Jadi ada juga *give some ounce of confidence*, keyakinan bahawa sektor swasta akan dapat *to adapt* kepada

perubahan ini dari segi kekurangan seperti yang disebutkan tadi dan juga kekhuatiran yang wujud daripadanya dan meraih peluang daripada projek-projek.

Sama ada ia projek-projek di sektor bukan kerajaan dan juga projek-projek dari segi pemuliharaan dan *maintenance* daripada sektor kerajaan. Kaola percaya bahawa ahli-ahli *professional* di industri pembinaan akan dapat menyahut cabaran ini dan memberikan, mempergiatkan lagi atau memperkasakan lagi kualiti dan reka bentuk dan perkhidmatan mereka supaya lebih inovatif dan meningkatkan lagi *value for money* bagi sektor swasta.

Juga disebutkan tadi mengenai impak kepada pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor tempatan yang kebanyakan projek perolehan menggunakan *design and build*. Mengenai soalan *design and build* ini kaedah ini satu kaedah perolehan yang dipraktikkan di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan bagi projek-projek yang memerlukan kontraktor yang bertanggungjawab terhadap reka bentuk dan pembinaannya.

Antara projek yang menggunakan kaedah ini ialah Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa '1' yang sudah siap dengan jayanya dan Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2 yang dalam pembinaan pada masa ini. ﷻ pengalaman jabatan-jabatan berkenaan menggunakan kaedah *design and build* ini menunjukkan keterlibatan

kontraktor dan konsultan tempatan juga dalam pelbagai aspek pembinaan sehingga siap dengan jayanya. Antaranya ialah penglibatkan *sub-contractor* yang diengage oleh *main contractor* yang melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan.

Dimaklumkan juga bahawa dasar Kementerian Pembangunan ialah bagi semua projek kerajaan memerlukan penglibatan kontraktor dan konsultan tempatan yang pendaftaran kontraktor adalah dipantau oleh pihak *ABCI*. Manakala konsultan-konsultan yang terlibat mestilah berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Professional dan Juruukur Bahan atau (*BAPEQS*), Walau bagaimanapun, isu-isu yang ditimbulkan tadi mengenai dengan *design and build* ini ada hakikat kebenarannya seperti yang disampaikan juga tadi.

Mengenai soalan subkontraktor bahawa kontraktor yang diberi *award* dengan projek iaitu mengengage melaksanakan projek tersebut. Penggunaan subkontraktor dalam projek-projek pembinaan tersebut adalah seperti yang lazim dalam industri pembinaan. Jadi satu-satu kontraktor tidak akan mempunyai semua pekerja atau jentera atau kepakaran yang diperlukan terutama sekali projek-projek yang besar.

Oleh itu kontraktor utama atau *main contractor* pada lazimnya ada juga melantik subkontraktornya untuk membekalkan kepakaran tenaga

manusia, jentera, pekerja buruh dan sebagainya untuk melaksanakan projek-projek pembinaan. Sistem ini juga dapat memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kecil *MSME* untuk terlibat sama dalam industri pembinaan dan menimba pengalaman untuk memajukan perusahaan supaya dapat dikategorikan sebagai pengusaha yang lebih tinggi kategorinya.

Bagi projek-projek kerajaan pula *main contractor* dimestikan untuk mendapatkan kebenaran lebih dahulu sebelum melantik subkontraktor dan semua subkontraktor mestilah berdaftar sebagai kontraktor dan pembina dalam *ABCi*. Jadi semestinya kalau kontraktor akan *mengengage* subkontraktor latar belakang subkontraktor juga akan diteliti untuk melihat sama ada mereka mempunyai kelayakan dan kesahihan daripada apa juga segi kemampuan yang mereka isytiharkan dalam pengkhususan kerja-kerja yang mereka akan diberikan dalam masa kontrak tersebut.

Tapi di sebalik itu juga *main contractor* masih bertanggungjawab (*liable*) *liability* untuk memastikan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut jadual spesifikasi, bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tapak projek serta menanggung risiko-risiko seperti yang dimeterai dalam kontrak pembinaan.

Mengenai dengan penyediaan perumahan melalui *PPP*. Seperti yang tepat sekali yang pernah dibincangkan secara meluas sebelum ini dan juga mengenai pengalaman yang diperolehi

daripada Projek RPN Mengkubau. Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan telah mendapati beberapa *lesson learns* yang dapat diambil teladan dan juga *precaution* dalam 'kitani' merangka projek-projek seterusnya. Kaola tidaklah membincangkan secara lanjut mengenai perkara ini melibatkan Projek RPN Mengkubau dan perkara ini masih lagi pertimbangan daripada pihak-pihak yang lain melibatkan isu-isu kontrak dan undang-undang pada ketika ini.

Bagi Skim Lot Tanah Kurnia seperti yang dibangkitkan juga tadi. Pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan belum dapat menerima permohonan-permohonan baharu mengenai skim ini. Walau bagaimanapun, permohonan-permohonan yang sudah dibenarkan dan masih di bawah skim ini adalah sebanyak 179 permohonan. Ialah menjadi hasrat melalui Jabatan Kemajuan Perumahan untuk permohonan yang masih menunggu ini dan Jabatan Kemajuan Perumahan masih lagi melaksanakan permohonan yang telah diberi kelulusan.

Kaola kira itulah jawapan yang dapat kaola berikan. Kaola akan meneliti jawapan-jawapan ini kalau ada yang boleh ditambah mengenai perkara yang terlepas perhatian mungkin dalam kesempatan selepas ini. Kaola mengucapkan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Merujuk pembentangan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai beberapa peruntukan di bawah Belanjawan 2023/2024 yang telah disediakan di bawah fokus:

- i. Memelihara kesejahteraan awam, meneruskan kerja pembinaan dan projek membaiki jalan raya.;
- ii. Memperbaiki dan pemuliharaan serta peningkatan rangkaian jalan raya.;
- iii. Pembinaan penaiktarafan dan penggantian aset-aset pembekalan air.;
- dan
- iv. Membina rumah-rumah dalam Rancangan Perumahan Negara.

Peruntukan untuk projek-projek ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mukadimah yang lalu. Jumlah peruntukan tersebut adalah besar dan setentunya kerajaan menaruh harapan yang tinggi agar semua projek ini siap dengan kualiti yang tinggi dan

menepati tempoh masa serta peruntukan yang telah ditetapkan iaitu *high quality, on time and on budget*.

Pada pendapat kaola, ini memerlukan kecekapan serta kepakaran dalam *project management*. Hampir kesemua projek-projek ini dilaksanakan oleh *third party contractor* secara *turn key* iaitu kontraktor yang bertanggungjawab pada segala urusan projek dari awal sehingga selesai dengan syarat-syarat yang tertentu. Ini juga memerlukan kecekapan dalam bidang *contractor management*.

Kaola difahamkan projek-projek dalam RKN-11 yang belum selesai meskipun peruntukan kewangan telah diluluskan. Kaola mengambil maklum adanya juga projek-projek yang baru siap yang mengalami kerosakan dan memerlukan pembaikan yang dibiayai oleh pihak kerajaan.

Contohnya, beberapa rumah dalam Rancangan Perumahan Negara dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Ada juga beberapa batang jalan raya dibuat beberapa pembaikan berulang-ulang kali. Antara sebab-sebabnya telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mukadimah yang lalu:

1. Apakah pihak Kementerian Pembangunan ada:
 - i. Pakar-pakar yang berpengalaman serta mencukupi dalam kedua-dua bidang ini iaitu *project*

management dan *contractor management*? Kaola juga mencadangkan pihak Kementerian Pembangunan meluangkan masa untuk *stepping back* membuat penilaian *contract studies* yang lalu dalam mengenal pasti strategi yang terbaik bagi setiap jenis projek bagi kegunaan projek-projek yang akan datang. Fokus juga mesti dibuat di *area noncompliance* bagi pihak *contractors*;

- ii. Memperkuatkan bidang-bidang projek dan *contractor management* dalam kalangan warga Kementerian Pembangunan yang tersebut.; dan
- iii. Memperkenalkan *project delivery* dari salah satu *KPI* Kementerian Pembangunan.

2. Berkaitan dengan bagi menaikkan *standard architecture* seni bina di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, kaola difahamkan bahawa kira-kira 50% daripada jumlah arkitek berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak menjalani proses latihan dan pemeriksaan sepenuhnya dalam bidang seni bina *architecture*. Oleh sebab itu kaola mohon pencerahan iaitu:

- i. Adakah latihan praktikal dan peperiksaan bahagian 3, *practical training in part 3 examination* dikuatkuasakan sebelum pengeluaran lesen dalam

architecture, pembinaan dan seni bina?;

- ii. Adakah *external part 3 examination* dikawal selia sepenuhnya oleh arkitek tempatan yang berkelayakan?; dan
- iii. Adakah *accreditation* untuk semua hal kelayakan *qualification architecture* setakat ini mendapat kelulusan bersama *the Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors, (BAPEQS), Brunei Darussalam Accreditation Council* atau lebih dikenali dengan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan MKPK, Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Negara Brunei Darussalam (PUJA)?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan yang dibangkitkan tadi.

Itu khusus mengenai *compliance and integrity* dalam *project management* dan *contract management* ini. Apakah ada pakar dalam kedua-dua bidang ini di Kementerian Pembangunan dan apakah penilaian, strategi, fokus untuk perkara-perkara yang *non-compliance* yang telah ditempuhi sebelum ini dan untuk menilai semula *project delivery*

daripada pengalaman-pengalaman sebelum ini?

Bagi kebanyakan profesional yang berpengalaman dalam projek-projek pembinaan ini, akan memperakui banyak risiko yang ditangani dalam pelaksanaan ataupun *project implementation*.

Antara risiko yang selalu dihadapi adalah projek yang tidak siap mengikut jadual, ada jua projek yang tidak dapat disiapkan oleh kontraktor dan kontrak terpaksa diputuskan. Dalam menangani risiko ini juga, Kementerian Pembangunan pernah melaksanakan pelbagai inisiatif.

Jadi, memadai disampaikan bahawa antara inisiatif tersebut ialah mengenai penelitian dalam pendaftaran kontraktor, pengawalseliaan kepada ahli profesional seperti arkitek, jurutera profesional, juruukur bahan, memperkukuh perundangan seperti *Building Control Order* dan sebagainya. Ini untuk memastikan kesahihan *accreditation of* pakar-pakar profesional ini adalah betul dan benar.

Dari segi pengurusan projek dan kontrak, satu inisiatif memantapkan lagi projek dan *contract management* yang mana kaola dapat menghuraikan secara ringkas di Dewan ini ialah, pertama sekali perolehan kerajaan mengenai dengan projek-projek pembinaan adalah berpandukan dan mematuhi peraturan-peraturan kewangan ataupun *financial regulations* yang melibatkan tatacara

tawaran dan sebut harga, pengurusan kontrak dan proses-proses yang lain.

Untuk melaksanakan pengurusan kontrak yang berkesan dan konsisten, jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan khususnya, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan berpandukan beberapa dokumen yang telah dikeluarkan bagi tujuan memastikan risiko dari projek pembinaan ditangani dengan sempurna.

Antara dokumennya adalah seperti;

1. Dokumen *Project Implementation Manual (PIM)* yang memberikan garis panduan mengenai tatacara melaksanakan projek bermula dari perancangan, lantikan, *project team* termasuk konsultan jika diperlukan, menghuraikan *project brief*, proses tawaran dan sebagainya;
2. Dokumen *Public Works Department Conditions of Contract* iaitu dokumen-dokumen kontrak untuk digunakan bagi projek-projek pembinaan oleh Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan. Ada terdapat 8 jenis dokumen kontrak atau *Forms of Contract* yang disediakan untuk keperluan ini;
3. Dokumen *Contract Administration Guidelines* atau (*CAGE*) dan *Quotation Administration Guidelines (QAGE)* untuk memberikan panduan kepada pegawai-pegawai yang melaksanakan kontrak dan sebut harga menggunakan *PWD Conditions of Contract. Contract Administration*

Guidelines ini memberikan tatacara pengurusan kontrak mengikut *PWD Conditions of Contract* termasuk proses tawaran, sokongan tawaran, mengeluarkan surat, *letter of acceptance*, penandatanganan kontrak, penggunaan sijil-sijil kontrak, penilaian tuntutan dan pembayaran penutupan kontrak dan sebagainya;

4. Dokumen *PWD Standard Specification* dan *Schedule of Rates* bagi kerja-kerja yang biasa dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya ataupun *PWD*;
5. Dokumen *Quality Supervision Manual (QSM)* yang memberikan panduan spesifikasi dan panduan secara terperinci untuk melaksanakan pengawasan kerja-kerja kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan; dan
6. Dokumen Surat-Surat Keliling dan Arahan Teknikal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kerja dari semasa ke semasa.

Apa yang dilihat dari keterangan tadi adalah satu perkara yang penting ialah dari segi pengkhususan kepakaran-kepakaran yang diperlukan dalam industri pembinaan secara amnya mengikut pengkhususan masing-masing yang memerlukan satu pemantauan, pengawalseliaan dan yang utama sekali ialah dari segi kemahiran dan *capability*, kebolehan pakar-pakar disebut sama ada ia *quantity surveyor*, arkitek, *engineer* dan sebagainya.

Jadi, melihat dari perkara tersebut dengan tiada kepakaran menjadi kemusykilan untuk memastikan dari segi khusus *compliance* dan integriti ini, kita melihat peraturan manual yang disebutkan tadi adalah cukup lengkap dalam *standard* kawal selia pengurusan kontrak projek. Apa yang tinggal ialah pematuhan *guidelines* yang disebutkan tadi, pematuhan dari segi *compliance* di setiap lapisan pelaksana.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dengan penghargaan kerana membangkitkan tajuk ini adalah satu perkara yang cukup luas yang relevan terutama sekali bagi kaola di Kementerian Pembangunan, yang sebahagian besar tugasnya ialah pengurusan projek dan pengurusan kontrak. Ini adalah perkara yang abiskaola ambil keutamaan di Kementerian Pembangunan.

Bercakap mengenai dengan pengurusan projek dan pengurusan kontrak ini, kita tidak dapat mengelakkan daripada membuat penilaian risiko atau *risk assessment* yang menjadi cabaran yang boleh menggagalkan sesuatu projek atau kontrak. Melihat dari sudut ini, sebagai langkah untuk meningkatkan kesedaran atau *awareness raising* dalam perkara *integrity and compliance* ini ialah latihan-latihan melalui dialog dan penerangan mengenai peraturan dan undang-undang yang berkuasa di negara ini di antaranya, *Financial Regulations*, *General Orders* bagi penjawat awam, Akta Pencegahan Rasuah, Kanun Keseksaan dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Latihan seumpama ini adalah relevan bagi memberi peringatan atau *awareness* kepada penjawat dan petugas di Kementerian Pembangunan. Ini berkait juga dengan satu latihan yang telah dibuat di Kementerian Pembangunan permulaannya pada bulan September tahun lepas. Melihat daripada risiko ini dan juga cabaran-cabaran ini, satu langkah ialah untuk memberi peringatan dan *to raise awareness* kepada penjawat-penjawat dan petugas-petugas di Kementerian Pembangunan, yang pertama mengingatkan keutamaan sifat etika dalam segi *compliance* dan etika dari segi kejujuran sebagai benteng dalam pengawalseliaan dalam menghadapi cabaran-cabaran.

Umpamanya penipuan dalam tuntutan-tuntutan yang dihadapi dan kemudian pegawai-pegawai yang memberi kelulusan dan tuntutan tanpa membuat pemeriksaan sama ada yang dituntut itu ada sudah dibuat dengan sebaik-baiknya mengikut spesifikasi dan keperluan yang telah disebutkan. Selain itu, bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa, pilih kasih dan apa lagi perkara-perkara yang melibatkan perlakuan seperti rasuah.

Jadi, dalam mengambil kesedaran ini dalam usaha meningkatkan tadbir urus yang baik atau *good governance* di samping cabaran yang disedari, antara pelan tindakan yang pertama diambil ialah latihan dalam meningkatkan kesedaran bagi pegawai dan kakitangan di kementerian ini. Pertama yang telah

diadakan pada September 2022, tahun lepas secara *in house training*.

Latihan ini yang diberi nama *MOD Talk Series* mengandungi beberapa tajuk bengkel dan taklimat. Antaranya *Corruption and Integrity Talk* yang merangkumi undang-undang antirasuah, *case study* yang memberikan kefahaman bagaimana sesuatu perlakuan itu boleh disabitkan sebagai satu kesalahan rasuah, penipuan, penyalahgunaan kuasa dalam perkara-perkara yang melibatkan pengurusan kontrak dan projek, *contract administration guide* dan *quotation administration guide* seperti yang disebutkan tadi, taklimat Peraturan Kewangan (*Financial Regulation*), manual prosedur kerja dan perkongsian mengenai kesalahan-kesalahan penemuan audit yang telah dibangkitkan berdasarkan laporan-laporan audit yang dihadapi oleh Juruaudit Agung.

Jadi *MOD Talk Series* ini disasarkan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya terutama sekali kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat langsung dengan pengurusan projek, agar mengetahui dan memahami cabaran dan risiko yang dihadapi dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ , program latihan ini akan terus dilanjutkan pada tahun ini, Tahun Kewangan 2023/2024. Itu antara tindakan-tindakan yang diambil dalam memperbaiki lagi kesediaan kita

menghadapi cabaran-cabaran mengenai kontrak dan *project management* berdasarkan kepada tajuk khusus yang ditanyakan tadi mengenai *compliance* dan *integrity*.

Bercakap mengenai perkara ini juga, satu lagi yang dapat dikongsi ialah dalam mewujudkan masyarakat profesional dalam industri pembinaan ini dengan kepekaan yang dibangkitkan mengenai integriti dan pematuhan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam industri pembinaan. Semestinya ia memerlukan satu komitmen yang *collective* tetapi dari segi peranan biskaola di Kementerian Pembangunan ialah untuk 'mengusai' perkara ini dengan memberikan penerangan, kesedaran dan juga latihan kepada pegawai-pegawai pelaksana di Kementerian Pembangunan iaitu semua sekalinya penjawat awam.

Untuk mencapai dari segi *integrity and compliance* dalam industri ini, dalam projek *contract management*, ia perlukan satu komitmen yang *collective*, yang sebaik-baiknya juga melibatkan komitmen dari sektor pembinaan sendiri iaitu melibatkan kontraktor juga. Sebab apa yang kita tahu secara khusus ialah penjawat awam memang tertakluk kepada banyak peraturan undang-undang yang disebutkan tadi iaitu undang-undang antirasuah, *General Order*, *Financial Regulation* dan lain-lainnya.

Maka untuk mewujudkan *standard integrity* yang tinggi dalam perkara ini antara penjawat awam, perlulah juga

komitmen dari *business operators, contractors, consultants* supaya *business operators* ini juga wajib memiliki kesedaran dan kefahaman undang-undang yang sama. Peraturan dalam mengawal tindak-tanduk mereka dalam memastikan *compliance integrity* ini dipatuhi.

Antara cabaran-cabaran dalam perkara ini yang dilihat juga ialah dari segi perhubungan antara kontraktor dengan penjawat awam, misalannya. Penjawat awam tertakluk kepada peraturan-peraturan seperti yang disebutkan tadi. Tapi kebanyakannya kontraktor tidak mengambil kepekaan kepada penjawat-penjawat awam ini.

Kaola membangkitkan perkara ini selalu juga kecenderungan pihak kontraktor ini yang memberi *entertainment* ataupun sebagai satu perkara untuk mewujudkan silaturahim, barangkali, daripada pihak mereka memberikan hadiah atau pelbagai bentuk *entertainment*. Jadi, kita melihat perkara ini supaya pihak kontraktor juga akan faham bahawa ada kekangan dan implikasi terhadap pegawai sebagai penjawat awam melalui undang-undang yang disebutkan tadi.

Makanya pihak sektor industri dari kontraktor mesti juga faham akan perkara ini. *So* sebaiknya kalau kontraktor-kontraktor besar mereka pun ada memiliki *set of code of conduct, what they can do, what they cannot do because* kalau dilihat dari segi undang-undang kalau ada pemberian hadiah.

Pemberian 'hadiah' saja, apa pun sebabnya, sudah dianggap satu kesalahan di bawah undang-undang kita. Satu juga dari segi penilaiannya sebagai pemberian 'hadiah' akan membuat orang merasa terhutang budi dan ini akan mencairkan ketegasan penjawat awam tersebut dalam melaksanakan tugasnya, kawalan seliaan dan juga penilaiannya. Inilah antara bentuk sebagai pencerahan perkara yang dibangkitkan dalam *contract management* untuk memastikan integriti dan *compliance* itu dibuat. Ini dari segi aspek latihan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan.

Mengenai soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai *Standard Architecture Accreditation*, adakah dikuatkuasakan? *The Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS)*, *Brunei Darussalam Accreditation Council*, Pertubuhan Ukur, Jurutera, Arkitek Negara Brunei Darussalam (PUJA). Mengenai *accreditation*, Lembaga *BAPEQS*, bekerjasama dengan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan untuk mengiktirafkan kelulusan akademik dari luar negara manakala Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) adalah pertubuhan *NGO's* dan lembaga *BAPEQS*, bekerjasama dengan pihak tersebut dalam hal-ehwal latihan ataupun *Continuing Professional Education (CPE)*.

Itu saja yang dapat dijawab walaupun belum lengkap jawapan mengenainya. Kaola belum ada maklumat data yang lengkap mengenainya, kaola akan

menyusul lagi selepas ini. Tapi setakat ini, itulah jawapan kaola mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ salam dan selawat kepada Junjungan kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat memberi peluang kepada kaola mengikuti dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada beberapa isu, cadangan yang ingin kaola bangkitkan untuk dipertimbangkan kesesuaiannya. Terima kasih sebelum itu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas penjelasan dan penerangan Yang Berhormat berkenaan dengan perkembangan dan pencapaian Kementerian Pembangunan pada tahun yang sudah dalam sama-sama mencapai matlamat negara Wawasan Brunei 2035.

Beberapa soalan dan cadangan yang ingin kaola bangkitkan di sini. Beberapa

isu yang mungkin telah pun dibangkitkan dan dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lainnya. Tapi kaola bangkitkan isu ini dari segi kementerian sebagai teknikal *standard bearer* dan untuk mengukuhkan profesionalisme dan etika kerja dalam industri pembinaan:

1. Di bawah Tajuk SK01A - Berkaitan dengan *Town and Country Planning (TCP)* dan Autoriti Kawalan Bangunan Industri Pembinaan, (*ABCI*). Kaola mohon pencerahan atas tanggungjawab dan keberkesanan kuasa *enforcement* di pihak *TCP* dan *ABCI* dalam memastikan pengasingan zon kediaman iaitu *residential, commercial*, industri kecil, rekreasi dan pendidikan dalam menempatkan atau memberi *approval occupancy*, lesen operasi dan memastikan infrastruktur asas yang bersesuaian.

Seperti yang nampak ketara, di beberapa kawasan perumahan telah pun didapati dan diguna pakai, ditukar, ada yang menjadi kedai runcit, bengkel kenderaan, ada yang menjadi mini tadika, *preschool*, sudah ada pembangunan baharu dengan deretan kedai dalam kelompok perumahan yang sudah ada tanpa mengambil kira, kecukupan infrastruktur, kemudahan dan keselamatan akses keluar masuk yang selamat bagi penduduk-penduduk yang telah lama menetap.

Hal ini boleh menimbulkan isu kesibukan dalam kawasan

perumahan pada waktu tertentu. Mungkin ini telah terlepas perhatian di kawasan yang sudah *developed* tetapi masih boleh dikawal di kawasan-kawasan baharu.

Soalan:

- i. Apakah perancangan pihak kementerian dalam menangani isu tersebut supaya perancangan bandar nampak teratur dan prasarana yang ada bersesuaian? Kaola tiada masalah pada sesuatu tempat apabila pemohon swasta menukar syarat dari perumahan kepada tempat komersial atau industri kecil atau menjadi tempat persekolahan. Tetapi pohon *direview* mengikut kesesuaian infrastruktur yang kini ada untuk menampung trafik dan aktiviti-aktiviti yang baharu seperti jalan akses yang lebih besar, kawasan *parking* demi keselamatan dan keselesaan, pembuangan sampah yang mesti lebih dikerapkan, dan tempat riadah ataupun tempat untuk orang ramai berkumpul.

Dalam isu yang sama tentang *ABCI* iaitu *Authority on Building Control and Construction Industry*. Dalam isu satu, tidak dinafikan kos *ABCI* adalah untuk memastikan keselamatan bangunan yang akan didirikan akan mengikuti piawaian yang tertentu. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, tapi kos untuk

mematuhi semua kehendak *ABCI* tidaklah murah, lebih-lebih lagi dalam rumah kos rendah atau peniaga-peniaga kecil yang menggunakan reka bentuk yang diluluskan oleh arkitek tidaklah murah. Jadinya kaola mencadangkan budi bicara *ABCI* untuk mengaplikasikan *risk-based assesment* dalam menetapkan kondisi yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan terutamanya untuk membantu membina rumah kos rendah untuk kediaman sendiri (*low cost housing for personal use*) dan berkenaan perusahaan kecil-kecilan yang berisiko rendah pada orang awam.; dan

- ii. Bahagian Perumahan, JKR setentunya ada mempunyai banyak plan rumah yang telah dibina dalam Skim Rancangan Perumahan Negara. Untuk membantu rakyat yang belum mempunyai rumah yang berhajat untuk membuat rumah persendirian dengan kos rendah, kaola mencadangkan untuk Kementerian Pembangunan mereview kesesuaian untuk memberi kelulusan kepada orang awam untuk mengguna pakai mana-mana plan skim perumahan negara yang sedia ada dalam simpanan JKR dan perumahan memandangkan ia adalah plan-plan rumah skim perumahan, ini akan mencepatkan *approval proses*

dan juga mengurangkan kos membina rumah terutamanya kos perumahan kos rendah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini akan membantu membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah untuk membangunkan dan memiliki rumah sendiri secepatnya dan mampu;

2. Di bawah Tajuk SK03A - Projek-projek kerajaan yang dipantau dengan *appendant* kod *quality assurance* dan kod *quality control surveillance*. *Declaration*, kaola mempunyai pengalaman selama 34 tahun dalam pembinaan projek-projek *oil and gas industry*. Kaola difahamkan bahawa kebanyakan projek-projek pembangunan kerajaan sama ada *turnkey basis* ataupun *design and build* ataupun *conventional design and tender build*. Rata-rata projek dibina oleh kontraktor dan dipantau dengan tenaga konsultan melalui pihak ketiga atau dipantau sendiri oleh konsultan di bawah arahan kontraktor.

Konsep mandur atau *site supevisor* pekerja kerajaan sepenuh masa di tempat kerja sudah lama ditiadakan dan diganti dengan *resident supervisor* yang dilantik dari konsultan untuk mengesahkan *progress* dan kesempurnaan projek.

Untuk strategi ini berkesan, memulakan penyeliaan yang lebih

kerap (*more frequent supervision*) dan pengesanan kualiti yang teratur (*compliance test and whole point*) dan bebas (*independency*) lebih-lebih lagi apabila konsultan yang diguna pakai untuk memantau projek itu ialah pembekal *design* itu sendiri atau konsultan yang bergabung dengan *main contractor* seperti dalam *turnkey projects*.

Dari pengalaman kaola memantau projek-projek dalam industri bina *oil and gas industry*, *quality assurance* dan *quality control surveillance* yang dipantau oleh kakitangan sendiri yang berpengalaman atau dibantu oleh *independent agency*, bukan sahaja boleh mengelakkan kelambatan siap projek tapi boleh mengelakkan kos tambahan *repair* dan *rectify* yakni kos buat semula untuk mengikut spesifikasi.

Dari pengalaman kaola, dari sumbangan *cost avoidance of repair*, *cost independence QA/QCS* seolah-olah *save funding*. Kaola mencadangkan untuk projek-projek yang berskala besar dan penting, menyemak semula keperluan untuk punya *full time site supervision team* sendiri yang berkebolehan untuk memantau *progress* dan melakukan *independence QA/QCS* atau tingkatkan lebih banyak lagi *entity* untuk memberi khidmat *QA/QCS* bebas *services* yang berpanjangan.

Independent QA/QCS ini bukan mengambil alih tanggungjawab

konsultan projek dalam *design build* atau *turnkey project* yang semestinya bertanggungjawab memastikan *compliance project* dibina seperti *design and specification* tetapi untuk *quality assurance and quality surveillance conformance verification*.

Cadangan:

- i. Kaola ingin mencadangkan supaya lebih banyak graduan muda diberi peluang pendedahan terus sebagai *support staff* dalam *site provision team* dan mendedahkan mereka kepada aktiviti-aktiviti *QA/QCS* ini untuk pembinaan *technical and competency* mereka.; dan
- ii. Seperti yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain supaya dalam projek *scale* besar jangan melupakan *medium sized contractors* dan penglibatan anak-anak tempatan. Saya menyokong cadangan Ahli Yang Berhormat untuk pihak kementerian membawa projek-projek kerajaan seperti projek perumahan bukan sahaja diserahkan bulat-bulat kepada kontraktor-kontraktor besar tetapi kontraktor-kontraktor *medium sized*, dipohon diberikan peluang dan memberi kesempatan untuk mengambil bahagian, sama ada sebagai *sub-contractor* kepada *main contract* ataupun diberi peluang

membuat skop tertentu dalam kepakaran mereka. Memastikan ada *target* untuk mengambil dan menggunakan *service* dari *Small and Medium Enterprises (SMEs)* dan tenaga tempatan dalam *KPI* projek-projek ini;

3. Isu di bawah Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Ini *professionalism* dalam industri pembinaan bagi kakitangan dan kontraktor. Inisiatif-inisiatif berterusan kementerian untuk meningkatkan taraf *professionalism* dalam kalangan kakitangan dan kontraktor-kontraktor amat disokong. Kementerian Pembangunan sebagai *technical standard bearer* negara bertanggungjawab sebagai *role model* memastikan pembangunan teknikal kakitangan sendiri ke tahap profesional dan memastikan kakitangan yang mencapai tahap profesional ini patut diberikan ganjaran yang sewajarnya.

Begitu juga perangsang dan pantauan perlu agar kontraktor-kontraktor atau konsultan-konsultan yang ada, graduan bekerja dalam *company* itu mengikuti program mereka sendiri agar pekerja-pekerja graduan akan mencapai tahap profesional juga.

Cadangan kaola dalam isu ketiga ini ialah:

- i. Untuk kementerian *mereview* kembali kalau ganjaran kewangan yang dulunya pernah diberikan sebagai perangsang kepada kakitangan kementerian yang mencapai tahap *professional* dikembalikan supaya lebih banyak lagi graduan mahu mengikut menaiktarafkan kelulusan mereka ke tahap *professional*;

Ini bukan sahaja menaikkan martabat kementerian dengan membanyakkan anggota kakitangan pada tahap profesional, juga berganding dengan inisiatif kementerian memantau peningkatan warga profesional dalam kontraktor dan konsultan juga akan menyumbang kepada goal Wawasan Brunei 2035 yang bersatu, iaitu negara mempunyai warga yang berkelulusan tinggi bertaraf antarabangsa.;

- ii. Mencadangkan salah satu kriteria memberi kontrak juga diambil kira *proposal* dan *performance track record contractor* dalam menggunakan *medium sized enterprises* sebagai *sub-contractor* dan inisiatif dan *track record* mereka bagi membantu anak tempatan dan mencapai taraf *professionalism* dalam industri pembinaan.;
- iii. Untuk *mereview* keperluan kontraktor dalam kelas 5 dan 6 untuk mempunyai sekurang-kurangnya pengarah atau pegawai

eksekutif atau pegawai *management* yang bertaraf profesional antara mereka. Ini memastikan teknikal *competency* dan *professional person* dalam kontraktor dapat dipertanggungjawabkan dalam projek itu.; dan

- iv. Menggunakan *word engineering professional management consultancy services* dalam *title business*. Dalam profesion lain, jika ingin menggunakan *profession* dalam *business name* misalannya firma akauntan mesti ada akauntannya, *chartered accountantnya*, kalau hendak membuat klinik mesti ada doktor dan kepakarannya, kalau menggunakan nama arkitek, mesti ada *certified* arkiteknya dalam firma itu. Mana-mana firma ingin menggunakan *title profession* ini dalam *company* mereka mestilah mempunyai kepakaran yang diiktiraf.

Berlainan dengan industri pembinaan yang kaola faham, banyak boleh menggunakan *loosely title engineering consultant services, project management* atau *discipline* mereka *call electrical engineering contractor* tapi tidak diketahui taraf *professional* yang memiliki bisnis atau *management teamnya*.

Untuk tidak mengelirukan orang awam, kaola cadangkan pihak kementerian dan agensi *engineering* berkanun atau PUJA dalam negara untuk mereview penggunaan nama-nama *engineering* atau *profession* dalam *business name* dan memastikan ada *professional person* dalam bisnis itu untuk mengekalkan penggunaan *professional name* tersebut dalam *business name*.

4. Isu di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan, iaitu Skim Perumahan Negara. Kaola ada beberapa cadangan yang hendak dikongsikan di sini dalam Skim Perumahan Negara, iaitu:
 - i. Seperti yang kaola terangkan dalam perbahasan bajet untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama memastikan masjid atau surau sebagai prasarana utama dalam pembinaan perumahan. Untuk memastikan bahawa masjid dapat diakses dengan selamat dan selesa oleh orang sekampung, sesuai untuk pengurusan jenazah, tandas yang mencukupi untuk menampung kebanyakan jemaah dan akses mudah dan selamat dengan berjalan kaki dan warga kurang upaya.;
 - ii. Menyelia dan menyemak semula keadaan trafik di kawasan-kawasan sekolah rendah dan menengah di kawasan

perumahan supaya dapat memastikan kebolehcapaian kemudahan untuk keluar dan masuk sekolah. Kalau sekolah itu ada sebanyak 1,000 orang penuntut, kita boleh pastikan bahawa 600 ke 800 buah kereta akan masuk dalam satu waktu yang pendek untuk menghantar dan mengambil anak. Kadang-kadang tempat masuk dan keluar adalah melalui akses yang sama.;

- iii. Promosi Teknologi Hijau dan Tenaga Alternatif dirumah-rumah (*model*) peserta yang ikut sama. Pertimbangan untuk membangunkan *model houses* bagi mengesyorkan, memamerkan, *to show proof of concept* penggunaan sumber kuasa mampan Teknologi Hijau boleh digunakan dan mengumpul data dan analisis data langsung untuk membuktikan kepada orang ramai bahawa konsep ini bermanfaat, kewangan, jangka panjang, walaupun perbelanjaan awal yang tinggi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyatakan mengenai Skim Rancangan Perumahan Negara Mengkubau dan projek-projek yang dikendalikan oleh BIBD. Kaola ada terdengar mungkin ada, semua mendengar bahawa projek-projek BIBD ada menghadapi masalah dan juga baru-baru ini kaola ada

mendengar bahawa agensi ini juga telah disuruh membayar ganti rugi di *Singapore Administration* atas pembinaan projek kawalan agensi ini.

Kaola hanya ingin menyatakan bahawa pengajaran-pengajaran yang dapat kementerian pelajari daripada kedua-dua projek ini, dari segi *contracting*, *excreation* dan *Project Management* agar tidak berulang lagi.;

- iv. *Professional Ethics*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah mengisukan isu ini, apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Tapi kaola syorkan yang lebih satu iaitu *Whistle Blowing*. Bukan 'peniup wisel' tetapi pelapor dalaman, apakah *protection* ataupun perlindungan yang diberi kepada *Whistle Blower* yang mengemukakan, melapor tersalah guna dalam organisasinya yang bertentangan dengan *ethics*, *out of conduct*.

Berlaku *ethical* dalam pekerjaan bukanlah pendekatan baharu dan dalam setiap *profession* tapi kebelakangan ini *Professional Ethics* dalam kerja telah diketengahkan kerana terjadinya beberapa insiden kemalangan industri yang melibatkan nyawa awam, harta benda dan lepas perhatian dalam institusi

kewangan yang merugikan ratusan hingga *billion dollars* di luar negara.

Professional Ethics ini memerlukan setiap pemegang *profession* iaitu berlaku dan bertanggungjawab untuk melakukan yang terbaik mahupun dalam fasa *design*, bina, laku (*operate*) atau *maintenance* atau apabila *at the end of the project disposal* dengan selamat untuk menjaga keselamatan awam, alam dan harta benda dan tidak mendatangkan kemudaratan sepanjang masa walaupun tidak menguntungkan organisasi tempat ia bekerja. *Professional Ethics* juga untuk menghendaki setiap individu *professional* untuk melaporkan mana-mana aktiviti dalam organisasinya yang ia ragui atau tahu akan aktiviti itu mendatangkan kesan negatif kepada manusia, *environment* dan harta awam.

Kaola/saya bertanya, adakah sudah *Professional Ethics* dan *guideline* ini dijadikan sebagai *condition*, *registration* dan *license to operate* dalam industri pembinaan? dan apakah *protection* atau perlindungan kepada pekerja atau anggota *professional* yang melaporkan organisasinya sendiri yang diraguinya tidak berlaku *ethical* dan agensi mana yang patut

beliau membuat laporan dan mohon perlindungan selain membuat aduan kepada agensi cegah rasuah yang mungkin tidak bersesuaian untuk menilai laporan yang sedemikian berkenaan dengan *Professional Ethics*?; dan

- v. *Country Value and Local Vendor Development*. Inisiatif Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri dalam memantau *Industry Oil and Gas* untuk meningkatkan perbelanjaan dalam *Industry Oil and Gas* digunakan di dalam negeri, sama ada terus dalam *Business Development* atau memastikan *Local Employment* atau pembahagian *goods and services*, *Capacity Development* ataupun *Target Manufacturing Assistant Oil and Ship* atau *Work Force Development* sangat-sangat disanjung tinggi.

Adakah inisiatif Kementerian Dalam Negeri untuk melarutkan inisiatif memantau *In-Country Value* dan *Local Vendor Development* dalam projek-projek yang berskala besar dan lain projek yang akan dibagi oleh kementerian.;

5. Rumah dan Aset Kerajaan yang terbiar di keempat-empat daerah dibaik pulih. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola terasa teruja apabila mendengar bahawa ada inisiatif kerajaan untuk mengadakan komite yang diketuai

oleh agensi kerajaan untuk meneliti kembali Rumah dan Aset Kerajaan yang terbiar untuk digunakan semula atau *repurposed* kegunaannya.

Kaola/saya cadangkan supaya *outcome* dalam *progress review* ini 'diberigakan' secepat-cepatnya kepada *District Officer* keempat-empat daerah agar mereka dapat memberi penjelasan sebaiknya apabila ditangani atau '*diaga*' oleh *NGO's* atau MPK atau orang-orang di daerahnya, menanyakan apa tujuannya untuk digunakan rumah-rumah yang terbiar?

Kaola berhenti sampai di sini Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berterima kasih diberikan peluang untuk mengemukakan isu-isu ini untuk dibincangkan dalam Dewan ini.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat kerana menyuarakan beberapa soalan dan juga perkara-perkara yang sangat relevan kepada suasana yang dihadapi ketika ini.

Walau bagaimanapun, saya akan memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneliti perkara-perkara yang dikemukakan itu dan Yang Berhormat boleh menjawabnya apabila kita balik berbincang dengan perkara ini sebelah tengah hari nanti, ertinya Yang Berhormat bolehlah *consult* dengan penasihat-penasihat Yang Berhormat.

Cukup sekian kita berunding mengenai perkara ini dan saya sendiri agak kurang faham mengenai soalan *engineering* ini. Tetapi, walau bagaimanapun, saya kira cukuplah dulu kita berunding dan kita akan bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya ingin menangguhkan persidangan kita ini untuk membolehkan kita berehat dan kita akan bersidang semula nanti petang mulai pukul 2.30 petang seperti biasa.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ اَلْحَمْدُ لله Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula pada petang ini dan kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Pada sebelah pagi tadi, Mesyuarat Jawatankuasa telah mula meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya. Sebelum kita menyambung semula meneliti dan membahaskan tajuk

kementerian ini, saya difahamkan bahawa ada beberapa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang ingin untuk mengemukakan kenyataan atau penerangan bagi soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawab dan dalam menambah penjelasan yang belum lagi lengkap.

Untuk memulakannya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terima kasih atas peluang yang diberikan bagi kaola untuk menambah penjelasan berikutan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan berhubung dengan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi pagi:

1. Berhubung dengan aktiviti penanaman pokok di sekolah-sekolah sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman. Sukacita kaola mengongsikan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) berperanan dalam melaksanakan Strategi 10, *Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP)* iaitu

kesedaran dan pendidikan (*awareness and education*) menerusi kerjasama rapat dengan *Brunei Darussalam National Climate Change Secretariat (BNCCS)*.

اَللّٰهُمَّ dalam tahun 2022, sebanyak 2,101 ataupun 105.05% melebihi sasaran 2,000 penanaman pokok telah dilaksanakan oleh Institusi Pengajian Tinggi, jabatan-jabatan, bahagian-bahagian, pusat-pusat dan unit-unit di Kementerian Pendidikan secara keseluruhannya telah mencapai sasaran.

Untuk jelasnya, bagi penanaman pokok di bawah kategori institusi pendidikan, data menunjukkan sekolah-sekolah rendah dan menengah di bawah kawal selia Jabatan Sekolah-Sekolah mencatatkan sejumlah 1,210 pokok. Manakala, di peringkat institusi pengajian tinggi masing-masing mencatatkan:

- i. Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebanyak 370 pohon.;
- ii. Universiti Teknologi Brunei (UTB) sebanyak 133 pohon.;
- iii. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebanyak 100 pohon.;
- iv. Politeknik Brunei sebanyak 40 pohon.; dan

- v. *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)* sebanyak 204 pohon.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan penanaman bagi sejumlah 2,000 pokok baharu sebagai sasaran pada tahun 2023;

2. Mengenai perkara berkaitan pihak Autoriti bagi Akreditasi Kerjaya Seni Bina (*Architecture*) sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Sukacita kaola mengongsikan bahawa Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan khasnya, melalui Jawatankuasa Kecil Bidang Kejuruteraan dan Seni Bina berperanan dalam mengiktiraf program-program pengajian berkaitan seni bina yang ditawarkan oleh institusi pengajian dalam dan luar negara.

Seterusnya, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) bersama *Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS)* telah menghasilkan *Architecture Accreditation Manual* sebagai garis panduan untuk mengiktiraf kursus seni bina di Negara Brunei Darussalam yang sebanding dengan keperluan piawaian *Royal Institute of British Architects (RIBA)*. Pada

masa yang sama, Universiti Teknologi Brunei (UTB) menawarkan program *B.Sc. in Architecture Programme* dan *Master of Architecture* dalam program-program ini yang dalam proses bagi memenuhi keperluan piawaian *Royal Institute of British Architects (RIBA)*; dan

3. Mengenai isu kesesakan jalan raya di kawasan-kawasan sekolah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sukacita kaola mengongsikan bahawa pada kelazimannya bagi pembinaan kompleks sekolah baharu, ia melalui proses penyelarasan di peringkat perancangan dengan penglibatan agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Jabatan Kerja Raya termasuk Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan lain-lain.

Pandangan dan nasihat teknikal tersebut seterusnya akan dijadikan panduan dalam proses reka bentuk oleh pihak arkitek. Di peringkat reka bentuk jua, ia perlu diselaraskan dengan *internal traffic flow*, kesejahteraan kawasan ataupun kawasan letak kereta, jalan akses kecemasan dan sebagainya. Pelan reka bentuk tersebut juga akan dihadapkan kepada Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya untuk

nasihat dan seterusnya *ABCi* untuk kebenaran sebelum pembinaan.

Peruntukan bagi pelaksanaan projek juga antara penyumbang kepada pelaksanaan seperti yang direka bentuk jika tidak ada pengurangan skop kerja bagi kerja-kerja pembinaan jalan raya di kawasan sekolah. Bagi sekolah yang sedia ada, yang mengalami isu kesesakan jalan raya, pihak Kementerian Pendidikan akan membuat penelitian bersama pihak-pihak yang berkepentingan mengikut kesesuaian dan keutamaannya nanti.

Sekianlah, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan sekarang saya persilakan pula Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan cuba menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan Kementerian Pembangunan.

Soalan pertama tadi yang dibangkitkan adalah dalam mengukuhkan zon dan pengasingan kediaman komersial,

perindustrian, rekreasi, pendidikan dalam menempatkan, memastikan infrastruktur yang sesuai. Pada menjawab soalan ini, kaola ingin membangkitkan mengenai Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2015 iaitu:

"Peraturan yang sedia ada yang mengawal selia perancangan bandar dan desa di Negara Brunei Darussalam di mana ia menyediakan kerangka undang-undang untuk mentadbir, mengawal serta menguatkuasakan perancangan-perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan dengan menggunakan sistem *zoning* perancangan guna tanah yang berhierarki (*hierarchy*)".

Melalui pelan-pelan pembangunan di peringkat induk kebangsaan, daerah dan setempat kawasan-kawasan di negara ini dizonkan di bawah zon-zon perancangan guna tanah tertentu seperti *zoning* perancangan perumahan, perniagaan, perusahaan, *government used community facility*, rekreasi, pendidikan dan lain-lain. Ini termasuk zon-zon perancangan bagi memastikan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar (*environmental sensitive*) serta kawasan-kawasan pemuliharaan hutan terjaga.

Dalam mengawal kemajuan, beberapa garis panduan perancangan kemajuan telah disediakan sebagai rujukan dalam menetapkan piawaian perancangan serta keperluan penyediaan infrastruktur tertentu yang perlu dipatuhi. Seperti kandungan soalan yang dibangkitkan

tadi, cabaran yang dihadapi, bila terdapat segelintir masyarakat yang membina struktur bangunan atau menjalankan kegiatan tanpa memohon kebenaran lebih dahulu. Ini kebanyakannya didapati di kawasan-kawasan perumahan seperti menjalankan perniagaan, restoran, bengkel, gerai dan lain-lain. Perkara ini amat dikesali.

Sejak bulan Januari 2021 hingga bulan Januari 2023, sejumlah 159 kes kesalahan telah dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Bab 23 Undang-Undang yang disebutkan tadi. Antara jenis kesalahan adalah kegiatan perusahaan seperti bengkel (*workshop*), kilang papan, *storage* yang dijalankan tanpa kebenaran dalam kawasan perumahan serta membuat tambahan tanpa kebenaran bagi menjalankan kegiatan perniagaan yang bertentangan dengan zon perancangan dan syarat khas tanah.

Dari jumlah tersebut, 16 kesalahan telah dapat diberhentikan dan selebihnya masih dalam proses rayuan atau pemantauan lanjut bagi tindakan penguatkuasaan selanjutnya. Di bawah kesalahan yang dikawal oleh Bab 58, sejumlah 73 surat amaran kompaun telah dikeluarkan dari bulan Januari 2021 hingga tahun 2023. Antara jenis kesalahan adalah merangkumi kegiatan yang dijalankan di kawasan laluan kaki lima (*driveway*), tempat letak kereta, garis bangunan dan kawasan hijau.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 34 denda kompaun telah dikeluarkan dengan sebanyak 27 kes kesalahan telah berjaya diselaraskan. Sementara selebihnya masih dalam pemantauan iaitu untuk dikeluarkan kompaun kali kedua.

Justeru, dalam usaha membantu perkembangan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana serta membuka peluang *FDI (Foreign Direct Investment)* di negara ini serta dalam masa yang sama memastikan kegiatan berkenaan dijalankan di tempat yang telah dikhususkan selamat dan teratur selaras dengan *zoning* perancangan guna tanah yang telah disediakan. Sejak 3 tahun kebelakangan ini, sejumlah 72 tapak berikut telah diluluskan di bawah kawalan agensi-agensi berkenaan bahawa 53% iaitu sebanyak 38 buah tapak berkeluasan 217 ekar adalah bagi tapak perniagaan.

Di samping itu juga, dari tahun 2021 hingga tahun ini sejumlah 148 kebenaran perancangan telah dikeluarkan bagi kemajuan untuk dijalankan di tempat yang bersesuaian selaras dengan *zoning* perancangan dan syarat khas tanah, yang 61% bagi bangunan perniagaan dan 10% bagi bangunan industri, perusahaan masing-masing bertempat di Daerah Brunei dan Muara.

Di samping ini, usaha untuk 'memberigakan' peraturan-peraturan serta kolaborasi dengan agensi-agensi berkepentingan antara inisiatif berterusan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dalam meningkatkan

kesedaran dan tanggungjawab awam bersama dalam mewujudkan kemajuan yang teratur bagi menjana kualiti kehidupan.

Seterusnya, bagi soalan kedua iaitu cadangan *ABCI* untuk mengaplikasikan *risk-based assessment* dalam menetapkan kondisi yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan. Antara yang dibangkitkan dengan kos membuat pelan perumahan bagi tujuan pembangunan.

Mengenai soalan berkaitan kos untuk memenuhi keperluan *ABCI*, keperluan untuk mendapatkan khidmat arkitek dan jurutera dalam pembinaan bangunan dan rumah adalah berpandukan dasar dan undang-undang serta peraturan dalam membentuk dan mengawal industri pembinaan demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai.

Seseorang yang akan membina bangunan dan rumah akan menghadapi banyak risiko sebenarnya. Antaranya, untuk mendapatkan reka bentuk seni bina bangunan dan rumah yang ikut keperluan dan cita rasa masing-masing, mendapatkan kualiti pembinaan yang baik dan tahan lama dan mencari serta memilih kontraktor yang kompeten, bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan atas pelanggan yang kurang berpengalaman dan supaya pembinaan bangunan ini nanti disiapkan mengikut jadual serta kos pembinaan yang berpatutan terutama sekali bangunan dan rumah yang selamat untuk didiami.

Membina rumah walaupun kecil, memakan perbelanjaan yang bukan sedikit. Oleh itu, setiap orang yang ingin membina rumah perlu mendapatkan bantuan dan khidmat dari pakar iaitu pakar yang berpengalaman dalam pembinaan yang dapat memberikan khidmat perancangan, reka bentuk, seni bina, struktur dan elektrik, pemilihan kontraktor melalui tawaran dan pengawasan di tapak bina. Pakar-pakar ini adalah arkitek, jurutera profesional, juruukur bahan yang berpengalaman dan berdaftar dengan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan yang dikenali sebagai *BAPEQS*. Lembaga *BAPEQS* ini dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia semua ahli profesional yang berdaftar dan semua ahli yang berdaftar ini adalah kompeten, bertanggungjawab dan mengikut *code of ethics* yang telah ditetapkan.

Kaola juga difahamkan bahawa yuran (*fees*) yang dicaj oleh arkitek dan jurutera bagi rumah-rumah adalah sangat kompetitif sebenarnya, yang pihak arkitek dan jurutera profesional telah menyokong perkara ini dalam menyahut dasar kerajaan untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini boleh dan mampu untuk mendapatkan rumah sendiri.

Perlu juga diingat bahawa yuran caj yang dikenakan adalah perlu sesuai dengan *liability* dan risiko yang ditanggung oleh arkitek, jurutera profesional dan tukang pelan yang berdaftar iaitu dalam mengekalkan perniagaan mereka yang

juga hampir kesemuanya terdiri daripada warga tempatan.

Pemilik tanah atau rumah adalah bebas untuk memilih arkitek atau jurutera profesional yang berdaftar dengan *BAPEQS* dan mendapatkan beberapa harga lebih dahulu sebelum bersetuju melantik arkitek atau jurutera profesional yang akan bertanggungjawab bagi urusan pembinaan rumah atau bangunan dari peringkat awal penyediaan pelan-pelan lukisan hingga kesiapan rumah. Arkitek atau jurutera profesional yang dilantik adalah bertanggungjawab bagi memberikan khidmat nasihat yang berkaitan dengan tanah, rumah atau bangunan, aliran longkang, elektrik dan air termasuk juga harga-harga tambahan yang akan ditanggung oleh tuan punya rumah.

Dalam hal mereka bentuk kemajuan bangunan, aspek keselamatan tidak dapat diambil ringan. Arkitek atau jurutera profesional yang dilantik hendaklah memastikan pelan-pelan cadangan reka bentuk adalah mengikut kesesuaian dan keadaan tapak yang hendak dimajukan dan memerlukan kepakaran dalam aspek kejuruteraan dan juga mengikut undang-undang garis panduan yang sedia ada terutamanya bila memajukan tanah di tempat yang berbukit, tempat yang berpayau dan tempat yang tidak rata sebagai misalannya. Jadi, itulah jawapan kaola untuk soalan yang kedua berkaitan dengan perkara yang disebutkan tadi.

Bagi soalan Yang Berhormat yang ketiga tadi iaitu mengenai projek-projek kerajaan dipantau dengan *independent quality assurance* dan *quality control surveillance*. Untuk terus menjawab soalan ini iaitu mengenai pengawasan bagi projek-projek kerajaan dan seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengawasan pembinaan dan untuk memastikan kualiti dan *compliance to specification* atau kepatuhan kepada spesifikasi kontrak adalah sangat penting supaya bangunan atau prasarana yang dibina memenuhi keperluan pengguna, berkualiti dan tahan lama. Pengawasan bagi projek-projek kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan secara lazimnya dilaksanakan melalui dua cara:

- i. Melalui pengawas-pengawas teknikal dalaman atau *in-house tending supervisors* iaitu kakitangan jabatan bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh jabatan sendiri.; dan
- ii. Melalui lantikan *site staff* bagi projek-projek yang dikendalikan oleh jabatan pengendali atau konsultan.

Dalam membantu pengawasan yang sistematik dan berkualiti, satu manual telah pun disediakan bagi pengawas-pengawas teknikal dalaman iaitu *in-house tending supervisors'* yang dipanggil *QSM (Quality Supervision Manual)*.

Lantikan *site staff* seperti lazimnya adalah jurutera atau pegawai teknikal yang berkelulusan dan berpengalaman dalam pengawasan pembinaan dilantik

secara berkontrak khusus untuk pengawasan di tempat-tempat bina bagi sebuah kontrak pembinaan.

Site Staff ini bukan terdiri daripada pegawai kerajaan, lazimnya ditugaskan di bawah tanggungjawab jabatan pengendali atau konsultan. Keramaian *site staff* dalam sesebuah projek tertakluk juga kepada nilai dan kerumitan sesuatu projek yang dikawal selia.

Kaedah yang dinyatakan sebenarnya tadi adalah yang biasa dilaksanakan bagi projek-projek kerajaan termasuk juga yang telah dilaksanakan dalam projek pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang telah menunjukkan kejayaan dan kualiti yang memuaskan.

Mengenai cadangan untuk mengambil *independent QC* untuk memastikan pengawasan yang sempurna, pada masa ini Kementerian Pembangunan sedang meneliti kesesuaiannya bagi lantikan ini tertakluk juga kepada projek-projek yang akan dijalankan.

Untuk makluman bersama, bagi Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa '2' yang sedang berjalan pada masa ini, Jabatan Kemajuan Perumahan telah menggunakan *Building Quality Assessment System* iaitu *Build QAS* yang melibatkan pihak ketiga dari segi penilaian ke atas kualiti pembinaan rumah khususnya bagi skop *Architectural Works and Mechanical, Electrical and Plumbing (MEP)*.

Di samping itu, pihak konsultan dari *Build QAS* juga telah mengadakan *training* kepada kakitangan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memberikan pengetahuan mengenai piawaian penilaian *Build QAS* ini dan untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran praktikal untuk menjalankan penilaian secara dalaman dengan berkesan berdasarkan piawaian tersebut.

Kaedah penilaian kualiti dari pihak ketiga ini diharap akan dapat meningkatkan lagi kualiti pembinaan rumah dan seterusnya mengelakkan aduan daripada pemilik rumah dan juga mengurangkan kos bagi membaik pulih.

Untuk seterusnya, kaola beralih ke soalan yang keempat Yang Berhormat tadi iaitu mengenai *professionalism* dalam industri pembinaan bagi kakitangan kontraktor.

Berkaitan dengan perkembangan teknikal dan *professional*, Kementerian Pembangunan sentiasa menekankan dan menggalakkan pegawai-pegawai teknikal untuk meningkatkan kemahiran dengan mendapatkan kelulusan *professional* dari institusi-institusi *professional* antarabangsa seperti *Institution of Civil Engineers (ICE)*, *Institution of Mechanical Engineers (IMEC)*, *Royal Institute of British Architect (RIBA)*, *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*, *Chartered Institution of Water and Environmental Management (CIWEM)*, *The Royal Town Planning Institute (RTPI)* dan sebagainya.

Pada masa ini, seramai 64 orang pegawai yang masih berkhidmat di kementerian ini telah memperolehi kelulusan *professional* antarabangsa termasuk yang disebutkan tadi.

Pengawalseliaan arkitek, jurutera *professional*, juruukur bahan penilai dan ejen harta tanah sedang berjalan dan akan terus berkembang sejajar dengan pelaksanaan Perintah Arkitek, Jurutera *Professional* dan Juruukur Bahan, 2011 dan Perintah Penilai dan ejen Harta Tanah, 2009.

اللَّهُمَّ melalui pelaksanaan di bawah dua lembaga berkenaan, pendaftaran profesional dan orang yang berkemahiran pada masa ini berjumlah 324 orang, iaitu 59 orang Arkitek, 165 orang Jurutera *Professional*, 40 orang Juruukur Bahan, 21 orang Tukang Pelan Berdaftar, 13 orang Penilai dan 27 orang ejen Hartanah.

Berdasarkan kepada statistik pendaftaran yang disebutkan tadi, terdapat sebanyak 2.2% penurunan jumlah orang yang berdaftar. Penurunan tersebut disebabkan oleh beberapa perkara tertentu mereka telah keluar daripada senarai *professional* ini seperti pertukaran profesion, meninggal dunia, bersara dan sebagainya. Tetapi kadar pertumbuhan orang berdaftar profesion ini setiap tahun dijangka dalam sekitar 5% setiap tahun.

Pihak kementerian menjalankan penilaian *competency professional* iaitu *Assessment of Professional Competency*

untuk mengetahui pengalaman signifikan mengikut disiplin profesional masing-masing ke arah pendaftaran yang teratur. *As an option to* mendapatkan kelayakan *profesional* melalui *chartered* atau *profesional membership* dari institusi *profesional* yang diiktiraf.

Kementerian ini berpandangan sama seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, dalam memastikan adanya perkembangan warga *professional* di kedua-dua sektor awam dan sektor swasta. Kementerian sentiasa mendukung pelaksanaan perintah yang berkuatkuasa dan yang berjalan pada masa ini dan giat bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan terutama sekali Institusi Pendidikan Tinggi di negara ini dalam usaha untuk melahirkan generasi pelapis yang terdiri daripada anak-anak tempatan bagi kelestarian sumber tenaga manusia dalam profesion-profesion yang disebutkan tadi.

Dalam usaha itu juga, kementerian telah banyak membuat kolaborasi dengan pihak *ASEAN Business Services Sectoral Working Group*, *ASEAN Valuers Associations*, UTB, IBTE, SHENA, BDNAC serta institusi *profesional* tempatan seperti PUJA dan BIG.

Kolaborasi berterusan adalah bertujuan untuk menghasilkan hala tuju pelaksanaan undang-undang dan peraturan, menyediakan garis panduan bagi graduan untuk memulakan *professional development* sebelum menjalani penilaian *Professional*

Accreditation Framework di peringkat akademik dan kursus *proficiency* pendidikan *professional* berterusan dari institusi tempatan dan luar negara, penyeliaan projek dan pensijilan *plan submission risk* dengan pihak berkuasa yang memerlukan kelayakan profesional.

Kementerian ini telah mencapai pengiktirafan di rantau ASEAN bagi tiga kerjaya profesional iaitu arkitek, jurutera profesional dan penilai harta tanah. Di dalamnya seramai 40 orang profesional tempatan telah berdaftar sebagai *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineers* yang dibukakan jalan untuk berkolaborasi di rantau ini.

Seterusnya, pihak kementerian juga mengarahkan sasaran untuk mencapai pengiktirafan bidang arkitek di peringkat *Asia-Pacific Economic Countries (APEC)*. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudah ia akan membuka jalan untuk dilaratkan kepada bidang-bidang lain untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seterusnya.

Kementerian akan terus aktif berusaha dan bekerjasama dengan negara-negara agensi kerajaan yang berkepentingan dalam industri-industri relevan di sektor swasta bagi menjaga *standard operation* dan memantapkan *professionalism* para *professional* berdaftar di negara ini mengikut peruntukan perintah dan undang-undang yang berjalan pada masa ini.

Ini termasuklah membantu merealisasikan peluang-peluang

pekerjaan kepada graduan tempatan yang diyakini mempunyai pendidikan akademik relevan dan berminat untuk berkecimpung dalam industri berkenaan bagi menuju ke arah pencapaian *local employment* di kalangan anak tempatan dan pertumbuhan profesional berdaftar mengikut kriteria kelayakan yang dikawalselia bagi mencapai warga negara yang profesional dan berkemahiran tinggi.

1. Mengenai dengan persoalan *professionalism* dalam industri pembinaan bagi kakitangan dan kontraktor iaitu soalan yang khusus mereviu kembali kalau ganjaran kewangan yang dulunya diberikan sebagai peransang kepada kakitangan yang mencapai tahap profesional dikembalikan supaya lebih banyak graduan mahu menaiktarafkan kelulusan mereka. Ini adalah satu saranan yang baik, diambil cadangan ini untuk dihadapkan sokongan kepada pihak-pihak yang berkenaan.;
2. Iaitu satu kriteria memberi kontrak juga iaitu *proposal performance strict record contractor* dalam menggunakan *medium size enterprises* sebagai *sub-contractor* dan inisiatif *track record contractor* yang membantu anak tempatan dalam *company*nya mencapai taraf profesional. Perkara ini juga akan diambil baik untuk diteliti, dilanjutkan dan dinilai lagi.;

3. Begitu juga dengan cadangan untuk mereviu keperluan kontraktor dalam Kelas 5 & 6, untuk mempunyai sekurang-kurangnya Pengarah *Executive Management* yang bertaraf profesional diantara mereka. Perkara ini juga akan diambil untuk difikirkan dan juga dinilai kesesuaiannya nanti, bila dan dimana kitani akan melaksanakannya.;

4. Penggunaan *engineering project management consultant services* dalam *title business*. BAPEX ialah mengawalselia mulai nama *business names* bagi profesion arkitek, jurutera profesional dan Juruukur bahan. Sejak 2018 BAPEX telah berkolaborasi dengan ROCBN untuk mesyuaratkan pemilik adalah Jurutera Profesional berdaftar apabila memohon untuk berkategori perkhidmatan *consultancy* di ROCBN.

Dengan pendaftaran perniagaan syarikat itu nanti, Jurutera Profesional berkenaan adalah berkelayakan untuk memohon diberikan kebenaran untuk menjadi *qualified person*. Dalam perkara ini kementerian akan menduduki untuk melaratkan kewajipan untuk mendaftar sebagai jurutera profesional bagi kontraktor dan pembekal.;

5. Skim Perumahan Negara. Beberapa cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai dengan pembinaan masjid, surau di dalam pelan Skim Perumahan

Negara dan juga menyemak kadar *traffic* di kawasan-kawasan sekolah dan juga promosi teknologi hijau dan tenaga *alternative* dalam rumah-rumah model peserta yang ikut dalam Skim Rancangan Perumahan Negara.

Pada menjawabnya, projek pembinaan perumahan di kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara adalah merangkumi penyediaan Pelan Induk *Masterplan* bagi kawasan perumahan tersebut. Pelan Induk adalah perancangan bagi penyediaan tapak-tapak perumahan dan juga termasuk penyediaan tapak-tapak kemudahan awam seperti Balai Polis, Balai Bomba, Pusat Kesihatan, Masjid, Sekolah dan sebagainya.

Mengikut keperluan iaitu selaras dengan pertambahan penduduk yang tinggal di kawasan perumahan tersebut. Dalam hal ini, pelaksanaan projek bagi penyediaan kemudahan awam tersebut adalah di bawah tanggungjawab agensi-agensi yang berkenaan. Sebagai contoh projek pembinaan masjid adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti yang telah dijelaskan jua semasa membincangkan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.;

6. Slot infrastruktur bagi projek perumahan juga adalah terkandung penyediaan rangkaian jalan raya yang termasuk penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal

untuk menekankan *sustainable and energy efficient design concept*, keperluan *traffic study* bagi menunjukkan *traffic* yang dijana oleh pembangunan di kawasan perumahan tersebut juga diambil kira dalam mereka bentuk rangkaian jalan raya. Pihak kementerian ini mengambil baik akan cadangan bagi model perumahan yang mengintegrasikan *re-initiative* sebagai sokongan mengenai dasar perubahan iklim Negara Brunei Darussalam.;

اللَّهُمَّ sejak beberapa tahun yang lalu, Jabatan Kemajuan Perumahan telah menyerapkan *Green Building Initiative* dalam pembinaan perumahan awam. Dua projek perumahan telah berjaya memperolehi *Green Mark Certification* iaitu Projek Perumahan Negara Kampung Lugu (1,000 unit), rumah jenis kluster dan juga Projek Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan (300 unit *apartment*) berdasarkan kepada kriteria *energy efficiency, water efficiency, environmental protection, indoor environmental quality* dan sebagainya.

Sementara itu, 2 projek perumahan yang sedang berjalan pada masa ini iaitu projek-projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa '2' (1000 unit rumah yang jenis teres) dan Projek Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa '7' (950 unit rumah jenis teres) juga dijangka

akan memperoleh *Green Mark Certification* dengan *gold rating* iaitu selaras dengan keperluan dan kehendak projek. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* keperluan *Green Mark Certification* dan *initiative* lain akan diteruskan bagi projek-projek Jabatan Kemajuan Perumahan pada masa akan datang.; dan

7. Mengenai profesional *ethics* dan *whistle blower protection* yang dibangkitkan pagi tadi. Pada menjawabnya profesional yang berdaftar dengan lembaga *BAPEX* adalah terikat kepada profesional *conduct* dan *ethic regulation* 2018. "Mana-mana orang yang berdaftar berkewajipan bertindak *in prime regard of public enforce* dan mematuhi semua undang-undang secara amnya." Jadi, maksudnya, profesional berdaftar secara umumnya juga dikehendaki beretika apabila mendedahkan sebarang kelakuan profesional lain, seperti memberikan teguran dengan beretika, tidak menguar-uarkan keburukan dan menghormati reka bentuk pendapat yang dibuat sesama profesional yang tidak bercanggah dengan undang-undang, peraturan, piawaian dan garis panduan.;

8. Adakah terdapat *whistle blower protection* seperti yang dibangkitkan soalan Yang Berhormat tadi. Kalau melihat dari segi undang-undang dan peraturan yang ada dalam industri pembinaan ini, perkara ini diakui belum lagi ada. Tapi sebagai satu langkah dasar yang dibuat di

beberapa negara lain untuk memastikan wujudnya *integrity* dalam industri pembinaan. Selalunya *company* besar yang terlibat dalam pembinaan ini akan dikehendaki untuk mewujudkan satu sistem *internal organizational integrity system* iaitu satu langkah pencegahan salah laku daripada pegawai-pegawai dalam syarikat-syarikat berkenaan supaya dapat mematuhi etika-etika integriti dalam berhubung dengan majikan ataupun *client* mereka mengikut kontrak masing-masing.

Ini adalah diantara *good practices* yang diamalkan di negara-negara lain bahawa industri-industri pembinaan, mereka telah mencapai tahap *integrity* yang lebih tinggi dalam *transparency international anti-corruption, perception index*. Inilah jua perkara yang akan diambil sebagai satu langkah ke hadapan.

Untuk membina dan mengangkat industri pembinaan terutama sekali sebelah swasta supaya *integrity* ini dapat dipastikan sebagai satu usaha *collective* antara bukan sahaja dari segi pihak kerajaan tapi juga komitmen yang sama sebelah swasta supaya komitmen ada barulah 'kitani' dapat sama-sama mengangkat *integrity* ini.

Bercakap mengenai isu *whistle blower protection* ini. Dalam *requirements*nya ataupun kehendak-kehendak untuk mengangkat *integrity* ini akan ada satu

channel whistle blower sesiapa sahaja dalam kakitangan sebuah organisasi itu kalau didapati ada salah laku yang menyalahi peraturan-peraturan yang ada orang ini bertanggungjawab sebagai satu keperluan etikanya untuk melaporkan perkara ini.

Dalam organisasi-organisasi yang lain ada *Chief Integrity Officer* yang dikehendaki untuk menerima laporan-laporan daripada *whistle blower* dan *whistle blower* akan diberi perlindungan supaya tidak akan diambil apa-apa tindakan ataupun namanya akan dirahsiakan supaya menggalakkan orang lebih ramai untuk datang untuk membuat laporan jika berlaku salah guna kuasa, penipuan ataupun rasuah ataupun sebagainya yang boleh dikira sebagai satu risiko untuk mengkompromi *standard* dan kualiti dari segi pengawalseliaan dalam industri pembinaan ini.

Itulah serba ringkas yang dapat kaola sampaikan mengenai soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pagi tadi.

Sekian, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dengan kesempatan untuk menjawab soalan-soalan ini tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatannya.

Masih terdapat dalam senarai saya, 2 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini.

Maka, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. اَللّٰهُمَّ lebih dahulu kaola sukacita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkenaan dengan mukadimah yang penuh berinfomasi pada Sabtu yang lepas.

اَللّٰهُمَّ melalui mukadimah itu juga, telah dapat memberi jawapan-jawapan yang ingin kaola persoalkan sebahagiannya. Semoga apa yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Pengerusi. اَللّٰهُمَّ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin akan kesejahteraan rakyat baginda. Mudah-

mudahan dengan Bajet Kewangan 2023/2024 yang telah pun diperuntukkan bagi Kementerian Pembangunan akan dapat menambah lagi keselesaan kehidupan masyarakat di negara ini, khususnya melalui pembangunan infrastruktur kemudahan awam seperti projek pembinaan perumahan, pemeliharaan jalan raya, bekalan air dan sebagainya.

Berkaitan dengan projek pembinaan perumahan. Kaola menjunjung kasih atas usaha pihak Kerajaan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang membangunkan sebanyak 476 buah rumah di bawah Projek Perumahan Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B', dengan tujuan mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Ini menunjukkan sikap pemedulian baginda akan keperluan asasi iaitu tempat tinggal yang sempurna. Projek ini termasuklah pembinaan sebuah masjid dan juga kawasan letak kereta. Apa yang ingin kaola suarakan ialah berkenaan dengan kemudahan letak kereta di Kawasan Kampung Bolkiah, Kampung Tarap Bau dan Kampung Setia.

Akhir-akhir ini, terutama setelah selesainya Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Sungai Kebu, bilangan kereta yang diletakkan di kawasan perumahan tersebut semakin bertambah berbanding sebelumnya. Keadaan ini juga menyebabkan penduduk yang tinggal di lokasi berkenaan meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan bahkan sepanjang

jalan raya iaitu Kampung Kasat, Kampung Tarap Bau dan Kampung Setia yang menyebabkan sebahagian tempat berlaku kesesakan dan kesukaran bagi pengguna jalan raya khususnya waktu pergi bekerja dan pulang dari bekerja.

Keadaan ini juga menyukarkan laluan kenderaan berat dan panjang seperti *trailer*, lori dan seumpamanya. Bahkan, ia sangat mengganggu kelancaran laluan seperti kereta Ambulans dan Bomba dan Penyelamat apabila berlaku kecemasan.

Perkara ini semakin berlarutan dan sekarang sudah pun menjadi keriuhan dan kegelisahan pengguna jalan berkenaan sebagaimana yang banyak disuarakan oleh *netizen* di media sosial.

Maka, kaola mencadangkan supaya pihak berkenaan khususnya Kementerian Pembangunan mengatasi perkara ini dengan seberapa segera sama ada dengan menambah kawasan letak kereta yang sedia ada atau lain-lain yang difikirkan munasabah mengenainya kerana ia sangat mengganggu bagi pengguna-pengguna jalan dan demi keselamatan pengguna jalan juga.

Selain itu, pihak penguat kuasa lalu lintas juga perlu membuat pemantauan secara kerap terhadap perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengelak perkara-perkara yang tidak diingini.

Selain itu juga, kaola juga ingin mencadangkan supaya dipasang lampu isyarat di "Simpang Empat", Jalan

Lumapas, Kasat, Lupak Luas kerana Jalan Lumapas ini sejak terbinanya jambatan, ia sudah merupakan satu jalan yang boleh dikatakan sibuk banyak kereta yang lalu. Demi keselamatan, dipohonkan untuk dibuat lampu isyarat kerana kebetulan di "Simpang Empat" ini juga, jalan keluar daripada Kampung Kasat, Kampung Putat dan Kampung Lupak Luas itu berbukit jadi sukar untuk mereka yang keluar dari sana. Sebab itulah sudah beberapa kali berlaku kemalangan.

Jadi, itulah saja barangkali, Yang Berhormat Pengerusi yang ingin saya suarakan.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan atau cadangan yang dibangkitkan itu tadi. Perkara ini telah dihadapkan dan dibincangkan dalam Sesi Muzakarah.

Kementerian maklum dengan perkara-perkara yang dibangkitkan ini terutama sekali mengenai Projek Perumahan Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B' dan juga masalah yang dibangkitkan mengenai kesesakan lalu lintas dan kurangnya *space* untuk *parking* di kawasan tersebut.

Cadangan untuk membuat *traffic light* bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang terdapat di kawasan tersebut.

Perkara ini telah diduduki beberapa kali dalam beberapa perbincangan di Kementerian Pembangunan dan sebelum ini ada juga *engagement* dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang termasuk dalam bidang kuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan ini.

إِنْ شَاءَ اللّٰهُ mudah-mudahan perkara ini tidak akan memakan banyak masa untuk mencari penyelesaiannya nanti untuk membuat tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk kaola menjawab satu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada pagi tadi mengenai Projek RPN Panchor/ Mengkubau yang Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei adalah agensi pelaksana sekitar tahun 2010-2015.

Kaola ingin menjelaskan bahawa maklumat yang dikongsikan mengenai

Singapore Arbitration adalah kurang tepat oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, memandangkan jua perkara ini masih dalam proses perundangan, maka kaola mencadangkan supaya perkara ini tidak dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan dengan perancangan Kementerian Pembangunan dan semoga ia mencapai kesempurnaan yang diharapkan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

1. Kaola ingin mengemukakan di bawah Tajuk SK03A - Mengenai syarat-syarat permohonan pembinaan jalan berasfalt di kawasan perumahan. Apa yang kaola difahamkan bahawa syarat pembinaan mestilah sekurang-kurangnya 30 buah rumah. Abiskaola ingin memohon syarat ini dapat diteliti lagi kesesuaiannya

kerana kalau di kampung cuma ada 4 atau 6 buah rumah dalam satu simpang sahaja.;

2. Kaola ingin memohon pencerahan mengenai dengan Jalan Selangan, Batang Duri, Mukim Amo dan Temada, Mukim Bokok, Daerah Temburong. Apakah ada perancangan untuk dinaik taraf jalan-jalan berkenaan?

Seterusnya, kaola juga mencadangkan untuk menaik taraf papan-papan tanda (*signboard*). Ini perlu sebagai panduan kepada orang awam dan para pelancong untuk *access* ke destinasiya. Tidak semua kawasan di Daerah Temburong yang menerima *GPS Coverage*. Memohon pencerahan Yang Berhormat Pengerusi.

3. Iaitu mengenai perkara di bawah Tajuk SK04A dan Tajuk SK06A. Ketika ini ada dua syarikat "kuari batu" yang beroperasi secara sah di Daerah Temburong. Namun pada itu syarikat-syarikat ini telah mengalami masalah bagi menghasilkan isi padu batu yang diharapkan bagi memenuhi kehendak pasaran. Ini disebabkan kawasan-kawasan yang ada sekarang telah mengalami kekurangan sumber batu.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar pihak kerajaan mempertimbangkan untuk membuka lagi kawasan-kawasan baharu yang lebih strategik bagi mendapatkan hasil pengeluaran isi padu batu yang

lebih banyak dan berkualiti bagi memastikan bekalan batu dapat disediakan secara konsisten bagi memenuhi pasaran.; dan

4. Seterusnya, kaola ingin menyentuh berkenaan dengan perkara di bawah Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe). Taman Rekreasi Batang Duri telah diserahkan sepenuhnya kepada pihak JASTRe pada tahun 2002.

Pada awalnya ia di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong. Ia merupakan salah satu destinasi pelancongan yang ada kemudahan riadah seperti pondok-pondok rehat, taman permainan kanak-kanak, tandas awam dan sebagainya.

Selain itu, taman ini juga terdapat *mini zoo* yang menempatkan beberapa spesis haiwan luar. Namun pada itu, terdapat beberapa kemudahan yang telah usang serta keadaan kandang dan sangkar haiwan yang sudah tidak sesuai dan perlu dinaik taraf dan pembaikan.

Usaha ke arah mentransformasikan Taman Rekreasi Batang Duri amat penting agar sentiasa *relevan* dan menjadi tarikan utama para pengunjung dan pelancong ke Daerah Temburong. Apakah ada perancangan ke arah membina lagi Taman Rekreasi Batang Duri ini?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi. Pada menjawabnya soalan pertama mengenai beberapa cadangan berkaitan dengan di bawah Tajuk di bawah SK03A - Permohonan menaik taraf jalan-jalan.

Melalui Jabatan Kerja Raya, kementerian mempunyai perancangan program bagi menaik taraf jalan-jalan/simpang-simpang daripada batu ke aspal di bawah Rancangan Kemajuan Negara. Perkara ini memang sejak awal lagi daripada Rancangan Kemajuan Negara Ke-5.

Adalah menjadi sasaran untuk memperbaiki jalan-jalan bukan sahaja di Daerah Temburong dan juga di daerah-daerah yang lain. Iaitu berpandukan kepada syarat-syarat yang telah dibenarkan iaitu jumlah rumah bagi setiap simpang sekurang-kurangnya 5 buah kepadatan (*density*) rumah, sekurang-kurangnya purata 30 buah rumah per satu kilometer sepanjang jalan. Ketiga, jalan-jalan simpang harus dibina ke taraf batu.

Jadi, untuk penjelasan ini jumlah minimum ialah 5 buah sahaja dan bukan 30 buah seperti mana yang banyak disalahertikan oleh mereka yang memohon sebelum ini. Yang 30 buah rumah sekilometer adalah kepadatan (*density*).

Permohonan jalan terdapat 5 buah rumah boleh sudah memohon, tetapi

permohonan tertakluk kepada nilai-nilai berpandukan syarat-syarat yang ada pada masa ini bagi melaksanakan mengikut senarai menunggu (*waiting list*) dan kebenaran had-had peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Ertinya terpaksa menunggu 25 buah rumah lagi Yang Berhormat Menteri?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Untuk makluman juga, pada masa ini ada dalam 200 lebih dalam *waiting list* mengikut *queue*, Yang Berhormat Pengerusi.

Untuk menjawab soalan yang seterusnya iaitu jalan-jalan utama di sepanjang Jalan Selangan, Batang Duri, Mukim Amo dan Jalan Temada, Mukim Bokok.

Jabatan Kerja Raya memang sudah membuat pelan dan program untuk menaik taraf jalan-jalan utama dan jalan-jalan kecil yang beraspal dengan melebarkannya dengan membina bahu jalan beraspal bagi meningkatkan kualiti *infra* yang lebih efisien dan selamat. Program ini termasuklah jalan-jalan di Batang Duri, Temada, Selangan, Bokok dan sebagainya.

Program ini dicadangkan melalui Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang, dilaksanakan dan berpandukan kebenarannya nanti. Jabatan Kerja Raya juga mempunyai pelan dan program bagi memasang papan-papan tanda jalan raya berpandukan keperluan dari semasa ke semasa.

Mengenai dua syarikat "kuari batu" yang beroperasi. Dalam perkara ini, disampaikan bahawa terdapat 6 tapak sebagai kawasan baharu dengan jumlah keluasan 1,964 ekar di Daerah Temburong yang telah dibuat kajian *geological* pada tahun 2014 dan dikenal pasti mempunyai potensi sumber "batu kelikir" yang berkualiti dengan isi padu 46.9 juta.

Dalam hubungan ini, antara keperluan nanti termasuk juga memastikan pengusaha-pengusaha dapat mematuhi garis panduan, syarat-syarat dan peraturan bagi pengambilan batu serta mengikut Akta Perlombongan Penggal 42.

Mekanisme tatacara baharu ini akan dapat memastikan peraturan dan dasar untuk dipatuhi yang tidak pernah dibuat atau dipatuhi sebelum ini. Apabila nanti kawasan ini dibuka untuk dibuat tempat melombong batu, maka ada beberapa syarat yang baharu mengikut undang-undang yang telah dikemas kini.

Termasuk juga beberapa pembayaran yang perlu dipatuhi. Mekanisme dan tatacara baharu ini memastikan peraturan dan dasar yang untuk dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha pengambilan batu supaya tidak berlaku pencemaran kepada alam sekitar, flora dan fauna di kawasan-kawasan terbabit.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila sudah 'payu' kajian dan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan, perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat direalisasikan. Mungkin itu sahaja

soalan-soalan tadi yang dapat kaola berikan jawapannya. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan keterangan sebagaimana yang diperlukan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola sukacita ingin menambah berkenaan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan pada 18hb. Mac 2023 yang lalu iaitu berhubung dengan penubuhan satu jawatankuasa bagi menangani isu rumah-rumah roboh terutama di kawasan Kampung Air. Kaola ingin menambah keterangan Yang Berhormat rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Sepertimana yang telah disampaikan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya mengenai *structural report* rumah-rumah di Kampung Air iaitu untuk mengenal pasti keadaan rumah-rumah yang sudah tidak selamat untuk didiami. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. dijangka siap dan tertakluk kepada *progress* penilaian pada penghujung bulan Mei 2023 ini.

Laporan ini akan digunakan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara untuk mengadakan perbincangan bersama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan untuk memaklumkan ataupun memberikan notis makluman kepada pemilik-pemilik rumah tentang keadaan rumah-rumah mereka yang telah dikenal pasti tidak selamat untuk didiami.

Setakat bulan April 2021 hingga 20hb. Mac 2023, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan 4 surat kepada pemilik-pemilik rumah untuk mengosongkan rumah masing-masing disebabkan tidak selamat untuk didiami.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara juga dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri dan ketua-ketua kampung yang berkenaan iaitu dengan persetujuan pemilik-pemilik rumah melaksanakan pemutusan bekalan tenaga elektrik kepada 20 buah rumah sama ada rumah berkenaan kosong atau tidak lagi selamat untuk didiami.

Sekian sahaja, yang dapat kaola sampaikan sebagaimana soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas keterangan tambahan yang dikemukakan.

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan untuk kaola menyuarakan isu yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan.

Ia melibatkan *ABCi* dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, masing-masing di bawah Kementerian Pembangunan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, juga melibatkan Jabatan Perkhidmatan Air dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Ini hanyalah usulan. Kaola hanya memfokuskan keterlibatan *ABCi* dengan industri pertanian yang memfokuskan pertanian sama ada kebun-kebun sayur ataupun ternakan. Kaola rasa terpenggil mengenai masalah-masalah yang timbul kepada pekebun, peladang, petani tempatan yang belum menerima penyambungan bekalan tenaga elektrik dan bekalan air semenjak tiga tahun yang lalu.

Untuk maklumat Yang Berhormat Pengerusi. Bagi mengusahakan sesuatu kawasan *lot* ataupun plot tanah bagi industri aktiviti pertanian, ia dikerjakan melalui sama ada Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ataupun Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS), Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan.

Bagi penanaman sayur-sayuran sama ada dari segi sistem konvensional ataupun yang berteknologi moden seperti *hydroponic*, sistem fertigasi atau *aquaponic*. Sistem-sistem ini memerlukan pam air untuk mengalirkan air yang bergantung pada kuasa elektrik.

Untuk mendapatkan penyambungan kuasa elektrik ke ladang kebun tersebut terutama ia melibatkan tempat tinggal pekerja ataupun rumah kebun adalah diperlukan bagi pekebun tersebut melantik *qualified person (QP)* bagi penyediaan pelan tempat tinggal pekerja, letak kereta, sempadan mesti diukur, dan bermacam-macam lagi. *QP* ini ialah arkitek, juruukur, jurutera dan sebagainya. Tanpa *QP*, bekalan tenaga elektrik tidak akan disambung.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola memberikan *case study* beberapa pekebun tempatan kita yang menjalankan fertigasi, *aquaponic* dan *hydroponic* ini dan juga pekebun persendirian secara konvensional.

Mereka menyuarakan persyaratan dan prosedur *ABCI* mengenai rumah kebun tempat tinggal. Pekebun-pekebun ini sedaya upaya membantu bertanam sayur untuk keperluan negara.

Pekebun-pekebun ini berhasrat untuk meletakkan *staff cabin* dan bilik air siap pasang di ladang untuk diletakkan di ladang bagi kegunaan pekerja-pekerja tinggal.

Kos membuat *staff cabin* ini hanya berharga \$2,800.00 dan kabin tandas ini \$1,500.00. Walau bagaimanapun, *ABCI* mensyaratkan mesti membina *platform concrete* yang mempunyai *beam* dan *footing* mengikut saiz dan standard yang ditetapkan oleh *structural engineering*.

Untuk makluman, keperluan ini sama dikenakan dengan membina rumah dua tingkat atau banglo bagi *residential area* yang sama juga syaratnya dengan rumah kebun di ladang-ladang.

Ini dapat dilihat di bawah Perintah Kawalan Bangunan, 2014: "Mensyaratkan atas kemaslahatan disebabkan piawaian keselamatan" sepertimana Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah sampaikan semasa mukadimah.

Dari kos pula, harga perbelanjaan membina rumah kebun tersebut jika menggunakan *QP* dan menggunakan *contractor* adalah sehingga \$32,000.00. Mengapa wajib kontraktor yang

berdaftar membinanya? Kerana itu adalah syarat.

Kaola tidak menyangkal peranan utama *ABCI* ialah piawaian keselamatan. Keselamatan bermakna nyawa. Sangat dihargai dengan keprihatinan *ABCI* untuk keselamatan penghuni rumah kebun, tetapi pada masa yang sama juga, pekebun-pekebun berteknologi moden ini telah membelanjakan kewangan yang agak besar dengan membina *greenhouse* dan sebagainya. Mengikut temu duga yang telah kaola buat, ada orang yang telah membuat 5 buah *greenhouse* dan sekarang ini, 3 buah daripadanya rosak disebabkan ia belum beroperasi dengan ketiadaan bekalan tenaga elektrik. Bukan satu kes ini sahaja, tetapi banyak. Persoalannya ialah bagaimanakah kita mengimbangi antara satu persyaratan yang berat bagi pekebun yang dikenakan oleh *ABCI* atas piawaian keselamatan nyawa.

Sepertimana mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan: "Untuk mengurangkan risiko yang menjejaskan orang awam, ini penting".

Pada masa yang sama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui pekebun-pekebun ini, hasratnya adalah untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan negara sekali gus meningkatkan *GDP*.

Perbahasan yang lain pula ialah *QP* (Arkitek, Jurutera, Juruukur) yang terdiri daripada orang tempatan juga yang mereka ini di bawah PMKS kalau tidak ada bisnes sepertimana Yang Berhormat

Pengerusi katakan tadi pagi boleh "lingkup". PMKS lain dari sudut industri pertanian juga tidak berjalan kerana kosnya tinggi untuk mendapatkan bekalan tenaga elektrik, yang memberi takut lagi kesannya belia dan pengusaha-pengusaha yang mula menjinakkan diri mereka dalam industri pertanian akan ada rasa takut, 'ketunggalan' untuk menceburkan diri.

Atas pertembungan pergolakan jurisdiksi antara ABCi dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mangsanya ialah pekebun-pekebun. Peranan koordinasi antara jabatan-jabatan. Saranan kaola Yang Berhormat Pengerusi supaya akan dapat dilonggarkan syarat-syarat dengan cara memberi masa *grace period* ataupun *probation* dan 'buat-buat' itu memohon QP dan pada masa yang sama pekebun juga dapat menghasilkan produk mereka. Jadi tiada kerugian buat semua pihak.

Sekian,
وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهَدَايَةِ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar satu masalah yang dihadapi dan dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya kira isu ini adalah satu isu yang *cross-cutting* antara beberapa kementerian, ada baiknya kalau kementerian-kementerian yang berkenaan itu berunding dahulu dan mereka akan memberikan jawapan

yang sesuai dalam sedikit masa lagi dan 'tidaklah payah' pada ketika ini.

Jadi, saya berikan kesempatan mereka untuk berunding dan besar kemungkinan akan dapat memberikan jawapan yang sesuai pada satu ketika sebelum mesyuarat ini tamat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada antara Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberi *reaction*?

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Yang Berhormat Pengerusi, *I think we will* ikut seperti saranan Yang Berhormat Pengerusi, *we will discuss* kemudian.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang hampir selesai membincangkan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Saya kira cukup sekian kita berbincang bagi kementerian ini dan saya juga ingin memberi kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana menjawab soalan-soalan dengan tenang dan tabah.

Tibalah masanya saya kira bagi tajuk ini kita undi. Saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk Kementerian Pembangunan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Nampaknya kita membuat *progress*. Kita sekarang mula membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta jabatan-jabatannya.

Seperti lazimnya, saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyampaikan mukadimahya khususnya mengenai hala tuju dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun Kewangan 2023/2024.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan

penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau dikenali juga dengan KKBS.

Kita amat bersyukur Tema Tahun Kewangan 2023/2024: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" amat bertepatan dengan usaha berterusan KKBS dengan kerjasama pendekatan senegara dalam mencapai matlamat: "Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035". Apa yang penting ialah usaha ke arah memperkasa, 'mengelinga' dan memeduli kesejahteraan rakyat memerlukan kerjasama sepadu semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 berjumlah \$83,813,020.00 juta.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, iaitu

menggunakan persidangan dengan sebaiknya untuk membentangkan isu-isu utama yang strategik dan penting bagi sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian yang berpatutan, maka berlandaskan hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan 4 fokus strategi sebagai pelengkap kepada usaha meneruskan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun Kewangan 2023/2024 dan usaha Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan (3P).

Melalui strategi pertama, iaitu dalam bidang kemasyarakatan, kita terus mengembang maju masyarakat progresif ke arah masyarakat cemerlang, bersatu padu, resilien dan pemedulian.

Sejumlah \$23.75 juta telah diperuntukkan bagi Program Mengembangmajukan Masyarakat Progresif termasuk Penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan yang merangkumi \$15.8 juta bagi Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan \$1.5 juta bagi Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya dan \$3.4 juta bagi Pengukuhan Institusi Keluarga. Antara usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Setelah hampir 3 tahun pelaksanaan sejak ia mula dilancarkan pada 15 Julai 2020, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Sistem Kebajikan Negara (SKN) kini telah menerapkan bantuan-bantuan daripada pihak Majlis Ugama Islam (MUIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan yang terkini

Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT);

Percantuman atau pengintegrasian pemberian bantuan-bantuan ke dalam sistem ini telah menjana sebuah pangkalan data yang digandingkan dengan penganalisan *Artificial Intelligence* dengan penggunaan sebuah program *Power Business Intelligence (Power BI)* sebagai nilai tambah kepada penubuhan sistem ini. Ciri *AI* yang dibina ke dalam sistem ini setentunya akan mengoptimumkan penggunaan sistem dan juga meluaskan skop penganalisan dari segi geolokasi dan hubungannya dengan sosioekonomi para pemohon dan penerima bantuan SKN.;

2. Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang menggariskan strategi dan inisiatif bertujuan meningkatkan kedayatahanan dan ekonomi golongan sasaran yang mandiri untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengurangkan kebergantungan pada kerajaan dan juga pengemaskinian Garis Panduan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) untuk memastikan program intervensi yang lebih berkesan, pemedulian dan memenuhi keperluan.;
3. Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah dikaji semula pada tahun 2021 telah menggariskan pembangunan

ekosistem OKU yang akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan OKU memberikan kesaksamaan Hak Orang Kelainan Upaya dan memperkasa Orang Kelainan Upaya dan ahli keluarga mereka secara inklusif. Pelan tindakan ini dirancang akan dibukukan pada tahun ini bagi rujukan pihak yang berkepentingan.;

4. Pelan Tindakan Warga Emas *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* juga akan dibukukan pada tahun ini secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memberi keutamaan kepada tadbir urus, pembangunan, pemarkasaan, kesihatan, kesejahteraan dan sistem sokongan mesra Warga Emas ke arah Warga Emas Yang Berjaya (*Towards Successful Ageing*).;

Salah satu inisiatif dalam memeduli dan memberikan sokongan kepada Warga Emas, kita terus melaksanakan Program Memeduli Warga Emas secara senegara dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan para sukarelawan demi menitikberatkan jaminan kebajikan dan kesejahteraan, di samping meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan Warga Emas.;

5. Di bawah Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak, Sistem Perlindungan Kanak-Kanak sentiasa

dimantapkan demi memenuhi cabaran semasa sejak pelancaran Rangka Kerja Pelindungan Kanak-Kanak atau *National Framework on Child Protection (NFCP)* pada tahun 2020. Di samping itu, daftar *Registry of Children and Young Persons in Need of Protection (RCYPNP)* yang telah dilancarkan pada 1hb. April 2022M merupakan pangkalan data kebangsaan terpusat bagi pengumpulan dan penyelenggaraan rekod bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan serta butiran ahli keluarga berkenaan bagi memastikan intervensi yang lebih holistik. Sebagai nilai tambah kepada *NFCP*, penyediaan Garis Panduan Program Jagaan Keluarga Angkat (*Foster Care*) disasarkan juga pada tahun ini.;

6. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pelan Tindakan Keluarga telah dikaji semula bagi tahun 2023 hingga tahun 2027 untuk memastikan Pelan Tindakan Keluarga 2023/2027 ini diteliti secara menyeluruh dan disejajarkan dengan hala tuju dan perisian *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam. Pengkajian semula ini juga bagi lebih memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu meningkatkan kedudukan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini;

7. Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam telah pun selesai dilaksanakan dan kini dalam proses akhir penyediaan *final report* yang merangkumi rekomendasi-rekomendasi dasar dan inisiatif bagi menangani isu-isu utama yang menjejaskan dan menghalang pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam khususnya mengenai mata pencarian ekonomi mereka dan keseimbangan kerja kehidupan (*work-life balance*).

Ini penting ke arah memastikan institusi kekeluargaan yang kukuh. Antara penemuan utama penyelidikan berkenaan ialah walaupun pembangunan wanita di negara ini telah mencapai peningkatan yang ketara masih terdapat beberapa bidang yang memerlukan penelitian dasar bagi memastikan kaum hawa negara dapat mencapai potensi penuh dan optimum. Hasil daripada penyelidikan ini akan dimasukkan dalam Pelan Tindakan Wanita.;

8. Dari segi penyediaan prasarana kemudahan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Projek Bangunan Baharu Rumah Perlindungan di Kampung Belimbing, Jalan Subok telah siap dan mula didiami sepenuhnya semenjak Disember 2022 yang pada masa ini merangkumi seramai 52 orang kanak-kanak dan perempuan dewasa. Manakala Projek Kompleks Orang Kelainan Upaya (OKU) sedang

dalam fasa reka bentuk sebelum dibukakan tawaran; dan

9. Mewujudkan *Social Blueprint* bersama Jabatan Perdana Menteri sebagai pelengkap kepada hala tuju dan penyelarasan usaha sama senegara Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai matlamat kedua iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi.

Suka kaola kongsi *social blueprint* ini sudah pun sebahagian besarnya iaitu mencapai tahap 90% dan dalam sedikit masa lagi ia akan diselesaikan.

Strategi kedua, dalam bidang kebelaian, kita terus memberi fokus kepada melahirkan belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara.

Sejumlah \$10.21 juta diperuntukan bagi Program Melahirkan Belia Harapan yang Berwawasan termasuk Penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan yang merangkumi \$650,000.00 untuk Program Pemerkasaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia dan hampir \$3 juta lagi bagi Pembangunan Keupayaan Belia.

Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2024 telah menggariskan beberapa program dan inisiatif pengupayaan serta pemerkasaan senegara yang memberi tumpuan kepada mengukuhkan ekosistem Kebelaian.

Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2024, 61% program dan aktiviti pada tahun kedua telah berjaya dilaksanakan. Antara usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Meningkatkan pembangunan keupayaan melalui latihan kemahiran dan industri yang relevan dan membentuk jati diri dan modal insan yang holistik termasuk melalui usaha:
 - i. Memantapkan kualiti program Pusat Pembangunan Belia bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dalam mendapat pekerjaan lebih bermakna. Menjadi usahawan dan melanjutkan latihan kemahiran atau pelajaran. Dikongsikan sebanyak 61% kebolehpasaran yang dicatatkan bagi tahun 2020 hingga 2022 iaitu 261 orang mendapat pekerjaan, 24 orang berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan dan 40 orang melanjutkan pelajaran.;
 - ii. Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan menerapkan elemen pertahanan awam (*civil defence*) dalam latihan bagi memantapkan lagi jati diri, resilien, semangat kesukarelawanan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana. Baru-baru ini seramai 539 orang pelatih pengambilan PKBN Ke-11 telah menamatkan kursus latihan pada 16hb. Mac 2023 ini. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis tamat latihan tersebut telah bertitah menzahirkan keyakinan dengan adanya nilai tambah kurikulum dalam latihan PKBN, para alumni PKBN akan lebih bersedia untuk menghulurkan khidmat bakti mereka secara sukarela bagi menangani sebarang kejadian bencana alam apabila diperlukan.

Di samping itu, PKBN dengan kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) dan *MPEC* telah melaksanakan 2 *cohort* Program Jati Diri dengan melibatkan seramai 300 orang penuntut *IBTE*.; dan

- iii. *Outward Bound Brunei Darussalam* bagi meningkatkan kepimpinan dan semangat berpasukan. Dikongsikan seramai 2,500 orang peserta belia telah mengikuti program *OBBD* sejak 3 tahun kebelakangan ini.;

2. Mengukuhkan Ekosistem Keusahawanan Belia dalam pelbagai industri yang diterajui oleh Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia termasuk melalui penyediaan program *incubator* dan *platform* bagi usahawan belia memulakan perniagaan dan juga penyediaan tapak tanah bagi kegunaan kegiatan pertanian. Antara lainnya, melalui kerjasama dengan *Entrepreneurship*,

Innovation, Community and Outreach (EICO) dan *LiveWire* Sdn. Bhd, 40 orang peserta belia telah diberikan pendedahan dalam pengurusan perniagaan.;

3. Penyediaan Prasarana. Tumpuan adalah kepada projek penaiktarafan pusat-pusat belia sebagai pusat kecemerlangan dalam melaksanakan program serta aktiviti yang menjurus kepada pemerksaan belia termasuklah kepimpinan dan pembangunan jati diri. Dikongsikan seramai lebih 43 ribu pengguna Pusat Belia di keempat-empat daerah dan 533 pengguna asrama Pusat Belia telah direkodkan bagi tahun 2021 hingga 2022.;
4. Pembangunan nilai dalam membentuk jati diri dan modal insan yang holistik. Seramai lebih 38,000 orang belia telah melibatkan diri dalam program kepimpinan, keagamaan, kesihatan dan pembangunan kapasiti secara menyeluruh. Pelaksanaan program ini diterajui sendiri oleh para belia dengan peningkatan sebanyak 52% dari tahun sebelumnya; dan
5. Penglibatan belia di peringkat antarabangsa dengan mengiktiraf sumbangan pemimpin-pemimpin belia dalam bidang kesukarelawanan sejajar dengan matlamat dasar bertaraf dunia dan strategi meningkatkan budaya perpaduan dalam kalangan semua masyarakat.

Strategi ketiga dalam bidang kesukanan. Kita terus mengukuhkan ekosistem sukan yang inklusif dan cemerlang yang memfokus kepada memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi di samping meneruskan usaha meningkatkan sukan untuk masyarakat.

Sejumlah \$15.93 juta diperuntukkan bagi Program ke arah Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang merangkumi hampir \$700 ribu bagi pembangunan persatuan-persatuan sukan dan lebih \$3 juta bagi pembangunan keupayaan atlet, jurulatih dan perubatan sukan.

Ia dihasratkan untuk mewujudkan persekitaran atlet yang stabil, membangun sukan yang berpotensi untuk memenangi pingat, membangun atlet elit, prasarana bagi persediaan sukan berprestasi tinggi dan memastikan keinklusifan sukan untuk masyarakat.

Antara usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Menggerakkan dan melaksanakan strategi dan pelan tindakan bagi memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi ke arah membangun atlet elit yang boleh meraih pingat dalam Sukan Berprestasi Tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa dan mengukuhkan keinklusifan sukan untuk masyarakat ke arah negara yang sihat, sejahtera dan sepadu dengan sukan.

Dalam hal ini, dikongsikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaksanakan pemberian elaun berjumlah \$800.00 sebulan kepada atlet yang terpilih melalui Program Pembiayaan Atlet (PPA) di bawah Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Seramai 5 orang atlet iaitu 3 orang dari sukan *Wushu* dan 2 orang dari sukan Pencak Silat akan menerima elaun ini mulai 1hb. Januari 2023M hingga 31hb. Disember 2023M.;

2. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan tadbir urus organisasi sukan melalui peningkatan kapasiti pemimpin-pemimpin persatuan sukan kebangsaan, pegawai teknikal sukan, kejurulatihan dan kepakaran dalam bidang sukan; dan
3. Ketersediaan infrastruktur untuk mengadakan acara sukan di peringkat serantau dan antarabangsa. Penaiktarafan akan terus dilaksanakan dengan prasarana sukan dinaik taraf dan ditambah baik mengikut piawaian antarabangsa secara berfasa dan berperingkat-peringkat tanpa memberi tekanan yang tidak wajar kepada sistem fiskal negara.

Strategi keempat. Dalam bidang kebudayaan, kita terus mengukuhkan jati diri dan identiti bangsa sebagai teras pembangunan negara yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB). Antara

usaha meningkatkan Budaya Dinamik dan Warisan terpelihara adalah sejumlah \$24.55 juta diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk pembinaan, penerapan dan penghayatan warisan, sejarah dan budaya serta penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi \$1.9 juta bagi Mengukuhkan Kegiatan Seni Budaya; \$10.2 juta bagi Bahasa, Sastera dan Perpustakaan; \$8.6 juta bagi Kegiatan Permuziuman termasuk Penjagaan, Warisan dan 'Pemberigaaan'; dan \$3.8 juta bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Sejarah.

Antara usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa meningkatkan kegiatan dukungan memartabatkan Bahasa Melayu menerusi pertandingan-pertandingan, penulisan-penulisan dan penerbitan-penerbitan. Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah mula membina *platform* pintar dan aplikasi digital *e-kamus*, mengumpul lebih dari 12,500 pantun, hampir 8,000 entri penyelidikan korpus bahasa dan lebih dari 350 entri penggubalan istilah Bahasa Melayu. Dalam memperkasa budaya membaca, Dewan Bahasa dan Pustaka terus giat dalam penjenamaan semula perpustakaan

sebagai pusat komuniti dan hab pelbagai pembelajaran.;

2. Melancarkan perasmian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei pada 9hb. Februari 2023 yang diselajurkan dengan pelancaran Bilik Koleksi Sumber Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri. Penubuhan sumber rujukan khas ini adalah bertujuan memberi nilai tambah dalam memperkaya dan meluaskan lagi sumber rujukan Persejaraan Kesultanan Brunei, Budaya dan Adat Istiadat Negara, dan sekali gus menjadi mercu tanda pengikitarafan Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan.;

3. Meningkatkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Sejarah. Sejak empat tahun kebelakangan ini Pusat Sejarah Brunei (PSB) juga telah bergiat aktif melaksanakan beberapa inisiatif melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti UBD, UNISSA, KUPUSB, Institusi Kerajaan dan Swasta, Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Pakar-Pakar Sejarah dan Lulusan Mahasiswa/Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi bagi meningkatkan taraf dan kualiti penyelidikan dalam memperluas, memperkaya dan mempelbagai lagi sumber bahan persejaraan negara untuk bacaan dan rujukan kepada

Institusi Pengajian Tinggi, pengkaji, penyelidik, agensi kerajaan, swasta dan orang ramai. Khususnya generasi muda 'kitani' yang akan datang.;

4. Meningkatkan pemeliharaan khazanah warisan memberi ruang pembelajaran kepada masyarakat di muzium-muzium seperti Muzium Brunei, Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja, Projek Muziumku Warisanku. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat merasmikan Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja pada 23hb. Oktober 2022. Projek penaiktarafan dan penambahbaikan bangunan tersebut adalah contoh Projek Restorasi dan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah yang digunakan semula menjadi bangunan *state of the art*, iaitu menjadi muzium yang mempamerkan kemajuan Industri Minyak dan Gas melalui teknologi terkini. Manakala, Projek Penambahbaikan dan Penaiktarafan Muzium Brunei pada masa ini berada dalam Fasa Ketiga iaitu pengubahsuaian ruang dalaman.;
5. Meningkatkan imej dan kebolehan negara di peringkat serantau dan antarabangsa melalui penganjuran kegiatan serantau dan antarabangsa. Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Komite *ASEAN* mengenai kebudayaan dan penerangan (*ASEAN-COCI*).

Pelaksanaan projek *ASEAN Walk* di Taman Rekreasi Sungai Damuan yang akan melengkapkan arca dari 10 buah negara *ASEAN*. Negara Brunei Darussalam akan menjadi negara pertama *ASEAN* yang akan melengkapkan 10 arca negara-negara *ASEAN* di negara ini.

Negara Brunei Darussalam bersama dengan Malaysia, Republik Singapura, Indonesia dan Thailand juga akan sama-sama mengangkat pemakaian Kebaya sebagai “Warisan Budaya Tak Ketara *UNESCO*” dan peningkatan dalam jumlah memorandum persefahaman bersama negara sahabat dalam bidang Kebudayaan, Warisan, Seni, Sejarah dan Bahasa. Penyertaan seperti ke *Muscat International Book Fair* merupakan salah satu contoh memanfaatkan platform memorandum persefahaman dalam bidang kebudayaan bersama dengan negara-negara sahabat.;

6. Penyediaan ruang budaya kepada masyarakat, melalui projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 antaranya termasuk:

- i. Dewan Majlis Lama sebagai Perpustakaan Negara (Koleksi Nadir) dan Galeri Seni Lukis Negara.;
- ii. Kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei telah siap disediakan pada awal tahun ini.;
- iii. Menjadikan Perpustakaan Bandar Seri Begawan menjadi Perpustakaan

Komuniti, menyediakan pelbagai kemudahan bagi masyarakat dan orang awam menimba ilmu dan berkarya menerusi konsep RELAKS iaitu Membaca, Hiburan, Riadah, Tarikan, Pengetahuan dan Perkongsian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sudah setentunya segala strategi dan tindakan yang telah kaola ketengahkan tadi hanya akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya melalui kerjasama dan sumbangan rakan-rakan strategik serta pelbagai pihak melalui *whole of nation*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ , dengan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat, kita akan dapat memperkukuhkan lagi usaha demi mencapai matlamat bersama iaitu “Bangsa Brunei Cemerlang”.

Demikianlah sahaja dan kaola ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan laluan menyampaikan mukadimah.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah menyampaikan mukadimahnya tentang perancangannya hala tuju dalam penyediaan Belanjawan

Kementeriannya Tahun Kewangan
2023/2024.

Kita telah mendengar beberapa perkara positif yang akan dilaksanakan dalam tahun yang berikut ini. Kita sentiasa berdoa, sasaran-sasaran dihuraikan itu akan dapat tercapai dengan sepenuhnya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang bagi Ahli Yang Berhormat yang suka turut serta membahaskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini.

Walau bagaimanapun, dengan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bagi membolehkan kita mengamat-amati tentang perkara-perkara yang disentuh Yang Berhormat, maka ada baiknya mesyuarat kita ini, Mesyuarat Jawatankuasa kita tangguhkan dan kita akan meneliti atau membahaskan tajuk ini dengan kepala yang lebih ringan pada esok hari, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dan mudah-mudahan kita akan menyelesaikan tajuk-tajuk yang berkenaan ini pada keesokan sebelum kita menamatkan mesyuarat kita besok petang.

Saya mencadangkan supaya Persidangan Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan persidangan kita ini kita tangguhkan dulu untuk kita berehat sesudah sepanjang hari kita bersidang, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada esok hari Selasa, 21hb. Mac 2023, seperti biasa mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 28hb. Syaaban 1444H/21hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keempat belas, hari Selasa, 28hb. Syaaban, 1444H bersamaan 21hb. Mac 2023M didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
 Kita bersyukur ke hadrat kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari keempat belas dalam Mesyuarat Pertama dari

Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan dan membincangkan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin menengguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditengguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu. Pada petang semalam sebagaimana yang kita maklumi Mesyuarat Jawatankuasa telah mula membincangkan Tajuk Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membentangkan mukadimahnyanya yang penuh komprehensif mengenai penyediaan Belanjawan ahun Kewangan 2023/2024 bagi kementerianannya.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan ada beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang suka untuk membuat kenyataan terhadap soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikemukakan yang belum sempat dijawab dan ingin menambah penjelasan yang belum lagi lengkap jawapannya bagi soalan-soalan yang dikemukakan pada petang semalam.

Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada kaola untuk menjelaskan jawapan-jawapan dari soalan-soalan yang tidak sempat dijawab semasa dikemukakan dalam sesi perbincangan semalam:

1. Kaola ingin menjelaskan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann mengenai geran tanah. Apakah proses bagi mempercepatkan mendapatkan hak milik geran tanah kepada penerima

Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang sudah melunaskan bayaran mereka?

Pada menjawabnya lazimnya bagi mana-mana pemilik rumah Skim Perumahan Negara yang telah melunaskan bayaran pinjaman rumah mereka, Jabatan Kemajuan Perumahan akan memaklumkan kepada Jabatan Tanah mengenai bayaran yang telah dilunaskan dan seterusnya untuk Jabatan Tanah mengeluarkan geran tanah atas nama pemilik rumah.

Proses pendaftaran dan pengeluaran geran bagi tanah-tanah dalam Skim Rancangan Perumahan Negara termasuk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati disediakan lazimnya dalam tempoh satu minggu. Jabatan Tanah akan terus meningkatkan lagi proses pentadbiran bagi mempercepatkan pengeluaran geran tanah seperti yang dibangkitkan ini.;

2. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga ialah aduan orang ramai mengenai tanda-tanda jalan, nombor-nombor simpang dan label-label kampung yang sudah kabur dan tidak kelihatan.

Pada menjawabnya Jabatan Ukur lazimnya membuat penggantian papan tanda simpang yang rosak atau kabur jika ia tidak lagi *visible* atau nombor tidak lagi kelihatan atau jelas. Sebagai langkah proaktif, Jabatan Ukur membuat pemantauan

yang berterusan dengan membuat *round* ke daerah-daerah dan membuat penggantian bagi papan tanda simpang sebagai contoh di Daerah Belait sepanjang tempoh bulan April 2022 sehingga bulan Mac 2023 sebanyak 109 papan tanda telah diganti.

Bagi papan-papan tanda jalan raya yang rosak, Jabatan Kerja Raya akan menggantikannya melalui kontrak penggal yang sedia ada. Selain itu, Jabatan Kerja Raya juga mengusahakan pembersihan mana-mana papan-papan tanda yang kotor dan kurang jelas.

Manakala bagi nombor rumah yang kabur disarankan pemilik rumah bolehlah menggantikannya secara persendirian dengan syarat ia jelas dan senang dilihat atau mendapatkan plat yang baharu dari mana-mana cawangan Jabatan Ukur dengan membawa dokumen-dokumen yang berkenaan;

3. Selanjutnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjelaskan satu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai jumlah kontraktor tempatan yang berdaftar di bawah *ABCI*. Pada menjawabnya, mengikut perangkaan pendaftaran syarikat pembinaan di Kementerian Pembangunan terdapat sejumlah 1,669 lesen pembina telah

dikeluarkan sehingga bulan Januari 2023. Dari jumlah tersebut sebanyak 582 syarikat adalah kontraktor tempatan 'kitani' iaitu 100% pemegang saham syarikat dimiliki oleh rakyat Melayu Negara Brunei Darussalam.;

4. Selanjutnya kaola mohon izin untuk menjelaskan satu persoalan yang tidak sempat dijawab semalam iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai pengusaha pertanian dan penternak dalam mengusahakan tapak pertanian yang memerlukan untuk membina struktur seperti bangunan semaian, stor dan tempat tinggal pekerja iaitu pihak syarikat tidak berkemampuan untuk melantik *qualified person* bagi membuat permohonan kelulusan kemajuan.

Setiap struktur yang dibangunkan hendaklah mencapai objektif dan *building performance* sekurang-kurangnya pada tahap minimum bagi memastikan keselamatan awam. Jadi keselamatan awam tidak diabaikan dalam bentuk aktiviti apa pun terutama yang melibatkan bangunan yang dihuni.

Tidak semua jenis bangunan perlu dihadapkan untuk kebenaran kemajuan bangunan di *ABCI* dan kebenaran perancangan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa tetapi masih perlu untuk dihadapkan reka

bentuk yang disahkan dan *disupervise* oleh *qualified person*.

Oleh itu, setiap perancangan dan kemajuan yang 'kitani' laksanakan mestilah berpanduan kepada peraturan yang menjaga dan memelihara persekitaran dan yang menitikberatkan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.

Dalam usaha mendukung pengusaha-pengusaha pertanian, pihak *ABCI* bersama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyediakan *blanket approval* bagi bangunan-bangunan yang tidak perlu dipohonkan kepada pihak *ABCI* untuk kebenaran seperti yang tersenarai di bawah *First Schedule Regulation 5 Insignificant Building Works, Building Control Regulation 2014* atau *Building Control Amendment Regulation 2018*.

Jenis bangunan yang dimaksudkan seperti satu tingkat bangunan yang digunakan untuk pertanian atau tempat tinggal binatang termasuk rumah semaian terlindung (*green house*) atau stor untuk mesin dengan syarat sebahagian bangunan tersebut tidak digunakan sebagai tempat tinggal atau pekerjaan seperti pembungkusan, pameran atau penjualan dan kedudukan bangunan ditempatkan tidak kurang dari 1.5 meter kali ganda ketinggian bangunan daripada bangunan-

bangunan berdekatan atau yang berdekatan dengan jalan akses.

Dalam pada itu, sukacita juga mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa bentuk kemajuan dengan skop kerja-kerja tanah yang melibatkan kerja pemotongan dan "penimbukan" tanah bagi penempatan bangunan-bangunan tersebut perlulah juga dihadapkan bagi kebenaran kemajuan sepertimana lazimnya melalui *qualified person*. Manakala kerja-kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan oleh syarikat pembinaan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.;

5. Selanjutnya Yang Berhormat Pengerusi, mohon izin untuk menjelaskan soalan yang dibangkitkan juga semalam oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman iaitu apakah status *PPP* yang pernah dibincangkan sebagai alternatif. Mengenai *PPP* untuk menghasilkan projek perumahan ia masih dalam perancangan dan kajian Jabatan Kemajuan Perumahan dengan *PCube*. Sebelum ini, disampaikan juga ada beberapa konsep yang telah diterokai bersama dan dikaji.

Walau bagaimanapun, belum lagi kesampaian untuk melihat satu projek dan konsep yang dipersetujui yang *viable* terutama sekali dari segi *economic viability*. Salah satu antara

keperluan untuk menyediakan perumahan dengan konsep *PPP* ini, ialah harga yang dapat diterima pakai kalau dengan penglibatan *private sector*.

Antara satu syarat rumah ini ialah "rumah yang mampu milik" dengan "harga yang mampu dimiliki". Sebab itulah perkara ini memang banyak memerlukan masa untuk mencari satu formula yang *economically viable* dan *acceptable* kepada pihak swasta. Pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan sedang menerokai beberapa konsep lagi untuk dikaji secara lebih mendalam lagi.;

6. Soalan daripada Yang Berhormat juga ialah mengenai JASTRe iaitu pengurusan landskap. Adakah termasuk kawasan baharu, tidak ada kawasan baharu sejak beberapa tahun ini, bajet untuk dipakai menaik taraf kawasan yang ada, JASTRe boleh lebih menonjol yang melibatkan pelajar sekolah-sekolah agar kesedaran menjaga kebersihan dan memelihara kecantikan alam sekitar dapat dipupuk.

Pada menjawabnya, peruntukan yang diberikan adalah untuk pengurusan kawasan-kawasan landskap yang sedia ada dan akan digunakan untuk menambah landskap di kawasan strategik mengikut keutamaan. Ini termasuklah menaik taraf kawasan landskap di Daerah Temburong

bermula dari jalan pekeliling jambatan Temburong dan sepanjang jalan menuju ke Pekan Bangar, dan kawasan-kawasan lapang yang belum dicantikkan dengan landskap. Selain itu, pada masa ini kerja-kerja mencantikkan jalan pekeliling Rasau yang terletak di Lebuhraya Seria-Belait sedang dijalankan dan dijadualkan siap dilaksanakan pada bulan April 2023.

Manakala di Daerah Tutong, projek menaik taraf dan mencantikkan 'Tambing' / Tatangan Taman Persiaran *Waterfront* Daerah Tutong dan juga kawasan berdepanan dengan Sungai Basong dirancang untuk dibuat dan dijadualkan untuk selesai dilaksanakan pada bulan Jun 2023.

JASTRe juga ada mengaktifkan taklimat-taklimat dan aktiviti di 16 buah sekolah sejak tahun 2021 melalui *platform* Sains, Teknologi, *Engineering, Design and Technology, Art and Mathematics (STEAM) Outreach Programmed* yang dikendalikan oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan dengan fokus utama yang ditekankan adalah berhubung kait dengan kebersihan dan penjagaan alam sekitar. Melalui aktiviti ini menjadi *platform* yang ada berhubung kaitnya dengan *engagement* bersama dengan pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut sekolah. Taklimat yang diadakan bertujuan untuk

memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar akan kepentingan penjagaan alam sekitar, pemeliharaan dan pemulihan alam sekitar serta pendekatan mengenai inisiatif 3R (*Recycle, Reuse and Reduce*).

Dengan adanya pendekatan ini, diharapkan dapat menyemai rasa tanggungjawab para pelajar dari peringkat awal lagi dan menggalakkan ke arah perubahan tabiat dan gaya hidup yang lebih mesra alam.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sambutan daripada pelajar-pelajar mengenai aktiviti ini dan juga kesedaran mengenai alam sekitar dan kebersihan adalah positif daripada *enthusiasm* yang ditunjukkan oleh para pelajar.;

7. Selanjutnya, kaola menjelaskan satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai soalan latihan praktikal dan peperiksaan Bahagian 3 *Practical Training* dan *Part 3 Examination* dikuatkuasakan sebelum pengeluaran lesen dalam *architecture* iaitu *architecture* dalam pembinaan dan seni bina.

Pada menjawab soalan ini, perlu dijelaskan bahawa untuk melayakkan seseorang menjadi seorang arkitek yang layak dan didaftarkan dengan lesen dan pendaftaran perlulah satu syaratnya lulus *Part 1, Part 2*

dan *Part 3*. *Part 1* ialah Sarjana Pertama (*First Degree*). *Part 2* ialah Sarjana Lanjutan iaitu *Master's Degree* dan *Part 3* ialah *exam* yang diperlukan oleh *Royal Institute of British Architects* bagi arkitek yang mengamalkan *practice* sebagai arkitek di United Kingdom.

Jadi persoalan ini mengenai adakah *Part 3 examination* ini dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam di bawah kawal selia BAPEQS iaitu *Board of Architecture, Professional Engineers and Quantity Surveyors* di Negara Brunei Darussalam yang diuruskan di bawah Kementerian Pembangunan. Dalam perkara ini perlu juga dijelaskan bahawa *Part 3 exam* ini *exam* yang dibuat di United Kingdom yang melalui syarat-syarat *examination* di *United Kingdom* yang juga memerlukan seseorang mempunyai pengalaman selama 3 tahun dalam bidang ini untuk layak menduduki *exam* ini dan boleh menjadi *architect* yang mengamalkan *practice architecture* di United Kingdom.

Mengenai *Part 3* di Negara Brunei Darussalam setelah beberapa pembaharuan *amendment* yang dibuat tidak memerlukan pelaksanaan *examination Part 3* ini yang mengikut syarat dan *module Part 3* di United Kingdom bahawa di bawah BAPEQS ini telah menyediakan satu *module* bagi Negara Brunei Darussalam, iaitu masih lagi sebelum seseorang itu

diberi lesen *architecture*, ia mesti lulus *qualified Part 1- First Degree, Part 2- Master's Degree* dan *Part 3* menduduki peperiksaan yang dikawal selia oleh *BAPEQS* (soalan-soalan *exam* yang disediakan oleh *BAPEQS*) dan panel tempatan terdiri daripada arkitek-arkitek tempatan berkolaborasi dengan Universiti Teknologi Brunei *School of Design*, yang menyelaraskan dan juga menyediakan *Part 3 exam* sebagai alternatif kepada *Part 3* yang dibuat di United Kingdom.

Perlu juga disampaikan bahawa negara Malaysia dan Singapura adalah antara dua negara tidak lagi mengamalkan *Part 3* seperti yang dikehendaki di United Kingdom dan mereka juga mempunyai *Part 3 module* mereka sendiri seperti yang telah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam melalui *Board of Architecture, Professional Engineers dan Quantity Surveyors* sebagai lembaga yang menyelia dan mengkhususkan *accreditation* bagi arkitek-arkitek yang layak setelah memenuhi syarat-syarat kelulusan *Part 1, Part 2* dan *Part 3* seperti yang disebutkan tadi.;

8. Pada menjawab soalan kedua daripada Yang Berhormat jua adakah *external Part 3 examination* dikawal selia sepenuhnya oleh arkitek tempatan yang berkecualan. Seperti yang dijawab juga tadi, *professional examination under Lembaga BAPEQS* dikawal selia oleh panel tempatan

yang terdiri daripada arkitek-arkitek yang berlesen di Negara Brunei Darussalam di bawah *BAPEQS* dengan kolaborasi bersama Universiti Teknologi Brunei *School of Design and Architecture.*; dan

9. Kaola menerangkan bagi soalan yang dibangkitkan semalam oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai Taman Rekreasi Batang Duri, Daerah Temburong apakah ada perancangan untuk menaiktarafkan taman tersebut? Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah memohon peruntukan pada Tahun Kewangan 2023/2024 bagi melaksanakan Program Pembangunan dan Pengurusan Taman Rekreasi Batang Duri termasuk projek menaik taraf sebanyak 21 kandang-kandang binatang dan pagar kandang 'payau' yang pada masa ini berjumlah 90 ekor yang terdapat di Taman Rekreasi Batang Duri.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi juga akan menyediakan, pusat maklumat (*information centre*) dan membina tandas awam dan surau atas permintaan orang ramai sebagai usaha untuk menyediakan kemudahan kepada pengunjung-pengunjung ke Taman Rekreasi Batang Duri.

Itulah jawapan yang dapat kaola sampaikan pada menjelaskan beberapa perkara yang belum sempat dijelaskan kelmarin. Kaola

mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada pagi ini tidak dapat hadir ke Dewan ini atas sebab-sebab peribadi yang tidak dapat dielakkan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa kita tangguhkanlah dulu perbahasan mengenai Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kita akan meneruskan pekerjaan kita untuk meneliti dan membincangkan tajuk-tajuk selanjutnya. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa kita telah memasuki hari keempat belas dalam permesyuaratan kita.

Maka saya berpendapat adalah perlu kita menyelesaikan perbincangan kita mengenai Belanjawan yang kita hadapi ini secepat yang mungkin. Maka saya cadangkan supaya kita beralih kepada tajuk kementerian selanjutnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Di bawah Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Tajuk Kementerian Kesihatan. Sebelum Belanjawan Kementerian Kesihatan ini kita bukakan untuk dibahaskan dan diteliti oleh jawatankuasa maka saya

ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan mukadimahnyanya tentang penyediaan Belanjawan bagi Kementerian ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ
لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اللَّهُمَّ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. الْحَمْدُ لِلَّهِ, bersyukur kita ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2023 bersamaan 1444.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Syukur kita ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya jua beserta dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita kini sudah dapat kembali menjalani kehidupan yang hampir kepada keadaan yang normal.

Setelah kira-kira 3 tahun mengharungi berbagai-bagai cabaran dan dugaan semasa berdepan dengan Pandemik *COVID-19* yang menguji kedayatahan atau *resilience* orang-orang Brunei dalam berhadapan dan memberikan tindak balas terhadap pandemik tersebut.

الْحَفْدُ لِلَّهِ, setiap cabaran ada hikmahnya. Pelbagai manfaat dan faedah telah diperolehi dari pengalaman-pengalaman semasa pandemik tersebut yang menjadikan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita sebuah negara yang lebih matang dan mantap dalam menangani apa jua krisis mahupun cabaran. Seperti firman اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5 dan 6 yang tafsirnya: "Oleh itu, maka sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepanjang Tahun Kewangan 2021/2022 dan 2022/2023, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa projek dan inisiatif ke arah mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Ini termasuklah

mendukung perkembangan Revolusi Industri 4.0 bagi memberikan kualiti kehidupan yang tinggi setaraf dengan negara-negara maju di dunia melalui transformasi digital dalam perkhidmatan kesihatan.

Kepesatan perkembangan teknologi yang kita saksikan semasa dunia dilanda Pandemik *COVID-19* telah banyak membantu pakar-pakar perubatan menjalankan rawatan klinikal dengan lebih berkesan, cepat dan tepat di samping membantu memulihkan kesihatan pesakit dengan cara yang selamat.

Penggunaan aplikasi *BruHealth* yang diperkenalkan pada tahun 2020 sebagai aplikasi pengesanan kontak atau *contact tracing* semasa Pandemik *COVID-19*, kini telah diperluaskan fungsinya melalui projek *BruHealth* Fasa II dan III iaitu penambahan ciri-ciri dan keupayaan lain seperti membolehkan pesakit mengakses rekod perubatan masing-masing termasuk keputusan ujian makmal dan *X-ray*, membuat perjanjian klinik dan tele-konsultasi, di samping mengukuhkan sistem penjanaan data bagi membantu Kementerian Kesihatan merancang program-program kesihatan yang bersesuaian.

Aplikasi *BruHealth* telah menembusi kehidupan sosial semua lapisan masyarakat di negara ini, sekali gus menaikkan tahap penggunaan digital di negara ini sehingga mendapat tempat di mata antarabangsa dengan pengiktirafan aplikasi tersebut di *Asia*

Pacific ICT Award (APICTA) di Islamabad, Pakistan pada bulan Disember 2022. Kejayaan yang mengharumkan nama negara ini membuktikan negara kita mampu bersaing dan berdiri megah setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang teknologi digital.

Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi pemangkin semangat untuk negara ini akan terus bergerak ke hadapan mengikut arus pemodenan dan membawa Negara Brunei Darussalam ke tahap yang lebih cemerlang.

Dalam mempromosikan amalan cara hidup sihat di semua lapisan masyarakat pula, Kementerian Kesihatan giat melaksanakan dan terus merancang beberapa program, kempen dan inisiatif. Sebagai contoh, kempen *BN on the Move* yang bertujuan untuk menggalakkan cara hidup sihat dengan meningkatkan tahap kegiatan fizikal melalui aktiviti-aktiviti senaman sama ada secara perseorangan atau secara berkumpulan. Kempen *BN on the Move* yang diselenggarakan dengan Cabaran Satu Bilion Langkah Bersama telah dilancarkan pada 14hb. Ogos 2022M.

Cabaran tersebut telah mendapat sambutan di luar jangkaan apabila ia telah dicapai dalam masa 8 hari, 3 jam dan 41 minit iaitu satu tempoh lebih pendek dari tempoh satu bulan dalam jangkaan awal dengan penyertaan lebih 43 ribu peserta. Susulan daripada kejayaan itu, cabaran kedua iaitu

Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama yang bermula pada 1hb. Oktober 2022M telah berjaya dicapai tepat pukul 7.20 malam pada 31hb. Disember 2022M melalui penyertaan lebih 74 ribu peserta.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kesihatan akan terus 'mengungkayahkan' aktiviti-aktiviti seperti ini yang merangsang penglibatan bersama orang ramai.

Bagi meningkatkan lagi keselamatan pesakit (*patient safety*), Kementerian Kesihatan telah melancarkan *Picture Archiving and Communication System (PACS)* pada 3hb. Oktober 2022M yang membolehkan rekod perubatan pesakit, imej *X-Ray* dan *ECG* dapat diakses di mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan di seluruh negara dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaratkan ke fasiliti-fasiliti kesihatan swasta. Sistem ini mempercepatkan proses kerja *clinical* yang berkaitan supaya rawatan yang tepat dan bersesuaian dapat diberikan kepada pesakit dengan segera.

Selain dari *PACS* beberapa pencapaian teknologi digital dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain juga sudah dimulakan dengan penggunaan mesin *Computer Assisted Design (CAD)* dalam perkhidmatan pergigian, *Therapy Data Management System (TDMS)* dalam perkhidmatan dialisis dan penambahan mesin *CT scan* bagi Perkhidmatan Radiologi terutama dalam menampung keperluan di daerah-daerah lain selain Daerah Brunei dan Muara.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan juga sedang melaksanakan penelitian terhadap penggunaan teknologi canggih dalam pengesanan dan rawatan awal masalah-masalah yang berkaitan dengan *diabetes* khususnya kesan terhadap penglihatan atau *diabetic retinopathy*.

Jika berjaya dilaksanakan sistem *Artificial Intelligence (AI)* saringan *retinopathy* ini akan menempatkan negara ini antara negara yang terawal dalam penggunaannya. Ini bererti fungsi dan produktiviti seseorang pesakit itu akan dapat dikekalkan dan seterusnya dapat menikmati kualiti dan kesejahteraan hidup yang berpanjangan.

Penubuhan *Intelligence Hub* yang telah dirasmikan pada 1hb. November 2022 merangkumi:

1. *Epidemic Intelligence and Response Unit* yang berfungsi sebagai pusat *surveillance* bagi mengawal penularan penyakit-penyakit berjangkit di negara ini.;
2. *Climate Change Adaptation and Resilience Unit* dan.;
3. *Digital Health Unit* adalah antara usaha-usaha Kementerian Kesihatan untuk memperkukuhkan sistem kesihatan yang mempunyai daya respons yang cekap terhadap ancaman kesihatan pada masa akan datang.

Data-data yang dihasilkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan

mengatur strategi dan mempersiapkan sumber-sumber penting bagi memastikan keselamatan kesihatan di negara ini. Usaha ini adalah juga pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Awal Tahun Baharu Masihi 2023 bahawa baginda menyeru untuk kita menceburi bidang-bidang baharu seperti *big data cloud computing*, tenaga hijau (*green energy*) dan teknologi mesra alam (*environmentally friendly technology*).

Ke arah pengukuhan sistem kesihatan negara yang mantap dengan adanya kepakaran-kepakaran yang disesuaikan dengan keperluan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberikan secara berterusan, profesional-profesional kesihatan yang diperlukan hendaklah mencukupi, bersesuaian dan berkemahiran.

Tahun Kewangan 2022/2023 telah mencatatkan jumlah Ahli Profesional Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan seperti berikut: Seramai 806 orang Doktor dan Doktor Pergigian, seramai 2,557 orang Jururawat, dan seramai 416 orang Ahli Profesional Kesihatan Bersekutu yang lain. Ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan Tahun Kewangan 2020/2021 yang mencatatkan seramai 738 orang Doktor dan Doktor Pergigian, seramai 2,517 orang Jururawat, dan seramai 313 orang Ahli Profesional Kesihatan Bersekutu.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan meningkatnya jumlah profesional kesihatan, beberapa perkhidmatan kesihatan telah dapat diperkembangkan lagi dalam pelbagai disiplin dan kepakaran yang antara lain termasuk perubatan sukan, penjagaan paliatif, kepakaran dalam penyakit-penyakit berjangkit dan perkhidmatan pemindahan organ (organ *transplant*) khususnya pemindahan buah pinggang.

Walaupun secara kasarnya, jumlah profesional kesihatan terus meningkat dari tahun ke tahun namun ia masih belum mencukupi. Antara sebabnya ialah perkembangan dan penambahan jenis-jenis perkhidmatan kepakaran yang disediakan di hospital-hospital dan klinik-klinik.

Untuk mengatasi perkara ini, beberapa usaha sedang giat 'diungkayahkan' untuk mempercepatkan pengambilan ahli-ahli profesional kesihatan melalui kerjasama dengan pihak-pihak perubatan swasta dan akademia, selain mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan tertentu dalam meneliti dan mengemas kini skim perkhidmatan bagi profesional kesihatan serta menambah baik proses pengambilan.

Ini sedikit sebanyak akan menarik minat ahli-ahli profesional kesihatan yang sedia ada untuk terus berkhidmat demi bangsa dan negara. Kementerian Kesihatan komited untuk terus berikhtiar meneroka kaedah-kaedah baharu yang lebih inovatif dan strategik dalam penjanaaan sumber tenaga manusia bagi

memantapkan sektor kesihatan di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ perkembangan infrastruktur dalam sektor kesihatan awam juga terus diberi perhatian. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11, Projek Pembinaan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong yang dijangka akan siap pada bulan April ini akan menambah jumlah bilik-bilik konsultasi bagi Perkhidmatan Penjagaan Asasi dan Perkhidmatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak seperti bilik pengasingan dan tambahan ruang bagi perkhidmatan-perkhidmatan seperti konsultasi pemakanan, psikologi, psikiatri, klinik berhenti merokok dan pergigian. Dengan adanya tambahan-tambahan ini, para pesakit akan dapat menjalani rawatan dalam keadaan yang lebih selesa dan waktu menunggu bagi para pesakit juga akan dapat dikurangkan.

Manakala, di Daerah Belait pembinaan bangunan Perkhidmatan Kecemasan yang baharu di Hospital Suri Seri Begawan akan dimulakan sedikit masa lagi dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun hadapan. Projek di bawah RKN-11 ini tersasar tarikh pelaksanaannya untuk memberi ruang bagi pelantikan konsultan binaan hospital yang bertanggungjawab bagi memastikan setiap proses dan aliran kerja mematuhi piawaian antarabangsa. Pembinaan bangunan baharu ini akan memberikan kawasan yang lebih luas dan selesa bagi para pesakit dan ahli keluarga mereka yang datang

mendapatkan rawatan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ penaiktarafan Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital ini, akan dapat mengurangkan masa menunggu dan melancarkan proses pengurusan kes-kes kecemasan mengikut keutamaan. Ia juga akan dapat memperkukuhkan pengawasan bagi keselamatan pesakit dan kakitangan yang bertugas dengan lebih baik dengan infrastruktur yang selamat dan terkawal, di samping meningkatkan kepuasan pelanggan.

Sementara itu Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit di Daerah Tutong juga telah siap dibina. Dilengkapi dengan kelengkapan peralatan-peralatan makmal virologi yang canggih, makmal tersebut telah mula digunakan pada bulan November 2021. Keupayaan makmal tersebut untuk menjalankan kajian genetik atau *genetic sequencing* bagi patogen penyebab penyakit-penyakit berjangkit akan dapat mendukung kesiapsiagaan negara dalam pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan menjamin keselamatan kesihatan awam di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan masih mempunyai cabaran-cabaran yang perlu ditangani dengan teliti demi memelihara kedayatahanan sistem kesihatan dan

juga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, ke arah negara yang mempunyai rakyat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi. Ini termasuklah peningkatan kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit. Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan beban peningkatan kadar penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit atau *NCD*.

Meskipun usaha-usaha pengawalan penyakit tidak berjangkit dipertingkatkan dari tahun ke tahun, namun bilangan penghidap penyakit-penyakit kronik semakin meningkat. Sebagai contoh jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan kaedah Terapi Gantikan Buah Pinggang (*Kidney Replacement Therapy*) telah meningkat dari sejumlah 698 kes pada tahun 2015 kepada sebanyak 913 kes pada tahun 2021. Manakala dalam tempoh yang sama sejumlah 15 kes kanser baharu tidak menunjukkan sebarang pengurangan yang signifikan.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga diramal akan berhadapan dengan peningkatan jumlah Warga Emas yang ketara. Pada tahun 2011, sebanyak 5.7% daripada keseluruhan penduduk di negara ini adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Kadar ini meningkat dua kali ganda kepada 10.1% pada tahun 2021 dan dijangka akan meningkat lagi kepada sebanyak 28% pada tahun 2050.

Justeru Kementerian Kesihatan berusaha untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan

masyarakat, termasuk mempromosikan 'penuaan sihat' atau *healthy ageing* dalam kalangan Warga Emas. Namun usaha ini juga bergantung pada kesedaran dan kemahuan orang ramai untuk berusaha mengubah cara hidup seperti dengan mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang, melakukan kegiatan fizikal secara tetap dan membuang tabiat yang boleh merosakkan kesihatan seperti merokok, meminum alkohol dan mengambil bahan-bahan terlarang seperti narkotik dan produk-produk yang diragui keselamatan dan keberkesanannya, yang boleh membahayakan tubuh badan.

Bagi memastikan dasar-dasar yang digubal dan program-program yang 'diungkayahkan' adalah berasaskan dapatan-dapatan sains yang berkualiti, menepati sasaran dan memperoleh pemahaman yang lebih baik daripada orang ramai, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) sedang membuat persiapan bagi penubuhan sebuah unit khas iaitu *Unit Behavioural Insights*. Unit ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan-perubahan positif dalam kalangan orang ramai dan memperkasa orang ramai untuk mengurus kesihatan mereka dengan lebih baik.

Untuk terus mengenal pasti keperluan kesihatan rakyat dan penduduk, Kementerian Kesihatan juga menitikberatkan penjaan data dan maklumat bagi mengetahui status kesihatan rakyat dan penduduk.

Ke arah ini, Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali Ketiga (*NHANSS*) sedang dilaksanakan. Sepertimana kaji selidik sebelumnya, maklumat yang diperolehi akan dapat memberikan gambaran mengenai amalan cara hidup dan juga trend pemakanan dalam kalangan rakyat dan penduduk yang sangat berguna dalam perancangan dasar dan perkhidmatan dalam Kementerian Kesihatan supaya perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah mengikut keperluan, bersesuaian dan diberikan dengan lebih berkesan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat juga perlu ditangani dengan lebih mendalam. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kes-kes berkaitan kesihatan mental atau yang menjurus kepada masalah kesihatan mental didapati semakin meningkat sehingga menyebabkan kehilangan nyawa, pengurangan produktiviti dan menjejaskan kehidupan masyarakat.

Menyedari betapa pentingnya isu kesihatan mental di negara ini dan sesuai dengan kepimpinan Negara Brunei Darussalam dalam Sidang Kemuncak *ASEAN* 2021 dalam isu kesihatan mental, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025 pada bulan November tahun lalu yang mengambil pendekatan *whole-of-government* di samping memupuk penglibatan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam sama-

sama menangani isu ini dalam kalangan masyarakat 'kitani'.

Kejayaan dalam melaksanakan Pelan Tindakan tersebut adalah bergantung pada setiap pihak yang berkepentingan bagi sama-sama memikul tanggungjawab dan menggunakan sumber-sumber yang ada dalam memainkan peranan masing-masing, di samping memupuk nilai-nilai kenegaraan dalam melahirkan individu yang sihat, resilien dan produktif.

Ke arah ini, satu ciri baharu dalam aplikasi *BruHealth* yang dikenali sebagai "*Health Index*" telah diperkenalkan pada bulan November 2022, penilaian menyeluruh status kesihatan yang merangkumi aspek kesihatan mental boleh dilakukan. Melalui penilaian tersebut, markah atau skor kesihatan yakni *Health Score* akan dihasilkan yang bertujuan membantu orang ramai mengetahui faktor-faktor risiko cara hidup yang memberi impak terhadap kesihatan masing-masing termasuk kesihatan mental. Ini akan membolehkan orang ramai mengambil tindakan aktif untuk memelihara kesejahteraan dan kesihatan diri.

Perbelanjaan kesihatan yang semakin meningkat terutama sekali dalam kos pembelian ubat-ubatan dan penyediaan peralatan perubatan adalah juga merupakan satu cabaran bagi Kementerian Kesihatan. Ini sedikit sebanyak adalah juga berpunca daripada peningkatan penyakit-penyakit kronik

tidak berjangkit sepertimana yang saya kongsi tadi.

Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani perkara ini ialah bekerjasama dengan sebuah syarikat *GLC's* yang berfungsi sebagai *single buyer* atau *monopsony* bagi semua agensi kesihatan di negara ini dan ini sekali gus akan dapat mengawal harga ubat-ubatan di pasaran tempatan.

Selain cabaran-cabaran tersebut, Kementerian Kesihatan juga perlu sentiasa bersiap sedia dengan ancaman-ancaman kesihatan awam seperti pandemik, bencana alam dan kemalangan kimia. Salah satu tindakan bagi mengukuhkan kesiapsiagaan tersebut ialah dengan menjalankan *After Action Review (AAR)* selepas Pandemik *COVID-19* ini, yang bertujuan bagi meneliti tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh setiap pihak yang berkepentingan semasa Pandemik *COVID-19* untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kesiapsiagaan pada masa hadapan di samping menilai keberkesanan pelaksanaan serta impaknya terhadap kebajikan, sosioekonomi negara dan perkembangan sosial terutamanya golongan orang tua, kanak-kanak dan *vulnerable groups*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Belanjawan Kementerian Kesihatan
Tahun Kewangan 2023/2024
bertemakan: "Kesihatan adalah

Tanggungjawab Semua", sejajar dengan tema Belanjawan negara iaitu: 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur (*Building a Prosperous Future Together*)'. Tema ini membawa pengertian yang sangat penting bagi Kementerian Kesihatan untuk sama-sama 'menanainya' kerana ia menggariskan betapa pentingnya kesiapsiagaan dicapai dengan menggunakan sumber-sumber yang diperolehi dengan cara yang lebih berekonomi dan cekap agar matlamat organisasi tercapai.

Mengulas sedikit mengenai tema: "Kesihatan adalah Tanggungjawab Semua" ini. Pada Kaola, generasi yang bertanggungjawab ke atas kesihatan diri sendiri dan juga kesihatan sekelilingnya mencerminkan masa depan negara yang lebih positif. Dengan adanya rakyat yang sihat, generasi akan datang akan lebih produktif dan mampu menjana pertumbuhan sosioekonomi negara yang mampan.

Di sepanjang tempoh negara kita berdepan dengan Pandemik *COVID-19* yang sedikit sebanyak mengganggu keselesaan dan keharmonian kehidupan harian rakyat dan penduduk di negara ini, rakyat dan penduduk negara ini telah menunjukkan sikap bertanggungjawab, prihatin dan bekerjasama atas nasihat-nasihat yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Majoriti penduduk di negara ini memberikan kerjasama dan mematuhi arahan-arahan dan nasihat-nasihat

kerajaan bagi mengawal penularan jangkitan penyakit berkenaan, sesuai dengan pendekatan *whole of nation*. Inilah yang akan kita jadikan sebagai satu kekuatan yang akan membawa kepada perubahan ketara dalam pencapaian kesihatan negara pada masa akan datang, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, jumlah Belanjawan yang disokong Tahun Kewangan 2023/2024 ialah berjumlah \$418,098,270.00 Peningkatan sebanyak 8.3% dari jumlah Belanjawan yang diluluskan pada tahun kewangan sebelumnya adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti kenaikan harga pasaran ubat-ubatan, kos rawatan yang semakin tinggi dan bertambahnya bilangan pesakit yang memerlukan rawatan. Adalah dijangkakan, perkara-perkara ini akan terus menyumbang kepada peningkatan anggaran keperluan Belanjawan Kementerian Kesihatan dari tahun ke tahun.

Sementara itu, dalam Tahun Kewangan 2022/2023 ini setakat bulan Januari 2023, sebanyak 95% kekosongan jawatan klinikal telah dikenal pasti dan komited untuk diisi. Pengisian jawatan adalah bagi pengambilan baharu dan kenaikan pangkat. Kementerian akan terus berusaha menangani cabaran-cabaran bagi memastikan pengisian jawatan dapat dilaksanakan dalam waktu yang tepat seperti yang dijangkakan atau *timely* demi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan klinikal di Kementerian Kesihatan kepada

rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Mengambil kira tempoh masa Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 telah disambung selama setahun lagi, Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti dua projek utama yang dirancang dalam RKN-12 untuk disegerakan dalam RKN-11. Projek-projek itu Pembinaan Blok Baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Projek Sistem *Bru-HIMS 2.0*.

Pembinaan blok baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang akan memberikan tambahan sebanyak 500 buah katil adalah bertujuan untuk memberikan lebih banyak ruang rawatan kepada perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang semakin bertambah dan berkembang luas. Ini juga adalah untuk memenuhi jangkaan peningkatan jumlah pesakit, di samping untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menangani situasi-situasi kecemasan seperti pandemik dan *major medical emergencies*.

Selain itu, projek ini juga akan menghasilkan kecemerlangan dalam perkhidmatan perubatan melalui penubuhan *Centre's of Excellence* dalam bidang-bidang tertentu ke arah menjadikan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebuah pusat perubatan yang memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan dipercayai.

Projek Sistem *Bru-HIMS 2.0*
pula bertujuan untuk

memperkembangluaskan keupayaan sistem *Bru-HIMS* yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2012. Dalam tempoh lebih 10 tahun sejak pelaksanaannya, terdapat kira-kira 750,000 rekod perubatan aktif dan seramai 6,000 pengguna *Bru-HIMS* aktif dicatatkan dan dalam usianya yang sedemikian, sudah setentunya sistem ini memerlukan pembaikan dan pembaharuan. Ini khususnya mengambil kira peningkatan dalam jumlah keperluan pengguna dalam kalangan profesional kesihatan dan perkembangan teknologi yang sangat pesat. Penambahbaikan ini nanti merangkumi beberapa ciri seperti sistem *Intelligent Electronic Medical Record (EMR)*, *Intelligent Care Plan and Clinical Pathway Recommendation* dan sistem data yang berstruktur.

Dengan ciri-ciri utama ini, sistem ini akan dapat memberikan penilaian risiko kesihatan, meramalkan *diagnosis* dan pembentukan Pelan Penjagaan Peribadi, mengumpul data secara berstruktur bagi meningkatkan kualiti data dan pelbagai keupayaan-keupayaan sistem yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, matlamat utama Kementerian Kesihatan melalui Pelan Strategik 2019-2023 ialah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan.;
2. Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit.;
3. Perlindungan Kesihatan Awam Melalui Dasar dan Peraturan yang Berkesan.;
4. Kelestarian Melalui Pengoptimuman Sumber dan Inovasi.; dan
5. Tadbir Urus yang Telus dan Proaktif.

Dengan yang demikian, cadangan pelaksanaan untuk mencapai arah tuju berkenaan, Kementerian Kesihatan akan memfokuskan kepada 6 kluster berikut:

1. Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Ini antaranya termasuk penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, penambahbaikan fasiliti, membina kakitangan yang terlatih dan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dan berkesan; dan
2. Menilai secara berterusan perkhidmatan yang lebih baik dikendalikan sendiri atau dikendalikan secara penyumbaran luar. Antara amalan terbaik atau *best practice* yang dikendalikan oleh perkhidmatan klinikal di bawah Kementerian Kesihatan ialah penyumbaran luar atau *outsourcing* perkhidmatan bukan klinikal oleh pakar-pakar dalam bidang-bidang tersebut yang diyakini dapat

mengendalikannya dengan lebih baik dan pada masa yang sama, membolehkan Kementerian Kesihatan memfokuskan sepenuhnya kepada penyampaian perkhidmatan klinikal yang merupakan tanggungjawab teras (*core business*) di kementerian ini.

Projek-projek yang dirancang dalam Tahun Kewangan 2023/2024 memfokuskan kepada 3 teras utama seperti berikut:

1. Memperkenalkan satu piawaian yang akan digunakan dalam perkhidmatan bukan klinikal bagi membolehkan syarikat-syarikat yang dilantik mencapai kualiti yang dikehendaki.;
2. Menyenarai pendekkan syarikat-syarikat yang berkemahiran dan mempunyai kakitangan yang terlatih dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti, yang sekali gus akan memberi ruang bagi anak-anak tempatan dilatih dan menjana peluang-peluang pekerjaan.; dan
3. Bekerjasama dengan institusi tempatan termasuk institusi swasta untuk sama-sama mengendalikan program-program yang dikehendaki mencapai kemahiran yang dikehendaki terutama bagi anak-anak tempatan.

Selaras dengan itu, antara skop kerja baharu yang telah diperkenalkan sepanjang tahun 2022-2023 ialah penyumbaran luar perkhidmatan *porter*

yang telah menjana sebanyak 208 peluang pekerjaan bagi anak tempatan yang sebahagian besarnya tidak memerlukan latihan kemahiran yang tinggi.

Dengan adanya perkhidmatan *porter* swasta ini dapat menampung kekurangan bilangan kakitangan atendan hospital yang diperlukan bagi memenuhi skop perkhidmatan yang bertambah di hospital-hospital.

Berhubung penambahbaikan infrastruktur pula, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan siapnya blok tambahan di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong nanti, perkhidmatan perubatan khususnya penduduk yang berdekatan akan dapat dikendalikan dengan lebih berkesan.

Dalam masa yang sama, dengan bantuan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan telah mengendalikan perkhidmatan bas pengangkutan dari Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong ke Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong bagi menangani masalah letak kereta yang terhad di kawasan berkenaan.

Seterusnya bagi meningkatkan saringan kesihatan penduduk bagi penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit. Kementerian Kesihatan akan terus membuat pelaburan untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini, terutama sekali dalam mengurangkan kadar kematian pramatang iaitu kematian di bawah usia

70 tahun, akibat penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Selain kematian pramatang, penyakit-penyakit tidak berjangkit juga boleh mengakibatkan hilang keupayaan, kurang produktiviti dan impak-impak ekonomi dan sosial yang lain yang boleh memberi kesan terhadap perancangan dan visi negara kita. Kementerian Kesihatan sangat komited dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan rawatan yang berkualiti kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Walau bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan dalam pencegahan dan pengesanan awal penyakit-penyakit melalui program-program saringan tertentu. Pengesanan dan rawatan awal penyakit-penyakit ini akan mempertingkatkan kelangsungan hidup (*survivality*), mengekalkan kualiti kehidupan dan membolehkan seseorang itu untuk terus produktif serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Selain itu, pengesanan dan rawatan awal pada jangka masa panjang juga akan menghasilkan penjimatan kepada kerajaan. Sebagai contoh, kos rawatan bagi kanser peringkat permulaan adalah dalam purata \$20,000 bagi setiap pesakit, berbanding dengan \$100,000 bagi setiap pesakit yang menjalani rawatan kanser pada peringkat kedua. Ini bermakna terdapat penjimatan sebanyak kira-kira \$5 juta setahun jika pesakit-pesakit tersebut dikesan lebih awal.

Ini selaras dengan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa bagi setiap ringgit yang dibelanjakan untuk program pencegahan akan menghasilkan purata penjimatan sebanyak \$10 dalam jangka masa panjang.

Dalam pada itu, sebagai salah satu langkah ke hadapan kaedah saringan genomik bagi penyakit-penyakit tertentu juga telah dimulakan dan di masa akan datang konsep rawatan terkini menggunakan *genomic banking* juga mungkin akan diterokai.

Bagi meningkatkan kemampuan perkhidmatan makmal dengan ujian-ujian makmal yang semakin hari semakin maju dan canggih, Pewujudan beberapa ujian tertentu yang terkini seperti ujian keselamatan dan pengesanan pencemaran ke atas produk-produk ubat-ubatan dan juga makanan yang dijalankan secara tempatan mampu membantu Perusahaan Mikrokecil Dan Sederhana (*MSME*) dalam menjana ekonomi dalam negara dan mendukung dalam import/eksport barangan atau makanan.

Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama dan mendukung usaha-usaha oleh agensi-agensi yang berkepentingan dalam industri-industri tersebut. Untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak swasta seperti dengan kaedah *Public-Private Partnership (PPP)* melalui *Program Fiscal Consolidation (FCP)*.

Di samping dapat membantu mengembangkan ekonomi dalam sektor kesihatan, ia juga mendukung hasrat negara ke arah ekonomi yang mampan. Ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan peluang-peluang pekerjaan bagi belia menceburi perkhidmatan dukungan di sektor awam dalam bidang kesihatan.

Bagi meningkatkan hasil kerajaan melalui amalan kutipan hasil yang cekap dan memberi kemudahan akses kepada perkhidmatan dan rawatan, Kementerian Kesihatan sentiasa mendukung inisiatif-inisiatif ke arah mengukuhkan ekonomi dan kewangan negara seperti memudahkan tatacara pembayaran melalui pembayaran secara *digital* di kaunter-kaunter sebagai salah satu amalan kutipan hasil yang efisien dan dari masa ke masa mengemaskini skim-skim pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan dengan mengambil kira perkembangan arus semasa dan kadar inflasi.

Ke arah mengurangkan bebanan tunggakan kutipan hasil, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan untuk meneliti dan mengemas kini perlindungan insurans perubatan yang komprehensif bagi pekerja asing.

Inisiatif ini juga mempunyai nilai tambah dalam memastikan penjagaan kesihatan pekerja-pekerja asing di negara ini terjamin, di samping memastikan produktiviti dan kesejahteraan mereka

sepanjang tempoh mereka bekerja di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk negara ini melalui pemberian perkhidmatan yang cemerlang dan memastikan operasi harian berjalan lancar. Ini termasuk memastikan bekalan ubat-ubatan dan peralatan perubatan sentiasa mencukupi. Pemeliharaan peralatan perubatan dilaksanakan agar peralatan-peralatan tersebut selamat untuk digunakan dan pemeliharaan fasiliti-fasiliti kesihatan sentiasa terus dan selamat bagi pesakit dan profesional serta pekerja kesihatan.

Kesihatan adalah tanggungjawab bersama. Rakyat yang sihat akan melahirkan negara yang makmur yang dapat menjamin kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk di dalamnya.

Kita haruslah bersyukur kerana dapat menikmati hidup yang aman dan tenteram dengan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi melalui pelaburan yang besar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sektor kesihatan. Semoga dengan adanya kesedaran kita terhadap nikmat yang telah diberikan ini, kita akan dapat sama-sama melaksanakan tanggungjawab

sebagai rakyat yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat, mengikut saranan dan mengikut saranan dan nasihat daripada pakar-pakar kesihatan dan yang paling penting bersandarkan kepada sunnah نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ seperti mana hadis Baginda: "Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu". (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Sekian saja, yang ingin kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus Belanjawan Kementerian Kesihatan Tahun 2023/2024 serta pencapaian Tahun 2022/2023 sebagai mukadimah.

Kaola sukacita mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ini.

Sebelum mengundur diri, izin kan Kaola menutup mukadimah dengan pantun:

Walau mendung menyelubungi
matahari,

Namun mentari tetap bercahaya,
Marilah bersenam setiap hari,
Agar kesihatan sentiasa terjaga.

Pergi ke laut waktu gerimis,
Perahu dilabuh berhati-hati,
Kurangkan makan makanan manis,
Pilihlah buah dan sayur jadi ganti.

Anak keempat digelar Uti,
Adiknya pula dipanggil Uda,
Amalkan pengambilan air putih,
Elakkan yang manis dan bersoda.

Yang Berhormat Pengerusi: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas huraian dan penjelasan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Kesihatan yang telah dibuat dengan cukup jelas, teliti dan teratur dan saya kira setentunya akan menarik minat pihak-pihak yang berkenaan untuk membahaskannya kemudian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi membolehkan kita meneliti apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai hala tuju Belanjawan kementeriannya. Atas permintaan ramai, maka saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini selama 20 minit bagi membolehkan kita berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula selepas kita berhenti rehat bagi menimbangkan dan meneruskan untuk membahaskan Rang Undang-Undang (2023), Perbekalan 2023/2024 satu per satu.

Sebentar tadi, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengemukakan mukadimahnyanya yang cukup jelas dalam penyediaan

Belanjawan Kementerian Kesihatan Tahun Kewangan 2023/2024.

Sebelum itu, saya difahamkan juga bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin meminta laluan bagi mengemukakan kenyataan untuk menjawab soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya pada petang kelmarin.

Maka saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Sebagai maklum balas kepada perkara-perkara yang diajukan kelmarin oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin pada hari Isnin, 27hb. Syaaban 1444 bersamaan 20hb. Mac 2023M semasa perbahasan menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyambut baik keprihatinan dan usulan Yang Berhormat. Berkaitan permasalahan yang ditimbulkan kepada pekebun-pekebun, pengusaha ladang, petani tempatan berhubung persyaratan bagi penyediaan tempat tinggal pekerja, letak kereta, pembinaan *green house* dan sebagainya di tapak pertanian. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, usaha berterusan sedang dilaksanakan

bersama dengan agensi-agensi berkaitan termasuklah pihak *ABCI*.

Seperti yang dinyatakan pagi tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menerima kebenaran secara menyeluruh (*blanket approval*) daripada pihak *ABCI* bagi memberikan kebenaran dan sokongan kepada mana-mana permohonan untuk membangunkan rumah semaian atau rumah terlindungi iaitu *green house* termasuk kemudahan asas di tapak *KKP* pada 13hb. September 2021 tanpa merujuk semula kepada *ABCI*. Ini termasuklah bekalan tenaga elektrik dan bekalan air bagi *green house* tersebut.

Kerja-kerja pembinaan *any single-story building use for agriculture* seperti *farm house* adalah termasuk dalam senarai *insignificant building works* di bawah *Building Control (Amendment) Regulation, 2018*. Pihak penguasa tidak perlu menghadapkan permohonan kepada pihak *ABCI* bagi pemeriksaan struktur bangunan.

Walau bagaimanapun, pihak syarikat dimestikan melantik orang yang berkelayakan yang berdaftar sebagai *profession engineer* di Kementerian Pembangunan untuk mengurus permohonan ke agensi-agensi berkenaan seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) untuk diteliti keperluannya bagi memastikan bekalan tenaga elektrik dan bekalan air domestik dari sumber

berdekatan mencukupi dan tidak menjejaskan penggunaan orang awam.

Pengiraan yang lain yang dikategorikan sebagai *significant building* antaranya seperti penginapan pekerja, pejabat, reban masih memerlukan kebenaran dan sokongan dari pihak *ABCI*.

Sehubungan itu, pihak abiskaola melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ada menyediakan beberapa cadangan pembaikan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Perkara ini akan dirundingkan selanjutnya dengan pihak *ABCI* iaitu dalam usaha untuk mempecepatkan lagi pembukaan dan *setting up modern farming* dengan kos yang berpatutan dan tidak terlalu membenani pihak peladang.

Pada masa yang sama, memastikan sebarang pembinaan di tapak pertanian memenuhi piawaian *standard* kesihatan, keselamatan, persekitaran.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika sekiranya ada sudah *conclusion* berkenaan dengan perundingan ini, akan disebarikan kepada pihak pengusaha, peladang dan penternak, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan memulakan membincangkan tajuk Kementerian Kesihatan. Bersama saya di sini, ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka ikut serta

untuk membincangkan belanjawan Kementerian Kesihatan ini. Senarai ini juga agak panjang nampaknya.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى النَّبِيِّ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam Sejahtera. اللَّهُمَّ lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan dengan perancangan Kementerian Kesihatan ke arah mengurus Belanjawannya. Semoga apa yang dirancang akan mencapai hasrat yang diharapkan، إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

Di Dewan ini, kaola ingin jua menjawab pantun Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi:

Air putih sebagai minuman,
Buah-buahan sihat jadikan hidangan,
Izinkan kaola memberi cadangan,
Semoga rakyat mendengar dalam perbincangan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh berkenaan dengan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong iaitu ke arah menyediakan perkhidmatan yang inklusif.

Kaola membawa suara orang ramai, rakyat di Daerah Temburong khususnya, yang memohon agar perkhidmatan Klinik Berkhatan tetap disediakan di hospital berkenaan. Ketika ini orang ramai khususnya yang tinggal di Daerah Temburong terpaksa pergi ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan klinik-klinik swasta di Bandar Seri Begawan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Sehubungan itu, abiskaola memohon jasa baik dan pertimbangan agar dapat menyediakan perkhidmatan Klinik Berkhatan di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di Daerah Temburong.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Di negara kita memang perkhidmatan berkhatan adalah diutamakan. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

I think because of COVID-19, dalam dua ke tiga tahun perkhidmatan berkhatan ini ditiadakan dan menimbulkan *waiting list* dalam 1,000 lebih orang.

Pihak perkhidmatan kesihatan terutama sekali dengan perundingan Jabatan *Surgical* telah 'mengungkayahkan' tatacara untuk memastikan orang-orang yang menunggu diberi tarikh dan ada yang sudah menjalaninya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan

kerana membolehkan mereka berkhatan semasa bersekolah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ untuk penduduk di Daerah Temburong akan diusahakan untuk dimulakan semula pada masa akan datang mengenai perkhidmatan berkhatan di hospital tersebut. Ia diberhentikan disebabkan oleh Pandemik *COVID-19*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola merujuk Kod Penjagaan Kesihatan Asasi.

Tentang Warga Emas. Difahamkan semasa Sesi Muzakarah yang lalu bersama Kementerian Kesihatan, kaola mengambil maklum mengenai peningkatan jumlah bilangan Warga Emas di negara ini. Ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam mukadimah sebentar tadi.

Kaola difahamkan bahawa adanya penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas serta juga adanya perkhidmatan jururawat, *home base nurses* yang datang ke rumah-rumah untuk membantu Warga Emas seperti mengambil darah dan sebagainya. Agama Islam mewajibkan anak-anak untuk menjaga ibu bapa dan bukan budaya kita untuk menempatkan ibu bapa di rumah-rumah kebajikan.

Justeru itu, adalah penting untuk mendidik masyarakat umum terdiri daripada ahli keluarga yang menjaga Warga Emas (*family care*) dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu berkaitan cara-cara untuk penjagaan Warga Emas. Adalah juga penting bagi *family care* ini bagi mengetahui dan menangani emosional dan *psychological effect* menjadi penjaga Warga Emas dan bukannya senang.

Oleh itu, kaola ingin mencadangkan untuk dipertingkatkan lagi jumlah dan kemahiran *home base nurses* ini untuk mendidik dan sebagai pemudah cara bagi ahli keluarga dengan pengetahuan dan kemahiran penjagaan Warga Emas. *Home base nurses* ini juga perlu diberikan latihan dan pengetahuan dalam bidang *physiotherapy*. Mereka juga disyorkan untuk mengendalikan program-program serta kursus-kursus yang berpatutan kepada ahli-ahli keluarga bakal menjadi *family care* di pusat-pusat kesihatan dan Pusat Kegiatan Warga Emas.

Melibatkan belia dalam perancangan aktiviti di Pusat Kegiatan Warga Emas *partnership* dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Menubuhkan *volunteer group* terdiri daripada para belia untuk menjaga *carer* terutama kepada Warga Emas yang tidak mempunyai keluarga.

Pihak kerajaan juga memberi pinjaman bagi peralatan-peralatan seperti katil, *electro-medical bed*, kerusi roda dan sebagainya. Ada juga orang-orang

kita menghulurkan wakaf untuk kegunaan peralatan-peralatan ini bagi kesejahteraan pengguna orang ramai. Namun, peralatan-peralatan ini difahamkan adalah dalam keadaan yang sangat terhad.

Justeru itu, kaola mencadangkan agar pihak Kementerian Kesihatan untuk mengawal selia (*regulate*) harga-harga yang *affordable* bagi peralatan-peralatan tersebut untuk tidak membebankan Warga Emas dan keluarga mereka.

Mengenai kesihatan mental (*mental health*). Merujuk kepada Sesi Muzakarah yang lalu bersama Kementerian Kesihatan, kaola mengambil maklum mengenai peningkatan kes-kes bunuh diri (*suicide*) yang ada hubung kaitnya dengan kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam yang juga meningkat. Menurut *World Health Organization*, pada tahun 2019 kadar bunuh diri (*suicide*) *rate* di Negara Brunei Darussalam adalah sebanyak 2.7% kematian bagi setiap 100,000 orang. Isu ini sangat membimbangkan dan kaola berpendapat ia perlu ditangani dengan segera.

Menangani kesihatan mental bukan mudah kerana adanya pandangan segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa kesihatan mental ini menjurus kepada keadaan seseorang yang 'tidak siuman atau sakit jiwa'.

Pihak Kementerian Kesihatan telah pun berusaha ke arah menangani isu ini antaranya, dengan menyediakan Talian

Harapan '145' yang dibukakan untuk diguna pakai oleh individu yang mengalami *mental health* dan mengongsikan apa jua permasalahan yang dihadapi.

Kementerian Kesihatan juga sudah menyediakan *Mental Health Strategic Planning* yang komprehensif dan menyediakan perkhidmatan yang sedia ada seperti *Clinical Psychology Services*, *Community Psychology*, *Psychiatric Services* di keempat-empat daerah dan *Mental Health Strategy Unit*, *Health Promotion Centre*.

Satu cadangan kaola, pada pandangan kaola, nama-nama perkhidmatan terutama seperti *psychiatric* membawa kepada sudut-sudut negatif *connotation* untuk kesihatan mental. Kaola mencadangkan supaya nama-nama ini ditukar kepada satu pendekatan yang lebih positif dan proaktif terhadap kesihatan mental.

Contoh, dengan menukar nama perkhidmatan tersebut sebagai "Pusat Kesejahteraan Mental (*Mental Wellness Centre*) atau Klinik Kesihatan Mental". Pertukaran nama ini membawa kepada (*semi-log changes*) dan mengurangkan *stigma* terhadap orang-orang yang menghadapi kesihatan mental seperti orang yang "tidak siuman atau sakit jiwa". Difahamkan bahawa banyak negara sedang mengambil langkah-langkah untuk menghapus *stigma* mengenai masalah mental dan juga mempromosikan kesedaran serta dukungan bagi kesejahteraan mental.

Sebagai contoh di Canada, Kempen *Bell Let's Talk* mempromosikan kesedaran terhadap kesihatan mental, penerimaan dan tindakan yang dibina atas 4 tonggak utama (*4 pillars*) memerangi *stigma*, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan mental, menyokong penyelidikan bertaraf dunia dan memberi contoh terbaik dalam kesihatan mental di tempat kerja.

Selain itu, mempunyai Klinik Kesejahteraan Mental yang dikenali sebagai pusat kesejahteraan (*wellness centre*). Manakala di United Kingdom telah melaksanakan kempen *time to change* yang bertujuan untuk mengakhiri diskriminasi dan stigma terhadap kesihatan mental. *Perhaps* 'kitani' dapat mengadakan kempen yang sama dengan tema tersendiri, contoh *time to listen*.

Dalam hal ini, sebagai satu usaha menggalakkan orang ramai meluahkan permasalahan mereka secara santai dan bersifat keterbukaan mengenai isu-isu kesejahteraan dan kesihatan mental, kaola mencadangkan untuk ditubuhkan *peers support group*.

Tujuan *peers support group* ini membolehkan individu menyuarakan permasalahan yang sedang dihadapi atau sudah dihadapi secara terbuka. Sesi ini hendaklah dikendalikan atau *facilitate* oleh pegawai kaunselor yang bertauliah. Dicadangkan sebagai permulaan, *peers support group* ini disarankan dimulakan di sekolah-sekolah menengah dan juga Institusi Pengajian Tinggi.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat tadi mengenai soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang diajukan.

Terutama sekali izinkan kaola menyahut mengenai *homebased nursing* dan Warga Emas. Warga Emas ini, Kementerian Kesihatan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, terutama sekali dalam pengurusan Pusat Kesihatan Warga Emas seperti di Daerah Tutong dan di Lambak, Daerah Brunei dan Muara dalam memastikan mereka ini masih aktif *among the peers*, mereka berkumpul dan membuat aktiviti-aktiviti sesama mereka.

Homebased nursing is actually slightly different. Homebased nursing ialah penjagaan rawatan bagi sesiapa saja yang memerlukan, tidak semestinya Warga Emas.

Kalau ada orang muda yang mengalami strok ataupun trauma selepas kemalangan (*accident*) dan sebagainya yang memerlukan rawatan, mereka diberikan juga oleh *homebased nursing*. Walau bagaimanapun, seperti saranan Yang Berhormat tadi mengenai *homebased nursing* ini diambil baik. Memang tugas *homebased nursing* itu bukan sahaja mengambil darah dan memberi ubat dan sebagainya.

Ia ditugaskan juga seperti *an advocate* untuk cara-cara bagaimana membuat pencegahan yang baik terhadap orang yang dijaga tersebut dan meninjau jua ataupun menilai yang dijaga ini *to make sure they are not burnt out* atau merasa terasing dengan menjaga mereka *the whole time*. Tetapi, perkhidmatan ini terhad disebabkan terhadnya jumlah Jururawat. Kalau di daerah-daerah lain, tidak dapat semua diadakan perkhidmatan ini kecuali di Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Manakala di Daerah Temburong dan Daerah Tutong sangat terhad dan ini memang diakui dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan adanya penambahan jumlah Jururawat pada masa akan datang, *homebased nursing* inilah yang dapat menolong hospital-hospital jika ini dari segi masalah *bed acute*.

Sebab kalau seseorang itu sudah mengalami misalannya, strok dan *medically* boleh dibuat dan tidak lagi, kata orang setakat itu sahaja penjagaannya pesakit tersebut dan kalau keluarga pesakit ini tidak membawa pesakit balik ke rumah, maka pesakit tersebut *end up in the hospital* berbulan-bulan atau bertahun-tahun.

Maka adalah untuk kepentingan semua jua untuk memastikan pesakit ini tidak tinggal lama di hospital kerana risiko di hospital ada kuman lagi, infeksi dan sebagainya. Ini akan memudaratkan pesakit terutama sekali masalah orang strok yang tinggal lama di hospital.

Seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, agama 'kitani' sangat menekankan mengenai anak-anak sendiri untuk menjaga 'indung'nya. Bukan budaya kitani untuk menghantar mereka 'ke sana ke mari' untuk dijaga d rumah orang tua dan sebagainya.

Pihak Kementerian Kesihatan sangat menyahut apa yang ditegur oleh Yang Berhormat tadi mengenai kepentingan anak atau adik-beradik untuk menjaga yang sakit itu terutama sekali kalau 'indung'nya. Sebelum pesakit itu balik, selalunya pihak *Physiotherapy* dan *Occupational Therapy* akan meninjau rumah seseorang itu lebih dahulu sama ada pesakit itu sesuai untuk balik atau sebaliknya.

Jika misalannya tidak ada kesesuaian, seperti tempat tandas ada *special arrangement* supaya kalau berdiri dan berhajat, ada tempat pemegang supaya tidak terjatuh atau tumbang. Jika ini tidak ada ataupun memerlukan kerusi roda, dan keluarga tersebut tidak mampu maka perkara ini akan dibawa oleh *Occupational Therapist* dan *Physiotherapist* kepada *Medical Social Worker* di Kementerian Kesihatan.

This Medical Social Worker akan menemu duga keluarga pesakit tersebut dan mereka akan *assess whether* mereka ini mampu atau tidak untuk keperluan penambahan seperti kerusi roda ataupun penambahbaikan tandas dan sebagainya.

Jika mereka tidak mampu, *Medical Social Worker* ini akan membantu pesakit sama ada melalui JAPEM, MUIB ataupun *fund*. Di hospital kadang-kadang ada dana, jika yang berkenaan tidak dapat membantu misalannya JAPEM, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah atau MUIB maka dana akan dikeluarkan dari hospital, khas untuk pesakit tersebut untuk membeli kerusi roda dan sebagainya.

Maka orang ramai tidaklah juga ketirisan dan kerajaan sangat mengambil berat mengenai kesejahteraan pesakit-pesakit tersebut dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dengan SKN baru-baru ini pun, Yang Berhormat dan lain-lain mungkin mengetahui bahawa orang yang menjaga pada masa ini diberikan elaun untuk menjaga orang tua ataupun sesiapa pun saja yang dijaganya itu.

Itu dari segi keperluan *homebased nursing* yang kaola nyatakan tadi, saranan Yang Berhormat itu diambil baiklah mengenai penambahan *nurses* untuk *homebased nursing* dan mungkin *to be more holistic in terms of training* itu jua.

Mengenai *Physiotherapists*, memang ada *homebased* juga itu tetapi samalah juga ceritanya kekurangan *Allied Health Professionals* ini menyukarkan bagi mereka untuk memenuhi semua keperluan di seluruh negara. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan peningkatan jumlah *Allied Health Nursing*, ia akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Dari segi *mental health*, memang diakui *data* menunjukkan jumlah orang

membunuh diri dalam beberapa tahun kebelakangan ini meningkat. Sebab itu 'kitani' menubuhkan *Helpline '145'* pada tahun 2019 dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, mulai 1hb. Mac tahun ini, ia sudah beroperasi selama 24 jam.

Memang tidak dinafikan juga, stigma itu masih ada maka Kementerian Kesihatan terutama sekali melalui Pusat Promosi Kesihatan dan Jabatan Psikiatri berusaha dalam pelan strategiknya untuk orang ramai *to stigmatise* kesihatan mental ini.

Ia mesti dianggap macam penyakit lain jua seperti penyakit diabetes, jantung. Ia sepatutnya tidak membezakan pesakit depresi *diabetes* sama sahaja. Ia tidak sepatutnya mendiskriminasi seseorang terutama sekali di tempat kerja.

Di samping itu juga, Kementerian Kesihatan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan seperti yang disampaikan sebelum ini jua, mengenai masalah *mental health not just among students but among teachers to facilitate the referral* dan *confidentiality* dan *access to care is there*. Beberapa usaha telah dipastikan untuk memudah cara dan bukan sahaja dari segi *referral*, *access* dan *confidentiality of the patient* itu.

Mengenai saranan menukar nama *psychiatric* ini, اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan difikirkan. Tetapi kalau menukar masih lagi ada stigma. *So, we need to put the balance*. Apa yang kita mahu kalau ada orang *diagnosis* depresi or *bipolar* ini 'inda' didiskriminasi. Itulah tujuan paling

utama. Walau bagaimanapun, akan dipertimbangkan kesesuaiannya dan kadang-kadang ada *input* daripada pesakit jua kalau mereka mahu, *then* **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dilaksanakan.

Seperti di negara luar mengenai *support peer group* ini, memang sangat penting. Beberapa *best practice* di negara lain terutama sekali dari Korea dan negara barat yang lain bagaimana mereka menangani masalah *mental health* misalannya dari segi untuk menurunkan bunuh diri ini sebab banyak *best practice* dan ini sedang ditunduki jua dengan agensi-agensi berkepentingan untuk bagaimana menyelaraskannya *to whole of government approach and whole of nation approach*.

Mengenai dengan *NGO's*, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** *Health Promotion Centre* atau Pusat Promosi Kesihatan dua tahun lepas membawa rakan-rakan kongsi dan salah satu daripadanya *is The Brunei Red Crescent* yang mereka ini adalah *the arms of MOH* dalam menolong menangani masalah mental.

Walaupun bagaimanapun, matlamat ataupun *in terms of training* perlu diselaraskan dengan Kementerian Kesihatan dan bahagian *psychologist* dan sebagainya.

Dari segi sekolah-sekolah seperti yang dinyatakan sebelum ini jua, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan sedang menduduki beberapa kaedah untuk memudah cara lagi bagi penuntut-penuntut ataupun guru-guru untuk

meminta bantuan ataupun bagi yang memerlukan nasihat kesihatan mental, dan mengurangkan stigma.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bagi menyambung apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi mengenai isu *Mental Health* ini.

Kaola ingin juga menambah pada tahun 2021, Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi *ASEAN* membuat satu inisiatif untuk menangani isu *mental health* secara serantau memandangkan pada masa itu *COVID-19* telah banyak membuat isu *mental health* ini timbul dalam kalangan rakyat dan penduduk serantau *ASEAN*.

Walaupun bagaimanapun, Australia sebagai negara sahabat telah memberi bantuan secara *bilateral* kepada Negara Brunei Darussalam bekerjasama untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran menangani isu-isu *mental health* ini bukan saja dari segi *suicidal needs, suicidal actions* ini, tetapi juga dari segi *anxiety* dan pelbagai jenis *level of mental health* yang perlu ditangani.

Seperti mana Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul

Mumin menyatakan tadi isu untuk memahaminya dengan mendalam dan untuk menanganinya bersama secara "peer" atau kepakaran. Jadinya, peluang-peluang meningkatkan kerjasama dan kepakaran ini dapat juga diusahakan menerusi hubungan dua hala bersama negara-negara sahabat.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِلَهَ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana telah mengongsikan tumpuan-tumpuan yang akan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2023/2024 yang cukup jelas, komprehensif dan terperinci.

اللَّهُ أَجْمَعِينَ nampaknya banyak inisiatif Kementerian Kesihatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, yang

kaola mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif-inisiatif dan pencapaian-pencapaian yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Cuma ada beberapa perkara yang ingin kaola kongsi mungkin untuk pencerahan mahupun cadangan. Yang Berhormat Pengerusi sebagai rekod sahaja lebih dahulu kaola dengan bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى ingin menyembahkan kesyukuran, tahniah dan penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas usaha-usaha berterusan kerajaan baginda melalui Kementerian Kesihatan bersama-sama agensi-agensi yang lain dalam kerajaan terutamanya seluruh warga Kementerian Kesihatan, pekerja-pekerja barisan hadapan (*frontliners*), sukarelawan-sukarelawan dan juga semua yang terlibat yang telah bertungkus-lumus menjaga kepentingan dan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini semasa pandemik.

Yang Berhormat Pengerusi. Perkara kedua yang kaola ingin bawakan ialah mengenai Bajet Kementerian Kesihatan Tahun Kewangan 2023/2024. Kaola perhatikan ia telah ditambah sebanyak kira-kira B\$30 juta. Penambahan yang terbesar ini ialah dari Kod 005/007 - Pengurusan Sistem Maklumat dan Data Kesihatan yang bertambah hampir \$18 juta dari \$8.4 juta kepada \$26.3 juta.

Kaola ingin dapat penjelasan soalan-soalan berikut:

1. Apakah sistem maklumat yang akan dilaksanakan ini? Adakah ia satu sistem baharu? Jika sistem baharu, apakah akan terjadi kepada sistem yang lama? Kaola berharap sistem ini juga akan memuatkan aspek-aspek *change management* yang berterusan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam mengurus dan menggunakan sistem ini.; dan
2. Penambahan terbesar yang kedua ialah dalam Kod Akaun Penjagaan Kesihatan *Secondary, Tertiary* yang bertambah hampir \$10 juta dari \$209 juta kepada \$220 juta. Pertambahan terbesar ialah Kod Akaun 004/005 - Perkhidmatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebanyak hampir \$5 juta. Manakala Perkhidmatan Renal ditambah sebanyak kira-kira \$1.6 juta dan perkhidmatan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait ditambah sebanyak kira-kira \$1.3 juta.

Kaola menyokong pertambahan ini kerana ia akan dapat meningkatkan keselesaan para pesakit di hospital-hospital ini. Kaola berharap pelaksanaan penaikan taraf dan pembaikan kemudahan-kemudahan ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin supaya sungutan yang disuarakan oleh orang ramai akan dapat ditangani dengan sempurna.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan bagi pembelian ubat-ubatan ini dari setahun ke setahun sentiasa bertambah. Pada Tahun

Kewangan 2022/2023, jumlahnya pun sebanyak \$60.2 juta dan pada Tahun Kewangan 2023/2024 ia telah ditambah sebanyak kira-kira \$0.5 juta.

Ini memang difahami disebabkan oleh *ageing population* dan *affluent lifestyle* rakyat dan penduduk di negara ini. Mungkin pada waktu ini, kita masih mampu untuk memberikan perkhidmatan ini secara komprehensif selaras dengan dasar "pemberian perkhidmatan perubatan percuma kepada seluruh rakyat di negara ini".

Pada masa akan datang, mungkin ia akan memberikan cabaran yang berat kepada Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat telah pun menerangkan beberapa langkah bagi mengurangkan perbelanjaan ini. Namun demikian, kaola masih berpendapat pengkajian yang menyeluruh masih perlu diadakan bagi menurunkan perbelanjaan pembelian ubat-ubatan ini secara keseluruhannya.

Ini termasuklah kempen-kempen kesedaran, *direct outsourcing*, mengukuhkan *inventory system* bagi mengelakkan pelupusan ubat yang telah *expired* mahupun penerangan-penerangan yang telus mengenai perbelanjaan yang melibatkan dalam pembelian ubat-ubatan ini kepada orang ramai dan lain-lain lagi.

Yang terakhir, kaola perhatikan dalam Bajet Rampaian di bawah kawalan Jabatan Perbendaharaan jumlah yang kerajaan bayar bagi perkhidmatan

perubatan *JPMC* telah disediakan sebanyak \$30 juta setahun.

Dalam pengalaman kaola, bertugas beberapa tahun di Kementerian Kewangan *in reality* jumlah ini sebenarnya sentiasa bertambah setiap tahun yang memerlukan kerajaan menambah peruntukan ini dari semasa ke semasa.

Oleh itu, kaola ingin pencerahan adakah sudah dibuat kajian untuk meneliti kadar-kadar yang lebih kompetitif dikenakan oleh institusi tersebut kepada pesakit-pesakit yang *direfer* ke pusat perubatan tersebut? Perkara ini perlu diteliti dengan saksama sebagai langkah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan supaya ia lebih *affordable* dan *sustainable*.

Dalam pada itu, sebagai langkah menjadikan pusat perubatan pakar ini akan lebih kompetitif, apakah langkah-langkah ke hadapan pusat ini untuk menarik lebih ramai pesakit-pesakit luar ke negara ini supaya ia akan dapat sekurang-kurangnya mengurangkan kos pemberian perkhidmatan secara menyeluruh?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Jadi secara menyeluruh saja kaola menyatakan memang peningkatan sistem *IT* ini disebabkan penambahbaikan, sejumlah \$18 juta *is*

mainly BruHealth, ia ada dua sistem *IT* yang besar di Kementerian Kesihatan, satu *Bru-HIMS*. *Bru-HIMS is a medical record, system medical record*. *BruHealth* itu ialah *software* yang *extract data* dari *Bru-HIMS*.

BruHealth itulah yang kita lihat dalam telefon. *Bru-HIMS is the actual medical record*, 'kitani' tidak dapat melihat melalui telefon. Jadi *BruHealth* ini, seperti 'kitani' maklum mula-mula digunakan ialah sebagai pengesanan kontak *or contact tracing during pandemic* dan untuk pengawalan-pengawalan sekatan waktu itu 'kitani' ada kod 'hijau', 'merah', 'ungu' dan sebagainya dan juga rekod vaksinasi *or certificate*.

Jadi dengan 'kitani' beralih kepada *endemicity* dengan apa yang ada di *BruHealth* ini, dengan pencapaian penggunaan penduduk sangat memberangsangkan, *almost 90%* penduduk Negara Brunei Darussalam *register* kepada *BruHealth*.

Dengan adanya *good outcome* daripada *pandemic* tersebut, *BruHealth* ini dilaratkan untuk menambah baik sistem perkhidmatan kesihatan seluruh negara dengan tujuannya untuk *empower* setiap orang, memberi pengetahuan yang lebih baik lagi mengenai kesihatan dirinya sendiri, dari segi ubat-ubatan, alergi, *X-ray, result*, perjanjian dan ada telekonsultasi.

Dengan ini, ia memerlukan penambahan belanja dan dari segi *tertiary* kegunaannya mengenai *BruHealth* ini *is a big data research platform* untuk *phase '3'* dan ia jua untuk *data registry* terutama sekali untuk masalah jantung, kencing manis dan kanser.

Seperti saya sampaikan dalam mukadimah jua, ia adalah *platform* untuk *Health Index*, untuk setiap individu boleh mengukur kesihatan *index*nya dan untuk melaratkan dan memantapkan lagi mengenai pengesanan awal penyakit (*early detection*) *National Health Program* dan akan diadakan jua *Diabetes Management App* dan *Queue Management System*. *These \$80 million all encompass these phases '2' dan phase '3.'*

Dengan adanya *BruHealth* ini, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kesihatan dari segi perancangan melalui *Artificial Intelligence behind it* dapat merangka ataupun meramal apakah kemaslahatan kesihatan negara yang akan dialami dalam 15 ke 20 tahun, dari itu kita dapat membuat persediaan misalannya kencing manis akan meningkat dengan lebih ramai lagi orang, *unfortunately*, akan dipotong kakinya dan sebagainya.

Kita perlu membuat persediaan dari segi *prosthesis* dan *rehab* dan sebagainya. Perkara seperti ini mengambil masa, dari segi ketersediaan pegawai-pegawainya dan bangunannya dan sebagainya. Jadi *it's not a simple software. It's the AI (Artificial Intelligent) behind it*, ia akan memberi *input*

kepada Kementerian Kesihatan dalam persediaannya pada masa akan datang. Saya juga sebutkan tadi *registry*. *Registry* ini adalah penting kerana dengan *registry* ini, kita akan tahu angka sebenar berapa orang menghidap kanser. Masa ini data ini 'di sana sini', *pathology* lain, *Bru-HIMS* lain. Dengan adanya *data disease registry* ini, 'kitani' akan lebih memahami keadaan sesuatu penyakit dan macam mana kitani *deliver the service* dan pembaikan yang boleh diadakan.

Mengenai penjimatan yang saya sebutkan dalam mukadimah, ditekankan ialah pengesanan awal *especially non-communicable diseases* terutama sekali kanser. Masa ini dengan pengetahuan atau ilmu yang bertambah baik, kita boleh mengawal ataupun mengesan dengan *genomic sequencing* lebih awal.

Misalannya, pesakit muda yang ada *breast cancer* dalam usia 30 tahun, selalunya kanser ini 50 tahun ke atas. Jika pesakit itu memberi keizinan bagi kansernya itu untuk diambil *genetic sequence*. Dalam *genetic sequence*, kita akan mencari *genes* yang menyebabkan mendapat kanser dan kalau ada *genetic sequence* yang kita ketahui yang memang berkaitan dengan *for example breast cancer*, keluarga pesakit tersebut akan dipanggil juga untuk *check genetic sequence*.

Misalannya ia terdapat *genetic sequence* yang sama walaupun ia masa itu tidak menunjukkan simptom atau tanda-tanda *cancer*, keluarga tersebut akan membuat

saringan awal tetapi lebih kerap. Ia akan kerap membuat *breast screening*nya dan dari sana kita akan dapat mengesan lebih awal.

Bila *cancer* ini dikesan pada *Stage I* dengan *survivability* bagi *cancer* ialah lebih daripada 90%, berbanding kalau dengan *Stage IV* yang jangka hayat dalam masa 5 tahun cuma 10%. *Stage III or IV* pun kalau ada, rawatannya *it's a bit expensive* kalau ia memerlukan *surgery* dan *intensive care*, *radiotherapy chemotherapy*, dan *on average* is \$200,000.00 setahun. Kalau ia dikesan awal, misalan ada *Stage I* sahaja, kos *surgery*nya dalam \$5,000.00 *and that's it*, tidak lagi ada sambung-sambung *treatment* lain. *Stage I, if it's clear margin* إِنَّ شَاءَ اللَّهُ *it's cured*.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menekankan kepentingannya membuat saringan awal ini bukan sahaja *to improve survivability but in terms of cost in the future because* kita mahu generasi kanak-kanak kita mampu juga mendapat *healthcare* seperti ini bahawa semua penduduk atau rakyat negara ini dapat menerima rawatan secara 'percuma' apa sahaja.

Tidak banyak di dalam dunia ini yang menerima kemudahan seperti kita, kita bersyukur ke hadrat اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita dapat menikmati kemudahan ini.

Dari segi perbelanjaan keseluruhannya ialah dengan peningkatan *non-communicable diseases* ini. Lebih ramai yang masuk ke hospital, perbelanjaanya akan meningkat dari setahun ke setahun.

Itulah dari beberapa tahun kebelakangan ini *because of COVID-19*, pengesanan saringan awal ini tidak berjalan lancar. Dengan ini, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ke hadapan Kementerian Kesihatan akan berusaha lebih keras untuk memastikan saringan ini mendapat sambutan orang ramai. Walaupun ada tetapi sekiranya orang ramai tidak membuat, akan payah juga. *So, educating the public is another priority* oleh Kementerian Kesihatan.

Perbelanjaan di RIPAS itu juga ialah beberapa penambahbaikan akan dibuat terutama sekali bilik bedahnya akan ditambah baik, dari segi *improving breast screening* dengan pemeriksaan dibuat di tempat yang sama dan pembaikan dan pengubahsuaian beberapa wad seperti Wad '5', Wad '25', Wad '15' dan menambah *ICU*.

Wad '10' akan diubah suai untuk menjadi *ICU* tambahan sebagai *ICU* baharu. Jabatan *Orthopedic* juga akan diubah suai untuk memberi keselesaan kepada orang ramai. Tambahan-tambahan di *RIPAS* ialah pengubahsuaian infrastruktur.

Satu lagi yang besar belanjanya ialah *PABX*. Orang ramai mungkin menelefon dan tidak menjawab, namun bukan tidak menjawab akan tetapi *PABX* rosak. Pelbagai cara sudah dibuat untuk

membbaiki tetapi tidak berhasil, *so we are going to replace it. We spent so much money on 'mengusai-usai' inda jua baik, so we are going to spend properly on a new PABX System* dan diharap ini akan memberikan *better service to the public*. Mengenai ubat-ubatan. Salah satu langkah penjimatan atau pengurangan belanja ubat-ubatan ini seperti dalam mukadimah kaola tadi ialah *we engaged with a local GLC's* yang dapat *collect more volume of the medicine, the end of the day is all about the volume*. Kalau *volume* itu tinggi, maka ia jadi semakin murah.

Jadi dengan *GLC's* ini, ia dapat *combine* jumlah ubat dari Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak swasta. Dengan adanya *volume* yang lebih banyak, akan dapat mengurangkan perbelanjaan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** walaupun hanya baharu dalam 50% *all the procurement* yang mereka buat tetapi sudah dilihat ada penjimatan dari segi perbelanjaannya.

Walau bagaimanapun, ia akan dipantau *because* dengan keadaan geopolitik pada masa ini menyebabkan banyak ubat-ubatan dan sebagainya yang *related to healthcare, costnya* meningkat. Mahu dilihat lagi akan keberkesanannya.

Salah satu lagi cara penjimatan ialah *educating the public*. Tidak semua tetapi ada sebahagian orang yang diberi ubat tetapi tidak memakan ubat. Ada yang diberi ubat untuk sebulan, minggu depan ada datang lagi dan melaporkannya hilang ubat. Kalau orang sakit jantung, kencing

manis atau *cholesterol, it cost about \$2,000.00* untuk seorang.

Kalau kita datang ke klinik dan memberi tahu bahawa ubat kita hilang yang untuk sebulan itu, *that's \$2,000.00*. Itulah salah satu usaha Kementerian Kesihatan ialah *to educate the public the importance of taking the medicine* dan menghargai perbelanjaan kerajaan untuk memastikan kesejahteraan mereka.

Jadi, *they really need to appreciate because it is not cheap, cost of healthcare will never be decreasing but it is always increasing*.

Oleh sebab ada *demand and supply* antara *central supply* or pesakit, or even *worse*, kalau pesakit itu diberi 6 bulan dan sebulan kemudiannya melaporkan ubatnya hilang dan sebagainya, *that's 5 bulan supply* hilang.

Sebab itulah, ubat tidak diberi 6 bulan kecuali ada yang tertentu seperti orang yang hendak belayar. Oleh yang demikian, pada masa ini diberi had untuk sebulan sahaja. Untuk mengurangkan *wastage* ini ialah saya sebutkan tadi *we go for the GLC's* yang mengumpulkan *volume* untuk kementerian dan pihak swasta.

Kedua 'pemberigaan' kepada orang ramai mengenai kepentingan untuk mengambil ubat dan memakannya mengikut peraturan dan menjaga ubat ini, jangan sampai hilang dan sebagainya.

Ketiga ialah *effective management of procurement and storage* supaya tidak ada *wastage*. Pihak *central procurement* mesti pandai menimbang keperluan itu. Melihat dari *system*, sekiranya menempah sedikit dan *suddenly* ada *surcharge* kurang ubat yang diperlukan, tetapi sekiranya menempah banyak dan kurang penyakit menjadikan ubat berlebihan yang sedia ada.

Inilah yang perlu diperbaiki dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan *Bru-HIMS* ini nanti penambahbaikan *Bru-HIMS 2.0* ia akan bukan saja memudah cara tetapi ia akan memantau dengan lebih baik kerana dengan 2.0 dari 1.2 *is another a full system*. Pihak *storage material management* dapat memantau dengan lebih baik dan dapat membuat peruntukan yang lebih baik untuk memastikan ubat ini sentiasa ada.

Dari segi *JPMC* ialah *Gleneagles JPMC*. *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* is a private entity iaitu kerajaan tidak membiayai. Dan *Gleneagles JPMC is a different entity is another* 'sendirian berhad', iaitu pusat jantung 'kitani'. Ini diakui \$30 Juta itu sebagai anggaran sahaja kita tidak pasti berapa orang masuk. Selalunya ia akan bertambah. Kementerian Kesihatan terpaksa memohon kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi sekiranya ada keperluan. Memang diakui dalam 2-3 tahun ini ia akan menjangkau ke \$40 juta ke atas.

Mengenai *competitive, is a still volume of scale*. Sekiranya ubat sahaja kita

membeli \$100 ribu dan harga \$20.00. Tetapi kalau membeli sejuta ia akan menjadi murah. *Volume or scale is different*. Ada juga *distributor* pun tidak mahu berbincang disebabkan *volume* yang sedikit.

Untuk mengawal harga dari segi *health security* dan untuk memastikan ubat-ubatan sentiasa mencukupi, perundingan ada juga dibuat dengan negara-negara jiran yang kita dapat berkongsi atau menumpang dengan *procurement* ini. Tapi tidak semudah itu, banyak *medical legahya*. Perbincangan sudah dibuat dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ mudah-mudahan ia akan membawa hasil. Satu lagi kenapa kita payah membuat *medical tourism* ini.

Sebelum ini untuk rakyat payah menampung seperti katil yang tidak mencukupi dan sebagainya. Itu perlu juga difikirkan dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan penambahan blok baharu nanti mungkin dengan kepakaran yang ada pada masa ini, kita boleh *start gradually, but not must* tetapi kita *highlight what we have here and what other services can we do*. Misalannya dari segi *Cardiac Centre*, kita setanding dengan negara maju. *So, we are very proud of that*.

Harganya tidak dapat mencapai atau melawan sebahagian negara di rantau ini yang *exchange ratenya is quite challenging. Although it's a challenge but it's not imposible*. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan kerjasama pihak-pihak kepentingan 'kitani' dapat melangkah ke hadapan dengan *medical tourism* ini juga.

Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kesihatan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 اللَّهُ أَكْبَرُ Kaola merakam ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan dengan usaha-usaha ke arah memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan. Semoga semua dapat dilaksanakan dengan sempurna. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

Kaola sukacita bercakap berkenanan dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong. Ke arah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang inklusif kepada masyarakat, kaola menerima beberapa rungutan daripada orang ramai berkenaan dengan ketiadaan 'perkhidmatan bersalin'. Orang ramai terpaksa ke Hospital RIPAS bagi mendapatkan perkhidmatan berkenaan.

Sehubungan itu, kaola ingin tahu kenapa perkhidmatan masih belum ada disediakan di hospital berkenaan? Apakah perancangan jangka pendek bagi menyediakan perkhidmatan bersalin, khususnya perkhidmatan bersalin secara normal sahaja?

Yang kedua, kaola difahamkan Kementerian Kesihatan pernah menubuhkan Ahli Lembaga Pelawat Hospital-Hospital di Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin pencerahan, apakah status ahli lembaga pelawat berkenaan?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Masalah di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diketahui dari dulu. Sebelum ini, ada *service* tersebut dan pada masa ini ditiadakan. Ditiadakan memang senang tetapi mengadakan balik memang susah.

Bagi masalah bersalin, ia bukan sahaja memerlukan Bidan tetapi juga Doktor *Obstetrics* (Pakar Bidan) dan *Pediatric*. Bila bayi lahir kalau ada anak damit bermasalah mesti ada doktor yang pandai menilai bayi ini selamat atau ada masalah. Ia juga memerlukan *Anesthetic* (Pakar Bius).

Bila orang bersalin, kalau ada masalah ia perlu ditidurkan dan memerlukan Pakar Bius. Sekiranya *emergency* memerlukan pakar doktor kanak-kanak dan *Neonatal Intensive Care Facility*. Untuk keselamatan pesakit bersalin dan anak yang dilahirkan kita mesti menyediakan keempat-empat hal ini (*the whole environment*).

Pakar bidan mesti pakar 'anak damit' (*Neonatal*) mesti ada 24 jam untuk bersedia. Walaupun bukan pakar kalau ada doktor kanan pun *good enough* dan

pakar bius dan *Neonatal Intensive Care Facility*. Sebelum pandemik *interview* dan *advertisement* dengan pertolongan JPA dan SPA sudah dibuat. Menarik orang datang ke Negara Brunei Darussalam *that's a challenge*. Dengan skim yang ada pada masa ini, *It's quite challenging* berbanding dengan bukan saja dengan negara kita, negara jiran pun memerlukan apa lagi negara barat yang menawarkan *package* yang lebih tinggi ia juga menawarkan kerakyatan. Itulah *competitor* kita pada masa ini, jadi yang ada, kita tidak mahu yang 'kitani' bagas-bagasan. Kita mahu yang *good credible doctor* sebab *its quite 40 minutes' drive from RIPAS where all the main specialist are there*. Kalau ada apa-apa mesti dikejarkan ke lokasi berkenaan.

Buat masa ini, *unless* misalannya pesakit melahirkan untuk bersalin kali keempat, bersalin kali kelima dan pernah di klinik memberitahu yang ini 99% *إِنْ شَاءَ اللَّهُ is simple delivery* boleh dibuat di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebab ada bidannya. Bidan memang ada *just in case anything happens*. Bidan ini akan membawa pesakit ke Hospital RIPAS.

Dari dahulu 'kitani' dalam 4 ke 5 tahun ini, Kementerian Kesihatan bercadang untuk memulakan semula 'perkhidmatan bersalin' ini. Cuma seperti *as mentioned the challenge is the work force*. Walau bagaimanapun, baru-baru ini klinik sudah *start* dan tahun ini sahaja ada statistik yang boleh saya kongsi, dalam 3 bulan,

there is quite a bit of transfer, 87, 29 gynae cases, 58 obstetrics.

Dari segi kementerian, *to be honest, we don't like this transfer*, kerana *transfer* ini membahayakan. Kita tidak tahu apa-apa yang akan terjadi. Usaha sedang dibuatlah. Dari *statistic* sudah menunjukkan keperluan itu ada, *will working on it*. Diharap penduduk Daerah Tutong jangan merasa diketepikan atau dipencilkan tetapi berusaha.

Even arah private, just to share in private di JPMC itself, where we can have a better package for the doctors. Itu pun susah tidak dapat beberapa tahun sudah. Sebab *obstetrics* ini susah sedikit. Ia menjaga dua nyawa, iaitu ibu dan anaknya. *The good ones*, kalaunya orang ambil pulang dari rantau sebelah sini tetapi *the private doctor* pendapatannya *is quite a lot* tidak dapat kita menandingi atau akan meng*compete with the salary*. Mengenai Lembaga Pelawat Hospital-Hospital, ia selalunya ada, tetapi disebabkan pada masa itu wabak *COVID-19* *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia akan dimulakan semula kerana ia adalah rakan kongsi yang sangat penting bagi hospital-hospital kerana mereka ini yang menegur atau memberi cadangan, menambah baik bagaimana kita boleh memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada orang ramai.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam masa terdekat ini, Ahli Lembaga Pelawat Hospital akan dilantik semula dan ia termasuk lembaga untuk Unit *Psychiatric*. Perkhidmatan *mental*

juga ada Lembaga Pelawat Khasnya. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira demikianlah dahulu Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita berunding membahaskan mengenai Tajuk Kementerian Kesihatan, setakat ini. Saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan persidangan ini bagi membolehkan kita berehat pada sebelah tengah hari. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada petang ini mulai pukul 2.30 petang sebagaimana lazimnya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada petang ini masih lagi untuk membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kesihatan belum dapat hadir ke dalam Dewan ini bagi kita untuk menyambung perbahasan tentang rang Belanjawan Kementerian Kesihatan, maka saya berpandangan lebih elok bagi kita atau Jawatankuasa ini beralih semula kepada

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada petang semalam Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah selesai membentangkan mukadimahny tentang penyediaan rang Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 dan masanya tiba bagi kita untuk meneliti dan membahaskan rang Belanjawan ini.

Bersama saya terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan, membahaskan Rang Undang-Undang kementerian yang berkenaan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maka saya memulakan dahulu dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

**Yang Berhormat Awang Abdul Aziz
bin Haji Hamdan:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ , أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , Kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada petang semalam 20hb. Mac 2023M berkenaan dengan rancangan dan pelan strategi usaha-usaha ke arah melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya, semoga ia dapat dilaksanakan dengan sempurna إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

1. Kaola sukacita menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SL01A - Hala tuju dan

kemajuan seni dan budaya Negara Brunei Darussalam. Bercakap tentang seni dan budaya negara kita sememangnya kaya dengan khazanah dan warisan seni serta budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

Sememangnya adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memartabatkan seni warisan ini dan usaha ke arah memperkasakannya adalah penting menyumbang kepada pembangunan industri kreatif tempatan. Penubuhan Akademi Seni Negara pernah dibincangkan dengan pihak kerajaan bersama penggiat-penggiat seni tempatan yang bertujuan sebagai wadah kemajuan seni dan budaya Negara Brunei Darussalam.

Antara fungsi dan peranan akademik seni ini ialah:

- i. Memartabatkan seni dan budaya negara;
- ii. Menggabungkan penggiat-penggiat seni tempatan dalam semua peringkat umur dalam satu bumbung bagi mengongsikan ilmu dan karya masing-masing dan juga sebagai *platform* ke arah memperkayakan hasil seni dan kebudayaan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya golongan belia sebagai generasi penerus.

Apakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan bagi mewujudkan Akademi Seni Negara yang kaola nyatakan tadi?

2. Kaola membawa suara keluhan orang ramai berkenaan dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN) iaitu Skim Bantuan Pendidikan bagi anak-anak yatim dan anak-anak keluarga daif. Terdapat kelambatan dalam proses penyerahan bantuan kepada yang memerlukan. Kaola difahamkan bahawa isu kelambatan ini terjadi apabila urusan Skim Bantuan Pendidikan ini diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan sehingga isu kelambatan ini menjejaskan persiapan persekolahan anak-anak berkenaan.

Selain itu, juga ditimbulkan isu bebanan yang ditanggungkan oleh pihak sekolah dalam membantu para ibu bapa membuat permohonan melalui SKN dengan kapasiti yang terhad juga menyumbang kepada isu kelambatan ini.

Kaola ingin tahu apakah usaha pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memastikan isu kelambatan ini dapat ditangani bagi memastikan Sistem Kebajikan Negara (SKN) ini sentiasa relevan dan juga efisien?

Bagi membantu meringankan bebanan pihak sekolah, kaola mencadangkan agar dipohonkan

khidmat para sukarelawan yang berkemahiran agar dapat ditempatkan di sekolah-sekolah bagi membantu ibu bapa dan pihak sekolah dalam urusan permohonan melalui SKN ini.;

3. Kaola seterusnya menyentuh berkenaan dengan kemajuan belia negara. Terdapat ketidakseimbangan dalam pergerakan dan aktiviti belia di setiap daerah mungkin disebabkan beberapa faktor antaranya kekurangan para pemimpin dalam kalangan belia sebagai peneraju bagi menggerakkan sebarang aktiviti dan program dan juga projek yang tidak selari dengan kehendak belia.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar diwujudkan Ikon Belia yang dipilih dari kalangan masyarakat yang mempunyai pengaruh kemahiran dan kreatif bagi mewakili setiap daerah. Ikon Belia adalah sebagai *playmaker* yang mampu mencetuskan idea-idea kreatif dalam menyediakan program-program dan projek bagi membawa para belia terus aktif dalam semua bentuk kegiatan belia. Bagi memastikan kedayatahanan, pihak kerajaan bolehlah menyediakan inisiatif-inisiatif yang difikirkan sesuai; dan

4. Berkenaan dengan perkara di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka, memartabatkan Bahasa Melayu Bahasa Rasmi Negara Brunei

Darussalam. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei atas inisiatif dan usaha berterusan ke arah memantapkan penggunaan bahasa Melayu. Ini termasuklah mengadakan pameran, bengkel dan sebagainya. Namun pada itu usaha ini bukan hanya diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja tetapi ia adalah tanggungjawab bersama di peringkat kerajaan, swasta mahupun masyarakat. Ini termasuklah membudayakan bahasa Melayu di majlis-majlis rasmi, Sesi Muzakarah atau mesyuarat, Sesi Dialog dan juga Diskusi. Dalam masa yang sama memastikan semua urusan pentadbiran, surat-menyurat, borang-borang permohonan, risalah-risalah dan sebagainya mengutamakan bahasa Melayu.

Selain itu, negara kita mempunyai 7 Puak Jati yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Usaha-usaha ke arah memperkenalkan warisan budaya dan bahasa 7 Puak Jati ini kepada generasi baharu, belia dan pelajar-pelajar tidak terkecuali juga kepada para pelancong merupakan inisiatif ke arah mempertahankan warisan budaya bangsa agar terus dihormati. Seperti menyambut tetamu atau para pelancong dengan mengucapkan 'Selamat Datang' dengan pelbagai bahasa daripada 7 Puak Jati iaitu 'selamat sabi, 'selamat mikod' dan sebagainya.

Apakah perancangan pihak kementerian melalui Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam dalam memperkasakan penggunaan bahasa Melayu di peringkat nasional? 'Bahasa Menunjukkan Bangsa'.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ pertama sekali, kaola sukacita ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kelonggaran kepada kaola tidak dapat menghadiri sesi pada sebelah pagi. Izinkan kaola cuba untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diajukan.

1. Bagi soalan Yang Berhormat mengenai Akademi Seni Negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dalam meneliti dan dalam perancangan untuk menyediakan sebuah akademi yang akan menjadi pusat pergerakan seni budaya dengan tenaga kerja yang profesional yang membina identiti bangsa yang berdaya tahan.

Akademik ini bertujuan melahirkan penggiat seni budaya dalam melestari seni budaya Negara Brunei Darussalam. Bagi merealisasikan akademi ini, kementerian ini telah menyediakan satu kurikulum Akademi Seni Budaya Negara Brunei

Darussalam sebagai panduan dalam melestari seni budaya Negara Brunei Darussalam untuk memberikan kefahaman tentang budaya dan adat serta memberikan pendedahan ilmu dan kemahiran dalam seni muzik tradisional, seni tari, penulisan kreatif, seni persembahan tradisional dan kontemporari.

Kurikulum ini juga diharap akan menjadi sandaran dan hala tuju bagi pergerakan para belia dan penggiat-penggiat seni yang lain untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran seni budaya Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman juga, draf modul dalam kurikulum ini telah dibincangkan dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk penelitian dan bidang seni yang dikenal pasti menjadi keutamaan pada masa ini ialah seni muzik tradisional, seni nyanyian, seni tari tradisional, seni tampak, seni kraf, seni penulisan kreatif serta seni layar dan pelbagai media.

Kurikulum yang lengkap ini akan menjadi panduan melalui beberapa kaedah pembelajaran secara formal yang akan dilaksanakan seperti bengkel jangka pendek, *programme master class* dan kursus yang khusus. Di samping usaha ini, salah satu strategi yang dilaksanakan dengan serta-merta menjurus kepada aktiviti sosialisasi dan penerapan nilai murni seni budaya adalah seperti promosi

dan jerayawara seni budaya dan pengajaran atau pembelajaran seni budaya melalui bengkel, kursus dan taklimat kepada para pelajar, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, persatuan-persatuan belia dan orang ramai.

Bagi program jerayawara, ia sering dilaksanakan oleh kementerian ini dengan menggunakan ruang atau fasiliti di bawah kementerian ini. Pada masa yang sama mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi melatih *training of trainers* seperti dalam bidang kesenian tradisional, hadrah dan guling tangan.;

2. Mengenai bantuan *in kind* ataupun Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) yang sebelumnya dikenali sebagai bantuan Skim Miftaahun Najaah (SMN) di bawah kendalian Kementerian Pendidikan mula menggunakan SKN pada bulan Julai 2022.

Ke arah ini satu jawatankuasa menilai permohonan BKPT yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah ditubuhkan pada bulan Julai 2022.

Dalam pada masa yang sama, pihak JAPEM telah menumpukan

keutamaan kepada menyelesaikan permohonan BKPT dengan tenaga kerja pembangunan masyarakat yang sedia ada yang ditugaskan membuat penyiasatan di samping pengurusan permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk mengambil tenaga kerja dari syarikat *Nex.Ut* bagi membantu mempercepatkan proses siasatan.

Memang diperakui bahawa berlakunya kelambatan bagi memproses permohonan BKPT pada tahun ini dengan mengambil kira permohonan tersebut baru diintegrasikan melalui SKN dan dibukakan kepada pemohon-pemohon pada bulan Jun 2022. Pengurusan dan penyiasatan ke atas pemohon-pemohon telah dilaksanakan sepanjang tempoh dari Julai 2022 hingga Mac 2023. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, sejumlah 30 mesyuarat jawatankuasa menilai permohonan BKPT telah diadakan bermula dari 24hb. Oktober 2022 dan dilaksanakan secara berterusan sehingga 4hb. Mac 2023.

Suka dikongsikan juga sejumlah 3,141 permohonan telah pun dibincangkan dan dari jumlah tersebut sejumlah 2,570 iaitu 82% daripada jumlah permohonan telah pun diluluskan. Proses seterusnya melibatkan pengagihan kupon kepada pihak sekolah yang akan

menghubungi mereka yang disokong untuk mengambil kupon dan kupon tersebut akan ditukar kepada bantuan *in kind* di syarikat-syarikat yang telah dilantik.

اللَّهُمَّ sebanyak 6,543 kupon buku bernilai \$1,2500,50.00 telah berjaya diagihkan secara berperingkat-peringkat kepada sekolah-sekolah dan maktab-maktab di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Fasa '1' pada 10hb. Januari 2023M, Fasa '2' pada 3hb. Februari 2023 dan Fasa '3' pada 14hb. Mac 2023.

Turut kaola kongsiikan juga bantuan bagi para ibu bapa untuk membuat permohonan Bantuan Persekolahan Tahunan melalui SKN memang telah disediakan oleh pihak JAPEM, Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pengajian Islam dan juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ bagi BKBT tahun 2024 yang akan datang, proses permohonan bagi bantuan ibu bapa ini akan setentunya diperbaiki lagi. Bagi cadangan khidmat sukarelawan sebelum ini, memang terdapat kaunter-kaunter yang telah dibukakan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi membantu pemohon membuat permohonan PKBT melalui SKN. Pihak kementerian sangat mengambil berat dalam memastikan keselamatan dan

kerahsiaan serta integriti maklumat peribadi adalah sentiasa terjaga.

Oleh yang demikian, akses kepada sistem adalah terhad kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang dilantik dari agensi-agensi yang terlibat. Ini juga mengambil kira saranan pihak Juruaudit Agung mengenai *Governance* SKN;

3. Mengenai cadangan mewujudkan *Icon* Belia. Sukacita memaklumkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menyambut baik terhadap cadangan yang ditimbulkan ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat mendukung dan menitikberatkan penglibatan golongan belia selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 iaitu strategi Teras Pemerkasaan Belia yang menginginkan pembangunan negara secara inklusif tanpa mengira latar belakang sama ada dari segi akademik mahupun keaktifan belia dalam apa jua bidang.

اللَّهُمَّ setiap tahun 'kitani' menyambut Hari Belia Kebangsaan khusus dalam menghargai sumbangan belia kepada pembangunan negara. Di samping itu, ada antara golongan belia 'kitani' juga telah menerima pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa seperti *Queens Young Leader Award*, *Commonwealth Points of Light*, *ASEAN Prize*, *ASEAN Business Award* dan anugerah-anugerah lainnya

sebagai mengiktiraf sumbangan belia Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa. Sudah setentunya kita amat berbangga dengan pencapaian belia 'kitani' yang telah diberikan anugerah berkenaan.

Oleh yang demikian, kementerian melihat dan meneliti mengenai kesesuaian penerima-penerima anugerah berkenaan supaya akan dapat memainkan peranan penting selaku *Icon* Belia dalam sama-sama membawa lebih ramai belia untuk turut sama aktif dalam menyumbang khidmat kepada pembangunan negara.

Sukacita juga kaola mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan kerjasama pihak Yang Berhormat selaku Penghulu dan Ketua Kampung untuk sama-sama melibatkan belia khususnya melalui *platform* Majlis Perundingan Mukim dan Kampung agar agenda pembangunan belia benar-benar dapat dirasakan secara inklusif.;

4. Mengenai memartabatkan bahasa Melayu di negara ini. Soalan ini sebenarnya sudah pernah diajukan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat yang lalu. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira perkembangan semasa dan mengambil inisiatif jabatan yang terlibat **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diterangkan lagi bagi makluman bersama.

Sebelum menjawab soalan Yang Berhormat, kaola/saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas kesedaran Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama menggunakan bahasa Melayu di dalam Dewan ini. Ini bermakna tanggungjawab senegara dapat kita laksanakan bukan hanya menyerahkan tanggungjawab ini semata-mata kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Pelbagai usaha telah pun dilaksanakan oleh kementerian ini melalui Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha untuk memperkukuh dan memperkasa bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menanai dan "menyahan" amanah bagi memastikan bahasa Melayu itu terus dimartabakan.

Antara usaha itu ialah:

- i. Menanamkan sikap positif untuk memelihara, memperkasa dan mendaulatkan bahasa Melayu kepada seluruh lapisan masyarakat;

Pada menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2011, sambutan Bulan Bahasa disambut pada setiap bulan Julai.

Sambutan Bulan Bahasa ini adalah wadah bagi penyegaran semula tentang kepentingan bahasa Melayu. Keterlibatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, *NGO's* dan syarikat-syarikat swasta melalui pendekatan senegara menggema dan menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa. Pemasyarakatan bahasa Melayu melalui penglibatan orang ramai dalam aktiviti kebahasaan sebagai Bahasa Rasmi Negara dan Jati Diri Bangsa.;

- ii. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa berstatus tinggi, bahasa komunikasi dan bahasa pengungkap ilmu. Bahasa Melayu sudah setentunya mempunyai jangkauan yang luas. Ia mencapai kepada *audience* akar umbi berbanding dengan bahasa-bahasa lain yang sering digunakan oleh generasi-generasi baharu di negara ini.

Maka usaha ini dianggap signifikan kerana status Ko-Bahasa Melayu sebagai bahasa tinggi, bahasa ilmu, Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan pelbagai *platform* seperti forum, seminar, kongres, festival, bengkel sayembara, pertandingan dan peraduan sebagai medan penyebaran ilmu dalam mendaya-upayakan pengembangan bahasa Melayu di negara ini dengan jumlah peserta seramai lebih 6,500 orang untuk Tahun Kewangan 2022/2023.

Bengkel Bahasa Melayu di kementerian, jabatan dan sektor swasta merupakan inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai upaya ke arah penyegaran bahasa Melayu agar menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam komunikasi seharian, baik tulisan mahupun secara lisan. Data telah menunjukkan bahawa sejak 4 tahun kebelakangan ini terdapat peningkatan terhadap Bengkel Ejaan Rumi Bahasa Melayu sebanyak 22% dari jabatan meningkat kepada 11 jabatan setahun dengan penyertaan yang terkumpul lebih 1,800 orang dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.;

- iii. Memupuk rasa cinta, hormat dan bangga bahasa. Kaola sukacita mengongsikan teringat pesan daripada rakan Yang Berhormat Menteri yang menyatakan "memupuk rasa cinta, hormat dan bangga bahasa ini adalah merupakan satu semangat patriotisme dan nasionalis bagi generasi-generasi baharu di Negara Brunei Darussalam". Sudah setentunya kaola merasa pesanan ini adalah pesanan yang amat bermakna untuk semua generasi 'kitani' untuk menatapi dan menghayati pesanan ini.;

Dewan Bahasa dan Pustaka memupuk dan menyemai dan kecintaan terhadap bahasa Melayu dari peringkat kanak-kanak dan remaja melalui program-program seperti berikut:

- i. 'Dudun' Dewan Bahasa dan Pustaka ke institusi-institusi pendidikan dan daerah-daerah. Setakat ini, Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mengadakannya di 25 buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.;
 - ii. Peraduan Mari Bercerita. Seramai lebih 300 orang peserta yang telah mengikuti peraduan ini sama ada secara solo mahupun berkumpulan.;
 - iii. Literasi Awal. Sejak mula diperkenalkan dari tahun 2014, jumlah penerima *pack* Literasi Awal sudah menjangkau jumlah 1,800 orang.;
 - iv. Program Penulis Muda. Seramai 199 orang peserta telah dibimbing di bawah program ini;
5. Memperbanyakkan bahan penerbitan, penyelidikan dan pendokumentasian. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan lebih 1,400 buah buku, kamus, *journal* dan majalah dalam usaha penyebaran bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan buku-buku berbentuk mini atau yang bersaiz poket supaya mudah dirujuk dan mudah pula dibawa ke sana ke mari. Buku-buku mini ini termasuklah mengenai bahasa Melayu mudah yang dapat digunakan oleh pelancong. Dewan Bahasa dan Pustaka juga

menerbitkan buku-buku yang menggunakan dialek 7 puak seperti buku-buku cerita yang ditulis sepenuhnya dalam dialek Dusun dan dialek-dialek lain.

Daftar leksikal dialek yang memuatkan bahasa dan dialek 7 puak juga telah diterbitkan pada tahun 2011 dan pada masa ini masih mendapat permintaan yang tinggi. Dewan Bahasa juga menerbitkan buku-buku mini yang bersaiz poket dalam bahasa Melayu untuk kemudahan pelancong, segmen Kenali Negara Brunei Darussalam yang dipaparkan di "Berita Perdana RTB" pada pukul 8.00 malam merupakan inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka ke arah mempromosikan Bahasa Melayu Brunei. Akhbar-akhbar 'Pelita Brunei' dan 'Media Permata' ada juga menguar-uarkan bahasa Melayu Brunei.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan strategik Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Penerangan dan akhbar 'Media Permata' yang sentiasa memberi ruang kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah 'mengungayahkan' satu Projek *e-Kamus* yang menyediakan akses kepada pengguna untuk mendapatkan informasi bahasa Melayu Brunei dalam talian. *e-Kamus* إِنْ شَاءَ اللَّهُ dan 'Kalinga' Bahasa juga merupakan satu medium dalam usaha Dewan Bahasa dan Pustaka

menyebarkan dan melestarikan bahasa Melayu dalam bentuk digital.

Selain itu, pelbagai kegiatan penyelidikan dan pendokumentasian juga diupayakan sebagai satu usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu di samping memelihara, melestarikan dan memperkayakan khazanah bangsa menerusi penyelidikan penggunaan bahasa Melayu, penyelidikan Pantun Melayu Brunei, penyelidikan Lagu Kanak-Kanak Tradisional Brunei dan pendidikan Kalimah Bahasa Tua.;

6. Menjalin kolaborasi dengan rakan-rakan strategik yang berkepentingan di luar negara bagi menyebarkan perkembangan bahasa Melayu kepada masyarakat umum dan pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui MABBIM dan MASTERA.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan kerana menggunakan dwibahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) dalam Laman sesawang masing-masing. Pada merujuk Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan No. 08/1960 Negeri Brunei: "Ketua-ketua pejabat adalah dari itu diminta untuk menentukan surat-menyerut dan minit antara dan di dalam pejabat-pejabat hendaklah dibuat dalam bahasa Melayu". Perkara ini telah diwartakan lebih 63 tahun yang lampau. Kaola/saya penuh percaya usaha-usaha ini telah diterapkan di kementerian dan

jabatan kerajaan namun tidak secara menyeluruh. Jadi, kaola ingin menyeru agar perkara ini akan dapat diambil tindakan oleh semua ketua jabatan.

Seterusnya mengimbau beberapa perkara yang perlu pihak kementerian, jabatan dan swasta pada mengambil perhatian tentang penggunaan tulisan Jawi. Apa yang didapati sekarang amat mendukacitakan pengguna tulisan Jawi tidak diberi perhatian sewajarnya dalam majlis-majlis rasmi anjuran kementerian, jabatan, apatah lagi swasta.

Tidak membubuh tulisan Jawi pada latar belakang pentas, kain rentang dan poster 'pemberitaan' kegiatan sama ada dalam bentuk fizikal dan *virtual* seperti Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 21/1988 yang telah menggariskan peraturan dalam penggunaan tulisan Jawi dalam semua urusan kerajaan dan swasta termasuk perniagaan.

Poster-poster dalam bentuk elektronik didapati banyak tidak membubuh tulisan Jawi malah yang lebih mendukacitakan poster-poster 'pemberitaan' kegiatan tersebut sepenuhnya menggunakan bahasa Inggeris. Sedangkan kegiatan-kegiatan ini dianjurkan oleh kementerian dan jabatan.

Sukacita kaola menarik perhatian sidang tentang isu yang semakin berleluasa hingga ke satu tahap ia dilihat sebagai satu yang *normal* dan lazim, iaitu penggunaan 'bahasa rojak' atau 'percampuran kod' yang lebih banyak

menjurus kepada bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Kaola melihat ia sebagai satu kepincangan dan fenomena yang menyedihkan apalagi jika 'pemberigaan' sesuatu inisiatif itu lebih banyak dicemari dengan penggunaan bahasa asing daripada bahasa Melayu itu sendiri. Jika membenarkan hal tersebut berlaku, maka ini bermakna kita juga mengakui bahawa bahasa Melayu itu telah hilang ketuanan dan keluhurannya. Oleh yang demikian, mari kita semua sama-sama mendukung usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Kalau tidak 'kitani' siapalah lagi.

Sekian sahaja, jawapan kaola kepada pertanyaan dan kaola ingin juga mengongsikan teguran ini bukannya ditujukan kepada mana-mana pihak tertentu tetapi termasuk juga teguran dan memperingatkan diri kaola sendiri dan juga generasi 'kitani' yang akan datang. Sekian, Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Low Hau Teck.

Yang Berhormat Awang Low Hau Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera dan selamat petang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Lebih dahulu diucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan atas mukadimah yang disampaikan pada petang semalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk di bawah Tajuk SL06A, Kod 002/003 - Bantuan Bencana Alam dan Perumahan. Kaola ingin mengongsikan tentang satu kes yang kaola dengar mengenai bantuan bencana kebakaran rumah. Isu yang timbul adalah jumlah bantuan yang disampaikan tidak sampai dan menampung jumlah kerugian yang ditanggung oleh mangsa kebakaran atau penerima bantuan mengikut anggaran kerugian yang dihadapi. Akhirnya, ditaksir oleh pihak berkenaan yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, kaola ingin memohon pencerahan khususnya bahagian bantuan bencana alam dan perumahan tentang isu yang dibangkitkan serta perancangan dan strategi dalam peruntukan jumlah bantuan mengikut kadar kerugian dan kerosakan yang dialami oleh mangsa. Misalannya, mangsa kebakaran ini.

Dengan itu, kaola juga ingin mengusulkan cadangan agar pihak kementerian dapat menasihatkan supaya pemilik-pemilik rumah mempunyai *fire insurance cover*. Memohon pencerahan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

kepada Yang Berhormat atas soalan yang ditujukan.

Bantuan bencana yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui JAPEM sebenarnya adalah bertujuan untuk meringankan beban mangsa dan bukannya untuk mengganti sepenuhnya kerugian ataupun kehilangan harta benda mangsa yang terbabit dalam bencana seperti contoh kebakaran rumah. Bagi bantuan kejadian kebakaran rumah, kadar bantuan kewangan yang diberikan adalah tertakluk kepada siasatan, penilaian dan pendekatan pihak JAPEM mengikut garis panduan yang berkuat kuasa.

Manakala jika rumah terbabit 'ranap' dalam kejadian, mangsa akan diberikan bantuan kewangan pada kadar ranap sebanyak \$5,000.00 serta bantuan kesusahan sebanyak \$200.00 bagi setiap mangsa dan penghuni rumah yang terbabit. Jika rumah yang terbabit dalam bencana hanya mengalami kerosakan, maka bantuan kewangan yang akan diberikan adalah mengikut peratus kerosakan.

Contohnya peratus dari jumlah keseluruhan \$5,000.00. Selain bantuan kewangan, bantuan catuan makanan, barang keperluan asas dan bantuan penempatan sementara juga akan disalurkan kepada mangsa bencana. Selain pihak JAPEM, terdapat juga agensi-agensi lain yang seperti lazimnya akan menghulurkan bantuan bencana seperti pihak Majlis Ugama Islam Brunei

dan pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Mengenai cadangan supaya pemilik-pemilik rumah untuk mempunyai *fire insurance cover* ataupun insurans kebakaran. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang baik dan perkara ini amat digalakkan bagi setiap pemilik rumah untuk mempunyai perlindungan insurans bagi membantu meringankan beban atau musibah di luar jangkaan kita.

Bagi rumah yang dilindungi insurans, bantuan kewangan tidak akan diberikan kerana pada lazimnya segala kerugian dan kehilangan akan ditanggung pampasan oleh pihak insurans mengikut dasar polisi insurans berkenaan.

Sekian, kaola sampaikan jawapan untuk Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِلَهُ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ
لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ . Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bijaksana. Terima kasih kepada

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan membentangkan mukadimah Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang penuh bermaklumat dan komprehensif.

Tahniah juga kerana menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 pada 23hb. Februari 2023M yang lalu yang sangat gemilang dengan persembahan muzik kombinasi 7 puak secara serentak dan diucapkan Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada mempunyai berapa cadangan seperti berikut:

Kaola ingin memberikan satu usulan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terdapat rakyat-rakyat yang susah yang berkemungkinan ada yang tidak pandai untuk memohon Sistem Kebajikan Negara telah dibantu oleh orang berkumpul yang khusus terdiri daripada mereka yang berniat untuk berinfak mencari keredaan dan keberkatan اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

1. Kaola ingin cadangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan agensi-agensi bantuan masyarakat yang lain untuk turun padang dan bekerjasama rapat serta mendukung misi-misi kumpulan berinfak demi kesejahteraan mereka yang benar-benar memerlukan. Kaola percaya dengan bantuan kumpulan-kumpulan ini dengan dukungan yang rapat dari pihak

JAPEM sama-sama turun padang, akan dapat mempercepatkan bantuan kepada mereka yang memerlukan ini agar usaha bantuan kerajaan berkesan dan cepat.;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Bola sepak adalah sukan yang dianggap sukan 'nombor satu' di dunia dan tidak juga ketinggalan bagi Negara Brunei Darussalam yang nama julukan lain sebagai 'Tebuan'. Pada 22hb. Disember 2022M, kita kena *ranking* oleh *FIFA (The Federation International de Football Association)* di tangga 190 dari 209 ahli. Paling tersorok kita adalah pada Oktober 2012 di tangga 203. Pencapaian terbaik dari *FIFA* ialah yang ke-140 pada bulan Disember 1992.

Industri bola sepak di luar negara telah menjadi satu industri yang menjana ekonomi negara berkenaan melalui kaedah ekonomi putaran dan sumber pendapatan pemain-pemainnya. Ini adalah sangat jauh berbeza dengan apa yang terdapat di negara kita. Sebagai asasnya sahaja, bagi kelab-kelab Liga *Super Domestik*. Izinkan kaola menyebut contoh kelab-kelab tersebut seperti *Indera Sports Club, Kasuka, Kota Ranger* dan yang lainnya.

Hampir kesemua kelab ini tidak mempunyai kompleks sukan atau sekadar padang bola milik mereka sendiri untuk menjana pendapatan, untuk terus wujud dan mampan di samping mampu menghasilkan

pemain-pemain yang berkaliber untuk negara. Hakikatnya, walau dengan cabaran-cabaran ini, sukan bola sepak masih memberi impak kepada perkembangan bola sepak negara dan membantu belia kita untuk terus bersemangat disebabkan minat yang dalam dan tinggi dengan sukan ini. Kaola berpendapat kelab-kelab ini mungkin tidak akan bertahan lama disebabkan mereka berbelanja sendiri atau melalui tajaan yang semakin terhad.

Cadangan kaola kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga kementerian yang lain, seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai padang-padang bola yang kurang terurus dan terjaga untuk menawarkannya kepada kelab-kelab ini untuk memajukan secara komersial, mengurus dan menjalankan operasi padang berkenaan di samping ia boleh menjadi *training ground* pemain-pemain kelab berkenaan.

Kaola percaya dengan peluang ini, ia akan dapat membantu kelab-kelab ini untuk memperkembangluaskan lagi arena bola sepak negara serba sedikit menjana ekonomi negara dan yang tidak kurang pentingnya juga, dapat menawarkan pekerjaan dan pendapatan kepada pemain-pemainnya.;

3. Cadangan kaola ialah mengenai Ibu Tunggal. اللَّهُ أَكْبَرُ usaha-usaha

ke arah mengatasi isu-isu kemaslahatan rakyat melalui JAPEM ada kita nampak kesannya kepada golongan tertentu yang memerlukan. Dengan bantuan antara \$200.00 hingga \$300.00 sebulan, sudah setentunya dapat membantu sedikit walaupun hakikatnya dengan tahap kehidupan masa ini tidak mencukupi. Kaola juga bersyukur kerana ada juga program-program bagi menambah pendapatan mereka 'diungkayahkan'.

Salah satu golongan yang ingin kaola sentuh ialah golongan Ibu Tunggal khusus bagi yang mempunyai anak-anak yang ditinggalkan oleh suami atas sebab diceraikan. Seperti yang kita maklum, isteri yang bergantung pada pendapatan suami apabila diceraikan akan bermasalah untuk menampung hidupnya dan anak-anak dari segi rumah dan kewangan, apatah lagi jika bekas suami itu tidak hirau akan memberi nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak.

Proses yang ada pada masa ini seperti yang kaola fahami, bekas isteri terpaksa memfailkan ke mahkamah untuk meminta nafkah dari bekas suami dan prosesnya memakan belanja dan juga masa, 'sudah tia inda beusin, makan pun payah, apatah lagi membayar peguam'. Bagi bekas isteri yang kurang waham mengenai proses ini akan terus mengalami dilema dan akhirnya bekas isteri dan anak-

anaknya menanggung beban kehidupan yang susah.

Cadangan kaola, apa kiranya jika bersesuaian proses untuk memfailkan nafkah itu untuk dijadikan proses yang senang ataupun secara automatik suami yang menceraikan mesti memberi nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak, impaknya suami pun berfikir dua kali untuk menceraikan isterinya.

Bagi pemberian itu dipantau kerana ada juga sang bekas suami yang endah tak endah, gagal memberi nafkah berkenaan walaupun sudah ada arahan mahkamah. Usulan kaola juga bagi permohonan Ibu Tunggal yang sebegini yang sudah susah diberi keutamaan dalam permohonan mereka untuk mendapatkan kemudahan perumahan termasuk Rancangan Perumahan Negara.; dan

4. Cadangan yang terakhir ialah mengenai sukan. Yang kaola akan bangkitkan ini adalah mengenai sukan di negara 'kitani' khusus mengenai *non-contact sports*. Kaola percaya sukan bukan sahaja untuk kesihatan tetapi juga untuk menjadi *pride to our nation* dengan penyertaan negara dan apatah lagi jika 'kitani' berjaya.

Ingat pada tahun 1999 Negara Brunei Darussalam telah memenangi 'Piala Malaysia'. Kita sangat berbangga pada masa itu. Bagi sukan 'kitani' juga mampu memberi saingan hebat

dan berjaya di arena antarabangsa termasuk *non-contact sports*. Pertanyaan kaola apakah dasar dan strategi KKBS terhadap hala tuju dan sasaran-sasaran bagi *non-contact sports* seperti terjun cantik, persembahan silat, memanah, *wushu* dan sebagainya.

Yang kaola maksudkan dengan hala tuju itu ialah menjurus kepada bukan sahaja memercukan sukan negara ke arena serantau dan antarabangsa tetapi khusus juga kepada hasilnya menyumbang kepada pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan junjung kasih Yang Berhormat atas soalan yang telah diutarakan tadi:

1. Kaola ingin menjawab mungkin memulakan dari soalan yang terakhir tadi iaitu *non-contact sports* dan seterusnya Ibu Tunggal, bola sepak dan seterusnya mengenai JAPEM, rakyat yang susah dibantu oleh kumpulan yang ingin berinfak. Satu dasar dan strategi kementerian ini terhadap hala tuju dan sasaran-sasaran bagi *non-contact sports* dan dua cadangan berkenaan bantuan kepada Ibu Tunggal tadi.

Sebelum kaola menjawab *non-contact sports*, kaola ingin mengongsikan satu pemikiran, sukan lebih merupakan bukannya untuk riadah sahaja tetapi pelaburan dalam bidang sukan sudah setentunya akan membawa impak yang positif kepada generasi 'kitani' yang akan datang, kepada belia kitani yang akan datang.

Apabila 'kitani' melabur dalam bidang sukan, 'kitani' menggalakkan belia dan generasi muda 'kitani' untuk berkecimpung dalam bidang sukan, sudah setentunya 'kitani' akan dapat membentuk jati diri belia yang *resilience* dalam bidang sukan dan setentunya ini dapat dicerminkan dalam bidang pembelajaran belia tersebut. Ertinya mereka akan penuh dedikasi dan tidak mengenal kalah ataupun gagal setiap kali bertemu cabaran kegagalan akan terus bangkit semula untuk mencuba lagi berkali-kali dan bukannya menyerah kalah apabila menghadapi kegagalan dan amalan seperti ini dapat dibentuk dalam bidang sukan.;

2. Bidang sukan akan memberikan amalan cara hidup yang sihat dan 'kitani' sudah setentunya apabila belia 'kitani' berkecimpung dalam bidang sukan ia akan lebih hidup secara lebih sihat dan menjauhi perkara-perkara yang tidak kita inginkan contohnya seperti merokok, menggunakan *vape* dan sebagainya, apatah lagi jika ia berkecimpung dalam bidang dadah dan sebagainya.

Kaola percaya apabila 'kitani' melabur dalam bidang sukan ia dengan sendirinya akan menarik belia ini daripada berkecimpung dengan perkara-perkara negatif yang merosakkan masyarakat dan merosakkan belia kitani. Itu secara umum pelaburan dalam bidang sukan, mungkin sebilangan 'kitani' melihat pelaburan dalam bidang sukan adalah hanya sebagai riadah biasa 'Bandarku Ceria' pagi-pagi hari minggu dan sebagainya tapi kaola melihat lebih jauh daripada itu.;

3. Maka kaola menjurus kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai *non-contact sports* yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada amnya juga jenis sukan yang dikembangkan di negara ini sama ada berbentuk *non-contact or contact sports* adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan, perpaduan dan kesihatan masyarakat melalui sukan dan seterusnya memantapkan sukan berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sebagai misalannya sukan renang adalah sangat popular dalam program *Learn to Swim* dan kemahiran renang juga menjadi salah satu syarat untuk lulus ujian bagi mendapatkan pekerjaan dalam perkhidmatan beruniform seperti pasukan polis, angkatan tentera, bomba, penyelamat, pramugari dan pramugara.

Keperluan ini membuka peluang kepada anak-anak tempatan selaku jurulatih-jurulatih kelab yang berdaftar untuk mengajar kemahiran asas renang dengan mengenakan kadar bayaran yang berpatutan kepada pemohon - pemohon pekerjaan tadi.

Secara ringkasnya perkembangan industri sukan sebuah negara itu sangat berkait rapat dengan industri pelancongan. Penganjuran sukan yang berprestij dan berskala besar khususnya *non-contact sports* seperti sukan renang, memanah, *wushu*, seni pancak silat dunia dapat meningkatkan *profile* dan *image* negara di peringkat serantau dan dunia.;

4. Penganjuran sukan seperti ini dapat membuka peluang bagi membangun *sector* ekonomi sukan dengan memanfaatkan khususnya kemasukan pelancong ataupun *sports tourism*, penyuntikan wang ke dalam ekonomi negara dan menyumbang kepada peningkatan aktiviti perkhidmatan perhotelan yang menjana pada pertumbuhan ekonomi negara.

Penganjuran di peringkat antarabangsa sememangnya mempunyai garis panduan dan *venue* kejohanan perlu pada tahap piawaian antarabangsa maka dalam hubungan ini kementerian ini sedang dan akan terus menaik taraf prasarana sukan secara berfasa bagi membolehkan

penganjuran-penganjuran ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Antara penganjuran sukan berperingkat antarabangsa yang pernah dilaksanakan sebelum Pandemik *COVID-19* di Negara Brunei Darussalam ialah *The Tenth ASEAN Junior Wushu Championship Brunei Darussalam* pada 19hb. hingga 24hb. Ogos 2019 dan pada tahun ini negara akan menjadi tuan rumah bagi *27th Southeast Asian Junior and Cadet Table Tennis Championship* pada 13hb. Jun hingga 18hb. Jun 2023. إِنْ شَاءَ اللَّهُ penganjuran sukan berperingkat serantau dan antarabangsa di negara ini akan terus kita usahakan dengan kerjasama rakan strategik serta pihak-pihak yang berkepentingan bukan sahaja untuk mencapai kecemerlangan sukan malahan membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Sukacita kaola kongsiikan untuk kita membina atau menghasilkan atlet-atlet yang berprestasi tinggi, sudah setentunya tidak cukup dengan kita mengadakan program-program latihan sahaja. Ia sudah setentunya memerlukan bagaimana setiap atlet sukan itu menghadapi cabaran-cabaran minda apabila bersaing dalam pertandingan-pertandingan sukan.

Maka bagi mengambil kira perkara ini, kita sebagai tuan

rumah menganjurkan sukan-sukan di peringkat antarabangsa dan juga malahan untuk melihat, meneliti bagaimana kita dapat mengadakan liga-liga bagi sukan-sukan di Negara Brunei Darussalam yang akan sudah setentunya menyumbang kepada peningkatan prestasi atlet-atlet sukan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin menyentuh perkara yang berkaitan yang disampaikan sebelum ini oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada 15hb. Mac 2023 mengenai cadangan penerapan aktiviti memanah di sekolah agama dan sekolah Arab adalah untuk meningkatkan daya tumpuan dan fokus pelajar terhadap semua hal terutama pembelajaran sesuai dengan sabda نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: 'Orang beriman yang kuat, lebih baik dan lebih disukai oleh اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berbanding orang beriman yang lemah'. Sebagai kementerian yang berperanan dan bertanggungjawab untuk meningkatkan penglibatan masyarakat untuk bersukan di negara ini, kementerian ini menyambut baik kerjasama dengan kementerian lain dan mana-mana pihak bagi mengadakan apa juga sukan yang bersesuaian, tertakluk kepada kapasiti, kemampuan dan keperluan bidang sukan.

Bagi sukan memanah, berenang dan menunggang kuda khususnya ketiga-tiga sukan ini adalah beberapa sukan prestasi

tinggi yang tersenarai dalam kejohanan sukan serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA dan Sukan Olimpik. Maka mempelajari dan mengamalkan sukan-sukan tersebut mengikut sunah رَسُولِ اللَّهِ adalah amalan yang sangat baik dan mulia sebagai objektif untuk meningkatkan minat di samping berpotensi untuk dijadikan sukan-sukan yang boleh dipertandingkan di peringkat antarabangsa melalui pembentukan bakat sukan.

Seperti juga pembangunan sukan secara menyeluruh, ia memerlukan perancangan yang jitu dan melibatkan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan. Peranan kementerian ini adalah dalam menyediakan kemudahan dan prasarana bagi apa juga bentuk sukan termasuklah memanah, renang dan menunggang kuda.

Manakala, dari segi teknikal dan kejurulatihan pula bagi sukan-sukan berkenaan didukung melalui persatuan-persatuan sukan kebangsaan.

Sukacita kaola kongsi, Program Latihan Program Khidmat Bakti Negara bagi pengambilan ke-11 tahun 2022/2023 yang baru-baru ini telah memperkenalkan modul baharu iaitu berenang dan memanah yang mendapat sambutan yang baik. Bagi setiap pelatih yang langsung tidak tahu berenang dan jikalau masuk ke air akan memang tenggelam, mereka akan diajar cara asas berenang.

Ertinya apabila pada penghujung latihan selama 3 bulan, pelatih yang sama jika masuk ke dalam air, dia tidak akan dapat tenggelam tapi akan masih dapat timbul dan menyelamatkan dirinya dan sukan memanah juga dimuatkan dalam Program Latihan PKBN baru-baru ini.

Sukan memanah ini adalah kolaborasi bersama dengan Akademi Sukan Ar-Rafi yang baru-baru ini sewaktu Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Ankara, Turkiye, ia telah disebut oleh Tuan Yang Terutama Presiden Recep Tayyip Erdogan yang ia mencerminkan kerjasama antara kedua-dua pihak secara dua hala dengan Negara Brunei Darussalam untuk menerapkan sukan memanah dan kemahiran memanah kepada belia di Negara Brunei Darussalam.

Sukan menunggang kuda. Kementerian ini masih lagi dalam penelitian bagaimana cara yang lebih berkesan dari segi kos untuk mengadakan program-program menunggang kuda. Setakat ini, belumlah ada program menunggang kuda yang dapat 'diungkayahkan'. Namun **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteliti dan bagaimana kita akan melahirkan belia 'kitani' yang mahir secara asas menunggang kuda.

Untuk makluman juga, kementerian ini juga mempunyai satu fasiliti kemudahan memanah di Kompleks Sukan Jerudong yang digunakan oleh Persatuan Memanah Negara Brunei Darussalam.

Kita melihat bahawa sukan ini dapat diperkembangluaskan lagi di daerah lain dengan penggunaan aset seperti padang-padang bola sepak sebagai tempat latihan memanah dengan syarat mengikut peraturan dan garis panduan bagi sukan berkenaan, demi untuk menjaga aspek keselamatan pelatih, pemanah dan orang awam.

Bagi sukan renang. Kemudahan kolam renang terdapat di keempat-empat daerah di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Statistik penggunaan Kolam Renang Kebangsaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Kolam Renang Anggerek Desa telah mencatatkan lebih 93,000 pengguna pada tahun 2022/2023. Dikongsikan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menentukan hari-hari yang khusus bagi kaum 'Hawa'. Kolam Renang Anggerek Desa adalah dikhaskan bagi wanita sahaja setiap hari Rabu petang hingga malam dan hari Jumaat sebelah pagi.

Secara ringkasnya, kementerian ini menyambut baik cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai kolaborasi dengan kementerian-kementerian lain serta pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengukuhkan lagi ekosistem sukan melalui pembangunan kapasiti, pengetahuan kursus kejurulatihan dan teknikal sukan bagi apa juga bidang sukan dengan kerjasama sudah setentunya persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk sama-sama mendukung pembangunan dan meningkatkan penyertaan masyarakat

untuk bersukan di negara ini ke arah negara sukan yang gemilang.

Menyentuh usulan Yang Berhormat mengenai bantuan kepada Ibu Tunggal termasuk kemudahan perumahan dan pemberian nafkah kepada anak-anak daripada bekas suami. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM menyambut baik cadangan mengenai bantuan kepada Ibu Tunggal termasuk kemudahan bantuan perumahan dan pemberian nafkah kepada anak-anak daripada bekas suami. Bidang tugas Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) setakat ini hanyalah memberikan perlindungan kepada wanita atau isteri yang memerlukan perlindungan kerana masalah keganasan rumah tangga.

Tempat-tempat perlindungan tidaklah terhad kepada Kompleks Rumah Kebajikan (PRK) sahaja, malahan jabatan ini akan membuat intervensi dengan ahli keluarga terdekat bagi sama-sama menangani dan memberikan perlindungan yang optimum bagi mangsa-mangsa yang berkenaan.

Selain perlindungan, bantuan lain juga akan dihulurkan mengikut kriteria berkenaan dan tidak terhad kepada bantuan kewangan dan perumahan. Malahan juga perkhidmatan kaunseling dan bantuan ini juga dilaratkan tanggungan terutama golongan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Menyentuh mengenai isteri yang telah bercerai menuntut nafkah bagi anak-

anak, jabatan ini difahamkan melalui pendekatan dengan klien-klien terdapat proses-proses menuntut hadanah iaitu selepas penceraian iaitu tentang hak penjagaan anak dan nafkah. Nasihat dan bimbingan mengenai proses berkenaan boleh didapati melalui Program Khidmat Nasihat Keluarga, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Manakala borang-borang boleh didapati di Mahkamah Syariah bagi tuntutan-tuntutan berkenaan dengan bayaran yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang tidak mampu membuat pembayaran terdapat juga proses untuk menuntut sebagai orang miskin yang jika permohonan diterima maka tidak ada bayaran yang dikenakan terhadap permohonan tuntutan yang dinyatakan tadi.

Berhubung dengan cadangan membantu rakyat yang susah dibantu oleh kumpulan yang berinfak dan bagi pihak JAPEM turun padang. Secara amnya, pihak JAPEM dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang mengalu-alukan bantuan seperti ini yang 'diungkayahkan' pihak-pihak yang berkenaan cuma, pada dasarnya, iaitu apabila bantuan-bantuan ini dihulurkan sudah setentunya fakta-fakta yang disebarkan (*viral*) melalui *social media* dan sebagainya perlulah tepat dan tidak berupa perkara-perkara yang tidak tepat yang boleh mengelirukan orang ramai.

Jadi sudah setentunya jika ada hasrat untuk memberi bantuan kepada golongan sasaran ataupun golongan yang

memerlukan bantuan sudah setentunya kita melalui JAPEM dan jabatan-jabatan berkenaan di bawah kementerian ini membukakan jalan untuk kita bekerjasama dan berkolaborasi.

Cadangan kedua mengenai industri bola sepak. Ini khusus kepada bola sepak, sudah setentunya kaola bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi bahawa memanglah ada impaknya kepada sektor ekonomi, apa pun jenis sukan bukannya bola sepak sahaja, semua jenis sukan memang ada impaknya terhadap ekonomi negara, cuma cara kita mengolahkannya bagaimana kita akan dapat meraih kelebihan-kelebihan yang terdapat daripada sukan itu untuk memajukan sektor-sektor tertentu termasuk sektor sukan ataupun bidang sukan tertentu dari segi sumbangannya kepada ekonomi negara.

Berhubung dengan kelab-kelab yang tidak mempunyai fasiliti sendiri, negara kita, Negara Brunei Darussalam sudah setentunya merupakan sebuah negara yang kecil dan mana-mana pun prasarana sukan, kemudahan-kemudahan sukan termasuk padang-padang, memanglah agak terhad dan kos pemeliharaan bagi padang-padang dan kemudahan-kemudahan sukan ini sudah setentunya akan meningkat tinggi berdasarkan penggunaan-penggunaan, kemudahan-kemudahan sukan tersebut.

Bagaimanapun, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan ini akan diteliti. Bagaimana kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada akan dapat diguna pakai secara guna sama

bagi kelab-kelab sukan dan juga penggemar-penggemar sukar dan atlet-atlet yang ingin menggunakan kemudahan-kemudahan seperti ini.

Bola sepak sudah setentunya satu bidang sukan yang sangat digemari di negara ini dan kita pun ada mempunyai Persatuan Bola Sepak Negara yang kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Persatuan-Persatuan Sukan bukan bola sepak sahaja, setiap persatuan sukan yang lain untuk memacu dan melihat bagaimana bidang sukan itu akan dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Jadi itu saja jawapan kaola sekiranya ada yang terlepas perhatian mungkin akan dapat kaola jawab secara bertulis dan sebagainya.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِلَهَ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, **وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kerana mengongsikan tumpuan-tumpuan yang akan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2023/2024 semalam secara komprehensif, padat dan jelas.

Kaola juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setakat ini.

Kaola ingin mengemukakan beberapa perkara sahaja untuk pencerahan dan saranan:

1. Kaola perhatikan dalam Petunjuk Prestasi Utama mengenai peratus lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia berkecimpung dalam Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) hanya disasarkan dalam 15% dari Tahun 2023 hingga Tahun 2026. Pertanyaan kaola, mengapa hanya 15% bukan 20% atau lebih daripada itu? Adakah sudah dibuat penelitian mengenai puncanya yang sebenar, adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memantau lepasan-lepasan ini sama ada mereka meneruskan bisnes mereka atau sebaliknya?;
2. Kaola ingin menyentuh mengenai peratus lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia mendapat pekerjaan yang nampaknya *constant* juga mendarat pada tahap 50% saja. Dalam mukadimah semalam Yang

Berhormat telah mengongsikan bahawa kementeriannya telah dapat 'melimpasi' sasaran ini, yang sebahagian pelatih-pelatih ini berkecimpung dalam perniagaan dan selebihnya 40% telah meneruskan pengajian mereka.

Kaola mengucapkan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pencapaian yang 'melimpasi' sasaran ini pada tahun 2022, namun kaola berharap sasaran 61% yang dicapai akan dapat ditingkatkan lagi atau sekurang-kurangnya dipertahankan pada tahun-tahun yang akan datang.

Sehubungan itu, kaola ingin pencerahan, adakah penuntut-penuntut ini juga menjalani kursus untuk menambah kemahiran mereka dengan memasukkan subjek-subjek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, pengurusan teknikal dan pemasaran semasa mereka masih menuntut di Pusat Pembangunan Belia (PPB) ini? Kemahiran ini kaola rasa adalah penting untuk memberikan mereka lebih banyak *advantages* dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan.;

3. Kaola ingin menyentuh mengenai Sistem Kebajikan Negara (SKN) dari aspek yang berlainan daripada yang telah disentuh oleh rakan Ahli Yang Berhormat tadi. Kaola tertarik penerangan daripada Yang Berhormat tadi mengenai pencapaian dan manfaat Sistem Kebajikan

Negara dalam mengumpul maklumat mengenai golongan yang memerlukan bantuan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Sistem Kebajikan Negara ini telah dapat menyelaraskan maklumat-maklumat peribadi pemohon dan dapat mengelakkan pemberian bantuan yang bertindih. Namun kaola kurang pasti sama ada pengagihan semua bantuan telah pun dilaksanakan secara bersepadu atau masih seperti dulu yang ia dilaksanakan secara berasingan oleh agensi-agensi yang berasingan.

Kaola ingin memohon pencerahan sama ada adakah rancangan kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk meyatukan semua pengagihan bantuan kepada golongan ini pada satu tumpuan utama ataupun *focal point* sahaja bagi memudahkan pengagihannya lebih bersepadu, teratur dan berkesan? Kita berharap isu ini akan dapat ditangani secara menyeluruh dan bersepadu melalui penanganan isu-isu yang berkait rapat dengan punca keseluruhan masalah kemiskinan ini yang mencakupi semua aspek seperti kadar pengangguran, pertumbuhan ekonomi, budaya, cara hidup, sistem pendidikan, kesejahteraan dan *mindset* dan lain-lain;

4. Kaola juga ingin menyentuh 2 Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu:

- i. Jumlah atau peratus penerima bantuan yang mendapat pekerjaan.; dan

- ii. Peratus penerima keluar daripada Program Bantuan Kebajikan.

Kaola ingin mengemukakan 2 pertanyaan berkaitan Petunjuk Prestasi Utama ini:

- i. Berapakah dari jumlah penerima ini adalah *able bodied*? Adakah *trend* keramaian peminta bantuan ini bertambah atau sebaliknya? Apakah usaha-usaha kementerian untuk meningkatkan peratus penerima-penerima ini mendapat pekerjaan dan keluar daripada Program Bantuan Kebajikan ini?; dan

- ii. Apakah aspek-aspek kemahiran yang telah dibekalkan kepada penerima-penerima ini setakat ini bagi membolehkan mereka dapat berdikari dan menyara hidup tanpa berharap kepada bantuan orang lain?; dan

5. Kita sering 'memberigakan' hasrat dan matlamat negara untuk menjadi *Connected Smart Nation*. Ke arah merealisasikan sasaran negara sebagai *Connected Smart Nation* ia memerlukan rakyatnya mempunyai pengetahuan dan celik digital. Kemahiran digital ini bukan saja perlu diterapkan kepada kalangan penuntut sekolah, belia, *working population* sahaja, malahan

sepatutnya juga dilaratkan kepada semua peringkat rakyat termasuk golongan Warga Emas. Sebagaimana yang kita sedia maklum kebanyakan Warga Emas ini adalah masih kurang mahir dalam penggunaan teknologi digital.

Ke arah itu, kaola ingin mengajukan pertanyaan. Adakah cadangan Kementerian untuk memperluaskan inisiatif pendidikan digital kepada Warga Emas bukan saja di pusat-pusat Warga Emas malahan di tempat-tempat khas misalannya kelas-kelas khusus secara menyeluruh?

Kaola cadangkan supaya perkara ini akan dapat diteliti *viability*nya dan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi yang berkepentingan bagi kemungkinan untuk *spearhead* perkara ini sebagai aktiviti memperkasa kapasiti Warga Emas.

Sasaran pertama yang kaola ketengahkan ialah golongan Warga Emas yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ini ialah bagi memudahkan mereka memasarkan produk-produk mereka secara *online*. Perkara ini kaola bangkitkan kerana menurut maklum balas yang diterima bahawa semasa *COVID-19* sebilangan bisnes Warga Emas ini telah terjejas dan ada yang terpaksa ditutup disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk memasarkan produk-produk mereka secara *online* seperti

yang dilakukan oleh peniaga-peniaga belia yang menggunakan *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp* dan banyak lagi *apps* yang lain. Dengan pengetahuan ini, sekurang-kurangnya ia akan meningkatkan pendapatan mereka secara berterusan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sekianlah, yang dapat kaola kongsi untuk pencerahan dan cadangan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diajukan tadi. Kaola ingin menyentuh yang akhir sekali iaitu:

1. *Connected Smart Nation*. Kemahiran digital sudah setentunya salah satu kemahiran yang amat penting apabila kita melangkah dari alam persekitaran yang kita terbiasa berjinak-jinak dengan *Internet*, *online* dan sebagainya. Ini sudah setentunya menyumbang kepada tatacara kita mengusahakan usaha kita sama ada dalam bidang perniagaan ataupun memperluas, memasarkan produk-produk kita. Bagi sebilangan Warga Emas termasuk kaola sendiri walaupun belum mencapai Warga Emas tapi hampir-hampir menjadi Warga Emas, memanglah kita tidaklah setangkas generasi-generasi baharu dalam kita menggunakan kemahiran digital dan sebagainya.

Cadangan ini sudah setentunya satu cadangan yang baik dan abiskaola di kementerian ini sudah setentunya akan meneliti cadangan ini bagaimana untuk kita menerapkan kemahiran-kemahiran asas ini kepada Warga Emas kita bukan sahaja di pusat-pusat Warga Emas tapi juga di tempat-tempat lain dan sudah setentunya kita akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan.;

2. Mengenai *KPI* JAPEM atau peratus yang mendapat kerja dan berapa banyakkah yang *able bodied*? Kaola memohon untuk akan berbalik semula kepada perkara ini nanti dan cuba untuk mendapatkan dulu maklumat-maklumat terperinci mengenai peratus yang dimaksudkan tadi dan juga peratus lepasan PPB.

Apa yang dapat kaola kongsiakan Pusat Pembangunan Belia ini banyak menawarkan program dan salah satu program yang merupakan satu kemahiran asas yang kementerian ini cuba untuk menerapkan adalah kemahiran menangani hal-ehwal kewangan dan bisnes. Walaupun secara ringkas dan asasnya, belia ini perlu diberikan kemahiran ini sekurang-kurangnya dapat mengurus *cash flow*, dapat melihat *balance sheet*, apa pun hasil dari bidang-bidang keusahawanan mereka ini.

اَللّٰهُمَّ perkara ini akan diteruskan dan kemahiran menangani hal-ehwal kewangan dan bisnes ini sudah setentunya akan diteruskan dan akan diteliti lagi bagaimana program-program serupa ini dapat dikendalikan dengan cara lebih berkesan.;

3. Mengenai peratus lepasan PPB yang menjalani kursus. Perkara ini juga kaola ingin mendapatkan maklumat terperinci lagi dari segi peratus lepasan yang boleh nanti kaola kongsiakan sedikit masa lagi. Apakah usaha untuk keluar daripada kebergantungan pada bantuan-bantuan yang dihulurkan?

Sebenarnya apa yang ditawarkan di Pusat Pembangunan Belia ini ada juga program-program ditawarkan kepada golongan sasaran ini. Objektif utamanya sama seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu cuba untuk menarik golongan ini daripada terlalu bergantung pada bantuan yang dihulurkan. Ertinya mereka sedikit sebanyak akan dapat berusaha dan berdiri di atas kaki sendiri untuk mendapatkan sumber pendapatan. Inilah dihasratkan yang kita menyediakan program-program di bawah Pusat Pembangunan Belia.

Sekian, itu saja barangkali yang dapat kaola cuba untuk menjawab pada setakat ini. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ butir-butir lain yang lebih terperinci akan kaola cuba dapatkan

dahulu sebelum kaola menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Tentang Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Kaola merujuk kepada *KPI* peratus penerima keluar daripada Program Bantuan Kebajikan. Anggaran peratusan tahun 2021/2022 ialah sebanyak 5% manakala peratus sebenar tahun tersebut meningkat sebanyak 1% iaitu sebanyak 6% secara keseluruhan. Sasaran bagi peratus keluar daripada Program Bantuan Kebajikan bagi tahun 2023/2024 hingga 2025/2026 adalah sebanyak 5%.

Jika diteliti secara purata sebanyak 5% sahaja penerima keluar dari Program-Program Bantuan Kebajikan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Hal ini telah menunjukkan tidak ada peningkatan dari segi kadar peratusan penerima keluar daripada Program Bantuan Kebajikan dan seharusnya sasaran mampu mencapai *target* yang lebih tinggi dengan adanya Skim Kebajikan

Negara (SKN) dan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang menggalakkan orang bekerja termasuk bekerja sendiri (*self-employed*).

Disarankan kepada pihak kementerian mengundang pihak Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) memberi taklimat kepada penerima-penerima bantuan untuk mengetahui lebih lanjut akan kelebihan Skim Persaraan Kebangsaan. الْحَمْدُ لِلَّهِ dan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjaya mengintegrasikan data-data berkaitan dengan penerima-penerima bantuan dalam satu *database*, Sistem Kebajikan Negara. Pengesahan perlu dibuat dengan menggandakan lawatan susulan ke tempat kediaman penerima-penerima bantuan ini untuk menilai dan mengenal pasti pelan-pelan tindakan yang bersesuaian bagi membantu mereka keluar dari kemiskinan.

Sebagai contoh, adanya minat mereka dalam membuat kuih-muih, sebaiknya adanya bantuan dari segi peralatan-peralatan yang diperlukan bagi memulakan perusahaan dan juga dari segi bantuan untuk mempromosikan perusahaan mereka.

Kaola ingin mencadangkan integrasi selanjutnya untuk memudahkan dan melicinkan proses membuat keputusan berkaitan bantuan

kebajikan di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, ada 4 buah agensi yang menghulurkan bantuan dengan dana (*fund*) mereka sendiri iaitu JAPEM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Kaola cadangkan penubuhan satu jawatankuasa atau badan penilai, *decision body* yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada keempat-empat agensi yang berkepentingan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan tanggungjawab seperti berikut:

- i. Menapis bagi permintaan baharu.;
- ii. Menilai jenis bantuan.;
- iii. Peruntukan kategori bantuan, contoh: Zakat peralatan sekolah.;
- dan
- iv. Syarat-syarat bantuan, contoh: jangka masa bantuan yang terhad sahaja.

Sumber dana adalah seperti keadaan sekarang sebagaimana contoh melalui sumber Zakat dan Baitul Mal dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jawatankuasa ini juga membahaskan cadangan-cadangan untuk menghentikan bantuan bagi penerima bantuan yang sudah dapat

berdikari dan pemantauan yang akan dibuat.;

2. Mengenai Pusat Sejarah Brunei. Kaola merujuk indikator jumlah pengunjung ke Pusat Sejarah Brunei, sasaran berjumlah 8,000 orang adalah rendah berbanding dengan jumlah sebenar 36, 376 orang bagi tahun 2021 dan tahun 2022. Dalam hal ini, kaola memohon pencerahan:

- i. Apakah alternatif atau perkembangan terbaru Pusat Sejarah Brunei dalam mempromosikan sejarah Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat umum mahupun para pelancong?;
- ii. Sejauh manakah keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Sejarah Brunei? Adakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan hanya memfokuskan pelajar-pelajar sahaja?; dan
- iii. Apakah langkah-langkah atau inisiatif Pusat Sejarah Brunei untuk memodenkan atau mendigitalkan bahan-bahan atau sumber-sumber sejarah yang terdapat di Pusat Sejarah Brunei agar memudahkan para pengkaji mengakses sama ada secara fizikal mahupun secara *online*?;

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diajukan.

Kaola ingin menyentuh mengenai cadangan untuk mengintegrasikan proses bantuan SKN. Kaola rasa perkara ini juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim tadi yang kaola terlepas perhatian. Maklumat mengenai penerima bantuan secara sepadu ataupun masih seperti dahulu.

Sebenarnya sistem ini, matlamatnya adalah untuk menyalurkan permohonan bantuan itu, ertinya lebih merupakan kepada suatu *focal point* bagi orang ramai yang memerlukan bantuan menyalurkan permohonan. Jenis-jenis bantuan seperti yang disebutkan tadi memang lebih daripada satu iaitu JAPEM, Kementerian Pendidikan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Masing-masing dikawal oleh aktanya, dan juga prinsip-prinsip *fundamental* umpamanya agihan Zakat. Memang ada prinsip-prinsip *fundamental*nya sendiri yang tidak sama dengan bantuan-bantuan lain yang dihulurkan.

Namun bagaimanapun, contoh bantuan yang dihulurkan oleh JAPEM dan bantuan dari Kementerian Pendidikan iaitu bantuan persekolahan telah dapat disatukan dan ia إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan lebih

dapat meringkaskan lagi tatacara permohonan bantuan dan ia masih dalam peringkat awal dan sudah setentunya pada masa akan datang, banyak lagi perkara yang akan dapat dikemaskinikan untuk mencapai matlamat utamanya untuk memudahkan bagi pihak penerima bantuan ini ataupun pemohon-pemohon penerima bantuan ini untuk mendapatkan bantuan. Itu mengenai SKN.

Cadangan pihak JAPEM untuk mengundang pihak SPK memberikan taklimat. Ini sudah setentunya satu cadangan yang baik dan pihak JAPEM sudah setentunya akan meneliti bagaimana nanti akan mengundang pihak SPK untuk memberi program-program taklimat yang dimaksudkan.

Pusat Sejarah Brunei ini mungkin tidak ramai yang tahu di mana Pusat Sejarah Brunei tetapi koleksi bahan-bahan sejarah sudah setentunya amat padat dan mempunyai nilai yang tinggi dan memanglah pelbagai program yang diatur, disusun untuk menarik lebih ramai pengunjung untuk mengunjungi Pusat Sejarah Brunei dan melihat sendiri bahan-bahan koleksi di Pusat Sejarah Brunei. Sebagai contoh, setiap kali kita mengadakan 'Bandarku Ceria', Pusat Sejarah Brunei akan cuba menarik minat pengunjung-pengunjung 'Bandarku Ceria' untuk singgah ke Pusat Sejarah Brunei untuk melihat dan membawa ahli keluarga untuk melihat bahan-bahan koleksi pameran.

Mengenai memodenkan koleksi bahan-bahan, bagaimana mempamerkan. Perkara ini adalah satu perkara yang memang sedang dibuat penelitian bagaimana cara kita bukan sahaja untuk mempamerkan bahan-bahan koleksi, tetapi juga untuk melihat bagaimana kita memelihara bahan-bahan koleksi supaya ia tidak akan rosak dan baru-baru ini, kita ada menandatangani satu *Memorandum of Understanding* bersama negara Turkiye, yang pihak Turkiye akan menghulurkan bantuan dari segi pemeliharaan dan penyimpanan bahan-bahan koleksi bukan sahaja di Pusat Sejarah Brunei, tetapi juga di muzium-muzium dan tempat-tempat pameran kita.

Jadi, ini sudah setentunya merupakan satu perkara yang akan kita tangani nanti. Mungkin pada peringkat ini, itu sahaja kaola dapat kongsi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ

kaola akan cuba mendapatkan maklumat lagi yang dapat menjawab secara tepat persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan tadi.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk sama-sama membincangkan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola juga ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pembentangan Belanjawan kementerian tersebut dan seterusnya hala tuju kementerian ini.

Adalah diharapkan apa juga rancangan atau inisiatif akan dilaksanakan dapat dibuat dengan sebaik-baiknya seperti yang disasarkan khususnya golongan yang memerlukan semata-mata demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam:

1. Kaola ingin menimbulkan mengenai masa depan Orang Kelainan Upaya (OKU). Tidak syak lagi bahawa kesejahteraan Orang Kelainan Upaya adalah tanggungjawab kita bersama sebagai negara dan masyarakat yang bersandarkan kepada budaya pemedulian dan saling menghormati antara satu dengan yang lain.

Warga OKU wajar diberikan peluang sama dalam kehidupan mereka

terutama sekali dalam pendidikan mereka dari usia awal agar tidak ketinggalan jika dibandingkan dengan mana-mana individu di Negara Brunei Darussalam. Sama seperti mana-mana individu, penyediaan pendidikan dan lebih penting *progression* dalam pendidikan adalah tunggak utama yang menentukan masa depan seseorang itu.

Kaola difahamkan bahawa Pusat Pembangunan Kanak-Kanak (*CDC*) di bawah Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan merupakan antara wadah perkembangan dan pendidikan khas bagi kanak-kanak OKU yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Selain itu, terdapat fasiliti-fasiliti yang di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Pusat-Pusat Bahagia di keempat-empat daerah yang bertujuan untuk memberikan kemahiran asas kepada golongan OKU, di samping pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan *SMARTER* yang menyediakan program-program kemahiran yang tertentu bagi golongan OKU.

Walaupun terdapat beberapa *success stories* mengenai golongan OKU yang menceburi dunia pekerjaan mahupun mereka yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa,

masih terdengar rintihan-rintihan bahawa sebahagian golongan OKU ini dalam kategori mampu untuk bekerja (*able to work*) masih menghadapi cabaran besar untuk mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta.

Selain itu, pekerjaan bagi OKU seolah-olah masih banyak tertumpu kepada *backend* atau *back office* sahaja, yang boleh sahaja mengehadkan minat dan pilihan OKU dalam perkembangan kerjaya ataupun *career development* di negara ini pada masa akan datang.

Ke arah ini, kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat sejauh manakah program-program kemahiran yang disediakan bagi OKU benar-benar menepati *market* pekerjaan dan *standard* yang dikehendaki berdasarkan *market demand*? Adakah analisis pernah dibuat mengenai impak program yang disediakan bagi OKU dan kejayaan mereka dalam kerjaya?

Di samping itu, apakah usaha antara agensi-agensi berkenaan untuk memastikan lebih banyak peluang dan *variety* pekerjaan yang lebih *marketable* adalah inklusif bagi golongan OKU agar mengatasi *mismatch* antara kehendak majikan dan kemahiran serta minat OKU?

Secara keseluruhan, sudah tiba masanya untuk dipertimbangkan

bagi menubuhkan sebuah akademi atau pusat latihan di peringkat kebangsaan yang dikhususkan untuk OKU mengikut *condition capability* atau *talent* masing-masing dengan berdasarkan kepada kurikulum pendidikan yang sistematik demi memfokuskan kepada *growth* ataupun perkembangan seseorang itu dan *progression* mereka dari awal sehinggalah mereka mampu mendapatkan lebih banyak peluang pekerjaan dan *marketable*, sekali gus **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan berdikari pada masa akan datang.

Yang kaola maksudkan tadi adalah bangunan dalam satu bumbung, boleh disediakan dengan pelbagai fasiliti untuk kemudahan mereka yang berkeadaan lebih kondusif dan *environmentally friendly* seperti alat-alat pemulihan, gimnasium, kawasan beriadah, bengkel latihan, kantin, surau dan lain-lain. Ini bermakna kita boleh menyediakan *one stop center facility* khusus kepada golongan OKU ini.;

2. Kaola ingin menimbulkan tentang Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak. Dalam kita bersama-sama memastikan kesinambungan budaya negara dan bangsa Brunei, kaola berpendapat bahawa institusi keluarga memainkan peranan yang penting dan berharga khususnya dalam pembangunan sahsiah. Membangun sahsiah ini harus bermula dari kanak-kanak dan

pendidikan tidak formal yang bermula dari rumah merupakan pendedahan awal kanak-kanak kepada kehidupan.

Dalam Dewan ini, kaola ingin menyuarakan kebimbangan sebahagian orang ramai mengenai cabaran-cabaran terhadap identiti 'kitani' orang Brunei yang kaola khuatiri ia mungkin semakin hakis dari sedikit ke sedikit, disebabkan oleh ledakan informasi dari penggunaan teknologi informasi komunikasi. Misalannya sahaja, kita melihat kanak-kanak lebih menguasai atau fasih dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan kemahiran kepercayaan mereka dalam bahasa ibunda 'kitani' sendiri.

Belum lagi berkeupayaan untuk menguasai sejarah, 'bahasa dalam', penulisan, kesusasteraan, budaya dan cara hidup orang Brunei. Kaola juga melihat inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menangani isu ini haruslah bukan bersifat *isolation* dan *complacent*.

Dari itu, apakah usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara lebih *collective* bukan sahaja antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi hendaklah juga bawa bersama agensi yang relevan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan sebagai satu pasukan yang memastikan pendedahan awal termasuk yang

berunsurkan ajaran agama Islam, nilai norma, budaya dan sejarah orang Brunei dan lain-lain diterapkan di peringkat awal lagi khususnya di Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak,?

Dapatlah latihan-latihan khas diberikan kepada Pusat Penjagaan Kanak-Kanak ini agar digembelengkan dengan program Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang lain seperti pembahagian pek literasi awal kanak-kanak dan sebagainya dilaksanakan sebagai Program Pembangunan Jati Diri Kanak-Kanak.

3. Kaola ingin menimbulkan tentang kemiskinan. Yang Berhormat Pengerusi, kemiskinan seringkali dirujuk sebagai satu fenomena kekurangan, ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan seisi rumah sehingga menjurus kepada penggunaan yang tidak cukup mahupun lengkap.

Risiko disebabkan perumahan yang berkualiti rendah menyebabkan mudah terdedah kepada masalah kesihatan, jenayah dan bencana alam semula jadi. **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** lazimnya langkah-langkah pembasmian kemiskinan di negara ini dilaksanakan dalam bentuk bantuan kebajikan yang bertujuan meringankan bebanan rakyat di negara ini dalam kumpulan miskin dan berpendapatan rendah untuk meningkatkan kualiti mereka, di samping mengurangkan

bebanan yang kaola maksudkan tadi.

Dengan ketiadaan *poverty line index*, pengukuran atau takrif kemiskinan di negara ini, jika kaola tidak silap, adalah masih berasaskan garis panduan yang diguna pakai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama:

- i. Dapatkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama menyatakan data ataupun keramaian terkini golongan yang diistilahkan atau ditakrifkan dalam golongan kemiskinan?;
- ii. Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan strategik untuk menyemak semula atau merangka takrif baharu kemiskinan ini, dengan mengambil kira seperti kenaikan harga barang-barang keperluan seharian dan juga kos-kos yang lain seperti kos pengangkutan, kos harga rumah, pinjaman dari bank dan lain-lain.

Inilah yang sebenarnya apa yang kita maksudkan ialah mengenai *net income* atau pendapatan yang mereka perolehi selain perbelanjaan asasi yang perlu mereka bayar dari sebulan

ke sebulan. Sekiranya strategi yang ada untuk mengatasi isu kemiskinan yang semakin ketara ini atau program untuk membantu golongan yang tersepit dalam lingkungan kemiskinan atau *poverty cycle* agar dapat keluar dari lingkaran tersebut masih kurang berkesan, bagi pendapat kaola.; dan

- iii. Kaola seterusnya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat kajian yang lebih terperinci berdasarkan kepada keadaan semasa supaya mereka yang 'bulat-bulat' berharap sepenuhnya kepada Bantuan Kebajikan Bulanan yang mereka terima setiap bulan atau sebagai penerima Asnaf ini, benar-benar boleh menukar *mindset* mereka untuk menjadi golongan mandiri dan tidak lagi mengharap sepenuhnya ke atas bantuan-bantuan yang diberikan selama ini oleh pihak yang berkenaan.

Barangkali, kaola fikir perkara ini juga ada kaitan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.;

4. Seterusnya ialah peluang pekerjaan bagi belia yang tidak berkelayakan. Kaola ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk menjana lebih banyak peluang kepada belia untuk berkecimpung dalam pelbagai inisiatif untuk membangun keperibadian dan *skills set* mereka khususnya untuk meningkatkan pemasaran pekerjaan kepada mereka yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat belia yang mungkin dikatakan tercicir atas sebab terkeluar daripada sistem pendidikan pada usia yang muda ataupun sebab-sebab lain yang tertentu. Belia ini juga hendaklah diberikan peluang untuk menjadi insan yang berguna dan tidak dibiarkan begitu sahaja sehingga menjadi tambahan dalam golongan pengangguran, menjadi pemohon bantuan kerajaan dan besar kemungkinan akan menimbulkan masalah sosial atau terlibat dalam jenayah seperti mana yang kita dengar dalam berita dari semasa ke semasa.

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha Pusat Pembangunan Belia, apakah peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk meningkatkan lagi *outreach program* yang menjadi isu atau masalah sosial yang lebih serius? Apakah strategi utama untuk menghindari perkara sedemikian boleh berlaku pada masa akan datang?; dan

5. Dalam pada itu, kaola belum lagi dapat kepastian, kaola akan menimbulkan mengenai Melayu Islam Beraja sama ada di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun kementerian yang lain?

Jika dapat kaola boleh menimbulkan Yang Berhormat Pengerusi?

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira ada baiknya jika kita memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain juga untuk bertanya. Yang Berhormat telah mengajukan beberapa soalan, biarlah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan cuba untuk menjawab ataupun memberi keterangan yang lanjut.

Jadi, soalan-soalan lain bolehlah kita timbulkan dalam satu ketika yang lebih bersesuaian kemudian nanti.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf: Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola, dan kaola sudahi dengan,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan.

Kaola bersetuju banyak soalan ini. Kaola akan cuba untuk menjawabnya dan seandainya kaola belum dapat menjawabnya, kaola memohon izin untuk kembali semula nanti.

Pertama sekali, kaola ingin menyentuh isu kemiskinan. Isu kemiskinan merupakan salah satu isu sosial di samping isu-isu sosial lain.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan kementerian-kementerian lain telah mengambil pendekatan senegara dalam menangani isu-isu seperti ini. Pada peringkat nasional, kita ada menubuhkan satu jawatankuasa peringkat nasional iaitu Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

MKIS ini meneliti dan melihat bagaimana cara pihak kerajaan secara bersepadu dapat menangani isu-isu sosial yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, salah satunya adalah isu kemiskinan, langkah-langkah pembasmian kemiskinan yang berbentuk bantuan dan memanglah tidak terhad kepada langkah-langkah yang berbentuk bantuan kerana kita juga memahami bahawa untuk mereka ini keluar daripada kitaran kemiskinan, mereka memerlukan perubahan minda untuk tidak bergantung secara berterusan pada bantuan kerajaan tetapi untuk cuba berusaha dan berdiri di atas kaki sendiri.

Untuk memudahkan ke arah itu, beberapa program kemahiran disusun

untuk membantu bagaimana golongan ini akan dapat keluar daripada kitaran kemiskinan ini. Dari segi perancangan strategik untuk mengambil kira kos yang meningkat untuk melihat takrif kemiskinan, setakat ini belum ada perancangan untuk meneliti semula tetapi yang diguna pakai masih lagi takrif kemiskinan yang kita gunakan selama ini oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mahupun kementerian-kementerian yang lain.

Dari segi kajian secara terperinci, adakah sudah dibuat. Sistem Kebajikan Negara (SKN) memang mempunyai ciri-ciri yang membolehkan kita mengenal pasti dan membuat peta golongan ini dan bagaimana cuba untuk menukar dan mengubah *mindset* minda kepada yang lebih mandiri.

Kebanyakannya apabila mereka duduk diam secara berkumpulan dari golongan yang sama merupakan lebih sukar untuk kita cuba menukar minda dan *mindset* golongan tersebut. Bagaimanapun, perkara ini sudah setentunya akan ditunduki lagi dan diteliti secara lebih terperinci.

Orang Kurang Upaya (OKU). Seperti cadangan Yang Berhormat tadi itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sedang dalam perancangan untuk mendirikan satu Pusat Orang Kurang Upaya (OKU) yang di bawah satu bumbung untuk dapat menempatkan program-program kemahiran bagi memastikan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) akan

mendapat kemahiran yang sejajar dengan keperluan sektor-sektor dan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor ekonomi di negara ini.

Keluhan-keluhan sering didengar oleh kementerian ini yang para ibu bapa ingin melihat anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) berdiri di atas kaki sendiri, mendapat sumber-sumber pendapatan yang membolehkan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) untuk berkeluarga dan beranak-pinak, menyara keluarga masing-masing tanpa bergantung pada ibu bapanya ataupun mana-mana pihak.

Perkara ini adalah merupakan satu cabaran kerana Orang Kurang Upaya (OKU) keperlunya berbeza-beza tertakluk kepada keperluan-keperluan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) masing-masing. Adalah diharapkan dengan adanya Pusat Orang Kurang Upaya (OKU) ini nanti program-program kemahiran akan dapat dikendalikan dan ditawarkan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU).

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga bekerjasama rapat dengan pihak *MPEC* untuk cuba memberi peluang bagi anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) peluang-peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan oleh syarikat-syarikat. Baru-baru ini satu *job fair* yang dapat kita lihat peningkatan dari syarikat-syarikat yang menawarkan pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU).

Seperti Yang Berhormat timbulkan tadi pekerjaan itu adalah terhad kepada *back office* dan ia tertakluk kepada setiap anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) itu apa keperluannya dan keupayaannya yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Kita berharap pada masa akan datang lebih ramai lagi syarikat yang akan dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU).

Satu perkara yang ingin kaola kongsikan, dari sejak beberapa tahun kebelakangan ini ada beberapa organisasi di Negara Brunei Darussalam yang sudah tidak asing lagi menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU). Contohnya, Tabung Amanah Pekerja (TAP) dari dahulu lagi telah pun menawarkan bidang-bidang pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) dan bukan itu sahaja, mereka mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) dengan warga pegawai dan kakitangan di Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan pegawai dan kakitangannya sendiri mengambil inisiatif untuk belajar 'bahasa isyarat'. Ini sudah setentunya adalah satu perkara yang dapat dibanggakan. Agensi-agensi lain yang kaola difahamkan juga adalah Jabatan Pengangkutan Darat juga ada mengambil dan memberi peluang-peluang kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU). Ini merupakan satu contoh yang baik yang dapat disebarluaskan lagi yang lebih ramai lagi agensi-agensi kerajaan mahupun swasta

bukan kerajaan untuk membuka peluang-peluang pekerjaan kerana ia merupakan salah satu *CSR* bagi syarikat-syarikat swasta.

Baru-baru ini kaola berpeluang cuba untuk menggalakkan syarikat-syarikat kerajaan *GLC's* untuk cuba melihat perkara ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika sekiranya peluang-peluang itu akan dapat kita buka dan ia sudah setentunya akan memberi keyakinan kepada ibu bapa anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) dan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) itu sendiri.

Kaola berhenti sahaja dahulu dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan cuba mendapatkan maklumat-maklumat lagi untuk mana-mana soalan yang kaola tidak dapat menjawab pada masa ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan maklumat-maklumat lanjut kaola akan cuba menjawab pada satu ketika nanti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang sepanjang hari dan telah meneliti atau mendengar taklimat dari dua kementerian.

Pada pagi tadi kita telah pun mendengar mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kita juga telah mula membincangkan mengenai Rang Undang-Undang Belanjawan kementeriannya pada tengah hari tadi, memanglah bertujuan untuk meneruskan dan memikirkan

mengenai Kementerian Kesihatan dan kita memohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kita tidaklah cuba untuk mengenepikan kementerianya yang sangat penting dan strategik dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan melaksanakan tugas-tugas yang penting itu kemungkinan pada hari esok dan kita akan juga perlu melaksanakan tugas-tugas meneliti Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh sebab saya kira masanya adalah sangat singkat bagi kita sekarang ini dan setentunya Kementerian Kewangan dan Ekonomi masih tertunggu-tunggu mengenai bila kita cuba untuk meluluskan Rang ini. Kita mempunyai satu lagi kementerian yang belum kita sempat melihatnya, iaitu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga Tajuk Kemajuan yang perlu juga kita tunduki.

Dalam keadaan kita yang serba kekurangan masa, saya harap Ahli Yang Berhormat akan bekerjasama dengan pihak kerajaan terutamanya dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi supaya kita akan dapat meluluskan Rang yang kita hadapi dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

Saya kira cukuplah sekian kita berbincang mengenai Rang Belanjawan setakat ini dan saya ingin menangguhkan

Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu setelah sepanjang hari kita bersidang. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada esok hari Rabu, 22hb. Mac 2023 seperti biasa mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 29hb. Syaaban 1444H/22hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kelima belas, Rabu, 29hb. Syaaban 1444H bersamaan 22hb. Mac 2023, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .

اللَّهُمَّ، kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat semula berkumpul hadir pada pagi ini

bersidang bagi hari yang kelima belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Pada petang semalam, Mesyuarat Jawatankuasa masih membahaskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di depan kita masih lagi banyak perkara-perkara yang perlu diselesaikan dengan segeranya iaitu Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan operasinya mulai 1hb. April 2023.

Saya berpendapat dan saya kira tidaklah terkeluar daripada *Standing Order* kita, walaupun *Speaker* biasanya bersifat sebagai orang tengah dalam mesyuarat ini. Saya berpendapat bahawa untuk menunaikan tanggungjawab kita yang menentukan integriti kedudukan Majlis Mesyuarat Negara sendiri, maka setentunya perlu bagi kita untuk menyelesaikan perkara ini secepat-cepatnya.

Saya faham bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat juga Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri adalah baharu dan ada antaranya perlu mendapat banyak maklumat untuk mengetahui perjalanan dan keadaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Saya kira *venue* ini adalah satu *venue* sahaja yang membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkenaan. Setentunya ada *venue* lain dan saya

percaya Yang Berhormat Menteri-Menteri bersedia dengan pegawai-pegawai dalam kementerian masing-masing untuk menerima Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada secara peribadi atau secara berkumpulan mahupun secara bertulis untuk membentangkan apa juga masalah, kemusykilan yang terdapat dan saya juga percaya bahawa walaupun kita sekarang boleh menyuarakan soalan-soalan tentunya soalan-soalan yang dikemukakan itu memerlukan penelitian yang lanjut daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi, itulah sebabnya kita melihat bahawa sungguhpun tajuk-tajuk kementerian-kementerian yang berkenaan sudah kita luluskan, Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan masih lagi boleh memberikan penerangan lanjut mengenai perkara-perkara yang belum dijawab. Timbal balik ini menunjukkan bahawa adanya persefahaman yang kukuh dalam persidangan kita.

Saya mintalah kalau sekiranya tidak menjadi keberatan kepada Ahli-Ahli Berhormat yang suka untuk bertanya, kalau sekiranya pertanyaannya itu minimum dan tepat kepada perkara-perkara yang dituju dan sebaik-baiknya tertumpu kepada Belanjawan yang kita tunduki pada ketika ini. Mana-mana soalan yang lain misalannya jalan yang belum dibina, rumah yang terbakar dan seumpamanya yang biasa terjadi dalam kita menghadapi cabaran-cabaran hidup ini bolehlah dikemukakan kemudian dalam apa juga keadaan yang

membolehkan abiskita semua berbuatya.

Saya juga ingin menyatakan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai masa untuk membuat ucapan-ucapan apabila kita memberikan kesempatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memberikan Ucapan-Ucapan Penangguhan. Mungkin barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah membuat apa juga seruan dan saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri setentunya akan dapat mengambil iktibar ataupun sekurang-kurangnya mencatat kemusykilan yang terdapat dalam ucapan Ahli-Ahli Yang Berhormat kemudian dan akan dapat sama ada diselesaikan ataupun dipertimbangkan.

Saya percaya setiap yang dicadangkan setentunya tidak semuanya dapat diluluskan. Setiap yang dicadangkan itu harus dinilai kebaikannya dan harus dinilai kesesuaiannya menurut keadaan kita. Kita juga berhadapan banyak masalah seperti masalah kewangan, masalah kakitangan. Ia harus dibuat dalam *background* yang kita hadapi ketika ini.

Setentunya kita membuat cadangan, saya kira Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan akan mempertimbangkan tetapi dengan *limitation* yang terdapat dalam keadaan yang dihadapi mereka sendiri.

Dalam sistem kita tidak ada pasukan, tidak ada pembangkang, tidak ada pihak kerajaan, kita adalah satu *team*.

Barangkali saya bukan ahli pemain bola tetapi satu *team* tidak akan dapat bermain kalau tidak ada satu *team* yang lain tapi walau bagaimanapun satu *team* ini boleh mencapai maksud-maksud sendiri kalau sekiranya ingin menggunakan *strength*, kita menggunakan semangat kita sendiri dengan tekad kita yang satu. Maka إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Wawasan Brunei 2035 akan dapat kita capai dengan jayanya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira saya minta maaf kerana menyuarakan harapan-harapan ini dan saya kira terkeluar sedikit daripada tugas *Speaker* yang bersifat sebagai pihak yang *neutral* tetapi walau bagaimanapun penglihatan saya dalam mempengerusikan mesyuarat ini, ini adalah tahun kesembilan saya duduk mempengerusikan mesyuarat ini, saya kira tentulah kurang elok kalau sekiranya perkara Bajet ini tidak dapat kita selesaikan sebelum 1hb. April 2023.

Dengan itu saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyuarakan beberapa penjelasan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan semalam. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga Yang Berhormat Pengerusi atas nasihat dan pandangan yang penuh bijaksana mengenai pendekatan yang akan 'kitani' semua ambil dalam Majlis yang mulia ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Terima kasih lagi sekali atas peluang yang diberikan bagi kaola untuk menambah penjelasan berikutan jawapan-jawapan yang telah kaola berikan berhubung dengan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang semalam.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM serta agensi-agensi yang berkenaan untuk turun padang bagi bekerjasama dan mendukung misi kumpulan yang berinfak memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Sukacita kaola kongsikan selain ketersediaan JAPEM untuk membantu misi-misi kumpulan yang berinfak, turut kaola kongsikan bahawa sejak tahun 2019, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Program 'Merakit' Masyarakat ke kampung-kampung dan mukim-mukim di seluruh negara.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan menyebarkan maklumat mengenai peranan dan isu-isu yang ditangani oleh JAPEM khususnya isu-isu yang berkaitan dengan Sistem Kebajikan Negara, Bantuan Kebajikan Bulanan, Warga Emas dan Pencen-Pencen, Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Orang Kelainan Upaya, Kaunseling dan Talian-Talian

Kebajikan JAPEM iaitu Talian '141' dan Talian Anak '121'.

Program ini juga memberikan peluang kepada semua yang hadir untuk turut menyuarakan apa jua keperluan bantuan dan pihak JAPEM akan dapat mengambil tindakan dengan serta-merta. Program ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dilaratkan kepada kementerian-kementerian dan golongan *NGO's*. Sukacita jua kaola kongsikan bahawa sejak tahun 2019 hingga tahun 2022, sebanyak 12 sesi jerayawara 'merakit' masyarakat telah diadakan dan seramai lebih 800 orang telah pernah menyertai program ini.

Seterusnya berhubung dengan persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai sasaran 15% dalam *Performance Base Programme Budget* atau PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ia adalah merupakan sasaran tahunan yang telah ditetapkan untuk dicapai khusus bagi indikator peratus lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia yang berkecimpung dalam Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana atau PMKS. Penetapan sasaran sebanyak 15% tersebut adalah daripada sasaran keseluruhan peratus kebolehpasaran lepasan Pusat Pembangunan Belia yang telah ditetapkan iaitu 70% yang turut juga merangkumi pecahan 50% memperolehi pekerjaan dan 5% melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Mengenai kursus-kursus peningkatan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia, salah satu komponen dalam program pembangunan belia adalah pembelajaran keusahawanan, bahawa penuntut-penuntut PPB ini akan didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan perniagaan selama 144 jam. Para pelatih juga akan dinilai dan yang berminat dalam bidang ini diberi *mentorship* untuk memulakan perniagaan dan pada akhir kursus para pelatih akan mengadakan *Carnival YDC* sebagai latihan secara praktikal.

Manakala *Programme YDC Lights On* yang mula dilaksanakan pada tahun 2019 juga menerapkan aspek pembelajaran keusahawanan yang dilaksanakan dengan kerjasama *Livewire Brunei*. Ia meliputi pelajaran seperti peringkat asas keusahawanan, peringkat *masterclass* keusahawanan dan penekanan dalam promosi *Digital Marketing and Content*.

لِلْحَمْدُ لِلَّهِ, Pusat Pembangunan Belia juga dengan kerjasama rakan strategik telah mengenalkan program yang bertujuan untuk melahirkan pengusaha belia dalam kalangan individu yang kreatif, khususnya dalam bidang industri pakaian tempatan. Baru-baru ini, PPB juga telah bekerjasama dengan *School of Design, University Technology Brunei* dan *Aewon Garment & Embroidery* dalam pelaksanaan bengkel 3 hari dalam *module fashion design technology*.

Berhubung SKN yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul. Mumin,

khususnya cadangan untuk menyatukan semua pengagihan bantuan agar ia dapat ditangani secara menyeluruh dan bersepadu dan mengenal pasti pelan-pelan tindakan yang bersesuaian bagi membantu penerima bantuan untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Lebih dahulu, kaola tekankan strategi pembasmian kemiskinan sememangnya ditangani secara holistik, bersepadu dan senegara melalui Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial atau yang dikenali sebagai MKIS yang ahli-ahlinya terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Pendidikan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang telah diperkenankan pada tahun 2020 mengandungi strategi pekerjaan, keusahawanan, latihan kemahiran, pendidikan, *mindset*, perumahan, pengangkutan dan juga penjagaan anak.

Inisiatif yang berkaitan yang dilaksanakan oleh setiap kementerian dan agensi yang akan mendukung strategi-strategi ini disenaraikan bersama *KPI*nya. Oleh itu, soalan mengenai *KPI* pembasmian kemiskinan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat sebenarnya terkandung di bawah pelan tindakan senegara tersebut dan bukan sahaja di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jadi dalam hubungan ini, Sistem Kebajikan Negara atau SKN telah pun direka bentuk khusus berdasarkan strategi-strategi yang kaola sebutkan tadi. SKN bukan sahaja platform untuk menyejajarkan proses pemberian bantuan dari pelbagai agensi bagi memudahkan proses permohonan bantuan secara bersistem/sistematik agar pemberian bantuan diberikan kepada orang yang benar-benar layak dan tepat pada masanya tetapi jua membantu pihak kerajaan menganalisis data terkini untuk mengetahui situasi penerima bantuan.

Laporan-laporan SKN sememangnya dikongsikan kepada Ahli-Ahli Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk tindakan seterusnya. Inisiatif-inisiatif di bawah strategi pekerjaan, strategi keusahawanan dan strategi *mindset* dalam Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan adalah termasuk memberikan taklimat dan latihan yang bersesuaian untuk memupuk minat, mendukung usaha dan meningkatkan kebolehpasaran penerima bantuan dalam mendapatkan pekerjaan ataupun berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Program pengupayaan telah dan terus diungkuhkan oleh KKBS dan JAPEM dengan kerjasama beberapa rakan strategik KKBS iaitu Program Pekerjaan, Program Keusahawanan dan Program Kemahiran dan Latihan. Melalui Program Pekerjaan, **اللَّهُمَّ** sejak tahun 2020 hingga kini seramai 430 orang daripada

golongan susah telah berjaya dibantu untuk mendapatkan pekerjaan.

Melalui Program Keusahawanan pula penerima-penerima bantuan telah disalurkan untuk mengikuti Program Berniaga dari Rumah, *Programme BIBD SEED* dan Program Bantuan Keusahawanan. Manakala melalui Program Kemahiran dan Latihan, penerima-penerima bantuan dan tanggungan mereka telah diaturkan untuk menyertai *Micro Business Bootcamp* di bawah *DARe*, Program Komuniti, Program Inovasi Belia Berwawasan dan Program Bengkel Pertanian.

Bantuan-bantuan yang terdapat dalam SKN iaitu Bantuan Kebajikan Bulanan dari JAPEM, Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin dari MUJB dan Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan yang baru diintegrasikan dengan melibatkan agensi dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, semuanya menerusi proses yang diselaraskan melalui SKN. Sejak SKN mula diperkenalkan pada 15hb. Julai 2020, ia telah memberikan impak dan perubahan kepada *trend* permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan yang mudah diakses secara dalam talian.

Setakat 20hb. Mac 2023, lebih 30,000 pengguna telah berdaftar ke dalam SKN. Bagi permohonan bantuan sebanyak lebih 47 ribu permohonan bantuan telah dicatatkan. Dari jumlah permohonan ini, sebanyak 44% adalah permohonan

kepada JAPEM dan sebanyak 46% adalah permohonan kepada MUIB.

Kejayaan SKN adalah juga dari aspek penambahbaikan dan pengukuhan tadbir urus SKN serta pemprosesan permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan walaupun pemprosesan bantuan adalah seragam dan setara akan tetapi penilaian terhadap permohonan-permohonan yang telah diproses dan bantuan-bantuan yang diagihkan adalah berbeza mengikut jawatankuasa masing-masing yang telah ditetapkan.

Untuk makluman, Jawatankuasa Bantuan Kebajikan Bulanan sememangnya melibatkan ahli-ahli dari agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pihak MUIB, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pihak MPEC selain JAPEM.

Usaha-usaha meningkatkan peratus yang *able body* dan *able to work* untuk mendapatkan pekerjaan dan mandiri ekonomi dan merealisasikan strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk berkembang maju masyarakat progresif ke arah masyarakat cemerlang, bersatu padu dan pemedulian.

Salah satu inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Tindakan Membasmi Kemiskinan ialah mengemas kini garis panduan Bantuan Kebajikan Bulanan dengan syarat mandatori bagi pemohon BKB ini yang *able body* dan *able to work* untuk berdaftar di *Job Centre Brunei*.

Sasaran *KPI* bagi inisiatif ini ialah seramai 500 golongan susah mendapat pekerjaan iaitu seramai 200 orang melalui JAPEM dan seramai 300 orang melalui MPEC.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dikongsikan bahawa jumlah yang menerima bantuan *able body* dan *able to work* yang telah berdaftar di *Job Centre Brunei* adalah seramai 355 orang pada tahun 2021 dan jumlah ini telah meningkat kepada 1,262 orang pada tahun 2022. Manakala jumlah penerima bantuan *able body* dan *able to work* yang telah mendapat pekerjaan ialah 123 orang pada tahun 2020, 157 orang pada tahun 2021, 145 orang pada tahun 2022 dan 150 orang pada tahun 2023 iaitu setakat bulan Februari tahun ini.

Sementara itu, di bawah strategi yang sama penerima-penerima bantuan yang *able body* dan *able to work* juga diberikan peningkatan dan keupayaan dalam bentuk latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah Program Komuniti. Program-program ini dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi-agensi yang berkepentingan yang lain khususnya JAPEM melalui latihan kemahiran dan program-program keusahawanan penerima-penerima bantuan, MUIB melalui Program PPB, YSHHB melalui bantuan keusahawanan dan juga DARE melalui *Micro Business Bootcamp*.

Bagi menjawab usulan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai keperluan pengesahan status penerima-penerima

bantuan melalui penggandaan lawatan susulan ke tempat kediaman mereka.

Sukacita kaola kongsi bahawa secara lazimnya pekerja-pekerja sosial dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, (JAPEM), melaksanakan lawatan ke tempat-tempat kediaman para pemohon atau penerima bantuan. Ini adalah bagi tujuan penilaian kelayakan para pemohon dalam mendapatkan bantuan dan penyambungan penerima bantuan ke tempoh seterusnya bagi memastikan bahawa pemohon atau penerima bantuan ini benar-benar layak menerima bantuan berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian menyambut baik cadangan ini untuk memastikan tiada keciciran dan ketirisan bantuan berlaku.

Selain pendekatan oleh pekerja-pekerja sosial JAPEM, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung juga memainkan peranan penting dalam mendukung usaha-usaha JAPEM. Antaranya dengan mengesahkan maklumat dan keberadaan anak-anak buah kampung mereka, membantu dalam mengakses perkhidmatan-perkhidmatan JAPEM, mengikut keperluan dan juga kelayakan mereka. Sebagai *first responders* bagi anak buah kampung yang memerlukan bantuan segera daripada bencana keganasan rumah tangga dan sebagainya.

Oleh itu, abiskaola amat mengalu-alukan pihak Penghulu dan Ketua Kampung untuk sama-sama memata-matai kesejahteraan anak-anak buah kampung

dan menjadi mata dan telinga pihak kerajaan bagi mengenal pasti mereka yang memerlukan bantuan.

Seterusnya, pada menjawab mengenai persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf mengenai usaha-usaha agensi-agensi berkenaan dalam memastikan lebih banyak peluang dan pilihan pekerjaan yang lebih *marketable* dan adalah *inclusive* bagi untuk golongan OKU.

Yang Berhormat Pengerusi. Pelbagai usaha telah 'diungkayahkan' melalui pusat-pusat latihan seperti Pusat Bahagia dan Pusat Pembangunan Belia bagi menyediakan pembangunan kemahiran vokasional inklusif yang relevan seperti bidang Seni Kreatif, Kulinari serta kursus Komputer. Setakat ini seramai 230 orang OKU berdaftar sebagai pelatih Pusat Bahagia dan 61 bekas pelatih Pusat Bahagia telah pun mendapat pekerjaan.

Usaha bagi menempatkan golongan OKU dalam bidang pekerjaan adalah satu keutamaan. Walau bagaimanapun, bagi mencapai keperluan pasaran pekerjaan yang mengalami keterbatasan dalam kalangan pihak majikan ia memerlukan pembincangan lanjut bersama pihak JPM dan MPEC khususnya pihak majikan, untuk mengambil pekerja yang berkelainan upaya (OKU).

Dalam menangani kesediaan dan pasaran golongan OKU dalam pekerjaan

dan keusahawanan, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti pihak MPEC yang setakat 28hb. Februari 2023M, telah mencatatkan sejumlah 63 orang OKU yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta serta 27 orang pencari kerja OKU yang aktif berdaftar di *Job Centre Brunei*.

Dalam usaha mengenal pasti jawatan yang boleh ditawarkan dan diisi oleh golongan OKU, pihak Sekretariat Tetap MPEC juga telah bekerjasama dengan pihak sektor swasta mengenai pengiklanan sebanyak 88 jawatan kosong dikhususkan bagi OKU semasa Pesta Kerjaya pada bulan November 2022.

Mengenai usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi tertentu bagi memastikan pendedahan awal yang berunsurkan ajaran agama Islam, nilai norma, budaya dan sejarah orang Brunei dan lain-lain fungsi diterapkan di peringkat awal lagi khususnya di Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak.

Abiskaola di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menyambut baik cadangan ini, memandangkan ia adalah selaras dengan strategi kementerian ini dalam mengukuhkan jati diri dan identiti bangsa sebagai teras pembangunan negara yang berpaksikan Melayu Islam Beraja serta usaha berterusan kementerian ini untuk meningkatkan budaya dinamik dan warisan terpelihara.

Sebagai usaha menjadikan aktiviti pembacaan di peringkat umur seawal yang mungkin, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengungkayahkan projek tahunan iaitu Program Literasi Awal yang telah bermula sejak tahun 2014 dengan memberikan sebuah pek yang mengandungi bahan bacaan kepada anak-anak yang baru lahir. Penyerahan pek Literasi Awal juga telah mula diselajurkan dengan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan sejak tahun 2015.

Antara tujuan utama program ini adalah untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah tentang kepentingan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira bagi melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat, berpengetahuan, berkualiti dan berdaya saing.

Di samping itu, penggunaan pek Literasi Awal tersebut akan dapat membudayakan institusi keluarga yang harmoni, mengeratkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak dan lebih banyak interaksi sesama insan. Ini akan dapat mengurangkan kebergantungan pada *gadget* atau *pacifier* untuk anak-anak 'damit' yang pada masa ini semakin berleluasa.

Ini bertepatan dengan Tujuan Program Literasi Awal dilaksanakan agar dapat membina hubungan yang erat antara

ibu bapa dan anak-anak mereka. Peranan ibu bapa dan *NGO's* juga penting dalam menyokong usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerapkan nilai-nilai kebruneian bagi jati diri bangsa kepada generasi penerus.

Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dan Dewan Bahasa dan Pustaka akan dipertingkatkan bagi mengembangkan lagi kandungan isi pek *Literacy* Awal dengan memuatkan bahan-bahan bacaan yang bersesuaian dengan budaya, adat resam, 'Calak Brunei', jati diri dan sebagainya, selain pengisian bahan khusus untuk mengembangkan kemahiran *literacy* dan membudayakan membaca kepada 'anak-anak damit' yang menerima pek tersebut.

Selain itu, kegiatan Literasi Awal juga akan diterapkan dengan pengenalan kepada budaya dan adat resam Negara Brunei Darussalam yang dapat meningkatkan jati diri bangsa dari awal usia.

Pada masa yang sama, kementerian kaola bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menghasilkan rangka kerja bagi *early childhood care and education* yang holistik dan lengkap untuk kanak-kanak yang baru lahir hingga kanak-kanak berumur 8 tahun.

Selaras dengan definisi *ECCA* di bawah *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* sebagai

baseline bagi memastikan kanak-kanak berkembang dengan sepenuhnya berpanduan Melayu Islam Beraja.

Seterusnya mengenai persoalan sama ada pihak kementerian ini dan Kementerian Hal Ehwal Ugama terdapat data keramaian terkini yang telah ditakrifkan dalam golongan kemiskinan. Takrif golongan miskin yang diperakukan melalui Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) adalah penerima-Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan juga penerima-penerima agihan Zakat mengikut Asnaf Fakir dan Miskin di bawah Majlis Ugama Islam Brunei. Jadi berdasarkan takrifan ini, izinkan kaola mengongsikan bahawa setakat 22hb. Mac 2023M, sebanyak 47,370 permohonan bantuan telah dicatatkan kepada JAPEM dan juga MUIB.

Dari jumlah ini, sebanyak 35% permohonan telah dinilai layak dan disokong untuk menerima bantuan, iaitu seramai 24,088 individu yang merangkumi ketua keluarga dan tanggungan mereka.

Bagi menjawab jika pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan strategik untuk menyemak semula atau merangka takrif baharu kemiskinan, sukacita kaola kongsikan bahawa merujuk kepada ketetapan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) pada 17hb. Januari

2011M, definisi kemiskinan menurut perspektif Syariah telah dipersetujui sebagai definisi rasmi bagi kemiskinan di Negara Brunei Darussalam yang akan diguna pakai oleh setiap pihak yang relevan sama ada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta, khususnya dalam kita merancang, membentuk, melaksana, menyelaraskan atau mereviu dan memperbaiki program-program pembasmian kemiskinan di negara ini.

Untuk mengadaptasi definisi ini agar mudah diguna pakai, ia dikaitkan dengan Kos Minimum Keperluan Asas atau KMKA bulanan yang dipersetujui. KMKA ialah kos minima untuk menampung keperluan asas harian termasuk barang makanan dan bukan makanan bagi setiap individu. Perkiraan KMKA ini adalah satu kaedah yang lazim digunakan oleh negara-negara bagi menetapkan garis kemiskinan ialah keluarga atau isi rumah mempunyai pendapatan per kapita di bawah garis tersebut adalah dikategorikan sebagai miskin.

Oleh sebab Negara Brunei Darussalam tidak mengeluarkan data garis kemiskinan secara rasmi, istilah KMKA akan terus diguna pakai. Kadar KMKA yang diguna pakai sebagai garis kelayakan menerima bantuan melalui SKN pada masa ini adalah kadar KMKA yang dikira oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) berasaskan kajian perbelanjaan keluarga 2015/2016.

Berhubung persoalan Yang Berhormat mengenai strategi kementerian ini dalam meningkatkan *outreach programme* bagi

mengurangkan keterlibatan belia tercicir dalam masalah sosial yang lebih serius. Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian telah mengambil langkah awal selaku kementerian yang memeduli golongan belia di negara ini dengan melaksanakan beberapa inisiatif dan program *outreach* termasuk kerjasama dengan rakan strategik:

1. Melaksanakan Program 'Pemberigaaan' Dasar Belia Negara dan Strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Urus Setia Dasar Belia Negara 2020/2035 dan dengan kerjasama *youth advisory group* telah setakat ini melaksanakan sebanyak 12 program 'pemberigaaan' melibatkan 1,300 orang belia bagi tahun 2022 yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan mengetahui minat serta isu yang ditimbulkan oleh golongan belia di seluruh daerah dan dapatlah kementerian ini mengetahui trend golongan belia di keempat-empat daerah berkenaan.

Berdasarkan penelitian yang dibuat, turut diharapkan lebih banyak program kebeliaan dapat dilaksanakan menjurus kepada minat golongan belia dan bagi tahun 2023, program 'pemberigaaan' ini akan menyasarkan penuntut dan melibatkan sebanyak 37 buah Institusi-Institusi Pendidikan dan Pengajian Tinggi di negara ini.;

2. Melaksanakan Program-Program Pembentukan Jati Diri Belia. Ke arah

memantapkan jati diri golongan belia di negara ini, kementerian ini dengan kerjasama rakan-rakan strategi dan peneraju-peneraju Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2035 akan mempertingkatkan lagi pelaksanaan program-program kempimpinan, jati diri, pembangunan kapasiti dan modal insan yang bertujuan bagi melahirkan golongan belia yang berakhlak mulia, bertaraf dunia dan ejen siaga perubahan pada masa hadapan dalam semua pembangunan negara secara inklusif sepertimana yang dihasratkan.

Program Khidmat Bakti Negara yang merupakan salah satu program yang bertindak dalam membangun jati diri belia turut membuktikan memberikan impak apabila lepasan para pelatih dan ibu bapa dapat melihat perubahan yang begitu positif pada diri sendiri dan di kalangan anak-anak mereka setelah tamat latihan.

Di samping itu, program-program yang dikendalikan oleh *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBB)* dan Jabatan Belia dan Sukan telah juga diatur bagi melahirkan belia yang berkepimpinan dan sedia bertindak. Turut dikongsi bagi Tahun Kewangan 2021/2022, direkodkan sebanyak 38,110 orang belia telah terlibat dalam program-program kepimpinan jati diri, pembangunan kapasiti dan pembinaan modal insan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan, sekolah-

sekolah, mahupun agensi swasta di negara ini.; dan

3. Melaksanakan program-program latihan kemahiran yang bertujuan bagi mempersiapkan belia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perniagaan, antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memastikan kursus atau latihan yang ditawarkan adalah relevan kepada industri. Sebahagian daripada kursus yang dikendalikan adalah dengan kerjasama *industry player* di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya tidak berhasrat untuk panjang lebar dalam penjelasan ini. Jadi memadailah kaola berhenti dan dengan mengambil kira nasihat Yang Berhormat Pengerusi jua.

Sekian yang dapat kaola kongsi dan kaola ucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekarang meneruskan pembincangan kita mengenai tajuk ini. Ada lebih kurang lapan (8) orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersedia.

Saya persilakan untuk memulakannya, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِلَهُ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Dalam perbahasan pada pagi ini, kaola
membawakan dua tajuk iaitu:

1. Di bawah Tajuk SL06A - Jabatan
Pembangunan Masyarakat (JAPEM),
Kod 002/000 - Perkhidmatan Bantuan
Am dan Memperkasa Penerima
Bantuan. Walau bagaimanapun,
setelah mendengar penjelasan yang
begitu komprehensif, panjang lebar
dan jelas daripada Yang Berhormat
Menteri serta persoalan-persoalan
dalam perbahasan yang ditimbulkan
oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat
sebelum ini, kaola cuma ingin
menyatakan atau menyampaikan satu
tambahan cadangan sahaja dalam
tajuk ini iaitu berkaitan pemberian
bantuan keperluan asas dan bantuan
ilmu pengetahuan, kemahiran dan
keusahawanan.

Dalam hal ini kaola ingin
mencadangkan satu perkara juga,
yang kaola rasa tidak ada disentuh
atau mungkin barangkali kaola
terlepas perhatian atau terlepas
pendengaran, boleh diperbetulkan
atau diperjelaskan. Dalam

memastikan bantuan-bantuan ini
sampai dan diberikan kepada
penerima apa yang penting juga kaola
rasa ialah pemantauan berterusan
kepada golongan ini iaitu maksud
kaola meskipun mereka sudah
mendapatkan pekerjaan ataupun
menceburkan diri dalam bidang
keusahawanan dan seumpamanya,
mereka ini perlu juga terus dipantau
untuk satu tempoh tertentu.
Maksudnya jangan dibiarkan apabila
ia sudah dapat kerja, atau ia berusaha
mengusahakan sesuatu, dilepaskan
begitu sahaja.

Ini adalah untuk memastikan disiplin
atau komitmen mereka dalam apa
juga bidang yang diceburi itu, sama
ada ia bekerja atau berusaha itu, terus
berdaya tahan dan disiplinnya itu
berterusan untuk tempoh yang
panjang sehingga ia mampu
meningkatkan ekonomi serta taraf
hidup mereka dan keluarga.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ sehingga mengeluarkan
golongan ini daripada lingkaran
kemiskinan dan program-program
bantuan yang diberikan itu. Dalam hal
ini, kerjasama padu semua pihak
adalah sangat-sangat diperlukan
bukan hanya tertumpu kepada
kementerian-kementerian berkenaan
sahaja.; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat di bawah Tajuk
SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kod 004/000 - Perpustakaan.

اللَّهُ penjabaran Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengenai inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah sangat-sangat jelas.

Kaola hanya ingin merujuk objektif Program Perpustakaan yang terkandung dalam Buku Belanjawan (2023-2024) bagi Dewan Bahasa dan Pustaka. Objektif tersebut berbunyi: "Memastikan perpustakaan negara, memastikan perpustakaan mesra pelajar dan belia, dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti dengan aplikasi teknologi maklumat dan penyiaran ilmu agar relevan dan signifikan dengan standard perkhidmatan perpustakaan moden".

Jadi, kaola mohon pencerahan jua kepada Yang Berhormat sejauh manakah perpustakaan awam di Negara Brunei Darussalam ini telah mencapai objektif mesra pelajar dan belia itu? Bagaimanakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memastikan yang standard perkhidmatan perpustakaan awam di negara ini termasuk Perpustakaan Bergerak sudah memenuhi standard perkhidmatan perpustakaan moden yang dihasratkan itu dan di manakah tahap membaca telah menjadi budaya masyarakat Negara Brunei Darussalam? Adakah pernah perkara ini dibuat kajian mengenai?

Dalam hal ini, kaola ingin mengusulkan sedikit cadangan agar

semua perpustakaan awam di negara ini termasuk perpustakaan di daerah-daerah dan juga Perpustakaan Bergerak untuk dilengkapi dengan sumber-sumber bacaan yang lebih bervariasi, relevan untuk semua peringkat masyarakat termasuk sumber-sumber yang berasaskan teknologi seperti buku-buku elektronik, buku-buku audio dan sebagainya. Prasarana yang bukan sahaja kondusif tetapi juga dengan konsep yang menarik dan mesra pengunjung terutamanya bagi golongan pelajar dan belia seperti menyediakan ruang kafe dan seumpamanya yang kanak-kanak atau golongan ini suka.

Kemudian menyediakan peralatan dan sistem yang menyokong pembelajaran berasaskan teknologi seperti akses *Internet*, *computer* dan perisian-perisian yang bersesuaian yang menjadi minat dan *trend* hidup golongan belia masa kini. Di samping itu juga, agar perkhidmatan perpustakaan ini disediakan dilokasi-lokasi yang menjadi tumpuan ramai seperti di gedung-gedung perniagaan dan semasa musim-musim perayaan, cuti sekolah dan acara-acara riadah, disediakan ruang bacaan ataupun Perpustakaan Bergerak.

Ataupun membuka perkhidmatan perpustakaan semasa hari cuti, hari-hari kelepasan awam dengan pelbagai program dan aktiviti yang boleh menarik minat golongan

sasaran ini untuk membiasakan, membudayakan diri membaca atau berada di perpustakaan. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, kaola ucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan ini.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang telah diajukan.

Pertama, mengenai cadangan bagi pemantauan yang berterusan untuk tempoh yang tertentu bagi memastikan disiplin dan komitmen yang bersungguh-sungguh bagi tujuan supaya penerima-bantuan ini mampu dikeluarkan daripada kitaran kemiskinan. Terima kasih kaola ucapkan kepada cadangan Yang Berhormat.

Memang pemantauan ada dibuat, bagaimanapun ia akan terus dikemas kini dan diperbaiki lagi bagi memastikan ia menepati hasrat dan objektif pemberian bantuan itu. Memanglah ada beberapa keterbatasan dalam melakukan pemantauan tetapi ان شاء الله perkara ini akan ditunduki dan diperbaiki lagi dari masa ke masa.

Kedua, mengenai objektif memastikan perpustakaan yang mesra pelajar, IT, relevan dan signifikan dengan penyampaian perkhidmatan perpustakaan moden. Sebenarnya,

ini memanglah menjadi matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadikannya selaras dengan evolusi perpustakaan di peringkat antarabangsa ertinya perpustakaan yang kita kenali dahulu, sekarang sudah berbeza dan ia sudah bertransformasi kepada satu perpustakaan yang lebih menyeluruh yang menyediakan khidmat dalam memberikan sumber pengetahuan dan sumber kemahiran kepada pengguna-pengguna perpustakaan.

Cadangan bagi perpustakaan dilengkapi dengan pelbagai variasi sumber, sememangnya adalah selaras dengan apa yang sedang 'diungkayahkan' oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. *Access to Internet, computers*, sudah ada di setiap perpustakaan yang terdapat di keempat-empat daerah. Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengambil langkah dan inisiatif untuk mempamerkan dan mengajar kemahiran-kemahiran bermain alat muzik tradisional, dan juga alat-alat muzik kontemporari.

Ini adalah sebagai inisiatif untuk menarik minat belia untuk datang ke perpustakaan dan melihat sendiri apa yang dapat ditawarkan oleh perpustakaan ini, di samping mengajarkan kemahiran ini. Sudah setentunya kemahiran ini adalah yang menarik minat para belia untuk berkunjung, jadi ditarik dahulu minat mereka berkunjung dan kemudian ditawarkan dengan pelbagai lagi perkhidmatan yang boleh digunakan oleh pengguna-pengguna perpustakaan.

Mengenai perkhidmatan perpustakaan disediakan di lokasi yang menjadi tumpuan ramai seperti gedung-gedung perniagaan semasa cuti sekolah dengan mengadakan program dan aktiviti, perkara ini sudah setentunya akan diteliti dan ditunduki bagaimana kesesuaiannya dan bagaimana sumber-sumber yang ada untuk mengadakan kemudahan perpustakaan di lokasi-lokasi yang dicadangkan dan sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat tadi.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola bercakap berkenaan di bawah Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan iaitu kemudahan sukan di Daerah Belait. Menyentuh soal prasarana sukan di Kompleks Sukan Mumong, keadaan kompleks ini sangat memprihatinkan sekali dan memerlukan pemeliharaan dan kerja-kerja membaiki pulih. Apakah perancangan jangka pendek dan sederhana yang akan disediakan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah kesempurnaan prasarana Kompleks Sukan Mumong?.

Daerah Belait khususnya di Pekan Seria tidak mempunyai banyak pilihan dalam penyediaan kemudahan padang bagi sukan bola sepak untuk memenuhi permintaan penduduk setempat. Isu ini diberatkan lagi apabila padang sukan *KBRC* tidak lagi digunakan untuk sukan berkenaan.

Seperti lazimnya, aktiviti sukan bola sepak di tempat berkenaan biasanya diadakan pada waktu malam.

Sehubungan itu, kaola memohon pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar dapat mempertimbangkan dan menyediakan kemudahan lampu sorot/limpah di Padang Arena Pekan Seria dan apakah ada perancangan bagi menyediakan padang-padang sukan tambahan di Daerah Belait? Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan tadi. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang kaola pernah jelaskan bahawa pada masa ini dalam proses menaik taraf dan menambah baik prasarana sukan utama secara berfasa ataupun berperingkat-peringkat di bawah Peruntukan RKN-11 dan RKN-12 yang akan datang:

1. Oleh yang demikian, kaola ingin juga menyampaikan satu berita baik penaiktarafan Kompleks Sukan Mumong adalah termasuk dalam RKN-12. Penaiktarafan padang bola sepak, balapan dan pentas utama serta lampu padang bola sepak.;
2. Pembinaan baharu iaitu pembinaan kolam renang kanak-kanak, pembinaan pentas utama bola sepak.; dan
3. Pembinaan Dewan Seni khusus Sukan Seni Bela Diri.

Selain itu, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga merancang sebahagian tapak tanah Kompleks Sukan Mumong untuk dimajukan secara kerjasama awam-swasta atau *public private partnership (PPP)*.

Mengenai perancangan bagi penyediaan kemudahan lampu di Padang Arena Pekan Seria, seperti yang diterangkan dalam mukadimah bahawa prasarana sukan akan terus dinaik taraf secara berfasa. Pemasangan lampu ini adalah termasuk dalam senarai penaiktarafan di samping pembaikan padang bola sepak dan balapan.

Selain itu, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini juga merancang sebahagian tapak tanah padang arena juga akan dimajukan secara *PPP*. Perancangan bagi penyediaan padang-padang sukan tambahan di Daerah Belait, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan memberi keutamaan kepada menaik taraf dan menambah baik kepada padang-padang yang sedia ada di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Daerah Belait, iaitu Padang Bola Sepak Kompleks Sukan Mumong dan Padang Arena Pekan Seria. Manakala padang-padang sukan tambahan di Daerah Belait akan kaola teliti lagi secara terperinci lagi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Sekian, itu sahaja yang dapat kaola jelaskan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan:

1. Kaola sukacita menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SL04A - Jabatan Muzium-Muzium. Taman Warisan Tasek Merimbun di bawah Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Merujuk kepada ucapan menjunjung kasih kaola pada tempoh hari berkenaan dengan ekopelancongan yang berhubung kait dengan Taman Tasek Merimbun, kaola ingin tahu dari 5 tahun kebelakangan apakah

respons atau statistik keramaian pengunjung tempatan dan luar negara yang datang melawat ke Taman Tasek Merimbun. Dari *statistic*, pengunjung dari manakah yang mencatat jumlah yang ramai berkunjung ke tempat tersebut dan apakah usaha-usaha ke arah mempromosikan Taman Warisan Tasek Merimbun kepada orang ramai khususnya memberi kefahaman tentang fungsi dan peranan bagi sama-sama memelihara dan melestarikan taman berkenaan sebagai Taman Warisan *ASEAN*?

Apakah perancangan pihak kerajaan bagi memperluaskan *spin-off* Taman Warisan Tasek Merimbun agar dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat khususnya Daerah Tutong amnya, ini termasuk mengadakan kolaborasi dengan pihak-pihak berkaitan berkenaan dengan ekopelancongan, acara-acara yang menjurus kepada memelihara *bio-diversity* hutan dan sebagainya.;

2. Menyentuh di bawah Tajuk SLO3A - Jabatan Belia dan Sukan. Iaitu berkenaan dengan hala tuju sukan negara. Kaola memahami bahawa usaha-usaha ke arah mempertingkatkan kualiti sukan negara bukan hanya diserapkan kepada pihak kerajaan semata-mata tetapi ia juga perlu dilaksanakan bersama secara *whole of government approach* dan *whole of nation approach*. Ini terbukti dengan usaha pihak kerajaan bagi menyertakan

atlet-atlet negara dalam kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Namun pada itu terdapat juga atlet-atlet sukan tempatan secara individu dan berkumpulan menyertai kejohanan-kejohanan luar negara seperti sukan bina badan, kejohanan bola sepak, lumba basikal, sukan Warga Emas dan sebagainya.

Kaola ingin tahu apakah insentif-insentif dan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada atlet-atlet sukan tempatan yang menyertai kejohanan sukan secara persendirian? Apakah ada perancangan pihak kementerian untuk menjadikan sukan sebagai satu pekerjaan dan bertaraf profesional?

Mohon pencerahan Yang Berhormat, sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan. Ada 2 perkara iaitu mengenai Taman Warisan Tasek Merimbun dan berkenaan hala tuju sukan negara khususnya penyediaan insentif dan bantuan kepada atlet-atlet sukan tempatan yang menyertai kejohanan sukan secara persendirian dan perancangan untuk menjadikan sukan sebagai satu pekerjaan yang bertaraf profesional.

Mengenai mempromosi, memperluaskan *spin off* Taman Warisan Tasek Merimbun termasuk ekopelancongan dan acara-acara yang menjurus kepada memelihara biodiversiti hutan. Abis kaola mengambil maklum seperti cadangan yang sama daripada Yang Berhormat mengenai menjadikan Taman Warisan Tasek Merimbun sebagai destinasi ekopelancongan untuk diperkenalkan dan dimanfaatkan oleh penduduk setempat dari Daerah Tutong yang pernah dibangkitkan sebelum ini semasa perbahasan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Taman Warisan *ASEAN* Tasek Merimbun adalah sebahagian dari inisiatif *Heart of Borneo* dan sudah setentunya ia akan dikekalkan suasana asli taman berkenaan seperti yang telah digariskan oleh pihak *Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) Heritage Parks*.

Jadi usaha ini melibatkan kerjasama sepadu beberapa pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang juga berperanan sebagai *focal* agensi bagi *ASEAN Heritage Parks* dan penyelarasan dengan pihak *ASEAN Centre For Biodiversity*, Jabatan Perhutanan dan termasuk juga Jabatan Daerah Tutong.

Antara projek transformasi dan peluang ekopelancongan yang berpotensi dan dirancang adalah seperti penyediaan peluang-peluang rekreasi bagi pelancong dan orang ramai yang menghargai

kepentingan sumber-sumber alam semula jadi serta peluang pendidikan dan penyelidikan sains dan alam semula jadi bagi penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri. Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti kajian saintifik yang pernah dijalankan adalah oleh mahasiswa/mahasiswi dari *Queen Mary University, United Kingdom*.

Kaola kongsi juga Taman Warisan Tasek Merimbun juga sering mengadakan program dan aktiviti dari masa ke masa sebagai salah satu usaha bagi memperkenalkan taman tersebut kepada orang ramai untuk menimba pengalaman dan ilmu yang dapat diperoleh. Contohnya, program naturalis muda dan *Borneo Bird Race* dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Sejak tahun 2015 hingga tahun 2022 jumlah keseluruhan pengunjung Taman Warisan Tasek Merimbun adalah sebanyak 12,661 pengunjung. Tahun 2015 telah mencatatkan rekod yang paling tinggi sejumlah lebih 3,300 pengunjung.

Walau bagaimanapun, sejak 2 tahun kebelakangan ini jumlah pengunjung Taman Warisan Tasek Merimbun mencatatkan penurunan sebanyak 51% berbanding tahun 2020. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor di luar kawalan seperti bencana banjir, penutupan sementara bagi kerja-kerja penambahbaikan dan penaiktarafan serta juga penularan wabak *COVID-19*.

Dalam usaha untuk menjadikan Taman Warisan Tasek Merimbun sebagai salah satu tempat tarikan ekopelancongan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Muzium-Muzium bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui *Brunei Economic Development Board (BEDB)* telah menerima tunjuk minat dari pelabur asing untuk sama-sama memajukan dan menaik taraf lagi taman tersebut. Pada masa ini, ia sedang dalam penelitian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Berkenaan hala tuju sukan negara khususnya penyediaan insentif dan bantuan kepada atlet-atlet sukan tempatan yang menyertai kejohanan sukan secara persendirian. Kementerian ini ingin mengongsikan lebih dahulu maklumat penyertaan mengikuti kejohanan luar negara adalah seperti berikut:

1. Persatuan-persatuan hendaklah menghadapkan permohonan ke Jabatan Belia dan Sukan dengan lengkap dengan menyertakan surat undangan kejohanan, senarai atlet yang akan ikut serta, peraturan-peraturan kejohanan dan dokumen lain yang berkaitan.;
2. Permohonan tersebut akan diteliti dengan mengambil kira kepentingan dan taraf kejohanan yang akan diikuti.;
3. Bagi permohonan bantuan kewangan, pihak persatuan sukan dikehendaki untuk menghadapkan Anggaran Perbelanjaan 3 bulan sebelum

kejohanan. Permohonan ini akan diteliti oleh Jawatankuasa Bantuan Persatuan-Persatuan Belia dan Sukan.;

4. Permohonan serta keperluan lain seperti kelonggaran berlatih, cuti tanpa catat dan kebenaran ke luar negeri juga hendaklah dihadapkan mengikut tempoh yang dikehendaki sebelum mengikuti sebarang kejohanan.;
- dan
5. Ganjaran Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan akan diberikan kepada kejohanan sukan yang *carded games* dan dibenarkan untuk disertai. Persatuan dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ganjaran kemenangan selepas kejohanan untuk dipertimbangkan ke Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Kementerian ini mengalu-alukan inisiatif atlet-atlet yang telah dan akan menyertai sebarang kejohanan sukan secara persendirian. Usaha tersebut adalah amat dihargai.

Walau bagaimanapun, adalah lebih baik sekiranya penyertaan tersebut dimaklumkan untuk mendapatkan pandangan dan kebenaran melalui Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing lebih dahulu. Kejohanan-kejohanan antarabangsa jemputan yang disertai pada lazimnya jika mempunyai pengesahan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing adalah kejohanan-kejohanan yang dipersetujui.

Kategori kejohanan yang dipersetujui adalah diiktiraf oleh badan sukan antarabangsa masing-masing yang lazimnya mempunyai taraf kejohanan yang berkualiti tinggi yang disertai oleh atlet-atlet antarabangsa terbaik dan diiktiraf. Kategori inilah yang boleh diberikan insentif yang bersesuaian mengikut penerangan yang diterangkan tadi.

Berkenaan perancangan untuk menjadikan sukan sebagai satu pekerjaan bertaraf profesional, sukan sebenarnya merupakan satu sektor yang boleh menjana ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan. Dari aspek perkembangan atlet kebangsaan, sememangnya kita menyambut baik bagi mereka untuk terus berusaha menjadikan kerjaya sukan sebagai kerjaya profesional.

Setakat ini kita berbangga beberapa atlet dan pasukan telah berjaya mencapai ke tahap profesional atau semi profesional. Sebagai contoh, seorang atlet e-Sukan negara telah dijemput untuk menyertai pasukan kelab profesional di Malaysia dan seorang lagi Pegawai Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darusalam telah diambil bekerja di Pejabat *Asian Football Confederation* berpusat di Kuala Lumpur.

Selain itu, bidang sukan juga terus membuka peluang pekerjaan untuk diceburi anak tempatan seperti sains sukan, fisioterapi, *strength and conditioning*, *fitness instructor*, kaunseling dan *sports nutritionist* yang

amat mustahak untuk mewujudkan ekosistem kesukanan yang cemerlang.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberikan peluang kepada atlet yang ingin meneruskan kerjaya dalam bidang kejurulatihan dengan di beri peluang untuk mengikuti kursus kejurulatihan atau kursus teknikal sukan. Setakat ini beberapa orang atlet elit telah pun berkhidmat dengan Jabatan Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan sebagai jurulatih sukan seperti sukan *wushu*, badminton, *squash*, pencak silat, olahraga dan *bowling* padang. Dalam profesion Pegawai Teknikal Sukan di peringkat serantau dan antarabangsa, beberapa anak tempatan 'kitani' telah diiktiraf seperti sukan bola sepak, seramai 7 orang pengadil bertaraf antarabangsa, sukan renang, seorang pegawai teknikal antarabangsa dan beberapa sukan-sukan yang lain.

Untuk mencapai ke tahap profesional seorang atlet mesti mempunyai peningkatan pencapaian yang tinggi dan konsisten dan mampu untuk bertanding di peringkat antarabangsa. Dalam masa yang sama, kementerian ini juga telah membuat perbincangan bersama Kementerian Pendidikan untuk meneliti peluang-peluang biasiswa untuk atlet melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dengan hasrat untuk memperkasakan sukan negara pada masa kini dan akan datang.

Setakat ini satu biasiswa akademik telah diberikan kepada atlet cemerlang *wushu*

iaitu Basma Lachkar. Di samping itu, biasiswa latihan sukan ditawarkan oleh Badan Sukan Antarabangsa yang boleh membentuk atlet menjadi atlet elit. Sebagai contoh biasiswa daripada *world aquatic* kepada Nur Haziq Samil.

Sebagai perancangan masa hadapan, kementerian ini dengan pendekatan senegara juga melihat kepentingan bagi mengembangkannya sektor sukan di negara ini bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan ekonomi. Ini sudah tentunya akan diteliti bersama-sama agensi dan kementerian-kementerian lain.

Sekian sahaja, yang kaola jelaskan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah atas mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Semoga apa-apa yang dirancang akan mencapai kesempurnaan yang diharapkan. اِنْ شَاءَ اللَّهُ

Kaola ada satu cadangan walaupun sebenarnya kaola ada 3 cadangan dalam perbincangan ini namun sebagai menyahut seruan Yang Berhormat Pengerusi maka selebihnya اِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola

bawakan semasa Sesi Muzakarah ataupun perjumpaan-perjumpaan lain اِنْ شَاءَ اللَّهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, اَلْحَمْدُ لِلَّهِ pihak kerajaan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah pun berbelanja besar dalam menyediakan prasarana dan kemudahan sukan yang serba lengkap di Negara Brunei Darussalam. Ini tidak terkecuali di Daerah Temburong dapat menikmati kemudahan yang sama apabila terbinanya Kompleks Sukan Batu Apoi.

Dalam pada itu kaola juga melihat pada skop yang lebih luas dengan pemikiran ke arah mentransformasikan bangunan dan kemudahan kompleks sukan pelbagai guna (*multipurpose sport complex*) yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat bukan sahaja untuk aktiviti sukan tetapi juga untuk aktiviti kemasyarakatan, sosioekonomi dan riadah. Seperti gelanggang *futsal* yang terbuka boleh sahaja dimanfaatkan untuk pameran, jualan, bazar apabila ia dibina atau disediakan bumbung atau atap.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar kaedah mentransformasikan bangunan-bangunan dan kemudahan sukan sedia ada kepada pelbagai guna dapat difikir-fikirkan agar ia dapat digunakan oleh masyarakat secara meluas. Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diajukan. Mengenai cadangan penelitian kaedah mentransformasikan bangunan-bangunan dan kemudahan sukan yang sedia ada. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangatlah menyambut baik cadangan yang dikemukakan.

Sukacita kaola kongsi pada masa ini semua bangunan dan kemudahan sukan termasuk kawasan-kawasan terbuka boleh digunakan oleh mana-mana pihak bagi aktiviti dan program yang dibenarkan dengan dikenakan mengikut kadar yang ditentukan.

Bagi Pengusaha Mikroecil dan Sederhana, kementerian ini juga menyediakan petak-petak berjaja dengan kadar sewa yang telah dibenarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti:

1. Bagi peniaga *Small and Medium Enterprise* termasuk golongan sasaran ataupun secara individu sebanyak \$15.00 bagi peniaga *established* termasuk syarikat-syarikat *franchise* seperti *The Coffee Bean & Tea Leaf*, *Jollibee Brunei*, *KFC*, *Pizza Hut* dan sebagainya sebanyak \$50.00 dan bagi *food truck* \$30.00.; dan
2. Manakala ruang letak kereta di beberapa buah *venue* seperti

Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Kawasan Lapang Perkampungan Sukan, bekas padang kawat PKBN juga dikenakan kadar bayaran sewa yang minimum bagi apa jua penggunaan kegiatan dan aktiviti.

Mengenai cadangan contoh tadi *futsal* untuk diberi atap untuk dijadikan pelbagai guna, kaola ingin mengongsikan saja dari sudut gelanggang *futsal* memang ia lebih cenderung dibuat mengikut piawaian antarabangsa kerana pada masa-masa tertentu gelanggang yang sama ini akan digunakan oleh pertandingan-pertandingan sukan *futsal*. Kalau ia bercanggah dengan piawaian antarabangsa maka gelanggang itu sukar untuk kita gunakan bagi pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

Jadi, masih tidak mustahil, masih ada gelanggang-gelanggang yang boleh kita gunakan dan ditransformasikan menjadi guna sama. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ cadangan ini akan diteliti lagi cuma dengan mengambil kira gelanggang-gelanggang sukan tertentu sememangnya ditetapkan untuk menjalankan pertandingan-pertandingan yang selaras dengan keperluan pertandingan-pertandingan antarabangsa. Itu sahaja, yang dapat kaola jelaskan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan pula Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Terus saja soalannya Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh rakan kaola Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz berkenaan dengan SKN. Skim Bantuan Pendidikan kepada anak-anak yatim dan anak-anak kalangan keluarga daif. Kaola difahamkan bantuan bagi anak-anak yatim adalah sebanyak \$70.00, sementara itu anak-anak warga miskin atau daif adalah sebanyak \$200.00. Bantuan-bantuan ini disalurkan dalam bentuk kupon pembelian dan kewangan. Betulkan jika kaola salah.

Kaola melihat daripada sudut yang lain berhubung kait dengan situasi semasa dan realiti sebenarnya iaitu keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini termasuklah kelengkapan persekolahan yang memberikan kesan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Adalah tidak semua golongan anak-anak yatim ini dikategorikan senang tetapi ada antaranya menghadapi penderitaan hidup apabila Ibu Tunggal berpendapatan rendah menyara anak yang berjumlah 3 hingga ke 8 orang untuk meneruskan hidup.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar Bantuan Pendidikan bagi anak-anak yatim ini dapat diteliti dengan sewajarnya dengan mengambil kira pernyataan yang kaola nyatakan tadi.; dan

Seterusnya kaola menyentuh di bawah Tajuk SL05A - Pusat Sejarah Brunei. Berkaitan dengan tapak-tapak arkeologi dan bersejarah di Negara Brunei Darussalam. Untuk rujukan, kaola ingin tahu apakah ada tapak-tapak arkeologi bersejarah yang baharu telah ditemui dan apakah usaha-usaha dan inisiatif bagi memelihara tempat-tempat bersejarah tersebut?

Apakah ada direkodkan kesalahan-kesalahan yang melibatkan penjualan atau penyimpanan barang-barang artifak atau arkeologi yang bernilai tinggi di Negara Brunei Darussalam? Apakah menjadi kesalahan kepada orang ramai untuk menyimpan atau menjual artifak lama yang ditemui di kawasan tanah milik persendirian?

Koala turut menyokong saranan rakan kaola Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan 7 puak Jati Brunei ke arah memperkasakan bahasa. Sehubungan itu, turut mencadangkan agar usaha-usaha untuk memperkenalkan kebudayaan dan warisan 7 puak Jati Brunei seperti makanan, muzik tradisional, tarian dan pakaian tradisional serta kraftangan, dan pembuatan gendang tradisional seperti kayu 'sedaman', dombak, gambus, kecapi

perlu diperluaskan kepada masyarakat kita khususnya belia melalui penganjuran acara-acara dan festival kebudayaan, bengkel-bengkel dan pameran agar ia tetap hidup, subur sepanjang zaman seperti kata pepatah: 'Inda' luntur terkena hujan, inda lakap terkena panas'.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan dan cadangan yang diajukan.

Mengenai cadangan penelitian Bantuan Pendidikan bagi anak-anak yatim. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM, menyambut baik cadangan mengenai pemberian Bantuan Pendidikan kepada anak-anak yatim berkenaan.

Setakat ini Bantuan Kebajikan Bulanan secara amnya dan Elaun Pelajaran adalah berjumlah \$65.00 sebulan atau Elaun Sara Hidup adalah berjumlah \$200.00 untuk kanak-kanak di bawah 18 tahun. Ia tidak hanya dikhususkan kepada anak-anak yatim sahaja, ia adalah bantuan umum yang diberikan kepada kanak-kanak yang di bawah tanggungan keluarga, ibu bapa, penjaga yang berkehidupan susah dan berpendapatan rendah yang memenuhi kriteria dan syarat-syarat tertentu.

Bantuan atau derma yang khusus bagi anak-anak yatim yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) tidak terhad kepada yang berkehidupan susah sahaja, hanya diserahkan semasa Majlis Penyerahan Derma Anak-Anak Yatim melalui Tabung Derma Anak Yatim Kebangsaan iaitu di bawah kawalan JAPEM. Derma berkenaan bagi membantu persiapan anak-anak yatim semasa bulan Ramadan dan menjelang sambutan Hari Raya Aidil Fitri.

Selain itu, sejak tahun 2022, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah memulakan Program Biasiswa Anak Yatim iaitu setiap tahun 2 orang anak yatim yang terdiri daripada penerima Bantuan Bulanan mengikut terma dan syarat kelayakan, akan ditaja untuk mengikuti Program BIBD ALAF dengan menggunakan dana daripada Tabung Derma Anak Yatim berkenaan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan untuk melihat pelajar-pelajar yang mengikuti Program BIBD ALAF akan berjaya dalam pelajaran dan seterusnya menjadi insan yang dapat membantu dan meningkatkan lagi taraf kehidupan keluarga mereka dan keluar daripada jaringan kemiskinan.

Mengenai tapak-tapak arkeologi dan bersejarah yang baru ditemui dan usaha-usaha memelihara tempat-tempat bersejarah, setakat ini belum ada penemuan tapak-tapak bersejarah,

makam-makam dan batu nisan Kesultanan Negara Brunei Darussalam yang terbaharu. Walau bagaimanapun, Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium secara berterusan telah melaksanakan penyelidikan, pengkajian dan penelitian mengenainya yang dijadikan sebagai nilai tambah terhadap pembuktian persejarahan Kesultanan Negara Brunei Darussalam.

Usaha-usaha ini turut melibatkan kerjasama dengan penghulu mukim, ketua kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta pihak-pihak yang berkepentingan. Pusat Sejarah Brunei telah melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan pemeliharaan bagi menjadikan makam, batu nisan dan tapak-tapak bersejarah sebagai sumber bahan penyelidikan sejarah dan warisan budaya.

Sehingga kini sebanyak 9 kerja pemeliharaan dan 'pembisaian' ke atas tapak-tapak Makam Sultan-Sultan Brunei dan satu tapak bersejarah. Selain pemeliharaan dan kerja pemeliharaan dalam bentuk fizikal, Pusat Sejarah Brunei telah membuat pemeliharaan dalam bentuk pendokumentasian melalui penerbitan buku bagi tapak-tapak bersejarah untuk rujukan dan kajian orang ramai.

Jabatan Muzium-Muzium melalui Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam telahewartakan sebanyak 27 *monument* dan bangunan-bangunan bersejarah yang terdiri daripada 15 buah

monument bersejarah, sebanyak 12 Makam Diraja di seluruh negara dan ini termasuk 3 buah tapak arkeologi iaitu Tapak Sungai Limau Manis, Tapak Industri Getak Labu Estet dan Tapak Lombong Arang Batu. Sebanyak 8 buah tapak arkeologi direkodkan sepanjang 5 tahun kebelakangan iaitu seperti Kampung Bukit Kandol, Kampung Kiudang, Sungai Brunei, Kampung Kasat dan Kampung Katimahar. Kerja-kerja penyelidikan ditumpukan kepada *monument* dan bangunan bersejarah di Negara Brunei Darussalam yang juga termasuk dalam pemeliharaan di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam.

Namun, Jabatan Muzium-Muzium akan terus melaksanakan penyelidikan ke atas tapak-tapak arkeologi dan bangunan bersejarah di seluruh negara. Penyelidikan secara berterusan telah dijalankan ke atas tapak-tapak arkeologi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dan sejumlah lebih 100 buah tapak arkeologi telah direkodkan di keempat-empat buah daerah.

Projek-projek membaik pulih dan menaik taraf bukan saja bagi memastikan pemeliharaan dan pemeliharaan *monument* dan tapak-tapak seperti menaik taraf rumah lama Pegawai Daerah Belait dinaik taraf menjadi Muzium Daerah Belait yang telah dilaksanakan pada tahun 2016, Tapak Kota Batu dinaik taraf menjadi Taman Arkeologi Kota Batu dilaksanakan pada tahun 2015 dan Bangunan Lama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang baru-baru

ini dinaik taraf menjadi Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja pada tahun 2022 sebagai menjadi tempat-tempat ini sebagai tempat tarikan pelancong. Manakala kerjasama berterusan bersama Pusat Sejarah Brunei dalam memastikan pemeliharaan Makam-Makam Diraja.

Berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan penjualan dan penyeludupan barang-barang artifak dan arkeologi, setakat ini hanya satu kes direkodkan yang melibatkan penyeludupan barang-barang artifak dan arkeologi di Negara Brunei Darussalam iaitu pada tahun 2002.

Jabatan Muzium-Muzium bertanggungjawab sepenuhnya dan mempunyai keutamaan yang tinggi dalam melindungi dan memelihara warisan negara dan juga bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Pejabat Peguam Negara bagi melindungi barang-barang yang bersejarah.

Pengimportan barang-barang bersejarah ke negara ini semakin meningkat dari satu permohonan pada tahun 2009 dan pada tahun 2022 sebanyak 1,436 bahan yang telah dipohonkan.

Jabatan Muzium-Muzium telah mengambil beberapa inisiatif bagi menjaga warisan budaya seperti menganjurkan ceramah sekolah dan agensi kerajaan, mengadakan jerayawara dan menyebarkan poster telah meningkatkan kesedaran orang ramai dengan ketara tentang kesan

negatif aktiviti pemerdagangan haram dan penyeludupan. Pada peringkat *ASEAN*, menerusi Menteri-Menteri *ASEAN* yang bertanggungjawab mengenai kebudayaan dan kesenian, beberapa deklarasi telah dipersetujui antaranya termasuk persetujuan bagi sama-sama mengawal pemerdagangan haram *antiquity* dan barang bersejarah.

Manakala di peringkat antarabangsa, dengan Negara Brunei Darussalam menandatangani Konvensyen *UNESCO* mengenai Penjagaan Warisan Budaya Dunia pada tahun 2011, pengawalan pemerdagangan haram *antiquity* dan barang bersejarah telah dipersetujui bersama.

Mengenai kesalahan orang ramai yang menyimpan, menjual *artefact* lama yang ditemui di kawasan tanah milik persendirian. Di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, telah memperuntukkan beberapa perkara dalam Bahagian 2, Seksyen 3 dan Bahagian 9, Seksyen 37 iaitu tiap-tiap bahan purba yang dijumpai di Negara Brunei Darussalam adalah menjadi hak mutlak Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Semua bahan yang ditemui sama ada di atas tanah atau terpendam dalam tanah atau terpendam di dasar sungai, tasik atau laut. Sesiapa yang melanggar Akta tersebut boleh dikenakan hukuman penjara setahun dan denda \$3,000.00. Bahagian 9 Seksyen 37 (1) semakan pada tahun 2022.

Tidak seorang pun dibenarkan untuk berniaga bahan-bahan purba kecuali mendapat kelulusan dan kebenaran lesen perniagaan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sesiapa yang melanggar Akta tersebut boleh dikenakan hukuman penjara 6 bulan dan denda \$2,000.00. Rujukannya adalah Bahagian 9, Seksyen 37 (7) semakan tahun 2022. Jadi, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pembentangan Belanjawan KKBS Tahun Kewangan 2023/2024 yang *comprehensive* mengenai pencapaian dan hala tuju kementerian serta pelan-pelan tindakan dan mengambil baik saranan tersebut. Yang Berhormat Pengerusi, kaola terus

sahaja kepada perkara yang kaola ingin timbulkan:

1. Mengenai muzium-muzium. Kaola merujuk di bawah Tajuk SL04A - Jabatan Muzium-Muzium. Unjuran jumlah pengunjung ke muzium-muzium dari 12,149 orang Tahun Kewangan 2021 dan 2022 kepada 120,000 orang bagi tahun 2022 dan tahun 2023. Bagi kaola ialah lonjakan yang besar.

Kaola ingin mengetahui sama ada lonjakan ini dijangka datangnya dari pelajar sekolah dan institusi pendidikan atau pelancong yang dijangka akan datang ke Negara Brunei Darussalam sama ada pelancong dari dalam mahupun dari luar negara.

Walau bagaimanapun, kaola menyarankan agar muzium-muzium kita secara berterusan dinaik taraf dengan pengisian yang bersesuaian supaya menarik pengunjung-pengunjung lagi.;

2. Kaola ingin beralih ke tajuk *Registry of Children and Young Persons in Need of Protection (RCYPNP)*.

Soalan kaola adakah kanak-kanak yang masuk dalam daftar ini mereka yang sudah dianiaya atau yang menjadi kes sama ada kes polis, kes mahkamah atau pun kes hospital? Kaola lebih cenderung kalau kes kanak-kanak dianiaya ini dapat dikesan awal sebelum berlaku.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang dapat mengesan awal atau *early detection* kanak-kanak mangsa dera, aniaya dan sebagainya dan memberi bantuan nasihat sebelum keadaan menjadi buruk atau melapornya kepada pihak berkuasa.

Jika kes ini sudah berlaku atau kanak-kanak itu sudah dianiaya, diseksa atau pun didera oleh mana-mana pihak atau pun dari keluarga sendiri, kemudian baru sampai ke bantuan pihak kementerian. Bagaimanakah kita akan mengelakkan kejadian seperti ini berlaku? Setentunya kanak-kanak yang berkeenaan akan merasa trauma mungkin seumur hidup mereka.;

3. Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai persatuan-persatuan, badan-badan kebajikan, *NGO's* yang ada di negara ini yang ditubuhkan bagi membantu Orang Kelainan Upaya dan Orang Istimewa. Badan-badan yang kaola maksudkan ialah seperti *SMARTER*, *PAPDA*, *KACA Learning Ladder*, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan lain-lain. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya yang dikaji semula sejak tahun 2021 akan dibukukan pada tahun ini.

Kaola ingin bertanya sejauh mana kementerian bekerja rapat dengan badan-badan ini dan mengetahui akan perjalanan dan masalah yang mereka hadapi? Masalah dari segi

kemampuan badan itu meneruskan kerja-kerja mereka, masalah kewangan dan mendapatkan pakar, khidmat nasihat dan sebagainya.

Ini bagi mengelak badan-badan dan persatuan ini berhenti daripada memberi khidmat mereka jika mereka berdepan dengan masalah seperti kewangan dan sebagainya. Mereka memainkan peranan yang penting dalam kehidupan ahli-ahlinya dan sokongan dari pihak kerajaan dan orang ramai adalah berupa oksigen kepada mereka.;

4. Seterusnya dalam mukadimah Yang Berhormat, ada menyebut mengenai Warga Emas. Kaola ingin bertanya mengenai Pelan Tindakan Warga Emas. Apakah yang dimaksudkan dengan Warga Emas yang Berjaya?

Adakah masalah Warga Emas yang 'kitani' ketahui sudah dikenal pasti seperti masalah kesihatan, kewangan yang Warga Emas kebanyakan hidup dengan Elaun pencen Tua sejumlah \$250.00 sahaja misalannya. Tetapi masih mempunyai tanggungan?

Masalah perumahan, kesepian ataupun kemurungan. Masalah memelihara cucu misalannya yang yatim piatu dan lain-lain lagi. Bagaimana boleh kita membantu Warga Emas yang sedemikian ini menghadapi masalah-masalah ini dan menjadikan mereka Warga Emas yang Berjaya?; dan

5. Akhir sekali, kaola beralih di bawah Tajuk SL05A - Pusat Sejarah Brunei. Salah satu objektif program Pusat Sejarah Brunei ialah memasyarakatkan sejarah. Kalau betul fahaman kaola ia bermakna agar sejarah Negara Brunei Darussalam diketahui masyarakat di negara ini.

Kaola menyambut baik tujuan program ini kerana sejarah kita harus diketahui masyarakat umum. Tetapi kaola memohon pencerahan bagaimana Pusat Sejarah Brunei memasyarakatkan sejarah. Kita terdapat Kelab Sejarah yang boleh dijadikan rakan strategik misalannya.

Adakah wujud kerjasama antara Pusat Sejarah Brunei dengan Kelab Sejarah dan institusi-institusi pendidikan untuk membantu memasyarakatkan sejarah di negara ini. Kaola berpendapat tidak banyak orang yang mengetahui sejarah Negara Brunei Darussalam yang dulu-dulu dan kemungkinan kalau diadakan bengkel-bengkel ataupun ceramah-ceramah dari masa ke masa bagi yang meminati sejarah ini mungkin ada peluang untuk orang ramai mengetahuinya.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi yang kaola sampaikan. Banyak isu yang kaola catat telah pun ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diberikan.

Cuma sebelum itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh satu isu yang tadi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai cadangan tujuh (7) puak Jati Brunei bagi usaha-usaha penghasilan diteruskan khusus kepada belia 'kitani'.

Memang saranan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang sama dengan pemikiran dan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteruskan untuk menaikan lagi, memprofilekan 7 puak Jati Brunei termasuk dari segi penghasilan pakaian seragam dan juga peralatan muzik tradisional yang matlamatnya adalah mengelakkan daripada pupusnya peralatan muzik yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan. Ini sudah tentu merupakan cadangan yang baik dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan diteruskan dengan kerjasama pelbagai pihak nanti.

Kemudian kaola berbalik kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

1. Mengenai muzium-muzium. Cadangan supaya muzium-muzium dinaik taraf dengan pengisian yang bersesuaian untuk menarik pengunjung dan juga mengenai unjuran sama ada 120,000 pengunjung bagi tahun 2022/2023 terdiri daripada anak-anak sekolah ataupun pelancong dari luar negara.

Kaola pada masa tidak ada maklumat terperinci mengenai perkara ini tetapi apa yang jelas, jumlah pengunjung ini adalah terkesan oleh wabak *COVID-19*. Ertinya sewaktu unjuran ini dibuat, besar kemungkinan ia dibuat sebelum wabak *COVID-19* bagaimanapun kaola akan nanti kembali mengenai isu ini untuk mencari penjelasan yang lebih tepat.

Mengenai muzium dinaik taraf, memang pada masa ini muzium-muzium yang ada di Negara Brunei Darussalam sedang dinaik taraf, baik dari segi fizikal muzium-muzium mahupun dari segi bahan-bahan inti koleksi yang dipamerkan di muzium-muzium tersebut. Sudah tertentunya ia diteliti dari segi kesesuaiannya bagi bahan-bahan tersebut untuk menarik lebih ramai pengunjung.;

2. Berkenaan dengan kanak-kanak yang masuk dalam daftar, adakah mereka yang sudah dianiaya sama ada kes polis ataupun kes hospital? Sebenarnya jumlah kanak-kanak ini adalah termasuk kes yang berdaftar di JAPEM dan perkara ini pada lazimnya kanak-kanak yang dianiaya

ini berdaftar di bawah kes hospital dan juga kes polis bagi mana-mana kes yang menepati keperluan.

Bagaimana untuk mengelakkan perkara ini berlaku? Sebenarnya bagi mengelakkan perkara-perkara ini berlaku, pendekatan senegara sangat-sangat diperlukan bukan sahaja antara kementerian dan agensi kerajaan tetapi juga dengan institusi akar umbi, jiran-jiran, masyarakat kampung kerana kebanyakan kes penderaan ini terjadi di dalam rumah dan orang yang paling hampir sekali dengan mangsa ini adalah orang di sekeliling rumah, di sekeliling keluarga dan juga persekitaran sekolah sama ada teman-teman rapat sekolah mahupun guru-guru.

Kaola juga ikut turut mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah dapat membantu anak-anak ini dari segi pengenalanpastian awal bahawa kanak-kanak ini sesungguhnya mangsa dera. Apa yang berlaku, sebahagian besar daripada kes dera ini didapati daripada laporan guru-guru sekolah dan ini sudah setentunya amat dihargai dan dari tindakan awal dapat diambil bagi mengatasi perkara dan masalah serupa ini.;

3. Mengenai persatuan dan *NGO's* yang ditubuhkan untuk membantu OKU dan orang istimewa seperti *SMARTER*, Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-

Orang Cacat Anggota (PAPDA), Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. dan *Learning Ladder* terutama sekali berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pihak JAPEM dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan sememangnya bekerjasama rapat dengan pihak-pihak ini.

Kebanyakan kerjasama itu di belakang tabir dengan perhubungan terus diadakan untuk mengatasi apa juga masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan terutama sekali persatuan yang menjalankan pendidikan membantu anak-anak OKU dan Orang Istimewa. Kita akan meneruskan kerjasama dan bantuan ini dan ia **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** secara berperingkat-peringkat akan dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.;

4. Mengenai Warga Emas sama ada Warga Emas yang berjaya itu ditakrifkan termasuklah dari sudut kewangan, kemurungan, masalah memelihara cucu dan bagaimana kita dapat menolong Warga Emas ini terutama sekali Warga Emas yang menjaga anak-anak ataupun cucu-cucu yang berupa anak yatim. Sebenarnya bantuan-bantuan mengenai kos menjaga cucu dan anak-anak yatim ini, sememangnya disalurkan melalui berbagai-bagai kemudahan bantuan dan ia tidak menjurus khususnya bantuan kepada Warga Emas.

Bagi Warga Emas yang berjaya, kaola bersetuju sebenarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah merangkumi satu perkara yang luas termasuk dari segi kewangan, kemurungan, segi kesihatan, perumahan, kesepian dan sebagainya.

Untuk melihat Warga Emas yang berjaya dari segi mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM memang mengalu-alukan penyertaan Warga Emas dalam persatuan kegiatan Warga Emas kerana dengan penyertaan dalam kegiatan Warga Emas ini ianya sedikit banyak dapat membantu pihak Warga Emas mengatasi masalah yang dihadapi.; dan

5. Memasyarakatkan sejarah. Seperti yang pernah kaola jelaskan, Pusat Sejarah Brunei ada melaksanakan beberapa program dan antara program yang paling bermakna adalah kerjasama antara Pusat Sejarah Brunei dengan Kelab Sejarah. Kelab Sejarah di Negara Brunei Darussalam umpamanya PESEBAR dan juga bekerjasama dengan institusi pendidikan.

Ini adalah salah satu program kerjasama untuk memasyarakatkan sejarah di samping program-program yang disusun dan diatur oleh Pusat Sejarah Brunei sendiri untuk

'memberigakan' bahan-bahan yang terdapat di Pusat Sejarah Brunei.

Sekian sahaja, yang dapat kaola jelaskan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang terhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam dan selawat kepada Junjungan kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kerabat keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang jujur lagi taat setia hingga akhir zaman.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, diberikan kesempatan untuk membuat sumbangan dalam perbincangan ini dan mengambil baik saranan Yang Berhormat Pengerusi, kaola teruskan kepada isu-isu dan cadangan:

1. Di bawah Tajuk - SL01A dan Tajuk SL03A. Berkenaan dengan strategi sukan negara, iaitu tunjuk arah dan *action planner*. Pohon 'berigakan' supaya boleh dibantu untuk mencapainya. 'Kitani' akur bahawa sukan adalah satu-satunya aktiviti sihat sama ada dilakukan persendirian, berkumpulan kecil atau berkumpulan besar (*mass crowd*) boleh meningkatkan rasa jati diri, melatih berdisiplin, membentuk daya tahan (*resilience*), memupuk daya kawan (*team spirit*) dan daya lawan

(*competitive spirit*) yang sihat sambil saling menghormati pihak lawan dalam situasi harmoni dan selamat dalam gelanggang arena bersukan sama ada bersukan di peringkat kampung, sekolah, dalam negeri atau pentas antarabangsa.

Bersukan telah diakui boleh menaikkan taraf rasa kecintaan kepada negara, patriotik dan nasionalisme (*national pride*). Kaola ingat pada satu ketika semasa kaola dengan keluarga menghadiri perlawanan bola sepak *Sultan Hassanal Bolkiah HBT Cup* kaola 'kambang bulu' dan penuh rasa bangga apabila seluruh stadium hampir seramai 25,000 penonton secara spontan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara tanpa rencana, tanpa di*planned* dan tanpa *rehearsal* dan mungkin inilah yang meniupkan semangat jati kepada pemain-pemain bola sepak negara pada ketika itu dapat mengalahkan *top team* dan *favourite* pada masa itu dan *team* bola sepak negara juara piala *HBT* pada masa dan tahun itu.

Bersukan bukan sahaja membawa nilai baik yang kaola katakan seperti juga pernah diujahkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menjawab soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi juga boleh menjadi 'tanda sukat' kesihatan individu dan negara.

Sebagaimana kita maklum sebahagian besar kategori rakyat berada dalam kategori *obese* dan *overweight* memandangkan statistik negara lebih

35 ke 40% anak 'kitani' yang berumur 13 hingga ke 17 tahun adalah dalam kategori *obese* atau *overweight* dan statistik negara 60% rakyat 'kitani' termasuk kaola dalam kategori *obese* dan *overweight*.

Bersukan secara berterusan boleh membantu memantau statistik yang negatif ini. Justeru ada banyak inisiatif yang telah 'diungkayahkan' untuk memperbanyakkan aktiviti berkumpulan seperti aktiviti 'Bandarku Ceria' dan *30 Billion Kilometer Walk* semata-mata mempromosikan *healthy lifestyle* melalui sukan.

Strategi ketiga kementerian menyediakan peruntukan sejumlah \$16.6 juta untuk mengukuhkan ekosistem sukan yang inklusif dan cemerlang yang memfokuskan kepada sukan berprestasi tinggi, berpotensi meraih pingat contohnya seperti *wushu* dan silat.

Cadangan:

- i. Kaola pohon 'berigakan' juga strategi-strategi sukan negara dan *action plan*nya dengan *whole of nation approach* melibatkan atlet, wakil persatuan sukan, ahli korporat, *business entity* dan orang awam bagaimana akan dapat untuk membantu kementerian untuk meluasmajukan sukan-sukan negara yang lain sama ada bantu *able-bodied athletes* atau Atlet Berkeperluan Khas dari peringkat akar umbi (*grass roots*) ke peringkat persekolahan, untuk naik ke peringkat pengajian tinggi, kemudian ke peringkat belia dan *junior* agar dapat menambahkan lebih banyak lagi ahli sukan. Antara sukan pilihan untuk dibantu, untuk dibimbing mendapat pingat selain daripada sukan *wushu* dan silat.;
- ii. Sebagaimana kita maklum untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa, menyaingi negara-negara di peringkat serantau yang telah pun mempunyai strategi-strategi sendiri yang sudah mantap, memperkayakan sukan. Kaola/saya berpendapat *investment* dan komitmen ini pula dilaburkan sekarang dan berterusan jika kita mahu meraih kejayaan pada masa akan datang. Seperti dalam mukadimah kaola pada awal tadi, moga-moga meraih pingat bukan sahaja sebagai tanda pengukur kejayaan negara dalam memajukan sukan dalam negara dan menghantar atlet ke luar negara.;
- iii. Kitani akur dengan penduduk yang kecil yang mempunyai prioriti kita sendiri. Setentunya 'kitani' mempunyai cabaran untuk memberikan saingan di peringkat antarabangsa tetapi apa boleh buat sebagai ahli *global sporting community* 'kitani' mesti menghantar wakil negara dalam sukan antarabangsa di bawah naungan *Olympic Council* seperti *Olympic Games*, *Asian Games*, *Commonwealth Games*, *SEA Games*,

Paralympic dan sebandingnya dan begitu juga perlawanan bola sepak yang di bawah naungan *FIFA* ataupun *ASEAN Football Federation*.

'Kitani' akur dengan undang-undang dalam *Olympic* atau *FIFA* kalau Negara Brunei Darussalam tidak menghantar wakil atas sebab-sebab yang dibenarkan, malangnya tiada peluang meraih pingat atau takut kalah teruk, bukan kriteria yang boleh sebagai alasan tidak mahu menghantar perwakilan. Mungkin keanggotaan Negara Brunei Darussalam dalam *global sports community* akan dipersoalkan dan boleh sahaja keanggotaan negara disingkirkan kerana tidak mahu menghantar perwakilan berulang-ulang.

Soalannya, bagaimana kementerian boleh membantu agar persatuan-persatuan yang bergabung dengan *global sports body* dapat dibantu, didukung untuk mewakili negara walaupun 'kitani' tahu prestasi untuk mendapat pingat belum dapat dicapai? Lebih-lebih lagi sukan yang banyak peminat dan penyokong seperti bola sepak, hoki, *netball* dan seumpamanya.; dan

- iv. Kementerian ketika ini tidak punya negara dalam sukan. Mohon pertimbangan agar Jabatan Belia dan Sukan untuk menampilkan Petunjuk Prestasi Utama yang bersesuaian mengukur kemajuan sukan dalam

negara dalam jangka pendek dan *target* masa panjang.

2. Di bawah Kod 004/000 - Pembangunan Belia dan Sukan. Menjadikan hos sukan prestasi antarabangsa. Matlamat baik kementerian untuk menyediakan prasarana sukan untuk menjadi *host* sukan antarabangsa perlu disokong padu bukan sahaja di peringkat kementerian tetapi juga badan-badan *business* dan juga korporat. Kali terakhir negara menjadi tuan rumah sukan negara *scale* berprestasi antarabangsa ialah Sukan *SEA* pada tahun 1999 dengan prestasi negara dalam sukan tahun itu yang terbaik pernah dicapai setakat ini dengan 4 'emas', 12 'perak' dan 31 'gangsa' (47 pingat). Semenjak itu negara telah menarik diri tidak 'meyanggupi' menjadi tuan rumah apabila giliran negara tiba waktu itu Sukan *SEA* 2019. Kitani telah menarik diri pada tahun 2015 dan dalam tahun 2021 yang lalu negara telah mengumumkan tidak berkesanggupan sekali lagi apabila giliran negara untuk menjadi tuan rumah Sukan *SEA* 2027. Kutipan pingat dalam sukan-sukan *SEA* pun menurun tidak sehebat prestasi atlet negara pada Sukan *SEA* tahun 1999.

Cadangan:

- i. Kita akur menjadi hos sukan berprestasi berperingkat antarabangsa bukan sahaja memerlukan pandangan dan

strategi yang jauh tetapi juga memerlukan persiapan yang panjang lagi mantap dan memerlukan kos dalam *investment*, dalam tenaga dan perbelanjaan untuk menyediakan infrastruktur dan atlet.

Kaola berharap ada penelitian oleh orang yang bijak pandai dalam kementerian merangka pelan strategik jangka panjang bagaimana negara dapat menyahut cabaran menjadi hos sukan berprestasi ini, sehebat kita menjadi hos pada tahun 1999. Ini boleh membuat warga rakyat ghairah ada arah tuju akan dicapai.

Kaola cadangkan, jika negara menyahut seruan ini membuat rancangan berfasa iaitu:

- i. Mengadakan persiapan-persiapan untuk menjadi hos *game* dari akar umbi.;
- ii. Seterusnya *games* di peringkat antarabangsa di *inter-ASEAN school games* kemudian di peringkat *youth games* dan kemudian *Borneo games*.; dan
- iii. Seterusnya apabila prasarana dan kita sudah *capable* menjadi hos ke *general games*.

Dengan itu bukan saja kita menjadikan prasarana secara berfasa kita juga dapat membimbing para atlet negara dari akar umbi dan mereka didedahkan dari awal lagi hingga mencapai prestasi

antarabangsa dan juga negara ada berpengalaman menjadi tuan rumah yang matang.

Kaola/saya akur cadangan ini akan memulakan komitmen dan strategi pandangan jauh, jadi oleh itu inisiatif jangka panjang ini tidak perlu ditangani oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja. Sebab ini adalah inisiatif ke negaraan.

Kaola cadangkan untuk kementerian menjemput ahli-ahli korporat, *business community* yang meraih keuntungan dalam negara untuk sama-sama menyumbangkan sedikit daripada dana mereka di bawah *corporate social responsibility project* untuk memilih mana-mana sukan yang ingin mereka *adopt* untuk dibantu dalam 'memberigakan' komitmen ini agar rakyat akan *admire* menyanjung tinggi tanggung-jawab *CSR Corporate* dan *business entity* ini.

3. Di bawah Kod 001/000 - Pengurusan Dasar dan Perkembangan Tenaga Manusia. Adakah kejayaan sukan itu ringan? Bersukan secara teratur boleh membantu:

- i. Menjana ekonomi dalam *sports tourisms*, menjadi tuan rumah *regional sports* terutama dalam *hosting* dalam peringkat akar umbi, belia, peringkat sekolah dan pengajian tinggi Universiti.;
- ii. Bersukan dijadikan *target* sumber pekerjaan sebagaimana yang telah

dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ia adalah sebagai sumber *alternative source of viable employment*. Bukan sahaja sebagai ahli sukan atlet tapi juga sebagai *support staff*, menjadi *couch* yang diiktiraf, pengurus *medical support team* dan sebagainya.;

iii. Menolong *Micro, Small and Medium Enterprise* 'berdagang' kecil-kecilan semasa ada perlawanan antarabangsa. Pembekal-pembekal *souvenir* dan pakaian bagi menyokong untuk menyambut penyokong setia, *industry sport apparel*.; dan

iv. Tempat penginapan dan *logistic support* semasa menjadi hos sukan antarabangsa. Kaola berharap penuh mengharapakan *marathon* antarabangsa dapat difikirkan melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, antara Bandar Seri Begawan dan berakhir di Daerah Temburong dimasukkan dalam *calendar* sukan antarabangsa yang berprestasi tinggi.

Kaola ada cadangan, bantu jangan tutup peluang dalam bahasa Inggerisnya, mohon izin "*if you cannot be a supporter be a facilitator, if you cannot facilitate do not be a blocker*". Kaola syorkan kementerian memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat isu ke-3. Kalau kementerian tidak dapat membantu terus (*support*) usahakan menjadi untuk mencari bantuan, *be the*

facilitator, dan jika tidak dapat membantu mohon jangan jadi penghalang, *don't be a blocker*.; dan

4. *Personal interest declaration*. Kaola sangat teruja mendengar jawapan-jawapan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Kaola ialah Naib Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam, (*FABD*) iaitu Persatuan Induk Bola Sepak yang berjuang, berusaha *the keyword is* cuba berusaha menaikkan taraf bola sepak dalam negara.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pun mengetahui banyak cabaran yang dihadapi oleh *FABD* dan kelab-kelab bola sepak dalam negeri untuk hidup *survival*.

Sambil meyahut cabaran-cabaran untuk menyediakan pemain-pemain bola sepak untuk menaiktarafkan martabat bola sepak, bola sepak sukan yang paling popular dalam negara. Lain dari sangkaan awam. *Actually the public opinion* bola sepak di negara kita masih tahap *recreational sport* iaitu sukan riadah.

Walaupun kita ada liga dan ramai pemain kelab didaftarkan tapi hanya segelintir kecil pemain bola sepak kita bertaraf *amateur* dan mungkin ada 2 atau 3 orang

anak Brunei kita dalam satu musim berstatu profesional. Bermain bola sepak sepenuh masa di luar negara **الْحَمْدُ لِلَّهِ**.

Tapi rata-rata pemain dan kelab adalah *recreational footballers*. Jika ada masa lapang, ada *games* baru turun padang. Berlatih dan *kick ball* pandai sendiri dan kalau terdapat padang kosong ada *team* baru berlawan, baru buat *team* untuk bermain.

Hanya ada sedikit pemain bola sepak kita yang dedikasi yang membuat latihan berterusan dipantau, 'dikelinga' dengan pelatih yang bertauliah agar siap siaga dan *fit* untuk main bertanding apabila dijemput mewakili negara.

FABD cuba membuat perubahan mentaliti dan konsep ini dengan mengadakan liga-liga bola sepak dan membantu kelab-kelab dengan pengurusan yang teratur dan mempunyai ciri-ciri pembangunan melatih *team development* dari (*grass root*) hingga *kesenior squad* untuk menambah *panel full* pemain atlet negara.

Pembangunan bola sepak negara terbantut satu generasi, tiada perkembangan. Walhal negara lain berkembang pesat memajukan perkembangan bola sepak menyedari sukan ini sukan yang paling popular bukan sahaja menaikkan *national pride* juga menjana *economic growth*. Sebab Itu kalau kita lihat, terlalu sedikit kanak-kanak 'kitani' lihat bermain bola sepak di jalan raya pada masa ini.

Jadi, 'kitani' tidak boleh terkejut dan hairan apabila *squad senior* negara tidak menyerlah apabila 'kitani' bermain di luar negara. Sehingga *team* negara yang pernah kita kalahkan dahulu sekarang sudah dapat membelasah *team* Negara Brunei Darussalam, 'aduh'.

Bola sepak perlu ada hala tuju yang berbeza dan perlu banyak bantuan dari semua agensi kerajaan. Jika kita mahu *team senior* negara kita tidak lagi dibelasah di peringkat antarabangsa.

Kita tidak dapat melakukan yang selalu kita lakukan *business as usual* jika mengharapkan peningkatan dan tidak menghantar perwakilan ke luar negara pemain muda untuk pendedahan, tidak akan menolong menaikkan prestasi *team* yang hanya akan berkembang sebagai 'jaguh kampung' sahaja.

Jadi, inisiatif kelab-kelab bola sepak seperti *DPMM FC* dan *Royal Bees Netball Team* yang berani membawa *team* Negara Brunei Darussalam bermain di gelanggang luar negara perlu mendapat sanjungan dan disokong padu sebab mereka membawa pemain-pemain muda kita pendedahan bermain di luar negara dan menyiapkan diri untuk kebaikan negara bukan setakat menjadi 'jaguh kampung'.

Seperti mana-mana sukan pun *senior squad* kita tidak akan cemerlang tanpa pendedahan dan pembangunan awal dan padu dari akar umbi lagi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika ada komitmen, sokongan padu dan pandangan jauh Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ sukan bola sepak dan sukan-sukan lain boleh berpotensi mendapat *medal*.

Tetapi sebab *mass pulnya* boleh menyokong negara sebagai *alternative source of employment* dan menjana ekonomi sampingan, pohon bantulah sukan negara yang bukan dikategorikan dapat meraih pingat. Itu sahaja yang dapat kaola kemukakan.
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah Yang Berhormat suka untuk menjawab soalan ini sekarang ataupun memerlukan masa untuk meneliti soalan ini, yang ditimbulkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat yang saya percaya telah pun difikirkannya dengan mendalam dan seterusnya saya kira Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga ingin untuk memikirkannya atau pun 'berunding' dengan penasihat-penasihat bola sepak terutamanya dan sukan umumnya mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan ini. Bagaimana?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Pengerusi.

Cuma kaola mohon untuk menyentuh sedikit sahaja apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

1. Kaola mengambil maklum Yang Berhormat adalah Naib Yang Di-Pertua *NFABD* iaitu Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam dan sudah setentunya cabaran-cabaran yang dihadapi untuk menyediakan pasukan bola sepak nasional yang mantap amat diketahui oleh Yang Berhormat dan juga sudah setentunya meletakkan Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam sebagai satu rakan strategik kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengatur strategi untuk mengembangkannya sukan bola sepak dan juga sukan-sukan dalam bidang lain.;
2. Kaola sebenarnya sedikit terkilan juga apabila Yang Berhormat ada menyebut '*be a facilitator, do not be a blocker*' dan kalau tidak dapat menyokong, usahakanlah menjadi pemudah cara. Kalau tidak dibantu, jangan jadi penghalang. Kaola merasa tidak pernah terlintas sedikit pun di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadi 'penghalang' kepada memajukan sukan di negara ini kerana jika sukan berjaya ia akan jadi satu kredit kepada bukan sahaja kementerian ini tetapi juga kepada semua persatuan sukan di Negara Brunei Darussalam.

Jadi, ingin kaola memperbetulkan, tidak sekali-kali terlintas di hati dan fikiran warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

untuk menjadi 'penghalang' untuk mengembangkannya sukan di Negara Brunei Darussalam.; dan

3. Secara amnya pernah juga kaola jelaskan di sini strategi sukan ini sememangnya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** bila tiba masanya akan 'diberigakan' bersama persatuan-persatuan sukan yang lain. Secara ringkasnya ada dua:

- i. Penyediaan prasarana sukan. Prasarana sukan yang sedia ada terdapat keperluan untuk menaik taraf prasarana sukan kerana reka bentuk prasarana sukan yang ada ini pun sememangnya sudah lama dan *standard* piawaian sukan pada masa ini memanglah sudah mengalami transformasi dari segi peningkatan dari segi pemodenan dan sudah setentunya reka bentuk kita yang dahulu, tidak lagi menepati keperluan prasarana sukan baik dari segi keselamatan dan prasarana lain.; dan
- ii. Dari segi program latihan sukan. Apa yang jelas setakat ini, mengendalikan program latihan sukan sahaja tidak mencukupi kerana untuk membentuk satu-satu atlet itu ia memerlukan ketahanan minda atlet. Dari mana kita akan dapat membentuk ketahanan minda ini adalah dari pertandingan dan persaingan sukan, baik di luar mahupun di dalam negeri. Sudah

setentunya apabila menyertai sukan-sukan di luar negara, ia memerlukan kos dan sumber yang terhad.

Jadi, salah satu caranya adalah untuk mengadakan pertandingan - pertandingan mahupun liga-liga dalam sukan-sukan yang tertentu yang dikendalikan di peringkat nasional di negara ini dan sudah setentunya untuk mengendalikan liga-liga seperti ini memerlukan rakan strategik, kerjasama dengan rakan strategik yang ada, mahupun dari persatuan-persatuan sukan yang ada ataupun dari pihak-pihak swasta ataupun syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk menjadi penaja ataupun rakan strategi yang ada.

Mungkin kaola berhenti dulu sahaja. Nanti **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan mendapatkan maklumat daripada penasihat-penasihat kaola untuk kembali menjawab isu-isu khusus yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Akhirnya saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Lebih dahulu, diucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang disampaikan yang begitu jelas dan panjang lebar.

1. Kaola sukacita merujuk di bawah Tajuk SL01A, Kod 004/000 - Pembangunan Belia dan Sukan. Kaola sukacita mencadangkan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membina *multi purpose hall* atau dewan serba guna di mukim dan kampung, mungkin dengan kerjasama Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan. Pembinaan dewan serba guna ini dapat digunakan untuk faedah dan kemudahan masyarakat khususnya melibatkan para belia untuk lebih proaktif untuk memajukan aktiviti kampung seperti meningkatkan latihan bersukan misalannya permainan *badminton*, *ping pong*, sepak raga, bola jaring, *dart* dan seni mempertahankan diri dan lain-lain.

Penglibatan belia dalam pembangunan dan aktiviti masyarakat ini secara tidak langsung dapat melatih dan membimbing mereka supaya lebih bertanggungjawab dan berdisiplin serta menyesuaikan diri dengan aktiviti kepimpinan secara berkumpulan sesuai untuk melahirkan generasi sebagai pemangkin, pewaris

dan peneraju negara pada masa hadapan.

Selain itu, dewan serba guna tersebut juga dapat dijadikan tempat mesyuarat kampung, mengadakan aktiviti sosial yang sihat dan sebagai pejabat atau pusat sehenti penghulu dan ketua kampung berurusan dengan anak buah mereka. Manakala bagi dewan serba guna yang sudah disediakan di beberapa kampung itu mungkin memerlukan penambahbaikan dari segi infrastruktur dan ditambah dengan fasiliti-fasiliti sukan yang terkini.;

2. Kaola ingin merujuk di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyelidikan, dokumentasi dan pengiktirafan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola tertarik dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" yang bermaksud ciri pengenalan atau identiti bangsa, bahasa melambangkan bagaimana suatu bangsa atau puak itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi.

Dalam hubungan ini, kaola juga merujuk bahawa kita mempunyai puak Jati dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan ia merupakan khazanah negara yang patut kita pelihara dan jaga.

Bagaimanapun pada zaman sekarang, kita telah menyedari

bahawa penggunaan bahasa-bahasa puak Jati ini semakin berkurangan dan hampir pupus terutama sekali dalam generasi belia dan anak muda. Inisiatif pihak Kementerian membuat e-Kamus dan kamus bercetak untuk melindungi bahasa-bahasa ini adalah tindakan yang baik dan perlu disokong.

Namun, apakah lagi cara yang dapat kita buat secara bersama untuk menguatkan lagi pemeliharaan khazanah negara ini? Bagaimanakah pihak Kementerian, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka, bertindak lebih jauh untuk menangani isu masalah bahasa puak Jati yang hampir pupus ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil langkah mendigitalisasikan bahasa-bahasa ini sekurang-kurangnya bahasa ini disimpan di dalam laman sesawang yang dikhaskan untuk kemudahan mengakses dan belajar mengenainya.

Penggunaan laman dan orang ramai terutama pencinta dan ahli bahasa dapat bertindak sebagai penyumbang dengan memuat naik *sample* bahasa di dalam format teks, audio pautan dan video menggunakan *tagging* sistem yang membolehkan kebolehcarian yang mudah.

Selain itu dengan melengkapkan sumber-sumber bahasa dengan kerjasama Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk mendokumentasikan bahasa-bahasa puak ini.

Pakar bahasa dan pengkaji bahasa dapat menyimpan rekod perkataan-perkataan dan frasa yang betul agar masyarakat memperoleh dan mempelajari bahasa-bahasa tersebut.

Dapat dijadikan sebagai rujukan yang tepat dan sahih. Perbincangan dan kerjasama untuk berkongsi buah fikiran dari persatuan-persatuan bahasa serantau juga dapat dirancang untuk bertukar pandangan dan berkongsi pendapat untuk melestarikan bahasa-bahasa puak ini.; dan

3. Terakhir, kesinambungan isu sebentar puak-puak Jati yang terdapat di negara ini masing-masing memiliki keunikan dan nilai kesinambungan budaya tersendiri.

Kaola perhatikan terdapat kekurangan dari orang 'kitani' untuk menghidupkan amalan dan kebudayaan puak Jati seperti makan tahun dari puak Kedayan yang melibatkan amalan bergotong-royong seperti nasi 'diserakat', 'mendadih kelupis' dan 'mengarat' daging dan sebagainya.

Pendapat kaola, kebudayaan ini tidak cukup didedahkan dari segi pembelajaran di sekolah-sekolah tapi perlu dipraktikkan dan diamalkan untuk sekurang-kurangnya anak muda dapat merasakan pengalaman dan peristiwa ini.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mahu menjawab soalan itu ataupun bagaimana?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Berhormat Pengerusi, kalau diizinkan menjawab ringkas sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Soalan-soalan yang dikemukakan pernah sudah dijawab ataupun diterangkan oleh Yang Berhormat terdahulu dari ini. Sampai mana kita 'berunding' mengenai puak Jati dan bahasa-bahasa ataupun ciri-ciri kebudayaan puak-puak Jati ini sedangkan dalam perlembagaan kita termaktub bahawa "Bahasa Melayu Bahasa Rasmi Negara".

Jadi kalau kita mahu 'membuar-buarkan' perkara ini jadi timbul, suatu hari nanti barangkali kita akan menimbulkan suasana yang 'bingit'. Walau bagaimanapun, saya tidak suka untuk turut serta dalam hal ini.

Walaupun saya sendiri mempunyai *interest* yang banyak mengenai perkara

ini sebab saya sendiri juga datang dari salah satu puak yang terdapat dalam perlembagaan.

Itu bahagian Ahli Yang Berhormat, bahagian saya sekarang. Dengarkan saya, bahagian saya sekarang, saya berhadapan dengan Rang Undang-Undang yang berkenaan.

Saya kira dengan pengakuan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa Yang Berhormat akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan kemungkinannya juga akan menjawab satu atau dua soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Maka saya rasa cukup sekian kita berunding dengan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya ingin sekarang perkara ini kita undi. Ada bantahan. Nanti dahulu. Adakah itu merupakan bantahan?

Sekarang saya ingin bertanya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua bersetuju dan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita berbincang pada pagi ini. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Hari ini, pada petang ini, rombongan yang tertentu akan meninjau sama ada anak bulan Ramadan dapat dilihat atau sebaliknya.

Jadi, sebagai persediaan barangkali pada sebelah tengah hari ini kita akan membuat pekerjaan kita dengan lebih cepat lagi supaya kita akan dapat berehat lebih awal daripada biasa.

Walau bagaimanapun, kita masih lagi ada satu kementerian iaitu Kementerian Kesihatan yang saya kira perlu kita laksanakan dan saya harap akan dapat diluluskan pada petang ini nanti.

Dengan keadaan itu, saya ingin mencadangkan dahulu supaya persidangan kita ini ditangguhkan untuk kita berehat pada sebelah tengah hari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula seperti biasa mulai pada pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk seterusnya dalam Rang Undang-Undang yang berkenaan ini, saya mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Pada sebelah pagi tadi, اَلْحَمْدُ لِلَّهِ Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai membahaskan dan meluluskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sebelah pagi tadi yang belum sempat dijawab Yang Berhormat, saya berpandangan bahawa adalah lebih berpatutan sekarang bagi kita menyelesaikan Belanjawan Kementerian Kesihatan dahulu yang kita telah mula meneliti Belanjawan kementerian ini pada hari semalam.

Kita telah pun mendengar mukadimah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kita juga telah pun mula membincangkannya dengan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat untuk menyoal Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Maka saya fikir adalah lebih berpatutan bagi kita memberikan peluang untuk meneruskan perbincangan mengenai Belanjawan Kementerian Kesihatan dulu, saya akan memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan keterangan-keterangan yang lanjut pada suatu ketika nanti.

Bersama-sama saya masih ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Kesihatan.

Saya sekarang memulakan perbincangan ini dengan menjemput Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Untuk perbahasan mengenai Kementerian Kesihatan ini, kaola ada 2 tajuk yang hendak disentuh, iaitu:

1. Merujuk di bawah Tajuk SM01A Kod 003/000 - Penjagaan Kesihatan Asasi. Berkaitan tajuk ini, kaola ingin bertanya adakah dalam perancangan pihak Kementerian Kesihatan untuk menilai semula perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan asasi seperti pergigian dan pengambilan *sample* darah dan melarutkan waktu operasi selepas waktu pejabat ataupun pada hari-hari cuti dan kelepasan awam di klinik-klinik kesihatan di negara ini dengan mengambil kira isu kesesakan di pusat-pusat kesihatan yang menjadi tumpuan yang mana telah menjadikan kesulitan kepada rakyat yang memerlukan perkhidmatan?

Kaola bawakan satu contoh perkhidmatan pergigian yang tertumpu di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong bagi kawasan-kawasan tadahannya. Isu ini

ditimbulkan kepada kaola oleh pesakit yang tidak ada perjanjian awal tetapi berhajat untuk berjumpa doktor pergigian atas sebab-sebab tertentu, untuk mendapatkan nombor giliran sahaja, pesakit terpaksa datang berulang kali dalam beberapa hari kerana slot yang terhad.

Dikongsikan juga kepada kaola, ada yang datang pada pukul 6.30 pagi pun nombor giliran telah habis sehingga mereka telah dinasihatkan untuk datang lebih awal lagi. Kaola percaya kesesakan seperti ini juga dialami di pusat-pusat kesihatan yang lain. Mohon pencerahan sekiranya ada perancangan sepertimana yang kaola cadangkan tadi.; dan

2. Mengenai di bawah Tajuk SM01A, Akaun 004/004 - Perkhidmatan Renal, Program Kesihatan *Secondary* dan di bawah Kod 006-000 Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pembentangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan kelmarin amat menarik perhatian kaola khususnya mengenai peningkatan berterusan dari tahun ke tahun penyakit kornik tidak berjangkit termasuk penyakit buah pinggang yang membimbangkan meskipun usaha-usaha pengawalan penyakit aktif dilaksanakan oleh pihak

Kementerian Kesihatan dengan pelbagai program dan aktiviti.

Soalan kaola, pernahkah dinilai keberkesanan program dan inisiatif pengawalan penyakit tidak berjangkit ini dan adakah dikenal pasti punca-punca lain yang menyebabkan peningkatan penyakit yang sangat membimbangkan ini?

Kaola ada 2 soalan berkaitan rawatan penyakit buah pinggang iaitu:

- i. Bagaimanakah penerimaan dan sambutan pesakit mengenai rawatan *peritoneal dialysis* yang dijalankan di rumah masing-masing sejak ia diperkenalkan?; dan
 - ii. Adakah pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini bersedia menjalani rawatan pemindahan buah pinggang dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi pada rawatan ini?;
3. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai tambahan kaola ingin mengusulkan cadangan dalam langkah-langkah pengawalan dan pencegahan penyakit kronik tidak berjangkit ini untuk pihak Kementerian Kesihatan menilai semula dan menambah baik inisiatif-inisiatif yang ada.

Menetapkan setiap rakyat dan penduduk di negara ini mesti menjalani pemeriksaan saringan kesihatan dalam Program

Pemeriksaan Saringan Kesihatan senegara setelah mereka mencapai usia tertentu.

Maksud kaola, bukan atas pendaftaran masing-masing, dimestikan setiap rakyat untuk menjalani pemeriksaan saringan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setahun setelah mereka mencapai usia tertentu yang difikirkan perlu ataupun secara berkala pada tempoh yang difikirkan sesuai.

Dalam hal ini, aplikasi *Bruhealth* boleh dimanfaatkan sebagai pemberi ingatan kepada setiap pengguna iaitu rakyat dan penduduk di negara ini untuk membuat ujian saringan tersebut dengan memaklumkan kepentingan menjaga kesihatan diri dan kelebihan pengesanan penyakit yang lebih awal.

Pengesanan awal penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit ini juga telah diamalkan di kebanyakan negara-negara seperti *United Kingdom* yang juga menyediakan Program Saringan Kebangsaan untuk pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit.;

4. Seterusnya, kaola mencadangkan untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatan ke rumah-rumah untuk membantu menangani dan mengurus pesakit-pesakit yang berada di rumah dengan mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti *home based nurse*, rawatan paliatif ke rumah-

rumah seperti yang dilakukan dan diamalkan di negara-negara seperti Malaysia dan *United Kingdom*.

Usaha mempromutuskan perkhidmatan pekerja-pekerja sosial. Dalam usaha untuk menampung kekurangan, kaola mengambil maklum mengenai kekurangan tenaga-tenaga profesional dan kakitangan sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kelmari.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini kaola mencadangkan pihak Kementerian Kesihatan untuk berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan dengan menawarkan program-program Sarjana Muda ataupun *Master* dalam bidang kerja sosial di pelbagai jurusan atau bidang di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

Pada pandangan kaola, program ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan bukan hanya di Kementerian Kesihatan malah juga di kementerian-kementerian lain yang berkaitan.; dan

5. Seterusnya, kaola mencadangkan agar kawalan kemasukan bahan-bahan makanan dan minuman yang telah dikenal pasti menjadi punca kemerosotan tahap kesihatan dan menyebabkan peningkatan kes-kes kronik yang tidak berjangkit di negara ini dipertingkatkan dengan

cara menilai semula pengenalan cukai ataupun mengadakan label-label amaran dan mengawal ataupun mengawal penjualan produk kepada masyarakat awam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola sukacita menyeru masyarakat awam di negara ini untuk sama-sama bertanggungjawab terhadap kesihatan diri dan ahli keluarga masing-masing dan khusus bagi umat Islam di negara ini.

Kaola juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa dan ambillah peluang kedatangan bulan Ramadan yang mubarak ini untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan pengambilan makanan seimbang dan bersederhana, sesuai dengan firman **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah Al-A'raf, ayat 31 yang bermaksud: "Wahai anak-anak Adam, pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang dan tawaf serta makan dan minumlah dan janganlah kamu berlebihan, sesungguhnya **الله** tidak menyukai orang-orang yang berlebihan-lebihan itu".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir sekali kaola mohon izin untuk menutup perbahasan ini dengan serangkap pantun untuk semua yang ada di dalam Dewan ini dan masyarakat di luar sana:

Makanan seimbang sentiasa diamalkan,
Tubuh badan sihat fikiran terbuka,
Rajin bersenam jadikan amalan,
Kesihatan rakyat terjaga negara maju
jaya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat
Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Pertama sekali, terima kasih
diucapkan juga kepada Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ jadi untuk menjawab
pertanyaan-pertanyaan itu ada kurang
lebih 5 soalan. Mengenai perkhidmatan
asasi pergigian dan sampel darah
di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Kampung
Sengkurong, tempat tadahannya
memang ramai seperti Kampung Lugu
dan sebagainya.

Jadi, penambahbaikan yang dibuat
sebelum ini mengenai pergigian adalah
penambahan kerusi tetapi masih juga
tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, masalah ini telah
pun dikenal pasti dan *SOP* yang
disediakan untuk barisan hadapan untuk
menanganinya sudah pun disediakan
caranya, bukan 'menyuruh' datang lagi
besoknya. Pihak Kementerian Kesihatan
memohon maaf kepada masyarakat yang
telah mengalami masalah ini.

Ia sepatutnya datang dengan *SOP* yang
telah diberikan, ia akan ditanya masalah
pergigiannya sama ada kritikal atau tidak
atau rutin dan ia sepatutnya dibuatkan
perjanjian dan bukan diarahkan datang
lagi besok atau datang lebih awal, ini
tidak sepatutnya berlaku. Ini mungkin
menunjukkan kelemahan dari segi
penyelarasan *SOP* bahagian hadapan,
إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini akan diperbaiki.

Mengenai sampel darah ini. Ia bermusim,
Yang Berhormat Pengerusi. Ada kalanya
ramai, adakalanya 2-3 orang sahaja dan
pengambilan darah ini selalunya adalah
orang yang "berpuasa", jadi mereka akan
datang pukul 7.00 pagi, "kan mau
sungkai awal".

إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilihat, *because*
Kementerian Kesihatan selalunya ada
statistik menunjukkan keramaian orang
dan jika benar ia berterusan, yang tidak
sepatutnya, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan ditempatkan
lagi slot untuk mengambil darah.
إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kesihatan akan
mengambil maklum dan cuba *improve*
SOP yang sedia ada.

Mengenai peningkatan *NCD* seperti Yang
Berhormat nyatakan tadi yang ketara
sekali ialah pesakit buah pinggang.
Mungkin 5 tahun lepas dalam 600 orang
lebih, sekarang dalam 900 orang lebih
pesakit buah pinggang.

Hal yang menyedihkan atau boleh
membuatkan kita terkejut, Negara Brunei
Darussalam adalah antara 5 buah negara
tertinggi di dunia yang mempunyai

masalah buah pinggang mengikut nisbahnya.

Sebab itu sebelum *COVID-19*, kita sudah cuba menjalankan kempen senegara untuk membuat saringan pemeriksaan kesihatan terutama sekali *blood pressure*, kencing manis, kanser dan jantung. *Because of COVID-19* tiga tahun itu tidak berjalan. Walau bagaimanapun, seperti saya terangkan sebelum ini إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kesihatan akan lebih aktif dalam 'memberigakan' masalah ini.

Ada dalam mukadimah yang kaola nyatakan tadi dalam *Bruhealth* dalam Fasa '3'. Ada dua perkara iaitu *help index* yang kita mengisi sendiri, melihat *scoringnya* dan itu yang menentukan apa tahap kesihatan kita dan juga mengenai pengesanan awal penyakit *early detection disease* termasuk *national screening programme*.

Apa Yang Berhormat sarankan itu إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan termasuk dalam *bruhealth* Fasa '3' dan dalam rancangan Kementerian Kesihatan. Di samping itu juga, seperti kaola nyatakan sebelum ini dalam Fasa '3' ia banyak *mainly big data application* termasuk *diabetes management* jua.

Nanti bila *data* ini dikumpulkan ia akan memberi kefahaman lebih kepada Kementerian Kesihatan bagaimana menuju ke arah persediaan mengawal penyakit tidak berjangkit dalam masa 15 ke 20 tahun yang akan datang. Apa-apa persediaan yang perlu kita buat.

Mengenai *peritoneal dialysis*. اللَّهُ أَحْمَدُ salah satu dari kebaikan dan *benefits* yang boleh diambil pelajaran dari *COVID-19* ialah kesediaan orang ramai untuk mula memahami dan menerima *peritoneal dialysis*.

Sebelum ini belum ramai orang yang menerima *peritoneal dialysis* dan sejak tiga tahun kita menghadapi *COVID-19*, اللَّهُ أَحْمَدُ *peritoneal dialysis* itu telah meningkat dari sepuluh ke 200 lebih orang. Mengikut nisbah kita yang tertinggi di rantau ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat *peritoneal dialysis* adalah salah satu kaedah bahawa satu *cater* dimasukkan dalam perut untuk memasukkan air dan di sanalah pencucian buah pinggang dengan menggunakan *peritoneum* dalam perut.

Ia memproses peralihan *waste* atau kimia-kimia yang tidak baik di dalam badan keluar dari saluran *peritoneal dialysis*. Ini boleh dibuat di rumah pada tiap-tiap malam. Orang selalunya membuat sebelum tidur dan dipasangnya dan pada esok paginya selesai. Ini yang sebenarnya kita mahu ke arah ini bukan *dialysis*.

لَهُ أَحْمَدُ dengan *COVID-19* orang ramai lebih peka dan faham serta menghargai *the independence of* seseorang itu. Maksudnya ia tidak tergantung untuk pergi ke *Dialysis Centre* yang mengambil masa selama kurang lebih 5 jam dan tiga kali seminggu. Terbatas dalam

pergerakannya ataupun pekerjaan hariannya. Bila ia bertukar kepada dialysis mereka sudah merasai *the independence*. Mereka masih lagi bekerja pada siang hari dan apa juga aktiviti dibuat seminggu tidak akan terjejas.

Dengan pemahaman ini ia bukan sahaja untuk kebaikan pesakit tersebut malah kepada keluarganya jua. Kadangkala *dialysis* ini tidak dapat terutamanya yang baru sampai akhir malam dan orang menjaga pun akhir balik pada pukul 1.00 - 2.00 pagi dan sebagainya. Bukan sahaja untuk *patient* tetapi juga yang disekeliling yang menjaganya. Yang paling penting lagi ialah dari pihak '*renal department*'.

Ini adalah satu kaedah yang boleh mengurangi komplikasi yang berkaitan dengan *cosimo dialysis*. *Cosimo dialysis* ini perlu dipertimbangkan dalam kita menilai dan membuat keputusan *replacement therapy* yang sesuai bagi seseorang ataupun untuk pesakit.

Dari segi pemindahan buah pinggang ﷻ orang ramai pun makin peka dan faham di Negara Brunei Darussalam sahaja dalam dua tiga tahun ini sudah membuat kurang lebih 15 pemindahan buah pinggang. Nombor ini makin tahun makin naik.

Dengan lebih banyak orang ramai menerima pemindahan buah pinggang orang lain pun mendengar yang ia salah satu *option* mungkin 'ragap' hati lagi menjalaninya.

Permindahan buah pinggang ini mesti *we called leaving related donor*. Maksudnya mesti keluarga hampir seperti adik-beradik, ibu bapa dan sebagainya. Macam yang 'bau-bau bacang' tidak dapat kecuali dibuktikan yang orang itu saudara yang rapat.

Sebelum pemindahan buah jantung ia ada *ethics group* yang meng*interview* pesakit yang menerima dan yang menderma. Kita *interview* siapa ahli-ahli untuk memastikan mereka ini benar-benar bersaudara dan tidak ada paksaan ataupun tidak ada jual beli dan sebagainya. Itu sangat penting dari segi etikanya. Saringan sudah saya terangkan tadi.

Mengenai pelaksanaan kesihatan dari rumah ke rumah *is home based nursing* dan seperti jawapan kaola sebelum ini juga memanglah *home based nursing*, Kementerian Kesihatan ingin memperluaskan kerana ia akan mengurangkan kesesakan katil di hospital-hospital.

Misalannya, orang *stroke* kalau sudah sampai tahap 'berat' pihak perubatan cuma dapat rehabilitasi di hospital. Yang lain tidak perlu lagi ke hospital akan memudaratkan pesakit itu dengan jangkitan dan sebagainya. Jadi yang baiknya di rumah.

Home based nursing ini pihak kerajaan dan pihak *Pantai Jerudong Specialist Centre* terutama sekali *BSNRC* ada membuat dan menampung-nampung *home based nursing*. Akan tetapi masih

tidak mencukupi dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ini akan dipertingkatkan lagi.

Itu salah satu daripada agenda atau *plan* yang mesti dihadapi terutama sekali dengan *ageing*. *We have ageing population and* Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin ada menerangkan semalam dan kadang-kadang ada ibu bapa yang tidak dijaga oleh anaknya. Itu juga akan ditangani.

Dengan adanya *home based nursing* ini ia dapat menolong anak-anak membagi 'ragap hati' untuk menjaga ibu bapa supaya tidak penat dan bukan tidak kena peduli oleh kerajaan.

Mungkin anak-anak ini merasa bersendirian dan dengan *home based nursing* ini secara holistik ia bukan sahaja melihat keadaan pesakit tetapi orang menjaga itu juga dapat juga menilai dari segi *mental health*nya dan sebagainya.

Mengenai *social work*. *Social work* ini diperlukan ialah yang menilai pesakit dan keluarganya dan keadaan sekeliling rumahnya dari segi kesesuaian ataupun keselamatan bagi pesakit untuk balik ke rumah serta keselamatan bagi penjaganya.

Mereka juga menilai kemampuan seseorang itu dalam menjaga misalannya penyediaan lampin buang untuk orang dewasa ataupun pemakanan khas macam ada 'susu khas' untuk dibelikan maka mereka yang membuat penilaian

sama ada perlu bantuan daripada pihak-pihak tertentu ataupun dana dari hospital dan sebagainya.

Kementerian Kesihatan pun *over the years now*, masa ini *Medical Social Worker*, kalau tidak silap dalam 20 lebih orang sudah, *thats quite a lot* tapi itu seluruh negara. Kalau dipecah-pecah daerah, sedikit juga masih. Tetapi dari 2-3 orang, *now* 20 lebih orang, dari *Pantai Jerudong Specialist Centre* pun ada sudah *Medical Social Worker* juga, kalau kaola tidak silap 3-5 orang. Mereka ini sama-sama menampung apa jua keperluan masyarakat dan itu dari segi kesihatan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, rakan kaola di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pun dari seorang sekarang sudah mempunyai 12 orang *social worker*. Itu dari *welfare* benar-benar. Maka kerajaan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, *from nothing, we building it* tapi *takes time and* saranan Yang Berhormat mungkin tiba masanya 'kitani' berunding dengan Kementerian Pendidikan (*MOE*) mengenai persediaan untuk *Medical Social Worker* satu saranan yang baik. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** akan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan.

Seterusnya mengenai makanan. Makanan ini, Kementerian Kesihatan seperti Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat tahu jua, beberapa tahun yang lalu 'kitani' sudah memulakan *tax on sugar*. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, impaknya sangat positif dan biasalah syarikat ini tidak mahu membayar cukai, mereka patuh dan mengurangkan gula

itu kepada 6 gram ke bawah daripada belasan gram. Maka itu yang 'kitani' mahu, *the positive nudges, not so much of 'kitani' mahu duit itu but the positive nudges is more important than collecting their money.*

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada masa terdekat ini juga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pun peka dengan masalah tekanan darah tinggi. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, 'kitani' akan melancarkan Program *Low Salt Diet*. Ini *is a national programme*, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sudah mendapat titah perkenan dan 'kitani' menunggu masa untuk 'memberigakannya' kepada orang ramai juga.

Dengan adanya program-program tersebut, diharap orang ramai akan lebih peka dan *more educated on choice of food* dan 'kitani' melalui *Health Promotion Centre* sudah pun berkolaborasi dengan beberapa pengilang makanan dan pembuat minuman mengenai *healthy food* ini.

Kalau melihat iklan-iklan, *how to look* atau masa ini orang ramai pun dilihat di *supermarket, quite a few* sudah melihat *ingredients*. Kalau dulu ambil saja, *now they* melihat *ingredients*, mana yang *they tick* sihat, itu yang mereka utamakan dan sebahagian daripada *supermarkets* yang mengambil bahagian ialah untuk memastikan barang-barang ini ditempatkan pada *eye level*. Bila ia melihat barang, ini yang mereka lihat dulu. Diharap dengan *these little nudges*

ataupun aktiviti ini akan mengambil perhatian para pengguna untuk membuat pemilihan yang bijak dalam makanan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ itu saja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera dan selamat petang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Lebih dahulu diucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang disampaikan pagi kelmarin.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk di bawah Tajuk SM01A, Kod Akaun 004/000. Penjagaan kesihatan *secondary, tertiary* mengenai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera atau dalam kecemasan dari Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, masih dihantar ke Hospital RIPAS untuk pemeriksaan kesihatan lebih lanjut.

Soalan kaola, mengapa perkara ini masih diamalkan sedangkan perkara ini sudah bertahun-tahun dihadapi dan sering didengar? Adakah terdapat perancangan atau strategi dari Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan perkhidmatan di daerah-daerah tersebut dan juga apakah *progress* ini sudah dijalankan?

Sehubungan itu, kaola juga difahamkan bahawa beberapa pesakit telah dirujuk ke *Jerudong Park Medical Centre* dan *Pantai Jerudong Specialist Centre* atas sebab pusat kesihatan tersebut mempunyai pakar kesihatan yang diperlukan dan mesin alat bantu yang lebih efisien.

Adakah terdapat inisiatif atau perancangan Kementerian Kesihatan dalam menaik taraf perkhidmatan perubatan dengan menambahkan pakar-pakar kesihatan dan mesin alat bantu ini di hospital-hospital kerajaan secara berperingkat?

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat mengenai soalnya.

Just to make sure this is correct, soalan ini kenapa 'kitani' masih merujuk pesakit dari Daerah Belait atau Daerah Tutong ke bandar. Hospital Suri Seri Begawan. Kuala Belait, ada pakarnya dalam *internal medicine*. Begitu juga pakar pembedahan tetapi ada juga masanya yang sesuatu masalah itu perlu *input* daripada pakar-pakar yang lain terutama, bukan seorang sahaja, seperti 2-3 orang.

Pesakit dihantar ke Hospital RIPAS, *because RIPAS Hospital is the actual tertiary centre* buat negara 'kitani' bagi masalah-masalah perubatan. Kumpulan pakar dari pelbagai kepakaran berada

di Hospital RIPAS, dirujuk kepada pakar lain.

Kalau dalam keadaan seperti *the very expert* di Hospital Suri Seri Begawan. Kuala Belait/Hospital RIPAS juga, misalannya, pakarnya dalam setahun hilang, *the senior consultant*. Pakar ini, *our senior consultant*, mereka bekerja *there is a volume. Volume workload*, seorang pakar, kalau misalannya, pesakitnya hanya dalam 100 orang setahun, biasa melihat 1,000 orang pesakit, 2-3 bulan ia berhenti bekerja.

Ini tidak akan meninggikan ilmunya *because the more he sees patient, the more he gets better, the more he learns and the more experience he gets*. Maka itulah kepentingan 'kitani' mempunyai satu *tertiary centre* kepakaran berkumpul dan mendapat, bukan sahaja pengalaman bagi dirinya dan ia juga ada mendengar nasihat atau pendapat daripada pakar yang ada di sekelilingnya dalam menangani satu masalah.

Ini bukan bererti 'kitani' tidak mementingkan Daerah Belait atau Daerah Tutong. Hanya apa yang ada 'kitani' lihat penyakit-penyakit ini kadangkala ia lebih *complex*, apa yang ia dapat menangani, dibuatnya. Apa *is beyond him, thats why* perkara itu mesti jujur, setakat mana ilmunya rasanya payah ia mesti *refer*.

Tetapi sekarang, kadang-kadang dulu *refer* kerana ia membuat *ultrasound or CT scan but now the last* setahun dua ini, *CT scan* di Hospital Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong ada sudah, *CT scan* di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait ada sudah dan dengan adanya *picture archiving computer system* ini or *PACS* yang baru dilancarkan dalam tahun lepas, ini akan mengurangkan lagi keperluan orang di Daerah Belait atau di Daerah Tutong untuk dihantar ke Hospital RIPAS untuk membuat *echo* dan sebagainya. Kalau ada *sonographer* di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait yang boleh membuat *echo*, ia boleh membuat *echo* dan orang di Hospital RIPAS boleh melihat secara *live* kalau mahu, dengan ada *PAC system* ini.

Itulah pencapaian Kementerian Kesihatan dalam memastikan seluruh negara ini *is one record* terutama sekali dari segi *ECG*. Kadang-kadang *ECG* kita tidak pasti ada masalah atau tidak, ia dihubungi saja di Hospital RIPAS, ia membuat sekarang dan Hospital RIPAS dapat melihat *live*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau ada 5 GHz lagi canggih dan akan cepat perkara begini. *Echo* yang menggambar boleh juga dilihat terus Hospital RIPAS, *i can seat in the office* dan mereka membuatnya, *I can seat directly and* boleh mengarahkan membuat itu dan ini secara *live*. إِنْ شَاءَ اللَّهُ keperluan orang ramai untuk ke Hospital RIPAS bagi membuat pemeriksaan seperti ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berkurangan dengan drastiknya.

Satu persoalan jua kenapa kita merujuk ke *Pantai Jerudong Specialist Centre* atau

Gleneagles JPMC dan adakah Kementerian Kesihatan akan membuat seperti itu? *It's the volume of scale* dari segi *experience or expertise*. Kalau kita ada *Cardiac Centre* dan ada *Cardiac Centre* di *Pantai Jerudong Specialist Centre* kita membuat pembedahan dalam 150 sahaja setahun dengan 75-75, namun doktor tidak juga hanya seorang tetapi mesti juga empat orang atau tiga orang dan di sana pun tiga empat orang, *for it to work efficiently*. Tiga orang ini misalnya 75 dibahagi 3, 20 lebih sahaja 'memotong'. Jika seorang, mereka tidak akan lama bekerja dan akan berhenti dalam masa 3 bulan.

So, as a consultant sebagai pakar, *we want that volume of scale, why do we work, we talk, we have a volume behind us to back us up on what we are saying*. Itulah perlunya *to consolidate, this is where the fiscal kerajaan* untuk mengconsolidate. Ia bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan, misalannya mesin jantung dengan kos beberapa juta ringgit. Tetapi tidak boleh satu, mesti 2 kerana kalau 1 rosak, ada lagi 1. Membuat lagi di Hospital RIPAS tetapi yang membuatnya *the volume of pull still* 400 ribu penduduknya yang tidak ramai *so there is no economic sense to do that or even the professional level to do that, so we losing at all ends*.

Jerudong Park Medical Centre dan *Pantai Jerudong Specialist Centre* ditubuhkan ialah untuk memastikan penjagaan kesihatan dan apa juga yang ada *is high standard as any of the developed*

countries. Why Pantai Jerudong Specialist Centre boleh buat macam itu tetapi kerajaan tidak boleh? Biskita pun faham, we have limitation. We have other our own bureaucracy which to be fair, it has to be equal to all ministries. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, we will make another body, you have your own rule but still kena pantau oleh MOFE and other Board of Directors but we can employ doctors, I can interview him next week and give the answer the same day whether I employ him. Rather than arah tempat lain, diinterview tetapi dua tahun kemudian baru memberitahu okay I'm gonna employ you. If you want to move fast, you want to excel in certain specialty, this is way you do because these two specialties are moving very fast. Kalau kita mengikut kaedah tadi, we will be so left behind.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan kebijaksanaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kepimpinan baginda, we managed to be where we are now because we are doing this. Bukan Kementerian Kesihatan tidak mampu membuat but we have our limitation, we acknowledged that limitation but we want to move forward. Jadi apa yang kita 'inda' mahu ialah membuat sesuatu just untuk kepentingan untuk mendapatkan sesuatu itu tanpa ada faedahnya bagi kepentingan negara.

Dengan adanya kepakaran yang *diconsolidate* semua berkumpul tapi walaupun mereka ada di *Pantai Jerudong Specialist Centre* or di *Gleneagles JPMC*, *they do come to* RIPAS Hospital bagi mengakses dan sebagainya. Masa ini pun doktor-doktor di *Pantai Jerudong Specialist Centre especially stroke*, *there is a group of doctors who looks after patient* di RIPAS Hospital jua tetapi gajinya dibayar oleh JPMC. Mereka bekerja seminggu dan *they take turns* sebab orang luar dengan *green IC* yang tidak mampu ke *Pantai Jerudong Specialist Centre*, tidaklah kita membiarkan, itupun dipeduli juga. *So that's why they are there*, mereka membayar ikut bayaran apa jua *scheme of charges*. Walaupun kita macam satu tapi *actually that whole loop looks after the whole country*. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Kaola ingin membangkitkan tiga soalan di bawah Tajuk SM01A, Kod Akaun 005/006 - Pengurusan Peralatan Perubatan dan Makmal dan Kod Akaun 005/007 - Pengurusan Sistem Maklumat dan Data Kesihatan.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan atas keberhasilan menjadi contoh teladan dan memperlihatkan komitmen

Negara Brunei Darussalam dalam memimpin transformasi kesihatan digital. Dedikasi ini jelas terlihat dengan pelancaran *MOH Intelligence HUB*.

Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada Universiti Brunei Darussalam ke atas pengenalan *Digital Public Health Graduates Programme* terutama *Master of Digital Public Health* yang bekerjasama dengan University Michigan, Amerika Syarikat. Kaola sangat teruja menantikan perkembangan dan inovasi dalam teknologi kesihatan pada masa depan. Melihat kemajuan yang pesat dalam bidang *Artificial Intelligence* iaitu (AI) dan potensi aplikasinya dalam kesihatan sangat menggembirakan mengetahui bahawa kementerian dan *department* (klinik) mata telah menerapkan *AI Deep Learning System* untuk meningkatkan program pemeriksaan *retinopathy diabetic* yang sudah ada:

1. Bolehkah kementerian mengongsikan keberkesanan dan cabaran dalam menerapkan *AI Deep Learning System* dalam program pemeriksaan *retinopathy diabetic* saat ini?;
2. Adakah kementerian akan mempertimbangkan untuk mendirikan *Behavioural Insights Team* atau *Nudge Unit* untuk mengintegrasikan *machine learning* ke dalam sistem kesihatan untuk mencegah penyakit dan mempromosikan perubahan tingkah laku yang positif? Jika ya, bagaimanakah kementerian merancang untuk memanfaatkan *machine learning* untuk mengenal

pasti corak tingkah laku dan mengembangkan strategi untuk mendorong individu ke arah pilihan yang positif,? dan

3. Seterusnya perkara yang terakhir. Adalah penting untuk pesakit Warga Emas untuk menjelaskan mengenai simptom yang mereka alami untuk mendapatkan *diagnosis* yang tepat dan rawatan yang berkesan. Namun secara amnya Warga Emas sering menghadapi masalah dalam berkomunikasi secara efektif disebabkan oleh penurunan *cognitive* yang berkaitan dengan usia, berbagai-bagai kes kesihatan yang kronik sehingga menyukarkan mereka mengenal pasti simptom yang paling relevan dengan masalah kesihatan semasa dan juga halangan bahasa. Cabaran-cabaran ini menjadikan mereka sukar untuk mengingat dan menyampaikan simptom mereka kepada para *professional* kesihatan.

Namun 'jam tangan pintar dan peranti' yang boleh dipakai yang merupakan alat elektronik peribadi yang dipakai di badan atau sebagai aksesori boleh mengumpul dan menghantar data berkaitan kesihatan seperti mengesan aktiviti fizikal, kemalangan yang dihadapi seperti jatuh, menghantar peringatan untuk memakan ubat dan menyediakan ciri-ciri lain yang memberikan maklumat kesihatan penilai kepada pengguna, penjaga dan profesional kesihatan.

Mengambil kira kepentingan teknologi yang semakin canggih dalam meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan, kaola ingin mencadangkan agar kementerian mempertimbangkan melaksanakan strategi untuk mendidik dan melibatkan pesakit Warga Emas dan penjaga mereka mengenai kelebihan dan aplikasi 'jam tangan pintar' dalam penjagaan kesihatan serta menggunakannya dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan yang sedia ada untuk mengukuhkan langkah pencegahan dan pada akhirnya membawa kepada peningkatan hasil kesihatan untuk pesakit Warga Emas. Itu sahaja yang kaola ingin sampaikan, sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

اَللّٰهُمَّ، Kementerian Kesihatan sangat peka dengan *improvement in technology* yang disebutkan tadi *AI* untuk pengesanan *diabetic retinopathy* dalam kalangan pesakit di Negara Brunei Darussalam.

Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi menggambarkan dahulu macam mana biasanya dibuat. Sebelum ini kalau orang memeriksa kesihatan mata, ia bertitik mata dulu, *once the pupil dilates* baru dilihat sekurang-kurangnya sejam tapi selalunya 3 jam, 2 kali titik.

Lepas 3 jam ia menunggu-nunggu barulah melihat matanya. Ia akan diperiksa oleh seorang doktor. *It takes him a few minutes* untuk melihat ini, selepas itu sudah dilihat apa jua dapatan akan dikongsikan dan lepas itu pesakit tidak bekerja dibagi *MC because of* ubat yang kena titikkan itu, mereka tidak dapat memandu terutama sekali kerana ataupun mungkin tidak dapat melihat *because of the effect of the* ubat so sekurang-kurangnya di hospital kurang lebih 3 - 4 jam dan ia akan mengambil *MC* sehari.

Now with this new technology, with this clinical depending AI system Klinik Mata mula menerokai untuk pengesanan awal *diabetic retinopathy* ini. Ia tidak memerlukan ubat titik mata dan ia boleh siap, pesakit terus sahaja datang untuk melihat *diagnosis*nya terus dalam 3 ke 5 minit. Dalam sehari atau sejam, *in theory* kalau 5 minit berapa orang tu, 12 orang. Sejam 60 minit, 12 orang. Biasanya sehari mereka melihat 3-4 orang, sejam ia boleh melihat 12 orang. Jadi, ia akan membuat pemeriksaan dengan lebih berkesan. Banyak lagi dapat *discreem*nya untuk mencegah mereka daripada buta disebabkan *of diabetes* ini.

Hanya masalahnya, *queuenya* panjang dan mengambil masa dan bila dibuat oleh *AI System* ini ia tidak perlu doktor, siapa sahaja walaupun tiada *medical background* asal sahaja pandai menekan *switch on, off, enter* itu sahaja. Ia *done all by the machine and the report is printed out*.

Ini sudah dibuat *trial*, dalam 100 orang sudah dibuat kajiannya dan *dcompare*, nampaknya *the sensitivity and specificity*. *Sensitivity* ini maksudnya *how good it is*, ia *mendetect* benar-benar ia *diabetic* masalah *diabetes*. *Specificity* ia memberitahu yang ini tidak ada masalah. Menolak *diabetic*, *so those are all very high more than 95%*. Lebih baik daripada manusia, manusia *is about sensitivity* kurang *about 70-80% and it is very variable, depends* apa *moodnya*. *So it is very objective* tidak ada *biased, human biased*.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dengan saringan yang telah dibuat dan dapatan yang ada إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Negara Brunei Darussalam akan melaksanakannya, melihat *terms of reference* dan sebagainya. Kalau 'kitani' membuat 'kitani' salah satu negara di dunia ini membuatnya dengan *as a whole of nation* dan dengan ini akan membuat jaminan perlindungan jua, data-data pesakit dan ini perlu diintegrasikan jua *AI* dengan *BruHims* yang sedia ada dan *of course Internet connectivity*.

Orang tidak perlu datang ke Hospital RIPAS lagi, ini boleh disimpan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Tutong atau mana-mana klinik kesihatan. Tidak perlu bekerumun di Hospital RIPAS untuk membuat *diabetic scan* ini. *So, this will ease the patient congestion, easy access to the care*.

Walau bagaimanapun, kakitangan dan pegawai mesti dilatih jua dari segi

sistemnya *but* yang penting sekali waktu membuat pemeriksaan doktor, doktor boleh membuat apa yang sepatutnya dibuat, membuat penjagaan lain atau pemeriksaan lain.

Seterusnya *behavioral insight*. *Behavioral insight* ini, 'kitani' komited untuk menggunakan pendekatan *behavioral signs*. Dalam usaha berterusan untuk menubuhkan Unit *Behavioral Insight* ini di Kementerian Kesihatan yang rancangan ini dirangka dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) yang *we establish the roadmap on the establishment of Behavioral Insight Unit* di *MOH* pada tahun 2022 dan tahun 2024.

Kenapa *behavioral insight* ini penting kerana ia mempunyai potensi yang besar untuk mengaplikasi teori kaedah dan pendekatan sains, tingkah laku atau *behavioral signs* dalam penggubalan segala dasar, mengadakan atau memperbaiki perkhidmatan ataupun program kesihatan yang tertentu berasaskan kepada data atau *evidence* yang kita ada, dengan tingkah laku penduduk Negara Brunei Darussalam sendiri.

Jadi, dengan adanya *behavioral insight* ini, ia membuat penilaian dan cadangan macam mana menangani isu jurang berkaitan tingkah laku kesihatan khususnya seperti Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam tadi nyatakan kenapa orang makan ini, 'kitani' mahu pelajari apa yang menyebabkannya masih tidak

mendengar nasihat atau apa memberangsangkan ia mahu makan barang itu. Inilah *behavioral insight*, penyelidikan ini kita tahu macam mana *to tackle it*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ *with this Behavioral Insight Unit* 'kitani' mempelajari dan dapat mempengaruhi rakyat bukan *dicopy paste* dari negara-negara lain atau penduduk lain yang kefahamannya dari segi *health* atau pendidikan, *research* amatlah berbeza. *So that's the important*.

Mengenai 'jam tangan pintar', اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *Internet of things* macam-macam sudah keluarnya dan ia banyak membantu dalam penjagaan kesihatan terutama sekali dalam kalangan Warga Emas. *Internet of things* ini terutama jam pintar atau *smart watch* banyak digunakan di negara barat yang mereka ini kebanyakannya hidupnya sendirian atau bersendirian tidak banyak keluarga.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, negara kita anak-anak masih mahu menjaga 'indungnya' dan ini yang perlu kita terapkan. Walau bagaimanapun, apa jua *these technologies* yang canggih ini akan dipantau jua oleh Kementerian Kesihatan akan keperluannya dan kegunaannya *because end of the day we have to balance the cost and benefits* tapi memang pasti ada yang *benefits* from this so melihat kesesuaiannya dan *impactnya* yang boleh didapati melalui *this internet of technology* yang canggih seperti 'jam pintar' ini. *That's why we have Digital Unit Ministry of Health*. Ada satu unit *called The Digital Health Unit*

yang memantau *all these Internet things* yang boleh memberi kesan ataupun pembaikan kepada penjagaan Kementerian Kesihatan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama membincangkan Peruntukan Kementerian Kesihatan Tahun Kewangan 2023/2024.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangan Belanjawan Kementerian Kesihatan dan menjelaskan hala tuju kementerian dalam mengukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan di negara ini:

1. Kaola ingin menimbulkan mengenai Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei

Darussalam. Cadangan untuk mewujudkan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan bagi Negara Brunei Darussalam adalah bagi mengukuhkan dan memantapkan penjagaan kesihatan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam jangka panjang.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu tahun 2012 sempena Hari Keputeraan baginda ke-66 tahun bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 11hb. September 2012, antara lain telah bertitah:

"Beta telah pun memperkenankan bagi pelantikan Konsultan untuk tujuan menyediakan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam sebagai langkah meneruskan usaha memantapkan perancangan, meningkatkan kualiti dan memajukan sistem penjagaan kesihatan negara dengan lebih teratur selaras dengan Wawasan Brunei, 2035".

Langkah ini juga dihasratkan untuk melihat negara ini terus makmur dan sejahtera dengan rakyat dan penduduk dapat diberikan penjagaan kesihatan, berkualiti dan komprehensif serta saksama.

Pada menjunjung dan 'menanai' titah baginda yang murni lagi

berpandangan jauh ini, Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan telah dimulakan pada bulan Oktober, 2012 berikutan termeterainya perjanjian kontrak antara Kementerian Kesihatan dengan konsultan berkemahiran dan berpengalaman iaitu *The Innova Group* dari Amerka Syarikat dan ditandatangani pada 20hb. September 2012. Pelaksanaan projek ini melibatkan pelbagai sektor *stakeholders'* yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan khususnya kementerian-kementerian, badan-badan bukan kerajaan, institusi-institusi berkenaan dan juga rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh kerjasama dan komitmen dan pengorbanan mereka yang berkenaan khususnya warga Kementerian Kesihatan dalam pelbagai profesion kesihatan, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pelan induk telah siap disusun dan didokumentasikan pada bulan November, 2014. Induk yang komprehensif ini sepatutnya berfungsi sebagai landasan kepada peta jalan yang *significant* bagi mengukuhkan dan memantapkan sistem kesihatan kebangsaan dan infrastruktur.

Ia merangkumi pelan-pelan strategik, program dan lebih 90 inisiatif dalam tempoh lebih 20 tahun ke hadapan yang telah dikenal pasti. Ia bukan sahaja sejajar dengan misi Kementerian Kesihatan Bersama

ke arah warga sihat tetapi juga menyokong penuh matlamat negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 khususnya rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Pada awal tahun 2015, penubuhan Unit Pengurusan Strategi Sistem dan Infrastruktur Kesihatan yang terdiri daripada ketua-ketua dan penyelaras yang dilantik yang dipertanggungjawabkan untuk melapor dan membuat pemantauan. Akan tetapi malangnya, ia tidak diteruskan.

Bergerak ke hadapan bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, Sistem Kesihatan setentunya memerlukan siapsiagaan yang kukuh apatah lagi dalam menangani kemunculan pelbagai cabaran termasuk perancangan dan pelan strategi-strategi bagi sektor kesihatan meliputi tadbir urus, sumber kewangan, penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, tenaga manusia, pelbagai fasiliti perubatan bekalan ubat-ubatan dan teknologi.

Berikutan dengan itu, kaola meminta pencerahan adakah Pelan Induk Sistem Kesihatan dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang telah tersedia ada diguna pakai dan dijadikan panduan dalam perancangan-perancangan strategi dan program penjagaan kesihatan bagi jangka masa panjang.

Kenapa kaola bangkitkan isu ini? Penyediaan pelan ini melibatkan pelbagai profesion kesihatan yang memberikan input dan mengenal pasti strategi dan inisiatif-inisiatif untuk mengatasinya. Ia memerlukan kesinambungan untuk menjayakan apa jua rancangan dan inisiatif mengikut rangka kerja yang ditentukan.

Pada pengamatan kaola secara peribadi, kadangkala tidak ada kesinambungan yang perancangan atau pelan induk untuk terus diteliti dan dilaksanakan. Kadangkala pegawai-pegawai menjadi keliru kerana tidak konsisten, hala tuju dalam rancangan sebelumnya telah berubah walaupun telah dilakukan penyelidikan atau sesuatu inisiatif.

Kaola dalam Majlis ini ingin menerangkan ada baiknya dipertimbangkan untuk disemak dan diteliti semula akan isi kandungan pelan induk tersebut yang mungkin ada kemanfaatnya dijadikan garis panduan dalam melaksanakan perancangan dan program yang relevan dalam usaha untuk memantapkan dan juga mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan termasuk infrastruktur yang lebih teratur pada masa akan datang.

Ini adalah juga bertepatan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menjadi realiti seperti hasrat dan tujuan menyediakan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan

Negara Brunei Darussalam sepertimana yang telah kaola sampaikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.;

2. Kaola ingin menyentuh tentang Pelan Induk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Pelan Induk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dilaksanakan bagi menaik taraf dan mengembangluaskan lagi perkhidmatan di hospital berkenaan sesuai dengan keperluan mengikut peredaran masa sebagai satu-satunya *treasury* hospital di negara ini. Pelan induk berkenaan dihasilkan sebagai asas iaitu *blue print* hospital tersebut bagi perancangan 20 tahun mendatang sehinggalah mencapai tahun 2035 iaitu selari dengan Wawasan Brunei 2035.

Menurut kajian, daripada konsultan dalam tahun 2028 dijangkakan menghendaki lebih 560 buah katil yang diperlukan. Pada masa ini, apa yang kaola dimaklumkan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha hanya mempunyai lebih kurang 800 buah katil. Apa yang dikhuatiri, negara berhadapan dengan masalah iaitu tidak mempunyai katil yang mencukupi terutama sekali di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan dikhuatiri akan menjejaskan perkhidmatan rawatan kepada pesakit seperti kelambatan dalam menerima rawatan yang sepatutnya, mengakibatkan tahap

kondisi pesakit semakin teruk, rawatan semakin kompleks dan tidak berkesan.

Keperluan katil yang mendadak, sebahagian pesakit terpaksa *discharge* sebelum masanya (*premature discharge*) mengakibatkan pesakit tidak menerima rawatan yang tepat dan komprehensif. Ia juga memberikan kesan yang tidak menyenangkan kepada sistem kesihatan negara dan khususnya *patients' outcomes*.

Begitu juga dalam kes-kes kecemasan kadangkala apa yang kaola dimaklumkan, pesakit terpaksa menunggu kekosongan katil-katil di wad-wad bagi rawatan selanjutnya. Bukankah masanya negara sekali lagi menambah katil bagi menampung keperluan yang semakin meningkat disebabkan oleh *ageing population* seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Berdasarkan kepada pelan induk negara hendaklah perlu menambah katil-katil seperti yang kaola nyatakan.

Ini berasaskan *findings* daripada konsultan yang berkenaan. Menghendaki penambahan keperluan katil *ICU*, *MICU*, fasiliti-fasiliti hospital khususnya bangunan untuk perkhidmatan kesihatan bagi kes *acute* dan *sub-acute*, bilik mayat (*mortuary*) yang ada pada masa ini hanyalah sementara. Penambahan makmal dan juga yang lain-lain

termasuklah bilik-bilik bedah untuk menampung keperluan *surgical* yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, sukacita untuk makluman orang ramai, masalah-masalah yang dihadapi termasuklah keadaan yang tidak memuaskan dari segi pemeliharaan dan seumpamanya. Kaola ingin pencerahan dalam sama-sama kita mengatasi cabaran dan keperluan-keperluan yang sangat mendatar dan meningkatkan lagi fasiliti-fasiliti yang diperlukan sepertimana dalam pelan induk yang telah pun disediakan untuk diimplementasi.

Dulunya pelan induk termasuk pembinaan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** pelan induk itu telah ada perancangan sebelum kaola sebagai Menteri Kesihatan. Saya mengikuti kehendak-kehendak itu dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** telah dilaksanakan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dapat mengatasi masalah-masalah yang berhubung kait dengan ibu-ibu mengandung, perempuan dan kanak-kanak yang dilahirkan.

Tujuannya semata-mata dijadikan pelan induk sebagai garis panduan yang ada mempunyai statistik dan apakah jangkaan-jangkaan yang perlu kita laksanakan atau sediakan. Bagi memantapkan penjagaan kesihatan yang berkualiti, kondusif dan *environmentally friendly* khususnya bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Bukan

sahaja pada masa ini tetapi kita haruslah menjangkakan apa yang akan terjadi pada masa akan datang.;

Kaola ingin menimbulkan penduduk penuaan (*ageing population*) yang semakin meningkat. Perkara ini telah pun disentuh **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, apa yang kaola tidak akan lagi menerangkan perangkaan-perangkaan kita sudah tahu masalah-masalah *ageing* ini memang telah terjadi dan juga kita bersyukur kepada **اَللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالٰى** juga jangka hayat bagi penduduk negara ini meningkat dari 77.3 tahun pada tahun 2016 kepada 77.8 pada tahun 2023. Ini juga memerlukan persediaan-persediaan kita oleh sebab **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** setahun semakin meningkat kehidupan hayat penduduk ini.

Dengan cabaran-cabaran seperti ini, penduduk semakin menua (*ageing population*) pada masa-masa akan datang, dan golongan Warga Emas ini dikategorikan kumpulan *vulnerable* bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit dan kronik termasuk kurang penglihatan, kurang pendengaran dan *dementia*.

Apakah langkah-langkah atau kesiapsiagaan dan strategi-strategi Kementerian Kesihatan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang terhadap penjagaan kesihatan kepada penuaan penduduk

di negara ini yang semakin bertambah supaya akan dapat bersama-sama menikmati kehidupan yang sejahtera.;

3. Kaola juga ingin menimbulkan berhubung dengan penjagaan kesihatan asasi (*primary health care*). Pembangunan sistem penjagaan kesihatan berdaya tahan mampu memberikan perkhidmatan secara *universal health coverage* lagi mudah diperolehi oleh kesemua lapisan masyarakat dan penduduk, sangat penting dalam mendukung negara mencapai Wawasan Brunei 2035. Rangka kerja dan hala tuju yang komprehensif untuk menaik taraf dan memantapkan penugasan yang digariskan dalam Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini, perkhidmatan kesihatan asasi yang diberikan melalui pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan sangat memainkan peranan utama bukan sahaja dalam memberikan penjagaan yang bertumpukan kepada individu dan masyarakat (*people-centred care*) malahan sebagai *gate keeper* kepada pengesanan dan rawatan awal penyakit-penyakit, malahan ia dianggap sebagai kos efisien dalam penjagaan kesihatan dan rawatan kepada masyarakat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ beberapa tahun yang lalu, kita pun telah bergerak membangun pusat-pusat kesihatan misalannya

Pusat-Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara, Pusat Kesihatan Lamunin, Daerah Tutong dan juga Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah Gadong.

Apa yang menjadi pertanyaan kaola, kenapa kita tidak meneruskan untuk membina pusat-pusat kesihatan yang telah pun dikenal pasti dalam pelan induk terutama sekali penduduk-penduduk yang mempunyai penduduk yang besar? Misalannya yang telah dikenal pasti seharusnya sudah ada pusat kesihatan di Bandar Seri Begawan. Kenapa pula Pusat Kesihatan Ong Sum Ping ditutup?

Inilah kemungkinannya orang ramai bertumpu-tumpu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Misalannya lagi, Pusat Kesihatan Anggerek Desa dan Sungai Hanching ditutup oleh kerana sudah wujud Pusat Kesihatan Berakas. Dalam rancangan juga terdapat sepatutnya sudah didirikan pusat kesihatan yang dipandang mempunyai peruntukan. Saya menegaskan pusat kesihatan di Negara Brunei Darussalam ini adalah memainkan peranan yang penting yang harus kita fikirkan diberikan keutamaan kerana ia boleh dicapai oleh semua lapisan rakyat dan penduduk bukan sahaja di kawasan bandar.

Sehubungan itu, sukacita minta penjelasan atau apa jua keterangan

dalam kita sama-sama mengukuhkan kesihatan supaya lebih *accessible*, mudah didatangi oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam bukan sahaja difokuskan di Bandar Seri Begawan, untuk memberikan impak yang signifikan kepada sistem penjagaan kesihatan negara yang lebih komprehensif dan mampan.;

4. Kaola ingin menimbulkan di sini tentang fungsi Makmal *BSL3* di Pekan Tutong, pada pengetahuan kaola, Kementerian Kesihatan telah pun mempunyai sebuah makmal yang bertaraf *BSL3* di Pekan Tutong, yang direka dan mempunyai ciri-ciri keselamatan khusus bagi mengendalikan ujian-ujian mengenal pasti kuman-kuman dalam kategori tahap '3' (kuman-kuman yang berjangkit). Berikut daripada itu, ada beberapa perkara yang perlu penjelasan.

Apakah peranan makmal *BSL3* ini semasa negara menangani wabak Pandemik *COVID-19*? Memandangkan makmal *BSL3* adalah makmal yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi bagi mengendalikan ujian-ujian dan kuman-kuman yang baru muncul yang belum diketahui sepenuhnya potensi jangkitan dalam kalangan manusia.

Adakah ia dapat digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan bagi

profesional makmal menjalankan ujian yang berkenaan? Adakah makmal *BSL3* ini telah mendapat mana-mana pengiktirafan piawaian standard antarabangsa dari segi keselamatan bangunan dalam mengendalikan contoh-contoh penyakit, jaminan keselamatan terutamanya untuk melindungi profesional kesihatan yang membuat ujian-ujian makmal ke atas contoh penyakit tersebut? dan

5. Akhir sekali, kaola ingin menimbulkan berhubung dengan *Private Health Care Facility Act*. Apakah perkembangan peruntukan undang-undang bagi *Private Health Facility Act* jika belum wujud? Jika sekiranya belum wujud, bagaimanakah tatacara pengawalan kepada fasiliti-fasiliti kesihatan yang memberikan perkhidmatan perubatan, klinik-klinik seperti perkhidmatan klinik *Dental*, *X-ray*, perkhidmatan *laboratory* dan yang seumpamanya. Ini adalah semata-mata bagi memastikan *best practice* atau piawaian *standard* yang diamalkan oleh *private* klinik berkenaan dalam kita menjaga keselamatan dan kesihatan pesakit terjamin dan menerima rawatan di klinik swasta.

Kaola juga tertarik berhubung dengan apa yang dimaklumi iaitu kekurangan tenaga profesional khususnya doktor dan jururawat. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah ini pada masa akan datang? Sebagai

cadangan sahaja, kemungkinan kita mengambil secara *locum tenen* kepada doktor-doktor yang bekerja di klinik *private*, mungkin barangkali waktu malam atau masa yang sesuai bagi sedikit sebanyak mengatasi masalah kekurangan doktor dan begitu juga mereka yang berpencen mungkin dapat diambil secara berkontrak atau *month to month*.

Begitu juga dalam kejururawatan. Mungkin ada juga jururawat-jururawat yang telah berpencen akan kita ambil sebagai, *because* pengalaman mereka ini akan juga dapat membantu sedikit sebanyak kekurangan jururawat di negara ini. Mereka diambil secara *month to month*, berkontrak atau seumpamanya. Itulah barangkali yang ingin kaola timbulkan. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada kaola. Kaola sudahi dengan,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Kurang lebih 7 atau 8 soalan. Mengenai Pelan Induk Kesihatan dan Pelan Induk Infrastruktur Hospital itu, izinkan kaola menjawab serumpunlah.

mana yang telah dimaklumi, Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan yang dihasilkan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2015, yang telah disebutkan

tadi yang menggariskan strategi-strategi bagi penubuhan sistem kesihatan dan penambahbaikan infrastruktur kesihatan kerajaan dalam jangka masa yang panjang iaitu sehingga Wawasan Brunei 2035.

اللَّهُمَّ untuk pengetahuan Yang Berhormat sebahagian besar daripada inisiatif yang telah dirancang di dalam pelan induk berkenaan telah dapat dilaksanakan mengikut komponen-komponen sistem kesihatan yang telah ditetapkan. Melalui penyerapan inisiatif-inisiatif tersebut ke dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan (2019-2023). Penyerapan tersebut telah diteliti secara keseluruhannya dan mengambil kira kesesuaian pelaksanaannya mengikut keperluan dan situasi semasa termasuk membuat penyelarasan dengan dasar-dasar kerajaan, *respond* terhadap Pandemik *COVID-19*, keutamaan peruntukan kewangan negara dan juga penyejajaran dengan strategi-strategi Wawasan Brunei 2035 dan pelan-pelan induk di bawahnya.

Begitu juga dari segi infastruktur, اللَّهُمَّ pelaksanaan projek-projek infrastruktur di Kementerian Kesihatan sememangnya mengambil kira pelan-pelan projek yang dirancang di bawah Pelan Induk Infrastruktur tersebut bagi hospital-hospital dan pusat kesihatan, yang masih giat dilaksanakan dan kebanyakannya dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. Kementerian Kesihatan akan terus menjadikan Pelan Induk Sistem dan Infastruktur Kesihatan

sebagai peta jalan yang signifikan lagi bersistem untuk panduan ke arah mengukuhkan dan meningkatkan kecemerlangan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara sepertimana yang dihasratkan.

Mengenai soalan tidak cukup katil dan sebagainya, itu memang diketahui dan telah pun dinyatakan dalam mukadimah kaola, Yang Berhormat. Hospital RIPAS akan membangun satu bangunan dengan 500 buah katil lagi untuk menampung keperluannya. Pada *short term* ini, beberapa strategi yang telah dibuat di hospital RIPAS terutama sekali, penambahan jumlah katil di wad ataupun *Emergency Department* kalau di luar kapasiti, dibuat secara berkala. Ini bermakna jururawat yang sedia ada terpaksa diagih-agihkan mengikut tambahan katil tersebut *or another word redistribution of manpower*. Pembukaan *Day Unit or Day Surgical Unit* telah sedikit sebanyak membantu mengurangkan penggunaan katil-katil di wad.

Dari segi masa panjang, seperti kaola terangkan di bangunan baharu dalam RKN-11 yang dilaratkan untuk setahun dan dimasukkan dalam RKN-11 kerana keperluan itu ada seperti kaola terangkan dalam mukadimah. Kapasiti Hospital RIPAS ini, *fulnya is 85%*, itu sudah menunjukkan kritikal. Kalau 75% sudah mesti ada perancangan untuk membuat bangunan baharu atau sebagainya. Bangunan baharu mesti ditambah dengan *manpower*. Jika bangunan baharu kosong, tidak ada doktor, juga

menyusahkan keadaan. Jadi seperti Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat memahami juga, *manpower planning* ini tidak semudah yang diharapkan.

Walau bagaimanapun, kerjasama dari pihak yang berkepentingan terutama sekali JPA, SPA, JTG, **اَلْحَمْدُ لِلّٰه** banyak sudah memudahkan cara untuk membuat penambahan *manpower* ini. Kita nanti menambah *recruitment of doctors, nurses, HP dan support staff*. Di samping itu juga, dengan *nursing* kita tahu dalam setahun kurang 200 orang sahaja kita dapat menghasil graduan-graduan baharu dari politeknik dan Universiti Brunei Darussalam. **اَلْحَمْدُ لِلّٰه** dengan kerjasama pihak swasta, satu *private nursing college* telah pun ditubuhkan dan **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** ini akan menambah lagi kita *pool of nurses* untuk negara ini.

Bagi pembinaan pusat kesihatan ini, contohnya Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Gadong dan pembesaran Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkuning yang **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan siap dalam beberapa bulan ini. Ini juga sebagai mengikut apa juga strategi yang telah pun disediakan. Selain itu, apa yang lebih ke hadapan ialah *the use of telemedicine and* menaik taraf *BruHims* kepada *a new system BruHims 2.0*. Itulah rancangan Kementerian Kesihatan dalam masa jangka pendek dan panjang untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan kesihatan untuk masyarakat, yang

mampu إِنَّ شَاءَ اللَّهُ menandai Wawasan Brunei 2035.

Masalah Pusat Kesihatan, Ong Sum Ping ini, ia ditutup beberapa tahun lalu dan difikirkan untuk pembukaan *another health centre* di Bandar Seri Begawan. Masa ini, ada beberapa tempat sudah dikenal pasti cuma hendak menunduki mana yang lebih sesuai. *So إِنَّ شَاءَ اللَّهُ* kalau ada persetujuan dari pihak penjagaan asasi ini dan *mother and child team*, kalau mereka bersetuju إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan diusahakan dalam tahun ini.

BSL3 Lab disebabkan Pandemik *COVID-19*, ia lambat siap, kepakarannya tidak datang and *the special technical people to run the machine* tidak datang *on time*. Walau bagaimanapun, ia telah pun dibuka pada tahun lepas dan siap digunakan untuk *pathogen health* yang tidak semestinya *virus*. Semasa Pandemik *COVID-19*, kita terpaksa membuat *another lab* di Sumbiling, Bandar Seri Begawan. Mula-mula menampung untuk membuat 1,000 *test* dan kemudian *we have to make an AirLab* untuk membuat *another 4,000 test*. Itu keperluan yang pada masa itu.

Jadi *BSL3 Lab* pada masa ini *in the midst of accreditation*, ada penambahbaikan sedikit. Tetapi ia adalah satu *lab* yang canggih, *it's an automated system. The whole environment of that building is controlled by the computer, temperature nya, humiditynya, aircondnya is all electronic, so that is BSL3 lab*. Ini juga akan ditempatkan *our genomic* إِنَّ شَاءَ اللَّهُ *we can do certain genomic study* juga.

Dari segi *Private Health Care Act*, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ memang lama sudah *Private Health Care Act* ini *but because of Covid-19*, 3 tahun ini tidak banyak berjalan. *So I made to understand its in the final stages*. Ada beberapa teguran dibuat oleh *AGC's* dan pihak Kementerian Kesihatan pun ada membuat *changes*. *So إِنَّ شَاءَ اللَّهُ* mungkin *by the next LegCo* kita dapat melihat keberhasilan *Private Health Care Act*.

Memang *Private Health Care Act* ini diperlukan. Ia adalah satu cara untuk kita memantau dan memastikan apa juga klinik selari dengan *SOP* ataupun piawaian antarabangsa. Mesti diingat *Private Health Care Act*, jangan nanti kerajaan tidak mematuhi juga. *So* orang *private* kita 'banar-banari' tetapi tidak pada kerajaan punya *assessment*. *So* itu jugalah difikirkan.

Masa ini *whether private clinic or hospital* dipantau melalui piawaian yang lain. Misalannya *doctor, under the Doctors Medical Board, Nursing* dengan *Nursing Board*, dan farmasi *under Pharmacy Act*. Jadi, *hospital swasta* dipantau melalui *different Acts* tetapi kita mahu *the whole environment infrastructure* dan memerlukan *Private Health Care Act*. Pada masa ini, itulah cara pemantauan pihak swasta melalui akta-akta yang berasingan dan kita memantaunya.

Masalah mengambil *workforce* seperti kaola bincangkan tadi, memerlukan dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ perundingan yang rapat dengan SPA dan JPA dan JTG bagaimana memudahkan cara إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan membuahkan hasil.

Mengenai mengambil pengambilan *locum* untuk doktor-doktor *private*, ini sudah dijalankan 4-5 tahun yang lalu *Accident and Emergency we always* kekurangan doktor. Jadi, dari pukul 7.00 malam ke tengah malam kita mengambil *locum*. *Locum* adalah doktor kita sendiri yang 'menyanggupi' kerja malam *or even private doctors* yang 'menyanggupi' dan mereka bekerja dibayar *extra*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dan begitu juga *nurse for that period*, kita mengambil *locum nurse, locum doctor*. Bagi yang pencen *doctor or nurse* pun, kita mengambil balik tetapi melihat prestasi sebelum ini. *We don't take just for the sake of* mengambil yang *become liability*.

Secara ringkas, itulah bagi 8 soalan yang dikemukakan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bahagian pergigian adalah antara perkhidmatan kesihatan yang mempunyai permintaan yang tinggi di klinik-klinik dan hospital. Ada yang menunggu lama bagi mendapatkan perkhidmatan *dental braces*, apakah perancangan pihak Kementerian Kesihatan ke arah meningkatkan

perkhidmatan *dental* di klinik-klinik pergigian.

Seterusnya, kaola menyentuh berkenaan dengan isu kekurangan darah di hospital-hospital berkenaan. Apakah perancangan dan usaha-usaha pihak kerajaan untuk memberi galakan kepada orang ramai menderma darah dan apakah boleh dipertimbangkan untuk memberi insentif-insentif yang bersesuaian agar usaha ini akan lebih berkesan? Sekian, terima kasih.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali soalan pertama sudah pun dijawab. Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Masalah *dental* sudah dijawab tadi dan masalah bekalan darah kekurangan. Bagaimana Kementerian Kesihatan cuba mengelakkan daripada kekurangan ini ialah menambah promosi untuk pendermaan darah dengan banyak berkolaborasi dengan institusi, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta untuk mengadakan *Blood Donation Day*.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ kita dapat mengekalkan jumlah stok darah yang ada. Mengenai insentif, menderma darah ini ialah sebenarnya satu hasrat yang murni dan ketersediaan seseorang itu untuk menolong orang. Sebelum ini macam-macam insentifnya, ada diskaun *here and there*. Bila dilihat

mungkin tidak bersesuaian memberi insentif ini kerana 'kitani' tidak mahu yang perkara macam ini menjadi *commercial*.

Walaupun insentif yang sebelum ini, *it is quite big* seperti diskaun 50% bagi *1st class*, ada seumur hidup. Ini telah pun ditunduki semula dan kalau dilihat di negara-negara jiran tidak ada memberi macam ini, apa yang penting ialah keikhlasan seseorang itu untuk menderma, dengan sekali menderma darah itu ia boleh menolong sekurang-kurangnya 3 orang pesakit.

Apa yang 'kitani' perlu buat ialah 'memberigakan' lagi kepentingan menderma darah ini dan macam mana ia boleh menolong orang dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan usaha abiskita menderma ini mendapat ganjaran yang lain daripada insentif yang mungkin berupa fizikal ataupun kebendaan sahaja.

Kalau di *JPMC* baginya minuman sahaja iaitu minuman dalam tin dan keropok. Tapi kalau kita tahu Yang Berhormat Pengerusi dulu-dulu lain lagi diberi, minuman diberi lepas menderma darah. Itu mungkin saya tidak menyatakannya. Apa yang 'kitani' mahu ialah orang ramai lebih peka, lebih berhati mulia dengan keikhlasan menderma tanpa menunggu ataupun mengharap insentif-insentif untuk menderma.

I think soalan yang difahami pasal *braces*kah or *dental*? *Braces*, is it?

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: *Yes.*

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Oh, *braces* belum menjawab. Kita kena fahamlah *braces*, *it is not a medical problem*, *it is* untuk membagi 'lawa'. Sepatutnya kerajaan tidak membiayainya, kalau tidak samalah juga membiayai muka supaya 'lawa', apa bezanya mengurangkan kedut bagi kencang sana, membagi senyum manis, bibir tebal, tiada bezanya. Hanya 'tekaduhung' ada sudah. Jadi perkara ini 'inda' akan ditambah. *It is not an emergency* kalau 'kitani inda' membuat 'inda' akan membahayakan kesihatan.

Walau bagaimanapun, izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi ingin memberi sedikit pencerahan mengenai membuat *braces* di tempat yang bukan diiktiraf, itu berbahaya. Kalau mahu muka 'lawa' mesti sayangkan nyawa. Beberapa *incident* sudah yang datang ke Kementerian Kesihatan yang ia memburukkan kesihatan dan baru-baru ini ada orang membuat *braces*.

Sebelum seseorang membuat *braces* Yang Berhormat Pengerusi kena diperiksa dahulu pergigiannya, kesihatan giginya maksudnya pandaikah ia menjaga giginya, rajinkah ia berberus gigi, ber*floss* dan bersih. Kalau giginya tidak bersih ber*braces* lagi, payah ada besi-besi mencuci lagi, lagi malas.

Kalau ber*braces* tidak ada penjagaan gigi yang baik ia akan dijangkiti kuman dan kuman ini kalau nasib 'inda' baik, ia

menyerang jantung. Kalau jantung mengenai injap ia akan bocor, mengalami *septic* dan sebagainya. Ini bukan satu masalah yang ringan, pembedahan jantung satu masalahnya, masalahnya lagi semasa waktu pembedahan mesti 'laju-laju' sebab kuman kalau dibiarkan makin hancur lagi injap, ia boleh menyebelah lagi ke injap sebelahnya dan kalau ini terjadi *the mortality*, kematian yang boleh dialami semasa pembedahan biasa *operation* 1% ia boleh meningkat ke 40% - 50%.

Kalau seramai 100 orang, 1% seorang kalau 100 orang, 50 orang meninggal dalam bilik bedah *that's not good, just because* mau gigi 'lawá'. Kalau mau gigi 'lawá' jagatah kesihatan gigi dengan baik dan pergilah ke tempat-tempat yang diiktiraf di dalam atau di luar negeri.

Ini didapati orang di rumah-rumah, hotel-hotel dan sebagainya. Saya ingin mengambil kesempatan juga kalau ada orang ramai mengetahui perkara tersebut untuk menghubungi Kementerian Kesihatan, membuat *whatever you need to do*. Ini bukan satu yang diambil ringan *braces*, ia boleh membunuh kalau tidak dibuat dengan baik. Itu sahaja, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh berkenaan dengan isu Klinik Kampung Sungai Mau, Bukit Sawat, Daerah Belait.

Kaola ingin memohon pencerahan apa status klinik-klinik berkenaan. Kaola mencadangkan dapat dipertimbangkan agar klinik-klinik berkenaan dapat beroperasi semula, diberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat walaupun secara berkala sahaja, iaitu satu kali seminggu bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada ibu-ibu mengandung dan warga emas yang memerlukan perkhidmatan kesihatan bagi alternatif kepada Pusat Kesihatan Sungai Liang dan Pusat Kesihatan Labi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memastikan klinik lurus dulu.

Yang Berhormat Pengerusi:

Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Trying to remember Yang Berhormat Pengerusi. Itu boleh kaola menjawabnya kemudian Yang Berhormat Pengerusi, karang salah jawapan kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ
الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ
اَجْمَعِيْنَ

Selawat dan salam kepada Junjungan kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kerabat, keluarga, sahabat Baginda dan pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga akhir zaman. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Pengerusi diberi kesempatan membuat sumbangan dalam perbincangan ini.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas penjelasan dan penerangan berkaitan perkembangan dan arah tuju kementerian dalam Blanjawan \$418 juta bertemakan: Kesihatan adalah Tanggungjawab bersama ke arah matlamat bangsa Brunei sihat Wawasan Brunei 2035.

Sebelum itu izinkan kaola menyampaikan ucapan terima kasih peribadi atas semua pengorbanan ahli-ahli Kementerian Kesihatan dan *frontline staff* dalam menangani Pandemik *COVID-19*. Pengorbanan warga Kementerian Kesihatan akan dikenang, hanya اَللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالٰى sahaja dapat membalas

jasa baik semua yang kita berikan sememangnya *sometimes beyond the call of duty* semasa Pandemik *COVID-19* itu, terima kasih.

1. Kaola ada 2 isu: Yang Berhormat Pengerusi, *ageing society* bersedia untuk menempuh waktu tua termasuk kaola. Menyusul pandangan, cadangan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Kaola membagi pandangan alternatif tentang penjagaan Warga Emas dari segi "indung" Warga Emas yang tidak mahu menjadi beban kepada anak-anak, adik-beradik dan cucu-cucu mereka untuk menjaga mereka. Penjagaan ini sama ada yang memerlukan pemantauan di rumah ataupun Warga Emas yang masih mampu dapat berjalan dan memerlukan *companionship* dan sebagainya kawan sebaya pada waktu siang, macam *child care centre* tapi ini khas untuk *golden age care centre*. Warga Emas akan balik ke rumah sendiri setelah keluarganya balik ke rumah habis waktu bekerja supaya tidak membebankan anak-anak mereka untuk menjaga mereka pada waktu siang.

Memandangkan *family unit modern* masa kini, *trendnya* kecil, 2 ke 3 orang ahli keluarga dan kebanyakannya *dual working family*. Walaupun hasrat anak-anak untuk sentiasa bersama 'indung', lebih-lebih lagi pada waktu tua, namun akan

datang satu realiti, tidak semua anak atau ahli keluarga akan dapat sentiasa bersama dengan ahli keluarga yang lanjut usia dan juga ada 'indung-indung' yang masih mahu *independent* dan atas sebab kasih sayang mereka kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka, ada sesetengah "indung" Warga Emas tidak mahu menjadi beban kepada ahli keluarga *by mutual choice*.

Kaola bertanya kalau ada *modelity* atau *health care model* yang boleh difikirkan yang dapat diperolehi dari *third party agency* untuk *day care facility*. Menubuhkan *day centre* bagi Warga Emas yang bukan sahaja memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan *for medical care support*, tetapi juga memenuhi syarat-syarat piawaian agensi lain. Mengambil kira ciri 'Calak Brunei' termasuk panduan agama iaitu masih menghormati dan memeduli orang tua. Memenuhi kewajipan tanggungjawab atas ahli keluarga terhadap orang tua, maklum keluarga yang kecil.

Adakah *modelity alternative health care giver* sebagai *viable option* persediaan awal agar kita dapat buat *investment* yang bersesuaian iaitu *third party health care service provider* yang *reputable* dan *affordable*.; dan

2. Akta Pelupusan Sisa *Medical* dan Klinik dengan Selamat dan Mesra Alam (*Safe Clinical and Medical Waste Disposal*). Memberi *comfort*

warm feeling kepada orang awam bahawa kita ada akta dan pemantauan ketat berterusan agar semua sisa *medical* dan klinikal dari hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan dan swasta dilupuskan dengan selamat dan mesra alam.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dengan doanya bagi warga Kementerian Kesihatan dan barisan-barisan hadapan jua. آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Pertama sekali, izinkan kaola menjawab mengenai Klinik Kampung Sungai Mau, Yang Berhormat Pengerusi. Ingin dijelaskan bahawa klinik tersebut telah pun diberikan kepada Pegawai Daerah yang sekarang ia telah diberikan kepada Majlis Perundingan Kampung yang penyerahan kuncinya telah diberikan pada 31hb. Oktober 2022.

Ia ditutup kerana masyarakat boleh ke Pusat Kesihatan Sungai Liang ataupun Pusat Kesihatan Labi. Pusat Kesihatan Labi doktornya hanya ada *weekly* dan *nurses* ada setiap hari dan Pusat Kesihatan Sungai Liang seperti biasa. Masalah kekurangan doktor dan jururawat dan sebagainya dan nombor pesakit tidak banyak jadi *consolidate* sahaja Pusat Kesihatan, Sungai Liang, Daerah Belait untuk memberi *more effective* perkhidmatan kalau *consolidate*

adanya *the challenges of the human power* ini.

Seterusnya mengenai *old age*. Konsep *daycare for elderly* macam kanak-kanak *child care*. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada Pusat Kegiatan Warga Emas dan pusat tersebut juga terdapat di Daerah Belait, Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong. Tempat Warga Emas berkumpul-kumpul dan bercerita *socialising* tapi *I think your idea of a proper child care because* ada kaola pernah di Jepun, *the system of daycare*nya ada tempat berbaring, ia boleh berehat untuk melelapkan mata di dalam bilik, ada bilik-bilik khas, bilik permainan dan sebagainya.

Konsep itu tidak membayar, bagaimana ia menjalankan tempat tersebut, ada dibuatkan kafe dan yang menjalankan kafe ini ialah Warga Emas yang *ditrain properly* dan *dimanage financenya*, tetapi dipantau. Orang minum kafe harganya mahal sedikit bagi orang ramai kerana ia mesti menampung keperluan orang tetapi *it's a good concept* yang ia diterapkan di Afrika dan untuk menangani masalah *mental health especially* untuk orang dewasa. Walau bagaimanapun, *old age care centre* ini, seperti Yang Berhormat nyatakan, bukan maksudnya anaknya tidak memeduli 'indungnya'. Ia untuk waktu siang hari 'indungnya' hanya seorang di rumah *so very lonely*. Jadi kalau ada tempat seperti ini, dapat ia bersosialisasi dan bercerita dan ia rasa tidak tersisih. Masalah mental, kurangnya.

Perkara ini mungkin dialu-alukan. Ia bukan macam *old age*. *Old age* itu orang tua anaknya melawat hanya waktu Hari Raya atau sebulan sekali. *At old age centre give the respite* jua untuk penjaga dan *is a good vacation for the elderly to go out and meet friends or peers*. Kalau ada pihak swasta mahu membuat seperti itu, *I think, part of our ageing preparation, that is something we can really support*.

Itu adalah saranan yang sangat baik dan kita mahu menjaga Warga Emas ini *in such a way that they continue to be active socializing*. Baru-baru ini ada kaola berjumpa 'petuan' untuk memastikan boleh belayar kah atau tidak *by a geriatrician*. *If you don't want him to belayar, don't ask them to see geriatrician. We want them to be active and continue to be active. We want them to enjoy the life*.

The idea of ageing gracefully is not being at home and kesepian, that's what we don't want. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau ada mana-mana pihak swasta yang memikirkan, *we can always work together with MOH and KKBS on how to make sure it is suitable*. Dari segi *safe clinical management* seperti kaola pernah menyatakan sebelum ini. Akta pada masa ini belum ada. Masih ditunduki bersama dengan JASTRe, *Ministry of Development* dan Kementerian Kesihatan.

Walaupun, Kementerian Kesihatan ada mengeluarkan garis panduan pengurusan *healthcare waste management* ini, yang terbaharu pada

tahun 2019. Ia mengawal bahan-bahan *hazardous material*. Itu yang kita pantau di klinik-klinik dan pihak-pihak swasta *under* mereka punya piawaian. Tetapi *it is all individual* akta, ia punya kawalan.

So what we want is the private health care act nanti mengawal *the whole enviroment of the hospital and the waste management*. Masa ini, *we* menunduki sudah hanya *as usual because of COVID-19, a bit* tergendala. *We work closely with JASTRe about this because we want to make sure as our country progress and is developing, we have this kind of* akta untuk memastikan orang mengikut piawaian antarabangsa.

Untuk menjawabnya, akta masa ini masih ditunduki juga macam *private health care act, but it is in process*. Pada masa ini dikawal oleh *Hazardous Management under* Kementerian Kesihatan. Itu sahaja. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَللّٰهُمَّ** kita telah pun membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan dengan panjang lebar. Maka saya berpandangan tiba sudah masanya tajuk ini kita undi. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Kesihatan kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah saja kita mengadakan perbincangan pada petang ini. Saya ingin sekarang mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya mencadangkan supaya persidangan ini kita tangguhkan untuk kita berhenti.

اِنِّ شَاءَ اللّٰهُ kita akan bersidang semula tertakluk kepada penglihatan anak bulan Ramadan iaitu pada hari Khamis, 23hb. Mac 2023M, jika tidak sabit anak bulan bermula pada pukul 9.30 pagi. Jika anak bulan Ramadan sabit dilihat, kita akan bersidang semula **اِنِّ شَاءَ اللّٰهُ** pada hari Sabtu, 25hb. Mac 2023 bermula pada pukul 10.00 pagi.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mudah-mudahan Ramadan

kali ini membawakan rahmat kepada kita semua dan juga Negara Brunei Darussalam dengan kita mendapat syafaat yang sepenuhnya, dengan segala amalan-amalan kita diterima sebagai amalan soleh dan doa-doa kita dalam bulan yang mubarak ini diterima sebagai doa-doa yang dimakbulkan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 3hb. Ramadhan 1444H/25hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari keenam belas, pada hari ini Sabtu, 3hb. Ramadan 1444 bersamaan 25hb. Mac 2023 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ اَللّٰهُمَّ akerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keenam

belas dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

Pada hari Rabu yang lepas, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai meluluskan Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Kesihatan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita hanya beberapa hari lagi yang tinggal untuk memasuki ke bulan April. Di hadapan kita ialah Rang Belanjawan Negara yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang perlu segera untuk diteliti dan seterusnya diluluskan.

Saya kira Ahli Yang Berhormat semua, saya ingin menasihatkan supaya soalan-soalan atau pertanyaan-pertanyaan yang pendek sahaja dan fokus serta menjurus kepada Belanjawan yang berkenaan supaya Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan akan dapat menjawab dengan pendek dan padat juga.

Saya kira soalan-soalan lain yang am bolehlah ditimbulkan dalam *venue* yang lain ataupun bagaimana telah yang saya nyatakan terdahulu dari ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah berjumpa dengan Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan ataupun secara rombongan untuk membuat soalan-soalan yang demikian oleh sebab masa Majlis Mesyuarat Negara kita terhad dan maka kita perlu menyelesaikan tugas kita yang sudah di hadapan kita pada masa kini. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih ke tajuk seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat akan mula membahaskan atau membincangkan Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sebelum tajuk kementerian ini dibuka untuk dibahas seperti lazimnya saya ingin mendahulukan dengan memberi laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi menyampaikan mukadimahnyanya tentang hala tuju terhadap Anggaran Belanjawan yang disediakan untuk kementerian yang berkenaan ini.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dihormati sekalian.

Dalam kesempatan ini kaola juga ingin menyampaikan ucapan Selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua yang berada dalam Dewan ini, selamat menunaikan ibadah Puasa

kepada yang menunaikannya dan semoga ibadah dan urusan kita semua berjalan lancar pada bulan yang suci ini. Seterusnya kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah mengenai peruntukan yang disediakan dan untuk juga membentangkan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga dikenali sebagai *MTIC* pada hari ini.

اَللّٰهُمَّ Kaola mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta jabatan-jabatannya lebih dahulu dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023 yang lalu.

Antara lain baginda telah menyentuh mengenai cabaran dalam menangani isu pengangguran yang boleh dikurangkan dengan adanya kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak yang berkepentingan serta ke arah meningkatkan hasil kerajaan baginda dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk

pertumbuhan dan mempelbagaikan lagi sumber ekonomi negara serta komitmen mengenai perubahan iklim.

Dalam pada itu, اَللّٰهُمَّ strategi-strategi yang dirangka serta dasar-dasar yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah juga sehaluan dengan tumpuan dan hasrat baginda itu terutama sekali bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang antara lainnya juga bermaksud untuk mendukung kualiti kehidupan melalui kemajuan infrastruktur, sistem *connectivity*, memajukan penyelidikan dan perkembangan yang berkaitan dengan teknologi dan inovasi serta memajukan informasi digital yang inklusif dan selamat ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara pintar (*smart nation*), iaitu sebuah negara yang memanfaatkan teknologi dengan sebaiknya untuk meningkatkan kualiti hidup melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap serta menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

Yang Berhormat Pengerusi. Sukacita juga kaola mengongsikan lebih dahulu bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah selesai membuat semakan pertengahan penggal atau *mid-term review* ke atas Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu *MTIC Strategic Plan 2025* pada suku ketiga tahun lepas. Tujuan semakan tersebut adalah untuk membuat penilaian terhadap pelaksanaan, pencapaian terkini, keberkesanan tindakan-tindakan yang

dibuat serta untuk mengenal pasti isu-isu yang perlu ditangani.

Berikutan dengan pengemaskinian pelan strategik tersebut serta penyejajaran yang telah dilakukan boleh disimpulkan bahawa peranan asas Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah untuk menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber, meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi dan pemudah cara bagi mendukung pembangunan negara yang mampan.

Dalam hubungan ini, kementerian ini telah mengetengahkan sebanyak 10 Petunjuk Prestasi Utama daripada 34 petunjuk prestasi yang telah dikemas kini dan dikenal pasti untuk terus dipantau. Kesemua 10 Petunjuk Prestasi Utama ini meliputi aspek-aspek seperti berikut;

1. Mewujudkan dan meningkatkan jumlah pekerjaan dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi secara bekerjasama dengan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*.;
2. Dalam aspek keselamatan, bagi memastikan *zero major accident* atau sifar kemalangan besar dalam sektor pengangkutan.;
3. *Zero major incident* atau sifar *incident* (sekuriti besar) bagi perkhidmatan perkongsian *ICT* kerajaan.;
4. Memastikan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan dalam operasi pengangkutan dan infokomunikasi.;
5. Dalam aspek perkembangan sektor pengangkutan. Sasaran adalah untuk memperkembangkan dan menambahkan lagi *connectivity* dari segi rangkaian pengangkutan awam.;
6. Meningkatkan pertumbuhan pergerakan melalui pengangkutan udara pada yang masa yang sama.;
7. Untuk mendukung komitmen negara mengenai perubahan iklim melalui sasaran pengurangan lepasan gas 'rumah hijau' dari sektor pengangkutan darat.;
8. Sasaran untuk menambah dan meningkatkan lagi pendigitalan perkhidmatan kaunter.;
9. Memastikan penduduk dan peniaga mempunyai akses dan liputan perkhidmatan jalur lebar yang lebih mantap.;
10. Meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai iaitu setiap jabatan-jabatan yang banyak berurusan bersama orang ramai disasarkan untuk mendapatkan sekurang-sekurangnya penilaian '3' Bintang (pada tahap baik) di bawah Program Penggredan dan Prestasi Sektor Awam menjelang tahun 2025.

Dengan ini diharap ia akan membantu jabatan-jabatan di bawah kementerian ini menuju ke arah kecemerlangan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan berlandaskan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024, iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" serta mengambil kira peranan asas dan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang dikongsikan tadi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan peruntukan yang disediakan ini rancangan kerja serta peluang-peluang penambahbaikan yang dikenal pasti akan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi sumbangan sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi dalam pembangunan negara.

Untuk makluman, peluang-peluang penambahbaikan tersebut adalah juga mengambil kira akan rintihan-rintihan orang ramai terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan, pembelajaran daripada kes-kes insiden kemalangan jalan raya atau pencerobohan siber yang telah berlaku dan penyelenggaraan aset-aset yang kurang memuaskan.

Semua ini dihasratkan untuk ditangani secara sistematik dengan mengikut keutamaan.

Sebelum kaola menghuraikan dengan lebih lanjut lagi keutamaan serta

tumpuan Peruntukan Belanjawan Kewangan Tahun 2023/2024, kaola dengan penuh hormat dan takzim menyebarkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan sejumlah \$163,366,455.00 yang 68% terdiri daripada Perbelanjaan Biasa dan selebihnya sebanyak 32% adalah terdiri daripada Perbelanjaan Kemajuan Tahun Kewangan 2023/2024 kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sepertimana yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tempoh Rancangan Kemajuan Negara ke-11 telah dilanjutkan selama satu tahun lagi.

Ini sudah setentunya akan memberi peluang kepada kementerian kaola untuk menumpukan perhatian kepada penyelesaian projek-projek yang tergendala serta dapat menilai semula dan mempayukan lagi dalam Program Kemajuan selanjutnya.

Ini termasuk mengambil kira saranan dan pandangan yang telah diajukan di Dewan yang mulia ini untuk melibatkan *industry* dan *business players* dalam menggubal rancangan atau strategi bagi sektor-sektor tertentu

di bawah pengawasan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tatacara ini memang sudah dipraktikkan dan kaola setuju ia setentunya akan dapat digandakan lagi dan liputan yang lebih menyeluruh. Contohnya dalam meneroka kaedah pengangkutan awam yang mampan, berdaya maju, sesuai dengan keadaan sosioekonomi dan infrastruktur di negara ini.

Kaedah bermuzakarah bersama pihak berkepentingan serta penglibatan pakar dalam merencana hala tuju bagi sistem pengangkutan tersebut akan diambil.

Buat masa ini, pemikiran awal adalah menjurus kepada mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu yang melibatkan gabungan atau kombinasi pelbagai *mode* pengangkutan seperti bas, *share ride*, *e-Hailing*, teksi dan sebagainya.

Dengan tujuan untuk memaksimumkan kemudahan dan kecekapan pengguna dari segi masa, kos, keselesaan, keselamatan, akses dan kebolehpercayaan.

Pandangan awal ini adalah juga berpandukan data dan maklumat yang diperolehi setakat ini melalui Projek Rintis, sistem maklumat bas penumpang yang telah dilaksanakan. Kebolehlaksanaan penyediaan satu sistem pengangkutan orang ramai yang bersesuaian akan ditunduki lagi dengan nafas baharu.

Dalam pada itu, Perbelanjaan Kemajuan yang berhubung dengan Tajuk Pengangkutan dan Perhubungan Tahun Kewangan 2023/2024 ini adalah menjurus kepada penyelesaian pelaksanaan Projek-Projek Kemajuan RKN-11 yang berhubung dengan pembinaan dan penaiktarafan prasarana dan penggantian peralatan-peralatan kritikal keselamatan bagi kawalan navigasi kaji cuaca dan sekuriti.

Dalam mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei khususnya bagi mengganti peralatan sistem pendaratan, membaik pulih landasan dan mempertingkatkan infrastruktur *aerodrome* kira-kira \$34,400,000.00 telah diperuntukkan.

Manakala bagi meningkatkan kemampuan hal-ehwal keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, projek-projek menaik taraf sistem radar, pemasangan pagar keselamatan, sistem pengesanan pencerobohan dan menaik taraf peralatan pemeriksaan dan pengesanan keselamatan seperti *machine X-ray* terkini telah diperuntukkan sekitar \$3,400,000.00.

Berkaitan dengan Kaji Cuaca peruntukan sekitar \$4,500,000.00 telah disediakan bagi penggantian sistem observasi cuaca Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan pembangunan rangkaian stesen cuaca automatik negara. Ini akan membantu Jabatan Kaji Cuaca untuk memantapkan lagi penyebaran

maklumat kepada orang ramai khususnya dalam 'pemberitaan' amaran-amaran cuaca.

Seterusnya Belanjawan sebanyak \$3,000,000.00 telah diperuntukkan bagi Pembangunan Menara Telekomunikasi Tambahan di kawasan luar bandar. Selain penyediaan infrastruktur penaiktarafan dan penggantian peralatan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui agensi yang berkenaan juga terlibat sama dalam mengembangmajukan sektor pengangkutan yang meliputi sektor darat, maritim dan udara.

Mengenai Pengangkutan Udara, Jabatan Penerbangan Awam bertanggungjawab terhadap hal-ehwal keselamatan, kawalan dan keberkesanan operasi dan dan pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan mempunyai misi untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan awam yang mampan, selamat, cekap dan pengawalseliaan mengikut piawaian antarabangsa dan amalan terbaik.

Pascapandemik *COVID-19* kita telah menyaksikan peningkatan semula jumlah pergerakan penumpang dan kargo melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Akan tetapi kita masih dalam tempoh pemulihan ke tahap kemuncak yang pernah dicapai pada tahun 2019.

Sebelumnya juga telah menyaksikan pertumbuhan setahun ke setahun jumlah pergerakan pesawat, penumpang dan pengendalian kargo. Sebagai

perbandingan, pada tahun 2022 jumlah pergerakan pesawat, penumpang dan kargo masih berada sekitar 30% daripada tahap tahun 2019.

Walau pun kita sedang dalam tempoh pemulihan ia tidak menghalang Kementerian ini khususnya Jabatan Penerbangan Awam daripada mengambil tindakan proaktif ke arah meletakkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kita di kedudukan yang lebih baik untuk memperolehi peluang menjadi hub pengangkutan udara *sub-regional*.

Contohnya berikutan dengan peningkatan permintaan Jabatan Penerbangan Awam pada bulan Disember lepas telah mengeluarkan satu lagi Sijil Operasi kepada syarikat penerbangan asing yang mengendalikan penerbangan kargo dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Selanjutnya usaha-usaha akan ditumpukan ke arah:

1. Mengembangkan kemampuan pengendalian kargo.;
2. Mengembangkan perkhidmatan-perkhidmatan komersial.;
3. Meningkatkan pengalaman penumpang termasuk penumpang *transit* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (*passenger experience*).; dan

4. Memperkuat hubungan perjanjian perkhidmatan udara bagi menjana pertumbuhan pergerakan penumpang, pesawat dan kargo melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei 'kitani'.

Beralih kepada sektor maritim. Pihak berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (*MPABD*) berperanan sebagai pengawal selia dalam sektor maritim dan memudahkan perkembangan industri maritim di Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin menjelaskan bahawa Belanjawan Khusus *MPABD* tidak termasuk dalam Rang Peruntukan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, akan tetapi pengurusan dasar pengangkutan maritim adalah di bawah bidang tugas dan kuasa kementerian.

Maka dengan ini kaola ingin juga mengongsikan hala tuju berhubung dengan sektor pengangkutan maritim.

Sebagai makluman, jumlah kapal keluar dan masuk melalui terusan Muara adalah menunjuk *trend* yang stabil selama beberapa tahun kebelakangan ini walaupun sewaktu Pandemik *COVID-19*. Jumlah trafik kapal keluar dan masuk adalah dalam lingkungan 10,000 ke 11,000 buah setahun. Akan tetapi apa yang terjejas adalah jumlah kapal persiaran dan jumlah pengendalian kontena dan kargo.

يا اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ia nya juga sedang dalam tempoh pemulihan dan jika digandakan dengan perancangan perkembangan di Pelabuhan Muara oleh *Muara Port Company*.

Projek-Projek Kemajuan di Pulau Muara Besar serta penubuhan *integrated marine maintenance and documentation yard* dan Muara *encourage area* peranan *MPABD* akan menjadi lebih utama dan berkembang. Dalam hubungan ini tumpuan mereka pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini untuk:

1. Mengendalikan beberapa projek penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur pelayaran.;
2. Meningkatkan keupayaan dalam menguatkuasakan peraturan maritim dan piawaian keselamatan.;
3. Meningkatkan keupayaan maklum balas terhadap kecemasan maritim seperti tumpahan minyak dan lain-lain.;
- dan
4. Serta memainkan peranan dalam memudahkan perkembangan industri maritim termasuk pembangunan sumber tenaga manusia maritim.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola seterusnya mengongsikan bahawa dalam mengukuhkan infrastruktur *ICT*, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memfokuskan Belanjawan Kemajuan Tahun Kewangan 2023/2024 ini sekitar \$2 juta bagi

menaik taraf Pusat Data Kerajaan dan meningkatkan kualiti serta kebolehpercayaan perkhidmatan guna sama Pusat Kebangsaan *e-Kerajaan* dengan penyediaan *infrastructure cloud*.

Selain itu perbelanjaan dalam bidang *ICT* juga menfokuskan kepada pemodenan infrastruktur rangkaian di Pusat Data melalui projek *Software Defined Network Infrastructure*. Penaiktarafan dalam infrastruktur *ICT* ini adalah bagi penyediaan perkhidmatan *e-Kerajaan* yang lebih canggih dan boleh menampung keperluan perkembangan teknologi terkini.

Salah satu perkhidmatan *e-Kerajaan* yang disediakan adalah *e-Darussalam* yang setakat bulan Februari 2023, sebanyak 220,196 Akaun *e-Darussalam* telah didaftarkan dan sebanyak 191,756 akaun telah diaktifkan.

Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan bagi orang awam untuk membuat aduan, pertanyaan dan mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan utama kerajaan yang berbentuk bukan kecemasan melalui Talian Darussalam '123'.

Ia juga menyaksikan pertumbuhan permintaan dari segi jumlah jabatan dan agensi yang menggunakannya serta jumlah jenis perkhidmatan. Ini secara langsung juga menjana peluang pekerjaan bagi menampung tambahan panggilan dan perkhidmatan dengan

kesemua penerima panggilan terdiri daripada warga tempatan.

Seterusnya dalam kesempatan ini, kaola juga ingin menyentuh sedikit sebanyak kepada beberapa soalan dan saranan yang telah ditimbulkan semasa perbahasan peruntukan kementerian-kementerian lain yang ada berhubung kait dengan pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, khususnya mengenai keberkesanannya dan juga bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran sumber dan tenaga.

Dalam hubungan ini, sukacita kaola mengongsikan bahawa beberapa usaha penambahbaikan dari aspek tadbir urus pelaksanaan projek-projek *ICT* adalah dipantau melalui satu platform iaitu *Chief Information Officer Forum*.

Antara peranan utama *CIO* Forum ini adalah untuk menunduki semua projek *ICT* yang dipohonkan, membuat penyejajaran dan memberi nasihat keutamaan bagi pelaksanaan.

Ini adalah juga selaras dengan mendukung *fiscal consolidation programme* dan memastikan perbelanjaan secara berhemah, keutamaan tinggi dan bernilai.

Pada masa yang sama, beberapa program membina kapisiti sumber manusia dalam mereka bentuk pembangunan dan pengurusan projek *IT* termasuk *change management* telah dirancang.

Ini juga termasuk di peringkat pengurusan kanan kementerian-kementerian kerana pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan bukan hanya melibatkan warga *IT* atau sekadar mengemukakan akses kepada perkhidmatan dalam talian, akan tetapi ia melibatkan peralihan pemikiran proses kerja dan cara bekerja sepanjang saliran proses kerja.

Kaola juga sukacita mengongsikan bahawa *CIO* Forum ini juga akan melibatkan perwakilan industri selaku kumpulan penasihat. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan perubahan-perubahan yang dikenalkan ini akan dapat menangani isu pendigitalan yang mungkin telah terjejas oleh sistem legasi tentangan terhadap perubahan dan kebimbangan keselamatan siber.

Sebagai tambahan, juga ditubuhkan *Digital Transformation Steering Committee* yang berperanan untuk mengenal pasti dan seterusnya melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan dimasukkan ke dalam Pelan Teknologi Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pelan-pelan transformasi digital bagi setiap kementerian masing-masing.

Pelan tersebut dihasratkan untuk merangkumi penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam termasuk juga sektor perindustrian di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.

Apabila bercakap mengenai digitalisasi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga memberi perhatian serius ke arah memastikan persekitaran digital yang selamat dan terjamin bagi pengguna, baik dalam kalangan kerajaan, perniagaan mahupun pengguna awam.

Ini adalah selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital bahawa sekuriti siber adalah salah satu pemboleh strategik ataupun *strategic enabler* untuk mendukung ekonomi digital khususnya bagi memastikan data, infrastuktur dan rangkaiannya adalah terpelihara daripada ancaman keselamatan siber.

Sebagai satu gambaran mengenai ancaman ini, sepanjang tahun 2022, *BruCERT*, sebuah satu agensi di bawah *Cyber Security Brunei* telah menerima sebanyak 496 laporan kes.

Dari jumlah kes-kes ini, sebanyak 33% adalah kes berkaitan dengan media sosial, 20% adalah kes-kes berkaitan *scam* dan selebihnya merangkumi kes-kes berkaitan *malign*, *hacking*, *cyber bully* dan sebagainya.

Dalam hal ini, melalui *Cyber Security Brunei*, beberapa inisiatif telah 'diungkayahkan' selain kegiatan berterusan mereka untuk menyebarkan kesedaran, pengetahuan dan nasihat.

Ini termasuk penyediaan dasar serta pelaksanaannya, seperti penyediaan Perintah Keselamatan Siber, *Cyber Security Order*, mengukuhkan

penyelarasan dan tadbir urus di peringkat kebangsaan dan keselamatan siber melalui Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber dan penyediaan rangka kerja, perundangan bagi perlindungan data peribadi.

Selain itu, *Cyber Security Brunei* bersama dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (*AITI*) juga melaksanakan pelbagai inisiatif masing-masing dan secara bersama mengenai peralihan kepada cara hidup yang semakin digital seperti mengadakan program-program bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran digital pengguna.

Seperti contoh program latihan kemahiran celik *ICT* dan *digital for all* yang dilaksanakan oleh *AITI* adalah bertujuan mendidik orang ramai tentang celik digital dan kemahiran asas *ICT*.

Program-program yang diperkenalkan sejak tahun 2019 ini telah melibatkan penyertaan ahli-ahli pusat kegiatan Warga Emas, ahli-ahli majlis perundingan kampung, kumpulan remaja dan kanak-kanak di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk mengikuti latihan kemahiran asas *ICT*, e-Dagang aplikasi pemasaran digital dan keselamatan siber dalam talian untuk kegunaan harian.

Program-program *ICT* yang lain juga disediakan seperti bengkel mengenai e-Dagang, pemasaran digital dan keselamatan siber yang disertai oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Program Pembelajaran mengenai *Microsoft Office*, Keselamatan Siber dan *graphic design* bagi kumpulan remaja dari JAPEM yang berumur 12 tahun ke atas dan bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun juga telah diperkenalkan seperti Program Asas Pengkodan menggunakan program *scratch and microbeat*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Selain penyediaan infrastruktur *ICT* dan juga memastikan persekitaran digital yang selamat dan terjamin, kementerian kaola juga menumpukan usaha pada pembangunan industri *ICT* khususnya bagi meningkatkan kemahiran dalam teknologi terkini serta memberikan peluang bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana untuk membangunkan sumber tenaga manusia yang bersedia dengan kemahiran teknologi terkini dan akan datang.

Pihak *AITI* telah bekerjasama dengan wakil-wakil agensi kerajaan industri *ICT* dan Institusi Pengajian Tinggi dalam menyediakan *ICT Industry Competency Framework*. Ia bertujuan untuk memastikan profesional *ICT* tempatan mempunyai kemahiran yang relevan untuk melaksanakan bidang tugas dan membangunkan kerjaya mereka dengan menyediakan piawaian kebangsaan bagi peranan pekerjaan, kecekapan serta jenis latihan dan pensijilan yang diperlukan.

Selain itu, pihak *AITI* juga melaksanakan Program *Coding BN* iaitu satu Program Latihan Teknikal khusus untuk melatih peserta dengan kemahiran *coding* atau *programming* dalam usaha untuk melengkapkan mereka dengan kecekapan yang diperlukan oleh industri dan juga kemahiran mereka untuk masa depan.

Program yang dijalankan selama 6 bulan ini termasuk penempatan kerja selama 3 bulan bersama organisasi tempatan atau luar negeri dengan hasrat untuk memperbaiki peluang peserta untuk memperolehi pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan program latihan mereka.

Semua ini adalah merupakan pemangkin dan pemboleh kepada cara hidup dan urusan harian yang lebih digital. Ini juga termasuk pelaksanaan 3 projek utama atau *flagship projects* di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang sedang berjalan iaitu projek *National Information Hub* yang berperanan sebagai penyimpan data umum.

Setakat ini sebanyak 10 *data provider* dan 11 *data users* yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan yang berkepentingan sedang menggunakan platform tersebut.

Projek *Digital Identity* yang merupakan penambahbaikan sistem *e-Darussalam* yang sedia ada pada masa ini akan menggunakan pengesahan *digital identity* bagi keperluan laluan masuk (*log*

in) kepada perkhidmatan kerajaan atas talian. Perkhidmatan tersebut *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* juga akan dilaratkan kepada sektor perniagaan bagi membolehkan sektor perniagaan memproses transaksi perniagaan secara digital.

Project Digital Payment Hub yang merupakan penyediaan platform yang membolehkan pengintegrasian antara pelbagai sistem pembayaran yang sedia ada dan akan membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran secara digital dengan lebih mudah dan cepat.

Seterusnya beralih kepada usaha bagi menggalakkan budaya berinovasi dalam kalangan penuntut institusi pendidikan, perkhidmatan awam dan juga perusahaan di negara ini. Kementerian ini dengan kerjasama *AITI* dan beberapa rakan kongsi akan meneruskan Program Anugerah *ICT Brunei (BICTA)*.

Program ini adalah salah satu pendorong kepada menghasilkan produk dan digital *solutions* yang inovatif dan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Ia telah terbukti dapat membuahkan hasil bermakna bahawa ada antara produk yang dipertandingkan pada mulanya sebagai peringkat idea atau prototaip telah berjaya dimajukan ke tahap komersial sehingga berhasil menembusi pasaran yang *competitive*.

Selain itu, pada tahun 2022, sebanyak 4 pasukan yang terdiri daripada pemenang *BICTA 2022* yang terpilih telah mewakili Negara Brunei Darussalam

di pertandingan *Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Award 2022*.

Sebanyak 2 pasukan telah menerima anugerah pemenang dan 2 pasukan telah menerima anugerah *merits* sepertimana juga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan juga Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sepanjang penyertaan dalam *APICTA* sejak tahun 2005 sehingga tahun 2022 Negara Brunei Darussalam telah berjaya meraih 4 anugerah pemenang dan 29 anugerah *merit*. Ini setentunya menunjukkan daya saing bakat tempatan di peringkat ini.

Selain itu juga dikongsikan di Dewan ini bahawa bakat industri kreatif *ICT* juga tidak dilupa pandang. Industri ini adalah sektor yang menggabungkan teknologi, kreativiti dan inovasi untuk menghasilkan kandungan digital dan produk inovatif bagi tujuan menghiburkan, memaklumkan dan mendidik para pegguna.

Pihak *AITi* melalui *Brunei Content Festival* yang julung kalinya diadakan pada tahun lepas adalah salah satu usaha untuk mengetengahkan sektor yang semakin berkembang ini.

Programme Pitch and Produce yang telah diperkenalkan sejak tahun 2020 melalui kolaborasi bersama Radio dan Televisyen Brunei dan platform penyiaran lain telah berjaya untuk menyiarkan atau menerbitkan karya-karya bakat tempatan untuk diterbitkan di *RTB Go*,

Progressif media dan media luar negeri seperti *Astro Oasis*.

Selain itu, *AITi* sedang berunding dengan agensi-agensi yang berkepentingan bagi mengadakan sesi perbincangan bersama *content creators* tempatan yang ada antaranya menghadapi kesukaran yang dianggap menyekat penjanaan pendapatan mereka apabila menyalurkan *content* melalui platform yang sedia ada dalam talian.

Berikutnya salah satu lagi bidang tugas Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah yang berhubung dengan mempromosi perkembangan penyelidikan sains teknologi dan inovasi melalui *Council for Research and Advancement in Technology and Science (CREATES)*.

Peruntukan sebanyak \$300,000.00 Tahun Kewangan 2023/2024 telah disediakan daripada Harga Rancangan RKN-11 sebanyak \$10 juta untuk membiayai projek-projek yang terdiri daripada pelbagai jenis penyelidikan yang dipohonkan di bawah *CREATES*, di bawah kluster kesihatan, tenaga, agrikulturan dan teknologi *ICT*, alam sekitar dan pembangunan mampan.

Selain penyelidikan asas, program ini juga menyokong penyelidikan *applied development* serta *action research* yang diharapkan akan dapat meningkatkan sumbangan kepada ekonomi negara.

Sebagai contoh, sepertimana yang telah dibangkitkan semasa pembentangan peruntukan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terdapat 2 projek penyelidikan yang berkaitan dengan sektor pertanian iaitu:

1. *Investing The Water Quality On Outdoor Prone Farming To Improve The Production Efficiency Using Industrial Revolution 4.0 Technology.* dan
2. *On Field DNA Testing For Agricultural And Food Products.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kemajuan teknologi semenjak beberapa dekad yang lalu tidak dapat dinafikan semakin pesat dan telah banyak mempengaruhi masyarakat kita dalam pelbagai cara.

Contohnya, peningkatan penggunaan *e-mail*, media sosial dan bentuk komunikasi elektronik yang lain di samping platform *e-Dagang* dan sebagainya telah mengurangkan keperluan untuk perkhidmatan pos tradisional memandangkan perkhidmatan ini boleh menyampaikan maklumat dan mesej dengan lebih cepat dan murah.

Perubahan ini juga sangat ketara di negara kita iaitu jumlah penghantaran surat dan pakej yang merupakan teras perkhidmatan dan pendapatan Jabatan Perkhidmatan Pos telah menunjukkan *trend* penurunan dari setahun ke setahun.

Contohnya jumlah penghantaran surat dan pakej telah jatuh sebanyak 40% pada tahun 2019 sebelum Pandemik *COVID-19* melanda berbanding dengan jumlah tertinggi pada tahun 2016. Selepas 2019 *trend* penurunan berterusan pada kadar sekitar 30% dari setahun ke setahun sehingga sekarang.

Pada tahun 2022 jumlah penghantaran surat dan pakej telah menurun sebanyak 80% berbanding dengan jumlah tertinggi sebelumnya. Berhadapan dengan cabaran ini untuk kekal relevan Jabatan Perkhidmatan Pos bertekad untuk menyesuaikan diri dan berinovasi dengan memperkenalkan perkhidmatan baharu dan perkhidmatan nilai tambah yang lain kepada orang ramai.

Sehubungan itu, sukacita kaola mengongsikan bahawa pada bulan Oktober 2022 yang lepas, Jabatan Perkhidmatan Pos telah melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan iaitu Perkhidmatan Penghantaran Ubat melalui 'Pos Laju' dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan dan Projek Rintis Bungkusan Cop Merah bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sudah setentunya ini menggambarkan komitmen Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyesuaikan diri di samping memperkenalkan penambahbaikan yang berterusan dalam menjalankan tanggungjawab pos asas yang juga merupakan obligasi perkhidmatan pos sejagat.

Peka dengan peralihan semasa ini dan menyedari akan hakikat bahawa model operasi perkhidmatan pos perlu melalui perubahan maka kaola seterusnya mengongsikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi meluluskan Perintah *Postal Services Order 2023* baru-baru ini. Penggubalan dasar ini adalah merupakan pemboleh bagi mewujudkan operasi dan penyediaan sistem dan perkhidmatan pos secara korporat.

Seterusnya ia juga pemangkin ke arah mempromosikan industri pos yang lebih efisien dan berdaya saing serta membolehkan pelaburan lebih tinggi dalam teknologi seperti automasi dan pendigitalan.

لِلّٰهِ اَلْحَمْدُ dengan apa yang telah dikongsikan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ ia dapat memberi bayangan bahawa warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan sentiasa bersedia dan beradaptasi bagi sebarang perubahan dan sentiasa peka dengan peralihan yang dibawa oleh arus peredaran zaman.

Akhir sekali, kaola inigin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan serta pendekatan berterusan dalam sektor di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sekian kaola sampaikan dan semoga segala inisiatif yang diusahakan akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan kepada kemajuan negara dan Wawasan Brunei 2035.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقَ وَالْهَدَايَةَ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang telah dibentangkan dengan jelas dan komprehensif tentang penyediaan Belanjawan bagi kementerian berkenaan.

Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ini saya sekarang bukanlah untuk dibahasakan. Untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

لِلّٰهِ اَلْحَمْدُ kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat berkenaan hala tuju dan perancangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengurus Belanjawan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024, Tidak lupa, kaola juga ingin mengucapkan Selamat menyambut bulan Ramadan.

Berkenaan dengan sistem jalan yang sedia ada di Pekan Tutong. Kaola melihat dari perspektif seorang pengguna dan juga pelancong sama ada berjalan kaki atau berbasikal, dalam masa yang sama kaola juga melihat dari sudut apakah keperluan bagi menyediakan jalan berkembar yang bermula dari Gerai Selera Tatangan Persisiran Pantai Tutong dan berakhir di depan Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Tutong, yang jalan berkembar ini sering mengakibatkan kenderaan memecut laju dan kadang kala mengundang berlakunya kemalangan-kemalangan kecil.

Bagi mewujudkan sebuah pekan yang mesra pengguna dan selamat, kemudahan-kemudahan awam seperti laluan pejalan kaki dan berbasikal perlu disediakan agar Pekan Tutong dilihat sebagai sebuah pekan bestari. Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar sistem jalan raya iaitu aliran jalan kawasan Pekan Tutong dapat diteliti kesesuaiannya dengan memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan lain seperti yang kaola nyatakan tadi; dan

Seterusnya, kaola menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SM04A - Jabatan Penerbangan Awam atau pihak-pihak yang berkenaan dengannya. Langkah untuk memperkenalkan penerbangan "tambang murah" tempatan pada masa ini disifatkan sebagai sangat sesuai memandangkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan ini semakin meningkat terutama sekali apabila

negara kita sudah memasuki fasa peralihan ke Endemik *COVID-19*.

Memang tidak dapat dinafikan untuk memulakan segmen penerbangan "tambang murah" ini bukanlah mudah tetapi ia perlu difikirkan memandangkan konsep ini sering menjadi pilihan pengguna khususnya orang Brunei bila hendak belayar ke luar negara bersama keluarga.

Apakah ada perancangan pihak kerajaan ke arah menubuhkan sebuah Syarikat Penerbangan Tambang Murah, *GLC's* tempatan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan yang diutarakan.

Lebih dahulu mengenai sistem jalan raya di Pekan Tutong. Sukacita juga lebih dahulu memaklumkan bahawa salah satu bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah untuk menunduki Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Brunei.

Antara peranan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya adalah untuk menilai dari segi aspek keselamatan atau *risk* sesuatu sistem atau rangkaian jalan raya untuk mengelakkan dari kemalangan.

Daripada itu melalui Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur, ada dari semasa ke semasa membuat lawatan ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mengakibatkan kemalangan, itu adalah salah satu tindakan mengenainya. Berhubungan dengan *urban planning* mengenai Pekan Tutong dengan *road network*, itu adalah lebih menjurus kepada peranan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, termasuk juga Kementerian Pembangunan yang di bawahnya Jabatan Kerja Raya.

Dalam hal ini juga, boleh kaola kongsikan bahawa di bawah *MKKJR* melalui Jawatankuasa Kumpulan Teknikal dan Infrastruktur ini juga sedang memikirkan untuk mewujudkan piawaian mengenai *road safety* atau *road standard* diperkenalkan untuk menjamin keselamatan di jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan rangkaian jalan raya yang di Pekan Tutong.

Berhubung dengan kemungkinan untuk memperkenalkan Syarikat Penerbangan Tambang Murah, *GLC's* tempatan. Lebih dahulu, kaola ingin mengongsikan bahawa antara peranan Kementerian melalui Jabatan Penerbangan Awam adalah untuk memudahkan cara bagi apa juga syarikat-syarikat yang ingin memperkenalkan perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sepertimana yang dikongsikan dalam mukadimah, contohnya bagi pengendalian perkhidmatan kargo,

Jabatan Penerbangan Awam telah mengeluarkan persijilan tambahan kepada syarikat asing yang baharu yang mungkin menyediakan pengangkutan kargo yang lebih kompetitif. Dalam hubungan ini, mengenai cadangan untuk memperkenalkan *low cost airlines* di Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Penerbangan Awam sentiasa bersedia untuk menjadi pemudah cara tetapi mengenai ekonominya dan *facility*nya, tertaklukkan kepada mana-mana syarikat yang mencadangkannya. Bukanlah peranan Jabatan Penerbangan Awam untuk mewujudkan suasana yang membolehkannya. Terima kasih, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي السَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Junjung kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) dengan mukadimah Belanjawan Tahun

Kewangan 2023/2024 bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan penjelasan yang komprehensif.

Pertama-tama bagi pihak perwakilan orang-orang berniaga mengucapkan junjung kasih kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi khususnya Jabatan Pengangkutan Darat terutama sekali Yang Mulia Pengarah dan warga JPD yang sebelum ini 'mengungkayahkan' kemas kini proses-proses dahulu dan disambung usaha murni oleh Yang Mulia Pengarah dan warga JPD yang pada masa ini bagi memudahkan permohonan mendapatkan kebenaran Permit 'P' - Persendirian dan 'S' - Sewa untuk kenderaan komersial bagi tujuan pengangkutan barang-barang. Izinkan koala mengongsikan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi.

Pada awalnya, permohonan atau menyambung kebenaran Permit P dan S ini perlu menyediakan *business proposal* dengan penuh lengkap dan tebal macam me^{loan} 'usin' ke bank.

Business proposal ini perlu dihadapkan sehingga sebanyak 13 *set* dan ia memakan masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan tetapi اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sekarang sejak proses dahulu dikemas kini dan ditambah baik oleh Yang Mulia Pengarah masa ini, ia hanya mengisi sekeping borang sahaja untuk diisi dan kebenarannya hanya memakan masa dengan sekejap sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada 7 isu atau perkara yang ingin kaola bangkitkan dan bahaskan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat dapat dikurangkan dari 7 isu kepada 3 isu sahaja.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Semuanya penting Yang Berhormat Pengerusi, supaya rakyat untuk mendengar walau bagaimanapun akan kaola kurangkan:

1. Kaola terharu apabila melihat orang awam menunggu bas awam di perhentian-perhentian bas yang sedia ada terutama sekali apabila mereka ini menunggu dengan sekian lama sebelum bas awam berkenaan tiba di Perhentian Bas berkenaan.

Kaola percaya ini adalah disebabkan oleh sistem bas awam yang kurang berkesan sejak dahulu lagi. Kaola difahamkan bahawa perkara mengenai sistem pengangkutan awam ini juga sudah dibangkitkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara sebelum ini.

Kaola percaya *MTIC* dan juga kementerian-kementerian lain yang berkaitan memang mengakui bahawa sistem pengangkutan awam yang berkesan adalah penting bagi memastikan kesalinghubungan pergerakan rakyat terutama sekali

yang memerlukan untuk mencari rezeki dan ke tempat kerja.

Kita tidak mahu akan bergantung selama-lamanya dengan kereta yang mungkin akan naik harganya dan ini akan serba sedikit menjejaskan kehidupan rakyat terutama sekali rakyat yang kurang mampu.

Kaola difahamkan beberapa tahun sebelum ini, satu kajian telah dibuat dan strategik-strategik telah dihuraikan dalam usaha untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam negara termasuk bas awam dan teksi. **اللَّهُمَّ** Sistem teksi yang pada masa ini khusus kepada sistem *Dart*, macam *Grab* di Malaysia telah memudahkan urusan dan telah diterima baik oleh orang ramai.

Pertanyaan kaola, apakah perancangan yang terdahulu mengenai bas awam masih akan diteruskan? Jika ia masih lagi dalam pemikiran.

Kaola ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk mempercepatkannya dengan membukakan projek ini kepada pelabur tempatan atau asing yang mungkin berminat jika ada modal bisnes dan modal operasi yang sesuai yang mendatangkan faedah untuk pelabur berkenaan di samping syarikat yang akan menjalankan

operasinya dapat memberikan khidmat yang dihasratkan;

2. Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola menyentuh penggunaan pelekat "cukai jalan raya" (*road tax*). Pada penghujung tahun 2021, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang pertama di rantau ini memperkenalkan "cukai jalan raya" kenderaan *digital* (*digital road tax*).

Ini bermakna Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) tidak perlu lagi mencetak pelekat yang lazimnya digunakan. Langkah transformasi digital ini disambut baik oleh pelbagai pihak dan orang awam kerana ia telah memudahkan urusan orang ramai dan kalau dibuat perkiraan ia boleh mengurangkan perbelanjaan pihak kerajaan yang boleh mencecah sehingga \$1 juta setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, *road tax sticker* ini hanya diperlukan maklumatnya semasa *roadblock* apabila Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pegawai Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) membuat pemeriksaan dan juga apabila terlibat dalam kemalangan.

Jika orang awam ingin mengetahui sama ada kenderaan tersebut mempunyai cukai yang sah, kita sudah ada kemudahan untuk mendapat maklumat tersebut daripada aplikasi *Transport BN* atau

laman sesawang Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Walau bagaimanapun, setelah beberapa bulan pada ketika itu, kita berbalik semula kepada tatacara lama, iaitu mencetak balik pelekat "cukai jalan raya" berkenaan dan dilekatkan balik di cermin depan kenderaan.

Baru-baru ini Malaysia telah memaklumkan dalam media yang negara berkenaan akan memperkenalkan kaedah tanpa pelekat *road tax*.

Pertanyaan kaola:

- i. Kenapakah pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) berbalik semula kepada kaedah lama? Sedangkan ia telah disambut baik oleh orang ramai dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan.;
- ii. Adakah kaedah *digital road tax* ini akan kembali diperkenalkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), mengambil kira langkah terkini negara jiran 'kitani'.; dan

3. Yang Berhormat Pengerusi mengenai pengkorporatan. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi berpengalaman dalam pengkorporatan jabatan-jabatan kerajaan ke syarikat-syarikat korporat serta menubuhkan badan-badan pengawal selia yang

bertanggungjawab ke atas pengawalseliaan dan perkembangan sektor berkenaan.

Sebagai contoh adalah:

- i. Pengkorporatan industri telekomunikasi yang membawa kepada penubuhan *Authority for Info-Communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)*; dan
- ii. Pengkorporatan industri pelabuhan dan maritim dengan penubuhan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)*.

Ini adalah pencapaian yang patut dibanggakan, kita dapat melihat pertumbuhan sektor telekomunikasi, pelabuhan dan maritim berikutan dengan usaha pengkorporatan ini.

Jika kita melihat di rantau ini kebanyakan negara jiran sudah mempunyai badan pengawal selianya untuk industri pengangkutan baik untuk pengangkutan darat mahupun juga penerbangan awam.

Sedikit contoh kaola kongsi adalah seperti:

- i. *Land Transport Authority Singapore (LTAS)* bagi sektor pengangkutan darat.; dan
- ii. *Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM)* yang mengawal selia sektor penerbangan awam Malaysia.

Dalam hal ini, industri pengangkutan khususnya pengangkutan darat dan penerbangan awam mempunyai potensi untuk menyumbang kepada:

- i. Pertumbuhan ekonomi negara.;
- ii. Pekerjaan untuk anak tempatan.; dan
- iii. Kesan *spin off* kepada penguasa tempatan.

Kaola berpendapat potensi dalam industri pengangkutan ini akan lebih dapat dimanfaatkan dan diraih sekiranya kita dapat bergerak pantas seiring dengan perkembangan pesat industri penerbangan awam serantau dan antarabangsa serta keperluan pengguna dalam pengangkutan darat.

Potensi ini boleh diraih melalui pengkorporatan. Pada masa yang sama, kerajaan tidak perlu lagi menyediakan perbelanjaan, ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan sekali gus mengurangkan defisit negara.

Melalui pengkorporatan agensi-agensi berkenaan akan dapat melaksanakan fungsi pengawalseliaan, penguatkuasaan dan perkembangan industri dengan lebih pantas dan responsif.

Dalam hal ini, kaola ingin mendapatkan penjelasan:

- i. Bilakah badan pengawal selia untuk pengangkutan darat dan penerbangan awam ini dapat ditubuhkan di negara ini?;
- ii. Adakah sudah terdapat *definitive timeline* bagi penubuhan pengawal selia ini?; dan
- iii. Setakat manakah sudah persediaan yang sudah dibuat?

Kenapa kaola memohon penjelasan ini adalah kerana kaola merujuk peruntukan untuk Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) pada Tahun Kewangan 2023/2024 yang berjumlah \$8.9 juta.

Pada hemah kaola, kutipan hasil tahunan mungkin sebanyak 2 atau 3 kali ganda daripada peruntukan ini, ini kaola boleh takrifkan sebagai jabatan yang *cash flow* dan banyak potensi yang boleh meningkatkan pendapatan serta memperbaiki keberkesanan sistem dan proses.

Baru tadi kaola menyentuh mengenai pengangkutan bas awam yang perlu dibaiki dan *digital road tax* yang boleh menjimatkan kos. Kedua-dua perkara ini dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lain akan terus berkembang jika Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dikorporatkan.;

4. Bagi penerbangan awam pula, peruntukan bagi tahun ini berjumlah \$28.1 juta. Pada hemah kaola, kalau dilihat dari segi kutipan hasil, mungkin tidak sama dengan pencapaian Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Koala percaya ia disebabkan oleh perbelanjaan yang tinggi untuk pemeliharaan aset kerajaan berjumlah \$12 juta. Jika Jabatan Penerbangan Awam ini dikorporatkan, kaola juga percaya banyak *saving* yang 'kitani' boleh raih darinya.

Yang Berhormat Pengerusi. 'Terkaduhung berkurapak' mengenai Jabatan Penerbangan Awam. Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya berkaitan *incident* pesawat *Air Asia* yang tergelincir dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei tahun 2014 yang membawa kru dan penumpang yang menyebabkan landasan pesawat (*runway*) ditutup dan tidak beroperasi untuk beberapa tempoh. Selepas *incident* pada waktu itu, semua penerbangan telah dialihkan, dilencongkan pendaratan seperti ke lapangan negara jiran. Dari *incident* berkenaan satu penyiasatan telah dibuat dan laporan mengenainya juga telah disediakan.

Soalan kaola:

- i. Adakah cadangan atau rekomendasi dari penyiasatan berkenaan telah dilaksanakan?;
- ii. Sejauh manakah ianya memperbaiki kesiapsiagaan 'kitani' dalam menghadapi *incident* seumpamanya pada masa akan datang?
- iii. Kalau pendaratan masih lagi boleh dilencongkan kepada lapangan terbang di negara lain yang sememangnya mengenakan kos yang sangat tinggi, tapi adakah kita sudah mempunyai *contingency plan* seperti membuat satu landasan tambahan (*dual runway*) bagi mengelakkan penutupan lapangan terbang negara yang hanya satu-satunya, jika kejadian yang sama berlaku lagi atau *spontaneous emergency*?

.: نَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ ذٰلِكَ .;

5. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan kemalangan jalan raya. Ia adalah satu kejadian yang tidak kita semua ingini berlaku apatah lagi kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa.

Kaola percaya banyak sudah usaha dibuat sebelum ini dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ turun juga kadar kemalangan dan khususnya kematian akibat kemalangan jalan raya dengan perkara ini.

Yang kaola perhatikan dan fahamkan, cara penguatkuasaan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) sebelum ini adalah berkesan terutama sekali fokus kepada perangai atau kelibat pemandu yang berpotensi tinggi boleh membawa kepada kemalangan dan kecederaan seperti memandu memakai *mobile phone*, memandu dengan laju, tidak memakai *seat belt*, memandu dalam pengaruh alkohol.

Kesalahan-kesalahan itu dilaporkan di media sosial dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada pemandu yang lain dan sebagai kaedah *deterrent*.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh setahun atau lebih ini sehingga sekarang, jarang lagi kaola mendengar laporan ini untuk maksud memberi kesedaran dan yang paling ketara dan makin menjadi-jadi apabila kita *driving*, makin pula berleluasa pemandu yang memakai *mobile phone* semasa *driving*.

Kaola percaya ini adalah kesan dari kurang atau yang tidak ada Kempen Penguatkuasaan Bergerak yang seperti dahulu yang di buat oleh Jabatan Pengangkutan Darat menjadikan pemandu tidak rasa takut. Kaola faham dan mengakui kempen kesedaran dan pendidikan yang dibuat selazimnya melalui seminar dan sebagainya adalah satu kaedah untuk jangka masa panjang.

Pemandu-pemandu ini bermacam-macam perangainya atau 'ulahnya' dan ada yang tidak mendengar cakap atau amaran termasuk pemandu-pemandu dari negara asing, 'rasa tercabar kaola, kalau orang asing sudah berani miani'. Jadinya, penguatkuasaan yang berkesan adalah jawapan kepada membendung kelibat memakai *mobile phone* ini.

Cadangan kaola, bolehkah tatacara penguatkuasaan yang dahulu yang berkesan atau mana-mana tatacara terkini yang difikirkan berkesan akan dapat dilaksanakan sebagai *deterrent* agar pemandu yang 'inda merati, matingal', teguran jangan pakai mobile ini supaya 'bisorang' ini berhenti'.; dan

6. Yang Berhormat Pengerusi ialah mengenai telefon. Kadang-kadang 'kitani' sebagai *parents* sangat curiga, takut, cemas dan gusar mengenai telefon yang kadang-kadang ada iklan yang serta-merta yang *pop-up*, kadang-kadang masa dalam ceramah pun terkeluar juga.

Jadi *parents* sudah membuat barang macam ini untuk mencegah tetapi jika benda itu sudah *pop-up* yang tiba-tiba terkeluar yang menjurus kepada 'minta maaf jika disebut' seperti *porno*. Jadi apakah tindakan *MTIC* dalam menangani masalah seperti ini. Sebab sebagai *parents*, sudah memata-matai tetapi oleh kerana barang itu tidak dapat

dielakkan dan di luar kuasa *parents*, jadi ini adalah satu yang memberi takut juga.

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan laluan kaola untuk menanyakan soalan dan memberi cadangan yang berhubung kait dengan *MTIC* di Dewan yang mulia ini dalam bulan yang penuh berkah Ramadan. Kaola mohon ampun dan maaf sekiranya ada bahasa dan perkataan yang tidak elok didengar dan soalan yang banyak, maklumlah ini hanya setahun sekali Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan Ramadan Karim kepada Yang Berhormat Pengerusi.
 اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُجِيبُ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنَّا وَعَنْ
 وَالِدَيْنَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas soalan dan saranan yang telah dikemukakan.

Lebih dahulu mengenai Sistem Pengangkutan Awam sepertimana yang telah dikongsikan dalam mukadimah kaola adalah perkara ini akan ditunduki semula lagi dengan nafas baharu. Betul perancangan yang telah di buat dahulu

pada 2014, perlu dikemaskinikan dan di *review* lagi. Ertinya ia sudah melalui perederan zaman yang rekomendasi-rekomendasi yang telah dibuat tidak sepenuhnya dapat dilaksanakan.

Tetapi dari segi rancangan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini kita akan menghalusi lagi strategi ke hadapan dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kesempatan untuk membuat pelaburan pada Rancangan Kemajuan Negara selanjutnya.

Selain itu, antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan di dalam Sistem Pengangkutan Awam yang ada pada masa ini, setentunya adalah mengenai penambahbaikan *bus stop* dan juga *bus poles* dan seumpamanya. Tetapi apa yang diperolehi juga dari maklumat *Bus Passenger Information System* yang diperolehi, salah satu maklumat yang sangat mengambil perhatian kaola adalah bahawa daripada 29 buah bas yang beroperasi pada masa ini, purata pendapatan setiap bas itu hanyalah \$24.00 sehari. Jadinya itulah salah satu cabaran yang perlu diatasi mengenai *volume* penumpang yang boleh menjana sistem yang berdaya tahan.

Selain itu, mengenai *road tax*. Betul, semasa wabak *COVID-19*. *System Digital Roadtax* telah diperkenalkan. Itu telah diperkenalkan semasa waktu pandemik. Sepertimana yang saya kongsikan juga, apabila kita memperkenalkan sistem *digitalization* ini, ia mestilah *end to end*. Dari segi apakah tujuan *road tax* tersebut selain daripada digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, ia

juga adalah sebagai sumber *reference* bagi perkhidmatan-perkhidmatan keselamatan di negara ini. Dalam pada itu, Jabatan Pengangkutan Darat dan Kementerian Infokomunikasi dan Komunikasi sedang memantapkan lagi *System Digital Roadtax* ini sebelum ia diperkenalkan semula lagi.

Jika kita merujuk kepada apa yang dilaksanakan di negara jiran kita dari segi perundangan sama juga seperti negara kita, dari segi perundangan, ia masih lagi diperlukan akan tetapi ia tidak dikuatkuasakan. Itulah aturan yang juga telah kita gunakan semasa Pandemik *COVID-19* sebelumnya, yang perundangan masih memerlukan akan tetapi ia tidak dikuatkuasakan.

Oleh yang demikian, *the way forward* adalah untuk menyelaraskan dari segi perundangan, teknologi dan juga apakah tujuan asal kita memperkenalkan *road tax* dengan ciri-ciri keselamatan tersebut. Adakah hasrat asal itu masih dapat dicapai dengan kaedah yang terkini.

Berhubungan dengan pengkorporatan Jabatan Pengangkutan Darat dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei atau Jabatan Penerbangan Awam, sememangnya sepertimana Yang Berhormat telah mengongsikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai sejarah dan berjaya untuk mengkorporatkan beberapa jabatan-jabatannya.

Sepertimana yang saya kongsikan juga, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* jabatan yang akan dikorporatkan selanjutnya yang dalam perancangan adalah Jabatan Perkhidmatan Pos. Pada setiap tindakan pengkorporatan ini, ia mestilah dilaksanakan secara teratur terutama sekali apabila melibatkan hal-ehwal kakitangan pekerja dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, memang hasrat untuk menjadikan Jabatan Penerbangan Awam mahupun Jabatan Pengangkutan Darat lebih *efficient* tetapi pengkorporatan adalah salah satu cara daripadanya, tetapi usaha akan terus dibuat ke arah menjadikan jabatan-jabatan tersebut walaupun belum dikorporatkan, penambahbaikan akan terus dilakukan, jangan saatnya menunggu pengkorporatan tidak dilakukan sebarang penambahbaikan sementara waktu itu.

Jadinya, dari segi keutamaan pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini, keutamaan akan diberikan Jabatan Perkhidmatan Pos sebelum kita menunduki lagi untuk mengkorporatkan jabatan-jabatan yang lain selayaknya.

Berhubung dengan kemampuan Lapangan Antarabangsa Brunei untuk bertindak mengatasi apa jua kecemasan. Jabatan Penerbangan Awam pada masa ini ada sudah *emergency respond plan* dan *business continuity plan*. Ia juga telah mengambil kira akan pengalaman daripada insiden-insiden yang terdahulu. Sebagai contoh juga Jabatan Penerbangan Awam juga telah membeli

kapabiliti untuk *aircraft recovery* yang telah terbukti diperlukan semasa insiden *Air Asia* yang lalu. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Jabatan Penerbangan Awam telah sudah *mempurchase* peralatan tersebut dan beberapa pegawai juga telah dihantar untuk menghadiri kursus-kursus untuk menggunakan jentera-jentera tersebut dan juga tatacara *aircraft recovery*.

Dari segi mengadakan *second runway*, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi pada masa ini menunduki *airport master plan* yang sedang *direview*. Pada masa ini, perancangan untuk membuat *second runway* itu belumlah ada kerana ia melibatkan penglibatan kos dan juga menjejaskan kawasan-kawasan atau tanah-tanah yang berhampiran *airport* yang mungkin perlu diganti.

Dalam hubungan itu, selain menubuhkan *second runway*, tatacara-tatacara yang lain juga difikirkan yang mungkin masih dapat memastikan *business continuity* lapangan antarabangsa tidak terjejas begitu lama sekiranya apa-apa jua berlaku insiden. Dalam hubungan ini, beberapa senario kecemasan atau *business continuity traits* telah diambil kira dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan dikemaskinikan atau *direview* lagi dari semasa ke semasa. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ latihan-latihan *emergency* atau *business continuity* akan diadakan dari masa ke semasa.

Berhubung dengan insiden-insiden kemalangan jalan raya. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sepertimana Yang Berhormat

memaklumkan dari segi jumlah kemalangan dan juga statistik kehilangan اَلْحَمْدُ لِلّٰهُ telah menurun dari setahun ke setahun kecuali ada *blip* pada tahun lepas. Usaha berterusan dijalankan oleh MKKJR yang lima keutamaan pada tahun ini adalah untuk menguatkuasakan atau memberi prioriti kepada penguatkuasaan khususnya dari masalah *speeding*.

Tidak dinafikan kebanyakan insiden kemalangan yang berlaku, punca utama adalah memandu dengan laju selain memakai telefon bimbit. Cuma 'kejarangan' *evidence* seseorang itu memakai telefon bimbit kecuali selepas berlakunya insiden, pihak polis akan meneliti sama ada telefon bimbit telah digunakan sebelum kejadian kemalangan tersebut.

Kedua, akan ditunduki kualiti *driving schools* yang ingin diterapkan sepertimana Yang Berhormat telah maklumkan mengenai budaya cara memandu. Ini adalah salah satu *priority* yang ditekankan pada tahun ini untuk menunduki lagi dari segi kualiti *driving schools* dan juga silibus yang diterapkan ke dalam sekolah memandu.

Mengenai *content management*. Pada masa ini terdapat jawatankuasa yang menunduki *in terms of content management* dan jika jabatan-jabatan kerajaan atau pihak membuat aduan mengenai *websites* atau yang kurang senang dimasuki atau telah menunjukkan *popups*. Akan tetapi, kebanyakannya *controls* adalah pada

device itu sendiri dan juga selalunya dengan sistem *AI usually popups* itu timbul, barangkali ada *history* juga melalui *sites* tersebut.

Perlulah kita *clean up the device* itu sendiri daripada ada *cookiesnya* atau *cachenya* *because* ia daripada *special adverts* menggunakan sistem *AI* dan melihat *sites* pernah dilawati dan ertinya kita berminat dan ia akan *automatically* mencadangkannya.

Oleh yang demikian, dari kegiatan *AITI* dan juga *CSB*, beberapa nasihat kepada para pengguna *devices* ini sering dikeluarkan dan disarankan juga ada peminta nasihat untuk menghubungi pihak *AITI* dan *CSB* yang *more than happy* untuk memberi cadangan dan nasihat bagaimana untuk memblok *sites* tersebut dari muncul pada *devices* individu masing-masing.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi sebagai ringkas jawapan kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
salam sejahtera dan Selamat Berpuasa bagi yang mengerjakan Puasa pada hari ini.

Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan menjunjung kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkenaan dengan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam mengurus Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024. Semoga apa-apa yang dirancang akan mencapai kesempurnaan yang diharap-harapkan, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ada tiga perkara yang akan disampaikan di bawah:

1. Kaola menyentuh berkenaan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Sehingga kini Daerah Temburong masih belum lagi terdapat kemudahan pemeriksaan kenderaan berkomputer. Walaupun dahulu memang ada dari Jabatan Pengangkutan Darat. Sepertimana yang kita sedia maklum, kenderaan-kenderaan yang berusia 7 tahun ke atas dimestikan untuk mengadakan pemeriksaan teknikal terhadap kenderaan mereka bagi memperbaharui cukai jalan (*road tax*). Keadaan ini menimbulkan masalah kepada penduduk Daerah Temburong kerana terpaksa memandu jauh ke pusat-pusat pemeriksaan kenderaan di kawasan bandar bagi mendapatkan perkhidmatan berkenaan.

Justeru, kaola mencadangkan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Darat dapat memberi pertimbangan agar Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer ini dapat diadakan di Daerah Temburong sama ada dikendalikan oleh pihak kerajaan ataupun syarikat-syarikat yang diiktiraf oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat;

2. Kaola ingin menambah perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin tadi mengenai *road tax*, iaitu dengan isu kualiti pelekat "cukai jalan raya" yang mudah rosak dan meninggalkan bekas pada cermin kenderaan.

Apakah pihak Jabatan Pengangkutan Darat mempunyai rancangan untuk menambah baik kualiti pelakat "cukai jalan raya" dari jenis yang lebih berkualiti dan tahan lama?; dan

3. Kaola menyentuh mengenai Jabatan Pelabuhan yang sudah diswastakan sepenuhnya, yang dahulunya sebahagian besar kakitangannya terdiri daripada anak tempatan yang telah pun bertugas sekian lama di Jabatan Pelabuhan. Pekerja di Bahagian Kapal *tuck boat*, *pilot boat* dan gudang-gudang di pelabuhan ketika ini ditempatkan di mana-mana jabatan kerajaan yang memerlukan dan sebilangan daripadanya masih bertugas di tempat yang sama di bawah pentadbiran pihak swasta dan merasakan pengorbanan dan

pengalaman bertugas bersama pihak kerajaan tidak dihargai. Yang mendukacitakan lagi, di antara mereka dipindahkan ke jabatan-jabatan kerajaan dengan bidang tugas yang berlainan dan beban dengan tugas-tugas baharu yang merumitkan.

Apakah pihak-pihak berkenaan maklum dengan perkara ini dan apakah usaha-usaha yang diambil sebelum menswastakan jabatan kerajaan terutama sekali dalam memelihara hal-ehwal kakitangan awam?.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat atas pertanyaan yang diajukan terutama sekali mengenai Pusat Pemeriksaan Kenderaan di Daerah Temburong.

Terima kasih atas cadangan tersebut yang dalam pemikiran Jabatan Pengangkutan Darat untuk mewujudkan Pusat Pemeriksaan Kenderaan di Daerah Temburong untuk kesenangan penduduk-penduduk Daerah Temburong.

Dalam hubungan ini, dari segi proses tawaran tersebut akan disusuli atau direviu semula kerana berdasarkan kaedah yang lama, tidak ada syarikat-syarikat atau bengkel kenderaan yang memohon untuk beroperasi di Daerah

Temburong tetapi dengan dasar untuk mewujudkan satu pusat di Daerah Temburong, kaedah sama ada syarikat yang mewujudkan perkhidmatan di Daerah Brunei dan Muara dapat juga turut diberi peluang untuk menyediakan perkhidmatan tersebut di Daerah Temburong.

Untuk menjadi stesen pemeriksaan kenderaan tersebut, setentunya adalah memerlukan keperluan-keperluan dan pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Darat juga mengemaskinikan piawaian pusat-pusat pemeriksaan ini bukan sahaja untuk Daerah Temburong tetapi seluruh negara supaya kualiti perkhidmatan dan juga kecekapan dan integriti pusat-pusat tersebut dapat ditunnduki dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan pelekat "cukai jalan raya" sepertimana juga dalam jawapan kaola kepada soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin tadi, *in terms of* jenis atau pelekat *road tax* pada masa ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang memang ia tidak tahan maka tidak senang untuk dimudah alih.

Kalau dibuka, ia melekat pada cermin dan itu sebenarnya adalah salah satu ciri keselamatan mengatasi masalah dahulu yang orang memindah-mindah *road tax* ke kenderaan-kenderaan lain. Ia tidak tahan itu adalah merupakan ciri keselamatan akan tetapi sepertimana dikongsikan, kita akan menunduki lagi kaedah yang lebih baik dari segi konsep pendigitalan ini mungkin akan

diperkenalkan *digital twinning* yang maklumat mengenai *road tax* tersebut terdapat dari segi *digital* dan setiap pemandu pemilik kenderaan hanya dikehendaki untuk mencetak sendiri *road tax* tersebut untuk dibawa seperti tiket penerbangan pada masa ini. Itulah pemikiran awal *the way forward* mengenai *road tax* tersebut.

Seterusnya, mengenai hal-ehwal kakitangan awam khususnya bagi jabatan kerajaan yang telah diswastakan. Dalam hubungan ini khususnya, Jabatan Pelabuhan, Jabatan Laut dan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPBD)*, kaola mengambil maklum akan perkara tersebut.

Untuk makluman, dalam proses peralihan Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut, untuk digabungkan menjadi *MPBD*, pihak kerajaan telah memastikan mana-mana pegawai dan kakitangan tersebut akan dapat diserapkan di *MPBD* tidak akan terjejas atau mengalami kerugian, keistimewaan dalam perkhidmatan.

Usaha-usaha untuk memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipindah ke jabatan kerajaan yang lain telah dilaksanakan secara terperinci untuk sekurang-kurangnya mendapat keistimewaan yang sebanding atau lebih baik daripada jawatan asal, *no worst of policy*.

Dalam perancangan untuk menswastakan jabatan kerajaan, selain memastikan entiti itu berdaya saing atau

berdaya tahan, perkara yang diutamakan adalah juga mengenai hal-ehwal sumber tenaga manusia tersebut, selalunya diadakan sesi *town hall* dan juga perundingan *one to one session* bersama pekerja tersebut.

Mengambil kira juga akan keperluan kakitangan untuk *reskill* atau *retrain*, proses peralihan tersebut juga telah dilakukan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan pengalaman pegawai-pegawai tersebut. Walau bagaimanapun, dalam hal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mungkin *you know*, ada baiknya perkara ini ditunduki dari *case by case basis*. Tetapi dari segi adasr, memang hal ehwal kakitangan ini memanglah dipemmedulikan terutamanya dari segi tidak *worse off* dan tidak kehilangan pekerjaan. Itulah selalunya dasar yang digunakan apabila melaksanakan pengkorporatan ini.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang untuk kaola membincangkan cadangan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kaola juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua yang hadir di Dewan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. *وَالصَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah yang begitu padat dan terperinci.

Kaola mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif-inisiatif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi tersebut.

Sebenarnya, kaola ada banyak perkara yang ingin kaola bentangkan cuma kaola menghormati nasihat Yang Berhormat Pengerusi supaya kita fokus dan ringkas sahaja.

Oleh itu, kaola akan menyuarakan 3 atau 4 perkara sahaja untuk pencerahan mahupun cadangan:

1. Mengenai sistem pengangkutan awam. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam mukadimahnya tadi telah pun membentangkan secara panjang lebar mengenai sebahagian pembaikan yang akan dilaksanakan. Rakan abiskaola Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin telah pun menyuarakan

mengenai perkara ini dengan panjang lebar juga. Maka kaola tidaklah ingin berpanjang lebar untuk membincangkan tajuk ini.

Cuma kaola akan bertanya saja. Kaola kalau tidak silap beberapa tahun yang lalu sejumlah \$30 juta telah pun disediakan untuk memperbaiki dan memajukan Sistem Pengangkutan Awam ini yang menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi tadi perlu di *revisit* untuk menyelaraskan dengan keperluan pada masa ini.

Cuma pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini, kaola perhatikan di bawah Kod Akaun 1107/001 Jabatan Pengangkutan Darat, Sistem Pengangkutan Awam ini hanya diperuntukan sebanyak \$750 ribu dengan Harga Rancangan sebanyak \$5 juta.

Oleh itu, kaola ingin mengetahui adakah Bajet yang disediakan ini mencukupi bagi inisiatif-inisiatif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memantapkan kecekapan Sistem Pengangkutan Awam ini secara menyeluruh? Kita tidak mahu pembaikan Sistem Pengangkutan Awam ini akan terkebelakang atau terlambat lagi perlaksanaannya disebabkan oleh kekurangan peruntukan.;

2. Sebagaimana yang dimaklumi, kedudukan Negara Brunei Darussalam mempunyai beberapa *competitive advantages* termasuklah rakyat yang berpendidikan dan peramah yang sebahagian besarnya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan fasih dan juga rahmat dan nikmat perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kurniakan kepada negara dengan kedudukan geografinya terlindung daripada *natural calamities*, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**.

Kaola hanya ingin mengajukan cadangan supaya kita meneliti kemungkinan untuk menggunakan *advantages* ini bagi mengadakan *Disaster Centre for Security Storage* dan mungkin juga menjadi *call centre* untuk rantau ini ataupun *beyond*. Ini setentunya boleh membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan baharu bagi pencari-pencari pekerjaan.;

3. Seterusnya, kaola tertarik dengan satu projek di bawah Jabatan Penerbangan Awam, Kod Akaun 003/001- Untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brrunei di kedudukan 100 teratas - perkhidmatan *Aerodrone*. Untuk itu sebanyak B\$7.4 juta dicadangkan untuk Tahun Kewangan 2023/2024.

Yang Berhormat Menteri telah menerangkan sebahagian projek yang akan dilaksanakan dalam tajuk ini. Kaola memohon pencerahan sahaja, pada waktu ini di tangga ke berapakah kedudukan negara ini

dan apakah *strategic advantages* yang dapat diraih dari kedudukan teratas ini? Misalannya dari segi peningkatan pendapatan hasil ataupun penggunaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan sebagainya.

Kaola perhatikan *target* pendapatan dari Sektor Pengangkutan Udara untuk tahun 2023/2024 hanyalah sebanyak B\$9 juta sahaja. Ini mungkin kerana jumlah kapal terbang dan pelawat-pelawat yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah terhad.

Kaola ingin mengetahui, apakah cara yang lebih efektif untuk membanyakkan lagi penggunaan dan aktiviti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ini?. Kaola perhatikan syarikat penerbangan yang banyak menggunakan lapangan terbang ini hanyalah *RB* dan beberapa syarikat negara jiran. Adakah usaha-usaha telah diterokai untuk mempelawa lebih banyak *regional airlines* ataupun *international airlines* menggunakan kemudahan lapangan terbang ini?; dan

4. Yang terakhir, ialah mengenai inisiatif Transformasi Digital dan *Connected Smart Nations* yang dipelopori oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. **اَللّٰهُمَّ** satu usaha yang baik dan patut disokong kerana ia akan lebih memudahkan pemberian

perkhidmatan yang lebih efisien, cekap dan telus.

Kaola ingin bertanya, di manakah kita pada masa ini dari segi pencapaiannya setakat ini? Adakah *third party assessment* telah dibuat untuk menilai keberkesanannya *on the ground* terutamanya bagaimanakah inisiatif ini dapat *complement* atau menjadikan *environment* negara lebih probisnes?.

Seperti program-program yang terdahulu, cabaran yang paling berat ialah dari segi *softwaranya* iaitu *human factor*. Sila betulkan kalau kaola salah, sebagaimana yang kita sedia maklum semenjak 10 tahun ke 15 tahun yang lepas kerajaan telah pun membelanjakan hampir B\$1 bilion bagi *computerization program* termasuk menyediakan infrastruktur sebagai langkah untuk memperkesakan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai termasuk juga untuk menuju ke arah *paperless society*.

Namun apa yang kita lihat pada masa ini, kita masih belum mencapai hasrat ini sepenuhnya. Jadi, kaola ingin mengetahui apakah cara terbaik yang berlainan dari yang sudah-sudah dari segi perancangan, pelaksanaan dan koordinasi kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang meyakinkan kita untuk mencapai hasrat ini?.

Dalam erti kata yang lain, kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah strategik kementerian dan agensi-agensi

yang lain dalam kerajaan untuk menyejajarkan kemajuan *hardware* dengan perkembangan *softwrenya* itu iaitu dari segi mengadakan *change management and capacity building* yang berterusan bukan saja bagi pegawai-pegawai yang terlibat dan pihak-pihak yang berkepentingan malahan kepada penuntut-penuntut supaya mereka sentiasa *future-ready* dan *industry-ready* serta sistem *digitalization* negara akan memupuk dan membentuk penuntut-penuntut berfikiran secara holistik, strategik dan taktikal?.

Kaola bersependapat dengan Yang Berhormat Menteri, ini akan memerlukan perubahan kepada *mindset* semua pihak yang berkepentingan. Perkara ini memerlukan koordinasi yang kukuh dan mantap semua pihak termasuk juga pihak swasta dalam menyambut inisiatif ini.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan.

Mengenai Sistem Pengangkutan Awam, dikongsikan sebelumnya Belanjawan sejumlah \$30 juta telah diperuntukkan. Dasar atau strategi asal bagi peruntukan tersebut telah berubah, ada sedikit perubahan dari segi pelaksanaannya dan juga dari segi *governance* mengenai projek tersebut.

Pemikiran asal bagi projek tersebut adalah pihak kerajaan yang membelanjakan pembelian bas-bas pengangkutan awam dan modal operasi itu didapati mungkin tidak *sustainable going forward*. Maka dalam hubungan itu, sepertimana yang dimaklumkan pihak kementerian akan menunduki semula lagi strategi dengan modal bisnes yang berbeza.

Dari segi soalan mengenai sama ada peruntukan yang terdapat pada masa ini mencukupi atau tidak untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang dihasratkan, *short answer*nya tidak. Tetapi peluang yang diberikan dengan penundaan RKN yang dilanjutkan lagi RKN-11 pada setahun, ia memberi peluang kepada kementerian kaola untuk menunduki semula lagi rancangan bagi mewujudkan Sistem Pengangkutan Awam sepertimana yang dikongsikan dalam mukadimah tadi.

Mengenai *competitive advantage* dari segi negara kita, sememangnya pada masa ini antara *competitive advantage* yang terdapat dari segi industri maritim memandangkan Teluk Brunei menyediakan satu *anchorage area* yang selamat. Salah satu perancangan adalah untuk mewujudkan *anchorage services* di kawasan Muara dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat menarik industri-industri perkapalan serantau untuk menggunakan *services anchorage* di Pelabuhan Muara tersebut. Itulah salah satu contoh kita melihat ada *competitive advantage* negara dan macam mana kita boleh *take advantage* mengenainya.

Seperti juga dengan diambil baik cadangan Yang Berhormat mengenai kemungkinan negara kita dapat digunakan sebagai *call centre* dan juga *disaster recovery centre*. Sememangnya pihak kementerian mengalu-alukan industri tempatan untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan seperti *data centre* dan *cloud system* yang mungkin dapat *dimarketkan* kepada pengguna-pengguna di luar negeri untuk menggunakannya. Itu memangnya adalah satu perkara yang dialu-alukan.

Berhubung dengan kemajuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Pada masa ini usaha-usaha mengenai aerodrome, kedudukan kita pada masa ini sukacita memaklumkan bahawa negara kita pada masa ini di tangga 217 antara 450 *airports* ikut serta dalam *survey* tersebut.

Pada masa yang sama, *in terms of* sukat-sukat yang digunakan untuk memajukan lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah untuk turut serta dalam *3-star rating* atau *Skytrax ranking* bagi lapangan terbang antarabangsa.

Jadinya, perkhidmatan yang kita sediakan itu terdapat kriteria atau boleh *dibenchmark* bahawa terdapat 39 kriteria yang perlu diisi untuk ikut serta dalam *Skytrax ranking* tersebut.

Seterusnya, sepertimana yang dikongsikan perancangan untuk memperbaiki kedudukan negara 'kitani' Lapangan Terbang Antarabangsa 'kitani'

untuk menjadi *regional hub* sama ada penumpang dan juga *cargo*.

Rundingan-rundingan juga telah diadakan bersama contohnya Penerbangan *Royal Brunei Airlines* mengenai menyediakan perkhidmatan pakej Umrah dan seumpamanya untuk *memfeed* penerbangan *RB* dan juga menggunakan kapal terbang antarabangsa sebagai *transit areas* bagi laluan-laluan tersebut. Itulah antara-perkara yang ditunduki.

Mengenai isu kedudukan *digitalization* negara kita pada masa ini, setelah *MTIC* menduduki perancangan pada masa ini sepertimana yang dikongsikan mukadimah, kebanyakannya perkara yang perlu ditunduki adalah *on the soft side of things* dari segi sumber manusia, dari segi kemampuan dalam *design capacity, project management* dan juga sepertimana yang pihak Yang Berhormat sedia maklum *change management because* apa yang dikongsikan dalam mukadimah pendigitalan ini adalah merupakan juga memerlukan *perubahan mindset* dan juga *perubahan* tatacara kerja.

Itu adalah perkara yang penting bagi *as a case for success*, memerlukan setiap aspek tersebut. Tidak dapat dinafikan kita telah membuat banyak pelaburan ataupun perbelanjaan mengenai sistem-sistem tetapi kebanyakannya tidak mencapai hasrat yang dihasratkan dari awal disebabkan oleh kekurangan *follow-up or follow-through* dari segi *change management* tersebut.

Itulah sahaja dulu, yang dapat kaola kongsi dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** *detail* selanjutnya akan dikongsi selepas ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Sebelum melanjutkan soalan dan cadangan, kaola ingin mengucapkan Selamat menunaikan Ibadah Puasa dan menyambut bulan Ramadan kepada semua.

Lebih dahulu, kaola ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan *Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI)* atas pengenalan langkah kerja kecekapan industri *ICT* Brunei, iaitu *Brunei ICT Industry Competency Work* yang merupakan sumber yang berguna untuk profesional *ICT* dan *individual* yang ingin mengejar kerjaya dalam bidang *ICT*.

Menurut Laporan Digital 2023, penggunaan media sosial di Negara Brunei Darussalam adalah yang keempat tertinggi di dunia dalam nisbah populasi dengan 94.4%. Walaupun Negara Brunei Darussalam telah mencapai tahap penggunaan media sosial yang tinggi, adalah penting untuk mengakui bahawa penggunaan media sosial dan literasi digital adalah tidak sama.

Penggunaan media sosial merujuk kepada sejauh mana orang menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi, bersosial dan berkongsi maklumat. Manakala, literasi digital adalah keupayaan untuk menggunakan teknologi secara efektif dan selamat. Ia bukan hanya tentang keupayaan untuk menggunakan alat dan platform yang diperlukan oleh teknologi.

Oleh itu, kaola ingin mengajukan dua soalan di bawah Tajuk SN09A, Akaun 003/001 - Pembangunan Kompetensi. Apakah ada perancangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk membangunkan rangka kerja kecekapan digital atau *Digital Competency Framework* untuk menilai literasi digital rakyat? Rangka kerja seperti ini boleh memainkan peranan penting dalam mempromosi *inclusivity digital* dan meningkatkan kemahiran *ICT* rakyat kita.

Selain itu, kaola ingin tahu kenapa Negara Brunei Darussalam tidak tersenarai dalam *Network Readiness Index* iaitu *NRI*? *NRI* adalah laporan tahunan yang dihasilkan oleh *World Economic Forum* yang menilai kesiapan negara untuk memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi *ICT* demi meningkatkan daya saing dan kesejahteraan. Bolehkah kementerian mengongsikan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Negara Brunei Darussalam tersenarai di bawah *NRI* pada masa hadapan? Penyenaraian di bawah *NRI* akan menjadi penanda aras penting untuk mengukuh kemajuan

kita dan membandingkan prestasi kita dengan negara-negara lain.

Soalan seterusnya adalah di bawah Tajuk SN01A, Kod 004/001- Pengurusan Keselamatan siber untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Menurut statistik terkini yang diterbitkan oleh *BruCERT* ada merekodkan hampir 3,000 serangan siber pada tahun 2018 dan tiga jenis insiden *cyber* yang paling biasa adalah *malign*, *online scams* dan *phishing*. Selain itu, kebanyakan mangsa dalam talian adalah *individual* yang berusia di atas 60 tahun.

Terdapat kes jua di pesara yang baru menerima pencen menjadi sasaran penipuan. Dengan peningkatan *AI Powered Tools* seperti *chatbox* dan *machine learning algorithm*, penjenayah siber dapat mencetak *e-mel phishing* yang sangat menakutkan dan bentuk penipuan dalam talian lain yang lebih sukar dikenal pasti dan ditentang.

Terdapat keperluan madrasah untuk mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan keselamatan siber dan melindungi daripada ancaman siber. Ini termasuk pengguna, penggunaan pengesahan *multifactor* dan perisian keselamatan yang terkenal dan terkini oleh pembekal perkhidmatan. Penting bagi menyediakan perkhidmatan untuk mengambil tanggungjawab memastikan keselamatan sistem dan data mereka dan mengamalkan amalan terbaik keselamatan siber untuk melindungi pengguna daripada ancaman-ancaman jenayah siber yang semakin meningkat.

Bolehkah kementerian mengongsikan rancangan untuk menangani cabaran yang semakin berkembang ini? Terutama dalam golongan yang terdedah seperti Warga Emas. Pada pendapat kaola, adalah penting, negara mempunyai rangka kerja kecekapan digital untuk mengenal pasti tahap kecekapan digital rakyat Negara Brunei Darussalam Brunei dan membolehkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran digital di negara ini.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat bagi soalan-soalan tersebut.

Pertama kali, kaola menyambut baik atas saranan beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan dan saranan yang berhubung kait dengan *literacy* digital rakyat ataupun *index* digital. Kaola menyambut baik jua cadangan Ahli Yang Berhormat bagi membangunkan *Digital Competency Framework* dan perkara ini akan diteliti lagi.

Walau bagaimanapun, *MTIC* melalui agensi di bawahnya mengadakan beberapa inisiatif dalam mempromosikan *inclusivity digital* dan dalam meningkatkan kemahiran *ICT* bagi rakyat.

Perkara ini juga ada kaola sentuh dalam mukadimah yang awal tadi bahawa terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran *ICT* bagi rakyat contohnya Program Celik *ICT* atau *ICT Savviness Programme* yang dianjurkan oleh pihak *AITI* yang bermula pada tahun 2017 dengan tujuan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada orang ramai akan kepentingan penggunaan *ICT* bukan sahaja dalam kehidupan seharian tetapi juga menggalakkan orang ramai berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Program ini memperkenalkan bengkel-bengkel pendek kepada wakil-wakil Majlis Perundingan Kampung seperti *Wed Designing, Go Live*, pemasaran secara *digital, Literacy Digital* Asas dan program telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan Majlis Perundingan Kampung yang program ini akan dilanjutkan dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2019/2022, pihak *AITi* juga mengadakan bengkel dan memfokuskan kepada penggunaan aplikasi *e-Dagang*. Tujuannya adalah untuk mendidik dan menggalakkan masyarakat untuk membuat transaksi iaitu jual beli secara dalam talian.

Antara *module* yang diperkenalkan dalam bengkel ini adalah menggunakan *platform e-Dagang* seperti membeli dan menjual produk secara dalam talian, tip-tip keselamatan dalam talian, pengenalan kepada mudah alih seperti *Queue Up* dan *Dart*. Penggunaan media

sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* dan *Literacy Digital* Asas seperti penggunaan *Microsoft Office, Word, Power Point* dan *Publisher*.

Latihan dianjurkan oleh *AITi* mengenai pameran *Digital Skills Training* juga disasarkan kepada 3 kumpulan iaitu Pusat Kegiatan Warga Emas, Kumpulan Ibu Tunggal dan Majlis Perundingan Kampung. Program ini dibahagikan kepada 2 bengkel iaitu bengkel mengenai *e-Dagang* dan Bengkel Pemasaran Secara Digital.

Seterusnya, kaji selidik *ICT* bagi rumah tangga dan perniagaan juga telah dilakukan. Inisiatif ini adalah bagi menilai tahap literasi digital dan penggunaan *ICT* dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam melalui kaji selidik bagi rumah tangga yang diadakan setiap 3 tahun.

Kaji selidik terkini telah diadakan pada penghujung tahun 2022. Dikongsikan penemuan awal dari kaji selidik tersebut seperti berikut:

1. Sebanyak 54% daripada responden mempunyai *basic ICT skills* atau kemahiran asas;
2. Sebanyak 61% daripada responden adalah pada tahap *standard skills* atau kemahiran standard. Iaitu kemahiran menggunakan *formula arithmetic* asas dalam *Spreadsheets* seperti *Excell*, menyambung dan memasang parenti yang baharu, mencipta bahan

pembentangan dengan perisian seperti *Power Point*; dan

3. Sebanyak 23% daripada responden adalah pada tahap *advance level* atau kemahiran lanjutan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, hasil kaji selidik berkenaan akan diterbitkan dalam masa terdekat ini setelah kerja-kerja penganalisan data selesai dan dikemaskinikan. Dari laporan kaji selidik pada tahun 2019 didapati sebanyak 95% daripada responden menggunakan *Internet* setiap hari.

Seterusnya mengenai pengemaskinian ke atas *Key Success Measures* berhubung dengan *Digital Competency* yang adalah juga terkandung dalam *Digital Economy Master Plan*. Oleh yang demikian, ia adalah sebagai pemboleh dari segi untuk melengkapkan sekurang-kurangnya kemahiran ke atas asas digital adalah tercapai bagi mrngesyorkan negara 'kitani' *digital in future ready society*.

Tidak dinafikan juga, antara usaha adalah untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam menerapkan kemahiran *ICT* dengan lebih awal pada tahap pendidikan rendah.

Seterusnya mengenai soalan kedua iaitu kenapa Negara Brunei Darussalam tidak tersenarai dalam *Network readiness Index (NRI)*? Untuk makluman Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam pernah tersenarai dalam *NRI* iaitu pada kali terakhirnya pada tahun 2014 yang

kedudukan negara kita ialah di tangga 45 daripada 148 ekonomi.

Pada tahun-tahun berikutnya pula Negara Brunei Darussalam tidak tersenarai memandangkan data tidak mencukupi dan masih belum bersedia lagi termasuk untuk diukur dalam *NRI*. Ini adalah termasuk sukatan mengenai *high tech, medium high-tech manufacturing*, komitmen kepada *Jet Hub, Future Technologies* termasuk *investments* dalam *Emerging Technologies* dan *robot density, AI Scientific Applications* dan seumpamanya.

Dalam pada itu, pihak *AITi* dan *MTIC* akan merujuk dan menggunakan indeks antarabangsa yang bersesuaian sebagai *benchmark* dan bahan rujukan untuk mengukur tahap perkembangan *ICT*. Antaranya ialah:

1. Sebagai *ICT Development Index* di bawah *International Telecommunications Union (ITU)*;
2. *e-Government Development Index (EDI)* di bawah *United Nations*;
3. *Digital Skills Index* dan di bawah inisiatif *Asia Pacific Economic Cooperation* yang Negara Brunei Darussalam adalah ahli kepada organisasi tersebut.

Di bawah *e-Government Development Index*, negara telah mencapai kedudukan di tangga ke-68 daripada 193 negara pada tahun 2022. Antara yang diukur adalah tahap modal insan

di samping perkembangan infrastruktur dan komunikasi dalam talian.

Digital Skills Gap Index (DSGI) adalah di bawah *Asia Pacific Economic Cooperation* yang meneliti kedudukan 134 ekonomi dalam kesediaan sesebuah ekonomi dalam kemahiran digital yang diperlukan untuk pertumbuhan yang mampan, pemulihan dan kemakmuran. Dalam Laporan *DSGI* 2021, Negara Brunei Darussalam telah pun mendapat *score* 6.1 di tangga 32.

Ke arah untuk meningkatkan ketersediaan data atau *open data readiniess* adanya keperluan untuk meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan untuk meneliti akan keberkongsisamaan data-data di bawah kementerian dan jabatan masing-masing.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ inisiatif ini akan dipertingkatkan lagi agar institusi-institusi antarabangsa mahupun penduduk dan pelajar sekolah akan dapat mengetahui dan mendapat akses kepada data secara terbuka. Pihak *AITi* dan *MTIC* akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan untuk meneliti indeks antarabangsa yang dapat diikuti dan digunakan sebagai *benchmark* kepada kesediaan industri *ICT* negara.

Ini adalah termasuk penyelerasan data dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkenaan. Tambahan pula melalui kaji selidik *ICT* bagi rumah tangga dan peniaga yang dijalankan *AITi* beberapa elemen yang

merangkumi *network readiness index* telah dimasukkan ke dalam kaji selidik tersebut seperti:

1. *Access. People's fundamental access level to ICT in countries including issues about communications infrastructure and afford abilities.;*
2. *Individuals. How individuals use technology and leverage the skills to participate in the network economy.;*
3. *Businesses. How businesses use ICT and participate in the network economy including their spending on R&D.;* dan
4. *Governments. How governments use invests in and deploy ICT for the benefit of the general population dan lain-lain lagi.;*

Seterusnya mengenai soalan ketiga di bawah Tajuk SN01A Akaun 004/001 Pengurusan Keselamatan Siber untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Menurut statistik terkini yang diterbitkan oleh *Brunei Computer Emergency Responds Bru-Cert*. Negara Brunei Darussalam telah merekodkan sepertimana yang dikongsikan sebanyak 2,979 serangan.

Berikutan dengan itu, beberapa kempen kesedaran keselamatan *cyber* telah 'diungkayahkan' oleh *CSB* melalui *Bru-Cert* dan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti *AITi*, jabatan-jabatan daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Penerangan dan

juga Jabatan Pembangunan Masyarakat. *CSB* bercadang dan akan melarutkan lagi siri taklimat keselamatan *cyber* ke atas kakitangan awam yang hendak bersara dan juga kerjasama Institut Perkhidmatan Awam.

Dalam 3 tahun kebelakangan ini, beberapa siri taklimat yang melibatkan Warga Emas telah diadakan sama ada dibuat oleh *CSB*, *Bru-Cert* secara persendirian atau bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Contohnya, pada bulan Oktober ke November 2019 sebanyak 140 taklimat telah diadakan bersama *AiTi* pada tahun 2020 sebanyak 130 taklimat telah diadakan dan pada 2021 sebanyak 102 taklimat telah diadakan dan selanjutnya.

Oleh yang demikian, usaha ini akan digandakan lagi dan khususnya bagaimana *outreach* dapat mencapai *more audience* dalam segi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai ancaman-ancaman khususnya dari *cyber security* dan juga *scammers* yang berlangsung pada masa ini.

Sekian sahaja, yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera...

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, silakan Yang Berhormat. Dalam senarai yang ada ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Jika diizinkan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah yang telah disampaikan yang komprehensif dan padat. banyak perancangan sedang dilaksanakan selaras dengan matlamat kementerian, terutama sekali

tentang mengembangkan *ICT* di negara ini.

Sebelum kaola berpindah ke tajuk *ICT*, kaola ingin menyentuh mengenai *transportation master plan* yang masih belum menunjukkan banyak perkembangan. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, jadi kaola tidak perlu dijawab.

Walaupun bagaimanapun, kaola saja berpendapat elok perkara ini dilihat semula kerana impaknya sangat besar kepada negara. Secara langsung dengan adanya sistem pengangkutan yang efisien ia akan mengurangkan kebergantungan pada kereta persendirian untuk pergerakan terutama untuk bekerja dan menghantar anak sekolah. Dengan sendirinya ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya, mengurangkan kemalangan kereta, mengurangkan *man hours lost* disebabkan urusan penghantaran anak sekolah, di samping menjadikan negara kita *tourist friendly* dengan kemudahan pengangkutan awam yang selamat, bersih dan tepat waktu.

Memiliki sebuah kereta, walaupun murah berbanding dengan negara lain, tetapi adalah merupakan sebahagian besar bagi mereka yang berpendapat rendah. Dengan sistem pengangkutan yang lebih efisien, mungkin keperluan untuk memiliki kereta persendirian berkurangan.

Soalan kaola seterusnya ialah mengenai *ICT Technology* yang sedang rancak diusahakan. Kaola memohon pencerahan sejauh mana pendigitalan (*ICT Technology*) ini dapat dibudayakan secara hidup baharu, sebagai cara hidup di semua tempat kerja, di sekolah-sekolah dan di rumah-rumah. Sejauh manakah penetrasi teknologi ini sudah menyerap ke dalam kehidupan seharian kita?

Walaupun seperti yang dimaklumkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dari segi celik *ICT* banyak orang kita sudah celik *ICT*, tetapi dalam kajian itu sejauh manakah penduduk kita mesra dengan teknologi *ICT* untuk dimanfaatkan sepenuhnya?. Kaola berpendapat ia akan lebih berkesan jika ia bermula dengan generasi yang sudah bersedia untuk menjadikan *ICT* sebagai cara hidup atau gaya hidup yang baharu. Ini seharusnya bermula di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan.

Buat masa ini walaupun di setiap kementerian sudah tidak asing lagi dengan teknologi *ICT* dan pendigitalan ini, kita belum lagi sedia memakainya secara menyeluruh. Diharap *IT* akan menjadi subjek teras di sekolah-sekolah agar setiap pelajar mahir dalam *IT* apabila mereka tamat pengajian nanti.

Di samping itu, harga bagi sebuah komputer dan *laptop* dan alat-alat yang diperlukan juga hendaklah pada harga mampu dimilik oleh setiap pelajar

untuk membantu membudayakan penggunaannya.

Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi, kaola merujuk di bawah Tajuk Jabatan Penerbangan Awam. Kaola mohon pencerahan sama ada Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti ada sekarang adalah di peringkat yang terakhir ataupun masih ada banyak rancangan yang hendak dibuat. Kaola berpendapat dengan sempadan dibuka semula dan industri pelancongan digiatkan semula adalah bertepatan jika rancangan untuk menambah baik fasiliti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dibuat lebih menarik.

Pada pandangan kaola *first impression* pelancong ialah *airport* dan *last impression* juga ialah *airport*. Jadi untuk memajukan industri pelancongan kita, *airport* adalah salah satu fasiliti yang utama perlu kita 'perbisaikan'.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola timbulkan.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat mengenai soalan-soalan yang diajukan.

Menjawab daripada belakang dulu sekali, mengenai kemajuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sememangnya sepertimana yang

dikongsikan, kadar pergerakan penumpang pada masa ini pada tahun 2022 berada sekitar 2 juta penumpang. Dari segi kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, pada masa ini mampu untuk menampung pergerakan penumpang sehingga 3 juta orang, jadi masih ada ruang untuk kapasiti di *airport* tersebut.

Tetapi diambil baik cadangan untuk memperbaiki *experience* atau keadaan *airport* tersebut dari segi *passenger's airport user experience* yang sememangnya dalam perancangan Jabatan Penerbangan Awam dengan mengikuti juga program sepertimana yang dikongsikan awal tadi *ranking Skytrax* yang dihasratkan kita dapat mencapai *scoring* yang lebih tinggi.

Berhubung dengan industri pelancongan, Jabatan Penerbangan Awam sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan dan Pelancongan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga *RB* mengenai pakej-pakej pelancongan yang Jabatan Penerbangan Awam sentiasa bersedia untuk memudahkan cara apa-apa perkembangan yang akan dicadangkan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Berhubung dengan *ICT*, saranan Yang Berhormat itu diambil baik. Sememangnya untuk kita lebih celik *ICT*, ia mesti bermula dari bangku sekolah terutamanya di peringkat kecil. Banyak program pada masa ini **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** telah diperkenalkan di peringkat menengah dan *tertiary*, tetapi kaola berpendapat *a bit too late* untuk menyerapkan *literacy*

digital manakala ia perlu diserapkan dengan lebih awal.

Berhubung dengan *land transport master plan*, sememangnya apa yang dikongsiakan Yang Berhormat adalah perkara-perkara yang mendesak atau membuat Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menunduki semula dengan nafas baharu penubuhan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih sesuai dan bermakna dan juga *viable* kepada orang ramai dan penduduk Negara Brunei Darussalam, yang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِلَهَ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk kaola bersama-sama membincangkan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas pembentangan peruntukan kementerian tersebut, yang menjelaskan hala tuju kementerian dan seterusnya dalam usaha memantapkan lagi sistem pengangkutan dan mengembanguaskan lagi sistem infokomunikasi yang lebih efisien dan selamat.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua yang hadir di Dewan ini dan semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan merahmati dan meredai jua.

Kaola tidaklah akan berpanjang lebar kerana beberapa isu telah pun diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga telah pun diberikan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada awal tadi. Hanya kaola ingin menimbulkan mengenai satu isu sahaja iaitu yang berhubung kait dengan sektor marin dan perkapalan.

Sektor marin dan perkapalan dapat memberikan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada golongan belia di negara ini dan berupaya untuk menyumbang kepada sosioekonomi negara.

Adalah diperhatikan tenaga kerja (kru) di perkapalan di Negara Brunei Darussalam, terutama sekali dalam perkhidmatan kapal-kapal *Offshore Brunei Shell Petroleum* seperti tenaga kru

misalannya dari *seaman, technic, junior seaman, 3rd engineer, 4th engineer, wiper* dan lain-lainnya adalah majoriti dipenuhi oleh warga negara luar. Sejauh manakah *Brunei Maritime Academy* telah berjaya menghasilkan tenaga kerja perkapalan di atas dengan kelayakan dan sijil-sijil yang diiktiraf oleh perkapalan serantau dan antarabangsa?

Bagi tujuan melatih dan mempersiapkan tenaga kru perkapalan dalam kalangan belia tempatan *Brunei Maritime Academy* dan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam* perlulah menyediakan latihan dalam negeri yang tersusun lengkap dan diiktiraf oleh *International Maritime Organization* atau institusi-institusi perkapalan antarabangsa dan serantau yang diiktiraf.

Sehubungan itu, *Brunei Maritime Academy* dan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam* seharusnya dan dicadangkan untuk bekerjasama dengan mengadakan program *twinning* atau *collaboration* dengan mana-mana akademi marin bagi memastikan belia kita, anak-anak tempatan yang berminat dalam bidang perkapalan iaitu *seafarers*, dilatih secara lengkap dan tersusun dan sijil kelulusan mereka diiktiraf oleh badan-badan perkapalan serantau dan antarabangsa. Ini juga membolehkan anak-anak tempatan jika diiktiraf kelulusan mereka ini, akan berpeluang bekerja di luar negeri. Itulah sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola timbulkan.

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas persoalan mengenai sektor marin dan perkembangan tenaga manusia mengenainya.

Lebih dahulu kaola mengongsikan bahawa dari segi aspek *competency mariners* ini, ia adalah terkawal di bawah *International Maritime Organization* yang *competency*nya adalah terkawal atau di bawah *International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping*.

Dalam hubungan itu, dari segi *competitiveness* orang tempatan untuk menceburi bidang *maritime* ini, memang terbukti melalui *Brunei Gas Carriers*, kesemua atau 100% daripada kakitangan *Ratings* ke bawah adalah terdiri daripada penduduk tempatan. Cabaran hanyalah apabila kepada *senior positions*, banyak masih disandang oleh pekerja-pekerja dari luar. Antara perkara yang menjadi cabaran adalah untuk mencapai contohnya tahap kapten atau *chief engineer*, sekurang-kurangnya meliputi jangka masa 10 tahun. Sebab menyedari segi *competency structure marine programme* ini termasuk juga *seatime*. *Seatime* itu adalah salah satu perkara yang perlu dicapai untuk mencapai kenaikan *level competency* mereka.

Dari segi perancangan bekerjasama dengan *Brunei Maritime Academy* melalui *MPABD* pada pertengahan tahun lepas telah juga memperkenalkan *Competency Framework for Maritime Services* di Negara Brunei Darussalam yang juga bersandarkan dengan *International Convention on Standards of Training Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW)* tersebut. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya *competency framework* tersebut, ia dapat membantu *Brunei Maritime Academy* untuk menghasilkan *training* program yang selaras dengan *STCW* tersebut.

Pada masa yang sama pemain-pemain industri juga seperti *BGC* dan juga syarikat-syarikat perkapalan telah menyumbang, contohnya dalam mewujudkan *Piloting and Operation Simulation Centre* yang boleh digunakan oleh *Brunei Maritime Academy (BMA)*.

Ini adalah antara sumbangan yang dilakukan kerjasama antara *MPAD* industri dengan *BMA* untuk mempertingkatkan lagi kemampuan *Brunei Maritime Academy* menghasilkan *seafarers* yang berkaliber dan juga boleh melanjutkan *competency* mereka untuk mencapai tahap seperti *engineers* dan juga *deck officers* yang pada masa ini memang berkurangan.

Di samping itu juga, perlu diakui untuk membolehkan warga kita dapat menyediakan perkhidmatan atau bekerja di luar negeri adalah dari segi *competitiveness* kita. Dukacita disebabkan oleh kadar atau *rate* kita, *our*

seafarers are not necessarily competitive especially the lower ranking officers.

Terdapat warga dari negara-negara jiran, seperti Filipina dan Indonesia yang menyediakan kos yang lebih rendah. Namun begitu, untuk memperkembangkan industri perkapalan atau maritim di Negara Brunei Darussalam melalui *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* usaha untuk *localise* industri perkapalan di Negara Brunei Darussalam sedang dijalankan pada masa ini dengan memperkenalkan *ratio* pekerja asing dan pekerja luar untuk mengisi jawatan-jawatan yang ada berpotensi untuk warga tempatan mengisinya. Itulah sahaja, yang dapat dikongsikan barangkali pada masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah berkenaan dengan hala tuju dan perancangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi memastikan Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 dapat digunakan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh berkenaan di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat iaitu isu “teksi sapu”. Isu “teksi sapu” bukanlah asing dalam kalangan masyarakat kita bahkan ia menjadi keperluan orang ramai sebagai alternatif terutama sekali pada masa sukar untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan awam.

Kaola merasa cukup bimbang dengan kehadiran “teksi sapu” yang semakin meningkat dan yang parah lagi, ia dijalankan oleh warga asing. Apakah pihak-pihak berkenaan mengambil perhatian dengan perkara ini dan apakah akta-akta yang berkaitan ke atas “teksi sapu” termasuklah yang dilakukan oleh warga asing?.

Apakah ada jalan penyelesaian bagi menangani isu “teksi sapu” ini seperti menawarkan mereka kepada perkhidmatan teksi berlesen atau perkhidmatan lain yang dibenarkan Jabatan Pengangkutan Darat?.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas soalan yang diajukan. Berkaitan dengan isu “teksi sapu” ertinya terdapat kehendak dan permintaan perkhidmatan seperti demikian dan perbezaan daripada perkhidmatan yang berlesen dan tidak berlesen, kalau tanpa berlesen ia kurang

ada jaminan dari segi keselamatan dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, untuk mengatasi perkara ini ia memang sedikit sukar untuk Jabatan Pengangkutan Darat memantau sepenuhnya kegiatan ini. Tetapi terpulang juga kepada para pengguna yang ertinya membuat pilihan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut dengan menerima apa-apa juga risiko dengan perkhidmatan tersebut.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan perancangan untuk memperkenalkan Sistem Perkhidmatan Awam yang *multimodal* yang mempunyai gabungan pelbagai jenis pengangkutan sama ada penggunaan teksi, *e-Hailing*, *bus* dan seumpamanya. Ini akan secara menyeluruh meliputi juga jenis perkhidmatan yang diberikan oleh “teksi sapu” ini yang ada kaedah yang berlesen dan kaedah yang lebih selamat. Begitulah kali *in terms of* secara masa depan kita mengatasinya.

Dalam pada itu juga, perkhidmatan-perkhidmatan seperti *Dart* atau *e-Hailing* ini sebenarnya adalah salah satu contoh evolusi jenis perkhidmatan teksi *or* kenderaan telah berpindah kepada sistem yang *more customized services or preferred services*. Keperluan penumpang tersebut dapat *dicustomize* kepada kehendak masing-masing melalui sistem *e-Hailing* seperti *Dart* dan seumpamanya. Akan tetapi diambil kira bahawa kos perkhidmatan tersebut pada masa ini adalah sangat tinggi atau mencabar bagi sebahagian golongan penduduk di negara kita.

Dalam pada itu, itulah antara perancangan masa depan menunduki gabungan Sistem Perkhidmatan Awam yang bergabung pelbagai *mode* pengangkutan sama ada ia teksi, *e-Hailing* dan seumpamanya. Perkara ini akan dapat diatasi iaitu orang ramai dapat menggunakan sistem perkhidmatan awam yang lebih kondusif dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** selamat dan terjamin.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengucapkan Selamat Berpuasa bagi yang menunaikannya **لِلَّهِ أَكْبَرُ** lebih dahulu kaola menjunjung atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkaitan dengan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang cukup jelas.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat iaitu Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Penggag 68 – Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya) (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu), 1987.

لِلَّهِ أَكْبَرُ seperti yang dimaklumi Sekolah Memandu ini telah berkuatkuasa pada 1hb. Mac 1987M dan dijalankan oleh warga Negara Brunei Darussalam. Selama ia berjalan, peningkatan bagi memberikan pendidikan dengan Peraturan-Peraturan Jalan Raya lebih teratur dan bersistem ke arah menjadikan jalan raya adalah selamat untuk digunakan semua.

Penyediaan litar di Daerah Brunei dan Muara juga telah memberikan kesempurnaan dalam menjalankan latihan memandu sebelum membuat latihan di jalan raya yang sebenar. Dicapangkan litar ini untuk dilaratkan ke daerah-daerah yang lain.

Dalam Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Penggag 68 - Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya) (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu), 1987 iaitu para 4 (1) (A) "Tiada seorang pun boleh menjalankan sesuatu Sekolah Memandu kecuali jika ada berkaitan dengannya suatu *permit* yang diberi". Kemudian para 6 (C) bahawa "*permit* itu hanya sah bagi firma atau syarikat atas namanya dan tidak boleh dipindah milik". Jadi, sehubungan dengan Akta para 6 (C) "*permit* tidak boleh dipindah milik", dicapangkan untuk dinilai ataupun dipinda seperti: Menggunakan "kaedah berkelayakan (*competent*)" agar ia dapat beroperasi seperti sedia kala dan tidak menjejaskan pembelajaran para pelajar apabila masih mempunyai seorang atau mempunyai pelajar di sekolah tersebut (yang berkelayakan) seperti jurulatih yang telah dilantik dan berpengalaman.

Memandangkan banyak sekolah memandu yang beroperasi terpaksa tutup apabila pemilik (pengusaha) meninggal dunia. Dalam tempoh kebelakangan yang terdekat, beberapa buah sekolah memandu tidak dapat meneruskan operasi dan menjejaskan sumber mata pencarian para jurulatih dan kakitangan dalam Sekolah Memandu tersebut.

Kesan daripada ini juga segala aset seperti bangunan yang telah disarankan untuk beroperasi di tapak yang bersyarat perniagaan, bilik kelas memandu, kelas teori kemudian kenderaan tidak berubah sehinggalah menjadi beban pewaris atau penjamin jika masih mempunyai pinjaman bank. Begitu juga, para pengusaha merasa bimbang untuk mengembangluaskan kemajuan sekolah secara besar-besaran memandangkan Akta ini boleh menjadikan sekatan untuk bergerak maju ke hadapan. Dipohonkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menilai semula untuk mengemas kini bagi kebaikan semua pihak.

Begitu juga pemohon untuk mendapatkan *permit* pengusaha memandu dan jurulatih memandu mengambil masa sehingga beberapa tahun. Memandangkan pengusaha ini boleh memberikan ruang pekerjaan kepada orang kita, tambahan bagi jawatan pembantu jurulatih jika dibukakan boleh memberikan ruang pekerjaan di samping dapat membantu perusahaan melicinkan pengurusan sebagaimana kehendak kerajaan untuk

dapat memberikan pekerjaan di sektor swasta terutama dalam industri pelesenan. Jadi dalam hubungan ini juga, pihak urus setia harus bersedia bagi mengimbangi pertambahan ini seperti Penolong Penguji, Penyelia Penguji dan sebagainya berkaitan bagi menampung perkembangan penduduk.

Mengikut pengamatan semasa, kebanyakan kenderaan pada masa ini adalah "automatik". Jadi bagi memenuhi keperluan dan permintaan orang ramai, dapatlah kiranya pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menambah lagi kelas lesen memandu "automatik" sebagaimana negara-negara lain telah pun menggunakan kenderaan "automatik" iaitu dalam latihan dan ujian memandu tanpa syarat.

Dalam pada itu juga kebanyakan pemandu tidak lagi memandu kenderaan manual, tidak mempunyai kenderaan manual dan pihak kementerian sendiri pun maklum jumlah pendaftaran kenderaan manual di Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat. *I think* tadi saranan-saranan dan cadangan-cadangan Yang Berhormat tersebut diambil baik dan 'terkaduhung' juga memangnya kementerian pada tahun ini akan menduduki semula lagi ataupun *mereview* "sekolah memandu" ini dan juga pengawalseliaannya. Oleh yang

demikian, perkara-perkara yang telah dikongsikan itu akan dapat diambil kira bersama.

Untuk menyentuh sedikit mengenai pindah milik memang mengikut peraturan ia tidaklah dijatuhkan nama pada individu tertentu tetapi pada masa ini ia adalah dibenarkan secara pentadbiran atau ihsan untuk dipindah milik sementara perubahan yang diperlukan yang dibuat.

Pada masa yang sama cadangan untuk memperkenalkan kategori "lesen automatik" adalah memang dalam pertimbangan pada masa ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dikongsikan kemajuan, iaitu hasil daripada penilaian yang telah dibuat pada masa ini.

Untuk makluman, draf awal kertas kerja telah juga disediakan bagi cadangan untuk mengadakan Lesen Memandu Kelas '3' Automatik ataupun Kelas '3A' yang akan dibincangkan dahulu bersama Jawatankuasa Kenderaan Bermotor Permit atau dalam Jawatankuasa Kenderaan Bermotor yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan permit sekolah memandu.

Ahli Jawatankuasa berkenaan telah sebenarnya bersidang pada tahun lepas dan mereka telah menyokong untuk penggubalan undang-undang, *Road Transport Act* untuk membolehkan juga dibukakan tawaran kepada pengusaha yang sedia ada untuk memasukkan Kelas '3A' dalam kurikulum "sekolah

memandu" dan membeli kenderaan "automatik" untuk pembelajaran.

Sekianlah saja, dikongsikan perkembangan mengenainya setakat ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

lebih dahulu kaola merakamkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang begitu jelas dan komperhensif. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negeri Brunei Darussalam telah 'memberigakan' penggunaan "jaket keselamatan" yang betul boleh membantu mengurangkan risiko kemalangan maut.

Pengusaha teksi air sering digesa supaya sentiasa memakai "jaket keselamatan" dan mematuhi peraturan. Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negeri Brunei Darussalam mengingatkan pengusaha dan penumpang bot supaya sentiasa menggunakan "jaket keselamatan", peralatan keselamatan dan memastikan ia berada dalam keadaan baik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Memakai "jaket keselamatan" harus dijadikan sebagai sebahagian daripada rutin. Adalah penting untuk memakai "jaket keselamatan" kerana seseorang tidak dapat memastikan bila kemalangan

boleh berlaku. Pengusaha bot telah diingatkan supaya tidak membebankan bot mereka dengan penumpang.

Semua pengangkutan air terutamanya bot mudah terdedah kepada bahaya dan cuaca serta keadaan air yang tidak stabil. "Jaket keselamatan" penyelamat dan membantu pemakai untuk terus bertahan supaya mereka mudah diselamatkan. Soalan kaola, apakah tindak balas daripada orang ramai setelah usaha-usaha ini dibuat, barangkali ada perancangan lain supaya orang ramai patuh untuk memakai "jaket keselamatan" ini?

سَکِیْنٌ وَٱلسَّلَامُ عَلَیْکُمْ وَرَحْمَةُ ٱللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ . Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Pihak MPBD memang mengambil berat tentang usaha kepada masyarakat mengenai keselamatan perahu di Kampung Air khususnya juga dengan pemakaian *life jacket*.

Antara usaha yang telah 'diungkayahkan' masa ke masa adalah mengenai kesedaran awam melalui media sosial, mengeluarkan poster dan juga video keselamatan kapal melalui televisyen, stesen radio, surat khabar dan seumpamanya.

Bahagian penguat kuasa pihak MPBD dengan secara berterusan juga telah mengadakan operasi penguatkuasaan

ataupun *inspection* dari semasa ke semasa secara persendirian dan juga bersepadu. Pada ketika ini pihak MPBD juga secara berhemah memberi teguran dan pendidikan akan kepentingan mengenai dengan pemakaian *life jacket* ini.

Dari hasil 'pemberigaan' dan operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan jumlah *feedback* orang ramai terhadap penggunaan *life jacket* ini walaupun diakui sangat berguna, didapati juga mereka menyatakannya kurang selesa dan juga mempunyai kos dan seumpamanya. Tapi إِنَّ شَاءَ ٱللّٰهُ dengan 'pemberigaan' kepentingan untuk memakai *life jacket* ini "harga nyawa" adalah lebih tinggi daripada ketidakselesaian mahupun rasa kurang enak memakai *life jacket* itu.

إِنَّ شَاءَ ٱللّٰهُ disarankan kepada individu untuk akan meneruskan lagi atau mempertingkatkan lagi kegiatan pemeriksaan dan juga 'pemberigaan' mengenai kepentingan untuk memakai *life jacket* ini dari masa ke masa kerana ia masih pada tahap yang masih memuaskan dari tinjauan pada masa ini. Sekian dikongsikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ ٱللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat, Salam Ramadan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ semua.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, penjelasan dan penerangan berkaitan dan perkembangan hala tuju kementerian dalam sama-sama mencapai matlamat negara *smart nation* ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Bukan saja semasa mukadimah tadi tapi juga semasa Sesi Muzakarah mempengerusikan arah tuju serta cabaran-cabaran yang harus dihadapi serta carta *risk matrix*, satu-satunya kementerian yang menggunakan carta *risk* dan *top ten KPI* yang ingin dicapai. Menyahut saranan Yang Berhormat Pengerusi sebab kesuntukan masa maka kaola akan menyentuh beberapa isu sahaja dan selanjutnya akan kaola/saya susuli secara bertulis atau berhubung terus berlanjutan bersama kementerian, اِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

1. *KPI* menaikkan *connectivity* dalam menggunakan laluan bas awam. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ banyak sudah kita bincangkan tentang laluan bas, *public transport*. Maka kaola ingin memberi sedikit alternatif *view point*. Kaola pun teruja satu daripada *KPI* kementerian untuk meningkatkan aktiviti laluan bas dan semasa Sesi Muzakarah hajat kementerian secara berfasa inisiatif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ini pengangkutan semasa negara.

Mohon pihak kementerian boleh 'memberigakan' *master plan* setelah ia 'diberigakan' dan ditunduki lagi semula. Rancangan pengangkutan negara untuk menyediakan perhubungan untuk orang ramai yang cekap, mudah, selamat, murah dan selesa (*reliable, accessible, save, cheap and comfortable*). Selaras dengan inisiatif kementerian untuk menyediakan prasarana *intelligence transport system live tracking* menolong pengusaha bas meneliti kegunaan bas dan *live tracking* kereta-kereta kecemasan, اِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

- i. Cadangan: Sementara menunggu implementasi pelan induk yang akan ditunduki diberi nafas baharu untuk *implementation* diserapkan di seluruh negara. Kaola/saya cadangkan supaya kementerian membuka peringkat pertandingan untuk mencipta "*apps*" peringkat sekolah ataupun awam untuk cipta *best application handphone base* yang dapat menunjukkan jadual, jalan tempat, menunggu bas, *public transport* yang cekap, cepat dan murah (*reliable, fast and cheap road*) bermula dari tempat skim perumahan ke sekolah-sekolah, ke hospital, ke tempat-tempat agensi kerajaan yang banyak dikunjungi awam seperti tempat membuat *passport*, urusan perumahan, elektrik, air dan tempat-tempat perniagaan.;

- ii. Kaola/saya berpandangan baik inisiatif kerajaan secara langsung atau melibatkan *GLC's* untuk memulakan inisiatif menyediakan prasarana *infrastructure, facilities* dan *service* menguji konsep dan *availability* laluan iaitu *proof of concept, proof of availability of road* sambil menaikkan *target* jumlah *customer* pengguna-pengguna bas (*customer base*) dan percaya akan memakai bas secara pengguna pilihan (*transport of choice*). Sebelum memberi projek ini kepada *PPP* atau *Public Enterprise*.

Sebelum ada agensi kerajaan berkeluh mengatakan *public bus transportation* akan menambah beban dan perbelanjaan negara, barangkali ada baiknya kita imbas kembali kepada kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam apabila membina Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Daerah Temburong dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Sungai Kebun. Bukan sebab kita fikir bahawa ada *return of investment* daripada jambatan-jambatan itu tetapi sebagai sebuah kerajaan yang perlu mengadakan penghubung yang mudah dan selamat.

Tentu sekali perkembangan Daerah Temburong dan seberang

Sungai Kebun *economic grow* atau *productivity* negara *cost of avoidance* daripada pusing berjalan jauh, walaupun tidak dapat dinilai tetapi tentu dapat dirasai disebabkan keadaan *infrastructure* yang begini.

Public transport yang *effective* murah, cekap, selamat dan selesa apabila dapat 'diusai' dan diusahakan akan lebih menarik lagi ramai *public transport* dan akan menurunkan penggunaan kereta persendirian dan secara tidak langsung akan menurunkan subsidi kerajaan dalam harga *petrol*; dan

- iii. Sebagai *input* dalam Pelan Induk Sistem Pengangkutan Awam yang akan ditunduki semula. Sebagaimana yang kaola/saya sarankan pada Sesi Muzakarah, 'bisai' kali warga kementerian cuba naik menggunakan *public transport* yang ada pada masa sekarang ini dari tempat skim perumahan ke mana-mana tempat ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ataupun supaya kita dapat memahami kenapa orang ramai tidak mahu memakai *public transport*. *Indicator* pada masa sekarang ini mungkin sebab-sebabnya mengapa orang ramai tidak percaya untuk menggunakan *public transport*.

2. *Digital of Economy Master Plan Smart Nation* negara pintar *cyber security*. Menambah sedikit fasal *Cyber Security*. Satu perkara negatif *impact* sebab memperluas gunakan digital dalam perhubungan dan ekonomi ialah *cybercrime* iaitu *hacking data scam* seperti apa yang pernah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebelumnya.

Soalan kaola/saya mohon pencerahan ialah selain meningkatkan kefahaman dan kewaspadaan pengguna-pengguna, bolehkah pihak *authority* dalam *MTIC* dan *FDI* untuk memberi *forensic evidence* apabila berlakunya jenayah *scam*, membantu *victim*, membuat laporan kes kepada polis dan lebih penting lagi untuk membantu mengesan dan menolong mengembalikan wang yang telah *discam*;

3. Tahniah menggunakan carta *risk best matrix* untuk memantau keupayaan kementerian untuk mencapai matlamat dan *memprioritize activity* dan *focus area*. Kaola/saya cadangkan untuk meneliti kesesuaian kementerian untuk adakan *contingency plan* untuk *safety* atau *professional critical areas* bila berlakunya *double JPD*. Umpamanya apabila *control* dalam kementerian sistem 'kitani' yang bergantung sepenuhnya pada digital di *hacked* dan dalam waktu yang sama *power electric* atau *communication system*

yang lain hilang, macam mana 'kitani' bertindak.; dan

4. *Just for info*. Untuk menambah sedikit *idea* untuk dimasukkan dalam pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya, fikir kesesuaiannya, memasang *CCTV* pada tempat-tempat yang diketahui *accident prone* seperti tempat-tempat selalu *traffic light* yang kaola fahamkan dan rasai sendiri terlalu ramai orang yang cuba untuk membid *traffic red light, yellow is reading fast, red is for passing through*:
- i. Tempat *U-turn* di jalan *highway* diketahui kereta tidak banyak ikut *speed limit*;
 - ii. Untuk *consistent* kualiti, *inspection* kereta swasta perlu dipantau dan mungkin diadakan *independence auditing* sebab adakalanya terjumpa kenderaan yang diragui *work warranty*nya walaupun sudah pas *inspection*.; dan
 - iii. Kereta berat yang membawa *cargo* dari negara luar yang melintas negara 'kitani' pastikan menggunakan *standard* supaya memakai kontena yang dapat dikunci dan tidak dibenarkan menggunakan *cargo* ditutup dengan *canvas* semata-mata.

Itu sahaja, yang lainnya kaola/saya akan berbincang *direct* kepada kementerian.
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengersi dan terima kasih Yang Berhormat.

Berhubung dengan penyediaan Sistem Perkhidmatan Awam sepertimana yang dikongsikan. Memang ia akan melibatkan perundingan bersama pihak-pihak berkepentingan dan juga *input* daripada pakar-pakar tertentu dalam mewujudkan sistem yang sesuai di negara 'kitani' sepertimana juga yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat untuk mencapai sistem yang efisien, cekap, bersih dan *accessible*. Itu memanglah hasrat yang ingin dicapai dalam menggubal strategi yang akan diberikan nafas baharu dan dalam penyediaan RKN-12 nanti.

Pada masa yang sama, berhubung dengan sementara menanti penyediaan sistem yang lebih komprehensif tersebut adalah dikongsikan bahawa projek-projek penambahbaikan kepada perhentian-perhentian bas dan seumpunya akan terus dijalankan termasuklah juga *bus terminals* yang terletak di Pekan Tutong dan juga mewujudkan *bus terminal* di Pekan Bangar, Daerah Temburong dan seumpunya.

Mengenai "*apps*", pada masa ini dengan kerjasama kerajaan Jepun 'kitani' telah melaksanakan matlamat "*Smart Mobility Operation Cloud (SMOC)*" yang dalam penyediaan *bus passenger information system* yang memberikan maklumat mengenai keberadaan sesebuah bas tersebut dan juga laluan-laluan yang

digunakan oleh bas-bas tersebut. Tidak dapat dinafikan hasil daripada dapatan-dapatan projek rintis tersebut, boleh dikatakan Sistem Pengangkutan Awam *nearly non existence in terms of reliability*. Itu tidak dapat dinafikan.

Berhubung dengan *cyber crime*, pada masa ini *Cyber Security Order* masih lagi pada tahap akhir penggubalannya. Undang-undang yang sedia ada pada masa ini juga boleh digunakan bagi mana-mana kesalahan yang berkaitan dengannya *cyber crime* tersebut seperti *Penal Code*, *Computer Misuse Act* dan juga *Public Order* dan sebagainya.

Bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya pihak *CSB*, akan bekerjasama dengan pihak polis bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan bagi mana-mana kesalahan-kesalahan yang berkaitan.

Dalam hal ini juga, terdapat keperluan untuk penyiasatan jenayah siber secara rentas sempadan. Dalam hubungan ini, *CSB* melalui *National Digital Forensic Lab*, yang telah ditubuhkan secara rasmi akan bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei selaku *National Central Bureau Interpol* bagi Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan penyiasatan berkenaan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dan agensi siber di luar negeri.

Dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2018 hingga bulan Januari 2023, *NDFL* telah berjaya mengendalikan sebanyak 561

buah kes, sama ada yang berupa *cyber enable crime* dan juga *cyber dependent crime* dari agensi-agensi penguat kuasa undang-undang. Ini melibatkan sebanyak 2,641-unit *digital evidence* pelbagai jenis seperti *computer, mobile phones, storage media, digital services* dan lain-lain telah digunakan untuk mendapatkan akreditasi *ISO 17025:2017* dalam bidang *forensic testing* dari American *National Standards Institute* iaitu adalah *National Accreditation Board* pada tahun 2022.

CSB juga telah berjaya mendapat pensijilan bagi *information security management* untuk ketiga-tiga perkhidmatan terasnya iaitu *BruCERT, WC* dan juga *NDFL* pada Januari 2023. Amalan-amalan yang terbaik dan yang terbit daripada dua pencapaian ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menjadikan CSB sebuah agensi yang lebih berintegriti, berkaliber dan sentiasa bersikap objektif dalam menangi isu-isu *cyber-crime* yang berkaitan.

Berhubung dengan *business continuity plan* sepertimana Yang Berhormat telah menyuarakan, dalam *risk matrix* yang telah digubal oleh MTIC memangnya mengenal pasti dari segi *business continuity plan* yang perlu diwujudkan. Ini termasuk juga *continuity* sekiranya sistem-sistem digital tidak beroperasi.

Contohnya, ini memerlukan untuk kembali kepada sistem *manual*, jadinya pelan-pelan *contingency* ini sedang juga ditunduki bagi mana-mana *critical operations* pelbagai jabatan di bawah

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Selanjutnya mengenai kawasan-kawasan berbahaya seperti yang dikongsikan tadi, Majlis Keselamatan Jalan Raya ada menunduki atau membuat lawatan-lawatan, mencadangkan apa-apa jua penambahbaikan pada kawasan-kawasan yang cenderung berlakunya kemalangan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ berkaitan dengan penubuhan atau pemasangan *CCTV* di kawasan-kawasan tertentu, ini juga mungkin dalam perancangan di bawah *National Surveillance System* yang masih dalam pelaksanaan pada masa ini. Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkenaan dengan perancangan "Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024. Koala mengharapkan agar semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang kita sedia maklum, jumlah kenderaan di Negara Brunei Darussalam kian hari semakin bertambah. Ini boleh dilihat pada setiap hari terutama sekali pada waktu-waktu puncak. Negara lain di seluruh dunia telah berusaha ke arah mengurangkan kepadatan kenderaan terutama sekali di kawasan bandar dengan pelbagai cara melalui pelan-pelan strategik jangka panjang termasuklah mempertingkatkan kualiti kemudahan pengangkutan awam di setiap kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk dengan membandarkan kawasan-kawasan kampung bagi mengurangkan kepadatan tertumpu di satu kawasan memperkenalkan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih selesa dan selamat dan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik bagi mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar disebabkan pengeluaran karbon kenderaan yang berlebihan.

Apakah perancangan jangka sederhana dan panjang pihak kerajaan dalam meningkatkan sistem jalan dan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih bersistematik dan moden dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif ke arah melestarikan Negara Brunei Darussalam?.

Setakat ini, ada berapakah syarikat-syarikat pengangkutan awam beroperasi dan apakah pihak-pihak berkenaan pernah mengadakan kaji selidik berkenaan dengan *feedback* orang ramai

tentang Sistem Pengangkutan Awam di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat. Berhubung dengan Sistem Perhubungan Awam, sudah kita bincangkan dengan panjang lebar dan terkandung dalam mukadimah, mungkin sudah terjawab tetapi tambahan saja dari segi tindakan jangka pendek sepertimana saya ingin mengongsikan, terdapat juga beberapa projek penaiktarafan yang akan dilakukan contohnya, menaik taraf bangunan fasiliti dan kawasan terminal bas di Pekan Seria, menaik taraf bangunan fasiliti dan kawasan terminal bas di Kuala Belait, pengemaskinian tiang-tiang perhentian bas bagi laluan-laluan bas yang sedia ada. Pada masa yang sama, membangunkan sistem maklumat penumpang bas ini adalah lanjutan daripada projek rintis yang berjalan pada masa ini.

Selanjutnya mengenai berapa syarikat pengangkutan awam yang beroperasi, sukacita mengongsikan bahawa jumlah perkhidmatan pada masa ini adalah seperti berikut:

1. Bas Awam *Intra-District*, sebanyak 5 pengusaha di Daerah Brunei dan Muara yang mengoperasikan 6 laluan iaitu *Northern Line*, *Southern Line*,

Eastern Line, Circle Line dan Central Business Line.;

2. Di Daerah Belait terdapat satu pengusaha yang mengoperasikan 2 laluan iaitu Laluan Keliling Kuala Belait dan Laluan Keliling Pekan Seria.; dan
3. Manakala Bas Awam *Inter-District*, terdapat 5 pengusaha bagi laluan Bandar Seri Begawan dan Pekan Seria.

Sebagai tambahan juga dikongsikan pada masa ini terdapat 47 orang pemandu teksi yang berdaftar dan setakat September 2022 terdapat 362 orang pemandu *Dart*.

Seterusnya, mengenai sama ada *MTIC* mengadakan kaji selidik berkenaan dengan *feedback* orang ramai tentang Sistem Pengangkutan Awam. *MTIC* melalui Jabatan Pengangkutan Darat telah dan sedang meneliti laluan-laluan dan *facility* pengangkutan awam.

Pada masa ini, terdapat sejumlah 5 pengusaha bas Negara Brunei Darussalam dan juga dengan kerjasama *Zenmov Inc. Japan* telah menandatangani satu *memorandum of cooperation* dengan *MTIC, Negara Brunei Darussalam* dalam inisiatif *Smart City Project*. Projek ini bertujuan untuk mengetahui operasi laluan bas awam dan jumlah penumpang bagi setiap laluan dengan menggunakan aplikasi mudah alih *Smart Mobility Operation Cloud*.

Untuk makluman, seramai 9 orang pegawai-pegawai *i-Ready* dalam penempatan kerja di Jabatan Pengangkutan Darat yang diselia oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Darat akan melaksanakan inisiatif untuk meninjau, menerokai dan menganalisis semua *facility* pengangkutan awam, perhentian bas dan juga jarak lokasi perhentian bas dan penomboran perhentian bas. Dapatan daripada fokus *group* ini akan nanti digunakan sebagai *input* dalam menunduki lagi strategi penubuhan Sistem Pengangkutan Awam pada masa akan datang. Itulah sahaja dikongsikan buat masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhirnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola merakam ucapan terima kasih atas mukadimah yang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkenaan inisiatif-inisiatif perancangan ke arah memberikan perkhidmatan yang berkualiti, semoga semua perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya . إِنَّ شَاءَ اللَّهُ .

Kaola terus sahaja menyentuh mengenai dengan isu yang sering disuarakan oleh orang ramai berkenaan dengan

kemudahan bas awam yang beroperasi di kampung-kampung yang perkhidmatan bas awam ini tidak menampakkan peningkatan penambahbaikan dari segi jadual perkhidmatan untuk membawa penumpang.

Orang ramai masih lagi menunggu terlalu lama dengan jadual perkhidmatan yang tidak mesra pelanggan. Selain itu juga informasi berkenaan dengan jadual waktu bas perkhidmatan awam yang dipaparkan secara fizikal juga tidak diperolehi terutama sekali di kawasan-kawasan tertentu.

Situasi ini tidak membantu ke arah meningkatkan kualiti pengangkutan awam dan menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Sehubungan itu, apakah usaha-usaha pihak kerajaan ke arah meningkatkan lagi kemudahan bas-bas awam di kawasan luar bandar?

Selain stesen bas yang terletak di Bandar Seri Begawan, apakah ada perancangan bagi mewujudkan stesen-stesen bas yang serba lengkap di kawasan pertengahan yang strategik berfungsi sebagai *interchange* atau *interlane bus* ke destinasi-destinasi seperti di kawasan Sengkurong Daerah Brunei Muara dan Pekan Tutong Daerah Tutong?.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas soalan yang ditujukan kepada kaola.

Kembali kepada Sistem Perkhidmatan Pengangkutan Awam atau terutamanya mengenai bas. Sudah terang dan nyata menyatakan apa yang dapat disaksikan bahawa model tradisional sistem bas tidak akan membuahkan hasil yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, itulah pemikiran awal untuk mewujudkan sistem gabungan *mode transport* dari segi *e-Hailing share-ride* dan dengan seumpamanya.

Sebagai contoh *share-ride* merupakan kenderaan bas kecil mungkin lebih bersesuaian bagi kawasan-kawasan pedalaman atau kawasan-kawasan kampung berbanding dengan sistem pengangkutan bas. Dari data-data yang dikumpul bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara telah menunjukkan *occupancy riders* di dalam sebuah kenderaan atau sebuah bas tersebut adalah sangat rendah.

Oleh yang demikian, mungkin kaedah penggunaan kenderaan lebih kecil seperti dapat menghalalkan 'teksi sapu' ini jadikannya sistem yang berlesen. Ia ada *demand* untuk jenis pengangkutan sedemikian.

Mungkin jika ia diperkenalkan, sistem pengangkutan yang dapat kita kawal dapat menjamin keselamatan para

pengguna dan juga para pemandu إِنَّ شَاءَ اللَّهُ itulah mungkin dapat ditunduki pada masa hadapan.

Apa yang saya maksudkan tidak dapat digunakan model Sistem Pengangkutan Awam yang kita lihat di luar negeri terus 100% dapat diadapt ke negara kita.

Oleh yang demikian, kita mestilah menyesuaikan kepada keadaan pembangunan bandar raya dari segi infrastruktur dan juga sosioekonomi kita.

Jadinya, satu sistem yang lebih sesuai kepada negara 'kitani', itulah yang mungkin dihasratkan dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dengan apa yang dikongsikan dengan ada proses perundingan, permuzakarah dan mendapat *feedback* daripada orang ramai dan pengguna إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita dapat mewujudkan sistem yang bersesuaian untuk negara 'kitani'.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang telah pun menjawab soalan-soalan secara konsisten dan pada pandangan saya tepat. Maka saya kira cukuplah sekian kita berunding mengenai Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat tibalah masanya bagi

kita untuk mengundi sama ada Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ini kita luluskan atau sebaliknya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju maka Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita berunding pada tengah hari ini.

Maka saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis
sekarang bersidang dalam Majlis
Mesyuarat Negara.

Pada pandangan saya, cukuplah dulu kita
berunding pada hari ini dan saya ingin
menangguhkan Mesyuarat kita ini.
إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bermesyuarat
lagi pada hari Isnin, 27hb. Mac 2023,
seperti biasa mulai pukul 10.00 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 5hb. Ramadhan 1444H/27hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKLP., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang ketujuh belas, Isnin, 5hb. Ramadan 1444H bersamaan 27hb. Mac 2023M, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَللّٰهُمَّ , kita bersyukur ke hadrat ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama lagi hadir pada pagi ini

bersidang bagi hari yang ketujuh belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah pun selesai dikemukakan dalam Bacaan Kali Pertama dan Bacaan Kali Kedua oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan

Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu.

بِسْمِ اللَّهِ Mesyuarat Jawatankuasa telah kita adakan pada hari Sabtu yang lalu dan kita telah selesai membahaskan dan meluluskan Belanjawan kementerian-kementerian yang besar. Sekarang kita akan beralih ke tajuk selanjutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Dimuliakan Jurutulis kita sekarang membahaskan Jadual Kemajuan.

Sebelum Tajuk Kemajuan ini kita bukaan untuk dibahaskan seperti lazimnya. Saya ingin memberikan laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menyampaikan mukadimahnya tentang Belanjawan Kemajuan yang disediakan.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

سَمِ اللَّهُ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Sukacita kaola mengucapkan Selamat Berpuasa kepada Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua yang ada

di Dewan yang mulia ini. Semoga semua amal ibadah diterima dan sentiasa di bawah rahmat الله jua.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang kaola telah sampaikan semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 pada 6hb. Mac 2023 yang lalu Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan bagi pelanjutan tempoh Rancangan Kemajuan Negara atau RKN-11 selama satu tahun lagi iaitu sehingga penghujung Tahun Kewangan 2023/2024.

Pelanjutan ini adalah mengambil kira keupayaan kementerian-kementerian untuk menyelesaikan projek-projek RKN-11 yang masih dalam perlaksanaan serta memberikan peluang kepada kementerian-kementerian untuk meneliti semula projek-projek baharu yang dipohonkan di bawah RKN-12 nanti agar mempunyai impak yang positif kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Selain itu, keupayaan kementerian-kementerian dalam melaksanakan projek-projek adalah bergantung pada beberapa faktor. Antaranya seperti:-

- Kerja-kerja awal termasuk penentuan keperluan reka bentuk.;
- Penyesuaian tapak.;
- Penyediaan dokumen-dokumen projek dan; dan

- Penyelarasan projek-projek yang boleh diguna sama.

Bagi Tahun Kewangan 2023/2024, sejumlah \$500 juta telah diperuntukkan bagi Belanjawan Kemajuan untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan di bawah RKN-11 yang setakat ini melibatkan sebanyak 211 projek termasuk sejumlah 28 projek baharu yang telah diluluskan.

Projek-projek baharu yang telah diluluskan antara lainnya adalah projek-projek yang mempunyai *high impact* dalam meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) termasuk yang menyumbang kepada *digital transformation* ke arah meningkatkan daya inovasi dan tahap produktiviti negara serta boleh meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Projek-projek di bawah sektor utama ataupun *priority sectors* seperti Sektor Agrimakanan dan Sektor Pembangunan juga telah dikenal pasti bagi menjana lebih banyak aktiviti perekonomian dan *spin off*.

Yang Berhormat Pengerusi. Semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 sebelum ini, kaola telah mengongsikan peruntukan-peruntukan bagi beberapa projek RKN yang telah disediakan. Oleh itu, kaola tidak akan mengulangi lagi dan akan menyebutkan secara ringkas sahaja.

Daripada peruntukan sebanyak \$500 juta yang telah disediakan Sektor Keselamatan disediakan sebanyak \$174.7 juta, Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak \$108.5 juta, Sektor Penggunaan Awam (*public utilities*) disediakan sebanyak \$105.6 juta. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan sebanyak \$57.3 juta. Sektor Perindustrian dan Perdagangan disediakan sebanyak \$20.3 juta. Sektor Bangunan Awam disediakan sebanyak \$14.6 juta, sektor Rampaian termasuk untuk membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan sebanyak \$9.8 juta, Sektor Teknologi Maklumat dan infokomunikasi disediakan sebanyak \$6.2 juta. Sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi disediakan sebanyak \$2.9 juta dan Sektor Pembangunan Modal Insan disediakan sebanyak \$130,000.00.

Dari segi pembahagian peruntukan mengikut prestasi kemajuan projek-projek yang berkenaan sebanyak \$368.1 juta disediakan untuk projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan, sebanyak \$82.1 juta disediakan untuk projek-projek dalam peringkat tawaran.

Sebanyak \$31.3 juta disediakan untuk projek-projek yang masih dalam peringkat reka bentuk dan dalam perancangan. Sebanyak \$14.7 juta disediakan untuk membayar tuntutan *penultimate payment*, *retention money* dan sebagainya iaitu khusus bagi projek-

projek yang telah siap. Sebanyak \$3.8 juta disediakan bagi Simpanan Gagasan.

Yang Berhormat Pengerusi. Daripada 211 buah projek RKN-11 berkenaan sejumlah 45 projek telah siap dilaksanakan secara fizikal. Namun peruntukan masih diperlukan untuk membiayai bayaran-bayaran bagi konsultan, tuntutan terakhir, *retention money* dan sebagainya. Antara projek yang telah selesai adalah Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, menaik taraf Jalan Perindustrian Serasa menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar, pembinaan jejambat di Lebuhraya Muara-Tutong, Persimpangan Kampung Lugu, Skim Pembetungan Kampung Lumut, Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong, Penambahbaikan Sistem *BruHims* dan pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Pekan Bangar.

Sebanyak 75 buah projek sedang dalam pelaksanaan antaranya projek-projek infrastruktur seperti berikut:

- i. Projek Infrastruktur Pendidikan seperti pembinaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan UTB *phase 4 -School of Applied Sciences and Mathematics*;
- ii. Projek Pertanian dan Agrimakanan dan Perikanan seperti membina Skim Perairan Tambahan bagi kawasan penanaman padi di seluruh Daerah Brunei dan Muara dihasratkan untuk mendukung pengeluaran hasil beras. Peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana KDNK termasuk pembekalan tenaga elektrik di Taman Agroteknologi Tungku dan Kampung Batumpu;
- iii. Rancangan Pembangunan Industri ternakan bagi menjana pengeluaran termasuk pembekalan tenaga elektrik di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1 Daerah Belait.;
- iv. Makmal Pusat Penyelidikan Penganalisisan dan Rujukan bagi penyakit ternakan.;
- v. Memajukan dan membuka tapak-tapak bagi Industri Akuakultur termasuk kerja-kerja menyediakan kemudahan asas bagi tapak akuakultur Sungai Mangsalut Kampung Tanah Jambu, Sungai Paku dan Kampung Rampayoh, Daerah Belait dan Program Meningkatkan Pengeluaran Industri Akuakultur termasuk meningkatkan sistem pengairan di kawasan ternakan udang di Pangkalan Sibabau Zon II Kampung Mentiri.;
- vi. Projek Pembekalan Tenaga Elektrik di bawah Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri yang majoriti projek adalah bagi mengukuhkan sistem rangkaian elektrik dan juga projek pengurusan aset dan inventori bekalan tenaga elektrik termasuk pengurusan kawalan rangkaian, pengawasan kawalan dan sistem perolehan data.

- vii. Projek Pembekalan Air, Pengaliran Air dan Pembetulan seperti menaik taraf sungai utama dan anak-anak sungai, pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat '8' Daerah Tutong dan mengganti atau memindah paip-paip utama yang lama bagi semua daerah.
- viii. Projek Pembinaan Masjid Baharu seperti masjid baru RPN Mengkubau, masjid baru RPN Meragang dan masjid baru RPN Lumut. Manakala sebanyak 91 buah projek yang masih dalam pelbagai peringkat seperti perancangan, tawaran dan reka bentuk antaranya menaik taraf infrastruktur rangkaian sekolah kerajaan, masjid baharu RPN Lugu, masjid baharu STKRJ Kampung Telisai, pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong, penempatan Tapak Industri Tanjong Kajar, membaikpulih landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Fasa II, membina Sistem Pengepam Air Mentah Baharu Badas dan memasang paip air mentah dari Badas ke Kawasan SPARK. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 11 projek dalam RKN ke-11 telah dibatalkan mengambil kira bahawa sebanyak 7 buah projek akan dilaksanakan melalui pembiayaan *alternative financing* dan sejumlah 4 buah projek tidak diperlukan lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, jumlah peruntukan RKN yang telah disediakan adalah berasaskan kepada *progress* pelaksanaan projek atau *S-curve* projek-projek yang telah diluluskan yang boleh menyebabkan jumlah peruntukan menjadi tinggi atau rendah berbanding pada tahun-tahun kewangan sebelumnya ataupun berbanding pada RKN-RKN sebelumnya. Peruntukan berdasarkan kepada *S-curve* ini adalah penting bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat digunakan secara optimum.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, seperti lazimnya, Bahagian RKN di Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneruskan perbincangan dengan kementerian - kementerian melalui Jawatankuasa Kerja RKN bagi memastikan pelaksanaan projek adalah mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Progress projek-projek RKN bukan sahaja akan dipantau melalui Jawatankuasa Kerja RKN, malah melalui Mesyuarat Suku Tahun Belanjawan Negara dan Mesyuarat Pemantauan Bulanan serta lawatan ke tapak-tapak projek bersama dengan Pegawai Penyelaras Projek RKN di setiap kementerian.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai mukadimah dalam pembentangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi Tahun Kewangan 2023/2024. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, apa jua persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan Projek Kemajuan ini, kaola yakin rakan-

rakan sejawatan kaola sudah setentunya akan dapat memberikan penjelasan lanjut selaku agensi-agensi pelaksana projek-projek kementerian masing-masing.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai penyediaan Belanjawan Kemajuan adalah jelas dan saya ingin mengingatkan bahawa semasa kita membahaskan dan meneliti Belanjawan kementerian-kementerian yang lalu, Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya telah banyak membahaskan perkara berkenaan dengan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara dan secara tidak langsung telah menyentuh perkara-perkara di bawah Belanjawan Kemajuan yang kita bincangkan sekarang.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan Tajuk Belanjawan Kemajuan ini. Saya juga ingin mengingatkan sekali lagi supaya soalan-soalan ataupun penjelasan-penjelasan biarlah pendek dan terang supaya Rang Undang-Undang di hadapan kita ini akan dapat segera kita selesaikan dan diluluskan pagi ini juga.

Bersama saya di sini ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyuarakan atau suka untuk

membahaskan tajuk ini dan saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada beberapa soalan mohon pencerahan:

1. Tentang sejumlah 91 projek yang masih dalam rangkaian tawaran dan memandangkan tahun ini yang terakhir RKN, kalau projek-projek itu masih dalam rangkaian tawaran atau dalam reka bentuk, adakah ia dapat diusahakan, disiapkan dalam tahun ini juga?;
2. Memandangkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara, "buku biru" yang kita terima tidak menunjukkan status *progress* projek dan perbelanjaannya. Hanya kita tahu Harga Rancangan RKN-11 dan Harga Rancangan dikemas kini dan diluluskan anggarannya, tetapi tidak ada menyatakan status perbelanjaan setakat yang telah dibelanja dan status projek *completion*, jadi kaola yang tidak ada akses *into that information*, tidak dapat menilai keberkesanan atau *viability* projek ini akan selesai. 'Sayang' kalau peruntukan yang disediakan tidak dapat dicapai sepenuhnya.; dan

3. Ada beberapa projek yang kaola mohon pencerahan di bawah Sektor (1) 1105 – Pendidikan. 022 -Kampus Kekal Politeknik di Ikas Bandung. Ikas Bandung ini, adakah ia di Ikas Bandung di Negara Brunei Darussalam atau Ikas Bandung di Indonesia dengan peruntukan sebanyak \$400 ribu.

Yang Berhormat Pengerusi:

Setentunya kita merundingkan mengenai Tajuk-Tajuk Kemajuan yang kita laksanakan di Negara Brunei Darussalam. Jadi Ikas Bandung itu ialah satu kawasan yang terdapat di, *locatiomnya perhaps* boleh dinyatakan kemudian oleh menteri yang berkenaan di mana Ikas Bandung? Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Ada beberapa isu mungkin tidak tahu di mana hendak bertanya. Adakah ini tempatnya ataupun tempat anggaran hasil tahunan kewangan. Kalau tempat ini *appropriate* untuk ditanyakan, kalau tidak saya *reserve that question* dan sekian saja kaola tanyakan, mohon pencerahan. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri & Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima

kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Mengenai sejumlah 91 projek yang belum siap atau dalam pelaksanaan. Jadi digalakkan supaya disiapkan dalam tahun ini. Mungkin sebab sebanyak 91 projek ini belum ada kemajuan yang *significant* adalah disebabkan oleh Pandemik *COVID-19* tiga tahun, *affect progress* projek-projek ini juga. Dalam setahun ini tidak mungkin akan dapat disiapkan tapi yang belum siap boleh di *bring forward* ke RKN-12. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan diusahakan sedapat-dapatnya.

1. Bagi status projek. Pada masa ini seperti yang kaola kongsi tadi, ada yang sudah siap ada yang belum siap. Jadi memang diperuntukkan. Kadang-kadang projek ini sudah dalam waktu pelaksanaan ada isu-isu tambahan seperti tapaknya ataupun *the design* dan sebagainya. Jumlah itu akan dikira berubah, *some* lebih daripada yang diperuntukkan, *some* memerlukan jumlah yang lebih kurang. Kalau ada projek yang menggunakan lebih peruntukan dihadapkan kepada Jawatankuasa Kerja RKN untuk dibincangkan sebelum diluluskan.

Walaupun dikongsi awal sepertimana yang dipohonkan, projek itu *at the end* mungkin berbeza daripada apa yang diperuntukkan. *So I am not sure the objective of why the information is necessary* tapi kalau sekiranya ada *follow up questions* bolehlah Yang

Berhormat *approach* ke kementerian untuk mendapatkan *information* yang lebih lanjut.; dan

2. Mengenai Ikas Bandung. Itu di Daerah Tutong dekat Kampung Lugu, Kampung Katimahar. Mudah-mudahan itu sudah menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Soalan yang pertama kaola ialah berkenaan dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Di bawah Kod/Akaun 1101 di mana Perancangan Pembangunan Industri ternakan bagi menjana \$106.8 juta pada tahun 2015 kepada \$300 juta pada tahun 2020 telah diperuntukkan. Harga Rancangan sebanyak \$26 juta. Walau bagaimanapun hanya \$4.5 juta sahaja diperlukan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 ini melalui Kod/Akaun 1101/004.

Soalan kaola:

1. Adakah ini khusus untuk menyambung projek sejak 2015 yang mungkin tertunggak sahaja atau adakah ia sudah mengambil kira

keperluan-keperluan semasa pengusaha pada masa ini yang memerlukan sokongan dan dukungan dalam mempertingkatkan lagi produktiviti pengeluaran tanaman dan ternakan? Adakah jumlah ini cukup?; dan

2. Adakah dalam membuat perkiraan keperluan itu sudah bermuzakarah dengan semua penternak, peladang dan pihak berkepentingan dalam sektor pertanian?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Itu saja.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang ditujukan berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi menjana pengeluaran sebanyak \$106.8 juta pada tahun 2015 kepada sebanyak \$300 juta pada tahun 2020.

Berkenaan dengan projek-projek yang ada pada masa ini terdapat beberapa projek *both* baharu dan lama. Projek ini berpandukan kepada *requirement* daripada pengusaha-pengusaha. Ertinya sebelum kita melaksanakan projek ada konsultasi dengan pihak-pihak pengusaha. *We need to know* 'bisdiurang' punya *requirement*. Kalau tidak tahu *requirementnya* 'bisdiurang' payah kita membuat projek, payah kita membuat *specificatiomnya* juga.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ bagi Projek Industri Ternakan ini bagi anggaran Belanjawan 2023/2024 sebanyak \$4.5 juta lebih disediakan iaitu bagi menyediakan dan meningkatkan kemudahan Infrastruktur Asas seperti *substation*, jalan raya, perparitan dan air bagi KKP Merangking, Kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tuah, Kawasan Kemajuan Pertanian Maraburong dan juga Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitos. Itulah projek yang akan di *focus* dalam tahun ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri & Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Untuk menambah lagi mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat. Kalau peruntukan dalam setahun untuk Rancangan Kemajuan Negara, jika sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan lagi إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini boleh dibawa ke Jawatankuasa Kerja RKN untuk sama-sama berbincang supaya keperluan boleh ditambah lagi.

Tidak terjadi projek itu tertahan oleh sebab habis peruntukan. Projek Kemajuan ini diteruskan maju bukannya oleh sebab tidak ada peruntukan yang mencukupi projek itu terhad ataupun tidak dapat diteruskan. Memang jumlah \$26 juta itu disediakan untuk inisiatif ini. Jadi kalau sekiranya sebanyak \$26 juta itu tidak cukup kalau ada kepentingannya boleh difikirkan juga إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan untuk kaola menyertai perbincangan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah yang begitu jelas, padat dan terperinci. Kaola hanyalah akan membuat ulasan menyeluruh dan ringkas sahaja di samping mengajukan beberapa saranan Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ pada Tahun Kewangan 2023/2024 jumlah yang diperuntukkan bagi kumpulan wang Kemajuan nampaknya telah ditambah iaitu daripada sebanyak \$350 juta kepada sejumlah \$500 juta. Kaola memahami bahawa langkah berhati-hati ini adalah sebagai usaha kerajaan untuk memastikan

bahawa kadar defisit negara akan lebih terkawal, terutama dalam keadaan harga minyak global yang begitu *volatile* pada waktu ini, ditambah dengan kadar penghasilan yang kurang menggalakkan pada ketika ini.

اَللّٰهُمَّ kaola perhatikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih lagi melaksanakan langkah *fiscal consolidation* yang telah diperkenalkan semenjak Tahun Kewangan 2007.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, objektif langkah ini ialah bagi mengawal tahap perbelanjaan agar sentiasa berada pada paras yang *sustainable* dalam jangka panjang bagi membantu memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan kerajaan. Mudahan-mudahan jumlah ini akan dibelanjakan secara berhemah pada perkara-perkara yang mendatangkan impak yang besar untuk kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan bagi mengelakkan *wastages*.

Dalam hubungan ini, kaola mengambil maklum yang sejumlah 45 buah projek telah pun selesai dilaksanakan dan sebanyak 91 buah projek masih lagi di peringkat awal pelaksanaannya. Oleh itu, kaola hanya ingin mengetahui berapakah jumlah projek dan program yang dijangka akan dibawa ke hadapan dari RKN-11 ke RKN-12, dari segi bilangan dan nilainya?

Maklumat ini adalah penting supaya jumlah projek atau program yang baharu

akan bertambah dan bertindak selaku penggerak dan pemangkin dalam merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi negara lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang masih lagi bersifat *public-sector driven* dan banyak bergantung pada suntikan Belanjawan kerajaan dalam menjana pertumbuhan dan peluasan aktiviti ekonomi negara.

Capital expenditure ini adalah penting sebagai asas kepada *capital formation* yang kesan *spin-off*nya dan *multiplier effect*nya sangat besar impaknya memandangkan sektor swasta yang belum begitu matang dan mantap. Kita berharap kekurangan suntikan kerajaan ini akan ditampung oleh pelaburan dari aktiviti-aktiviti syarikat milik kerajaan atau *GLC's* dan Pelaburan Langsung Asing baharu di negara ini dalam sektor-sektor yang telah dikenal pasti dalam peta jalan industri yang telah digubal.

Ke arah itu, kaola cadangkan supaya dasar dan peraturan yang khusus perlulah digubal yang menghendaki mana-mana projek yang bakal dilaksanakan oleh *GLC's* dan *FDI's* akan mengandungi *local development content* sebagai langkah untuk memberikan peluang perniagaan kepada firma-firma, konsultan, syarikat-syarikat tempatan supaya industri pembinaan dan perkhidmatan yang berkaitan akan dapat *direvive* dan *sustainable*.

Kita sudah pernah melaksanakan perkara ini dalam pembinaan projek-projek yang berskala besar pada berkolaborasi antara firma antarabangsa dan firma

tempatan telah dilakukan. Begitu juga antara pemborong antarabangsa dan pemborong tempatan, ini termasuk lantikan *site staff* yang terdiri dari gabungan pakar luar dan jurutera-jurutera tempatan. Kaola perhatikan kebanyakan tambahan ini telah pun *dicommit* dalam projek-projek khusus seperti di bawah Sektor - 1108 - Elektrik, Sektor 1107 - Pengangkutan & Perhubungan, Sektor 1115 - Perumahan Negara dan Sektor - 1120 - Keselamatan.

Cuma hanya terdapat sebanyak kira-kira sejumlah \$3,000,000.00 sahaja yang masih disediakan di bawah Simpanan Gagasan dan sebanyak \$475,436.00 dengan Harga Rancangan sebanyak \$47,553,597.00 di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi - Pembangunan Kluster Mikroekonomi yang mungkin boleh dilibatkan kemudian.

Kaola mengambil maklum mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang projek-projek yang baharu ini adalah projek yang mempunyai impak besar pada pertumbuhan ekonomi yang mempunyai *spin-off* dan *multiplier effect* yang besar kepada aktiviti dan produktiviti negara serta akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

اللّٰهُمَّ kaola menyokong penuh inisiatif ini, kaola berharap projek-projek ini juga akan menambah hasil negara di samping membantu PMKS untuk bertapak dan berkembang serta dapat menyumbang

atau membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Kaola berharap tajuk-tajuk yang dinaikkan peruntukannya ini akan dilaksanakan secepat mungkin pada Tahun Kewangan 2023/2024 bagi mengelakkan ia ditunda ke Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 nanti.

Yang terakhir, kaola ingin menyentuh mengenai Sektor 1101/005 - Pembukaan Kemajuan Penanaman Padi Secara Komersial, Berkeluasan 500 hektar, Kawasan Kandal, Daerah Belait (Fasa 2) yang diperuntukkan sebanyak \$5,973,633.00 pada Tahun Kewangan ini. Sukacita kaola ingin mengetahui, berapakah sasaran penghasilan beras yang telah ditetapkan pada masa ini dan berapa yang telah dapat dihasilkan setakat ini?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang untuk mengikuti perbincangan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Diucapkan terima kasih kepada Yang terhormat atas beberapa soalan yang diajukan dan juga saranan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi terutama sekali adalah *fiscal consolidation*.

Perkara ini memang diteruskan sejak beberapa tahun yang lalu, usaha-usaha

adalah termasuk *public private partnership*, ditubuhkan *GLC's* bagi mengambil alih *services* agar dapat dijalankan secara efisien dan juga membawa *foreign direct investment* dalam negeri supaya memberikan peluang lagi kepada anak-anak tempatan dan memajukan lagi ekonomi 'kitani'.

Usaha kita pada masa ini juga untuk merancang masa hadapan yang lebih *promising* selaras dengan tema beberapa tahun yang lalu iaitu: "*Invest in Our Future*". Projek-projek dalam RKN ini ialah untuk menjadikan satu *foundation* supaya aktiviti perekonomian ini akan lebih kukuh dan terus menjana pekerjaan untuk anak-anak tempatan dan juga memberikan peluang kepada *SME's* kita dalam negeri.

Kaola mengucapkan terima kasih atas nasihat Yang Berhormat tadi. Di samping itu, untuk memajukan aktiviti-aktiviti ini, kita bukan sahaja mengharapkan peruntukan dari kerajaan.

Jadi kalau kita mengadakan *PPP*, *GLC's* ataupun *FDI's*, ia memang kira dalam *capital structure* dalam setiap organisasi kita menggunakan *financing* dari *banking sector* dan sebagainya. Itu suatu langkah untuk kita lebih memajukan lagi *banking industry* kita.

Seterusnya mengenai Kluster Mikroekonomi ini, memang suatu peruntukan yang disediakan *just in case*, *because* kita menyediakan RKN ini setiap 5 tahun. Sekiranya ada projek yang difikirkan sangat penting untuk kita

memajukan ekonomi 'kitani' dan kalau sekiranya belum ada peruntukan disediakan, inilah khasnya Kluster Mikroekonomi disediakan untuk projek-projek sekiranya ada *come across* kemudian selepas RKN itu disediakan. Jadi mengenai Projek Kandol, kaola serahkan kepada Yang Berhormat rakan sejawatan kaola untuk menjawab soalan ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Berkenaan dengan Projek KKP Kandol ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, projek penanaman Kandol jika dilaksanakan sepenuhnya dengan adanya padi 'Sambada' yang mempunyai produktiviti sebanyak 4-5 tan metrik per hektar sekali tuai **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Projek KKP Kandol dan juga projek keseluruhannya di negara ini akan dapat menjana kepada *self-sufficiency* dalam 8.4% beras negara.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ pada masa ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga sekarang membuat kajian dan juga *trial* kepada beberapa jenis (*variety*) padi yang didatangkan dari China dan Indonesia, yang mempunyai potensi dapat mengeluarkan sebanyak 7 hingga 8 tan metrik padi. Kalau di *introduce*, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sekiranya *successful trial* ini dan dapat diterima cita rasa penduduk dan

rakyat Negara Brunei Darussalam, *self sufficiency* beras 'kitani' akan meningkat kepada hampir 20%, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ in the next few years*. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Belanjawan di bawah Tajuk Kemajuan sebanyak \$500 juta adalah peruntukan yang besar dan semestinya semua perangkaan dan persediaan sudah siap sedia dan hanya menunggu fasa pelaksanaan atau sedang dalam pelaksanaan.

Soalan kaola adalah secara umum Yang Berhormat Pengerusi, iaitu:

1. Kaola memohon pencerahan, sudah adakah penilaian risiko (*risk assessments*) dan mitigasi (*mitigation*) yang cukup? Ini membolehkan projek-projek tersebut akan dapat dilaksanakan serta siap dengan kualiti yang tinggi dan menepati tempoh masa serta peruntukan yang telah ditetapkan (*high quality, on time and on budget*); dan
2. Adakah sudah perangkaan untuk memantau kemajuan projek-projek ini di peringkat kementerian

mengambil kira *lessons learned* daripada projek-projek yang lama?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas 2 soalan yang diajukan, iaitu:

1. Mengenai sama ada projek ini mempunyai *proper assessments* ataupun *mitigation* yang cukup supaya projek itu dapat dilaksanakan dengan *high quality* dan sebagainya. Sebagai contoh, pada masa ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang menyediakan RKN-12, jadi proses ini *start* 2 tahun sebelum ini.

Ini melibatkan mesyuarat dan perjumpaan dengan kementerian masing-masing dan juga melawat tempat projek *sites* dan sebagainya dan beberapa mesyuarat diadakan sebelum ditetapkan projek-projek itu, supaya setiap projek itu dilaksanakan mengikut keperluan dan sebagainya. Jadi memang banyak *effort* sudah diberikan sebelum 'kitani' masukkan projek-projek ini dalam RKN.; dan

2. Mengenai *lessons learned* ini *yes* ada, memang ada sebahagian projek ini kadang-kadang lewat siap dan sebagainya. Jadi 'kitani' ada beberapa cadangan antaranya:

Front loading, aktiviti-aktiviti dahulu sebelum dibawa ke RKN, seperti tapak-tapak yang dipilih. Mungkin dibuat kerja dahulu dari segi kesesuaian tapak untuk projek tersebut, supaya nanti apabila projek itu dimasukkan ke dalam RKN, tidak ada masalah seperti beberapa projek tapak tidak sesuai dan terpaksa ditangguh lagi beberapa tahun sebelum dilaksanakan.

Jadi itulah antara beberapa *lessons learned* daripada RKN ataupun projek-projek yang sebelum ini. Ada juga dicadangkan supaya 'kitani' dapat *optimised* bajet RKN ini juga supaya mana yang dapat diguna sama, 'kitani' guna sama dan sebagainya. Itu memang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja RKN.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
 وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Tajuk Kemajuan dan status terkini Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara 2023/2024, selaras dengan usaha untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Sebahagian besar daripada tajuk ini ialah bagi pembinaan prasarana tambahan seperti jalan raya, bekalan tenaga elektrik, pembekalan air yang boleh membantu perkembangan industri-industri lain seperti industri pembinaan, pertanian, ternakan dan pelancongan.

Peruntukan juga diberikan bagi menaik taraf kemudahan awam dan alam sekitar dan juga bagi Rancangan Perumahan Negara di bawah Sektor 1115 yang masih diperlukan bagi menyediakan perumahan kepada pemohon-pemohon yang sudah menunggu dalam senarai.

Begitu juga peruntukan yang diberikan dalam RKN-11, bagi pembinaan sekolah-sekolah dan sekolah-sekolah agama dan menaik taraf serta menambah beberapa bangunan Institusi Tinggi bagi menangani keramaian pelajar-pelajar baharu. Projek-projek begini akan membantu kontraktor-kontraktor tempatan dan juga pembekal-pembekal bahan binaan dan diharap akan mewujudkan pekerjaan.

Kaola berharap pelaksanaan projek-projek di bawah RKN-11, akan dilaksanakan dalam jangka masa yang

ditetapkan. Ada 3 projek yang menarik perhatian kaola tetapi mungkin sudah dijawab dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri awal tadi, iaitu:

1. Menenai projek jejantas di bawah Sektor 1106 - 007 dan 008. Kaola pasti kajian telah dibuat mengenai keperluannya, tetapi kaola juga berpendapat harus juga dikaji dari segi penggunaan jejambatan ini.

Ada beberapa jejantas yang kaola lihat tidak kerap digunakan oleh pejalan-pejalan kaki, ini tentunya membazir peruntukan kerajaan yang boleh diguna bagi projek-projek lain. Kaola berharap ini tidak akan terjadi kepada projek jejantas yang dinyatakan dalam Belanja Kemajuan RKN-11; dan

2. Yang menarik perhatian kaola ialah status peruntukan di bawah Tajuk Sumber-Sumber Tenaga Manusia yang dalam rancangan setelah dikemas kini ialah \$137,406,750.00 tetapi bagi tahun 2023 ia hanya \$130,530,000.00, setelah dikemas kini. Adakah ini bermakna keperluan peruntukan di bawah ini sudah selesai? dan
3. Yang terakhir kaola melihat di bawah Sektor 1114 - Bangunan Awam. Tidak ada peruntukan bagi penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imigresen kecuali kalau kaola kurang faham membaca tajuk ini. Dengan melihat keadaan pos-pos kawalan yang ada pada masa ini, kaola

berpendapat wajarlah pihak-pihak berkenaan meneliti kesesuaian pos-pos ini dinaik taraf.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Menjawab mengenai 3 soalan iaitu:

1. Mengenai jejantas. Kalau kaola dapat mencadangkan supaya rakan sejawat kaola menjawab soalan itu nanti,;
2. Pos-pos kawalan sempadan, mungkin juga diserahkan nanti kepada Yang Berhormat rakan sejawatan kaola juga.; dan
3. Mengenai *HR refund* kalau tidak salah. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kaola akan menjawab secara bertulis sahaja selepas ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Terutama sekali bagi pihak kaola untuk memberi penerangan sedikit mengenai

dengan jejantas yang dimasukkan dalam rancangan untuk dibina. Ada 3 jejambat yang dimasukkan dalam rancangan ini untuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11. Jadi, sebagai penerangannya jejantas ini, dilihat daripada segi permulaanya cetusan idea ialah permintaan dari tempat Kompleks Komersial yang ada terutama sekali merujuk kepada jejantas di Jalan Perdana Menteri, iaitu yang berdekatan dengan *roundabout* menuju ke *airport* dan juga ini adalah jejantas yang menghubungkan jalan ke Pusat Komersial di *Airport Mall* dan ia akan menyeberang ke sebarang jalan bagi keperluan pelanggan dan juga pengguna-pengguna yang berkunjung ke Pusat Komersial ini.

Salah satu kajian yang dibuat ialah, ia tercetus daripada permintaan orang ramai dan mahu merentas jalan membuat kunjungan ke Pusat Komersial tersebut dan juga dilihat kepada pengguna-pengguna yang menyeberangi jalan sebagai pejalan kaki dari segi angkanya memang dilihat ada keperluan tersebut, dan juga asas utamanya ialah untuk menjaga keselamatan dan itulah juga diantara ciri-ciri utama maka keputusan akhirnya untuk membuat jejantas tersebut.

Ditempat lain jejantas ini dirancang untuk dibuat di kawasan persekolahan terutamanya ialah di Kampong Jangsak yang dilihat daripada 2 *lane* pada ke *single lane* bahawa kanak-kanak sekolah ada yang menyeberangi jalan raya diambil oleh parentnya di sebarang

jalan. Sebelum ini merentas jalan raya. Dari sana tah tercetusnya juga idea untuk membuat jejantas demi menjaga keselamatan murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah yang menyeberangi jalan. Itu lah di antaranya kajian yang diambil sebelum keputusan ini dibuat.

Walau bagaimanapun, kaola mengambil saranan baik cadangan Yang Berhormat dari pemerhatian ada juga penggunaannya yang berkurangan di beberapa tempat jejantas yang telah dibuat sebelumnya dan perkara ini akan diambil kira dalam pertimbangan selanjutnya di dalam merangka projek yang sama seterusnya.

Itu sahaja pandangan untuk menjawab persoalan tadi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan berkenaan dengan penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imegresen.

Projek Penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imegresen Darat ini sebanyak 4 buah sudah dibincangkan dan dimasukkan ke Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Ini adalah dengan mengambil kira projek usaha sama yang dikendalikan dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan juga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk

pemeriksaannya pada masa ini, jika dilihat pemeriksaan di pos-pos kawalan memang dibuat *trial* untuk disatukan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dengan adanya projek *trial* ini antara 2 buah jabatan ini, pemeriksaan-pemeriksaan yang dikendalikan pada masa dahulu mengambil masa yang lama telah dapat di *improve*.

Itu sahaja Yang Berhormat yang dapat kaola jawab, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan terima kasih ke atas kesempatan yang diberikan kepada kaola untuk bersama-sama membincangkan mengenai Belanjawan Kemajuan Negara. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan

Belanjawan Rancangan Kemajuan Negara.

1. Kaola secara ringkas sahaja. Dalam perhatian kaola dimana kadangkala projek atau rancangan ditunda dari tempoh ke tempoh seterusnya. Mengapakah terjadinya perkara sedemikian ini?, Kemungkinan persediaan ataupun tapak-tapak tanah belum dapat ditentukan dan adakah juga kurang perhatian daripada kementerian-kementerian berkenaan?

Apa yang ingin kaola bangkitkan jika peruntukan telah disediakan dan tidak diguna pakai dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara itu, ia boleh menjejaskan rancangan atau projek yang lain yang diperlukan. Salah satu perkara lagi yang harus kita ambil perhatian, jika projek ini ditunda kemungkinan kos untuk membuat satu projek itu akan meningkat dari semasa ke semasa. Ini akan juga merugikan pihak kerajaan.

Apa yang diharapkan setiap kementerian adalah bersedia seperti yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bahawa pada masa ini sudah giat persediaan-persediaan yang rapi untuk memastikan projek-projek tersebut dipantau sehingga projek itu akan dilaksanakan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, semogalah apa yang telah pun disarankan tadi akan dilaksanakan bagi memastikan projek-projek pada masa akan datang tidak akan terbengkalai dan tinggal begitu sahaja sehinggakan merugikan pihak kerajaan. Secara khusus, di sini kaola ingin menimbulkan 2 Tajuk iaitu:

- i. Tajuk di bawah Perubatan dan Kesihatan ada sudah dalam rancangan bagi Pembinaan Pusat Kesihatan Pandan, Daerah Belait tetapi dalam tahun 2023 dan tahun 2024 tidak ada peruntukan langsung disediakan. Tapak tanah tersebut seperti yang saya difahami sudah ada dan digazet dan apakah terjadinya perkara sedemikian sehingga lama untuk dilaksanakan projek ini?;
- ii. Diharapkanlah ada peruntukkan di bawah Blok Baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ telah disediakan peruntukan berjumlah \$3,023,600.00 juta. Diharapkan projek ini akan dapat dipercepatkan kerana kita sudah mengetahui dan mengenal pasti akan keperluan dan fasiliti yang diperlukan sehingga masalah kekurangan katil dan seumpamanya dapat diatasi.

Sekiranya projek ini akan dapat dilaksanakan dengan segeranya, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita akan dapat mengatasi

apa jua masalah-masalah yang dihadapi di hospital berkenaan.

2. Ingin kaola menyentuh di bawah Sektor Akaun 1118 - Teknologi Maklumat & Infokomunikasi. Dikenal pasti banyak projek-projek di bawah tajuk ini, dan adakah kemungkinan untuk kita *review* atau diteliti semula, jangan ada duplikasi terutama sekali yang melibatkan data-data peribadi dan keterangan-keterangan yang sudah wujud mungkin dalam satu *database*.

Adakah kita meneliti secara terperinci bagi memastikan perkara ini, yang saya katakan tadi duplikasi dan boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan juga meningkatkan kos efektif bagi pelaksanaan satu projek itu? Itulah yang dapat kaola timbulkan, sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih memberi peluang kepada kaola dan disudahi dengan,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas beberapa soalan ataupun cadangan.

Mengenai cara kita menguruskan projek-projek di bawah RKN. Kaola mengucapkan terima kasih nasihat Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang *experience* atau *lessons learnt* di RKN itu, kita kongsi dengan semua

kementerian supaya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** projek-projek nanti lebih efisien *because* nampaknya *some of the projects* diberi peruntukan tetapi lama, belum lagi mulai kerja-kerja dan sebagainya.

Kita perlu faham juga, sebahagian kementerian yang mempunyai projek yang banyak. Untuk melaksanakan projek-projek ini, kementerian-kementerian berkenaan menyusun yang mana *urgent*, itu yang dilaksanakan dahulu. Kemudian ada yang kurang *urgent*, mungkin akan dilaksanakan dalam setahun kemudian. Itu mungkin satu sebabnya. Kalau sekiranya RKN disediakan sebanyak 50 projek bagi satu kementerian, sebanyak 50 itu juga mula dari *day 1*. Memang mereka ada *resources constraint* dan sebagainya. Konsultan pun terpaksa disusun. Kaola ambil baik nasihat Yang Berhormat.; dan

Sebelum kaola mencadangkan untuk rakan sejawatan kaola menjawab soalan mengenai kesihatan, satu projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah mengenai Projek Pusat Kesihatan Pandan. Sebenarnya projek ini tidak menggunakan peruntukan dari kerajaan. Masa ini masih dalam proses *mereview* sama ada projek ini boleh menggunakan *public private partnership*, jadi tidak menggunakan dana atau peruntukan dari kerajaan.

Kaola serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab mengenai Projek Pusat Kesihatan Pandan dan seterusnya soalan mengenai IT di bawah Sektor - 1118 - 019 Sistem

Bru-HIMS. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Seperti yang dinyatakan oleh rakan sejawatan mengenai Pusat Kesihatan Pandan k menggunakan *P³*. Penilaian awal dan mengemas kini *requirements* untuk klinik tersebut telah pun selesai dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada masa akan datang ditunduki untuk sama ada meneruskan *P³* tersebut atau tidak.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha seperti dinyatakan juga, memang rancangan di bawah RKN-12 untuk membangun blok yang baharu, tetapi *since* RKN-11 dilanjutkan setahun lagi dan Projek Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dimasukkan ke dalam RKN-11. Sebanyak \$3 juta tidak cukup untuk membuat hospital dan ini sebagai *kick start* sahaja untuk *employ consultants, engineers, architect* dan sebagainya.

Mengenai *Bru-HIMS*. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan kakitangan yang ada, peruntukan ini diperlukan untuk membaik atau *extend Bru-HIMS* yang ada sebelum ini dan untuk *migrate* ke *Bru-HIMS 2.0*. Ini memerlukan bajet yang besar pada mula-mula ini dari segi *kick start of Bru-HIMS 2.0* nanti.

Dari segi duplikasi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, tidak ada duplikasi. *Bru-HIMS 2.0* adalah *Bru-HIMS as a new software* dan *Bru-HIMS* ini berbeza daripada *Bruhealth* seperti

kaola terangkan sebelum ini yang *data* ini diextract oleh Bruhealth. Antara Bruhealth dan Bru-HIMS, itu yang dimestikan untuk tidak ada duplikasi dari segi *obtaining of data or big data integration*. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Behormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sahaja soalan yang telah diajukan mengenai menunduki projek-projek *ICT* kerajaan. Kaola ingin memaklumkan bahawa platform yang digunakan ialah *CIO Forum*, bahawa semua projek *ICT* untuk dikemukakan kepada RKN telah ditunduki oleh *CIO Forum in terms of* mengelakkan *duplication* sama juga mengemaskinikan atau *alignment* antara pihak-pihak kerajaan.

Ini adalah sejajar dengan *fiscal consolidation programme*. Pada masa yang sama, daripada *learnings* projek-projek yang sebelumnya, itulah sebabnya tumpuan diberikan juga kepada *capacity building* khususnya dalam pelaksanaan projek-projek *ICT* dari segi *design of project*, pengurusan dan juga *change management aspect*.

Seterusnya, berhubung dengan peluang untuk mengemaskinikan atau menggunakan platform yang boleh diguna sama seperti *storage data*,

maklumat projek di bawah *Digital Economy Masterplan* dari segi *national information hub* menyediakan platform tersebut yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* disebarluaskan lagi penggunaannya. Pada masa ini kurang lebih 11 buah jabatan sudah menyimpan *data* mereka dalam platform tersebut. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dapat diakses oleh lebih banyak lagi jabatan kerajaan yang lain.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Lebih dahulu diucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah yang disampaikan dengan cukup jelas dan padat sebentar tadi.

Berkenaan Tajuk di bawah Kemajuan, kaola sukacita menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Walau bagaimanapun, kaola berharap peruntukan ini hendaklah diurus dan ditadbir dengan cara yang berkesan dan efisien tanpa ada ketirisan.

Semua projek yang dilaksanakan hendaklah dipantau dengan rapi supaya tidak ada kelambatan dalam melaksanakannya. Kalau ini terjadi, ada kemungkinan besar harganya akan meningkat. Tambahan lagi kebanyakan barang yang digunakan di dalam projek-projek ini mungkin diimport dari luar negara. Dalam keadaan dunia yang tidak menentu dan tidak dapat diramalkan serta cepat berubah yang menyebabkan pembekalan barang yang digunakan menghadapi halangan dan gangguan. Akhirnya projek-projek berkenaan sukar disiapkan.

Oleh yang demikian, kaola berharap semua yang terlibat dalam projek-projek yang telah diluluskan akan lebih proaktif dan tidak menanggung-nanggungkan segala yang sudah dirancang. Kaola berharap semua akan berjalan dengan lancar dan mengikut sasaran tarikh yang ditetapkan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Soalan ini kaola tadi sudah sebenarnya menjawab, mungkin tidak perlu diulangi lagi.

Kaola ingin ambil kesempatan untuk menjawab soalan awal daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang

Suyoi bin Haji Osman iaitu mengenai *HRD Fund* yang pada tahun 2023/2024, hanya sebanyak \$130 ribu sahaja disediakan.

Kaola akan menjelaskan bahawa sebelum ini, *HRD Fund* diperuntukkan di bawah RKN tetapi sejak tahun ini, *HRD* ini dipindah ke JPM di bawah Peruntukan Berulang-Ulang. Maka sejumlah \$130 ribu ini disediakan untuk *I-ready* pada masa ini yang belum lagi selesai tempoh latihan untuk membiayai *remaining payment* bagi *I-ready* yang masih menjalankan *attachments* mereka dan sebagainya.

Itu sahaja kaola dapat menjawabnya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan akhirnya, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Kaola ada sedikit kewahaman dan memohon pencerahan mengenai beberapa perkara, iaitu:

1. Berkenaan projek-projek RKN-11 yang tidak dapat dilaksanakan, apakah projek-projek berkenaan masih boleh diteruskan untuk RKN-12?; dan

2. Jika terdapat lebih peruntukan disebabkan ada antara projek-projek yang dilaksanakan mempunyai kos sebenarnya lebih rendah dari yang dinilai, apakah status lebih projek berkenaan? Adakah ia digunakan untuk membiayai projek-projek dalam RKN-11 atau dibawa *carry forward* ke peruntukan RKN-12 atau sebaliknya?

Sekian terima kasih,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan mengenai projek yang belum siap sama ada ditunda ke RKN-12 seterusnya ataupun tidak?

Pada masa ini, ikut *estimate* hingga hujung tahun 2023/2024, mungkin sebanyak 80 lebih projek akan siap dilaksanakan dibandingkan dengan 45 projek yang sudah siap pada masa ini. Memang ada selebihnya projek kira-kira 126 projek melibatkan kira-kira \$930 juta lebih.

Maka perkara ini sebelum dimasukkan ke RKN-12, kementerian masing-masing sedang meneliti semula sama ada projek ini akan diteruskan dengan *design* dan sebagainya ataupun akan dipohon semula di bawah projek baharu. Maka ini masih dalam penelitian sebelum RKN-12 di *finalize*. Itu sahaja yang dapat kaola

menjawab soalan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas jawapan-jawapan yang telah diberikan dan juga kepada Yang Berhormat Menteri lain yang turut serta dalam menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membahaskan Tajuk SP01A - Kemajuan. Saya berpendapat tibalah masanya bagi tajuk ini kita undi. Saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju. Maka Jadual Belanjawan Kemajuan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SPO1A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa iaitu Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2023/2024, dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb. April 2023.

Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa ini tidaklah perlu kita bahaskan. Oleh yang demikian, saya ingin sekarang bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Gelaran Pendek dan tarikh Permulaan Berkuat Kuasanya Akta ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Maka Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kita telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan dan semasa kita membahaskan Rang Undang-Undang ini sehinggalah hari ini ia selesai.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula

di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh yang demikian, sebagai peraturan perundangan dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Rang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum Rang tersebut ini dapat diluluskan untuk dijadikan Akta.

Saya mempersilakan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang Yang bergelar: "**Suatu Akta**

Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu” telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar: **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu”** untuk dibaca bagi kali ketiga.

Adakah Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini? Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola menyokong. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَللّٰهُمَّ** Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan.

Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara dan tidak ada tentangan. Maka Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ
Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 dan Akta ini akan mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb. April 2023M. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita beralih kepada Perkara 7 daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VII, Ketetapan Bilangan 1 Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959, akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebanyak sebelas buah Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2022 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini, iaitu tahun 2023. Kesemua perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ianya berjalan dengan teratur. Oleh kerana Perintah-Perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan adalah seperti terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No.1 Tahun 2023.

Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi: "Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No.1 Tahun 2023 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan”.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah mengemukakan kenyataan adakah salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat Menteri yang ingin untuk menyokong.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola menyokong sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana juga yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II sebentar tadi bahawa kebanyakan atau kesemua Undang-Undang yang

disenaraikan dalam Kertas No.1 Tahun 2023 telah pun diluluskan secara *emergency orders* dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa dari sekarang.

Oleh yang demikian, saya juga berpendapat perkara ini tidaklah perlu dibahaskan. Maka ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II itu, kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara maka Ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ketetapan yang kedua di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggag 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa: “Majlis ini

dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$500 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan Untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2023/2024 dibentangkan sebagai Kertas Bilangan 2, Tahun 2023”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut ada menyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas Nombor 2 Tahun 2023. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan, tiada pindaan.

Maka kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancang.

Dari itu, kaola sukacita mencadangkan: “Majlis dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2)

dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$500 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan Untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2023/2024 dibentangkan sebagai Kertas Bilangan 2/2023”. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136). Adakah salah seorang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola sekali lagi menyokong apa yang telah dibentangkan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi.

Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) Negara Brunei Darussalam dan kenyataan

cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, bahawa semua peruntukan Wang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta. Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu dibahaskan lagi. Maka ada baiknya Ketetapan ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, maka Ketetapan ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini telah selesai mengenai Perkara VII. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan berpindah ke perkara selanjutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Oleh sebab semua perkara-perkara dalam agenda telah pun selesai mengikut *Standing Order*, maka perkara-perkara ini akan diusulkan oleh salah seorang Ahli Rasmi Kerana Jawatan untuk Mesyuarat ini ditangguhkan.

Ucapan pertama yang akan disampaikan, iaitu Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan beralih kepada Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Perkara VIII pertama daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita kaum نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, saya ucapkan selamat

menunaikan ibadah Puasa Fardhu bulan Ramadan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَللّٰهُمَّ، segala puji dan syukur ke hadrat وَتَعَالَى اللهُ سُبْحَانَهُ kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua kita, persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 1444/2023 sekarang telah sampai ke penghujungnya.

Sekali lagi saya ingin merakamkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia dan titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023 yang lalu.

Saya juga mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan yang setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya menerajui dan memimpin persidangan majlis dengan cemerlang dan penuh bijaksana serta tegas tetapi adil. Ucapan terima kasih serta penghargaan jua saya ucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis atas kecekapan dalam menyusun agenda persidangan dengan lancar dan teratur.

Demikian juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan yang telah menyumbangkan khidmat masing-masing dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan pada tahun ini. Saya seterusnya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi khususnya pada menjunjung titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023 untuk kita menggunakan persidangan Majlis Mesyuarat dengan sebaiknya dengan membentangkan isu-isu utama yang strategik dan penting serta sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan-jalan penyelesaian yang berpatutan.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَللّٰهُمَّ، sepanjang persidangan ini kita telah pun sama-sama mendengar dan membahaskan beberapa cadangan dan buah fikiran daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan pembangunan negara dan kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Saya dan Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan di sebelah sini amat menghargai dan sentiasa mengalu-alukan pandangan, cadangan dan buah

fikiran yang bernas dan membina daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang jelas menunjukkan kesediaan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat dan penduduk di negara ini untuk sama-sama terlibat dalam menyumbang secara aktif dan bersepadu melalui pendekatan secara *whole of government* dan *whole of nation* dalam proses pengubalan dan pelaksanaan dasar strategi dan inisiatif-inisiatif pembangunan negara.

Segala cadangan dan buah fikiran yang dikemukakan itu oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sudah setentunya akan diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci oleh pihak kerajaan khususnya dari segi faedah, impak dan kesannya terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini dan akan dilaksanakan secara berhemah menurut kesesuaian, keutamaan dan kemampuan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2023/2024), **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, kedudukan belanjawan negara pada tahun ini dijangka akan merekodkan *Marginal Budget Surplus*.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

akan terus komited menyediakan peruntukan bagi membolehkan kementerian-kementerian melaksanakan inisiatif dan pelaburan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menjana ekonomi yang maju dan berdaya tahan. Dengan segala usaha, komitmen dan sokongan yang berterusan dari semua pihak, **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** ekonomi negara akan terus berkembang dan hasilnya akan dapat dinikmati oleh generasi masa kini dan akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita semua harus menyedari bahawa Bajet yang telah dibahaskan dan diluluskan pada tahun ini dan juga pada tahun-tahun yang lalu akan dan telah memberi banyak manfaat kepada semua lapisan rakyat di negara ini. Hasil daripada perbelanjaan kerajaan telah dinikmati khususnya oleh Warga Negara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam. Perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

1. Perkhidmatan dan rawatan kesihatan secara "percuma" di hospital dan klinik-klinik kerajaan yang rakyat dikenakan bayaran sebanyak \$1.00 sahaja sementara penduduk tetap dikenakan bayaran sebanyak \$2.00 untuk membuat perjumpaan dengan doktor di hospital dan klinik-klinik kerajaan.;
2. Ubat-ubatan diberi "percuma" malah pihak kerajaan juga membiayai

sepenuhnya rawatan-rawatan kesihatan bagi pesakit-pesakit yang mendapat *referral* untuk rawatan di *private* hospital sama ada di dalam negara mahupun di luar negara yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi secara purata lebih kurang sebanyak \$150 juta setahun tanpa mengenakan bayaran balik daripada pesakit.;

3. Perkhidmatan “percuma” juga termasuk pemberian lampin pakai buang (*disposal diapers*) dan alat bantuan penyusuan ibu yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 jumlah purata perbelanjaan kerajaan bagi inisiatif ini dalam tempoh 4 tahun sejak perlaksanaannya sehingga tahun 2021 ialah kira-kira sebanyak \$1.5 juta setahun.;
4. Pendidikan “percuma” iaitu dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah termasuk pendidikan agama.;
5. Pemberian elaun-elaun bagi para penuntut.;
6. Perkhidmatan pengangkutan yang diberikan untuk penuntut pergi / balik sekolah dan juga biasiswa-biasiswa yang dianugerahkan bagi pengajian tinggi di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam pelbagai jurusan di dalam dan di luar negara termasuk biasiswa yang dihulurkan atas nama Syarikat *Brunei Shell Petroleum (BSP)* mana pihak kerajaan memiliki sahamnya sebanyak 50%.;
7. Pemberian elaun-elaun kebajikan seperti Pencen Umur Tua yang elaun ini dimulakan pada zaman Pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien dan telah diteruskan dan ditambah kadarnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.;
8. Elaun Kurang Upaya, Elaun Orang Buta, Elaun Pesakit Kusta, Elaun bagi Pesakit-Pesakit Mental dan lain-lainnya.;
9. Subsidi minyak kenderaan sebagai contoh dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2021, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menghulurkan subsidi minyak kerajaan secara purata sebanyak \$130 juta setahun.;
10. Subsidi kerajaan dalam penyediaan Skim Rancangan Perumahan Negara dimana jumlah keseluruhan subsidi kerajaan bagi 6 buah projek perumahan awam iaitu perumahan-perumahan di Kampung Meragang, Kampung Tanah Jambu, Kampung Bukit Beruang, Kampung Panchur, Panaga dan Kampung Lugu adalah kira-kira sebanyak \$842 juta, tidak termasuk nilai tanah.;

11. Subsidi beras sebagai contoh jumlah subsidi kerajaan bagi beras yang dibeli dari luar negara iaitu *Thailand* dan *Cambodia* termasuk perbelanjaan pengurusannya bagi Tahun Kewangan 2020/2021 ialah sebanyak \$11.3 juta.; dan
12. Selain itu rakyat dan penduduk di negara ini juga diberikan subsidi dalam pembekalan perkhidmatan asas seperti bekalan tenaga elektrik dan air bersih dan dikecualikan daripada membayar cukai seperti cukai pendapatan peribadi (*personal income tax*), *property tax*, *sales and services tax* dan lain-lain sepertimana yang dipraktikkan di negara lain.

Segala kemudahan dan manfaat yang kita nikmati ini tidaklah boleh dianggap sebagai hak atau *right* sebaliknya ia merupakan keistimewaan atau *privileges* yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kita semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita wajib sentiasa bersyukur dan berterima kasih. Segala yang saya huraikan tadi ialah jawapan saya jika ditanya *what is in the budget for me?*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengambil sukut bulan Ramadan yang suci ini marilah kita sama-sama merafakkan doa ke hadrat *الله سبحانه وتعالى*, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli kerabat diraja baginda akan sentiasa berada dalam lindungan sihat walafiat, kesejahteraan, kebahagiaan dan sentiasa menikmati rahmat dan naungan *الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*

Kita juga berdoa mudah-mudahan negara kita, rakyat dan penduduk sentiasa mendapat rahmat dan perlindungan daripada *الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan terselamat daripada segala bala bencana dan wabak penyakit seterusnya dikurniakan nikmat keamanan, pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berpanjangan *آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan rasa penuh syukur dan bertawakal pada *الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, saya dengan ini sukacita mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan. Pada mengakhiri ucapan ini saya ingin mengongsikan sebuah pantun lama:

Kalau ada sumur di ladang,
Bolehlah kita menumpang mandi,
Mudah-mudahan umur panjang,
ان شاء الله berjumpa lagi.

Sekian, Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kedua akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin

Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengarah Dato Paduka Haji Awang
Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal
Ugama:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Terima kasih
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola
bersyukur dan berterima kasih mendapat
laluan dalam sesi penangguhan ini.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan kebijaksanaan Yang
Berhormat Yang Di-Pertua,
permesyuaratan kita beberapa hari
dalam Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis
Mesyuarat Negara kini sampai
ke penghujungnya.

Sungguhpun sebahagian besar Ahli
Majlis Mesyuarat Negara sekarang baru
sahaja pertama kali dilantik, namun
permesyuaratan kita telah berlangsung
lancar seperti permesyuaratan tahun-
tahun sebelumnya di bawah kepimpinan,
kebijaksanaan Yang Berhormat Yang
Di-Pertua juga.

Maka kaola dengan hormat merakamkan
ucapan tahniah dan terima kasih serta
selamat sambil memohon maaf atas
sebarang kekurangan, bahkan kaola ada
kelemahan-kelemahan kaola sepanjang
permesyuaratan tahun ini.

Seterusnya kaola juga ingin
mengucapkan terima kasih kepada Yang
Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia

Timbalan Jurutulis yang telah menyusun
aturan kerja seharian kita dalam
mesyuarat ini dengan begitu baik dan
terutama sekali bagi kaola sentiasa
menghubungi mereka ini untuk
memaklumkan keuzuran-keuzuran kaola
ataupun ketidakhadiran kaola pada satu-
satu masa tertentu.

Sesungguhnya kita besidang dalam
suasana yang tenang, ini penting diingat.
Kebetulan kita memulakannya pada hari-
hari menjelang bulan Ramadhan dan
mengakhirinya beberapa hari dalam
bulan Ramadan sehingga kepada hari ini.
Kaola mohon maaf bukan maksud kaola
bulan Ramadan itu menjadi faktor utama
suasana permesyuaratan kita yang
tenang dan lancar.

Sebaliknya Yang Berhormat pada hemat
kaola, faktor utamanya ialah menjadikan
permesyuaratan kita berjalan lancar dan
dalam suasana yang sangat tenang,
sangat nyaman ialah kerana kita
bersidang dengan menyedari bahawa
kita berada di Dewan Majlis Mesyuarat
Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Dalam rangka dan ruang lingkup
permesyuaratan yang tenang itulah,
mesyuarat kita telah meluluskan
beberapa undang-undang termasuk
mengenai Belanjawan Negara Tahun
Kewangan 2023/2024.

Mesyuarat kita telah meluluskan
sejumlah peruntukan yang begitu besar
sebagaimana sebahagiannya telah
disebutkan oleh Yang Berhormat

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sepanjang permesyuaratan, Majlis telah mendengar dan merekodkan selain daripada perkara-perkara yang dibentangkan oleh Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan berhubung dengan bidang-bidang perkhidmatan menurut kementerian masing-masing juga majlis mendengar dan merekodkan perkara-perkara yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kedua-duanya telah dibahaskan, di samping pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri, suara-suara Ahli-Ahli Yang Berhormat juga telah didengar di dalam dan di luar dewan ini. Ia menjadikan orang ramai teruja mengikuti buah fikiran, saranan selain pertanyaan-pertanyaan dan jawapan-jawapan.

Pada keseluruhannya, ia meliputi ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Sejauh mana keberkesanan jentera perkhidmatan kerajaan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah diprogramkan. Maka dalam hal-ehwal perkhidmatan keagamaan, kaola ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan terima kasih dan berbesar hati mendapat input, masukan yang berguna untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semak dan teliti lebih lanjut dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan ugama.

Terdapat saranan-saranan khasnya berkenaan keperluan menjayakan pendidikan agama, keberkesanannya meningkatkan dalam jangka panjang dan memenuhi keperluan corak pendidikan masa hadapan.

Sementara dalam ehwal Zakat ialah meneruskan usaha-usaha memaju dan meningkatkannya tidak sahaja kaedah-kaedah kutipannya, bahkan pengagihannya sambil pengurusannya diperbaiki. Dan Pengurusan Wakaf juga adalah telah disentuh dalam perbahasan.

Dalam ehwal Masjid pula tidak setakat untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan pembinaannya, bahkan ialah usaha untuk menambah cara dan corak pentadbirannya dengan penglibatan jemaah yang lebih ramai terutama sekali dalam kalangan belia dan muslimah, untuk mentakmirkannya.

Demikian juga dalam Hal-Ehwal Syariah, bermula dengan isu-isu berhubung dengan pelaksanaan jaminan pemakanan halal, membawa kepada perundangan Islam terutama sekali berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian dan seterusnya kes-kes yang disabitkan.

Seterusnya dalam bidang dakwah, Dewan juga mendengar tentang kebajikan saudara-saudara baharu hendaklah diperhatikan pengukuhan akidah dan amalan keagamaan mereka, hendaklah juga dijaga dan hal-ehwal dakwah pada umumnya disarankan untuk lebih berkesan.

Demikian yang telah disuarakan dalam permesyuaratan kita. Kaola berharap akan ada susulannya dari semasa ke semasa, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah terbuka untuk mengadakan pertemuan-pertemuan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan cara itu, kaola berharap, pihak kaola di Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan benar-benar menepati makna kepada pendekatan *whole of nation* dalam kalangan orang ramai yang berkepentingan akan turut dilibatkan dalam ehwal memberkesakan perkhidmatan keagamaan terus-menerus mendukungnya dengan menyediakan Belanjawan tahunan yang besar jumlahnya.

Dalam hubungan ini, kaola sangat menjunjung kasih dan tinggi kepimpinan yang berwibawa, bijaksana, lagi berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mohon izin untuk meneruskan berhubung dengan Majlis Mesyuarat kita ini.

"Majlis" menurut Kamus Dewan Bahasa Malaysia, Edisi ke-4 muka surat 978 ialah: "Sebuah lembaga atau badan kenegaraan yang dilantik atau dipilih dengan mempunyai kuasa tertentu."

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Majlis kita berada sekarang ini iaitu Majlis Mesyuarat Negara dengan dijelaskan aturan-aturan keahlian dan tugas dan tanggungjawabnya, sebagaimana yang diperuntukkan Undang-Undang dalam Bab-Bab tertentu, di Perkara VI dan Perkara VII Perlembagaan Negara 1959.

Tambahan pula, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, M.A.J.L.I.S itu adalah juga bermakna cantik, elok, dan indah permai, yang mana dalam sebutan kita di Negara Brunei Darussalam ialah M.A.J.A.L.I.S yang sinonim dengan sopan santun, 'bisai', halus manis, lemah lembut dan boleh dirujuk kepada Kamus Bahasa Melayu Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei tahun 2003.

Oleh itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat rakan-bahawa permesyuaratan kita yang berlangsung lancar dan tenang adalah kerana kita mengaplikasi makna-makna itu, yang menjadikan kita bermesyuarat, berunding dengan mematuhi aturan-aturannya secara 'bisai' melalui Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Dalam hubungan ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita kaola menarik perhatian sekalian yang berada di dalam Dewan ini dan juga di luar sana bahawa Majlis Mesyuarat Negara ini telah ditubuhkan semula dan Dirasmikan Pembukaan Mesyuaratnya yang Pertama pada 25hb. September, 2004M, iaitu hari Sabtu, 10hb. Syaaban, 1425H, hampir 20 tahun yang lalu.

Majlis Mesyuarat Negara yang telah ditubuhkan semula menggantikan Majlis Mesyuarat Negeri berikutan perubahan taraf Negara Brunei Darussalam kepada negeri berpemerintahan sendiri selaras dengan Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959, hampir 65 tahun dahulu.

Point yang penting, penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara yang ada ini ialah untuk memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti yang baginda nyatakan sendiri dalam titah Pembukaan dan Perasmian Mesyuarat yang Pertama pada 25hb. September, 2004 itu.

Kaola petik dengan izin: "Bahawa beta berhasrat untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal iaitu dengan mengadakan sebuah Majlis Mesyuarat Negara, persidangan hari ini adalah, iaitu pada hari 25hb. September, 2004M itu, adalah merupakan permulaan proses ke arah yang beta hasratkan".

Sedemikian itu, ungkapan titah dalam Majlis bersejarah kewujudan semula Majlis Mesyuarat Negara seperti adanya sekarang menurut Peruntukan Perlembagaan Negara, sebagaimana dalam edisinya tahun 2004.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, penting yang baginda titahkan dalam Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama pada

tarikh itu ialah kaola petik seperti berikut: "Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyuarakan harapan dan masalah, melalui pelbagai peringkat perundingan."

"Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan".

Sedemikian itu bunyi ungkapan titah dan baginda meneruskannya dengan memperingatkan betapa mustahaknya menjadikan dan menjayakan maksud murni penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara seperti yang kita duduk sekarang ini.

Kaola petik lagi titah baginda, "Bagaimanapun, penubuhan semula Majlis ini, dalam apa jua suasana sekalipun, tidak akan mengganggu kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini."

"Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat."

"Sebarang kesilapan akan mengundang risiko di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kita memulakan proses ini dengan cara yang amat berhati-hati Beta akan melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan Majlis ini dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada proses ini

boleh diteruskan dengan menambah lagi bilangan ahli-ahlinya.”

Sedemikian titah-titah hasrat dan harapan dan seterusnya memperingatkan kita bukan ahli-ahlinya sahaja tetapi juga memperingatkan orang ramai dan rakyat serta penduduk untuk memahami apa sebenarnya Majlis ini telah diwujudkan.

Jadi, titah-titah tersebut, Yang Berhormat Yang Di-Pertua menjadi panduan dalam proses memaju dan menjayakan Majlis Mesyuarat Negara yang mengikut pengertiannya adalah sebuah badan atau lembaga kenegaraan.

Kita duduk bersusun ‘bisai’, tidak seperti susunan dalam sesebuah parlimen yang terdapat ahli-ahlinya berpihak-pihak, pihak kerajaan dan pihak pembangkang, namun tidak begitu dalam Majlis ini.

Sebaliknya, kita duduk menghadap ke satu hala yang sama, iaitu ke hadapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua berada meneraju dan memimpin permesyuaratan. Kalau kita ‘melangoi’ sedikit kira-kira 45 *degree*, kita akan melihat tulisan kaligrafi yang indah iaitu firman **اللَّهُ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ** yang menyebutkan atau menegaskan tentang kebesaran **الله** Yang Maha Esa, **اللَّهُ** Yang Maha Berkuasa.

Pengajaran ayat itu ialah menganjurkan supaya kita di Dewan ini kerajaan dan rakyat sekaliannya sebuah pasukan yang sama iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk memelihara dan menjayakan hal ehwal rakyat iaitu kesejahteraan,

keselamatan dan keutuhannya, negara dan kerajaan yang kekal qarrar di bawah kepimpinan Pemerintahan Raja.

Negara meliputi rakyat dan penduduknya yang berkebebasan dan mempunyai sistem sosial dan politik yang mengatur kehidupan individu, masyarakat dan bangsa dan seterusnya mengatur kedudukan kerajaan dan pemerintahan.

Demikian yang dapat kaola sampaikan kaola mohon maaf lagi dan terima kasih kepada sekalian yang bersama-sama dalam mesyuarat ini, kaola bersyukur kaola sempat lagi dalam usia sekarang meneruskan tugas-tugas dalam sidang Permesyuaratan ini dan kepada **الله** kaola bersyukur dan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengurniakan limpah perkenannya, kaola menjunjung tinggi.

Terima kasih,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ketiga akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhomrat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima Kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas laluan yang diberikan

kepada kaola untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat اللَّهُ أَلْحَمْدُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ وَسُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin dan rahmat-Nya juga kita telah sampai ke sesi Penutup Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1444 Hijriah bersamaan 2023 Masihi.

Kaola juga ingin sekali lagi menyembahkan majlis menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda merasmikan Majlis ini dan atas kurnia titah baginda di Dewan yang mulia ini.

Kaola juga ingin merakamkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua ke atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memandu Permesyuaratan ini dengan lancar lagi sempurna dalam suasana tenang dan harmoni, penuh kesabaran, terbuka dan saling memahami.

Dengan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dewan ini telah dapat menjuruskan perbincangan kepada isu-isu strategik dan berkeutamaan sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah institusi yang menjadi lambang keunggulan sistem kerajaan di negara ini.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua Yang Berhormat Menteri yang dengan penuh sabar, *attentive* mendengar pertanyaan dan saranan seterusnya secara terbuka menjawab soalan-soalan yang diajukan, menerima cadangan-cadangan dan memberikan maklumat-maklumat dengan berpanjang lebar, terperinci cukup dengan fakta yang sahih walaupun kadang-kadang dengan emosi yang membara.

Semua ini kita maklumi dan fahami kerana niat ikhlas kita semua adalah sama, iaitu untuk mencapai satu tujuan yang sama untuk menyejahterakan dan memakmurkan negara serta menjaga kepentingan rakyat dan penduduk di dalamnya masa kini dan generasi-generasi yang akan datang.

Bekerja sebagai satu pasukan untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 sebagaimana yang telah berulang kali dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola bersyukur dan mengambil baik jaminan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang saranan-saranan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini akan diteliti secara mendalam, *follow up* dan jika ia *viable* akan dilaksanakan secepat mungkin terutama yang membabitkan kemaslahatan dan kepentingan rakyat secara *holistic*.

Kaola juga bersetuju dengan nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya mana-mana isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum terjawab atau belum dijawab secara lengkap akan disusul sama ada secara bertulis atau dengan mengadakan sesi muzakarah susulan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita menyedari bahawa di negara ini, *الحَمْدُ لِلَّهِ* kita tidaklah ketandusan *idea* dan inisiatif-inisiatif. Beberapa *blueprint* telah pun dan sedang digubal. Peneraju-peneraju juga telahpun dikenal pasti dan ditetapkan.

Cuma yang penting kita tangani ialah sistem pelaksanaan yang perlu lebih *efficient* dan *effective* digandingi dengan sistem pemantauan yang telus. Semua

ini memerlukan kerja keras dan koordinasi yang teguh dan mantap.

Tatacara *delivery* dan koordinasi bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif ini perlu diperbaiki dan dikemaskinikan. Begitu juga sistem pemantauan ia nya perlu telus dan mempunyai *independent assessment* untuk menyukat impaknya *on the ground*.

Kaola rasa cabaran ini bukanlah semata-mata akan dapat diselesaikan hanya dengan pengenalan teknologi atau transformasi digital yang canggih sahaja. Ia nya memerlukan kita mengungkap seluruh isu ini dengan istiqamah, tawaduk dan muhasabah diri.

Ini memerlukan kita sendiri mentransform diri kita semua untuk meraih rahmat, bekerja keras secara proaktif, *efficient*, ikhlas dalam menyatukan tenaga dan fikiran bagi sama-sama membantu negara ini untuk mencapai sasaran seperti yang dihasratkan.

Dengan erti kata, kita perlu melaksanakan perubahan minda dan sikap dalam kita menunaikan tanggungjawab, dalam kita bekerja, merancang, meneliti, menilai, melaksanakan, memantau, berkoordinasi, berinteraksi dan menilai semula.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, jika kita amat-amati dari pengalaman negara dan kesediaan rakyat ikut serta tanpa menghiraukan kepentingan dan

keselamatan diri sendiri dalam menangani krisis seperti penularan Pandemik *COVID-19*.

Ini sudah cukup jelas untuk kita jadikan sandaran yang dengan izin dan petunjuk الله serta kepimpinan prihatin dan bijaksana oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita memang boleh dan yakin untuk mengharungi apa juga cabaran dan boleh mencapai apa jua sasaran yang ditetapkan.

Kita penuh percaya jika budaya kecekalan, jati diri dan koordinasi mantap yang telah ditunjukkan oleh seluruh rakyat semasa menangani Pandemik *COVID-19* ini dijadikan titik asas ataupun *benchmark* dalam pelaksanaan program Wawasan Brunei 2035. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dan izin pertolongan **اللَّهُ** kita sudah setentunya akan dapat mencapai apa yang termaktub dalam Wawasan Brunei 2035 tersebut.

Cuma penglibatan rakyat tersebut perlu digilap supaya potensi dan kepakaran kemahiran mereka dapat dipergunakan sebaik mungkin sebagai mempraktikkan usaha *whole of nation approach* seperti yang sering kita uar-uarkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang kaola maksudkan ialah supaya penglibatan cerdik pandai, para pakar dan orang-orang yang berpengalaman dalam aspek-aspek tertentu di luar dari kerajaan akan dilibatkan sama, dalam kita menggubal dasar-dasar.

Terutamanya yang berkaitan dalam bidang industri, bisnes, sosioekonomi, pengurusan, kewangan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, kriteria bagi lantikan ahli-ahli yang di luar dari pegawai-pegawai kerajaan ini perlulah digubal dengan jelas berasaskan meritokrasi dan *performance base*.

Dengan kata lain, ahli-ahli yang dilantik mestilah mempunyai kelayakan, *integrity*, prestasi dan *governance* yang kukuh di samping mempunyai sifat-sifat amanah, ikhlas dan mempunyai *vision* yang *forward looking*.

Cadangan ini bukan sahaja dihasratkan untuk menimba ilmu dan pengetahuan dari individu yang pakar, cemerlang dan berpengalaman dalam bisnes dan bidang masing-masing malahan ia nya juga boleh bertindak untuk mengukuhkan *check and balance* dalam *governance* di samping memberikan perspektif industri dan bisnes.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita telah pun mempunyai asas yang kukuh di setiap agensi kerajaan. Proses dan prosedur sudah tersedia. *Strategic plan, blueprint, work plan*, pelan tindakan dan peta jalan telah pun dirancang dan digubal.

Key Performance Indicators, sasaran-sasaran dan Tekad Pemedulian Orang Ramai sudah pun terhidang. Cuma jika pelaksanaannya ataupun *delivery*nya masih terkebelakang dan koordinasinya masih kurang kukuh dan mantap ia perlulah diperbaiki dan dikemaskinikan,

yang sukar perlu dipermudahkan, mudah harus dipermudahkan lagi, yang lambat perlu dipercepatkan kurang elok perlu diperelokkan, tidak kurang pentingnya juga ialah penyebaran yang luas, komperhensif dan berterusan terhadap inisiatif kerajaan.

'Pemberigaan' ini bukan sahaja akan memberi maklumat yang cepat, tepat dan sahih bahkan juga dihasratkan untuk memberikan perspektif yang betul dan jelas terhadap usaha dan inisiatif kerajaan. Kita sudah masak dengan pengalaman ini semasa Pandemik *COVID-19*.

Ia nya perlu dibuat ikhtibar dan jadikan sempadan supaya apa jua inisiatif ini akan disambut baik bukan sahaja oleh pemegang jawatan awam semua peringkat tetapi juga oleh seluruh rakyat dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekiranya amalan ini kita utamakan, kaola berpendapat semua pihak yang berkepentingan dan seluruh rakyat sudah setentunya akan memberikan sokongan yang padu kepada apa jua dasar dan program yang dilaksanakan oleh negara dan Wawasan Brunei 2035 *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan izin dan petunjuk *اللَّهُ* akan dapat kita jayakan bersama.

Pentingnya peranan media kerajaan dalam apa jua bentuk dalam memaparkan dan meningkatkan imej negara di mata rakyat dan dunia. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita menarik lebih banyak *FDI* baharu ke negara ini.

Ia nya perlu mempunyai strategi yang *out of looking* untuk meningkatkan reputasi negara baik dari segi pilihan atau destinasi pelaburan juga bagi pelancongan dengan cara memberikan maklumat yang betul, cepat dan tepat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Nilai bernegara yang berpaksikan amalan Melayu Islam Beraja perlu kita fahami secara mendalam dan saksama. Dalam amalan ini tidak ada pihak yang menang dan tidak ada pihak yang kalah.

Semua pihak perlu saling berganding bahu, sokong-menyokong, bersatu hati, bersatu padu, seiring sejalan dalam persefakatan dan perpaduan ke arah mencapai hasrat negara di bawah kepimpinan bijaksana dan berkebijakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita harus meraih berkat dengan tawaduk, bekerja keras, ikhlas, tidak pernah mengenal lelah demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan negara. Setelah semua usaha telah kita laksanakan, semua pilihan telah kita terokai selebihnya yang tinggal hanyalah tawakal dan penyerahan kita kepada *اللَّهُ* kerana bukannya *اللَّهُ* itu adalah sebaik-baik Perancang dan Pelaksana Yang Maha Agung.

Kaola rasa inilah sebahagian inti pati utama Negara Zikir. Taat kepada *اللَّهُ*, tawaduk dan istiqamah, sentiasa mentaati *اللَّهُ* dan Rasul-Nya, setia kepada raja, cinta kepada negara dan

menghormati keluruhan undang-undangnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini izinkanlah juga kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama kecekapan dan sokongan yang tidak mengenal lelah sepanjang permesyuaratan ini.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan mengurniakan taufik, petunjuk dan hidayah-Nya. Membuka minda menyatukan hati pada kita semua ke arah jalan-jalan yang berkebajikan supaya kita akan menangani cabaran ini dengan ikhlas, tabah dan penuh keredaan dan tanggungjawab.

Kaola juga ingin memohon maaf kepada semua Ahli Yang Berhormat kiranya tesuruk langkah, terkasar bahasa, 'mengguris' hati dalam menyampaikan pandangan dan pendapat. Yang baik itu semuanya datangnya daripada **اللَّهُ**, yang kurang baik itu adalah dari pada kaola sendiri selaku insan yang kerdil.

Akhir sekali, kaola berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh ahli kerabat diraja akan sentiasa sihat wal'afiat, dikurniakan nikmat lanjut usia, taufik dan hidayah, keberkatan, perlindungan dan pemeliharaan

اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, memimpin negara dengan penuh kesejahteraan dan kemakmuran dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa dikurniakan kesejahteraan, rahmat dan nikmat serta perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

Terakhir, izinkan kaola menutup Ucapan Penangguhan ini dengan beberapa rangkap pantun mengenai negara kita:-

Bruneiku indah Darussalam,
Mencipta sejarah sedari silam,
Terkenal sudah seluruh alam,
Ibarat sebutir permata nilam.

Negara ku indah laila terbilang,
Hutannya hijau mata memandang,
Tanahnya subur hasil berbilang,
Rakyat berhemah negara cemerlang.

Rakyatnya 'bekarih' menabur jasa,
Menyahut seruan raja perkasa,
Menyumbang bakti nusa dan bangsa,
Negeraku aman laila sentosa.

Bruneiku indah negara zikir,
Rajanya pemurah tiada kikir,
Sentiasa prihatin tiada mungkir,
Kebajikan rakyat penting terukir.

Ya **اللَّهُ** Tuhan Penyayang,
Dipohonkan berkat negara tersayang,
Aman berkekalan rezeki menjulang,
Melimpah ruah jangan terhalang.

Di akhir kalam hamba munajat,
Merafak doa memohon hajat,
Raja kami dikurniakan rahmat,
Sentiasa sihat beroleh berkat,
Memimpin negara makmur selamat.

Semoga ﷻ memudahkan kita menunaikan Ibadah Puasa pada bulan Ramadan yang penuh mubarak ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang keempat daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. ﷻ kita bersyukur dengan izin ﷻ kerana telah dapat bersidang selama 17 hari dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Tahun 2023 dengan penuh rasa muhibah dan berjalan dengan lancar.

Kaola dengan hati yang tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas kepimpinan dan kebijaksanaan serta kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang Mesyuarat ini. Terutama sekali memandu abiskaola yang baru dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara di Dewan ini.

Terima kasih juga kaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama yang diberikan sepanjang Mesyuarat ini.

Dalam kesempatan ini kaola juga tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana memberikan penjelasan dan pencerahan kepada soalan-soalan yang telah diajukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita memfokus dalam Ucapan Penangguhan ini kepada Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah diluluskan.

Kementerian Pendidikan adalah sebuah kementerian yang mendapat peruntukan yang sangat besar. Kaola berharap peruntukan ini akan dapat digunakan sebaik-baiknya terutama sekali untuk menjadikan negara 'kitani' mempunyai rakyat berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi.

Ia hendaklah digunakan untuk menambah baik kemudahan-kemudahan semua institusi pendidikan dalam Kementerian Pendidikan. Seterusnya dengan pembaikan ini adalah juga diharapkan akan dapat meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran di semua institusi berkenaan.

Seterusnya kaola sukacita menyarankan supaya guru-guru di sekolah yang cuma mempunyai Sijil Pendidikan atau Diploma Pendidikan diberikan peluang untuk menaiktarafkan mereka dengan mengikuti Sarjana Muda Pendidikan dan *Bachelor's Degree* yang dulu pernah ditawarkan dalam pelbagai mata pelajaran di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (*SHBIE*), Universiti Brunei Darussalam.

Guru-guru yang mempunyai prestasi cemerlang, penuh dedikasi dan komitmen digalakkan untuk mengikuti krusus tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola masih ingat semasa Yang Berhormat Yang Di-Pertua menjadi Menteri Pendidikan, ada mengatakan: "Sekolah adalah medan perjuangan bagi guru-guru (*battlefield*)."

Kaola percaya penuh dengan pandangan ini, guru-guru di sekolah yang 'berbasah, berkaring' ini supaya diberikan penghargaan dan pengiktirafan serta peluang-peluang belajar di peringkat yang lebih tinggi mengikut kemampuan mereka dan juga memberikan pertimbangan dalam kenaikan pangkat. Ini akan menyuntik semangat para guru-guru yang kaola sebutkan sebentar tadi.

Dari segi kemahiran "3M", Membaca, Menulis, Mengira, usaha-usaha hendaklah dilipatgandakan supaya pelajar-pelajar tidak akan tercicir pada awal persekolahan. *No student should be left behind.*

Ini adalah penting bagi mereka untuk mengikuti pembelajaran seterusnya di peringkat yang lebih tinggi, malah ia diperlukan untuk menguasai bidang *Sciences, Technology* dan *Engineering*.

Akhirnya sebelum menutup Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin mengambil kesempatan ini menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan baginda melantik kaola menjadi Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dengan lantikan ini, kaola buat pertama kalinya dapat berpartisipasi dalam perbincangan, perbahasan, memberi buah fikiran, saranan-saranan dalam persidangan di dalam Dewan yang mulia ini dengan niat bahawa semua itu adalah untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kesempatan dan peluang ini adalah satu penghormatan yang terbesar bagi kaola secara peribadi. Akhirnya, dalam bulan Ramadan yang berkah ini, kaola memohon ampun dan maaf zahir dan batin sekiranya terdapat tutur kata yang kurang manis dan 'suruk langkah' yang tidak disenangi.

Yang baik itu adalah daripada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, semua kesilapan, kelemahan dan kekurangan itu datang

daripada kaola jua. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ، يَا غَزِيْرُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kelima akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ، lebih dahulu koala mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas memimpin permesyuaratan dengan ramah dan cekap, serta kadangkala tegas, namun abiskaola sangat memahami tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua amatlah berat.

Tidak lupa merakamkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana dapat mengurus dan melaksanakan Musim Permesyuaratan kali ini dengan sempurna dan berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Berkenaan dengan pentingnya sikap profesionalisme dalam kalangan warga kakitangan awam.

Di dalam merealisasikan semua perancangan kemajuan negara sentiasa bergerak mengikut masa yang dihasratkan, kaola menyarankan agar setiap kakitangan awam hendaklah bersikap profesionalisme dalam semua hal pekerjaan termasuk dalam membuat keputusan dan menggubal dasar.

Sikap profesionalisme yang tinggi akan dapat memberikan gambaran kepada orang ramai betapa kakitangan awam mempunyai nilai komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Sikap profesionalisme ini yang akan dapat meningkatkan keyakinan dan persepsi orang ramai terhadap kualiti sistem, penyampaian perkhidmatan kerajaan secara amnya dan dapat mencapai matlamat bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

Mengenai transformasi budaya kerja. Justeru, dalam membudayakan sikap profesionalisme ini, setiap jabatan kerajaan perlu melakukan transformasi.

Transformasi budaya ini tidak akan dapat dilakukan dalam masa sehari atau melalui kursus dan bengkel. Ia memerlukan tekad, komitmen dan usaha yang berterusan dari semua pihak dari peringkat atasan hingga ke peringkat organisasi yang paling bawah.

Koala suka merujuk kata-kata hikmah yang berbunyi seperti berikut. "Orang bijak tidak berharap mendapatkan kehidupan yang berharga, mereka

membuat kehidupan mereka sendiri berharga”.

Negara memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan yang inovatif, kreatif dalam memikirkan apa yang terbaik. Setiap kakitangan kerajaan perlu sentiasa kreatif, memperlengkapkan diri dengan kemahiran semasa, inovatif dalam mencari peluang bagi memulakan diri kepada peluang-peluang baharu serta agresif dalam mempelajari ilmu untuk mempertingkatkan kecemerlangan diri.

Amalan ini hendaklah sentiasa dipraktikkan sehingga menjadi budaya dan turut diikuti oleh kakitangan lain dalam organisasi masing-masing. Nilai-nilai kebruneian sentiasa diterapkan agar semua kejayaan yang dicapai mengikut landasan “Calak Brunei” yang tulen *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola bercakap tentang pembangunan seimbang. Di dewan yang mulia ini, kaola telah pun menyuarakan beberapa isu dan cadangan berkenaan dengan permasalahan daripada orang ramai yang memerlukan keprihatinan pihak kerajaan. Ini termasuklah isu pekerjaan dan pengangguran. Banyak pandangan dan cadangan juga diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai usaha bagi membantu mengurangkan kadar pengangguran dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Namun pada itu, kaola penuh yakin pembangunan seimbang di dalam semua sektor perlu dilaksanakan melalui pendekatan senegara agar semua objektif kemajuan dapat dicapai.

Jika melihat negara yang berada dalam kumpulan negara maju, mereka bukan sahaja berjaya membawa pembangunan fizikal, tetapi turut memiliki rakyat dan masyarakat yang berbudaya tinggi, berfikiran maju dan mengamalkan gaya hidup berkualiti.

Kita tidak mahu Negara Brunei Darussalam dianggap sebagai negara yang mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi minda negara kelas ketiga. Dalam erti kata lain, pembangunan rakyat dan masyarakat tidak seiring dengan pembangunan fizikal.

Setiap agenda kemajuan hendaklah sentiasa relevan mengikut perubahan masa. Dalam masa yang sama, pembangunan seimbang ini dapat dimanfaatkan kepada kemajuan yang dirancang di daerah-daerah.

Pelan Kemajuan Daerah Tutong hendaklah selari dengan daerah-daerah lain. Keseimbangan dalam kemajuan perlu dijadikan keutamaan dan fokus utama kepada pihak kerajaan bagi mewujudkan pembangunan yang lestari. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai perancangan yang sempurna, kaola merujuk kata-kata yang berbunyi: “Tiada

jalan singkat untuk kita sampai ke suatu destinasi yang sememangnya jauh.”

Perjalanan tetap melibatkan langkah demi langkah dan tingkat demi tingkat. Tiada jalan pintas untuk kita mencapai kejayaan. Kunci kejayaan paling utama adalah bertawakal kepada ﷻ dan terus berusaha, pastikan semua usaha dan inisiatif dapat dilaksanakan satu per satu sebelum melangkah ke fasa seterusnya.

Kita janganlah terlalu ghairah untuk merangka sesuatu perkara yang belum pasti arah tujuhnya. Mana-mana usaha baik yang masih belum terlaksana hendaklah diteruskan dengan penuh yakin dan sabar.

Kaola mengharapkan agar Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dibentangkan dan dibahaskan dapat diurus tadbir dengan sempurna agar setiap sen dan ringgit perbelanjaan dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat serta membawa Negara Brunei Darussalam ke pentas kemajuan yang konsisten dan stabil ﷻ. Akhir kalam, kaola sudahi Ucapan Penangguhan ini dengan beberapa rangkap pantun untuk semua.:

Dewan yang mulia tempat bertemu,
Tempat berbahas dan berbicara,
Mulihtah 'kitani' membawa ilmu,
Belalah bangsa bangunlah negara.

Bunga dadap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jari disusun maaf dipinta,

Negara Brunei Darussalam
adat terpendang,
Syariat Islam jadi pegangan,
Kini Ramadan sudah menjelang,
Salah silap tutur bahasa mohon
dimaafkan.

Sekian terima kasih,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun sebagaimana yang dimaklumi berjaya meluluskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 dan kita telah pun juga meluluskan Ketetapan-Ketetapan sebagaimana yang tersenarai dan kita telah mula mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Saya secara peribadi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membuat Ucapan-Ucapan Penangguhan yang berkenaan dan saya kira cukuplah dahulu pada hari ini kita mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, ﷻ kita akan mendengar lagi Ucapan-Ucapan Penangguhan seterusnya yang senarai yang dikemukakan boleh dikatakan agak panjang dan setentunya menggalakkan bagi kita untuk meneliti ucapan-ucapan yang berkenaan itu pada keesokan harinya.

Saya dengan ini ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita ﷻ akan bersidang semula pada esok hari Selasa,

28hb. Mac 2023M, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ mulai pada
pukul 10.00 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 6hb. Ramadhan 1444H/28hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kelapan belas, Selasa, 6hb. Ramadan 1444H bersamaan 28hb. Mac 2023M, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ , kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ , kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama lagi hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang kelapan belas

dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَهْلُ الْيَوْمِ Majlis Mesyuarat Negara yang kita telah adakan pada hari semalam telah selesai meluluskan dengan jayanya Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024, begitu juga dengan Ketetapan di bawah Fasal 83(7) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4(2) Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136 bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan operasinya bermula pada **1hb. April 2023.**

Pada semalam juga Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sudah beralih ke Perkara VIII kenyataan Ucapan-Ucapan Penangguhan. Maka hari ini kita akan meneruskan seperti senarai yang ada bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat kenyataan dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang pertama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama menyertai ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh hormat sukacita ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin persidangan permesyuaratan dengan penuh kewibawaan, tabah dan sabar dalam memastikan permesyuaratan berjalan dengan lancar, teratur dan penuh kesempurnaan.

Tidak lupa juga kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan keseluruhan warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan mereka yang terlibat telah bekerja dengan keras dan dedikasi dalam memastikan kesempurnaan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini berjalan dengan lancar.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet di atas pencerahan dan respons yang komprehensif serta begitu jelas tentang isu-isu atau perkara-perkara yang abiskaola timbulkan di Dewan yang mulia ini.

Dalam pada itu, kami Ahli-Ahli Yang Berhormat berharap mana-mana juga cadangan ataupun saranan positif yang diutarakan akan dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya demi semata-mata berusaha bersama-sama menambahbaikkan dan memantapkan lagi perkhidmatan serta fasiliti-fasiliti awam ke arah yang lebih berkesan dan efektif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kita bersyukur ke hadrat kepimpinan yang bijaksana, berkewibawaan dan berwawasan yang jauh Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terus-menerus menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana yang aman damai, penuh harmoni dan seterusnya dapat menikmati اَلْحَمْدُ لِلَّهِ pelbagai bentuk kemudahan dan juga subsidi yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kesemuanya ini semata-mata untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam pada itu, kita sebagai rakyat dan penduduk yang berlandung di bawah Negara Brunei Darussalam sepatutnya juga berperanan dan bertanggungjawab untuk memberikan apa jua sumbangan atau khidmat bakti kita berdasarkan kepada kebolehan dan keupayaan masing-masing dalam kita bersama-sama menggembeleng tenaga bagi mengembangkamajukan ekonomi negara agar lebih mampan dan berdaya tahan demi kelangsungan kesejahteraan kehidupan kita di negara yang sama-sama kita cintai.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْتَغِيْثُكَ بِرَأْسِ الْمَلِكِ الْوَلِيِّ الْحَمْدُ لِلّٰهِ kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita harus bersyukur ke hadrat اَللّٰهُمَّ سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى kerana mempunyai Raja iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat-sangat prihatin serta pemedulian tentang hal-ehwal kesejahteraan, kebajikan, masalah, malahan rintihan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sehingga baginda sanggup bercemar duli berangkat atau kata istilah biasanya 'turun padang' ke jabatan-jabatan kerajaan, institusi pendidikan, rumah-rumah kediaman persendirian, organisasi tertentu sama ada berjadual atau tidak berjadual untuk mengetahui keadaan

yang sebenar-benarnya serta mendengar dan mendapatkan *input* secara terus dalam usaha menyelesaikan apa juga masalah atau isu yang ditimbulkan.

Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama khususnya pemimpin-pemimpin mengambil iktibar, pengajaran dan teladan dari cara kepimpinan baginda ini dalam kita bersama-sama mentadbir urus dan menjalankan tanggungjawab masing-masing supaya kita lebih maju bergerak terus ke hadapan ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang dan dinamik untuk memajukan sosioekonomi negara ke arah yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Kaedah urus tadbir secara 'turun padang' ini membolehkan kita mengetahui apa juga masalah atau isu yang sebenarnya serta mendapatkan *feedback* daripada pegawai-pegawai bawahan dalam menyelesaikan apa juga masalah atau isu. Di samping itu, hendaklah juga kita mengamalkan sikap keterbukaan dengan mudah atau mudah menerima fikiran yang positif dan inovatif daripada pegawai-pegawai bawahan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan cara sedemikian ini sudah setentunya bukan sahaja mengeratkukuhkan lagi semangat berpasukan dan *sense of belonging* tetapi ia boleh membantu penambahbaikan perkhidmatan dan pengurusan yang cemerlang dan efisien.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagaimana dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II mengenai dengan penyediaan Rang Undang-Undang Anggaran Perbelanjaan Negara Tahun 2023/2024 pada hari Khamis, 6hb. Mac 2023M yang lalu di Dewan yang mulia ini, anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah diunjurkan berjumlah \$2.99 bilion. Manakala jumlah perbelanjaan bagi membiayai kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan termasuk membiayai perbelanjaan di bawah Perbelanjaan yang Diakui berjumlah \$5.96 billion. Dari itu, kerajaan dianggarkan mengalami defisit berjumlah \$2.97 bilion.

Ini adalah satu cabaran utama yang perlu diambil perhatian yang serius untuk ditangani. Dengan kedudukan kewangan seperti ini, kaola penuh percaya dan sangat berkeyakinan pihak-pihak berkuasa dan berkepentingan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta kementerian-kementerian, *Government Linked Companies (GLC's)* dan juga pihak-pihak yang berkenaan sangat bersungguh-sungguh berusaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan lagi berdaya tahan apatah lagi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Berdepan dengan cabaran kedudukan defisit negara ini, kita seharusnya sama ada pihak sektor kerajaan atau swasta serta lapisan rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah bersama-sama bergerak ke hadapan dengan lebih pantas, bersedia untuk berkorban dalam menghadapi cabaran ini. Kita semua hendaklah lebih kreatif, inovatif, serta

mengubah *mindset* ke arah yang lebih dinamik serta progresif, lebih dedikasi dan bersungguh-sungguh serta amanah dalam kita bersama-sama berusaha meningkatkan pertumbuhan dan mengembanguaskan lagi ekonomi negara pada masa ini dan akan datang. Sehubungan itu, antara cadangan kaola adalah seperti itu dan perkara ini ada juga telah pun ditimbulkan pada mesyuarat-mesyuarat yang lalu:

1. *Mereview* atau meneliti dan mengemas kini tatacara yang lebih *significant* untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing *FDI terutama* yang berskala besar. Contoh dan iktibar yang boleh kita ikuti seperti negara-negara luar Singapura, Malaysia, Vietnam malahan sekarang kita lihat negara Indonesia, menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur untuk melabur. Walau bagaimanapun, keadaan ini disesuaikan dengan iklim dan keadaan negara kita;
2. Meningkatkan produk yang lebih berskala besar bagi produk-produk yang telah pun berjaya dieksport ke luar negeri, di samping mengenal pasti produk yang berpotensi untuk dieksport dan dikembangkan bagi menembusi pasaran luar negeri;
3. Prasarana disediakan hendaklah lengkap dan mencukupi untuk menggalakkan lebih ramai lagi Pengusaha-Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana berkecimpung dan

mengembangluaskan lagi perniagaan dan perusahaan mereka;

4. Pihak kerajaan hendaklah dan seharusnya lebih fokus dan mengutamakan perbelanjaan yang lebih menjana pertumbuhan ekonomi dan *spinoff* yang berpotensi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Peruntukan kewangan hendaklah digunakan secara berhemah, berjimat cermat dan sekurang-kurangnya kita mestilah mengelakkan sebarang pembaziran; dan
5. Seterusnya untuk mereview dan meneliti dan memperluaskan lagi penyediaan dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai profesional kemahiran teknikal *ICT* yang diperlukan dan *marketable* mengikut industri.

Kaedah *ease of doing business* ini adalah satu faktor yang perlu kita kenal pasti juga. Iaitu pada masa ini supaya ia lebih kondusif serta *user friendly* untuk memastikan para pelabur berasa terjamin dan *stable* berniaga malahan tinggal di negara ini. Ini termasuklah juga kemudahan keluar masuk dan kemungkinan seperti yang dinyatakan sebelum ini oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan *multiple entry visa* dan mungkin juga Pas Imigresen dalam tempoh yang lebih lama dengan syarat-syarat tertentu.

Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan hendaklah juga mengenalpasti bersama-sama apakah cara atau pendekatan untuk meningkatkan hasil pendapatan negara mengikut bidang kuasa masing-masing dengan mengambil kira tidak membebankan mereka yang berpendapatan rendah.

Seterusnya hasil pendapatan negara yang dikutip oleh agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan hendaklah dipastikan dikutip mengikut jadual yang ditetapkan. Mana-mana hasil kutipan yang tertunggak semestinyalah diusahakan untuk dijelaskan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan kaola tersebut adalah tertakluk kepada penelitian yang terperinci oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam berkat bulan Ramadan yang mubarak ini marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat diraja sentiasa dikurniakan taufik, rahmat dan hidayah dan sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat dan penuh kesihatan yang berpanjangan serta sentiasa di dalam perlindungan *آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ* . *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua.

Dalam kesempatan ini juga kaola sukacita memohon maaf jika sekiranya terdapat perkataan yang mungkin tidak

menyenangkan atau terkasar bahasa di Dewan yang mulia ini semasa kaola membahaskan isu-isu atau pandangan-pandangan yang diutarakan. Akhirnya kaola ingin mengongsikan 2 rangkap pantun di Dewan majlis ini:

Majlis Mesyuarat Negara
akan berakhir sudah,
Pembentangan perbahasan bersama
diutarakan berjalan lancar serta terarah
Kerana kewibawaan Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Dewan.

Hari ini bertanam kangkong
Hari esok bertanam serai
Sudah 18 hari di-Dewan ini
kita berkampung
Petang nanti إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, kita bersurai.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kedua Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
selamat pagi dan salam sajehtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati اللَّهُ, الْحَمْدُ لِلَّهِ, kita rafakan rasa syukur ke hadrat اللَّهِ dengan kurnia rahmat-Nya

jua berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah berjalan dengan lancar dan sempurna. Pada awal kesempatan ini, kaola juga sukacita dengan datangnya bulan Ramadan yang mulia ini, yang sudah kita lalui 5 hari, menyampaikan ucapan selamat menunaikan ibadah fardhu puasa dan ibadat-ibadat di dalamnya, Ramadan Karim.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan penuh tulus ikhlas mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan, kebijaksanaan dan ketabahan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan menerajui sesi permuzakarahannya sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di peringkat Jawatankuasa dengan cemerlang.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang terlibat dalam pengendalian permesyuaratan ini dengan penuh keprihatinan menentukan kesejahteraan dan keselesaan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga para hadirin dan hadirat di Dewan ini.

Penghargaan juga diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dengan tulus ikhlas dan secara keterbukaan mengetengahkan dan membahaskan isu-isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk negara ini khususnya berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatannya. Walaupun ini merupakan pendedahan pertama di Dewan ini bagi hampir kesemua Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam kesempatan ini peramba/kaola/saya sukacita menyentuh mengenai beberapa perkara yang difikirkan penting dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatannya selesai sahaja kita bersidang di Dewan yang mulia ini. Antaranya:

1. Mengenai isu yang berkaitan dengan pengisian jawatan-jawatan utama di sektor awam dan hal-hal memangku jawatan yang terlalu lama sepertimana yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatannya. Pihak Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama agensi kerajaan secara *whole of government* akan terus berusaha bagi menangani isu berkenaan dengan menggunakan peraturan dan garis panduan yang sedia ada. Ini adalah bagi memastikan pegawai-pegawai yang hendak mengisikan jawatan-jawatan utama tersebut merupakan pegawai

yang benar-benar berpotensi dan kompeten serta dapat menyumbang dan memberikan impak yang besar kepada kemajuan organisasi di kementerian mahupun di jabatan mereka ditempatkan atau bertugas.;

2. Pengisian jawatan-jawatan kosong di semua peringkat bahagian di sektor awam bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan efisien. Jabatan Perdana Menteri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan terus komited untuk memastikan proses pengisian jawatan dapat dilaksanakan secara adil, berkesan dan cepat melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Sistem *PSC Recruitment 2.0 Enhancement*.;
- ii. Pengukuhan Garis Panduan.;
- iii. Mengemas kini peraturan.;
- dan
- iv. Kaedah *Talent Pool*.;

3. Mengenai perancangan dalam memastikan rancangan penggantian (*succession planning*) dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini, setiap kementerian dan jabatan akan terus di peringatkan untuk menggunakan garis panduan rancangan penggantian yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, memastikan pegawai kanan yang telah dikenal pasti oleh setiap kementerian dan jabatan diberikan Kursus

Pembangunan Kepimpinan di bawah *Civil Service Leadership Pipeline* yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri.

Program-program tersebut adalah Program Eksekutif Muda (*Young Executive Programme*), Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (*EDPMMO*) dan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (*EDPSGO*).

Program-program yang ditawarkan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) juga tersedia dan merupakan pensijilan profesional dalam pelbagai bidang termasuk bidang pengurusan dan kepimpinan. Dalam perkara ini, pihak IPA juga sedang menyediakan Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti Perkhidmatan Awam (RPKPA) atau *Public Service Capability Development Framework (PSCDF)* yang bertujuan untuk mengukur keupayaan atau kebolehan perkhidmatan awam agar dapat menyokong dan melaksanakan strategi, inisiatif dan program-program kementerian dan jabatan bagi menghasilkan pemberian perkhidmatan yang cemerlang.

Warga perkhidmatan awam ditekankan untuk mengambil peluang-peluang latihan dan pendedahan yang disediakan untuk membangun *capability* sumber

tenaga manusia di organisasi masing-masing.;

4. Menyentuh mengenai produktiviti organisasi. Perkara ini bergantung pada kepimpinan, penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) dan inovasi sepertimana yang telah dijelaskan dalam mukadimah dan sesi perbincangan. Pelbagai peluang dan program tersedia bagi membantu kementerian atau jabatan mempertingkatkan produktiviti masing-masing melalui pembangunan kepimpinan serta kursus-kursus latihan pengurusan termasuk inovasi.;
5. Menyentuh mengenai keamanan dan kestabilan negara. Kita tidak sekali-kali akan berkompromi dengan isu-isu yang melibatkan keselamatan negara termasuk juga anasir-anasir yang cuba mempengaruhi minda masyarakat dengan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan prinsip Melayu Islam Beraja. Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri melalui agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus bertindak untuk merangka strategi bagi memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik, dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

Ini termasuklah dalam meningkatkan usaha-usaha seperti membanteras

aktiviti jenayah dalam mengukuhkan lagi keupayaan agensi-agensi berkepentingan untuk membawa individu-individu yang bersalah ke muka pengadilan agar mereka dapat berhadapan dengan sistem keadilan dan undang-undang yang sedia ada yang sentiasa relevan dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perdana Menteri akan terus peka atau *vigilant* terhadap ancaman jenayah merentas sempadan seperti jenayah siber, penyeludupan dan pengedaran dadah haram dan barang-barang terlarang serta jenayah perdagangan manusia yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Walau bagaimanapun, seyogianya diingati bersama seperti juga kaola ketengahkan atau ulangi dalam mukadimah Kementerian Pertahanan peranan menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian ini terletak di bahu kita semua bukan hanya khusus kepada agensi-agensi keselamatan.

Justeru kaola menyeru dan memohon kerjasama semua pihak terutamanya pemimpin-pemimpin akar umbi dan orang-orang awam untuk kita sama-sama atau bersepadu membanteras jenayah di negara ini.

Dalam kesempatan ini, sukacita kaola dengan tulus ikhlas tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada orang awam dan pihak-pihak tertentu yang telah banyak membantu memberikan maklumat kepada pihak berkuasa dalam membanteras dan menangkap penjenayah dapat menyelesaikan beberapa kes jenayah di negara ini. Sebagaimana kita bertindak sebagai satu masyarakat yang sama-sama bertanggungjawab untuk memelihara kedaulatan undang-undang negara (*uphold the rule of law*);

6. Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri akan terus melaksanakan strategi yang telah disusun untuk memaksimumkan hasil dari sumber minyak dan gas iaitu memastikan pengeluaran minyak dan gas dikekalkan pada tahap sebanyak 300,000 tong sehari dalam jangka sederhana dan dipertingkatkan lagi ke tahap kira-kira 350,000 tong sehari dalam masa panjang dalam memajukan *reserves* yang sudah ditemui melalui pelbagai inisiatif yang inovatif dan *cost effective* serta meningkatkan pelaburan dan kegiatan penerokaan bagi penemuan sumber minyak dan gas yang baharu.

Manakala di sektor hiliran minyak dan gas, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama agensi yang berkenaan akan terus mendukung pertumbuhan sektor hiliran dalam memaksimumkan dan mengukuhkan

rangkaian sektor hiliran dengan mengembangkan projek-projek berunsur hiliran *derivative* yang mengguna pakai produk petrokimia sebagai *feed stock*.

Kegiatan hiliran di Pulau Muara Besar yang lebih berasaskan industri hiliran minyak dan gas **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan berkembang pesat apabila Fasa '2' Pulau Muara Besar yang kini sedang di peringkat perancangan memerlukan pelaburan lebih kurang US\$9 bilion dan dijangka mula beroperasi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada tahun 2027/2028.

Bagi memastikan faktor *realibility* di sektor tenaga terus diperkukuhkan, pengendalian prasarana yang berkesan melalui aktiviti-aktiviti rejuvinasi ke atas aset-aset dan fasiliti akan sentiasa diberikan perhatian. Dalam memajukan sektor hulu dan hiliran, keutamaan akan terus ditumpukan ke arah memaksimumkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan termasuk memantau perancangan *succession planning* dalam mengukuhkan lagi penguatkuasaan arahan *Bruneianisation (Bruneianisation Directive)* bagi syarikat-syarikat pengendali utama minyak dan gas serta memperluaskan lagi peluang-peluang pengusaha-pengusaha tempatan dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang dapat membangun daya saing yang tinggi.; dan

7. Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus berusaha memberikan perkhidmatan pembekalan tenaga elektrik dan bahan

api pengangkutan yang mampan dan efisien untuk memenuhi keperluan negara bagi mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, di samping memacu pertumbuhan kegiatan ekonomi negara yang dijangka akan berkembang dengan pesat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan juga projek-projek di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan lagi indeks *realibility* bekalan tenaga elektrik negara dan mencapai liputan 100% pembekalan tenaga elektrik negara.

Ini termasuk projek-projek yang memberi tumpuan khusus kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Belait dan Daerah Tutong. Pada masa yang sama, keutamaan turut diberikan dalam memastikan negara terus mencapai tahap sara diri yang tinggi dalam penghasilan beberapa produk utama petroleum khususnya bahan api kenderaan bagi memenuhi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mungkin tidak keterlaluan bagi peramba/kaola/ saya mengambil kesempatan dalam Penangguhan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini untuk menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik agar apa-apa juga permasalahan yang

dibangkitkan dan rungutan yang dikemukakan oleh masyarakat atau anak-anak buah kampung adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita mencari jalan penyelesaian dan membuka dan mengukuhkan rangkaian perhubungan pelbagai pihak untuk bekerjasama melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* sepertimana juga seruan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, demi kesejahteraan rakyat dan orang ramai juga, pada hemah kaola adalah lebih elok untuk kita sama-sama terus mengadakan perundingan, perbincangan dan syura untuk mencari jalan penyelesaiannya sebentar awal masalah-masalah itu diketengahkan atau dibawa ke perhatian kita daripada hanya menunggu untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini pada tahun hadapan.

Jabatan Perdana Menteri sangat mengalu-alukan bagi mengadakan Sesi Permuzakarah dan mengalu-alukan lawatan atau sesi 'turun padang' daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meninjau lebih dekat dan sama-sama bercambah fikiran dan bertukar pendapat mengenai apa juga perkara atau permasalahan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan berkat keterbukaan dan permuafakatan, diyakini banyak pandangan dan kaedah penyelesaian dapat diperolehi demi kemaslahatan setiap pihak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ selama 17 hari yang berlalu kita telah sama-sama memartabatkan Mesyuarat ini sesuai dengan sifatnya pada menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang baginda kurniakan di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, di Dewan yang mulia ini sebagai wadah bagi membincangkan isu-isu utama dan strategik bagi membangun untuk kepentingan negara.

Kita akan terus 'menanai' kurnia titah-titah tersebut dan akan meneruskan pendekatan ini khususnya dalam meneruskan perjalanan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang kita sedari dan sentiasa diperingatkan hanya tinggal 12 tahun sahaja lagi dan menentukan keamanan, keselamatan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir akan sentiasa kekal dinikmati dan disyukuri.

Sebelum berundur diri, kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, memohon kemaafan kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat andai terdapat kekurangan atau kepincangan khususnya dalam memberikan jawapan-jawapan dan

penerangan-penerangan dari soalan-soalan yang dikemukakan dan sebarang tingkah laku dan tutur kata sepanjang kita berjemaah di Dewan yang mulia ini.

Melalui 'sukut baik' Berpuasa ini marilah kita sama-sama menadah tangan memohon doa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Raja yang kita kasihi akan dikurniakan nikmat lanjut usia, sihat kekal sejahtera, kekal karar memerintah atas singgahsana kerajaan Negara Brunei Darussalam begitu juga dengan ahli-ahli kerabat baginda.

Negara Brunei Darussalam, bumi tercinta ini akan terus aman makmur berkekalan **يَا رَبِّ الْعَالَمِينَ**. Buat akhirnya sehingga kita dipertemukan dalam kesempatan lain peramba/kaola/saya tidak lupa menyampaikan ucapan Selamat kita menunaikan ibadah Puasa dan amalan-amalan di dalamnya dan berbahagia Berhari Raya ketibaan Syawal di penghujungnyanya nanti.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang ketiga daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan pada hari ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan petunjuk dan izin-Nya juga kita sampai ke penghujung persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1444/2023 ini setelah bersidang selama 18 hari sehingga ke hari ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat mendahului Ucapan Penangguhan ini kaola dengan penuh hormat takzim menyembahkan setinggi ucapan dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan, kepimpinan dan keprihatinan baginda yang berterusan untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini di samping kesungguhan baginda untuk memperkukuh kestabilan perekonomian dan pembangunan negara dengan

jumlah perbelanjaan yang dikurniakan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 ini.

Dalam kesempatan ini, kaola juga mengambil peluang untuk menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana dengan jayanya memimpin permesyuaratan di dalam Dewan yang mulia ini dengan bijaksana, sabar serta penuh diplomasi dan harmoni, juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis atas nasihat dan bimbingan yang diberikan kepada abiskaola sepanjang persidangan dan kepada warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama berterusan memudahkan urusan abiskaola dari sejak awal pelantikan sehingga ke hari ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sepanjang persidangan di Dewan yang mulia ini, kita telah sama-sama menekankan perbahasan mengenai pelbagai isu dan cabaran, strategi dan inisiatif kementerian-kementerian serta cadangan-cadangan penyelesaian yang difikirkan dapat memberi impak positif kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan sosioekonomi negara.

Antaranya seperti isu kemiskinan, skim kebajikan negara, sektor-sektor pertanian, penternakan dan perikanan negara yang meliputi penyaluran keperluan asas dan kemahiran kepada golongan yang berpendapatan rendah dan juga kepada golongan belia.

Untuk meningkatkan taraf hidup agar rakyat hidup berdikari dan seterusnya kadar kemiskinan di negara ini dapat dikurangkan. Selain itu, isu berkaitan pembangunan negara dan kestabilan ekonomi negara serta usaha-usaha untuk mengembang luas dan meningkatkannya juga mendapat perhatian dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola berharap perbahasan - perbahasan yang berlangsung di dalam Dewan yang mulia ini, akan mengukuhkan lagi persefahaman antara semua pihak yang berkepentingan untuk terus bekerjasama dalam satu pasukan yang akan sama-sama melaksanakan tanggungjawab dan peranan dalam bidang tugas masing-masing yang diamanahkan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 nanti إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

Di kesempatan ini, kaola sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri atas kepimpinan dan usaha merancang pelbagai strategi dan inisiatif untuk menangani isu dan cabaran yang mengesankan rakyat dan negara di samping keterbukaan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menerima semua isu, aduan serta cadangan abiskaola dan seterusnya penuh dengan tanggungjawab dan komited memberikan maklum balas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyambut baik dan akan sentiasa memberikan sokongan padu kepada strategi dan inisiatif mana-mana pihak di sektor kerjaan, swasta dan *NGO's* serta masyarakat umum yang diusahakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kestabilan dan sosioekonomi negara.

Dalam hal ini, kaola bersependapat dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat mengenai pentingnya pendekatan *whole of nation* dan *whole of government* untuk diperkasakan lagi pelaksanaannya dengan meningkatkan penglibatan sektor-sektor swasta dan *NGO's* serta masyarakat awam untuk mengikut kesesuaian dalam bidang dan kemahiran yang ada untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan secara bersepadu dan saling menyokong antara satu sama lain dan bersatu dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh rakyat dan negara.

Dalam hal ini, kaola bawakan contoh semasa situasi penularan *COVID-19* di negara ini. Kita melihat semua pihak di sektor swasta dan *NGO's* serta masyarakat awam bersatu membantu pihak kerajaan dengan iltizam yang kuat untuk mengawal dan melepaskan negara dari penularan *COVID-19* berterusan semuanya disebabkan kesedaran dan kefahaman masyarakat yang diterima menerusi media seperti televisyen dan radio serta media sosial.

Amalan inilah yang perlu kita perkasakan bersama dalam menangani apa juga isu dan cabaran negara, iaitu dengan meningkatkan koordinasi dan kerjasama padu antara semua pihak sama ada di sektor kerjaan, swasta dan *NGO's* serta masyarakat umum dengan satu tujuan dan satu matlamat iaitu untuk kebajikan rakyat dan negara semata-mata.

Berkat perpaduan masyarakat dan dengan pertunjuk dengan bersatu hati kita akan berjaya menyelesaikan isu dan cabaran yang mengesankan kesejahteraan rakyat dan negara serta menjadikan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini sebagai Negara Zikir yang berkat dan diredai oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, mempunyai ekonomi yang mantap dan rakyat yang berdikari serta bebas daripada kemiskinan menjelang Wawasan Brunei 2035 nanti.

Selain itu, bersikap lebih terbuka dan telus dengan 'memberigakan' apa jua dasar dan inisiatif yang dirancang serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara, bagi memudahkan rakyat memahami dan menerima sebarang perubahan dan bersedia memberikan kerjasama untuk menanganinya.

Menilai semula strategi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mengenalpasti sebarang punca kekurangan atau kelemahannya dan merancang penambahbaikan yang lebih efektif dan mengambil kira dan meneliti cadangan-cadangan yang telah dikemukakan sepanjang persidangan ini

oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk akhirnya kaola sukacita menarik perhatian semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita semua berperanan sebagai pemimpin. Ini disabdakan oleh رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dalam hadis Baginda yang bermaksud: "Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggung jawab ke atas apa yang dipimpinnya". Kaola membawakan hadis tadi untuk ingatan kita bersama bahawa kepimpinan bukanlah satu kemuliaan ataupun kebanggan tetapi ia adalah satu amanah yang akan dipertanggungjawabkan kepada setiap individu pada hari akhirat nanti.

Oleh itu, dengan tanggungjawab yang diamanahkan ini, marilah kita bersama-sama menjadikan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini sebagai Negara Zikir yang berkat dan diredhai oleh اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى, mempunyai ekonomi yang mantap dan rakyat yang berdikari serta bebas daripada kemiskinan melalui contoh urus tadbir dan kepimpinan رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sebagai amalan kita berlandaskan 4 sifat Baginda yang mashyur iaitu sifat sidiq (jujur), amanah (dipercayai), tabligh (menyampaikan) dan fatanah (bijaksana).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir sekali kaola berdoa semoga اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى

melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melimpahkan rahmat-Nya dan mengurniakan nikmat kesihatan dan keafiaatan kepada baginda dan ahli-ahli kerabat diraja serta seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini, sentiasa hidup aman dan makmur dalam pertunjuk dan keberkatan serta keredaan اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى di dunia dan di akhirat إِنَّ شَاءَ اللَّهُ .

Sebagai penutup, kaola memohon kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua yang berada di Dewan yang mulia ini, andai ada tutur kata kaola yang kurang manis didengar atau tingkah laku yang kurang elok dipandang, mohon dimaafkan semua kelemahan ini.

Kaola juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat menunaikan ibadah Puasa pada bulan Ramadan yang mubarak ini dan seterusnya Selamat menyambut Syawal yang mulia, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. Semoga kita semua sentiasa dalam rahmat dan keredaan Allah juga.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang keempat daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permesyuaratan dengan ramah dan cekap serta berjalan dengan teratur.

Tidak lupa juga kaola merakamkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana dapat mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaatan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini dengan sempurna dan berjalan lancar.

Berkenaan dengan mengekalkan kelestarian bumi Negara Brunei Darussalam adalah negara yang kaya dengan sumber semula jadi. Sumber-sumber ini terdiri daripada pelbagai spesies flora dan fauna, bahan mineral, tanah yang subur, air minuman yang bersih dan antara hutan hujan tertua di dunia. Ditambah pula dengan ekonomi negara yang semakin mengukuh, rakyat mudah memperoleh segala keperluan asas mereka. Adalah mudah untuk bersikap sambil lewa dan menganggap sumber-sumber ini tidak terhad. Sebenarnya, sumber-sumber alam semakin berkurangan. Pemusnahan hutan, pemanasan global dan kekurangan air bersih antara isu-isu yang

sedang dihadapi oleh negara-negara di seluruh dunia. Satu-satunya cara untuk memastikan kelangsungan hidup kita adalah dengan menjaga alam sekitar secara aktif.

Bercakap berkenaan dengan perubahan iklim, isu banjir, bencana alam dan kemusnahan hutan antara perkara yang kaola timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pihak kerajaan mahupun swasta sentiasa memainkan peranan dalam memastikan kemajuan negara sentiasa mengutamakan kelestarian bumi Negara Brunei Darussalam ini tetap dipelihara agar isu-isu yang ditimbulkan berkenaan dengan alam sekitar dan perubahan iklim dapat dikurangkan. Perubahan iklim bukanlah fenomena yang hanya berkaitan dengan perubahan lingkungannya saja.

Dalam prosesnya terjadi perubahan ekonomi, sosial, politik, dan geografi. Semuanya berkaitan dan tidak dapat dipisahkan. Misalannya, perubahan iklim yang menyebabkan muka air laut naik dan kejadian bencana banjir akan berubah. Penghidupan rakyat dan masyarakat akhirnya mengambil keputusan berpindah ke tempat lain untuk mencari kehidupan yang lebih baik dan selamat.

Isu-isu yang kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan pembinaan lebih banyak kolam takungan banjir di kawasan-kawasan yang berisiko seperti pembinaan benteng penghadang dan sistem amaran awal bagi kawasan-kawasan penduduk di persisiran pantai

adalah perlu diberi perhatian sewajarnya dengan mengambil kira kewaspadaan kenaikan paras air laut tahun 2030.

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan daripada Dato Seri Reezal Merican Naina Merican, mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia menyatakan bahawa: "*NCVI* adalah satu kaedah yang menunjukkan kepelbagaian ekosistem di sesebuah kawasan persisiran pantai dan penilaian terhadap tahap keterdedahan atau kerapuhan kawasan berkenaan. Ia juga bertindak sebagai sistem amaran terhadap risiko yang akan wujud."

Penemuan *NCVI* dalam *RPP-2* yang disokong data saintifik antaranya dari Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (*NAHRIM*) yang diterbitkan pada 2019 menunjukkan Malaysia terkesan dengan isu kenaikan paras air laut dan ia dijangka turut menjejaskan kawasan pantai dalam kadar keluasan yang besar.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dalam mukadimah Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024, inisiatif dan usaha melestarikan Negara Brunei Darussalam selaras dengan komitmen ke arah pelepasan sifar bersih (*net zero emission*) menjelang tahun 2050. Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Perasmian Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu "Mengenai komitmen negara ke arah perubahan iklim, beta

telah memperkenalkan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Tuan Rumah bagi Pusat Perubahan Iklim *ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change)* yang akan menempatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kegiatan penyelidikan berkaitan dengan perubahan iklim."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh juga mengenai insentif dan dorongan guru-guru di sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin mengemukakan mengenai perkara ini iaitu insentif dan dorongan guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang sudah berkhidmat terlalu lama secara berterusan dengan cemerlang dan penuh dedikasi agar diberikan bentuk insentif sokongan, bantuan dan pertolongan yang sepatutnya yang mereka tidak lagi diberikan beban dan tugas yang tidak ada kaitannya dengan pembelajaran-pembelajaran. Sepatutnya mereka itu diberi anugerah pingat-pingat yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang mereka jalankan sepanjang perkhidmatan yang sedia ada.

Menyentuh berkenaan dengan isu beban guru, peranan dan fungsi guru bukan sahaja menyampaikan ilmu kepada pelajar, bahkan memastikan pelajar lahir daripada sistem pendidikan yang mempunyai sahsiah serta daya saing tinggi menerusi penjiwaan amalan yang baik diterapkan di sekolah secara semula jadi. Isu berkaitan beban tugas guru bukan sahaja berlaku, bahkan sudah lama wujud, di dalam Dewan yang mulia

ini juga sering dibicarakan beban tugas guru dan sering dibangkitkan hingga menjadi tekanan kepada pihak kerajaan. Isu ini seolah-olah tiada pengakhiran dan masih dilihat tiada jalan penyelesaian.

Kaola mengharapkan agar pihak Kementerian Pendidikan terus komited mencari jalan dan kaedah yang boleh membantu dalam mengurangkan beban tugas guru. Berkat usaha dan sikap keterbukaan pihak-pihak berkenaan diharapkan perkara ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Berkenaan dengan kepimpinan akar umbi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sepertimana penubuhannya adalah bertujuan untuk memperkukuhkan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dalam masa yang sama merancang dan melaksanakan projek-projek ke arah kemajuan kampung dan meningkatkan kesejahteraan serta sosioekonomi masyarakat mukim dan kampung.

Kaola mengharapkan agar MPMK ini akan terus dimata-matai dan didedahkan dengan program-program dan kursus-kursus kepimpinan agar terus relevan dan tidak ketinggalan dalam semua aspek arus perubahan teknologi terkini.

Bidang keusahawanan adalah antara perkara yang menjadi fokus utama bagi menggerakkan aktiviti perekonomian yang mampu menyumbang kepada ekonomi negara yang stabil dan berdaya tahan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Pendekatan 'turun padang' perlu diterapkan oleh pihak kerajaan sama ada pegawai-pegawai atasan di peringkat kementerian mahupun jabatan daerah agar konsep timbal balik ini dapat memberikan kesan yang positif kepada masyarakat kampung agar terus bersemangat dan merasa dihargai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bercakap berkenaan dengan Pembangunan Inklusif, kaola cukup optimis agar Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 ini dapat merealisasikan harapan rakyat ke arah menikmati kehidupan yang selesa.

Projek-projek dan inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan sosioekonomi rakyat dan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada, terutama sekali di kawasan pedalaman yang masih belum menikmati sistem jalan raya yang selesa dan selamat dan kemudahan pengangkutan awam yang begitu terhad hendaklah sewajarnya diberi perhatian ke arah mewujudkan pembangunan yang inklusif.

Akhirnya kaola memohon maaf jika ada kata-kata dan 'suruk' langkah yang kurang sopan di Dewan yang mulia ini di sepanjang Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2023 ini berlangsung. Sesungguhnya yang baik itu datang daripada Allah dan keburukan adalah datang dari diri kaola sendiri.

Kaola tidak lupa mengucapkan Selamat menunaikan ibadah puasa, semoga amalan baik yang kita lakukan sepanjang bulan Ramadan Al-Karim ini beroleh pahala daripada **اللَّهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**.

Sekian terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kelima daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan, kewibawaan dan kebijaksanaan baginda sebagai tampuk pentadbiran negara dan memastikan kekukuhan dan integriti dalam tadbir urus kerajaan sentiasa terpelihara dan mengikut landasan yang diredai oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى جُا**, **اَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia jua, Majlis Mesyuarat Negara telah berjalan dengan lancar dan sempurna.

lain dalam menyokong Ucapan Penangguhan kita ini dan juga mengucapkan terima kasih serta penghargaan yang tinggi terutama sekali kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seterusnya warga kerja Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh pegawai dan kakitangannya yang telah berusaha dengan giat dan gigih memastikan permesyuaratan pada tahun ini berlangsung dengan baik dan teratur.

Terima kasih dan ucapan penghargaan juga koala tujukan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah ikut serta membahaskan Belanjawan Kementerian Kesihatan dengan begitu bertenaga yang didorong oleh keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyampaikan dan mengupas isu-isu yang menjadi kemusykilan atau kekhawatiran masyarakat secara amnya. Pada kaola, perbahasan yang telah berlangsung itu mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk 'membisaikan' dan mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola sukacita ingin menekankan secara ringkas beberapa perkara yang telah kaola sampaikan dalam mukadimah kaola pada hari keempat belas permesyuaratan kita ini, sekali gus menyuarakan beberapa pendapat atau *reflection* daripada perkara-perkara yang boleh kita ambil sebagai satu dorongan atau motivasi ke arah melahirkan warga Brunei yang mempunyai tahap kesihatan

yang cemerlang dan mengecapi kualiti kehidupan yang tinggi, sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035.

1. Kaola ingin meninjau pengalaman semasa menangani Pandemik *COVID-19*, yang kesedaran mengenai kesihatan awam dan pentingnya terhadap keselamatan diri dan orang-orang di sekeliling, terus memuncak. Kesan krisis ini tidak hanya terhad kepada kesihatan sahaja, tetapi juga dari segi ekonomi. Secara jujur, kaola melihat bahawa krisis ini telah menzahirkan beberapa ruang untuk perbaikan bukan sahaja dalam sistem kesihatan negara, malah juga dari segi kemampuan dan kesiapsiagaan negara dalam mengatur respons terhadap ancaman-ancaman yang boleh membahayakan dan menjejaskan keselamatan negara dan penduduk.

Dengan sumber-sumber yang kita miliki, kita perlu berfikir lebih jauh dan terbuka dalam memanfaatkan inovasi pada masa kita menangani krisis dan dalam memastikan kelangsungan pengoperasian perkhidmatan yang semakin mencabar demi menjaga kesejahteraan rakyat. Rasanya kita tidak boleh lagi meneruskan *business as usual* tanpa membuat beberapa anjakan paradigma dalam corak pemikiran dan cara kita bekerja. Ini sudah setentunya akan memerlukan pelaburan yang lebih

strategik, berdayatahan dan kos-efektif.;

2. Kaola berharap, pendekatan dalam pembangunan negara bukan sahaja difokuskan bagi menjangkau kemajuan ekonomi dan kekayaan *material* sahaja, malah harus disukatkan atau mengambil kira nilai-nilai yang tidak ketara yakni *intangible values* seperti pembangunan moral, sosial, kerohanian masyarakat dan kejayaan yang hanya akan dapat disaksikan dalam jangka masa panjang, terutama sekali pencapaian matlamat strategik Wawasan Brunei 2035. Kesihatan fizikal dan mental yang baik bagi segenap lapisan masyarakat perlu menjadi salah satu agenda berpanjangan dalam strategi pembangunan negara.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola dengan tulus ikhlas mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kaum kerabat baginda akan sentiasa dikurniakan taufik dan hidayah daripada **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** serta dalam kandungan sihat walafiat dan kebahagiaan, **آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**

Untuk mengakhiri, sekali lagi kaola sudahi ucapan kaola ini dengan pantun:

Bulan Syaaban sudah kita tinggalkan,
Kini kita sambut ceria kedatangan
Ramadan,
Dalam sibuk meraih keberkatan,
Jangan lupa jaga kesihatan.

Bulan Ramadan bulan kemuliaan,
Bulan yang unggul penuh berkat,
Dengan puasa sedekah tadarus
Al-Quran,

بِإِذْنِ اللَّهِ fizikal dan mental sentiasa sihat.

Bermacam isu sudah 'kitani' bahaskan,
Dalam keadaan yang aman
dan penuh harmoni,
Apa yang baik datang daripada Tuhan,
Salah dan silap daripada saya sendiri.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang ketujuh
daripada Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia
Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang
Di-Pertua atas kesempatan yang
diberikan untuk kaola membuat Ucapan
Penangguhan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
sejahtera. Kaola bersyukur ke hadrat
اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya
jua kita telah sampai ke penghujung
Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis
Mesyuarat Negara tahun 2023.

Selawat serta salam ke atas Junjungan
Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum
kerabat, para sahabat serta pengikut-
pengikut Baginda yang taat lagi setia
hingga ke akhir zaman. Kaola ingin
merafakkan sembah menjunjung kasih
yang setinggi-tingginya Kehadapan
Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
atas keberangkatan baginda di Istiadat
Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama
dari Musim Permesyuarat Kesembilan
Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun
2023 dan mengurniakan titah yang
penuh berwawasan dan prihatin
terhadap hal-ehwal rakyat.

Kita di Dewan ini sepatutnya mengambil
iktibar akan usaha baginda dan berusaha
untuk merealisasikan seperti yang
dititahkan baginda. Kaola mengucapkan
terima kasih kepada Yang Berhormat
Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan
kebijaksanaan Yang Berhormat Yang
Di-Pertua mempengerusikan mesyuarat
dengan sabar, tegas dan adil dari awal
hingga akhir dan memberi kesempatan
abiskoala membincangkan banyak isu
secara terbuka.

Kaola juga ingin merakamkan terima
kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis
Majlis Mesyuarat Negara, Yang
Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma
Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar dan Timbalan Jurutulis, Yang
Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail dan kakitangan mereka atas

kecekapan mereka memudah cara perjalanan mesyuarat dengan licin.

Suri rumah masak di dapur,
Menggulai ikan asam tiada,
Mesyuarat berjalan 'bisai' teratur,
Tiada ahli yang *out of order*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri atas pembentangan peruntukan kementerian masing-masing, mukadimah mengenai pencapaian, hala tuju kementerian dan juga pencerahan mengenai beberapa soalan yang ditimbulkan oleh abiskaola dan kesemua Ahli Yang Berhormat dengan perkongsian, penjelasan dan kesabaran yang tinggi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ abiskaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan sentiasa memberi sokongan kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memajukan negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Daun selasih tiada berdiri,
Pisang setandan di atas peti,
Terima kasih Yang Berhormat
Menteri-Menteri,
Jika keterlaluan jangan simpan
di dalam hati.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dari perbincangan dan sesi soal jawab antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri adalah jelas

bahawa meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat adalah isu yang paling banyak dibincangkan.

Ke arah itu dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN-11) kerajaan juga memberi keutamaan kepada penyediaan dan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan tenaga elektrik yang cukup ke rumah-rumah, peningkatan perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses, pendidikan yang berkualiti dan boleh menjanjikan masa depan yang cerah kepada semua peringkat dan pelajar, persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan agrikulturan dan pertumbuhan keusahawanan secara umum.

Mudah-mudahan dengan adanya percambahan fikiran di Dewan yang mulia ini semasa membincangkan tajuk-tajuk peruntukan kementerian masing-masing dan semangat keterbukaan sesama kita dengan kesungguhan dan komitmen yang kuat dan dengan kesedaran bahawa masih banyak lagi yang perlu kita dilakukan kita akan mampu mencapai matlamat negara. Semua ini juga diharapkan dapat dicapai dengan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*.

Kaola juga ingin melihat peruntukan kerajaan yang baru diluluskan membawa impak besar dan kesan positif kepada negara dan menjana pertumbuhan ekonomi lebih tinggi dari kadar 2% atau 3% menyumbang kepada kestabilan ekonomi, meningkatkan pendapatan

sebenar dan menambah peluang-peluang pekerjaan bagi graduan dan lepasan sekolah.

Setiap tahun bilangan pelajar lepasan universiti dan institusi pendidikan lain semakin bertambah dan setentunya juga mereka akan mencari pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan mereka. Sudah tentu juga mereka mengharapkan peluang-peluang pekerjaan akan bertambah baik dari setahun ke setahun sama ada dalam kerajaan mahupun dalam sektor industri-industri yang sudah dikenal pasti yang boleh menghasilkan pekerjaan atau melalui pelaburan asing.

Dalam titah Perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada 09hb. Syaaban 1444 bersamaan 2hb. Mac 2023 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bertitah: "Bahawa isu penting yang perlu diberi perhatian ialah isu pengangguran."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah: "Bahawa pencari kerja tempatan hendaklah diperkasa dengan latihan semula dan peningkatan ilmu pengetahuan untuk memudahkan mendapat pekerjaan." Kaola menyokong sepenuhnya kandungan titah ini sebab itu dalam perbincangan kaola sering menyebut isu pekerjaan sebagai sesuatu yang patut diberi keutamaan. *Dictum*

kaola ialah *A working person is a happy person.*

Adalah diharapkan melalui peruntukan yang diluluskan beberapa *takeaways* dari permesyuaratan ini dan ingin dilihat ialah:

1. Kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.;
2. Peningkatan dalam pendapatan sebenar.;
3. Harga barang-barang asasi terutamanya makanan terkawal.;
- dan
4. Prospek mendapat pekerjaan yang cerah (*brighter job prospect*) bagi menghilangkan keresahan dalam kalangan pelajar dan ibu bapa.

Mungkin perkara ini telah kaola sentuh berulang-ulang kali seolah-olah tiada modal lain tapi bagi kaola inilah isu yang penting yang perlu kita beri keutamaan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola yakin setiap kementerian akan meneliti peruntukan masing-masing dan berbelanja dengan berhemah untuk mengelakkan pembaziran dan memastikan bahawa setiap perancangan dan perbelanjaan yang dibuat akan membawa hasil yang ketara dan dapat dinikmati oleh semua.

Bulan Ramadan tiba kini,
 Berpuasa sebulan niat di hati,
 Kita berhenti setakat ini,
 إِن شَاءَ اللَّهُ pada hari lain berjumpa lagi.

Untuk akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan seluruh kerabat diraja sentiasa sihat walafiat dan mendapat perlindungan
 آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ jua, اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Sekian saja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga semua amalan kita akan dilipatgandakan pahalanya oleh
 آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ jua, اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Sekian,
 وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang ketujuh daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana memberi laluan kaola untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
 وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama-tama kaola ingin sekali lagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda merasmikan Majlis ini dan atas kurnia titah baginda di Dewan yang mulia ini.

Dalam kesempatan ini jua, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan kewibawaan, kebijaksanaan, ketegasan di samping adil dalam menerajui mesyuarat-mesyuarat yang dijalankan sepanjang sesi Majlis dan tidak lupa jua terima kasih atas kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam melayani karenah kaola dan semua rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan mahupun usulan yang kadangkala ada yang panjang dan kurang masuk tajuk.

Terima kasih jua diucapkan kepada Yang Berhormat Jemaah Menteri yang telah menjawab soalan-soalan dan mendengar usulan daripada kaola dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain. Semoga apa yang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini akan mendapat rahmat dan ganjaran daripada
 اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى jua, آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan juga kaola mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang

Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan, kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang mesyuarat ini dan juga rakan-rakan media serta semua yang terlibat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita telah sampai ke penghujung sesi penutup Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara (MMN). Sepanjang sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini yang sudah berlangsung selama 18 hari waktu bekerja, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, banyak perkara yang telah dibahaskan mengenainya dan banyak juga usulan-usulan yang dicadangkan.

Kaola percaya semua itu adalah satu petanda yang baik dan perlu kita ambil langkah-langkah ke hadapan mengenainya supaya apa yang dibahaskan itu akan dapat diambil tindakan yang wajar dan cepat demi hasrat kita mencapai Wawasan Brunei 2035.

Izinkan kaola merujuk kembali apa yang telah kaola nyatakan dalam ucapan menjunjung titah pada hari kedua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini. Titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk kaola dan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberikan pandangan dan sikap terbuka dalam mendapatkan pendapat dalam kalangan rakyat serta membahaskan sesuatu perkara dalam

Dewan yang mulia ini, telah kaola ambil sebagai garis panduan dalam mengajukan dan meneliti perkara-perkara dan isu-isu strategik yang telah kaola ketengahkan dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara-perkara yang telah kaola sentuh dan bangkitkan adalah bersandarkan dengan menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan jua menjurus kepada beberapa penekanan yang kaola fokuskan iaitu:

1. Aktiviti-aktiviti mempertingkatkan hasil pendapatan dan perekonomian negara dan perlunya kementerian-kementerian yang bukan sahaja diharapkan akan dapat memudahkan cara tetapi juga *accommodating* dalam hal keperluan sektor swasta sebab dalam menggapai ke arah Wawasan Brunei 2035, sektor kerajaan hendaklah sentiasa berganding bahu dengan sektor swasta yang selalu orang katakan: *private sectors is the engine of growth.*;
2. Usaha-usaha dan projek-projek dalam menangani isu-isu kemaslahatan rakyat dan memastikan kesejahteraan semua.; dan
3. Program dan projek dalam pembangunan belia sebagai salah satu nadi utama untuk memastikan kesinambungan agenda negara

menuju Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam mereviu lebih dari 40 soalan dan usulan yang telah kaola ajukan kepada hampir semua kementerian yang berkenaan, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ada perkara-perkara yang diutarakan dan diusulkan telah diberi pencerahannya di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi ada juga jawapan dari soalan-soalan kaola dan penerimaan dari usulan-usulan kaola itu kurang menepati jawapan yang kaola hasratkan dan juga usulan-usulan kaola itu mungkin kurang difahami oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sebagai contoh, secara amnya sahaja apabila direviu, ada beberapa perkara sudah disoal dan diusulkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang beberapa tahun yang lalu dan juga tahun lepas, akan tetapi jawapannya adalah sama iaitu: "akan diteliti, masih dalam penelitian atau *we will be taking a fresh look.*"

Pada hemat kaola, dan mohon maaf jua kaola dalam Dewan yang mulia, kalaulah hanya begini dari setahun ke setahun, kaola risau yang kita tidak akan dapat capai apa yang dirancang dan dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035. Kalau dalam berbisnes, tidak boleh begini sebab kalau kita lambat dan juga memakan masa dalam membuat keputusan, boleh tutup bisnes olehnya. Maka *let us think in a business way, to speed up what we want to achieve.*

Dalam Dewan yang mulia ini juga, kaola ingin memohon maaf jika sekiranya dalam mengajukan soalan dan usulan, ada pihak-pihak yang tertentu yang mungkin 'tergores hati' atau 'terasa hati' semasa menyampaikan pandangan dan pendapat, sekali lagi minta maaf. Mana-mana yang baik itu, semuanya dari اَللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالٰى dan yang tidak baik adalah kelemahan kaola sendiri. Hakikatnya apa yang kaola tanya dan usulkan adalah datangnya dari pengalaman kaola sendiri dan jua hasil dari permuzakaran kaola dengan rakan-rakan pengusaha yang lain, pemain-pemain industri yang lain dan sebilangan orang awam.

Menyentuh mengenai semua soalan dan usulan kaola, sama ada yang telah dijawab dan diterima baik atau yang kurang tepat jawapannya, dengan mengambil kira nasihat dan teguran Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan menyusul secara bertulis dan juga disusuli dengan berjumpa sekiranya diperlukan semua usulan kaola kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam jangka masa 3 bulan ini iaitu susulan 90 hari.

Maksud kaola ini adalah untuk memastikan usulan-usulan kaola itu diteliti dalam jangka masa itu dan dengan harapan ada jua 'lumeh-lumehnya' hasil daripada penelitian tersebut dan dapatlah kaola kongsikan balik dengan rakan pengusaha dan orang awam yang telah memberi mandat kepada kaola.

Susulan ini adalah kaola fikirkan penting daripada nanti ia hanya diteliti dua atau tiga bulan sebelum sesi Majlis Mesyuarat Negara 2024 oleh kementerian berkenaan untuk mencari jawapan yang kaola percaya akan sama jua masih jawabannya, iaitu "masih dalam penelitian" dan sebagainya.

Kaola berharap kementerian berkenaan akan dapat bertindak dengan cepat dan meneliti perkara yang diajukan dengan telus dan tulus supaya 'kitani' akan dapat mencapai Wawasan Brunei 2035 sama ada penelitian itu menghadapi cabaran seperti perlu mengubah dasar-dasar atau sebaliknya tanpa mengubah dasar yang penting perkara-perkara itu diteliti dan bukan hanya tinggal tercatat dalam "hansard" sahaja.

'Terkaduhung' kaola ini dilantik atas perniagaan, izinkan kaola memetik dan membacakan Surah Al-Jumaah ayat 10-11 mengenai dengan perniagaan:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ
فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا ۚ فَلِٰمَ
عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ ۚ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

Akhir sekali kaola berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh ahli kerabat Diraja akan sihat walafiat, dikurniakan nikmat lanjut usia, taufik dan hidayah, keberkatan, perlindungan dan pemeliharaan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** memimpin negara dengan penuh kesejahteraan dan kemakmuran dan seluruh rakyat dan

penduduk negara ini akan sentiasa dikurniakan kesejahteraan, rahmat dan nikmat serta perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan kaola menutup penggulungan kaola ini dengan tiga bait/rangkap pantun nukilan kaola:

Dalam belanga direbus ikan,
Ikan kegemaran namanya kambura,
Demikian usul banyak dikemukakan,
Dalam Majlis Mesyuarat Negara tercinta.

Penyapu plastik penyapu lidi,
Alat diguna mengemas halaman,
Bersama berkayuh bersama
mengemudi,
Demi mencapai hasrat Wawasan.

Ambil air di dalam keskul,
Keskul dibuat daripada kelapa,
Marilah 'kitani' sama-sama menyusul,
Agar perkara diselesaikan segera.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kelapan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. **اللَّهُمَّ** lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas

kesempatan ini dan merakamkan jua ucapan tahniah kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan Ucapan Penangguhan mereka bagi Permesyuaratan Kesembilan Belas ini semoga apa-apa yang disampaikan dapat diteliti dan diambil perhatian pihak-pihak yang berkenaan sebagai panduan ke arah penyelesaian, permasalahan dan merancang sebarang pembangunan yang lebih strategik dan relevan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ke arah mewujudkan ekonomi negara yang dinamik, kaola merujuk kepada Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan 2023/2024 Belanjawan Negara bertemakan: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Kaola penuh berharap agar Belanjawan ini dapat diurus dengan sebaik mungkin terutama sekali ke arah menstabilkan ekonomi negara hasil pendapatan kerajaan dalam sektor bukan minyak dan gas yang mencatat sejumlah \$952.37 juta perlu dipertingkatkan.

Oleh itu, usaha-usaha bagi memperbanyakkan peluang pelaburan dan kemudahan perniagaan kepada pelabur asing dan anak tempatan adalah antara langkah bagi merealisasikan inisiatif-inisiatif dalam Belanjawan yang memberi fokus kepada: Memelihara kesejahteraan awam, mendukung pemulihan negara yang inklusif dan berdaya tahan serta pembangunan

modal insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Ini termasuk menaik taraf bagi meningkatkan pasaran zon-zon perniagaan dan perusahaan yang sedia ada ke arah yang lebih kompetitif dan dapat dimanfaatkan oleh Peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan. Perkara ini adalah antara isu yang kaola suarakan dalam Dewan Yang Mulia ini dan ia dapat direalisasikan.

Menyentuh berkenaan dengan iklim dan landskap perniagaan kondusif. Dalam pada itu, kaola juga menyuarakan berkenaan dengan hasrat penduduk-penduduk Daerah Belait berkenaan dengan pembangunan Pekan Belait dan Pekan Seria satu Pelan Kemajuan yang komprehensif Daerah Belait perlu diwujudkan bagi mempercepatkan perkembangan aktiviti-aktiviti perniagaan, mencantikkan kawasan pekan serta mengaktifkan penglibatan pihak swasta dalam menyumbang kemajuan dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang inklusif seperti ruang pejalan kaki, Orang Kurang Upaya dan sebagainya.

Selain rancangan-rancangan bagi memperluaskan kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara perlu diwujudkan sebagai satu strategi jangka panjang ke arah meningkatkan keramaian penduduk yang sekali gus mampu merancakkan aktiviti sosial dan ekonomi di Daerah Belait.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Kaola sekali lagi menyuarakan Peruntukan Khas Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan tanggungjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama sekali dalam memeduli hal-hwal kebajikan rakyat sepertimana yang kaola timbulkan dalam Dewan yang mulia ini perkara ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2023, iaitu: "Kepentingan menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas dengan memberi apa jua pandangan serta bersikap terbuka dengan anak buah ketika mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada mereka masing-masing".

Begitu juga ketika membahas sesuatu perkara, sikap ini juga penting sambil pemikiran jangan lari dari mencari impak positif untuk negara. Inilah masanya untuk kita berbincang tanpa terikat dengan syarat-syarat yang merugikan dalam konteks ini, kaola melihat Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan hanya menyuarakan isu-isu rakyat bahkan juga perlu "turun padang" bagi menangani dan menyelesaikan sebarang masalah terutama sekali yang memerlukan penyelesaian segera dan mendesak

Tidak semua masalah atau isu dapat ditangani secepatnya oleh pihak kerajaan mahupun agensi-agensi yang berkenaan disebabkan kapasiti yang terhad termasuklah hal-hal peruntukan kewangan.

Dalam pada itu, kaola mencadangkan agar disediakan Peruntukan Khas di bawah kapasiti Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang boleh digunakan bagi membiayai projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang tertentu yang memerlukan perhatian dan bantuan segera seperti membaiki bumbung rumah disebabkan bencana alam, membina jambatan sementara atau membaiki infrastruktur awam seperti jalan raya yang sering menimbulkan kesusahan kepada orang ramai, membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan terutama sekali misi-misi bantuan dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kecekapan memimpin permesyuaratan ini dengan sempurna. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kelancaran dalam memberikan kerjasama sempena Permesyuaratan Kesembilan Belas ini. Akhir kalam, kaola memohon ampun dan maaf, jika ada kata-kata kaola di Dewan

yang mulia ini menyinggung mana-mana pihak. Sekian, kaola sudah dengan serangkap pantun:

Jauh berjalan menuju bandar,
Membawa hasrat bersama nun di sana,
Penduduk baik menunggu nan sabar,
Kemajuan yang dinanti memberi makna.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kesembilan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, bersyukur kita ke hadrat اَللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالٰى kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 18 hari dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2023 dengan penuh kewibawaan.

Sebelum kaola meneruskan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini, dengan hati yang tulus ikhlas, kaola sukacita merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan, Kerjasama dan sokongan sepenuhnya sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sukacita kaola merakamkan tahniah penghargaan dan penghormatan atas ketelusan kepimpinan dan kecekapan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang bersikap terbuka dalam menerima cadangan-cadangan serta memberi maklum balas yang relevan. Harapan kaola, semoga Yang Berhormat Menteri-Menteri mengambil baik dan meneliti cadangan-cadangan yang dibangkitkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua, 'kitani' satu *team* dalam Dewan ini.

Dalam hal ini, marilah kita menghayati Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 iaitu: 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau '*Building A Prosperous Future Together*'. Negara masih mengalami *budget deficit* dan semestinya dipandang serius oleh semua pihak.

Pihak yang berwajib mestilah memata-matai pencapaian *Government Link Companies* supaya *revenue* kerajaan tidak terjejas. Usaha yang lebih gigih mesti dilakukan untuk mengurangkan tunggakan kutipan kerajaan. Peruntukan perbelanjaan kerajaan hendaklah

digunakan dengan *efficient* dan mengelakkan pembaziran.

Projek-projek hendaklah dilaksanakan dengan *mindset high quality, on time and on budget*. Kaola sangat tertarik dengan visi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu: "Bangsa Brunei Cemerlang." Kaola percaya kita adalah bangsa Brunei yang boleh mencapai kecemerlangan dengan izin الله sekiranya kita percayakan pada diri kita sendiri, *believe on our own people*. Mempercayai kemampuan dalam diri kita sendiri, kaola yakin bahawa pemimpin juga harus mempercayai kemampuan rakyat tempatan.

Dalam hal ini, dengan mengurangkan pengambilan orang luar, *expatriate* dan konsultan asing, ini juga akan membantu mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam. *Invest on our own people*.

Keyakinan 'kitani' dalam mempercayai terhadap kemampuan belia-belia dan rakyat tempatan dalam segala hal seperti pembabitan mereka dalam peringkat pendidikan, memberikan mereka peluang dari segi pengurusan, pentadbiran sebagaimana mereka ini akan menjadi pemimpin 'kitani' pada masa depan. Ini adalah sebagai usaha untuk menghasilkan masyarakat yang produktif, proaktif dan berdedikasi. *Inclusive dan compassionate society*.

Kita memberikan sokongan yang berterusan perihal kebajikan dan kemaslahatan golongan orang yang

kurang bernasib baik seperti Orang Kurang Upaya, Orang Berkeperluan Khas, Warga Emas, Asnaf Fakir Miskin adalah perlu diambil perhatian dengan memberi bantuan yang membolehkan mereka dapat hidup berdikari. Kita juga tidak mendiskriminasi orang-orang yang mengalami kesihatan mental.

SPK – Skim Pencen Kebangsaan adalah satu skim penggalak untuk orang bekerja termasuk bekerja sendiri (*self-employed*). Justeru, 'memberigakan' tentang faedah-faedah ini didapati dari SPK hendaklah disebarkan seluas-luasnya termasuk kepada golongan di atas.

Selain itu, kita hendaklah meluangkan masa untuk mendengar keluhan-keluhan yang diluahkan oleh individu terutama mereka yang di bawah jagaan 'kitani' agar mereka merasa dihargai dan menjadi lebih produktif. إِنَّ شَاءَ اللهُ, 'kitani' bangsa Brunei dikenali sebagai bangsa yang berilmu dan berkemahiran, rajin, berdikari tanpa mengharapkan sebarang imbalan dan bermuafakat yang menjadikan bangsa Brunei sebagai warga cemerlang.

Dengan rendah hati, kaola menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan

baginda melantik kaola menjadi Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Kaola berdoa semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan terus mengurniakan rahmat dan kebahagiaan kepada baginda, ahli-ahli kerabat baginda dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam aman tenteram dan makmur. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kesepuluh daripada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

لِلَّحَمْدُ لِلَّهِ, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana mengemudi permesyuaratan di Dewan yang mulia ini dengan bijak dan penuh cermat, teliti serta teratur di samping dengan jenaka sehingga semua perbahasan dapat disampaikan dengan penuh yakin dan bersemangat.

Sekalung budi juga kaola sampaikan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah mengurus atur Mesyuarat Pertama dari

Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Berkenaan dengan Kemajuan Daerah Temburong. Dengan terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang mula dibuka pada tahun 2020, seluruh rakyat khususnya penduduk Daerah Temburong telah pun menikmati kemudahan ini sepenuhnya dan dalam masa yang sama, ia merancakkan aktiviti-aktiviti sosial dan sosioekonomi di Daerah Temburong.

Sepertimana yang kaola bangkitkan di Dewan yang mulia ini, usaha-usaha ke arah meramaikan Pekan Bangar adalah menjadi keutamaan sebagai fokus utama dalam Belanjawan 2023. **اَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, sejumlah \$6.3 juta telah disediakan bagi meningkatkan pelaburan serta menghasilkan beberapa *spin-off activities* yang boleh membantu Peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.

Kaola penuh berharap dengan adanya peruntukan ini, ia dapat digunakan dengan perancangan pembangunan yang lebih strategik bagi melonjakkan lagi Daerah Temburong sebagai tempat terpenting dalam semua sektor. Ini termasuklah memperkenalkan peluang-peluang baharu dalam sektor

pelancongan, pertanian, kesenian dan pendidikan.

Dengan ini, harapan bagi melihat Jambatan SHOAS ini bukan hanya digunakan oleh penduduk Daerah Temburong sahaja tetapi juga digunakan oleh orang ramai sebagai *accessibility* penting untuk urusan seharian, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Menyentuh berkenaan dengan penganjuran acara-acara di peringkat serantau dan antarabangsa, Daerah Temburong sememangnya berpotensi besar bagi pengendalian acara-acara sukan disebabkan bersempadan dengan negeri Sarawak dan Sabah. Penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa mempunyai potensi besar dalam memperkembangkan industri pelancongan "Permata Hijau".

Acara sukan antarabangsa yang pada kebiasaannya berlangsung beberapa hari dan mendapat liputan meluas daripada media asing serta tempatan, secara tidak langsung berjaya mempromosikan Daerah Temburong sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Kaola mengharapkan agar usaha-usaha ke arah ini dapat dilaksanakan satu hari nanti, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Berkenaan dengan keselamatan. Pertama, kaola menimbulkan isu keselamatan di Sungai Pandaruan Temburong, iaitu di kawasan Jambatan Pandaruan sempadan Daerah

Temburong dan Limbang, Sarawak. Kebimbangan penduduk setempat dengan 'bot tunda' sering menggunakan sungai berkenaan untuk operasi perniagaan mereka.

Kaedah 'bot tunda' ini sememangnya tidak lagi sesuai digunakan kerana ianya boleh mendatangkan bahaya dan kerosakan harta benda serta kemusnahan ekosistem sungai yang menjadi sumber pendapatan penduduk setempat di kedua-dua buah negara yang berjiran. Keadaan menjadi semakin buruk apabila belaku arus deras air sungai disebabkan hujan. Sehubungan itu, kaola berharap agar pihak-pihak berkenaan dapat mengambil perhatian mengenai perkara ini bagi menghindari sebarang kejadian buruk akan berlaku.

Berkenaan dengan Pengawasan Kejiranan (PK). Sepertimana yang kita sedia maklum, Pengawasan Kejiranan mula dibentuk pada tahun 2014 dengan lebih teratur dan sistematik berpandukan 3 petunjuk aras (*KPI*) iaitu pendekatan taktikal, kebajikan dan sosial. Ini adalah sebagai inisiatif agar Pengawasan Kejiranan akan lebih disebarluarkan kepada *stakeholders* selain kampung-kampung.

Sehubungan itu, kaola menyarankan agar fungsi dan peranan PK dapat diperkasakan termasuklah menyediakan peruntukan yang tertentu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab terutama sekali apabila melibatkan penyertaan akar umbi dan penduduk kampung untuk melaksanakan operasi

bersepadu bersama Pasukan Polis Diraja Brunei.

Penyediaan kelengkapan dan peralatan keselamatan seperti *jacket* lut sinar, topi dan lampu suluh/lampu picit (*touch light*) bagi setiap ahli PK sewajarnya perlu disediakan bagi memastikan PK nampak lebih seragam dan bersedia melaksanakan tugas yang dijadualkan.

Dalam masa yang sama, keperluan bagi menyediakan latihan-latihan *SOP* keselamatan juga penting bagi setiap ahli PK sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Dengan ini PK dilihat lebih relevan sebagai sebuah organisasi keselamatan yang dihormati.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Akhirnya, kaola memohon maaf jika terkasar bahasa dan tingkah laku kaola yang tidak sopan sepanjang musim permesyuaratan ini yang menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu. Sesungguhnya kaola hanyalah mahu memberikan yang terbaik bagi menyampaikan suara dan hasrat rakyat di Dewan yang mulia ini.

Kaola sudahi dengan ucapan beberapa pantun untuk renungan kita bersama;

Mari 'kitani' berkebun kacang,
Kacang berisi sedap dimakan,
Berakhir sudah 'kitani' berbincang,
Semoga Belanjawan dapat dilaksanakan.

Perahu tambang sudah berhenti,
Jambatan SOAS jadi pengganti,
Suara rakyat sangat dihargai,
bagi membangun negara yang dicintai.

Lebih dua minggu kitani bersama,
Membawa tugas yang diamanahkan,
Pelbagai usul sudah diterima,
Semoga ianya dapat dilaksanakan.

Balik ke Temburong penuh bergaya,
Jalan Selangan berbatu-batu,
Berhati-hati di jalan raya,
Kesulitan rakyat perlulah dibantu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Ahli-Ahli Yang Berhormat seluruh warga dan petugas Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Untuk akhirnya, tiada kebahagiaan tanpa syukur, tiada rasa syukur tanpa sabar, tiada sabar tanpa ada maaf-maafan, marhaban Ramadan Karim, mohon maaf zahir dan batin. Selamat menunaikan ibadat Puasa.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan yang kesebelas daripada Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَللّٰهُمَّ، kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini masih terus kekal menikmati keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan beragama, bernegara dan bermasyarakat. Nikmat keamanan dan kesejahteraan ini juga merupakan manifestasi iltizam dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui pembangunan negara dan membawa kepelbagaian perubahan besar dalam banyak bidang berkeutamaan khususnya Agama, keselamatan, pendidikan dan juga pembangunan sosial ekonomi.

Dalam kesempatan ini, kaola/saya dengan penuh ikhlas ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mengepalai permuzakarahannya, memberikan pandangan dan saranan yang bernas serta luas mengenai perkara-perkara strategik merentasi semua bidang berkepentingan negara.

Penghargaan juga turut kaola/saya ucapkan kepada Yang Dimuliakan

Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam memastikan keberkesanan tadbir urus dan kelancaran sepanjang permesyuaratan pada tahun ini.

Begitu juga kepada Yang Berhormat rakan-rakan sejawat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola/saya menghargai sepenuhnya atas keprihatinan mendalam serta saranan dan pandangan terhadap isu-isu yang sangat bermakna kepada kerajaan khasnya berkaitan sektor pendidikan termasuklah kepentingannya kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di Dewan yang mulia ini kita telah sama-sama berbincang tentang keutamaan-keutamaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 menerusi tema belanjawan: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" yang memfokuskan kepada tiga keutamaan."

Natijahnya setiap yang disuarakan di Dewan ini ternyata telah mengilhamkan khususnya Kementerian Pendidikan untuk terus mengukuhkan cara kerjanya di samping memberikan nilai tambah kepada usaha-usaha pihak kerajaan serta menjadi sandaran bagi penelitian ke atas rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan nanti. Ini adalah semata-mata untuk memastikan keberhasilan dari

pelaksanaan perencanaan tersebut dapat dinikmati sepenuhnya, sejajar dengan keutamaan-keutamaan di bawah setiap matlamat Wawasan Brunei 2035.

Apa yang pasti perbincangan-perbincangan tersebut adalah tetap berpandukan kepada inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis 9hb. Syaaban 1444 bersamaan dengan 2hb. Mac 2023 yang antara lainnya menyentuh tentang isu pengangguran yang perlu ditangani melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* dan juga peranan sektor swasta khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam mempergiatkan perkembangan ekonomi negara yang memerlukan penyediaan ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra pelanggan.

Menyentuh isu pengangguran dan keperluan bagi pencari kerja supaya diperkasa dengan kemahiran dan latihan yang diperlukan Kementerian Pendidikan turut berperanan menerusi penyediaan program-program serta latihan-latihan kemahiran di Institusi Pengajian Tinggi yang diselaraskan dengan keperluan industri semasa dan akan datang. Ini termasuklah mengukuhkan kerjasama antara institusi pengajian dan industri-industri setempat serta pihak-pihak berkepentingan khususnya *Manpower*

Planning and Employment Council (MPEC).

Bagi tujuan untuk menggalakkan pembangunan usahawan dalam kalangan belia negara ini, Kementerian Pendidikan menerusi pusat keusahawanan inovasi adalah berperanan untuk menerapkan unsur-unsur keusahawanan di semua peringkat persekolahan. Ia dilaksanakan menerusi pengajaran mata-mata pelajaran berkaitan di peringkat pendidikan teras serta menyediakan program-program kemahiran keusahawanan di peringkat pengajian tinggi. Usaha sedemikian diharap menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan pembangunan dan pengupayaan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) dalam menggerakkan aktiviti perekonomian negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam perkara berkaitan kaola/saya sukacita ingin mengimbas kembali petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-27 pada Selasa, 5hb. Muharram 1439 bersamaan dengan 26hb. September 2017 antara lainnya menyentuh mengenai: Peranan para guru bukan setakat memperkaya sumber ilmu tetapi juga untuk menjadi ikutan atau tauladan kepada anak didik mereka dan seterusnya peranan ibu bapa

juga tidak boleh berkecuali mengenai pendidikan bahkan merekalah sekolah pertama dan utama sebelum lagi lain-lain sekolah. Pengaruh mereka cukup kuat untuk menentukan corak atau bentuk keperibadian anak-anak.”

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan amatlah menghargai dan terus mengharapkan kerjasama padu daripada ibu bapa, penjaga dan masyarakat umum dalam sama-sama berganding bahu khasnya dengan para guru di negara ini ke arah meraih kejayaan bersama anak-anak ‘kitani’ sebagai generasi penerus yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya.

Kaola/saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga pendidik yang tidak pernah mengenal erti penat lelah dan sentiasa menanamkan sifat sabar serta penuh dedikasi dalam melaksanakan amanah sebagai seorang insan bergelar “Guru.”

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola/saya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Yang Kesembilan Belas ini sekali lagi terima kasih kaola/saya ucapkan atas peluang yang diberikan dengan iringan doa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam rahmat, sehat sejahtera dan bahagia.

Ucapan penghargaan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia

Timbalan Jurutulis serta tahniah atas kecemerlangan dalam mengurus dan mentadbir di sepanjang Majlis mesyuarat ini diadakan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kaola/saya menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang tingkah laku dan kata-kata kaola/saya yang kurang manis yang tidak disenghajakan dalam masa kita bersidang ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kedua belas daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong

Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin dan mengendalikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini dengan kesabaran, keadilan dan kewibawaan yang tinggi.

Terima kasih juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta kakitangan dan pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama dan kecekapan yang diberi sepanjang perjalanan permesyuaratan ini.

Kaola juga ingin menyebarkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan baginda untuk kaola mewakili penduduk Negara Brunei Darussalam sebagai Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini, izinkan kaola berkongsi sebuah pantun sebagai tanda penghormatan dan penghargaan.:

Kasih dirasai daripada Yang Berhormat
Yang Di-Pertua,
Sabar mendengar dengan sikap terbuka,
Kepada kakitangan dan
pegawai yang cekap semua,
Kaola ucapkan ribuan terima kasih
atas segalanya.

Sidang berlangsung di Dewan mulia,
Isu dibincangkan dengan
penuh semangat,
Untuk kepentingan rakyat dan
pembangunan negara,
Semoga Negara Brunei Darussalam
maju dengan pesat.

Terima kasih kepada semua sahabat,
Yang turut serta dalam
sidang yang mulia,
Semoga persaudaraan kita kekal erat,
Dalam membina negara yang jaya dan
sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pantun ini dijana dengan bantuan 'AI'. Ia menandakan permulaan era baharu dalam teknologi yang berpotensi merevolusikan cara kita hidup, bekerja dan berinteraksi antara satu sama lain.

Kaola harap kita dapat mengambil manfaat dengan sepenuhnya menerusi potensi 'AI' dan dengan cepat mencapai visi kita sebagai sebuah *Smart Nation*. Mari kita bekerjasama untuk memanfaatkan teknologi ini untuk kebaikan masyarakat kita dan menciptakan masa depan yang lebih cerah untuk semua. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang seterusnya,
Ucapan Penangguhan ketiga belas
daripada Yang Berhormat Awang Haji
Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md.

Salleh bin Haji Othman: Terima kasih
Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

اللَّهُ أَكْبَرُ , kita sudah sampai
ke penghujung Musim Permesyuaratan
Kesembilan Belas, Majlis Mesyuarat
Negara tahun 2023 dan berjaya
membahaskan beberapa perkara
berkenaan dengan Rang Undang-
Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024
dengan jayanya.

Ucapan tahniah dan terima kasih ditujukan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin Permesyuaratan ini dengan sebaik mungkin. Tidak lupa juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang berjaya melaksanakan urusan Permesyuaratan ini dengan sempurna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan amalan budaya berjimat cermat ke arah ekonomi yang berdaya tahan, kos sara hidup bergantung pada dua keadaan - pendapatan isi rumah dan harga pasaran. Dengan peningkatan kos sara hidup pada masa ini, inflasi akan berlaku. Ketidakserasian dalam bekalan dan permintaan (*supply* dan *demand*) akan menyebabkan inflasi. Apabila makin ramai antara kita berebut untuk membeli produk yang sama, harga akan meningkat dan ini mungkin akan berlaku pada bulan Puasa dan menjelang Hari Raya nanti, jika budaya berjimat cermat dan membeli mengikut keperluan tidak diamalkan oleh masyarakat kita.

Kaola mengharapkan agar usaha-usaha ke arah membudayakan orang Brunei untuk bijak berbelanja perlu ditingkatkan. Masa depan kita akan lebih terjejas jika kita tidak mampu mengatasi masalah ini dari sekarang. Terutama sekali golongan yang berpendapatan

rendah dan yang akan menghadapi alam persaraan.

اَللّٰهُمَّ melalui mukadimah Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 telah pun menggariskan beberapa inisiatif pihak kerajaan yang sentiasa berusaha membina asas ekonomi yang berdaya tahan, dinamik dan resilien ke arah pertubuhan ekonomi yang mampan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam menangani isu anjing-anjing yang berkeliaran yang masih belum nampak kesudahannya, sesetengah pihak menganggap isu ini kecil tetapi ianya merupakan masalah besar bagi mereka yang berdepan hampir setiap hari dengan anjing-anjing berkenaan sehingga menimbulkan rasa resah dan tidak selesa.

Kita perlu belajar dengan negara maju tentang kaedah dan cara yang praktikal untuk menangani isu anjing-anjing liar ini. Perkara ini tidaklah boleh dibebankan kepada pihak kerajaan sahaja tetapi orang ramai juga turut berperanan untuk menghormati persekitaran dan kebudayaan orang lain. Kaola menyarankan agar pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi menangani isu ini secara tuntas dan serius.

Berkenaan dengan melaksanakan isu-isu rakyat yang disuarakan di Dewan yang

mulia, kaola telah pun menyuarakan beberapa perkara dan telah pun dijawab serta dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri. Kaola mengharapkan agar jawapan dan penjelasan mengenai perkara ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Terutama sekali isu-isu yang membabitkan permasalahan rakyat seperti memperkemaskan urusan bantuan kebajikan melalui Skim Kebajikan Negara (SKN), peraturan-peraturan baharu syarat-syarat Tanah Tumpang Sementara (*TOL*), bantuan-bantuan khusus untuk para peladang dan petani dalam sektor pertanian yang lebih baik, menaik taraf dan memperbaiki jalan-jalan raya yang mengalami kerosakan dan sebagainya.

Menyentuh soal *R&D* produk keluaran tempatan. Negara kita mempunyai banyak sumber alam semula jadi yang dapat diterokai untuk dijadikan produk-produk yang bermutu tinggi. Dalam masa yang sama, produk-produk keluaran tempatan yang dihasilkan oleh Pengusaha 1 Kampung 1 Produk (1K1P) juga berpotensi untuk diinovasikan menjadi produk yang lebih berkualiti.

Kaola difahamkan sejumlah \$2.3 juta diperuntukkan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2023 untuk memajukan kegiatan penyelidikan dan pembangunan *idea* kreatif serta menggalakkan inovasi. Sehubungan dengan itu kaola mengharapkan agar usaha bagi memberikan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dapat diungkuhkan dalam masa yang akan datang dengan mensasarkan produk-

produk 1K1P yang berpotensi dengan kerjasama padu pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam bersama pengusaha-pengusaha 1K1P. Dengan ini produk-produk 1K1P akan sentiasa relevan dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi
إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola dengan rasa rendah diri memohon maaf jika ada kesalahan dan tingkah laku kaola yang tidak menyenangkan sepanjang Musim Permesyuaratan ini berlangsung.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa, semoga amalan baik diberikan ganjaran pahala oleh اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى آمِينَ .

Sekian, terima kasih

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang keempat belas daripada Yang Berhormat Awang Lau How teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan selamat petang.

Kaola suka mengambil kesempatan ini menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

atas lantikan kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola bersyukur kerana sekali lagi duduk bersidang di Dewan yang mulia ini hingga ke hari ini bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat menghadiri Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas, Majlis Mesyuarat Negara tahun 2023 bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.

Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kejayaan memimpin dan mempengerusikan permesyuaratan ini dengan penuh lancar dan sempurna sehingga membolehkan Dewan ini berbahas dengan semangat bagi menghasilkan keputusan yang positif dan membina.

Ucapan penghargaan ini juga dirakamkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua warga dan petugas Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini atas kegigihan mereka dalam sama-sama membantu memudahkan permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam Ucapan Penangguhan ini kaola berharap agar sektor pertanian di Negara Brunei Darussalam akan terus diberi perhatian supaya dapat membantu meningkatkan lagi ekonomi negara.

Dalam pada itu, untuk memantapkan dan merancakkan lagi hasil pertanian ini kaola ingin menekankan bahawa kualiti tanah yang dijadikan sebagai tapak pertanian perlu dikaji dan diusahakan untuk menjaga kualiti dan secara tidak langsung membantu dalam perkembangan penghasilan pertanian yang sihat dan lancar.

Akhirnya marilah kita sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya: "Menerapkan minda yang positif kepada diri kita sendiri, masyarakat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terutama dalam kesedaran memantapkan lagi sektor pertanian di negara ini, untuk sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035."

Dengan itu, kaola ingin mengambil kesempatan memohon ampun dan maaf sekiranya ada berlaku kekasaran dan terlanjur bahasa dalam ucapan kaola ini. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kelima belas daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Salam dan selawat ke atas Junjungan kita Nabi مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kerabat keluarga dan sahabat Baginda yang jujur lagi setia sepanjang zaman. Selamat menunaikan ibadah Puasa di bulan Ramadan dan semoga kita semua dapat meraih keberkatan pada bulan Ramadhan yang mulia ini آمِينَ.

اللَّهُمَّ diberi kesempatan untuk membuat sumbangan Ucapan Penangguhan. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dengan penuh kesabaran memimpin, menguruskan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal sehingga ke hari penghabisan. Memandangkan kebanyakan Ahli Yang Berhormat rata-rata ahli baharu yang pertama kali 'iski' bersidang dalam Dewan ini, tahniah Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perbincangan dalam Dewan yang mulia ini اللَّهُمَّ berjalan dengan lancar, penuh muhibah serta dalam suasana semangat permuzakarah sambil mengeratkan hubungan silaturahim yang harmoni sama-sama memikul tanggungjawab untuk mencapai matlamat arah tuju yang dikehendaki iaitu membina negara yang berwawasan dengan Belanjawan Negara

yang diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2023/2024.

Beberapa isu pandangan, cadangan dan saranan telah pun dibangkitkan dalam Dewan ini untuk kita sama-sama 'menanai' tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka.

Moga hasrat murni ini diredai اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan kita dirahmati memberi kesan yang baik, positif dan produktif kepada Negara Brunei Darussalam, bangsa dan agama yang sama-sama kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Konsep Dewan ini yang seperti diingatkan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua ialah permuzakarah, cari penyelesaian bersama dan bukan sebagai Dewan yang ada pengusul dan ahli pembangkang. Konsep ini bersesuaian dengan "Calak Brunei" 'kitani'. Muzakarah mencapai muafakat. اللَّهُمَّ

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada sesi-sesi selanjutnya, kaola berharap akan membuat lebih banyak pendekatan bersama rakyat dan juga dapat melanjutkan Sesi Permuzakarah dengan kementerian-kementerian mengenai dengan isu-isu yang belum terjawab dalam Dewan atau pun isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat yang belum sempat dibincangkan dalam Dewan ini.

Dalam pembentangan cadangan belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 yang membawa tema: "Bersatu Membawa Masa Depan Yang Lebih Makmur" membawa dan memberikan harapan yang cukup besar bagi setiap lapisan masyarakat baik di sektor kerajaan, swasta dan rakyat serta penduduk negara ini, kaola sambut baik Belanjawan yang diperuntukkan dan telah menyokong untuk diluluskan.

اللَّهُمَّ serba sedikit moga terjawab sudah soalan *'what's in the budget for me'*. Dengan perincian yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bersyukur kita kerana menjadi rakyat yang mendapat dan menikmati rahmat bernaung dalam Negara Brunei Darussalam yang mempunyai raja dan kepala negara yang prihatin akan kesejahteraan rakyat, kemakmuran dan keamanan negara.

Junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan yang berterusan.

اللَّهُمَّ dari mukadimah-mukadimah dari Yang Berhormat Jemaah Menteri dalam membentangkan Belanjawan kementerian masing-masing dan dari penjelasan-penjelasan seterusnya diharapkan akan dapat memberi penerangan agar warga kementerian dan rakyat lebih akur dan turut teruja akan arah tuju dan pelan tindakan kementerian yang dapat membantu mencapainya. Masing-masing mengambil peranan dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh dalam sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara akan terus terjamin.

Rakyat berharap penuh bahawa Belanjawan tahun ini dengan inisiatif-inisiatif dan *plan* yang akan dilaksanakan kementerian akan boleh meringankan sedikit beban ekonomi yang ditanggung oleh sebahagian besar rakyat yang bergantung pada Belanjawan dan projek-projek kerajaan dan juga mana-mana aktiviti yang menaiktarafkan kehidupan mereka pada masa ini dan untuk anak-anak mereka pada masa hadapan.

Sebagaimana yang kaola/saya sarankan pada masa pembahasan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas, Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola nyatakan bukan hajat kaola jadi "Pembangkang atau menyuarakan suara yang membangkang" hanya setakat menyampaikan suara rakyat dan memberi cadangan, pandangan alternatif dari kaca mata perspektif pengalaman seorang pesara bekas ahli teknikal dalam korporat yang mengamalkan mendekati konsep tujuan yang jelas, iaitu *clarity in purpose*. Memberigakan secara inklusif (*inclusive engagement*), ketelusan dalam bertatacara, iaitu membuat *transparency decision making* dan akauntabiliti dalam pelaksanaan, iaitu *accountable in delivery*.

Maka kaola memohon maaf kalau tatacara kaola ini belum serasi dan mesra bagi sebahagian warga kementerian. Bukan hajat kaola saya tidak menghormati dan memperkecilkan usaha-usaha kementerian dan warga kementerian hanya setakat memberi pandangan alternatif dan suara rakyat "Ambil yang baik tinggalkan yang keruh."

Media berperanan penting melaporkan apa yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi malangnya media tidak dapat melaporkan sepenuhnya apa yang dibincangkan di dalam Dewan ini.

Dari reaksi sebahagian rakyat tentang isu-isu yang dibangkit dan dipetik dari media dan tular kerananya, kaola membuat andaian hanya segelintir kecil rakyat yang hadir dalam Dewan ini atau

yang menelaah membaca hansard atau tahu apa-apa isu yang telah dibincangkan dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan terima kasih kepada media yang membuat laporan dan akan terus membuat laporan yang lebih menyeluruh pada masa akan datang.

Kaola/kitani berharap rakyat awam akan berhemah dan tidak akan membuat andaian menyoalkan, kesahihan perbincangan di dalam Dewan ini setakat dari informasi yang dipetik melalui media dan isu yang tular kerananya.

Kaola/saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat berharap penuh sekurang-kurangnya ada sesi *midterm review* untuk mendapat pendekatan status pencapaian dari tiap-tiap kementerian dan juga pada waktu-waktu yang sama memberi peluang kepada pihak kementerian memberi pendekatan awal tentang peruntukan dan projek-projek yang bakal dipohonkan untuk tahun hadapan.

Semoga cara begini akan memberi lebih berkesan sedikit memberi *check and balance* kepada jentera kerajaan mencapai matlamat dan arah tuju berkhidmat membantu rakyat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lepasan graduan UBD telah kami tugaskan untuk membantu mengumpulkan kesemua isu-isu yang telah dibentangkan dalam Dewan ini untuk membuat penilaian awal.

Sedikit kelainan tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan cuba membuat penilaian keberkesanan isu yang telah ditimbulkan dalam Dewan ini. Untuk pengetahuan awal, sebanyak lebih 500 isu telah pun dibangkitkan dalam Dewan ini untuk kementerian-kementerian menilai kesesuaiannya untuk diambil kira dan untuk pengetahuan awal, Kementerian Pembangunan paling banyak menerimanya iaitu sejumlah 84 isu (17%).

Masa terlalu suntuk untuk dilaporkan dalam Dewan ini *result analysis* yang kita lakukan kerana memerlukan *quality check*. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan 'berigakan' kepada kementerian tentang *analysis* yang telah dibuat menggunakan lampu *traffic* iaitu "hijau," isu yang dibentangkan telah dijawab sepenuhnya dan ada *plan* tindakan. "Warna Kuning," dijawab sebahagian belum menyeluruh dan *action plan* belum ada. "Warna Merah," isu tidak dijawab langsung atau mungkin ada alternatif yang lebih baik yang belum disampaikan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kami akan gunakan *analysis* ini sebagai *baseline* untuk mengukur perbincangan lanjutan dengan kementerian-kementerian.

Kaola/saya seperti rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tidak akan berhajat untuk mengulang lagi isu-isu yang dibangkitkan dalam Dewan ini. Cuma menyampaikan yang kaola teruja dan mengambil baik jaminan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri yang pihak kementerian-kementerian akan meneliti cadangan-cadangan dikemukakan ddi dalam Dewan ini untuk dilihat kesesuaiannya dan juga jemputan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk meneruskan sesi Muzakarah di luar Dewan ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diusahakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini izinkan kaola/saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas nasihat, tunjuk ajar, bantuan-bantuan yang diberikan kepada kaola/saya dan teman Yang Berhormat yang sebahagian besarnya baru pernah kali menjejak kaki ke dalam Dewan yang mulia ini apatah lagi dipertanggungjawabkan mewakili rakyat dalam waktu yang singkat selepas perlantikan. Terima kasih juga kaola, saya ucapkan pada Yang Berhormat teman-teman bijaksana dengan penuh kesabaran.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Negara memberi tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan kerjasama dan tidak lupa *background staff* yang telah membantu sepanjang permesyuaratan.

Sebelum menutup kaola/saya ingin sekali lagi memohon maaf jika sekiranya ada tersilap kata, terkasar bahasa, tingkah laku yang kurang sopan sewaktu

menyampaikan hujah memberi pandangan, saranan dan soalan semasa Sesi Muzakarah dan juga sepanjang musim pemesyuaratan pada tahun ini, yang baik daripada اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى dan yang kurang baik itu pasti sebab kelemahan kaola dan juga saya mohon maaf.

Kaola/saya akhiri dengan ucapan moga 'kitani' berjaya meraih rahmat dan berkah dalam bulan Ramadan yang mulia ini maaf zahir dan batin diiringi dengan doa semoga kita semua sihat walafiat dalam rahmah, hidayah, taufik dan keredaan اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى dan usaha kitani dalam Dewan ini menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan 'kitani' bebas daripada fitnah dunia dan fitnah akhirat, آمين .

Semoga dipertemukan pada peluang akan datang اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى. Kaola/saya 'inda' pandai berpantun tapi 'inda' jua mau ketinggalan membeli pantun Yang Berhormat Menteri Kesihatan mulakan dan juga Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama 'rista' semasa Ucapan Penangguhan. Inilah pantun orang bekas ahli korporat:-

Orang korporat dalam Dewan,
Cuba selitkan isu rakyat,
Maaf kalau kurang manis tutur
perkataan,
Harap hajat muzakarah bawa manfaat,

Jalan Ke Belait singgah di Telisai,
Bahagia berteduh di pohon jagus hijau
lestari,
Muzakarah dalam Dewan barukan
selesai,
berigakantah dalam lakukan tugas
penuh bistari,

Kata rakyat *what's in the budget for me*,
Kurangkan beban kami jangan dilintasi,
إِنْ شَاءَ اللَّهُ sampai kita berjumpa lagi,
Mohon jangan lepas pandang cadangan
abis kami.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang keeanm belas daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud

bin Jihan: اللَّهُ أَكْبَرُ terima kasih

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Selawat dan iring salam kita panjatkan kepada Rasul Junjungan kita dan keluarga serta sahabat-sahabat Baginda seluruhnya. Semoga 'kitani' termasuk dalam kumpulan yang akan mendapat syafaat Baginda pada akhir nanti, آمين .

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya. اللَّهُ أَكْبَرُ mari kita

sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana limpah kurnia kesihatan dan kesejahteraan bagi membolehkan 'kitani' sama-sama hadir di dalam Dewan yang mulia ini hingga ke penghujung pemesyuaratan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**.

Kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan dalam menerajui dan memimpin Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara 1444/2023 berjalan dengan sungguh lancar, teratur dan efisien.

Tahniah setinggi-tingginya juga diucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas penyelenggaraan perjalanan mesyuarat yang kemas dan teratur dan juga atas kebijaksanaan dan bantuan yang diberikan kepada kaola dan rakan-rakan Yang Berhormat semuanya.

Kaola mengimbas kembali isu-isu yang pernah kaola sampaikan di dalam Dewan ini iaitu mengenai binatang liar. Kaola menaruh harapan kepada kementerian-kementerian berkenaan dan dalam usaha menangani masalah binatang liar ini yang semakin meresahkan rakyat agar ia dilihat dengan lebih serius dan pendekatan *whole of government dan whole of nation* tanpa berharap kepada satu pihak sahaja.

Juga, mengenai Balai Cerap Kebangsaan, memang tidak dapat dinafikan bahawa kepentingannya kepada negara, lebih-lebih lagi kepada negara Islam mempunyai Balai Cerap sendiri adalah satu kepentingan.

Mengambil contoh kepada negeri jiran kita iaitu negeri Sabah di mana misalannya di Balai Cerap Al-Biruni minggu lepas telah berjaya melihat anak bulan Ramadan dengan peralatan-peralatan yang terkini.

Kaola juga merasa simpati kepada Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam dengan peralatan yang terbatas juga telah berjaya melihat anak bulan Ramadan. Mereka ini tidak mempunyai tempat yang khusus untuk menjalankan aktiviti-aktiviti.

Sekali lagi kaola menaruh harapan yang tinggi di dalam Dewan yang mulia ini agar pembinaan Balai Cerap Kebangsaan ini dapat dilaksanakan dengan sesegeranya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengulangi lagi cadangan berhubung perkara yang sudah dibangkitkan ke arah meningkatkan kualiti hidup dan mengukuhkan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam melalui dasar, strategi, peraturan dan program ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 sepertimana hasrat yang murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu

termasuk dasar, peraturan dan program yang dapat membantu golongan-golongan yang kurang berkemampuan dan Orang Kelainan Upaya. Memperkasa Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan pihak yang bertanggungjawab mengenai pengurusan Zakat dan Wakaf agar ianya lebih efektif, efisien dan profesional. Seterusnya boleh mendukung kemajuan ekonomi negara berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Mempelajari dan seterusnya menggunakan modul yang terbukti berjaya dan berkesan di negara-negara serantau dan antarabangsa dengan mengadaptasikan berdasarkan *national circumstances* negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai *way forward*, kaola berpandangan sudah tiba masanya bagi perkara-perkara yang strategik sama ada yang bersifat *tactical* atau *operational* dibincangkan, dimuzakarahkan secara berterusan, komprehensif dan holistik antara lainnya melalui jawatankuasa kecil yang dianggotai oleh sebahagian daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama pihak-pihak yang berwajib agar perkara-perkara yang perlu diperbaiki dan dikemaskinikan supaya dapat *traction* yang sewajarnya ke arah mencapai jalan penyelesaian.

Juga pelaksanaan yang sangat-sangat diharapkan oleh raja kita dan juga pemegang-pemegang atau *stakeholder*

yang berkenaan termasuk rakyat dan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah demi 'menanai' tinggi titah dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhubung kemajuan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat jelata.

Kaola berharap agar apa-apa yang telah ditimbulkan yang difikirkan layak untuk diambil tindakan, maka ambillah tindakan yang berpatutan dan mana-mana cadangan yang difikirkan layak untuk dibincangkan, maka bincangkanlah ia.

Semoga ia menjurus kepada keamanan dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam kalangan pemimpin akar umbi akan sentiasa membuka telinga mendengar keluhan dan kehendak rakyat untuk sama-sama 'dikalinga' dan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024 sebanyak \$4.96 bilion telah diluluskan. Perancangan hala tuju Belanjawan ini akan disalurkan telah dihuraikan oleh kementerian masing-masing. Kaola berharap agar ia dapat dilaksanakan sebagaimana yang diharapkan. Sebelum mengundur diri dan mengakhiri Ucapan

Penungguhan kaola, izinkan kaola mengongsikan 2 rangkap pantun:

Hulu sungai memasang pukut,
Pukut dipasang hingga ke Papatan,
Selesai sudah merancang Belanjawan,
Semoga mencapai hasrat yang dimaksudkan.

Pukut diikat di hujung papatan,
Setelah dibangkit hasil sama dibahagi,
Semoga الله mengurniakan kesihatan,
إِنْ شَاءَ اللهُ dalam permesyuaratan lain kita
berjumpa lagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penungguhan yang ke tujuh belas daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin sesi permesyuaratan di Dewan ini dengan tenang dan penuh berhemah.

Sekalung budi kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan

Jurutulis serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang mengendalikan Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas berjalan dengan baik dan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Lebih dahulu kaola mengucapkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkat kepimpinan baginda, negara telah banyak mencapai kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai bidang seperti infrastruktur fizikal, agama Islam, ekonomi, sosial, kesihatan, pendidikan, perindustrian dan sebagainya.

Ini membuktikan bahawa sistem pemerintahan beraja tidak menghalang kepada kemajuan dan pembangunan negara dan tidak pula mengetepikan hak-hak individu dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, melalui pemerintahan demokrasi kebruneian yang bertunjang kepada syura dan musyawarah.

Dalam Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang bertemakan: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" telah pun memfokuskan kepada "3" keutamaan iaitu: Memelihara Kesejahteraan Awam, Mendukung Pemulihan Negara yang Inklusif dan Berdaya Tahan dan Pembangunan Modal Insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Sehubungan itu, kaola menyeru agar semua kementerian melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah serta pengurusan penyampaian dalam memberikan perkhidmatan yang efektif dan efisien seperti yang diharapkan oleh pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan orang ramai di samping memastikan perkhidmatan tersebut "*value for money*" serta pengurangan terhadap pembaziran sumber dan dana.

Dalam masa yang sama, pematuhan terhadap undang-undang iaitu setiap organisasi atau agensi perlu mematuhi segala peraturan, undang-undang, piawaian (*standard*) yang diguna pakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta ketelusan dalam perkongsian maklumat.

Tadbir urus yang cekap dan berkesan (terbaik) sebagaimana mengurus dan menangani perubahan (*change management*). Organisasi yang dinamik akan sentiasa bersedia menerima perubahan dengan membuat penyesuaian mengikut perubahan dan kehendak semasa. Dalam hal ini, persediaan dan komitmen menyeluruh dari pihak pengurusan adalah amat kritikal. Perubahan dalam sesebuah organisasi amat perlu agar organisasi lebih dinamik dan berdaya saing ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Pendidikan adalah pelaburan yang sangat penting dalam sesebuah negara. Pencapaian yang dijana melalui sistem pendidikan akan menentukan hala tuju negara pada masa depan. Malahan proses pendidikan merupakan kaedah yang sangat berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang baik dan sempurna.

Kebanyakan negara maju telah mengambil inisiatif untuk menggerakkan aktiviti perdagangan antarabangsa dalam sektor pendidikan tinggi. Perkhidmatan pendidikan antarabangsa merupakan sumber utama kepada pendapatan negara maju dengan pulangan perniagaan mencecah jutaan ringgit.

Dengan usaha dan inisiatif berterusan dari Institusi Pendidikan Tinggi Tempatan yang sedang dan akan dilaksanakan seperti menawarkan pelbagai program dan kursus bagi pendidikan antarabangsa, kaola optimis Negara Brunei Darussalam boleh menjadi hab kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik, sebagai usaha untuk menggalakkan pelancongan pendidikan secara berterusan dalam jangka masa panjang. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Meneliti peruntukan yang telah disediakan kepada semua kementerian

pada tahun ini, kaola kira ia akan dapat melaksanakan beberapa projek yang telah dirancang. Kaola ingin bercakap mengenai beberapa hal yang merupakan keperluan asas seperti pembinaan dan menaik taraf beberapa jalan raya yang ada di bawah tadahan abiskoala dan rakan.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mencadangkan supaya jalan raya yang disebutkan ini akan diberikan perhatian sewajarnya:

1. Jalan raya Kamung Kasat dan Putat mungkin sudah berumur lebih daripada 50 tahun, laluan di Jalan Buang Sakar - Kasat pada masa ini sempit, ditambah lagi dengan kereta yang diletakkan di kiri kanan jalan menyebabkan pengguna lalu bergilir-gilir, baru boleh berjalan.;
2. Jalan-jalan raya Kampung Bebatik Kilanas dan Kulapis dengan penaiktarafan jalan tersebut mungkin akan dapat mengurangkan sungutan orang awam dan pengguna jalan raya di kawasan tersebut.; dan
3. Jambatan *Bailey* di Kampung Sengkurong, mungkin sudah masanya ia dinaik taraf kepada jambatan dua hala, yang pada masa ini ia hanya mampu memuatkan sebuah kereta pada satu masa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Akhir kata, kaola memohon maaf jika ada terlanjur bahasa yang kurang sopan di dalam Dewan ini sepanjang musim Permesyuaratan berlangsung serta tidak lupa mengucapkan Selamat Berpuasa, semoga semua amalan baik akan beroleh keberkatan dan ganjaran pahala daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan kelapan belas daripada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Lebih dahulu kaola mengucapkan selamat berpuasa kepada semua yang menunaikan dan semoga kita semua dirahmati oleh **اللَّهُ** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan kaola memberikan Ucapan Penangguhan di Dewan ini.

بِاللَّهِ الْحَمْدُ bersyukur kita ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya jua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Kesembilan Belas Majlis

Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola dengan penuh rasa tulus ikhlas mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permuzakarahannya sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara atau di peringkat Jawatankuasa dapat dijalankan dengan lancar dan memuaskan dalam suasana yang harmoni.

Kaola juga merakamkan tahniah kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan penuh dedikasi. Sebagaimana yang kita maklum, bahawa melalui Permesyuaratan ini selaku Ahli Yang Berhormat akan dapat menyampaikan suara rakyat yang perlu didengar dan diambil perhatian dan mungkin ia terlepas perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh dan menyambut baik Belanjawan yang telah diluluskan di Dewan ini. Semoga Belanjawan yang diluluskan ini, pihak kementerian akan dapat melaksanakan perancangan dengan lebih jayanya dan diharapkan semoga iadigunakan dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

Kaola juga menyambut baik dan menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kemajuan negara ini demi kesejahteraan rakyat melalui kementerian-kementerian melalui peruntukan yang diberikan.

Kita juga bersyukur kerana kita dapat menikmati keamanan dan kemakmuran serta negara akan terus membangun berkat daulat kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga berharap semoga isu-isu yang ditimbulkan atau saranan yang diberikan perlu perhatian dan diambil tindakan dengan penuh pertimbangan dan kebijaksanaan. Dengan adanya perhatian dan tindakan terhadap isu-isu tersebut ianya akan memberi impak yang baik kepada semua pihak selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Begitu juga dengan pengangguran yang perlu diambil perhatian, semoga dengan masuknya *FDI* ke Negara Brunei Darussalam akan dapat memberikan ruang pekerjaan dan ianya sekurang-kurangnya akan boleh mengurangkan pengangguran yang ada di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kaola mengundurkan diri kaola tidak lupa mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kepada kaola bercakap dan memberi pandangan dan untuk berbincang mengenai peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024. Semoga segala perbincangan yang dibuat ianya akan memberikan jalan dan melaksanakan apa juga tindakan demi kebaikan semua pihak.

Kaola juga tidak lupa merakamkan tahniah kepada semua kementerian atas usaha dan kerja keras mereka demi kemajuan negara dan melaksanakan tanggungjawab dalam memeduli apa jua permasalahan rakyat dengan penuh kesabaran. Semoga niat yang baik dan kerja yang penuh keikhlasan itu akan mendapat keredaan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini jua, oleh sebab banyak yang berpantun, jadi kaola ingin juga menyampaikan pantun.

Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kenari mati diikat,
Pelbagai ujian bakal menanti,
Bersedialah semua teruslah berkhidmat.

Batang pinang daun bidara'
Terbang hinggap si rama-rama,
Selesai sudah mesyuarat negara,
Biarpun jauh kita tetap bersama.

Kaola juga memohon maaf jika ada salah dan silap sepanjang Permesyuaratan ini berlangsung.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang kesembilan Belas daripada Yang Berhormat Menteri Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Kebudayaan, Belia

dan Sukan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan.

Lebih dahulu kaola dengan penuh hormat sukacita mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana atas kebijaksanaan serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, **اللَّهُمَّ** telah dapat memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kesembilan Belas ini dengan lancar, sempurna, fokus dan berkesan dalam suasana yang produktif bagi sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian semata-mata ke arah memperkasa, 'mengalinga' dan memeduli kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam yang kita semua cintai ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga abiskaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas penyelenggaraan perjalanan permesyuaratan yang kemas dan teratur. Kaola juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan persoalan-persoalan, memberikan input dan pandangan-pandangan yang membina serta maklum balas yang boleh memberikan nilai tambah yang sangat berguna bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti perkhidmatan agensi-agensi kerajaan termasuk kementerian kaola, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semua persoalan yang ditimbulkan mencerminkan keprihatinan dan kesepakatan semua **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kementerian ini akan melaksanakan penelitian perancangan terperinci dan menggerakkan tindakan yang berimpak. **اللَّحْمْدُ لِلَّهِ** kita sama sepakat telah berjaya mencapai keputusan dan penyelesaian dari hasil Permesyuaratan di Dewan ini.

Dalam menjunjung hasrat murni kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya untuk menyerapkan pemikiran yang positif dan terbuka

secara senegara, bersatu membina masa depan yang lebih makmur yang akan memberikan impak positif kepada negara dan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala saranan dan persoalan yang telah dibangkitkan semasa sesi perbahasan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai Sistem Kebajikan Negara (SKN). Ini telah mencerminkan keprihatinan yang mendalam terhadap kepentingan dan manfaat yang dapat diperolehi daripada SKN dalam memperbaiki proses kerja yang sedia ada, penilaian dan pengagihan bantuan-bantuan yang bertepatan dengan keperluan masyarakat yang kurang berkemampuan di negara ini.

SKN adalah merupakan sebuah platform berkuasa tinggi yang telah banyak membantu kementerian abiskaola dan agensi-agensi pengendali bantuan yang lain dalam menghulurkan bantuan dan menjalankan intervensi-intervensi yang bersesuaian selaras dengan *portfolio* masing-masing dalam menanai perlaksanaan sistem jaminan sosial negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kementerian ini akan mengaturkan Sesi Muzakarah khusus dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai SKN dan Pelan Tindakan Membasmi Kemiskinan

di bawah Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan.

Pelan Tindakan pembasmian kemiskinan ini adalah Pelan Tindakan Utama dalam menggariskan *capacity access* dasar dan akta serta Pelan Tindakan OKU, warga emas, keluarga, wanita dan kanak-kanak menggariskan pembangunan kesaksamaan, kebajikan, kesejahteraan dan sokongan mesra. Pelan-pelan tindakan ini adalah bertujuan bagi meningkatkan *resilient* dan mandiri ekonomi golongan sasaran khusus untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengurangkan ketergantungan pada bantuan kerajaan.

Begitu juga, Dasar Belia Negara dan Strategi 2035 ia menjadi asas kepada segala inisiatif yang dilaksanakan bagi melahirkan belia harapan dengan "Calak Brunei" yang *resilient* dan positif berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai pembangunan dan perkembangan sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus menggalas amanah merealisasikan: "negara sukan yang gemilang." Salah satu elemen penting dalam memantapkan ekosistem sukan sama ada sukan untuk masyarakat ataupun sukan berprestasi tinggi adalah kepentingan tadbir urus sukan atau apa yang kita kenali sebagai *governance*

yang efektif, penuh integriti, telus dan adil.

Sedikit pencerahan mengenai sukan prestasi tinggi di kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa. Penyertaan negara di kejohanan sukan berkontinjen seperti Sukan *Sea, Asean Game*, Sukan *Commonwealth*, Sukan Olimpik dan sukan-sukan para bagi Orang Kelainan Upaya adalah sukan yang diiktiraf oleh Badan Sukan Antarabangsa.

Manakala pemilihan atlet adalah berdasarkan kepada garis panduan dan kriteria yang dikawal selia dan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan yang terdiri daripada majlis-majlis sukan yang relevan dan berkepentingan termasuk wakil dari kementerian abisakaola, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ini sudah setentunya merupakan jentera tadbir urus atau *governance* yang kukuh, yang telah sedia ada sejak dulu lagi demi mengelakkan mana-mana pihak individu menjadi sebarang *blocker* atau penghalang.

Atlet-atlet yang disokong mewakili negara sudah setentunya telah menjalani latihan-latihan khusus yang intensif sebagai persediaan awal oleh persatuan-persatuan sukan masing-masing.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin menekankan bahawa tadbir urus yang efektif juga melibatkan persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk membuat Perancangan Strategi dan

Pelan Tindakan Jangka Panjang dengan sasaran dan inisiatif strategik yang lebih menjurus kepada peningkatan prestasi dan meraih pingat di peringkat serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para media yang telah memberikan gambaran yang tepat kepada masyarakat melalui laporan sama ada secara bertulis dalam ruangan media cetak, dalam talian ataupun dalam media sosial.

Kepentingan laporan-laporan sebegini menzahirkan ketelusan dalam perbincangan dalam Dewan ini. Rakyat dan penduduk perlu mendapatkan gambaran yang sebenar mengenai isu-isu yang ditimbulkan serta usaha-usaha agensi kerajaan yang telah, sedang dan akan dijalankan dalam mendukung matlamat pembangunan negara selaras dengan pendekatan menyeluruh senegara atau *whole of nation approach*. Pada hemat kaola para pengamal media perlu mempunyai etika kewartawanan yang tinggi untuk memberikan laporan yang tepat dan gambaran yang sebenar serta tidak sekali-kali terkeluar daripada konteks isu-isu itu disampaikan. Ini adalah kerana ia boleh menjurus dan menyentuh sentimen rakyat demi mendapatkan berita sensasi.

Majlis Mesyuarat Negara merupakan Majlis yang bersidang dengan penuh ketelusan khususnya dalam memastikan agenda pembangunan negara dapat

dijalankan dengan penuh kebijaksanaan mendukung titah raja yang kita sayangi maka marilah 'kitani' sama-sama mendukung hasrat dan matlamat yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian biskoala Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan akan meneruskan usaha untuk memberikan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat dan mempertingkatkan lagi rangkaian bersama rakan-rakan strategik yang berkepentingan dan mengambil kira semua *input* positif yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat serta penglibatan semua lapisan masyarakat secara amnya. Ini adalah demi mencapai kejayaan dan menraih impak yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Akhir kata peramba/kaola/saya berdoa kepada ke hadrat اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, para hadirin dan hadirat di Dewan yang mulia ini akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى serta dikurniakan taufik dan hidayah serta sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan kebahagiaan.

Sebagai penutup kaola menyediakan oleh-oleh tuan-tuan penasihat kaola, ada beberapa rangkap pantun, kaola cuma memilih dua sahaja.

Sungguh indah bunga di taman,
Warnanya cerah di hati nyaman,
Tersilap tutur tidak disenghajakan,
Ampun maaf jua biskaola pohonkan.

Selesai solat mengaji Al-Quran,
Mengaji Al-Quran Surah Yasin,
Salam Ramadan salam hiburan,
Mohon Maaf Zahir dan Batin.

Demikianlah sahaja dan sekali lagi terima
kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang terakhir,
kedua puluh daripada Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd.
Manaf bin Haji Metussin, Menteri
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat.

Setelah hampir tiga minggu kita
bersidang, kini Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Kesembilan
Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun
2023, telah hampir ke penghujungnya.

Terlebih dahulu, kaola dengan penuh
hormat dan takzim, ingin menrafakkan
sembah menjunjung kasih Kehadapan
Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Haji Hassanah
Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam, atas keberangkatan
bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis
Mesyuarat Negara dan berkenan
mengurniakan titah yang berupa nasihat
dan pendapat yang penuh bijaksana dan
berpandangan jauh serta mencerminkan
keimpinan, keprihatinan dan sikap
pemedulian baginda bagi memastikan
pembangunan, kemakmuran dan
kesejahteraan rakyat dan negara adalah
sentiasa terjamin.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola
dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan
tahniah kepada Yang Berhormat Yang
Di-Pertua atas kepimpinan dan
kewibawaan dalam menguruskan
Persidangan Majlis Mesyuarat Negara
di Dewan yang mulia ini dengan penuh
kebijaksanaan, kecekapan dan dedikasi
sehingga membolehkan persidangan ini
berjalan dengan jayanya dalam suasana
yang penuh hormat, kondusif dan
produktif.

Ucapan tahniah dan penghargaan ini
juga kaola tujukan kepada Yang
Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia
Timbalan Jurutulis atas kecekapan
mengatur agenda perbincangan dan

perjalanan persidangan dengan tersusun dan lancar dan juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang terlibat dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan pada tahun ini.

Kaola seterusnya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dapat memainkan peranan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cemerlang dan komited dalam menyuarakan isu-isu strategik dan mengusulkan cadangan serta pandangan-pandangan yang bernas demi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sambil mengekalkan semangat muhibah, saling menghormati dan bermuzakarah dengan "Calak Brunei" 'kitani' selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyempunakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023 yang lalu. Sepanjang Persidangan ini berlangsung, isu sekuriti makanan adalah merupakan salah satu agenda yang hangat dibincangkan. Pelbagai isu telah dibangkitkan dan cadangan-cadangan pembaikan dicadangkan demi memastikan masa hadapan pembangunan negara serta

kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini akan terus terjamin.

Ke arah ini, pihak kaola akan terus berusaha sedaya-upaya dengan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* dalam melaksanakan strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif baharu dalam memastikan agar pertumbuhan keluaran dari industri sektor makanan khususnya pertanian dan perikanan sama ada keluaran dari industri primer dan industri pemprosesan hiliran dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan akan terus meningkat dari tahun ke tahun dan menyambung secara signifikan kepada usaha ke arah mempelbagaikan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, eksport dan jaminan sekuriti makanan.

Usaha-usaha dalam menarik dan meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha baharu sama ada pengusaha tempatan terutama dari golongan belia dan juga syarikat-syarikat *FDI* untuk berkecimpung dalam bidang pertanian, perikanan, perhutatan dan pelancongan akan juga diteruskan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan. Pada masa yang sama melalui projek-projek RKN, pihak kaola juga akan terus memastikan prasarana dan kemudahan asas ladang disediakan dan akan terus dipertingkatkan.

Cadangan yang telah diajukan dan disumbangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah amat dihargai dan

adalah disambut baik dan akan diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci dalam sebarang penggubalan dasar yang perancangan strategi yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pihak kaola sentiasa bersedia dan mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bermuzakarah bagi membincangkan sebarang cadangan yang menjurus dalam bidang-bidang perusahaan yang berkaitan seperti sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan perlancongan di negara ini bagi kemajuan sektor-sektor ini dan bagi memastikan sektor-sektor ini mampu menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya kepada pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas selaras dengan usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara agar kita tidak terlalu bergantung pada hasil dari sektor minyak dan gas.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf sekiranya ada sebarang kesilapan dan kesalahan mahupun kata-kata yang kurang manis semasa kita bersidang ini. Akhirnya kaola sudahi dengan Ucapan Penangguhan kaola ini dengan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa berada dalam kandungan sihat wal afiat dan dalam kebahagiaan juga.

Marilah kita juga sama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga negara kita dan seluruh rakyat akan sentiasa berada dalam perlindungan-Nya dan dikurniakan dengan nikmat keamanan, pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan baginda **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola juga berdoa mudah-mudahan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan mendapat rahmat dan inayah, dikurniakan umur yang panjang dan dengan izin-Nya juga **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan berjumpa lagi dalam persidangan yang akan datang. **آمِينَ... آمِينَ... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sejak semalam lagi sehingga pada hari ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selesai kita laksanakan dengan selamat, sempurna dan teliti.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya tulus ikhlas atas kerjasama yang telah diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, yang telah

diadakan selama 18 hari bekerja, dalam suasana yang penuh harmoni, muhibah dan saling menghormati yang berpaksikan dan berlandaskan kepada teras negara kita, Melayu Islam Beraja.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya juga saya tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara-Bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan pinjaman termasuk mereka yang ditugaskan dari beberapa buah kementerian dan jabatan termasuklah Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menyediakan pelbagai keperluan dan dapat melicinkan lagi segala urusan kita sepanjang Permesyuaratan yang kita adakan.

Saya juga ingin menyatukan diri bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain pada menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 9hb. Syaaban 1444 bersamaan dengan 2hb. Mac 2023 dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada Majlis

tersebut, yang titah itu telah menjurus kepada perkara-perkara yang telah kita bincangkan sepanjang Permesyuaratan yang kita lakukan.

Dalam pemerhatian saya, persidangan kita ini telah dapat kita adakan dalam suasana terbuka, penuh mesra dan saling menghormati, serta sedikit sebanyak telah dapat menjunjung apa yang tersirat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi berkenaan, iaitu sebagai wadah strategik untuk memikirkan dan mencari impak yang positif untuk negara melalui pendekatan *whole of government and whole of nation*.

Persidangan kita kali ini juga dapat memperlihatkan salah satu kekuatan Majlis Mesyuarat Negara, seperti yang telah dapat kita saksikan sendiri, bahawa Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan telah dapat hadir sama di Dewan yang mulia ini, bagi menjawab semua persoalan yang ditimbulkan mengenai perancangan dan hala tuju kementerian masing-masing secara terbuka, berhemah dan pada masa yang sama bersedia mendengarkan cadangan dan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan untuk rakyat dan negara.

بِاللَّهِ الْحَمْدُ kita juga bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih berupaya untuk menyediakan Peruntukan Belanjawan yang munasabah bagi Tahun Kewangan 2023/2024 bagi meneruskan projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan negara serta bagi memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kita juga telah mendengar pengakuan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan bahawa kerajaan baginda akan meneruskan perancangan-perancangan pembangunan sesudahnya selesai Rancangan Kemajuan Kesebelas yang ada ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Saya penuh berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat meneruskan lagi permuzakarahannya di luar Dewan dari semasa ke semasa. Saya kira cadangan dan buah fikiran yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan haruslah diberikan perhatian dan penelitian yang sewajarnya, sama ada sebagai pemikiran baharu atau sebagai menambah baik usaha dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan di kementerian-kementerian berkenaan.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan Selamat menunaikan ibadah Puasa kepada semua dan berdoa semoga amal ibadah yang kita lakukan pada bulan Ramadan yang mubarak ini akan diterima oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** serta segala usaha murni yang dicurahkan dengan ikhlas akan mendapat rahmat,

keberkatan dan keredaan daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.

Dengan ucapan yang ringkas ini, maka mengikut Peruntukan 35 (i) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan berjumpa lagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

Tarikh / Sesi	Hari Sabtu, 11hb. Sya'aban 1444H / 4hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan asas dan kelayakan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
Isu / Cadangan	Adalah diharapkan isu pekerjaan ini akan dapat dibincangkan secara telus dan terbuka untuk mencari jalan menambah peluang pekerjaan melalui pelbagai dasar strategik. Kita mesti mempunyai perancangan yang mantap dan strategik bagi menangani isu pekerjaan lima ke sepuluh tahun akan datang dan kita mesti mengenal pasti di sektor mana peluang pekerjaan itu akan wujud. Pihak institusi pendidikan dengan itu akan berupaya menyediakan kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang bakal mencari pekerjaan. Situasi seperti sekarang, pelajar kita yang lulus atau tamat pengajian sama ada bahagian menengah atau <i>tertiary</i> tetapi sukar mencari pekerjaan tidak lagi seharusnya wujud atau tidak lagi seharusnya berlaku.
Jawapan	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (UBD, UTB, UNISSA, PB, IBTE)
	I. Berikut adalah perancangan Institusi Pengajian Tinggi bagi menangani isu pekerjaan graduan yang telah menamatkan pengajian:

Perancangan pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD)

- Memperkenalkan *School of Digital Science (SDS)* bagi memenuhi permintaan bidang ini di masa akan datang kerana dilihat berdasarkan tren semasa dan pasaran kerja, permintaan akan terus meningkat bagi pekerja dan pekerjaan yang berkaitan dengan sains digital. *SDS* menawarkan kursus *Computer Science, AI and Robotics, Cybersecurity and Forensics, Data Analytics*, dan *Applied Artificial Intelligence*. *SDS* juga menawarkan modul *breadth* digital untuk pelajar di seluruh universiti, dengan memberikan peluang kepada mereka yang tidak berada dalam bidang berkaitan teknologi untuk meneroka minat mereka dalam sains digital.
- Mengkaji semula/rebiu kurikulum universiti dengan memberi fokus kepada membina kurikulum yang menyiapkan pelajar bukan sahaja untuk pekerjaan sekarang, malah juga peluang pekerjaan pada masa akan datang. Kajian semula ini akan merangkumi topik seperti kaedah penilaian dan penyampaian terkini, pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran pengalaman (*experiential learning*).
- Mengambil bahagian dalam memperoleh akreditasi antarabangsa untuk program yang ditawarkan. Salah satu aspek penting dalam pelaksanaan ini adalah untuk memastikan program yang ditawarkan dapat dilaksanakan dan sekali gus memenuhi keperluan pekerjaan para pelajar.

Perancangan pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Pihak Sekolah Perdagangan UTB sedang dalam proses membina sistem penjejakan alumni yang betul sebagai salah satu langkah pemantauan.

- Menjadi ahli *MISC (Manpower Industry Steering Committee)* melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (*MPEC*) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan pada November 2019. (Dua orang kakitangan UTB) dan dalam rancangan untuk memohon bagi ahli untuk membantu UTB dalam menyediakan program yang diperlukan dan relevan untuk industri di Negara Brunei Darussalam:
 - MISC-WG Tenaga
 - MISC-WG Pengangkutan & Logistik
- Melibatkan pihak berkepentingan untuk menilai impak program UTB. Maklumat ini berguna untuk penambahbaikan program dan memastikan graduan memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk peluang pekerjaan.
- Berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam menjalankan Kajian Pengesanan *a* graduan dan Maklum Balas Majikan untuk menilai lokasi dan prestasi tempat kerja graduan. Kajian ini akan menilai impak program graduan dari segi peluang pekerjaan dan pendidikan berterusan.
- Penubuhan badan Alumni UTB. Ahli-ahli dari badan ini boleh memberikan trajektori kerjaya dan kemahiran yang mereka rasa berharga dalam profesi mereka. Maklum balas alumni boleh memberikan pandangan tentang laluan kerjaya yang baru muncul, arah aliran industri dan keperluan kemahiran, yang boleh membantu dalam pembangunan kurikulum dan strategi pendidikan UTB.

Perancangan pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

- Program Penempatan Kerja:
 - Program Penempatan Khas Alumni UNISSA di penBORNEO (Pusat Sejarah Brunei) selama 4 minggu
 - Pusat Da'wah Islamiah
 - Tetuan Peguam Syarie Al-Wady dan AlWady Consultant Services
 - Tetuan Ibrahim Al-Haj & Company
 - Universiti Islam Sultan Sharif Ali
 - Ghanim International Corporation
- Menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta seperti Huawei Sdn. Bhd. melalui penandatanganan MoU bagi penempatan kerja pelajar dalam bidang industri IT dan teknologi menerusi Program *Seeds for the Future*. Huawei Sdn. Bhd. juga turut menawarkan pekerjaan jika mereka mencapai prestasi yang digariskan oleh industri ini.
- Bengkel Kerjaya:
 1. **Ceramah Motivasi Kerjaya "Dari UNISSA Untuk Ummah".**
 2. **Taklimat Persiapan Menceburi Bidang Kerjaya, Tajuk: Tata Cara Memohon Pekerjaan di JobCentre Brunei dan Menghalusi Penulisan CV.**

3. **Taklimat Kerjaya 'Success Coaching – Find Your Why'** Ekspo Kerjaya UNISSA 2022 (Unissa Career Expo 2022).
4. **Taklimat Kerjaya Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)** Ekspo Kerjaya UNISSA 2022 (*UNISSA Career Expo 2022*).
5. **Taklimat Kerjaya 'Sabar Dalam Ikhtiar'**. Ekspo Kerjaya UNISSA 2022 (UNISSA Career Expo 2022).
6. **Taklimat Kerjaya "Aspirasi Usahawan Agro Muda"**. Karnival Kerjaya Unissa 2022 (*UNISSA Career Expo 2022*).
7. **Bengkel Kerjaya: Klinik Penulisan CV.**
8. **Sesi Perkongsian & Pengalaman Dalam Mencari Pekerjaan** Daripada Alumni.
9. **Taklimat Kerjaya "Perkongsian Alumni UNISSA"**. Karnival Kerjaya UNISSA 2022 (UNISSA Career Expo 2022).
10. **Program Bicara Alumni Fakulti Syariah dan Undang-Undang.**

Perancangan pihak Politeknik Brunei (PB)

- Memberikan fokus kepada visi yang telah ditetapkan iaitu *'Generating Innovative and Future-Ready Graduates'*.
- Mengemas kini program-program yang ditawarkan agar berkesinambungan dengan aspek-aspek atau bidang-bidang yang berpatutan pada industri sekarang dan masa hadapan.

- Kolaborasi dengan pihak industri yang berkepentingan (Hengyi Industries Sdn. Bhd.) untuk program-program petrokimia. Bertujuan untuk meningkatkan lagi peluang graduan-graduan mendapatkan pekerjaan di sektor petrokimia dan industri *downstream*.
- Melaksanakan Projek Solar Panel untuk menguatkan latihan serta kompetensi di dalam sektor '*Renewable Energy Technology*' yang menjadi arah masa hadapan.

Perancangan pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

Berikut adalah inisiatif yang telah dijalankan oleh IBTE :

- Menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan (pihak industri dan kampus IBTE):
 - Berhubung dengan JobCenter Brunei dan MPEC bagi mengetahui *trend job demand* dan dikongsikan kepada kampus IBTE bagi perancangan *highly demanded* dan mempunyai peluang pekerjaan.;
 - Melaksanakan dan mengongsikan '*feature analysis study*' ke kampus IBTE bagi memberikan maklumat mengenai program-program yang mempunyai pencapaian yang baik dari segi kebolehpasaran pekerjaan.; dan
 - Mengadakan '*industry engagement workshop*' bersama industri bagi mengetahui *future* program atau module terkini yang diperlukan oleh industri.
- Menambah baik prasarana dan kapasiti kampus bagi menampung kursus yang *highly demanded* seperti membuat pengubahsuaian bagi menambah bilik2 darjah, menambah *equipment* yang diperlukan dan pengambilan *adjunct lecturers* jika terdapat kekurangan tenaga pengajar.

II. Antara kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran yang disediakan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi (UBD, UTB, UNISSA, PB, IBTE) adalah seperti berikut:

Kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran pihak dari Universiti Brunei Darussalam (UBD)

- **Klinik kerjaya sepanjang tahun:** Klinik ini memfokuskan dan menyasarkan set kemahiran kebolehterapan dengan memberikan tanggapan yang menyakinkan kepada pihak majikan. Ia juga penting untuk para pelajar mengetahui cara menulis CV dengan baik. Pelajar yang berminat untuk memulakan perniagaan juga boleh menghadiri klinik keusahawanan bagi memahami dan mempelajari cara untuk memulakan perniagaan. Klinik kerjaya ini membekalkan kemahiran teras kepada pelajar seperti penulisan CV, kemahiran temu duga dan klinik keusahawanan.
- **Ceramah kerjaya sepanjang tahun:** Ceramah kerjaya merupakan sesi perkongsian oleh pelbagai pakar termasuklah kakitangan sumber manusia, ahli perniagaan, pakar berpengalaman yang akan memperluas pandangan para pelajar dalam bidang tertentu, sebagai contoh, pegawai *HSE (Health, Safety and Environment)* yang berkongsi antara lain tentang persekitaran kerja mereka, risiko dan syarat untuk menjadi pegawai *HSE*.
- **Sesi bimbingan kerjaya sepanjang tahun:** Sesi bimbingan kerjaya merupakan sesi susulan *one-to-one* klinik kerjaya iaitu selepas menghadiri sesi kemahiran menulis CV dan kemahiran temu duga. Mereka yang memberi bimbingan ini adalah terdiri daripada pensyarah dan pegawai UBD serta kakitangan sumber manusia yang dilantik setiap tahun. Para pelajar juga boleh memilih sama ada meminta bantuan untuk semakan CV atau

sesi percubaan untuk temu duga. Untuk panduan kerjaya mengenai pasaran kerja atau pengetahuan mengenai suatu pekerjaan, pelajar dinasihatkan untuk merujuk pensyarah modul yang lebih arif tentang pasaran kerja mereka.

- **Pameran Kerjaya UBD:** Pameran Kerjaya UBD adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh *UBD Centre of Networking, Employment and Career Training (UBD CoNECT)* yang bertujuan untuk menghubungkan para pelajar dan alumni UBD dengan syarikat dan organisasi. Di samping itu, *UBD CoNECT* dengan sokongan *Office of Alumni Relations and Advance (OARA)*, berhasrat untuk mempersiapkan para pelajar dan alumni dengan menyediakan platform untuk berhubung dan membina rangkaian dengan pihak profesional dari industri.

Kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran dari pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB)

- Program di UTB direka mengikut piawaian antarabangsa dan profesional, contohnya *U.K. Engineering Council* untuk program berkaitan kejuruteraan dan pengkomputeran dan *The European Foundation for Management Development Engineering Council* untuk program perdagangan. Ini bermakna program UTB diiktiraf di peringkat antarabangsa, yang menjadikan graduan UTB lebih boleh dipasarkan bukan sahaja di dalam negara, tetapi di peringkat antarabangsa.

Modul keusahawanan adalah modul wajib di seluruh UTB. Modul ini membantu dalam mempromosikan inovasi, melalui penyelesaian masalah dan kerja kolaboratif. Ia menggalakkan pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar dan menyediakan mereka dengan lebih banyak pilihan kerjaya dalam perniagaan dan bukan sahaja bergantung kepada pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran dari pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

- Penubuhan Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (*Office of Career Advancement and Industrial Training – OceaN*) dan juga Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA) yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan kebajikan para graduan UNISSA sebagaimana berikut:
 1. ***(OceaN UNISSA)*** Mengumpul data (seperti GES) mengenai kesesuaian bidang graduan dengan pekerjaan yang telah mereka ceburi sekarang, data tersebut diserahkan kepada fakulti dan pusat. Ini adalah untuk setiap fakulti/pusat dapat meneliti, menyemak dan menilai semula kesesuaian program dan kurikulum yang sedia ada dengan pasaran pekerjaan sekarang.
 2. ***(OceaN & HEA UNISSA)*** Kedua-dua pejabat ini menyediakan program *internship* bagi alumni di sektor kerajaan dan swasta. Di samping itu, pejabat-pejabat ini juga mengadakan berbagai program secara berterusan dihasratkan akan membantu para pelajar dan alumni menambah dan meningkatkan kemahiran. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti Bengkel Kerjaya Klinik Penulisan CV dan temu duga bagi pelajar tahun akhir, bakal graduan & alumni UNISSA, mengadakan sesi perkongsian & pengalaman dalam mencari pekerjaan daripada alumni kepada pelajar tahun akhir, bakal graduan & alumni.

- Menjadikan Kursus Keusahawanan sebagai kursus wajib Universiti bagi semua pelajar. Kursus ini merupakan kursus penting dalam memupuk nilai keusahawanan yang akan menghaikan graduan yang tidak berhadap sepenuhnya kepada pihak kerajaan untuk memberikan pekerjaan bahkan juga akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada orang lain.

Kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran dari pihak Politeknik Brunei (PB)

- Menawarkan program-program yang berkesinambungan dengan pelan strategik PB untuk menyediakan sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang tertentu:

1. Sekolah Perdagangan (SBS)

- *Diploma in Business Accounting and Finance*
- *Diploma in Entrepreneurship & Marketing Strategies*
- *Diploma in Human Capital Management*

2. Sekolah Teknologi Maklumat & Komunikasi (SICT)

- *Diploma in Applications Development*
- *Diploma in Data Analytics*
- *Diploma in Digital Arts and Media*
- *Diploma in Cloud and Networking*
- *Diploma in Web Technology*

3. Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE)

- *Diploma in Architecture*
- *Diploma in Interior Design*
- *Diploma in Civil Engineering*
- *Diploma in Electronics and Communication Engineering*
- *Diploma in Electrical Engineering*
- *Diploma in Mechanical Engineering*
- *Diploma in Petroleum Engineering*

4. Sekolah Sains Kesihatan (SHS)

- *Diploma in Health Sciences (Nursing)*
- *Diploma in Health Sciences (Paramedics)*
- *Diploma in Health Sciences (Midwifery)*
- *Diploma in Health Sciences (Cardiovascular Technology)*
- *Diploma in Health Sciences (Dental Hygiene and Therapy)*

5. Sekolah Petrokimia (SPC)

- *Diploma in Chemical Engineering*
 - *Diploma in Chemical Equipment Technology*
 - *Diploma in Laboratory Technology*
 - *Diploma in Power Plant and Power Systems Technology*
 - *Diploma in Storage and Transportation Technology*
 - *Diploma in Thermal Power Plant Technology*
 - *Diploma in Water Treatment Technology*
- Menyediakan para pelajar dengan pengalaman pembelajaran bersama rakan industri melalui:
 1. *Industry Based Learning (IBL)* – Pembelajaran dilaksanakan di tempat kerja (selama setahun di antara Semester 4 hingga 6) untuk menyediakan pelajar, khususnya dari Sekolah Petrokimia (SPC), dengan pengetahuan dan kemahiran khusus tugas secara *hands-on* dan *real world*, iaitu di *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.*
 2. *Clinical Practice Placement (CPP)* – Latihan klinikal mandatori, *experiential* dan praktikal (dijalankan dari Semester 1 hingga 6) untuk pelajar khusus dari Sekolah Sains Kesihatan (SHS) bagi membolehkan mereka mengaplikasikan teori ke persekitaran penjagaan kesihatan sebenar untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka di bawah pengawasan *qualified clinicians*.

3. Penempatan kerja (selama enam bulan dalam Semester 4, 5 atau 6) sama ada di sektor swasta atau awam bagi membolehkan para pelajar mengguna pakai pengetahuan teori dan kemahiran yang diperolehi semasa mengikuti program diploma ke persekitaran kerja.

- Mewujudkan program *Level 5 Diploma in Entrepreneurship and Marketing Strategies* hasil penggabungan 3 program (*Business Studies, Business Studies (Entrepreneurship)* dan *Business Studies (Marketing)*). Ini adalah untuk menyelaraskan latihan serta kurikulum PB dengan kehendak dan keperluan industri terkini.

Kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran dari pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

- Melaksanakan program-program dengan kerjasama yang kukuh dan berterusan bersama berbagai pihak industri yang berkepentingan:
 - Program perantisan (*Apprenticeship*) di bidang Automotif, Masakan, Penghawa Dingin dan Kejuruteraan Telekomunikasi.; dan
 - Program *iSkill* dalam industri Minyak dan Gas yang dijalankan dengan kerjasama bersama MISC (*Energy*) dan MPEC.;
- Menjalankan kursus-kursus pendek melalui *IBTE Continuing Education* seperti kursus *Tourist Guide, Basic Bookkeeping, AutoCad, Electrical Installation, Basic Painting, Basic Barista, IT Course* dan *Sewing*. IBTE di dalam perancangan untuk menjalankan *IBTE Modular Courses*.;

	Menjalankan ceramah dan bengkel melalui Unit Pembangunan dan Bimbingan Kerjaya dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar:
	<i>'Curriculum Vitae (CV) Clinic'</i> - Bengkel Etika Kerja <i>'Work Etiquette'</i>. - Bengkel <i>'Toast Master'</i> - Taklimat Kerjaya dari Industri/Pakar. - Menganjurkan program kerjaya kepada bakal graduan: <i>IBTE MARKET DAY/ JOB FAIR.</i> PESTA KONVO (kongsi sama dari pihak berkepentingan) - Bengkel mengenai <i>CV Clinic, preparation to enter to the workforce</i> dan <i>Work Etiquette.</i>; - Taklimat daripada syarikat/firma-firma yang ikut serta mengongsikan mengenai latar belakang syarikat serta peluang pekerjaan yang ada.; - Taklimat dari Syarikat DARE, bagi menolong bakal graduan yang berminat menjadi usahawan <i>'entrepreneur'</i>.; - Taklimat dari <i>JobCentre Brunei</i> bagi bakal graduan yang ingin memohon pekerjaan dan <i>I-Ready Scheme.</i>; dan - Penyertaan dari E-Darussalam bersama EGNC dalam menolong bakal graduan membuat permohonan dan mengaktifkan akaun mereka bagi permohonan pekerjaan mereka di laman e-darussalam.

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 14hb. Sya'aban 1444H / 7hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbincangan asas dan kelayakan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.
Isu / Cadangan	Kaola seterusnya merujuk kepada beberapa program-program jati diri dan program-program yang seumpamanya untuk mempersiapkan anak-anak tempatan dengan pengalaman-pengalaman kerja, kedayatahan integriti dan disiplin. Kaola melihat perancangan terhadap program ini adalah sangat signifikan dalam kita mempersiapkan anak-anak tempatan 'kitani' untuk menceburi alam pekerjaan setelah mereka mengikuti pendidikan ataupun menjalani pendidikan di peringkat yang tinggi. Dalam keadaan ini, kaola berpandangan juga bahawa program-program seperti ini sebaiknya diterapkan ataupun ditetapkan, dijadikan satu modal secara menyeluruh di pusat-pusat ataupun di institusi-institusi pengajian tinggi agar semua anak-anak tempatan kita akan mempunyai sikap daya tahan dan sentiasa siap siaga untuk menghadapi alam pekerjaan setelah tamat pengajian nanti. Merujuk kepada peruntukan biasiswa sebanyak 42.8 juta bagi pengendalian biasiswa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola menyambut baik peruntukan ini bagi pelajar-pelajar kita iaitu pelajar-pelajar cemerlang yang mana mereka inilah nanti ان شاء الله akan menerajui negara kita menjadi pemimpin-pemimpin di masa akan datang. Dalam hal ini, penetapan jurusan pelajar-pelajar ini hendaklah disejajarkan dengan perancangan sumber

	tenaga manusia dan diselaraskan juga dengan peruntukan perjawatan yang bersesuaian supaya pelaburan kerajaan bagi pelajar-pelajar ini tidak akan merugikan khususnya kerajaan kerana apabila mereka keluar nanti ataupun tamat daripada pengajian, mereka sudah disediakan dengan jawatan-jawatan dan pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dan ini adalah untuk mengelak sebarang kerugian kepada kerajaan dan mengelak peningkatan kadar pengangguran di negara ini.
Jawapan	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
	• Beberapa aktiviti khidmat masyarakat juga turut dilaksanakan, seperti Misi Peduli dan insiatif kutipan derma bagi mereka yang memerlukan. Aktiviti lawatan ke Kampung Sukang dan Kampung Melilas, iaitu merupakan di antara aktiviti yang diharap dapat membuka mata pelajar tentang betapa pentingnya sifat prihatin dan belas kasihan ditanamkan dalam diri. • Selain itu, Persatuan Mahasiswa/i UBD (PMUBD) yang ditadbir oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan penubuhan pelbagai kelab dan badan pelajar juga merupakan di antara inisiatif untuk mempersiapkan anak-anak tempatan dengan pengalaman kerja di samping memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka dengan bimbingan dari pihak Hal Ehwal Pelajar agar setiap aktiviti yang dirancang dan dijalankan sentiasa bersesuaian dengan kehendak universiti dan tidak bercanggah dengan falsafah negara. Para pelajar turut diberi peluang mengikuti program dan aktiviti di luar negara dengan harapan mereka dapat menimba ilmu pengetahuan dan mempelajari sesuatu yang baru agar dapat diaplikasikan dalam membangun negara ini.

Program-program jati diri Universiti Teknologi Brunei (UTB)

- Menganjurkan *Student Leadership Development Program* sebagai program tahunan dan kumpulan sasaran melibatkan pelajar dari institusi pengajian tinggi. Objektif utama program ini ialah untuk memupuk kepimpinan dalam diri pelajar-pelajar dengan melibatkan pembangunan kemahiran insaniah. Pelbagai aktiviti dan ceramah diadakan sepanjang program ini berlangsung, yang diadakan di Pusat Belia.;
- Program *University Leadership Camp*, anjuran EXCO Pembangunan, Kepimpinan dan Mentor bagi pelajar-pelajar UTB dalam memberikan peluang untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dalam berkomunikasi, teknik pengurusan masa dan bekerjasama dengan lebih berkesan dalam pasukan.;
- Bengkel Kepimpinan: Membina Keyakinan Peribadi dan Profesionalisme.;
- Menyertai program Petronas *School of Life* – Dianjurkan oleh Petronas dan Curious MIND, melibatkan seramai 85 pelajar dari Universiti Teknologi Brunei. Program ini berlangsung selama sebulan, diadakan setiap hari Jumaat. Program ini mengetengahkan topik mengenai *Future Career*; objektifnya ialah untuk menilai kemahiran apakah yang paling penting, bidang yang perlu difokuskan selari dengan kerjaya, bagaimana menguruskan kewangan dan bagaimana untuk mengadaptasi diri secara profesional di tempat kerja.
- Modul MIB adalah sebahagian daripada kurikulum UTB yang penting dalam mempersiapkan pelajar dengan disiplin dan tata tertib – ia kebanyakannya tertanam dalam amalan dan aktiviti harian di UTB, iaitu dalam pengurusan aktiviti harian seperti menggalakkan pelajar untuk mempunyai kesedaran kod pakaian di UTB, kesedaran tentang plagiarisme semasa pengajian;

Peraturan HSE untuk semua kakitangan dan pelajar pelajar untuk semua aktiviti di dalam atau di luar universiti sama ada berkaitan dengan aktiviti kredit atau bukan kredit. Pelajar juga diharapkan untuk mematuhi peraturan universiti di dalam perkara-perkara seperti plagiarisme, penipuan semasa peperiksaan, kehadiran kuliah dan lain-lain lagi.

Program-program jati diri Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

- Program Latihan Industri di bawah skim "At - Tamayyuz". Penempatan kerja di pelbagai agensi dan institusi sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta dapat membantu pelajar memperoleh dan mempertajamkan lagi ilmu dan kemahiran mereka seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran dalam teknologi dan juga kemahiran dalam pengurusan kerja antaranya pengurusan data yang menjadi keperluan industri-industri swasta pada masa kini. Pelajar juga diberikan pelbagai tugas yang memerlukan mereka bersikap proaktif, kreatif dan inovatif. Tugas ini secara tidak langsung bukan sahaja dapat memantapkan lagi ilmu dalam jurusan masing-masing bahkan membantu mereka membangun sifat kepimpinan dan jati diri.
- Pejabat Hal Ehwal Pelajar UNISSA (HEP) juga menyediakan program-program mengasah kepimpinan dan memantapkan jati diri sama ada kepada Majlis Perwakilan Pelajar. Sebagai contoh program yang melibatkan fizikal, kerohanian, ilmiah, kepimpinan, keusahawanan dan kemasyarakatan. Ini termasuklah program dan aktiviti di bawah pasukan beruniform seperti Kadet Tentera, Bomba, Polis, Pengakap, Bulan Sabit Merah dan Pandu Puteri.

Program-program jati diri Politeknik Brunei (PB)

- Program-program yang dikendalikan oleh *Centre for Student Development and Innovation (CSDI)*, PB merangkumi pelbagai aspek dari pemimpinan, jati-diri ialah:
 - Bengkel Bahasa Isyarat – Kolaborasi bersama Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.
 - Program Sentuhan Ramadhan – Mengandungi projek-projek seperti *One Week One Masjid* iaitu projek membersihkan masjid/kubur, *food donation* iaitu sedekah kepada mereka yang memerlukan, Toys4Syawal dan Penulisan Mushaf.
 - Pengurusan Acara – Kolaborasi bersama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.
 - Bengkel Pengucapan Awam – Kolaborasi bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan (KKBS).
 - Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB) – Kolaborasi bersama JAPEM, KKBS.
 - Program *Leadership* – Kerjasama dengan Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD).
 - Program Kecemerlangan Kokurikulum (Program 3K) dan Program Politeknik Pelajar Penyayang (Program 3P).
 - Bengkel Kreativiti.
 - Program pengayaan (*Enrichment Programmes*) adalah dimasukkan ke dalam nilai kredit (*Credit Value*) serta persijilan diploma pelajar-pelajar tersebut.

Program-program jati diri Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

- Program Jati Diri (PJD) yang mana program ini yang diperkenalkan khusus kepada pelajar-pelajar daripada program *Industrial Skills Qualification* kolaborasi bersama IBTE, Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) dan MPEC (*Manpower Planning and Employment Council*).
 - Ada beberapa komponen yang ditekankan iaitu:
 - Komponen Jati Diri, Keagamaan dan Kenegaraan
 - Komponen Disiplin dan Latihan Fizikal
 - Komponen Keusahawanan
 - Komponen Khidmat Komuniti

Perancangan dan penetapan jurusan pelajar-pelajar disejajarkan dengan perancangan sumber tenaga manusia dan diselaraskan juga dengan peruntukan perjawatan yang bersesuaian

- Melalui peruntukan yang diberikan ini, Jabatan Pengurusan Biasiswa telah merancang jurusan pelajar adalah sejajar dengan perancangan sumber tenaga manusia dan peruntukan perjawatan yang bersesuaian mengambil kira daripada keperluan perjawatan pihak kementerian-kementerian. Untuk perancangan penggunaan peruntukan tahun ini, jumlah kursus-kursus yang telah ditawarkan adalah seperti berikut:

Peringkat	Jumlah Kursus Ditawarkan 2023/2024
PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (<i>FIRST DEGREE</i>)	40
PERINGKAT IJAZAH SARJANA (<i>MASTER'S DEGREE</i>)	13
PERINGKAT IKHTISAS (<i>PROFESSIONAL</i>)	2
Jumlah	55

- Setiap tahun Jabatan Pengurusan Biasiswa akan memberi peluang kepada setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk mendapatkan graduan yang bersesuaian mengikut keperluan Kementerian masing-masing. Bagi kursus-kursus yang telah ditawarkan ini adalah mengambil kira kursus berkenaan yang bersesuaian dan berdasarkan keperluan dan bidang tugas yang mana dikenal pasti akan keperluannya daripada pihak kementerian-kementerian. Ianya juga mengambil kira bahawa apabila pelajar biasiswa tamat pengajian nanti, graduan berkenaan akan mendapat peluang pekerjaan melalui pengisian jawatan-jawatan yang dikenal pasti oleh kementerian dan jabatan masing-masing. Berikut adalah jumlah keperluan mengikut kementerian-kementerian yang memerlukan:

Kementerian / Jabatan	Jumlah Keperluan
Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)	5
Jabatan Perdana Menteri	13
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan	4
Kementerian Tenaga	3
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri	6
Kementerian Pembangunan	4
Kementerian Pendidikan (IBTE)	4
Kementerian Kesihatan	5
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	15
Jumlah	59

- Senarai kursus-kursus yang telah ditawarkan bagi Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Keluar Negeri bagi sesi pengajian 2023/2024 mengikut keperluan pihak kementerian/jabatan:

**SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DIPERLUKAN BAGI PENGANUGERAHAN
BIASISWA KERAJAAN KELUAR NEGERI SESI PENGAJIAN 2023/2024**

BIL	KURSUS	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
A	LIFE SCIENCES AND MEDICINE			
1.	<i>BSc Medical and Surgery (MBBS)</i>	Kementerian Kesihatan	MOH	Masih ada keperluan
2.	<i>BSc Dental Surgery</i>	Kementerian Kesihatan	MOH	Masih ada keperluan
3.	<i>BSc Cardiovascular Technology</i>	Kementerian Kesihatan	MOH	2
4.	<i>BSc in Occupational Therapy</i>	Kementerian Kesihatan	MOH	2
5.	<i>BSc in Trauma Nursing / Emergency Care</i>	Kementerian Kesihatan	MOH	1
6.	<i>BSc / BA in Sports Science and Coaching</i>	JABATAN BELIA DAN SUKAN	KKBS	1
7.	<i>BSc Physiotherapy</i>	JABATAN BELIA DAN SUKAN	KKBS	1
8.	<i>Doctor in Veterinary Medicine (DVM)</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	2
9.	<i>BSc in Aquatic Veterinary</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
10.	<i>BSc in Agricultural Science (Animal Science)</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	2
11.	<i>BS in Agricultural and Crop Science</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	3
12.	<i>BSc in Fisheries Studies</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
13.	<i>BSc in Oceanography</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
14.	<i>Bachelor of Fisheries and Marine Resources</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
B	SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
15.	<i>BSc in Logistic & Supply Chain Management</i>	OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM	KKBS	3
16.	<i>BSc / BA Human Resources Management / Bachelor of Commerce (Management and Human Resource Management)</i>	JABATAN PENTADBIRAN Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	MFA JPM (2)	2

17.	<i>BA Asset Management / Logistics & Supply Chain Management</i>	JABATAN PENTADBIRAN	MFA	Tertakluk kekosongan
18.	<i>BA in International Relations</i>	JABATAN PENTADBIRAN	MFA	Tertakluk kekosongan
19.	<i>BA in Politics</i>	JABATAN PENTADBIRAN	MFA	Tertakluk kekosongan
20.	<i>BA in International Development</i>	JABATAN PENTADBIRAN	MFA	Tertakluk kekosongan
21.	<i>BA in Human Rights and Humanitarian Law</i>	JABATAN PENTADBIRAN	MFA	Tertakluk kekosongan
22.	<i>Bachelor of Laws (LLB)</i>	JABATAN PERIKANAN Jabatan Tanah Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	MPRT (1) MOD (1) JPM (10)	12
23.	<i>BSc Finance (Sustainable Finance) / BSc in Sustainable and Green Finance</i>	BIA	BDCD	1
24.	<i>BA Sustainable Energy Policy / BSc (Hons) Energy Management</i>	Kementerian Tenaga	KT	1
25.	<i>BSc in Sustainability / BSc in Sustainable Built Environments, Energy and Resources / BSc in Earth, Climate and Environment Change / BSc in Environment, Sustainability Climate and Change</i>	Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam	MOD	1
26.	<i>BSc (Hons) in Real Estate Management</i>	Jabatan Tanah	MOD	1
27.	<i>BA (Hons) Forensic Accounting</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
28.	<i>BA Politics and Chinese</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
29.	<i>BA (Hons) Digital Media and Society</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
30.	<i>BA / BSc Data Science / Statistics and Data Science / Data Analytics and Social Sciences / Applied Data Analytics and Visualization (STEM)</i>	BIA Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	BDCB (1) JPM (1)	2

C	ENGINEERING AND TECHNOLOGY	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
31.	<i>BSc in Aquaculture Engineering / Technology</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	2
32.	<i>BSc in Ocean Engineering</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
33.	<i>BSc Cyber Security</i>	BIA	BDCD	1
34.	<i>BSc (Honours) in Financial Technology / BSc (Hons) Finance and Technology (FinTech)</i>	BIA	BDCD	2
35.	<i>BSc (Hons) New Energy Science and Engineering</i>	Kementerian Tenaga	KT	1
36.	<i>BSc (Hons) Green Energetics</i>	Kementerian Tenaga	KT	1
D	LIFE SCIENCES	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
37.	<i>BSc Aquaculture / Aquaculture and Fisheries</i>	IBTE	MOE	1
E	ENGINEERING	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
38.	<i>Bachelor of Heavy Equipment Service Engineering Technology</i>	IBTE	MOE	1
39.	<i>Bachelor of Marine Engineering</i>	IBTE	MOE	2
40.	<i>Bachelor of Automotive Engineering</i>	IBTE	MOE	2
BIL	KURSUS	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
A	LIFE SCIENCES AND MEDICINE			
1.	<i>Master of Science in Genetics</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
.2	<i>Master of Science in Ocean Science & Technology</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1
3.	<i>Master of Science in Marine Management and Policy</i>	JABATAN PERIKANAN	MPRT	1

4.	<i>Master in Forestry / Silviculture / Botany / Plant Sciences / Wildlife Science / Zoology / Wood Science and Technology / Arboriculture and Urban Forestry</i>	JABATAN PERHUTANAN	MPRT	2
B	SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
5.	<i>Master of Science in Information and Library Studies</i>	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	KKBS	1
6.	<i>Master in Environmental Law, Policy & Planning</i>	JABATAN PERHUTANAN	MPRT	1
7.	<i>Master of Science in Financial Economics / Master in International and Development Economics / Master of Science Econometrics and Mathematical Economics / Master of Science in Economics & Computation (MSEC) / Master of Science in Quantitative Financial Economics (MQFE) / Master of Quantitative Economics / Master of Science Data Science and Public Policy (Economics) / Master of Science ETH in Management, Technology, and Economy / MBA/MS in Applied Economics (Dual Degree)</i>	BIA	BDCD	2
8.	<i>Master of Science / Master of Art in Organizational Change and Development</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
9.	<i>Master in Management Consultancy</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
10.	<i>Master of Science in Global Strategy and Management</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1

11.	<i>Master of Strategic Innovation Management / Innovation Management</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
12.	<i>Master of Science / Master of Art in Operational Research</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	1
13.	<i>Master of Science / Master of Art - Human Resource Organisation / Human Resource Management / MA Human Resources and Consulting / MSc International Human Resource Management and Development / Human Resource Planning / Human Resources Development / People Development / Organisational Development</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	2
BIL	KURSUS	Keperluan Daripada Jabatan	Kementerian	JUMLAH KEPERLUAN
1.	<i>Professional Hydrography Programmes Category B</i>	Jabatan Ukur	MOD	2
	<i>i. Hydrographic Surveying</i>			
	<i>ii. Marine Geospatial and Cartography</i>			
2.	<i>Bar Practice Teaching Course (BPTC) / Graduate Diploma in Legal Practice / Barrister-At-Law of England or Northern Ireland / Bar Vocational Studies / Certificate of Legal Practice (LPC)</i>	Unit Pembangunan Sumber Tenaga Manusia	JPM	10

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 14hb. Sya'aban 1444H/ 7hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan asas dan kelayakan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Hajah Rosmawatty bin Haji Abdul Mumin
Isu / Cadangan	<u>Soalan</u> 1. Kaola merujuk peruntukan \$44 juta untuk Perkhidmatan Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan khusus untuk membiayai pengambilan pakar dan tenaga-tenaga pengajar termasuk CfBT. Kaola memohon pencerahan adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menggantikan guru-guru CfBT ini dengan guru-guru daripada anak-anak tempatan.; dan 2. Setelah lebih satu dekad pihak Kementerian Pendidikan mengambil tenaga pengajar dari CfBT. Apakah tidak ada tenaga pengajar daripada anak-anak tempatan yang mampu menggantikan mereka ini? Adakah pihak kerajaan mempunyai <i>exit</i> strategy bagi tenaga pengajar CfBT ini?
Jawapan	PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENDIDIKAN TERAS)
Maklumat Terkini	1. Kementerian Pendidikan memang mempunyai perancangan bagi menggantikan guru-guru CfBT ini dengan guru-guru dan anak-anak tempatan secara berfasa. Setakat ini seramai 200 orang guru-guru CfBT sedang berkhidmat sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan

	enam kerajaan di seluruh negara. Jumlah ini telah berkurangan sebanyak 24% daripada jumlah pengambilan sebelumnya iaitu pada tahun 2015 dengan keramaian 262 orang guru CfBT. 2. Walau bagaimanapun, setakat ini anak-anak tempatan masih belum cukup untuk menggantikan keseluruhan tenaga pengajar dari CfBT. 3. Perkhidmatan guru CfBT (<i>native speaker</i>) masih diperlukan sebagai pakar rujuk dan <i>benchmark</i> memandangkan tahap literasi di kalangan para pelajar perlu pembaikan. Pihak CfBT bersama dengan Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk menetapkan KPI khusus bagi guru-guru CfBT. Jika salah seorang guru CfBT tidak dapat mencapai KPI yang telah ditetapkan, pihak CfBT akan memberhentikan guru CfBT tersebut dan digantikan dengan guru CfBT yang baharu.
Status Perlaksanaan	i. Penelitian nilai harga pakej bagi setiap CfBT bagi kontrak baru 3 tahun (2024-2026) dan jumlah keseluruhan CfBT pada masa ini masih dalam perundingan pihak Kementerian Pendidikan dengan pihak CfBT.

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 14hb. Sya'aban 1444H / 7hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan asas dan kelayakan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim
Isu / Cadangan	Setakat ini belia-belie kita di negara ini banyak yang sudah <i>forward-looking, visionary</i> dan siap siaga untuk memajukan diri. Mereka ini telah berani meneroka bidang-bidang baharu misalnya bidang perekonomian, digital, inovasi sosial, agribisnes dan industri kreatif, perisian ataupun <i>software</i> dan sebagainya. Sebagai contoh, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang ditubuhkan oleh belia-belie ini kita perhatikan mereka ini telah lebih <i>tech-savvy</i> dan tahu dan biasa menggunakan platform seperti <i>Instagram, Facebook, Whatsapp</i> untuk pemasaran produk-produk dan logistik mereka. Kadangkala mereka ini mempunyai <i>website</i> tersendiri atau <i>apps</i> untuk memasarkan produk-produk mereka kepada pelanggan, cuma kaola difahamkan mereka ini hanya perlu dibimbing untuk mendapatkan akses kepada kewangan dan upgrading kemahiran mereka dari segi teknologi, pengurusan kewangan dan pemasaran untuk lebih berdaya tahan dan berdaya saing. الْحَمْدُ لِلَّهِ dari segi inisiatif, kita tidaklah ketandusan institusi yang menangani isu belia berniaga ini. Kaola perhatikan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi misalnya seperti UBD, UNISSA dan lain-lain termasuk NGOs, GLCs, Livewire, institusi-institusi kewangan juga mempunyai program-program tersendiri untuk memupuk minat dan mengangkat belia untuk menceburi dalam bidang perdagangan ini.

	Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), misalnya sudah ada Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia yang melaksanakan Program Lepas Pelatih Pusat Pembangunan Belia berkecimpung dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kita juga ada Program iUsahawan, Program Keusahawanan Runcit, Pusat Keusahawanan dan Inovatif, UBD juga membantu pelajar untuk menubuhkan <i>start-up</i> baharu yang dilaksanakan oleh pelajar dan lepasan graduan setiap tahun. Begitu juga dengan UNISSA, kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam usaha ini. Cuma kita kurang pasti mengenai dengan sistem pemantauan dan <i>tracking</i> yang ada, sama ada mereka ini meneruskan atau sebaliknya.
Jawapan	JABATAN PENGAJIAN TINGGI & INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (UBD, UTB, UNISSA, PB, IBTE)
	<u>Sistem pemantauan bidang perdagangan Jabatan Pengajian Tinggi</u> • Pada masa ini, sistem pemantauan dan tracking bagi lepasan graduan yang menceburi bidang perdagangan telah dilaksanakan dan dipantau oleh institusi pengajian tinggi awam masing-masing. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengajian Tinggi juga ada melaksanakan kajian statistik <i>Graduate Employment Study (GES)</i> pada setiap tahun dengan pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memantau lepasan graduan. Statistik GES 2021 bagi lepasan graduan yang menceburi bidang perdagangan adalah seperti berikut: 1. 508 graduan sedang berkerja, 2. 25 graduan berkerja sendiri, 3. 313 sedang mencari pekerjaan, 4. 64 tidak mencari pekerjaan dan

	5. 399 graduan yang melanjutkan pelajaran. • Daripada statistik ini, ianya menunjukkan, kadar perkaitan pekerjaan dengan bidang perdagangan adalah sebanyak 58.5%.
	<u>Sistem pemantauan bidang perdagangan Universiti Brunei Darussalam (UBD)</u> • <i>Office of Alumni and Relation Affairs (OARA)</i> diberi mandat untuk mengumpulkan maklumat graduan dalam jangka masa/tempoh 6, 12, 18, dan 24 bulan selepas tamat pengajian; di bawah beberapa kategori, iaitu (1) tiada maklum balas, (2) bekerja, (3) tidak bekerja, (4) melanjutkan pelajaran, dan (5) bekerja sendiri. Maklumat ini diperolehi dan dikumpul dari kaji selidik yang diedarkan kepada para graduan, dan juga melalui panggilan telefon. Daripada jenis pekerjaan atau melanjutkan pengajian, dapat disimpulkan (diinferensikan) sama ada graduan tersebut masih berada dalam aliran bidang perniagaan. • Statistik <i>Graduate Employment Study</i> (GES) tahun 2022 dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian bagi lepasan graduan sarjana muda yang melibatkan diri dalam bidang perdagangan adalah seramai 46 orang dari 74, bersamaan dengan 62.2% dari jumlah keseluruhan lepasan graduan yang bekerja dan melanjutkan pelajaran. Untuk makluman, jumlah tersebut merupakan jumlah lepasan graduan yang mengambil jurusan sarjana muda dalam bidang perdagangan (<i>Bachelor of Business</i>). <u>Sistem pemantauan bidang perdagangan Universiti Teknologi Brunei (UTB)</u> Tidak ada sistem khusus bagi menjejaki graduan-graduan perdagangan yang telah tamat pengajian, hanya menggunakan GES yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan. UTB menggunakan system ini untuk

mengumpulkan data mengenai laporan graduan yang menceburi bidang perdagangan. Data ini mempunyai perincian seperti jenis pekerjaan yang dijalani, industri tempat mereka bekerja, gaji awal yang diperolehi dan tahap kerjaya yang dicapai. GES Data ini dapat membantu UTB dalam memahami dan mengenal pasti keberhasilan kelulusan mereka dalam mencapai pekerjaan yang relevan dengan bidang pengajian mereka:

- i. Statistik GES 2022 (Cohort 2021) menunjukkan bahawa seramai 48% graduan dari bidang perdagangan telah mendapat pekerjaan, dan hampir kesemuanya bersesuaian dengan bidang mereka. Sebanyak 1.3% graduan perdagangan berkerja secara persendirian.
 - ii. Statistik GES 2023 (Cohort 2022) menunjukkan bahawa seramai 50% graduan perdagangan telah mendapat pekerjaan dan hanya sedikit jumlah sahaja yang bekerja berkaitan dengan bidang mereka. Sebanyak 1.9% graduan perdagangan bekerja secara persendirian.
- Pihak Sekolah Perdagangan UTB sedang dalam proses membina sistem penjejakan alumni yang betul sebagai salah satu langkah pemantauan.

Sistem pemantauan bidang perdagangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Sistem Pemantauan Graduan dilaksanakan oleh pihak OCeAN UNISSA dengan mencari alumni yang menjalankan perniagaan melalui data *Graduate Employment Study* (GES). Selain itu dalam perancangan akan menyebarkan borang soal selidik untuk mencari alumni berkenaan dan menyimpan data mereka. Menghubungi alumni yang menjalankan perniagaan dan menawarkan mereka untuk menyertai

pelbagai program dan bengkel seperti yang dianjurkan oleh DARE, BIBD & Livewire. Persatuan Alumni juga merancang untuk menyediakan pinjaman modal perniagaan kepada alumni yang memerlukan melalui Tabung Persatuan Alumni untuk menjalankan atau memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka, iaitu dengan syarat mereka hendaklah mengikuti dan menyertai bengkel atau program-program yang telah ditetapkan oleh UNISSA untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan. Dengan cara ini, alumni-alumni berkaitan dapat dipantau.

- i. Setelah dilihat daripada statistik GES secara kesimpulannya didapati bahawa tidak ramai lulusan UNISSA yang menceburkan diri dalam bidang perdagangan sepenuh masa.

Sistem pemantauan bidang perdagangan Politeknik Brunei (PB)

- Bahagian Penyelidikan & Statistik (RSD) Politeknik Brunei memantau kadar graduan yang mendapat pekerjaan, graduan yang tidak bekerja (tetapi aktif mencari pekerjaan), graduan yang tidak bekerja (tidak aktif mencari pekerjaan) dan graduan yang menyambung pegajian ke peringkat tinggi melalui *Graduate Destination Study* (GDS) yang dijalankan 6 bulan selepas Majlis Konvokesyen bagi semua program/sekolah di Politeknik Brunei.

Kajian *follow-up* juga dijalankan bagi tempoh 12 dan 18 bulan bagi tujuan *tracking*. Melalui kajian ini, *Graduate Employment Rate* (GER) boleh didapati. Merujuk kepada lepasan graduan bidang perdagangan, statistik *Graduate Employment Study* (GES) terkini bagi graduan *Class of 2021*, Pengambilan ke-8 (12 bulan) yang *economically active* [yang merangkumi para graduan yang sudah mendapat pekerjaan (termasuk yang bekerja sendiri) dan yang belum bekerja tetapi aktif dalam mencari pekerjaan] ialah sebanyak 40.9% **(dari 198 graduan bidang perdagangan)**.

Sistem pemantauan bidang perdagangan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

- IBTE menggunakan dapatan daripada kajian *Graduate Employment Study (GES)* yang dilaksanakan setiap tahun (iaitu enam bulan selepas konvokesyen), bagi mengenal pasti jumlah lepasan graduan yang bekerja sendiri ataupun menceburi bidang perdagangan. Mulai tahun 2020, tinjauan susulan GES juga dibuat 12-bulan dan 18-bulan selepas konvokesyen bagi mendapatkan maklumat mengenai status pekerjaan para graduan.

Statistik lima tahun kebelakangan mengenai keramaian graduan IBTE yang bekerja sendiri ataupun memulakan perniagaan adalah seperti berikut:

Tahun/ Kohort Graduan	Jumlah graduan IBTE yang bekerja sendiri atau memulakan perniagaan				
	6 bulan selepas konvokesyen	12 bulan selepas konvokesyen		18 bulan selepas konvokesyen	
	Memulakan Perniagaan	Meneruskan Perniagaan	Memulakan Perniagaan	Meneruskan Perniagaan	Memulakan Perniagaan
2018	16	N/A	N/A	N/A	N/A
2019	18	N/A	N/A	6	15
2020	25	8	18	9	11
2021	25	11	8	6	8
2022	22	12	22	N/A	N/A

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 14hb. Sya'aban 1444H/ 7hb. Mac 2023M (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Jabatan Perdana Menteri
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim
Isu / Cadangan	Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan syabas atas usaha Sekretariat MPEC setakat ini dalam menangani isu pengangguran terutamanya 'melimpasi' sasaran dalam pengambilan khususnya dalam tahun 2022. Kaola hanya ingin sedikit penjelasan terhadap beberapa persoalan seperti berikut:- - Dalam maklumat yang dibentangkan oleh MPEC pengambilan sektor bukan minyak dan gas menunjukkan penurunan sejak tahun 2020 sedangkan sektor minyak dan gas meningkat. Adakah sudah dikaji apakah puncanya perkara ini terjadi sedangkan kita melihat beberapa <i>improvement</i> dalam sektor bukan minyak dan gas? Secara menyeluruh kaola khuatir mungkin jumlah yang tidak bekerja ini lebih ramai daripada jumlah yang didaftarkan jika ia dimasukkan pekerja-pekerja yang dikategorikan sebagai <i>under employ</i>. Ia adalah salah satu istilah bagi pekerja-pekerja yang terpaksa mengambil pekerja di bawah kelulusan ataupun kemahiran mereka iaitu dengan kadar bayaran gaji yang jauh lebih rendah; - Kaola menghargai inisiatif-inisiatif MPEC dalam mengadakan <i>Program Latihan Up Skilling, Skill Plus, TVET</i>, skim yang dilaksanakan di samping mengadakan <i>Competency Framework</i> dan <i>Salary Guideline</i> bagi sektor swasta. Cuma kaola ingin mengetahui adakah <i>follow up</i> yang dapat menjejak dan memantau bahawa pekerja-pekerja yang diambil oleh pihak swasta ini bertahan lama dalam pekerjaan mereka? ;

	iii. Dalam pada itu, kaola juga ingin mengetahui dari aspek pendidikan Teknikal dan Vokasional. Apakah strategi untuk menyediakan tenaga kerja yang akan dapat menggantikan keperluan tenaga kerja asing di negara ini? Contohnya, dalam subsektor <i>building, repair and renovation, carpentry, concrete technology, plumbing</i>, sektor kenderaan seperti mekanik, <i>body repair, electronic repair</i>, sektor elektrik dan telekomunikasi seperti menarik dan menanam kabel-kabel elektrik atau telekom dan sebagainya pada masa ini rata-rata dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing.; dan iv. Pecahan kategori pencari-pencari pekerjaan nampaknya yang paling ramai ialah di peringkat sekolah menengah dan kategori kedua ialah peringkat pendidikan tinggi HND dan sebanding Sarjana Muda dan ke atas iaitu kira-kira 2,500 orang. Graduan-graduan ini الْحَمْدُ لِلَّهِ kebanyakan mereka ini telah mengikuti program i-Ready yang pada masa ini dikemaskinikan peraturan dan tempoh penempatannya. Menurut maklumat sebahagian besarnya iaitu 86% graduan-graduan ini telah mendapat pekerjaan yang tetap. <u>Soalan</u> Apakah yang terjadi pada 14% yang tidak diambil bekerja ini? Dengan bilangan kelulusan institusi pengajian tinggi di negara ini dalam lingkungan kira-kira 1,500-2,000 orang setahun yang belum termasuk lulusan dari universiti-universiti luar negeri. Jumlah ini sudah setentunya akan bertambah setiap tahun.
Jawapan	POLITEKNIK BRUNEI (PB) & INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI (IBTE)

Strategi pelan penggantian tenaga kerja asing daripada Politeknik Brunei (PB)

- PB terus bekerjasama dengan pelbagai pihak-pihak berkepentingan (*Stakeholders*) seperti JobCentre Brunei (JCB) dan pakar-pakar industri untuk menyediakan *internship placement* ke arah bidang-bidang masing-masing (secara mengikut jurusan masing-masing) agar mereka terdedah kepada pekerjaan dalam bidang masing-masing yang disebutkan. Inisiatif ini adalah usaha PB untuk mendedahkan serta menggalakkan para graduan PB untuk menceburi bidang yang dinyatakan (*entry level jobs*).

Setakat ini, PB belum lagi mempunyai data untuk mengenal pasti sama ada graduan-graduan PB yang bekerja pada masa ini berada di dalam jurusan masing-masing. Melalui kaji selidik *Graduate Destination Survey (GDS)* hanya dapat mengenal pasti sama ada graduan tersebut mendapat pekerjaan sahaja, termasuk graduan yang tidak bekerja (sama ada aktif/ tidak aktif mencari pekerjaan) dan graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Hasil daripada kajian *Graduate Destination Survey* daripada *Class of 2021* menampakkan daripada 629 graduan PB, 10.5% (66 graduan) telah mendapat pekerjaan yang selaras dengan jurusan mereka, 14.9% (94 graduan) mendapat pekerjaan yang tidak atau kurang selaras dengan jurusan mereka.

Strategi pelan penggantian tenaga kerja asing daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

- Mewujudkan program *NTec in Building Craft*. Program ini menyediakan pembelajaran yang merangkumi 5 kemahiran asas iaitu *Carpentry, Welding, Plumbing, Painting* dan *Bricklaying*. Kemahiran ini adalah yang terkini yang diperlukan oleh pihak industri di mana

Strategi pelan penggantian tenaga kerja asing daripada Politeknik Brunei (PB)

- PB terus bekerjasama dengan pelbagai pihak-pihak berkepentingan (*Stakeholders*) seperti JobCentre Brunei (JCB) dan pakar-pakar industri untuk menyediakan *internship placement* ke arah bidang-bidang masing-masing (secara mengikut jurusan masing-masing) agar mereka terdedah kepada pekerjaan dalam bidang masing-masing yang disebutkan. Inisiatif ini adalah usaha PB untuk mendedahkan serta menggalakkan para graduan PB untuk menceburi bidang yang dinyatakan (*entry level jobs*).

Setakat ini, PB belum lagi mempunyai data untuk mengenal pasti sama ada graduan-graduan PB yang bekerja pada masa ini berada di dalam jurusan masing-masing. Melalui kaji selidik *Graduate Destination Survey (GDS)* hanya dapat mengenal pasti sama ada graduan tersebut mendapat pekerjaan sahaja, termasuk graduan yang tidak bekerja (sama ada aktif/ tidak aktif mencari pekerjaan) dan graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Hasil daripada kajian *Graduate Destination Survey* daripada *Class of 2021* menampakkan daripada 629 graduan PB, 10.5% (66 graduan) telah mendapat pekerjaan yang selaras dengan jurusan mereka, 14.9% (94 graduan) mendapat pekerjaan yang tidak atau kurang selaras dengan jurusan mereka.

Strategi pelan penggantian tenaga kerja asing daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

- Mewujudkan program *NTec in Building Craft*. Program ini menyediakan pembelajaran yang merangkumi 5 kemahiran asas iaitu *Carpentry, Welding, Plumbing, Painting* dan *Bricklaying*. Kemahiran ini adalah yang

terkini yang diperlukan oleh pihak industri dan mereka memerlukan pelajar ini nanti mempunyai pelbagai kemahiran atau *multi-skills/taskings*. Ini adalah juga di antara strategi pihak sekolah agar dapat membantu pelajar mudah mencari pekerjaan setelah tamat pengajian nanti. Kemahiran asas tersebut adalah yang termasuk di dalam bidang pekerjaan yang dipersoalkan, pengisian dan pembelajarannya memang sudah memadai untuk menggantikan tenaga kerja asing. Pada tahun ini IBTE telah menambah kuota pengambilan pelajar bagi program *NTec in Buliding Craft* dari 100 orang menjadi 125 orang.

- Perancangan bagi menjalankan program baru iaitu *HNTec Apprenticeship in Telecommunication Network Engineering* yang akan dijayakan bersama IBTE dan *Unified National Network Brunei (UNN)*. Pengambilan pertama akan memulakan sesi pembelajaran pada bulan Ogos 2023 ini nanti. Program ini akan berjalan selama 2 tahun (1 tahun di IBTE *School of Aviation* and 1 tahun di UNN). Adalah diharap dengan adanya Program *Apprenticeship* ini para lepasan graduan program ini akan dapat mengisi jawatan-jawatan yang dipegang oleh pekerja-pekerja dari luar negara.
- Penambahan kuota pengambilan pelajar berasaskan keperluan yang diperlukan oleh MPEC.
- Berikut adalah jumlah kuota pengambilan pelajar bagi kursus – kursus yang berkaitan dengan bidang-bidang yang dipersoalkan.

i. Jumlah kuota pengambilan pelajar bagi tahun 2023:

Kursus	Jumlah Kuota Pelajar
NTec Building Craft	125
NTec in Light Vehicle Mechanics	52
HNTec in Automobile Technology	50
NTec Apprenticeship in Automotive Technician	25
NTec in Electrical Technology	20
HNTec in Electrical Engineering	45
HNTec in Electronic Engineering	40
HNTec in Electronic and Media Technology	40
HNTec in Electronic and Communication Engineering	20
HNTec Apprenticeship in Telecommunication Network Engineering (program baru)	9

- ii. Berikut pula adalah statistik pelajar yang menerima pekerjaan tiga tahun kebelakangan:

Kursus	<i>Employment rate (no. employed)</i>		
	2020	2021	2022
NTec Building Craft	59% (43)	63% (24)	49% (19)
NTec in Light Vehicle Mechanics	67% (12)	73% (16)	56% (9)
HNTec in Automobile Technology	64% (21)	69% (33)	59% (23)
NTec Apprenticeship in Automotive Technician	75% (24)	85% (29)	71% (12)
NTec in Electrical Technology	75% (3)	43% (3)	83% (5)
HNTec in Electrical Engineering	91% (10)	91% (19)	88% (14)
HNTec in Electronic Engineering	77% (10)	91% (29)	56% (5)
HNTec in Electronic and Media Technology	60% (3)	89% (23)	73% (17)
HNTec Apprenticeship in Telecommunication and IT	86% (6)	82% (9)	N/A
HNTec in Telecommunication System	N/A	80% (12)	83% (10)

Tarikh / Sesi	Hari Isnin, 20hb. Sya'aban 1444H/ 13hb. Mac 2023M (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang (2023), Perbekalan 2023/2024, Kementerian Pendidikan
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
Isu / Cadangan	IBTE dan <i>vocational school</i> dibantu dengan peralatan dan daya pengajar kompeten yang diiktiraf oleh industri. Menyambung apa yang pernah dikatakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun ingat kita pernah terbabit dalam menyiapkan kurikulum yang diunkayahkan di IBTE, kurikulum which are competency-based education dan graduatannya nanti الْحَمْدُ لِلَّهِ sudah dibuktikan menjadi <i>industry-ready</i>. Keberkesanan graduan IBTE, Politeknik Brunei mendapat pekerjaan selepas graduan sebab banyak kursus-kursus ini diikuti telah diubah suai <i>input</i> dan penyertaan ahli-ahli dari industri dan ada yang <i>competency-based</i>. Keberkesanan program-program <i>competency-based</i> ini memerlukan para pelajar dan pengajar yang ada pengalaman dalam industri dan mengajar subjek-subjek yang diajar dan juga memerlukan perkakas (<i>tools dan learning aids</i>) untuk merealisasikan <i>learning application</i> dalam kelas. Kaola mencadangkan supaya digunakan orang-orang lepasan industri yang diiktiraf oleh industri sendiri (<i>industry-accredited technically-competent person</i>). Walaupun tidak mempunyai kelayakan akademik, dijadikan sebagai tenaga pengajar di IBTE atau Politeknik sambil menunggu tenaga pengajar IBTE yang berkelulusan menimba pengalaman dalam industri-industri mereka ajar tapi tidak pernah menceburi dan membuat <i>investment</i> untuk menyediakan <i>learning aids</i> yang bersesuaian supaya pembelajaran dalam kelas lebih realistik, bukan berpanduan melihat gambar sahaja.

Jawapan	UNISSA
Maklumat Terkini	UNISSA turut menjemput beberapa penyampai/ fasilitator yang berpengalaman luas dalam bidang industri menerusi modul-modul yang dikendalikan oleh fakulti/pusat berikut: a) Fakulti Ekonomi Dan Kewangan Islam: Kursus Keusahawan merupakan kursus wajib yang diikendalikan bukan sahaja oleh para pensyarah UNISSA, bahkan turut melibatkan pengendali-pengendali perniagaan yang berpengalaman. Perkara ini sangat menarik minat para pelajar kerana mereka dapat memperolehi ilmu dan pengalaman berkaitan industri perniagaan di Brunei Darussalam. b) Pusat Penyelidikan Halalan Thaiyyiban: Pusat ini juga turut menjemput beberapa orang penyampai/ fasilitator daripada sektor kerajaan yang terlibat langsung dengan industri makanan halal. Melalui beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti pertandingan yang dijalankan menerusi beberapa modul seperti <i>Halal Policy, Standard and Regulation</i> dan <i>Halal Industrial Food Management</i>, para pelajar mampu memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang signifikan berkaitan industri makanan halal termasuk juga pelaksanaan undang-undang, akta serta piawaian halal. c) Fakulti Teknologi Islam: Pengendalian "Sesi Kongsisama" secara bulanan yang disampaikan oleh pegawai dari Huawei Sdn. Bhd. Sasarannya bukan sahaja kepada pelajar bahkan kepada pensyarah. Secara amnya perkongsian ilmu dan pengalaman ini dapat memberi pendedahan luas tentang teknologi komunikasi yang diguna pakai oleh industri ini.

	d) Fakulti Pertanian: Fakulti Pertanian juga turut menjemput fasilitator/penceramah dari syarikat pertanian tempatan seperti Brugoat Enterprise, Hasmit, Golden Corporations, bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai ekosistem pertanian tempatan masa kini menerusi modul-modul <i>Introduction to Agribusiness, Fundamental of Agriculture, Agronomy and Animal Husbandry</i> dan <i>Farm Management</i>. e) Fakulti Ekonomi Dan Kewangan Islam: Final <i>business presentation</i> bagi Kursus Wajib fakulti ini akan diadili oleh panel hakim dari industri yang terdiri daripada <i>policymakers</i>, usahawan dan juga institusi kewangan. Kolaborasi bersama stakeholders seperti Livewire sangat memberi manfaat yang banyak sepanjang tempoh kursus tersebut dijalankan. Stakeholders sentiasa memberikan input yang diperlukan seperti mengadakan <i>business proposal workshops, business matching opportunities</i> dan <i>pitching platforms</i> kepada para pelajar.
Status Perlaksanaan	Masih berjalan
Jawapan	IBTE Mengenai cadangan YB Haji Salleh Bostaman bagi menggunakan <i>industry accredited technically person</i> bagi membantu pihak IBTE di dalam mendagani isu tenaga pengajar yang kompeten yang diiktiraf oleh industri, berikut adalah maklumbalas dari IBTE. Pihak IBTE memang telah melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi merekrut tenaga pakar dari pihak industri yang diiktiraf sebagai <i>subject matter expert</i> melalui kaedah pengambilan secara kontrak atau secara sambilan (<i>part-time</i>) dengan menggunakan peruntukan tahunan sebagai <i>teaching</i>

	<i>Consultant</i> dan <i>adjunct lecturer</i> khususnya pada bidang-bidang pengkhususan dan <i>specialization</i> yang pihak IBTE belum terdapat atau kekurangan.
Maklumat Terkini	Untuk makluman YB, dalam tempoh tahun 2015 hingga 2022, secara akumulatif pihak IBTE telah merekrut sejumlah 58 orang <i>adjunct lecturer</i> dalam berbagai bidang pengkhususan yang diperlukan oleh pihak IBTE. Pada masa ini, pihak IBTE telah merekrut empat (4) orang <i>teaching consultant</i> dan lapan (8) orang <i>adjunct lecturer</i> dalam bidang pengkhususan dan <i>specialization</i> seperti maritim, kejururawatan dan perbidanan (<i>midwifery</i>), <i>farm machinery</i>, <i>veterinary</i> dan sebagainya. Walau bagaimanapun pengambilan <i>teaching consultant</i> dan <i>adjunct lecturer</i> ini adalah terbatas kepada peruntukan tahunan yang disediakan pada setiap tahun. Jadi jumlah tenaga pakar industri yang boleh direkrut oleh pihak IBTE melalui kaedah ini adalah berbeza pada setiap tahun yang mana ianya bergantung kepada keperluan bidang pengkhususan dan peruntukan yang ada pada tahun tersebut.
Status Perlaksanaan	Bagi inisiatif jangka panjang, pihak IBTE akan menerokai skim perkhidmatan baru yang mana skim perkhidmatan ini akan menekankan kepentingan pengalaman industri dalam proses pengambilan pengajar dan seterusnya akan membolehkan bagi pengambilan tenaga pakar yang berpengalaman industri dengan <i>paper qualification</i> yang minimum.

Jawapan	POLITEKNIK BRUNEI
Maklumat Terkini	Pengajaran bagi beberapa program Diploma Tahap 5 yang dilaksanakan oleh Sekolah Sains Kesihatan (SHS), Politeknik Brunei (PB) adalah dengan kerjasama dan kolaborasi Kementerian Kesihatan seperti program <i>Dental Hygiene & Therapy</i> dan <i>Cardiovascular Technology</i>. Program-program ini menggunakan pakar-pakar di bidang berkaitan serta menggunakan fasiliti pembelajaran di pusat berkenaan. Di samping itu pihak SHS juga ada menjemput penceramah-penceramah bagi topik-topik yang memerlukan input daripada yang berkepakaran. Selain dari itu, pihak SHS juga memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran terutamanya yang berkaitan dengan kemahiran klinikal adalah sebanding dengan apa yang digunakan oleh pihak industri. Tambahan lagi, bagi memastikan pelajar dapat mencapai kompetensi kemahiran klinikal, pelajar-pelajar telah ditempatkan untuk menjalani penempatan industri mulai dari tahun pertama pembelajaran lagi dan akan dipantau dan dinilai oleh mentor-mentor yang dilantik dari pihak industri. Sekolah Petrokimia (SPC) telah membuat kolaborasi bersama pihak Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada 13hb Mac 2021. SPC dan pihak Hengyi telah bekerjasama menghasilkan buku-buku panduan program untuk program-program Diploma Tahap 5 yang mana telah dijalankan di SPC pada masa ini mengikut kompetensi dan kemahiran yang dikehendaki dari pihak Hengyi. Pihak Hengyi telah membantu menyediakan guru-guru pakar daripada Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology dari negara China bagi membantu mengajar modul-modul yang memerlukan kepakaran mengajar di SPC. Pihak Hengyi juga bersama-sama melatih pelajar-pelajar dari enam program di SPC untuk mengikuti pembelajaran berasaskan industri (IBL) selama satu tahun di industri mereka dengan berpandukan kompetensi yang diperlukan oleh mereka.

Pelajar-pelajar dari program *Diploma Level 5 Chemical Engineering* di SPC diberikan biasiswa oleh pihak Hengyi bagi menjalani sesi pembelajaran berasaskan industri di Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology, China selama enam bulan semasa semester 5 dan enam bulan lagi pada semester 6 di Hengyi.

Manakala Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE) telah dan sedang menjalani program latihan untuk menghasilkan Manual Latihan Pengajar (*Instructor Training Manual* - ITM) yang akan digunakan sebagai cara untuk menutup jurang yang terdapat dalam program yang sedia ada dan juga dalam penggunaan peralatan. Matlamat manual ini adalah untuk digunakan sebagai rujukan bagi setiap program yang dijalankan di sekolah ini dan juga mengenai set pengetahuan dan kemahiran yang diharapkan daripada graduan bagi setiap program apabila telah tamat pengajian nanti.

Seorang pakar dari industri telah ditempatkan di SSE dan telah diamanahkan untuk melaksanakan program latihan bagi menghasilkan ITM ini bagi meningkatkan standard program di sekolah ini. Penglibatan beliau dengan PB adalah untuk meningkatkan standard program *Mechanical Engineering* di SSE melalui pembinaan kecekapan tenaga pengajar serta membawa masuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan daripada syarikat-syarikat besar untuk memberikan maklum balas penambahbaikan program demi untuk menutup jurang dalam program *Mechanical Engineering*. Dalam usaha ini, tenaga pengajar daripada program lain juga turut serta bagi meningkatkan standard program dan penambahbaikan program di SSE.

Dengan sokongan daripada pensyarah dan ahli *External Review Committee* (ERC) yang merupakan pakar dari industri yang berkaitan daripada sektor swasta dan awam, SSE akan terus membangun dan meningkatkan kualiti program yang berkaitan untuk memenuhi keperluan abad ke-21. Lebih penting lagi, ia direka bentuk untuk memastikan jurang antara pendidikan kejuruteraan dan praktikal adalah di tahap yang minimum.

	Pendekatan inovatif untuk pengajaran dan pembelajaran direka dengan teliti dan teratur. Gabungan tenaga pengajar yang berpendidikan dan berkemahiran, ditambah lagi dengan komitmen daripada para pelajar, SSE khususnya dan PB secara umum akan dapat melahirkan pemimpin masa depan yang boleh memenuhi keperluan industri, pelajar yang mempunyai kecekapan sosio-teknikal dan <i>skill-set</i> (contohnya <i>hands-on</i> dan teori) yang mantap. Selain itu, PB mempunyai perancangan untuk memberikan peluang kepada tenaga pengajar PB mengikuti penempatan industri (<i>industrial placements</i>). Ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan industri kepada mereka bagi memantapkan lagi pengetahuan dan pengalaman serta mengikuti perkembangan semasa mengenai teknologi terkini bersesuaian dengan keperluan program. Di samping itu, bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan isi kandungan pelajaran yang selaras dengan permintaan industri dari masa ke semasa serta mengatasi kekurangan tenaga pengajar dan pada masa yang sama untuk menampung peningkatan bilangan pelajar, PB juga telah mengambil tenaga pengajar secara <i>locum tenens</i>. Bermula dari tahun 2013, secara keseluruhannya, seramai empat (4) orang telah pun diambil untuk mengajar 10 modul bagi lima (5) buah program Diploma, iaitu <i>Diploma in Library Informatics and Computing; Advanced Diploma in Information Science; Level 5 Diploma in Interior Design & Civil Engineering</i>. Pegawai <i>locum tenens</i> ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman industri ataupun orang-orang lepasan industri, sama ada dari sektor swasta ataupun awam.
Status Perlaksanaan	Pada masa ini, PB merekrut seorang tenaga pengajar secara pegawai <i>locum tenen</i> untuk mengajar modul <i>Hydrology and Drainage</i> bagi Diploma Tahap 5 dalam program <i>Civil Engineering</i>.

Tarikh / Sesi	Hari Isnin, 20hb. Sya'aban 1444H/ 13hb. Mac 2023M (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang (2023), Perbekalan 2023/2024, Kementerian Pendidikan
Usul dibawa oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
Isu / Cadangan	Yang Berhormat Pengerusi. Antara Petunjuk Prestasi Utama yang dikongsi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah peratus tenaga pengajar yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi iaitu sebanyak 50.3% manakala sasarannya adalah 90%. Soalan Kedua kaola ialah adakah ini bermakna 49.7% guru yang ada di sekolah pada masa ini tidak mempunyai kelayakan dan kemahiran. Jika benar, apakah sebab utamanya kita tidak dapat melahirkan guru-guru yang berkemahiran?
Jawapan	JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH
Status Perlaksanaan	<u>Maklum Balas dari Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah (JKSS)</u> 1. Tenaga pengajar yang berkelayakan bermaksud tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan profesional dalam pendidikan seperti Sijil Pendidikan, Diploma Pendidikan, Ijazah Pendidikan dan Sarjana Pendidikan dari institusi pengajian tinggi di dalam atau luar negara. 2. Tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi bermaksud tenaga pengajar yang memenuhi tahap

kemahiran penyampaian pengajaran pada tahap gred 3 dan ke atas menggunakan instrumen TPA.

3. Standard Guru Brunei (*Brunei Teachers' Standards, BTS*) mula diperkenalkan pada tahun 2014 yang mengandungi rangka kerja kompetensi bagi guru-guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Ia merupakan satu penanda aras yang mempunyai piawaian peringkat antarabangsa.
4. Pada tahun berikutnya, satu instrumen Penilaian Prestasi Guru (*Teacher Performance Appraisal, TPA*) telah dilancarkan dan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran penyampaian pengajaran guru melalui penilaian kualiti pembelajaran dan pengajaran. Dapatan kekuatan dan perkara yang memerlukan penambahbaikan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran mereka turut digunakan untuk merancang perkembangan profesional guru. Perkara ini dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran penyampaian pengajaran guru ke tahap yang lebih tinggi.
5. Berdasarkan ¹ *BTS-TPA Study* pada tahun 2020,
 - a) 49.7% guru yang dicerap masih memerlukan penambahbaikan untuk mencapai tahap kemahiran penyampaian pengajaran yang tinggi. Mereka disediakan dengan perkembangan profesional guru secara berterusan supaya kemahiran penyampaian pengajaran mereka dapat mencapai ke tahap yang lebih tinggi.
 - b) Sehubungan itu, 50.3% guru yang dicerap telah memenuhi kemahiran penyampaian pengajaran yang tinggi. Kumpulan guru ini juga disediakan perkembangan profesional guru untuk mempertingkatkan lagi kemahiran penyampaian pengajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

6. Dari hasil analisis ¹ *BTS-TPA Study* yang terkini, iaitu pada tahun 2022,

a) Peratus guru yang dicerap memenuhi tahap kemahiran penyampaian pengajaran yang tinggi telah meningkat dari 50.3% (2020) kepada 58.1% (2022) (rujuk Jadual 1).

b) Pencapaian ini adalah satu bukti kukuh terhadap keberkesanan program perkembangan profesional yang telah diberikan kepada guru-guru di semua peringkat; sekolah, kluster dan peringkat kementerian terutama oleh Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA).

7. Tidak ketinggalan sokongan padu dan kesungguhan warga sekolah dalam sebarang usaha meningkatkan profesionalisme mereka, Kementerian Pendidikan akan berusaha bagi mencapai sasaran 90% menjelang tahun 2035.

8.

Kemahiran Pengajaran Guru	TAHUN 2020		TAHUN 2021		TAHUN 2022	
	Jumlah Tenaga Pengajar Dicerap	Peratus	Jumlah Tenaga Pengajar Dicerap	Peratus	Jumlah Tenaga Pengajar Dicerap	Peratus
GRED 3 & KE ATAS	289	50.3%	119	49.8%	372	58.1%
GRED 1 & 2	286	49.7%	120	50.2%	268	41.9%
Jumlah Tenaga Pengajar Dicerap	575	100.0%	239	100.0%	640	100.0%

Jadual 1: Pencapaian TPA (Tahun 2020 – 2022)

	¹ <i>BTS-TPA Study</i> dilaksanakan sejak tahun 2020 sebagai satu pendekatan yang lebih sistematik untuk mengenal pasti tahap kemahiran penyampaian pengajaran guru. Anggaran jumlah persampelan 10% daripada jumlah keseluruhan guru dipilih secara rawak menggunakan <i>two-stage stratified sampling design</i> dan sesi pembelajaran dan pengajaran dinilai oleh nazir dari Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah. Kaedah baharu ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai penyampaian pengajaran guru yang berkemahiran tinggi bagi tujuan pelaporan NKPI 1.1.
	<i>Dikemas kini pada 20 Jun 2023</i>
Jawapan	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
Maklumat Terkini	Merujuk kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai peratus tenaga pengajar yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi, berikut diberikan penjelasan mengenai perkara tersebut: 1. Tenaga pengajar yang berkelayakan Salah satu syarat kelayakan untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan ialah mempunyai kelulusan pendidikan sama ada di peringkat: Sijil Perguruan / Pendidikan.; Diploma Pendidikan.; Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.; Sijil Pendidikan Lepas Ijazah (<i>Post Graduate Certificate Education.</i>); Ijazah Sarjana Pendidikan (Master of Education).; Ijazah Sarjana Pengajaran (Master of Teaching).; dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).; (Data keramaian tenaga pengajar mengikut kelulusan seperti di atas boleh dirujuk kepada Jabatan Pengurusan Pendidik) Oleh yang demikian, semua tenaga pengajar yang sedang berkhidmat pada masa ini menepati kelayakan seperti yang tersenarai di atas.

2. Tenaga Pengajar yang berkemahiran tinggi

Tenaga Pengajar yang berkemahiran tinggi adalah berdasarkan pencapaian BTS-TPA tahap gred 3 dan ke atas. Peratus tenaga pengajar yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi iaitu sebanyak 50.3% seperti yang dipersoalkan adalah merupakan laporan data penilaian Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah (JKSS) pada tahun 2020. Mengikut laporan terkini (JKSS), pada tahun 2022 terdapat kenaikan peratus tenaga pengajar yang mencapai tahap gred 3 dan ke atas iaitu kepada 58.1%. Walau bagaimanapun, laporan ini adalah berdasarkan 10% daripada jumlah keseluruhan tenaga pengajar yang dipilih secara rawak dan tidak memperlihatkan kemahiran tenaga pengajar secara keseluruhan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam memastikan tenaga pengajar mencapai kemahiran tinggi, berikut adalah inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di peringkat kementerian, kluster dan sekolah:

i. *Literacy Numeracy Coaching Programme* (LNCP)

- Penekanan *Teaching for Mastery* (TfM) dalam pengajaran terutama bagi tenaga pengajar Bahasa Inggeris dan Matematik yang juga dilaratkan kepada tenaga pengajar mata pelajaran yang lain.
- Pelaksanaan 8 *week PD cycle* oleh *senior coaches* dan *coaches* di sekolah-sekolah bagi tenaga pengajar yang memerlukan.

ii. Aktiviti perkembangan profesional secara berterusan yang dikendalikan oleh *Brunei Darussalam Leadership Teacher Academy* (BDLTA), *Subject-Based Committee* (SBC), kluster dan dalaman sekolah.

	iii. Pencerapan dari JKSS dan latihan bagi <i>School Based Moderator</i> (SBM) dalam memastikan kualiti pencerapan di semua sekolah menggunakan BTS-TPA 2.0 adalah menepati piawaian yang ditetapkan. iv. Penggunaan <i>Teachers Competency</i> dalam membantu tenaga pengajar meningkatkan kemahiran. v. Pencerapan berterusan oleh pemimpin sekolah Penggunaan <i>Teaching Performance Development Plan</i> (TPDP) untuk mengenal pasti ruang dan peluang penambahbaikan tenaga pengajar secara individu untuk sokongan perkembangan profesional yang diperlukan. vi. Bimbingan, sokongan dan pemantauan dari pihak kluster.
--	--

Tarikh / Sesi	Hari Isnin, 20hb. Sya'aban 1444H/ 13hb. Mac 2023M (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang (2023), Perbekalan 2023/2024, Kementerian Pendidikan
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
Isu / Cadangan	Soalan seterusnya, apakah peranan Sultan Hassanul Bolkhiah Institute of Education (SHBIE) dalam melahirkan guru-guru yang berkemahiran, sejauh mana program yang ditawarkan di SHBIE menepati keperluan pendidikan di negara ini di pelbagai peringkat.
Jawapan	SHBIE, UBD
Maklumat Terkini	Bagi memastikan program yang ditawarkan di SHBIE kekal relevan, SHBIE adalah sedang menyemak semula program <i>Master of Teaching (MTeach)</i> untuk mengemas kini mengikut keperluan dan memastikan ia memenuhi keperluan pendidikan negara. Program pendidikan peringkat sarjana <i>MTeach</i> menerapkan <i>triple-helix</i> iaitu kerjasama antara Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah, dalam usaha menghasilkan dan membangun generasi guru yang berkualiti. Dalam program <i>MTeach</i>, bakal guru ditempatkan di sekolah-sekolah melalui <i>Professional Practice</i> dengan bimbingan <i>Clinical Specialist</i> yang terdiri dari tenaga akademik di SHBIE, mentor dan juga guru-guru berpengalaman di sekolah. Penilaian dari segi latihan mengajar juga akan dilaksanakan mengikut kriteria yang berdasarkan <i>Brunei Teaching Standards (BTS)</i>. Di samping itu, seminar juga diadakan untuk membangunkan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran.
Status Pelaksanaan	Dilaksanakan.

Tarikh / Sesi	Hari Rabu, 2 2hb. Sya'aban 1444H/ 15hb. Mac 2023M (Sesi Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
Isu / Cadangan	Kaola ingin mencadangkan dan pernah dicadangkan beberapa inisiatif baru termasuk industri bertema berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan <i>medical tourist industry</i> mengisi kekosongan atau menaikkan <i>authorisation</i> pusat <i>the specialist center</i> tanpa menjejaskan servis untuk orang tempatan. Berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan, (institusi swasta) mempromosi Brunei sebagai destinasi pembelajaran yang mempamerkan kekuatan institusi kekeluargaan (<i>family values</i>) dalam Islam, kolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bersama Brunei Olympic Council dan agensi-agensi sukan dan negeri untuk mempromosikan negara sebagai destinasi sukan di peringkat antarabangsa dan di peringkat regional lebih-lebih lagi di peringkat <i>youth sports development</i>. Banyak-banyak peluang untuk menjadi tuan rumah sukan antarabangsa seperti sukan di universiti, <i>youth sports including football</i> dan seumpamanya.
Jawapan	UNISSA
Maklumat Terkini	Ciri-ciri <i>family values</i> adalah secara menyeluruh boleh didapati di dalam asas setiap program di UNISSA yang menjadikan <i>Maqasid Syariah</i> (termasuk menjaga kekeluargaan/keturunan) sebagai tunggak utama dalam objektif pembelajaran yang komprehensif. Ini antara lain boleh menjadikan UNISSA sebagai universiti pilihan utama pelajar dari luar negara bagi program-program ditawarkan kerana mempunyai kelainan dari universiti-universiti lain yang juga menawarkan program-program yang sama. Contohnya: a) Pusat Penyelidikan Halalan Thaiyyiban menawarkan satu modul yang berkaitan dengan bidang pelancongan iaitu

HS3319: *Halal Tourism*. Secara amnya modul ini, memberikan pengetahuan tentang industri pelancongan halal secara umum yang mencakup penerapan nilai Islam dari pelbagai sektor khususnya sektor makanan halal, perkhidmatan yang disediakan, pakej pelancongan termasuk pengetahuan tentang potensi dan cabaran Industri Pelancongan. Selain daripada itu, pelajar juga dilibatkan dengan aktiviti membangunkan industri pelancongan halal di Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya modul ini dijangka akan dapat memberikan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang usaha-usaha mempromosikan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

- b) Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam juga turut menerapkan pembelajaran mengenai hal ehwal Industri Pelancongan, perubahan dan sukan yang mana sangat berhubung kait dengan perniagaan (*business management*), kewangan (*finance*) dan ekonomi (*economics*). Setiap satu program di bawah fakulti, memberikan pendedahan mengenai pentingnya Brunei Darussalam to be *self sufficient dan non-dependant*, untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada sektor minyak dan gas. Ini antara lain membuka ruang kepada perspektif sektor lain yang telah disebutkan seperti pelancongan, pendidikan dan juga sukan. Program *Bachelor in Business Management* secara menyeluruh memberikan asas penting bagi memberikan pelajar kekuatan dan daya tahan persaingan dalam bidang perniagaan. *Bachelor of Science in Islamic Finance*, antara lain memberikan kekuatan dari segi pengetahuan dan kemampuan pelajar untuk menjalankan sektor berkaitan melalui saluran yang patuh Syariah. Manakala *Bachelor of Islamic Economics* akan dapat memberi kekuatan kepada pelajar untuk melihat dari segi impak dan kesan industri pelancongan, sukan, pendidikan dan banyak lagi kepada ekonomi Brunei Darussalam. Setiap satu dari program tersebut mempunyai objektif tersendiri dan mempunyai peri penting yang relevan sebelum dapat berkecimpung dalam sektor apa sekalipun.

	c) Salah satu fokus penyelidikan Fakulti Pertanian adalah perubahan herba yang boleh dijadikan sebagai '<i>interest point</i>' dalam bidang <i>medical tourist industry</i>. Kepentingan agrotourism juga dikenalpasti mempunyai potensi besar dalam industri pertanian dan pelancongan terutama sekali dengan peningkatan <i>eco-tourism</i> sebagai segmen baharu dalam industri pelancongan. Perbincangan dan jalinan kerjasama sedang dilaksanakan bersama petani-petani di sekitar Kampus Sinaut, UNISSA dan agensi-agensi yang relevan dan bersesuaian. Sebagai pelan jangka panjang, kampus tetap Temburong, amatlah sesuai untuk merealisasikan <i>konsep agro farm</i> yang boleh dijadikan sebagai tempat pelancongan bagi <i>agro tourism</i>.
Status Pelaksanaan	Masih berjalan dan ada pula masih dalam perancangan
Jawapan	POLITEKNIK BRUNEI
Maklumat Terkini	Penerapan <i>family values</i> ada disentuh di dalam modul Pendidikan Islam di dalam tajuk Fiqhul Usrah sepertimana yang dipersetujui oleh panel-panel <i>External Review Committee</i> (ERC) yang terdiri daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB); Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga; dan Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memberikan pendedahan tentang beberapa isu-isu yang berbangkit seperti keganasan rumahtangga, asas pembinaan keluarga dalam Islam dan pendedahan mengenai beberapa enakmen dan undang-undang yang mengawal tentang isu keganasan rumahtangga.
Status Pelaksanaan	Penerapan <i>family values</i> di dalam modul Fiqhul Usrah telah dilaksanakan sejak tahun 2018.

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 28hb. Sya'aban 1444H/ 21hb. Mac 2023 (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
Isu / Cadangan	Sistem Kebajikan Negara (SKN) iaitu Skim Bantuan Pendidikan bagi anak-anak yatim dan anak-anak keluarga daif. Terdapat kelambatan di dalam proses penyerahan bantuan kepada yang memerlukan. Kaola difahamkan bahawa isu kelambatan ini terjadi apabila urusannya Skim Bantuan Pendidikan ini diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan sehingga isu kelambatan ini menjejaskan persiapan persekolahan anak-anak berkenaan. Selain daripada itu, juga ditimbulkan isu bebanan yang ditanggungkan oleh pihak sekolah di dalam membantu para ibu bapa membuat permohonan melalui SKN dengan kapasiti yang terhad juga menyumbang kepada isu kelambatan ini.
Maklum Balas YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) yang sebelumnya dikenali sebagai bantuan Skim Miftaahun Najaah di bawah kendalian Kementerian Pendidikan mula menggunakan SKN dan, satu jawatankuasa menilai permohonan BKPT yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah pada bulan Julai 2022.
Jawapan	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
Maklumat Terkini	Berhubung dengan isu yang dikemukakan, sukacita dijelaskan seperti berikut:

	1. Penerima BKPT 2023 yang telah diluluskan dalam SKN tetapi belum menerima Kupon BKPT.
	Pihak JSS telah selesai menyemak pada 12 April 2023 senarai pelajar yang belum menerima Kupon BKPT kerana nama-nama mereka tidak tersenarai semasa Fasa 1, 2 dan 3 pengagihan kupon. Senarai diserahkan kepada JSS pada 10 April 2023 oleh pihak Yayasan SHHB. 2. Proses kemasukan data penerima BKPT 2022 yang tercicir ke SKN. Pihak JSS sedang dalam proses penyemakan pelajar BKPT 2022 tercicir yang tidak memohon BKPT 2023 melalui laman sesawang SKN. Perkara ini melibatkan agensi-agensi berkaitan untuk melaksanakan tindakan masing-masing sebagaimana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat bersama SKN Task Force pada 12 April 2023. 3. Permohonan BKPT sesi 2024 akan dibuka bermula 1 Mei 2023. Permohonan ini dibuka lebih awal bagi memberikan masa yang mencukupi bagi ibu bapa/penjaga memohon dan semua agensi dapat melaksanakan proses kerja mengikut TPOR masing-masing.
	Status pelaksanaan bagi BKPT (SKN) 1. Telah diluluskan dan menunggu pengagihan dari pihak Yayasan SHHB. 2. Masih dalam proses penyemakan dan pengesahan oleh JSS dan MORA. 3. Permohonan telah dibuka mulai 1 Mei 2023. Sebagai rujukan:

 *Task Force, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Hasil Perbincangan Mengenai Pelajar-Pelajar Yang Tercicir BKPT
12 April 2023 jam 9.00 pagi
Aplikasi Zoom

Tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi:

Bil.	Perkara	Tindakan
1	- Menyiapkan penyemakan pelajar yang tercicir untuk diserahkan kepada MoE dan JPI; - Mengemaskini poster mengikut maklumbalas daripada agensi-agensi - Mengongsikan poster yang terkini melalui e-mel dan <i>group chat</i> Holistik.	YSHHB
2	Poster terkini yang telah dikongsikan oleh pihak YSHHB nanti untuk disahkan oleh pihak-pihak atasan.	KKBS, MoE, & JPI
3	Menyediakan senarai nama Pekerja Data Entry untuk dihadapkan kepada <i>Task Force</i> SKN bagi pemberian <i>access role</i>	MoE, JAPEM, & YSHHB
4	Mengadakan <i>Training</i> bagi membantu Pekerja Data Entry untuk memasukkan data melalui <i>Back Office</i> (BO)	JAPEM
5	Merangka borang manual	MoE & JPI Disemak oleh DYMK
6	Surat pemberigaa BKPT kepada agensi-agensi	KKBS

Disediakan oleh: *Task Force* 
Tarikh dikemaskini: 12 April 2023

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 28 Sya'aban 1444H/ 21hb Mac 2023 (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Usul dibawaikan oleh	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
Isu / Cadangan	Cadangan kaola kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga kementerian yang lain, seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai padang bola yang kurang terurus dan terjaga untuk menawarkannya kepada kelab-kelab ini untuk memajukan secara komersial, mengurus dan menjalankan operasi padang berkenaan di samping ia boleh menjadi <i>training ground</i> pemain-pemain kelab berkenaan. Kaola percaya dengan peluang ini, ia akan dapat membantu kelab-kelab ini untuk mengembang luaskan lagi arena bola sepak negara serba sedikit menjana ekonomi negara dan yang tidak kurang pentingnya juga, dapat menawarkan pekerjaan dan pendapatan kepada pemain-pemainnya.
Jawapan	JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN (UNIT PEMELIHARAAN PADANG DAN KAWASAN)
Maklumat Terkini	Merujuk kepada isu yang dibangkitkan berhubung dengan kegunaan kemudahan padang sekolah adalah diberi keutamaan untuk pelajar-pelajar di sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, jika terdapat pihak-pihak yang ingin menggunakan kemudahan di sekolah, pihak-pihak berkenaan bolehlah menghubungi sekolah-sekolah yang berkenaan dengan dikenakan bayaran-bayaran yang tertentu.

Tarikh / Sesi	Hari Selasa, 28 Sya'aban 1444H/ 21hb Mac 2023 (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:
Isu / Cadangan	Ke arah merealisasikan sasaran negara sebagai <i>Connected Smart Nation</i> ia memerlukan rakyatnya mempunyai pengetahuan dan celik digital. Kemahiran digital ini bukan saja perlu diterapkan kepada kalangan penuntut-penuntut sekolah, belia-belia, <i>working population</i> sahaja, malahan sepatutnya juga dilaratkan kepada semua peringkat rakyat termasuk golongan warga emas. Sebagaimana yang kita sedia maklum kebanyakan warga emas ini adalah masih kurang mahir dalam penggunaan teknologi digital. Adakah cadangan kementerian untuk memperluaskan inisiatif pendidikan digital kepada warga emas bukan saja di pusat-pusat warga emas malahan di tempat-tempat khas misalannya kelas-kelas khusus secara menyeluruh? CADANGAN: Perkara ini akan dapat diteliti <i>viability</i>nya dan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi yang berkepentingan bagi kemungkinan untuk <i>spearhead</i> perkara ini sebagai aktiviti memperkasa kapasiti warga emas. Sasaran pertama yang kaola ketengahkan ialah golongan warga emas yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ini ialah bagi memudahkan mereka memasarkan produk-produk mereka secara <i>online</i>. Perkara ini kaola bangkitkan kerana menurut maklum balas yang diterima bahawa semasa COVID-19 sebilangan bisnes warga emas ini telah terjejas dan ada yang terpaksa ditutup disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk memasarkan produk-produk mereka secara <i>online</i> seperti yang dilakukan oleh peniaga-peniaga belia yang menggunakan <i>Facebook</i>, <i>Instagram</i>, <i>WhatsApp</i> dan banyak lagi <i>apps</i> yang lain. Dengan pengetahuan

	ini, sekurang-kurangnya ia akan meningkatkan pendapatan mereka secara berterusan إِنْ شَاءَ اللَّهُ.
Maklum Balas YB Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan	Orang Kurang Upaya (OKU). Seperti cadangan Yang Berhormat tadi itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sedang dalam perancangan untuk mendirikan satu Pusat Orang Kurang Upaya (OKU) yang di bawah satu bumbung untuk dapat menempatkan program-program kemahiran bagi memastikan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) akan mendapat kemahiran yang sejajar dengan keperluan sektor-sektor dan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor ekonomi di negara ini. Memang keluhan-keluhan itu sering didengar oleh kementerian ini yang mana para ibu bapa ingin melihat anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) berdiri di atas kaki sendiri, mendapat sumber-sumber pendapatan yang membolehkan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) untuk berkeluarga dan beranak-pinak, menyara keluarga masing-masing tanpa bergantung kepada ibu bapanya ataupun mana-mana pihak. Perkara ini adalah merupakan satu cabaran kerana Orang Kurang Upaya (OKU) keperluannya berbeza-beza tertakluk kepada keperluan-keperluan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) masing-masing. Adalah diharapkan dengan adanya Pusat Orang Kurang Upaya (OKU) ini nanti program-program kemahiran akan dapat dikendalikan dan ditawarkan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU). Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga bekerjasama rapat dengan pihak MPEC untuk cuba memberi peluang bagi anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) peluang-peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan oleh syarikat-syarikat. Baru-baru ini satu job fair yang dapat kita lihat peningkatan dari syarikat-syarikat yang menawarkan pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU).

	Seperti Yang Berhormat timbulkan tadi pekerjaan itu adalah terhad kepada <i>back office</i> dan ia tertakluk kepada setiap anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) itu apa keperluannya dan
	keupayaannya yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Kita berharap di masa akan datang lebih ramai lagi syarikat-syarikat yang akan dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU).
Jawapan	PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
Maklumat Terkini	Merujuk kepada cadangan agar Kementerian Pendidikan memperluaskan inisiatif pendidikan digital kepada warga emas, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) akan mengadakan <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) dengan berkolaborasi bersama Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) dan Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) bagi membantu warga emas ke arah Celik Digital secara konsisten. Program berkaitan iaitu Latihan Kemahiran Digital Program yang direka khas bagi warga emas yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Program ini diadakan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) seperti di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan. Bagi warga emas Daerah Tutong akan diadakan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong. Program diadakan selama tiga hari setiap dua bulan sekali dengan kerjasama daripada sektor-sektor kerajaan dan swasta dengan pembentangan dan demonstrasi praktikal dijalankan oleh para pelatih dan pemudah cara dari Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan serta perwakilan dari syarikat-syarikat e-perdagangan seperti Naindah.com dan Rotuku.com. Program berkenaan meliputi pelbagai topik termasuk kemahiran asas ICT, penggunaan komunikasi <i>Whatsapp</i>, <i>Instagram</i>, <i>Tiktok</i>, strategi pemasaran di dalam <i>Facebook</i> dan <i>Instagram</i>, Teknik mengambil gambar untuk <i>marketing Instagram</i>, mengetahui keselamatan dan sekuriti dalam talian, pengenalan kepada e-perdagangan dan peluang-peluangnya, aplikasi-aplikasi mudah alih yang berguna, membeli-belah dalam talian serta transaksi dalam talian.

Status Perlaksanaan	Masih dalam perancangan.
--------------------------------	--------------------------

Tarikh / Sesi	Hari Rabu, 29hb. Sya'aban 1444H/ 22hb. Mac 2023M (Petang)
Dibangkitkan Semasa	Perbincangan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024, Kementerian Kesihatan
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
Isu / Cadangan	Kaola mencadangkan pihak Kementerian Kesihatan untuk berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan dengan menawarkan program-program Sarjana Muda ataupun Master dalam bidang kerja sosial di pelbagai jurusan atau bidang di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.
Maklum Balas YB Menteri Kesihatan	Mengenai <i>social work</i>. <i>Social work</i> ini memang diperlukan ialah yang menilai pesakit dan keluarganya dan keadaan sekeliling rumahnya dari segi kesesuaian ataupun keselamatan bagi pesakit untuk balik ke rumah serta keselamatan juga bagi penjaganya. Mereka juga menilai kemampuan seseorang itu dalam menjaga misalan penyediaan lampin pakai buang untuk orang dewasa ataupun permakanan khas macam ada susu khas untuk dibelikan ini, maka mereka yang membuat penilaian sama ada perlu bantuan daripada pihak-pihak tertentu ataupun dana dari hospital dan sebagainya. Kementerian Kesihatan pun <i>over the years now</i>, masa ini <i>Medical Social Worker</i>, kalau tidak silap dalam 20 lebih orang sudah, <i>thats quite a lot</i> tapi itu seluruh negara. Kalau dipecah-pecah daerah, sedikit juga masih. Tetapi dari 2-3 orang, now 20 lebih orang, dari Pantai Jerudong <i>Specialist Centre</i> pun ada sudah <i>Medical Social Worker</i> juga, kalau kaola tidak silap 3-5 orang. Mereka ini sama-sama menampung apa jua keperluan masyarakat dan itu dari segi kesihatan. الْحَمْدُ لِلَّهِ, rakan kaola di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pun daripada seorang sekarang sudah mempunyai 12 orang <i>social</i>

	<i>worker</i> . Itu dari welfare benar-benar. Maka kerajaan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , from nothing, we building it tapi <i>takes time</i> and saranan Yang Berhormat
	mungkin tiba masanya 'kitani' berunding dengan Kementerian Pendidikan (MOE) mengenai persediaan untuk <i>Medical Social Worker</i> adalah satu saranan yang baik. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan.
Tindakan Jabatan	UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UBD)
Maklumat Terkini	Program yang berkaitan bidang pekerja <i>medical social</i> ini belum ada ditawarkan di UBD. Walau bagaimanapun, elemen <i>social care</i> turut disepadukan dalam kebanyakan modul yang ditawarkan di Institut Sains Kesihatan, seperti program kejururawatan, perubatan, perbidanan dan seumpamanya. <i>Multidisciplinary Team</i> (MDT) turut dijemput untuk memberi kuliah dan juga mengadakan perbincangan bersama para pelajar. MDT ini bukan sahaja terdiri daripada pakar perubatan, malah juga pekerja sosial (<i>social worker</i>). Para pelajar berpeluang untuk memahami setiap peranan MDT dan mempelajari bagaimana kerjasama boleh dilaksanakan dalam menyediakan penjagaan yang holistik kepada pesakit. Sewaktu <i>clinical attachment</i> juga, para pelajar berpeluang merasai pengalaman bekerja dengan pekerja sosial dalam hal penjagaan dan mengendalikan keperluan para pesakit.
Jawapan	POLITEKNIK BRUNEI
Maklumat Terkini	Perancangan SHS untuk berkolaborasi dengan pihak Kementerian Kesihatan bagi menawarkan program Tahap 5 Diploma dalam bidang kerja sosial setakat ini belum ada.

Tarikh / Sesi	Hari Sabtu, 3hb. Ramadhan 1444H/ 25hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbahasan di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan 2021/2022, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Usul dibawakan oleh	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
Isu / Cadangan	Mengenai ICT Teknologi yang sedang rancang di pusatan. Koala mahu pencerahan sejauh mana pendigitalan ICT teknologi ini dapat dibudayakan hidup baru. Sebagai cara hidup baru di tempat kerja, di sekolah-sekolah, rumah-rumah. Sejauh manakah penentrasi menyerap teknologi dalam kehidupan kita. Walaupun seperti yang dimaklumkan oleh YB MTIC dari segi celik ICT dalam bajet itu. Sejauh manakah penduduk kita mesra dengan ICT teknologi untuk dimanfaatkan sepenuhnya. Kaola berpendapat jika dimulakan generasi yang baharu yang bersedia menjadikan ICT sebagai cara kehidupan yang baharu. Ini seharusnya bermula di sekolah-sekolah institusi pendidikan. Buat masa ini di setiap kementerian tidak asing lagi dengan teknologi ICT dan pendigitalan ini. Kita belum lagi memakainya secara penuh. Diharap IT akan menjadi subjek teras di sekolah-sekolah setiap pelajar akan mahir IT apabila tamat pengajian nanti. Di samping itu harga sebuah Komputer dan laptop dan alat-alat adalah harga yang mampu dimiliki oleh setiap pelajar untuk memperbudayakan penggunaannya.
Jawapan	JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM
Maklumat Terkini	Dalam mendokong usaha YB MTIC, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan usaha-usaha berkaitan dengan ICT seperti berikut: 1. <u>ICT di peringkat sekolah</u> ICT merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan kepada murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 apabila SPN21 mula diperkenalkan pada tahun 2009. Manakala di peringkat menengah, elemen ICT diserapkan dalam mata pelajaran

Business, Art and Technology (BAT) bagi pelajar-pelajar Tahun 7 dan Tahun 8. Di peringkat Tahun 9 hingga Tahun 10, ICT ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan di peringkat O-Level dan IGCSE.

ICT juga termasuk dalam kemahiran STEAM. Kepentingan memperluaskan kemahiran STEAM melalui pendidikan telah ditekankan di dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun 2023. Dalam hal ini, pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk menyerapkan bidang pembelajaran Sains, Matematik dan Seni & Teknologi ke dalam bidang kemahiran STEAM. Oleh yang demikian, mata-mata pelajaran yang berkaitan dengan Sains (*Science-related subjects*), Matematik (*Mathematics-related subjects*) dan Seni & Teknologi (*Art & Technology-related subjects*) dicadangkan untuk dinaik taraf kepada mata-mata pelajaran teras (*core subjects*).

2. Standard Literasi Digital

Jabatan Perkembangan Kurikulum pada masa ini sedang giat dalam usaha mendapatkan konsultan bagi pembinaan *Standard Literasi Digital* untuk meningkatkan kemahiran digital pelajar dengan *trend teknologi* masa kini. Standard ini adalah sebagai rujukan dalam merebiu kurikulum ICT dan mengukur kompetensi pelajar dalam literasi Digital.

3. Framework & Buku Panduan Digital Citizenship

Pembinaan framework & buku panduan *Digital Citizenship* sedang dalam pelaksanaan dan dirancang untuk digunakan di sekolah-sekolah pada tahun 2024. *Framework* ini memfokus kepada tingkah laku para pengguna.

Jabatan Perkembangan Kurikulum juga berkolaborasi dengan pihak AITI dalam melaksanakan projek rintis *Coding with Smart Devices for schools 2023* yang bertujuan untuk mempelbagai penggunaan *basic coding* di sekolah rendah dan menengah.

	Di samping itu, jabatan ini sedang merancang untuk merintiskan Kemahiran Teknologi 3D <i>Design & Printing</i> kepada beberapa buah sekolah menengah.
Jawapan	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
Maklumat Terkini	Dari segi penyediaan komputer di sekolah-sekolah iaitu bagi mendukung pengajaran dan pembelajaran secara digital, Kementerian Pendidikan pada masa ini sedang giat melaksanakan proses penggantian komputer di sekolah-sekolah, sejajar dengan keperluan dan kemajuan teknologi terkini. Dalam hal ini, ianya juga melibatkan pengantian <i>Desktop PC</i> kepada komputer riba, agar pengajaran dan pembelajaran secara digital tidak lagi terhad di dalam makmal-makmal ICT.
Status Perlaksanaan	Setakat April 2023, 39% komputer riba baru telah dibekalkan di sekolah-sekolah dan selebihnya dijangka akan dapat dibekalkan pada tahun ini.
Tindakan Jabatan	PUSAT TEKNOLOGI PENDIDIKAN
Maklumat Terkini	Mengenai dengan cadangan menjadikan mata pelajaran ICT menjadi mata pelajaran teras di sekolah-sekolah memerlukan satu kajian yang menyeluruh oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Perkembangan Kurikulum. Kedua-dua jabatan ini bertanggungjawab dalam membuat penilaian kesesuaian mata pelajaran ICT untuk dijadikan salah satu lagi mata pelajaran teras. Dari aspek meningkatkan kemahiran penggunaan ICT dikalangan penuntut-penuntut pula, pihak Kementerian Pendidikan melalui Pusat Teknologi Pendidikan (<i>EdTech</i>) sedang mengemas kini dan seterusnya menyelaraskan semua inisiatif-inisiatif sedang dan akan dilaksanakan. Penyelarasan ini adalah bertujuan bagi memastikan semua usaha dan pelaburan ke arah peningkatan kemahiran ini akan dapat memberikan impak yang positif kepada penuntut-penuntut. Dalam era revolusi industri yang keempat (4) ini,

	Kementerian Pendidikan bukan sahaja menumpukan kepada meningkatkan kemahiran penuntut-penuntut dalam bidang ICT, bahkan ianya telah diperluaskan kemahiran penuntut-penuntut ini dalam bidang STEAM – <i>Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics</i>. Dan semua kemahiran STEAM ini akan sentiasa diserapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam memastikan proses meningkatkan kemahiran-kemahiran ini berjalan lancar, kementerian juga telah berusaha memberikan kemudahan yang secukupnya ke sekolah-sekolah secara berfasa dan berterusan seperti sambungan <i>internet</i> yang baik, penyediaan peralatan-peralatan dan perisian (<i>software</i>) dan melengkapi para tenaga pengajar dengan pengetahuan dan latihan yang bersesuaian.
Status Perlaksanaan	Antara projek/inisiatif di bawah Pusat <i>EdTech</i>:- a. <i>Smart Education</i>: Melibatkan inisiatif seperti penyediaan <i>Learning Management System, Digital Classroom, Blended Learning</i> dan <i>Smart Classroom</i> – ‘on-going’ b. <i>E- Resources</i>: Penyediaan platform bagi bahan-bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran di bawah sub inisiatif MOE TV (<i>tv.moe.gov.bn</i>) dan <i>Digital Resources Management System</i> (<i>sumber.moe.gov.bn</i>) – ‘siap’ c. <i>Digital Pedagogy</i>: Penyediaan konsultasi dalam meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran – ‘on-going’

Tarikh / Sesi	Hari Isnin, 5hb. Ramadhan 1444H/ 27hb. Mac 2023M (Pagi)
Dibangkitkan Semasa	Perbincangan Tajuk Belanjawan Kemajuan: Rancangan Kemajuan Negara
Usul dibawa oleh	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
Isu / Cadangan	Ada beberapa projek yang kaola mohon pencerahan seperti dalam Kementerian Pendidikan Kod/Akaun 1105-022 - Kampus Kekal Politeknik di Ikas Bandung. Ikas Bandung ini, adakah ia di Ikas Bandung di Brunei atau Ikas Bandung di Indonesia dengan \$400 ribu.
Maklum Balas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri & Menteri Kewangan dan Ekonomi II	Mengenai Ikas, Bandung itu terletak di Daerah Tutong dekat Lugu, Katimabar. Sekitar kawasan di sana.
Jawapan	JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET
Maklumat Terkini	Status terkini pelaksanaan projek kampus kekal Politeknik Brunei masih dalam peringkat penyelarasan tapak. Tapak cadangan asal adalah di Ikas Bandung. Berdasarkan lawatan ke tapak ke Ikas Bandung pada 24 November 2022, pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan (Jabatan Jalan Raya, JKR) berpandangan bahawa lokasi tapak ini adalah kurang sesuai kerana <i>accessibility</i> ke tapak adalah agak jauh dari jalan utama, iaitu dianggarkan sejauh 1.5 kilometer. Sementara itu, jumlah harga anggaran pembinaan jalan akses dari lebuh raya (<i>interchange</i>), menurut pihak Jabatan Jalan Raya (JKR) adalah dalam anggaran BND\$3 juta. Disamping itu juga terdapat bangunan industri berdekatan dengan tapak di Ikas Bandung tersebut.

	Berdasarkan kepada dapatan dari lawatan tersebut, dan mesyuarat pihak Kementerian Pendidikan Bersama Yang Mulia Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa, telah mencadangkan tapak baru, iaitu, di Kg Madaras. Lawatan ke tapak tersebut telah diadakan pada 27 Februari 2023, iaitu pihak Kementerian Pendidikan (diwakili oleh Jabatan Perancangan & Pengurusan Estet, Universiti Teknologi Brunei, dan Politeknik Brunei) dan Kementerian Pembangunan (diwakili Jabatan Perancang Bandar & Desa, Jabatan Jalan Raya JKR, dan Jabatan Perkhidmatan Teknikal JKR). Semasa lawatan tersebut, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa memaklumkan akan memberikan dua (2) pilihan bentuk baru tapak di Kampung Madaras tersebut termasuk keluasan. Pihak JPPE telah membuat susulan mengenainya ke jabatan berkenaan melalui memorandum bertarikh 22 Mac 2023. Perbincangan lanjut akan diadakan bersama pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Teknikal JKR dan Politeknik Brunei pada 20 April ini, bagi membincangkan lagi dengan lanjut pindaan kepada bentuk tapak tersebut dengan mengambil kira <i>existing services</i> di persekitaran tapak tersebut sebelum dipersetujui untuk tindakan lanjut. Setelah bentuk tapak di Kampung Madaras tersebut ditetapkan, pihak Jabatan Perkhidmatan Teknikal JKR akan menyediakan pelan induk Politeknik Brunei, termasuk harga anggaran. Dengan adanya maklumat ini, maka ianya akan membolehkan perbandingan dibuat di antara tapak Ikas Bandung dan Kampung Madaras dan seterusnya memudahkan cara penetapan tapak untuk proses pengwartaan.
Status Perlaksanaan	Peringkat penyelarasan tapak.

